

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

**DASAR PERTAHANAN NEGARA MALAYSIA :
ANALISIS KE ATAS PRINSIP PERTAHANAN
*SELF-RELIANCE***

MOHAMAD FAISOL KELING

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
FEBRUARI 2016**

**DASAR PERTAHANAN NEGARA MALAYSIA :
ANALISIS KE ATAS PRINSIP PERTAHANAN
*SELF-RELIANCE***

**MOHAMAD FAISOL KELING
93794**

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai memenuhi Syarat Penganugerahan
Ijazah Doktor Falsafah

**KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN
DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

FEBRUARI 2016

PERAKUAN TANGGUNGJAWAB (*DISCLAIMER*)

Saya dengan ini mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen, teknikal, laporan fakta, data dan jadual yang diutarakan dalam kajian ini. Saya bertanggungjawab sepenuhnya bahawa kajian yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, maklumat teknikal, fakta lain terhadap tuntutan dan hak keempunyaan. Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber-sumbernya.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama : **MOHAMAD FAISOL KELING**

No.Matrik : **93794**

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Tesis ini dikemukakan sebaga memenuhi syarat pengijazahan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Utara Malaysia. dengan ini saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran Penyelia tesis atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke a atas tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mana-mana bahan dalam tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada :

Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah)
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Pembangunan Dasar Pertahanan Negara (DPN) semenjak tahun 1957 telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam dan luaran negara. DPN telah menggariskan tiga komponen utama dalam dasar pertahanan iaitu kepentingan negara dan kawasan strategik, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Dasar pertahanan adalah sesuatu keperluan kepada sesebuah negara untuk memastikan kestabilan, keamanan, keselamatan dan kelangsungan hidup sesebuah negara. Semenjak tahun 1970 Malaysia telah melaksanakan pembangunan prinsip pertahanan berdikari yang mengandungi enam komponen utama iaitu membentuk bentuk pertahanan yang kukuh, strategi pertahanan, lojistik pertahanan, industri pertahanan dan Revolusi Hal Ehwal Ketenteraan. Pelaksanaan prinsip pertahanan yang dibangunkan oleh Malaysia telah menimbulkan persoalan apabila munculnya isu dan kes yang melibatkan aset, kredibiliti, pengurusan dan sebagainya yang membabitkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pengamalan prinsip pertahanan berdikari ini telah menimbulkan pelbagai persoalan mengenai kemampuan dan keupayaan pertahanan berdikari ini dapat dicapai dan apakah masalah yang dihadapi oleh ATM serta kesan permasalahan ini ke atas prinsip pertahanan berdikari. Bagi memastikan persoalan ini dijawab, kajian ini telah menggunakan teori Realisme sebagai asas dalam mengenalpasti dan menganalisa kajian. Selain itu, kerangka kajian telah menggunakan model pelaksanaan pertahanan berdikari yang diamalkan Korea Selatan, Australia dan Singapura untuk dijadikan asas bagi menganalisa prinsip pertahanan yang diamalkan Malaysia. Bagi memastikan kajian ini mempunyai data dan maklumat yang tepat, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif yang membabitkan kaedah penyegitigaan untuk pengumpulan data primer dan sekunder serta menggunakan kaedah temubual dengan Menteri Pertahanan, pegawai-pegawai kanan ATM dan awam untuk mendapatkan data kajian. Berdasarkan kajian yang dijalankan ia mendapati pelaksanaan prinsip pertahanan berdikari yang diamalkan oleh kerajaan dan ATM adalah lemah dan tidak mampu mencapai tahap berdikari dalam pertahanan negara. Ini kerana setiap komponen dalam prinsip pertahanan berdikari adalah saling berkait rapat antara satu sama lain dan telah menghadapi pelbagai masalah yang memberikan kesan langsung kepada pertahanan negara. Justeru dalam memastikan objektif membangunkan prinsip pertahanan yang berkesan, kajian ini telah memberikan cadangan penambahbaikan iaitu memperkukuhkan komponen pertahanan berdikari dan merombak struktur DPN agar ia membolehkan Malaysia berdikari dalam mempertahankan keselamatan dan pertahanan negara.

Kata Kunci: Realisme, Prinsip Pertahanan Berdikari, Dasar Pertahanan Negara, Malaysia

ABSTRACT

The development of The National Defence Policy (NDP) since 1957 has been influenced by various factors whether internal or exterior factors of the country's domestic affairs. Malaysia's defence policy has three main components which are the nation's essential and strategic area, defensive principle and national defence concept. The NDP ensures the country's stability, peacefulness, safety, and survival. Since 1970, Malaysia has carried out the self-reliance principals which consist of six main components. The components are developing the firm defence posture, defensive strategy, defensive source, defensive logistic, defensive industry and revolution of military affairs. The implementation of defensive principals was questioned as few issues and cases regarding asset and management ability involving the Malaysian Armed Forces (MAF) surfaced. The practice of self-reliance principal arouses issues particularly on the ability to attain the self-reliance principle, problems faced by MAF, and the effects of the practice of self-reliance principals. In order to clarify the issues, a research had been carried out by applying the realism theory in identifying and analyzing the research. Moreover, the research also referring to the implementation and defensive self-reliance model that was practiced by three countries which are South Korea, Australia, and Singapore as the indication to analyze the self-reliance principals as practiced by Malaysia. To ensure the accuracy of the data and information, the research applied the qualitative method which consists of triangulation method to gather the primary and secondary data. Interviews with the Defence Minister and the senior military officers were also carried out in gathering the information. The findings show that the practice of self-reliance principals as carried out by MAF is frail and unable to achieve the independence level of the national defence. It is because each component in the self-reliance principle is closely related and had faced various problems that effect directly to the country's defence. Therefore, in order to make sure the effectiveness of developing the defensive principle, this research had proposed few suggestions which are strengthening the self-reliance defensive component and reorganizing the NDP structure with the intention of increasing the structural precision and enable Malaysia to be independent in maintaining the country's safety and defence.

Keywords: Realism, Self Reliance Defence Principle, Defence Policy, Malaysia

PENGHARGAAN



Tidak ada daya dan kekuatanku melainkan dengan pertolongan dan kekuatan Allah SWT. Selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW untuk segenap alam yang membawa kesejahteraan dan syafaat kepada mereka yang beriman.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT dengan limpah kurnia dan hidayah-NYA dapat saya menyiapkan tesis ini. Ucapan penghargaan tidak terhingga kepada penyelia saya Profesor Dr. Mohamad Hanapi Mohamad yang banyak berkorban masa dan tenaga untuk membimbing saya sehingga penyelidikan ini dapat disiapkan. Banyak saya belajar daripada beliau sama ada dalam dunia akademik atau hubungan manusia seharian. Semoga beliau dirahmati, diberikan kesejahteraan dan kesihatan yang baik oleh Allah SWT.

Tanpa restu dan doa daripada ibubapa mungkin kita tidak dapat menikmati kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Justeru itu, ucapan terima kasih tidak terhingga kepada ayahanda Allahyarham Keling Mohamad Ali yang telah ke rahmatullah pada dan bonda Allahyarhamah Sepiah Man pada yang telah kembali ke rahmatullah yang mendidik dan memberi semangat serta tidak jemu-jemu menyokong saya sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Semoga roh Allahyarham dan Allahyarhamah ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan dirahmati oleh Allah SWT. Begitu juga, ucapan terima kasih kepada isteri Laila Suzana Ali, anak-anak Muhammad Saufy, Muhammad Izuan dan Nurarreisha Sofea yang menjadi nadi semangat dalam menyiapkan tesis ini. Tesis ini juga tanda pengorbanan dan sokongan isteri tercinta dan anak-anak. Mereka telah memberi seribu makna, kekuatan dan menjadi inspirasi kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Disamping itu, ucapan penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada adik-adik dan rakan-rakan di UUM dan Kementerian Pertahanan yang sentiasa memberi sokongan dan berkongsi ilmu bagi menjayakan tesis ini. Jutaan terima kasih juga kepada barisan responden yang terdiri daripada pembuat dasar dan pegawai kanan kerajaan yang sanggup berkongsi maklumat dan idea untuk menjayakan tesis ini. Semoga kalian semua sentiasa dicucuri rahmat oleh Allah SWT.

MOHAMAD FAISOL KELING
Universiti Utara Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TANGGUNGJAWAB	ii
KEBENARAN MENGGUNA	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	9
1.3	Persoalan Kajian	12
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Metodologi Kajian	13
	1.5.1 Rekabentuk Kajian dan Persampelan	13
	1.5.2 Pengumpulan Data	18
	1.5.2.1 Data Primer	18
	1.5.2.2 Data Sekunder	19
	1.5.3 Analisis Data	19
1.6	Skop dan Limitasi Kajian	20
1.7	Signifikan Kajian	20
1.8	Pembahagian Bab	21

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1	Pengenalan	25
2.2	Pembangunan Dasar Dan Ketenteraan Malaysia	25
2.3	Pembangunan Dan Pemodenan ATM	29
2.4	Dasar Pertahanan Negara Malaysia	32
	2.4.1 Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	37
	2.4.2 Prinsip Kerjasama Serantau	38
	2.4.3 Prinsip Bantuan Luar	39
2.5	Pembangunan Aspek Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	41
	2.5.1 Pembangunan DPN Yang Kukuh (<i>Firm Defence</i>)	51

	<i>Posture)</i>	
2.5.1.1	Ulasan Pembangunan DPN Yang Kukuh	45
2.5.2	Pembangunan Strategi Pertahanan	46
2.5.2.1	Strategi Cegah Rintang	46
2.5.2.2	Strategi Pertahanan Kehadapan (<i>Forward Defence</i>)	48
2.5.2.3	Strategi Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)	49
2.5.2.3.1	Ulasan Pembangunan Aspek Strategi Pertahanan	51
2.5.3	Pembangunan Aspek Logistik	52
2.5.3.1	Ulasan Aspek Logistik	56
2.5.4	Pembangunan Aspek Sumber Pertahanan	57
2.5.4.1	Ulasan Aspek Sumber Pertahanan	61
2.5.5	Pembangunan Aspek Industri Pertahanan	62
2.5.5.1	Ulasan Aspek Industri Pertahanan	67
2.5.6	Pembangunan Aspek <i>Revolutions Military Affairs</i> (RMA)	67
2.5.6.1	Ulasan Aspek RMA	70
2.6	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Korea Selatan, Australia Dan Singapura	71
2.7	Kesimpulan Bab	73

BAB 3 KERANGKA TEORI

3.1	Pengenalan Bab	75
3.2	Hubungan Antarabangsa dan Teori Realisme	75
3.3	Peperangan Dan Fenomena Anarki	78
3.4	Keperluan Pembangunan Ketenteraan	81
3.5	Kerangka Realisme	84
3.5.1	Realisme Pra-Klasik (<i>Pre Classical Realism</i>)	84
3.5.2	Realisme Klasik (<i>Classical Realism/Modern Realism</i>)	89
3.5.3	Neo-Realisme (<i>Neo-Realism/Structural Realism</i>)	90
3.6	Realisme dan Konsep <i>Self Help</i>	94
3.7	Hubungan Konsep <i>Self-Reliance</i> Dengan Konsep <i>Alliances</i>	96
3.8	Aplikasi Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	99
3.8.1	Model Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Korea Selatan	100
3.8.2	Model Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Australia	111
3.8.3	Model Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Singapura	121
3.9	Model Pembangunan Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	129
3.10	Kesimpulan Bab	131

BAB 4

DASAR PERTAHANAN NEGARA

4.1	Pengenalan	133
4.2	Ancaman Keselamatan Malaysia Ketika Perang Dingin	132
4.3	Ancaman Keselamatan Malaysia Selepas Perang Dingin	135
4.4	Dasar Pertahanan Negara	140
4.4.1	Kepentingan Kawasan Serantau	143
4.4.2	Prinsip Pertahanan	144
4.4.2.1	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	145
4.4.2.2	Prinsip Pertahanan Kerjasama Serantau	146
4.4.2.3	Prinsip Pertahanan Bantuan Luar	150
4.4.3	Konsep Pertahanan	150
4.4.3.1	Strategi Cegah Rintang	156
4.4.3.2	Strategi Pertahanan Kehadapan	156
4.4.3.3	Strategi Diplomasi Pertahanan	157
4.5	Pembangunan Dasar dan Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Malaysia	158
4.6	Permodenan Angkatan Tentera Malaysia	165
4.6.1	Tentera Darat Malaysia (TDM)	169
4.6.2	Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)	173
4.6.3	Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)	174
4.7	Kesimpulan Bab	176

BAB 5

ANALISA PRINSIP PERTAHANAN *SELF-RELIANCE*

5.1	Pengenalan	177
5.2	Pembangunan Aspek Dasar Pertahanan Negara (<i>Firm Defence Posture</i>)	178
5.2.1	Analisa Pembangunan Aspek DPN Yang Kukuh	184
5.2.1.1	Kertas Putih Pertahanan	184
5.2.1.2	Bergantung Kepada Pendirian Semasa	188
5.2.1.3	Struktur <i>Self-Reliance</i> Dalam Perspektif Realisme	190
5.2.1.4	Kelemahan Prinsip Pertahanan Kerjasama Serantau	194
5.2.1.5	Kelemahan Prinsip Pertahanan Bantuan Luar	195
5.2.1.6	Masalah Dalam Konsep Pertahanan Menyeluruh	198
5.2.1.7	Tidak Mengambilkira Ancaman Secara Komprehensif	201
5.3	Pembangunan Aspek Perbelanjaan	204
5.3.1	Rancangan Malaysia Ke Enam (RMK6) 1991-1995	206
5.3.2	Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) 1996-2000	208
5.3.3	Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) 2001-2005	210
5.3.4	Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) 2005-2010	212
5.3.5	Analisa Pembangunan Aspek Sumber Pertahanan	214
5.3.5.1	Kekangan Peruntukan	214
5.3.5.2	Perancangan Perbelanjaan	217
5.3.5.3	Bergantung Kepada Kedudukan Ekonomi Negara	219

5.3.5.4	Keperluan Pertahanan Yang Besar	222
5.3.5.5	Penumpuan Kepada Sektor Lain	224
5.4	Pembangunan Aspek Strategi Pertahanan	228
5.4.1	Strategi Cegah Rintang	228
5.4.2	Strategi Diplomasi Pertahanan dan Pertahanan Kehadapan	231
5.4.3	Analisa Pembangunan Aspek Strategi Pertahanan	233
5.4.3.1	Strategi Cegah Rintang	234
5.4.3.2	Strategi Diplomasi dan Pertahanan Kehadapan	236
5.5	Pembangunan Aspek Logistik ATM	237
5.5.1	Analisa Pembangunan Aspek Logistik Pertahanan	239
5.5.1.1	Sumber Logistik <i>Service Support</i>	240
5.5.1.2	Sumber <i>Civil National Support</i> dan <i>International Support</i>	241
5.5.1.3	Pengurusan dan Tadbir Urus Logistik	244
5.5.1.4	Kelengkapan Usang	247
5.5.1.5	Kualiti Kelengkapan	250
5.5.1.6	Penswastaan Bahagian Logistik	253
5.6	Pembangunan Aspek Industri Pertahanan	258
5.6.1	Analisa Pembangunan Aspek Industri Pertahanan	262
5.6.1.1	Ketiadaan <i>Blue Print</i> dan Peruntukan Terhadap	263
5.6.1.2	Kelemahan Dalam Penyelidikan	266
5.6.1.3	Kegagalan Pihak Industri	269
5.6.1.4	Budaya Pengguna	271
5.7	Pembangunan Aspek RMA	273
5.7.1	Dari Menentang Insurgensi Kepada Konvensional	274
5.7.2	Analisa Pembangunan Aspek RMA	276
5.7.2.1	Strategi Pertahanan	276
5.7.2.2	Kekangan Kewangan dan Peruntukan	278
5.7.2.3	Masalah Dalam Pembelian Kelengkapan Pertahanan	280
5.7.2.4	Masalah Dalam Aplikasi Peperangan Elektronik (<i>Electronic Warfare</i>)	281
5.7.2.5	Tahap Pendidikan dan Kecekapan Anggota Tentera	283
5.8	Kesimpulan Bab	285

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	287
6.2	Rumusan Ke Atas Komponen Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	289
6.2.1	Aspek Dasar Pertahanan Yang Kukuh	289
6.2.2	Aspek Sumber Pertahanan	292
6.2.3	Aspek Strategi Pertahanan	293
6.2.4	Aspek Logistik Pertahanan	294
6.2.5	Aspek Industri Pertahanan	296

6.2.6	Aspek RMA	296
6.3	Pengukuran Keupayaan Prinsip Pertahanan	297
6.3.1	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Yang Kukuh	298
6.3.2	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Yang Sederhana	300
6.3.3	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Yang Gagal	301
6.4	Cadangan	303
6.4.1	Struktur Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	303
6.4.2	Komponen Dalam Pertahanan <i>Self-Reliance</i>	305

RUJUKAN

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 2

LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 4

LAMPIRAN 5

LAMPIRAN 6

LAMPIRAN 7

LAMPIRAN 8

LAMPIRAN 9

SENARAI GAMBARAJAH

1.1	Dasar Pertahanan Negara
2.2	Konsep Cegah Rintang (<i>Deterrence</i>)
2.3	Komponen Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i>
3.4	Model Pertahanan <i>Self-reliance</i> Korea Selatan
3.5	Komponen Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Berdasarkan Model Korea Selatan, Australia dan Singapura
4.6	Ancaman Terhadap Keselamatan Malaysia Selepas Perang Dingin
4.7	Prinsip <i>Self-Reliance</i> Dalam Dasar Pertahanan Negara
4.8	Dasar Pertahanan Negara dan Komponen Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i>
5.9	Dasar Pertahanan Negara Malaysia
5.10	Konsep Pertahanan HANRUH
5.11	Dasar Pertahanan Negara Dari Perspektif Realisme
6.12	Masalah Industri Pertahanan Dan Kesan Terhadap Prinsip Pertahanan <i>Self-reliance</i>
6.13	Prinsip <i>Self-Reliance</i> Dalam Dasar Pertahanan Negara
6.14	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Yang Kukuh
6.15	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Yang Sederhana
6.16	Prinsip Pertahanan <i>Self-Reliance</i> Yang Gagal
6.17	Cadangan Dasar Pertahanan Negara

SENARAI JADUAL

3.1	Perbelanjaan Pertahanan Korea Selatan dan 15 Negara Terbesar 2013
3.2	Data Kelengkapan Pertahanan Korea Selatan
3.3	Perbelanjaan Pertahanan Australia dan 15 Negara Terbesar 2013
3.4	Data Kelengkapan Pertahanan Australia
3.5	Data Kelengkapan Pertahanan Singapura
4.6	Ketenteraan Malaysia Berdasarkan Data Perbelanjaan Ketenteraan Malaysia Dan Kelengkapan Ketenteraan Yang Terpilih 2004-2006
5.7	Data Perbelanjaan Pertahanan Dan Peratusan Dari KDNK Malaysia Tahun 1992-2011
5.8	Perbelanjaan Pembangunan dan Pengurusan Pertahanan 1997-2002 RM billion

SENARAI SINGKATAN

ADGE	Sistem Pertahanan Udara Sekitar Bumi
AMM	ASEAN Ministerial Meeting
ARF	Forum Serantau ASEAN
AT	Asia Tenggara
AW	Askar Wataniah
BIS	Batalion Infantry Standard
CBM	Confident Building Measure
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DEFTECH	DRB-HICOM Technology Sdn Bhd
DIP	Dasar Industri Pertahanan
DPB	Dasar Pembangunan Baru
DPN	Dasar Pertahanan Negara
DPPN	Dasar Perindustrian Pertahanan Negara
DUN	Dewan Undangan Negeri
EW	Eletronic Warfare
FPDA	peraturan Pertahanan Lima Negara
GAPU	Gerup Artileri Pertahanan Udara
GBC	General Border Committee
HANRUH	Pertahanan Menyeluruh
ICT	Information & Communication Technology
IPT	Institut Pengajian Tinggi
KAD	Kor Armor Diraja
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KESBAN	Strategi Keselamatan Dan Pembangunan
KPP	Kertas Putih Pertahanan
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MMC	Malaysia Mining Corporation
MoU	Memorandum Persefahaman
MRCA	Multi Role Combat Aircraft
NCW	Network Centric Warfare
OSA	Official Security Act
PAB	Panglima Angkatan Bersama
PALAPES	Pasukan Pegawai Latihan Sukarela
PARAKU	Parti Kalimantan Utara
PAT	Panglima Angkatan Tentera
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PLAS	Pasukan Latihan Anggota Sukarela
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PSS	Pasukan Simpanan Sukarela
PTD	Panglima Tentera Darat Malaysia
PTK	Pengukuran Tahap Keyakinan
PTL	Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia

PTU	Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia
PUTD	Pasukan Udara Tentera Darat
RAD	Rejimen Artileri Diraja
RAMD	Askar Melayu Diraja
RASCOM	Regional Area Security Command
RJPK2	Rancangan Jangka Panjang Kedua
RMA	Revolution Military Affairs
RMK3	Rancangan Malaysia Ketiga
ROTU	Reserve Officers Training Unit
RRD	Rejimen Renjer Diraja
SEATO	Southeast Asia Treaty Organization
SEDC	Jawatankuasa Pembangunan Negeri
SLOC	<i>Sea Lines Of Communication</i>
SOP	Standard Operation Procedure
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPRB	Rejimen Sistem Pelancar Rocket Berganda
SPUN	Sistem Pertahanan Udara Negara
SSEC	Jawatankuasa Keselamatan Negeri
STRIDE	Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan
TAC	Perjanjian Kerjasama dan Persahabatan
ZOPFAN	Zon Bebas Aman dan Berkecuali

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah memberikan penumpuan terhadap aspek keselamatan dan pembangunan pertahanan bagi memastikan negara dapat menghadapi ancaman. Sebagai sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menghadapi pelbagai ancaman keselamatan. Ancaman yang dihadapi oleh Malaysia adalah membabitkan dua bentuk ancaman iaitu dari dalam negara dan luar negara. Ancaman keselamatan yang dihadapi adalah dari dalam negara seperti ancaman pemberontakan komunis, konflik etnik, ketidakstabilan politik, rusuhan kaum, perpaduan dan sebagainya telah menjadi faktor yang mempengaruhi Dasar Pertahanan Negara (DPN). Manakala ancaman dari luar sempadan adalah persaingan kuasa besar antara Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Soviet (KS)¹ yang menyebabkan berlakunya ketidakstabilan politik, konflik, persaingan ideologi, ketegangan dan peperangan di rantau Asia Tenggara yang telah mempengaruhi pelbagai aspek pembangunan pertahanan Malaysia. Malah ancaman dari dalam negara ini dapat dilihat apabila kerajaan terpaksa melaksanakan Undang-Undang Darurat pada tahun 1948 hingga 1960 bagi menghadapi ancaman komunis².

Ancaman yang wujud dari dalam dan luaran sempadan negara telah mempengaruhi Malaysia untuk memperkukuhkan pembangunan aspek pertahanan dan Dasar Pertahanan Negara (DPN). Antara tahun 1948 hingga 1960, Malaysia telah bergantung kepada Britain dalam aspek pertahanan bagi menjamin keselamatannya. Menurut Chandran Jeshurun

¹ Selepas Perang Dunia Kedua (1945), rantau Asia Tenggara telah muncul sebagai sebuah rantau yang strategik kepada AS dan KS yang berusaha memperluaskan ideologi *international communism* dan *free world*. Kegiatan perluasan kuasa dan ideologi serta hubungan yang rapuh di kalangan negara Asia Tenggara menyebabkan rantau ini menghadapi ancaman keselamatan *Sila rujuk* K.S Nathan (2008). *Malaysia And International Security: Role, Commitments, Issues And Challenges*. Pembentangan Kertas Kerja. *Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond*. The 6th International Malaysian Studies Conference. Kuching: Crowne Plaza Riverside Hotel. 5-7 August. hlm 9 dan lihat juga Mohammed Ayoob (1995). *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict And The International System*. Boulder: Lynne Rienner. hlm 5

² R.W Komer (1972). *The Malayan Emergency in Retrospect: Organisation of A Successful Counterinsurgency Effort*. California: Rand Corporation. hlm 29

(1980)³ DPN Malaysia adalah berlandaskan kepada dasar luar negara dan bergantung kepada dasar yang diamalkan oleh Britain. Justeru pada 12 Oktober 1957, *Anglo-Malayan Defence Arrangement* (AMDA) telah ditubuhkan melalui kerjasama dengan Britain bagi memastikan keselamatan Malaysia dapat dilindungi daripada ancaman luaran. Penubuhan AMDA pada tahun 1957 telah menjadi sandaran pertahanan dan keselamatan kepada Malaysia dalam menghadapi ancaman keselamatan. Bagi memperkukuhkan pertahanan negara, Malaysia turut berusaha membangunkan pertahanannya dengan berusaha membentuk DPN pada tahun 1962 iaitu dua tahun selepas penarikan balik undang-undang darurat yang dikenali sebagai *Dynamo Plan* yang bertujuan untuk memperluaskan peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membantu polis menjaga keselamatan. Namun pembangunan DPN ini gagal apabila British menolak cadangan *Dynamo Plan* kerana ia melibatkan kos yang tinggi⁴. Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 telah meningkatkan komitmen Malaysia dalam aspek keselamatan dan pertahanan berikutan pertambahan keluasan wilayah. Meletusnya konfrantasi Malaysia-Indonesia pada tahun 1965 dan tindakan Singapura yang mengambil tindakan untuk keluar dari Persekutuan Malaysia telah menyebabkan kepentingan pembangunan pertahanan dan keselamatan semakin mendapat perhatian Malaysia. Walaupun undang-undang darurat telah ditamatkan pada tahun 1960, namun gerakan Parti Komunis Malaya (PKM) terus berkembang dan mengancam keselamatan negara. Keadaan ini telah menjadikan isu keselamatan dan pembangunan pertahanan telah mendapat perhatian dalam sidang parlimen pada Disember 1964. Aspek pertahanan dan keselamatan ini turut dibincangkan dalam Mesyuarat Kerjasama Asia Pasifik di Seoul pada tahun 1966 yang menetapkan DPN adalah berteraskan memelihara kemakmuran, keamanan, kedaulatan dan berkecuali. Walaupun kerajaan telah berusaha untuk menghasikan Kertas Putih Pertahanan (KPP) (*Defence White Paper*) sebagai garis panduan pembangunan pertahanan negara namun ianya gagal⁵. Usaha pembangunan DPN Malaysia

³ Chandran Jeshurun (1980). *Malaysia Defence Policy: A Study In Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm11-17

⁴ Sila lihat K.S Nathan (2008).Op.cit. hlm 6-9

⁵ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Tentera di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, juga dengan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor (2014). Timbalan Panglima Tentera Udara di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera Udara dan Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad (2014). Panglima Angkatan Bersama, di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur Pada 12 Disember 2014.

telah melalui fasa perubahan apabila pada Jun 1968. Britain telah mengambil keputusan untuk menarik diri daripada AMDA. Dalam masa yang sama ancaman terhadap keselamatan negara semakin berkembang dengan teretusnya ketidakstabilan politik dan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969⁶. Keadaan ini telah mempengaruhi Malaysia untuk memperkembangkan DPN dan pembangunan ATM dengan memperkenalkan pertahanan berdikari (*self reliance*)⁷ dalam DPN yang mana Malaysia perlu bergantung kepada diri sendiri dalam aspek pertahanan dan keselamatan⁸. Menurut Salim Ahmad Miandad (2002) menyatakan :-

*“The race riot of May 1969, the British withdrawal from Malaysia which denotes the beginning of self-reliance strategy... Developments during 1968 – 1971, when the British eventually left, and with the no firm commitment in assisting Malaysia’s defence, Malaysia resorted to self-reliance strategy”*⁹

Semenjak tahun 1970-an pembangunan DPN telah dibangunkan berlandaskan prinsip pertahanan *self-reliance* dengan keputusan kerajaan untuk melakukan pembesaran ATM dan meningkatkan keupayaan ATM seperti memperkenalkan industri pertahanan, mempelbagaikan strategi pertahanan seperti strategi Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN), menyediakan peruntukan kewangan bagi membolehkan pembesaran ATM dapat dijalankan, membuat pembelian kelengkapan pertahanan, membangunkan kem tentera dan sebagainya¹⁰. Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein menyatakan :-

“We (the nation) have to stand on our own two feet to defend our country. We must now rely on our own resources for the defence of our country”.¹¹

⁶ K.S. Nathan (1998). *Malaysia: Reinventing the Nation, in Asian Security Practice: Material and Ideational Influences*. California: Stanford University Press. hlm 513-514

⁷ Clarence L. Barnhart dan Robert R. Barnhart (1981). *World Book Dictionary*. Chicago: World Book – Childcraft International Inc. hlm 1890

⁸ Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Angkatan Bersama di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Pada 12 Disember 2014. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Mohd Hashim Ahmad (2001). Industri Pertahanan Malaysia. *Sorotan Darat*. Jil. 2 Bil 38. hlm 61-64

⁹ Salim Ahmad Miandad (2002). *Self-Reliance In Malaysian Armed Forces Logistics System: An Essential Element To Enhance Defence Policy*. Tesis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 28-31

¹⁰ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Abd Aziz Ahmad (2006). Latihan Dalam Tentera Darat. *BTDM*. Bil 144. Jan. hlm 26

¹¹ Chandran Jeshurun (1980). *Op.cit*. hlm 126

Pembangunan pertahanan Malaysia semakin berkembang dengan temeterainya perjanjian persefahaman *Five Power Defence Arrangement* (FPDA) pada tahun 1971 yang dianggotai oleh Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia selepas kegagalan AMDA. Malaysia turut menjadikan FPDA sebagai “aset pertahanan” dalam prinsip pertahanannya di bawah prinsip pertahanan Bantuan Luar (*Foreign Aid*). Pembangunan pertahanan *self-reliance* telah diperluaskan dengan memberikan penumpuan kepada pembesaran keanggotaan ATM. Semenjak tahun 1970-an khususnya Tentera Darat Malaysia (TDM) yang merupakan teras kekuatan pertahanan negara daripada jumlah 10,000 anggota pada tahun 1962 meningkat kepada 70,000 hingga 100,000 orang tentera pada tahun 1980-an¹². Manakala Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bertindak sebagai cabang perkhidmatan yang memberikan sokongan kepada TDM¹³. Fokus utama ATM pada ketika ini adalah menentang insurgensi (*counter insurgency*). Dalam memperkukuhkan DPN, kerajaan telah berusaha untuk menghasilkan cadangan KPP yang komprehensif telah dibentuk pada tahun 1981 dan dibentangkan pada tahun 1986 namun kabinet telah menolak cadangan untuk dijadikan Kertas Putih. Walau bagaimanapun Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memberikan kelulusan kertas cadangan tersebut untuk dijadikan sebagai rujukan DPN. Usaha menghasilkan KPP telah diteruskan dengan menjalankan kajian dan penelitian semula pada tahun 1991 dan dibentangkan kepada kabinet pada tahun 1993 sekali lagi ditolak oleh kabinet¹⁴. Menurut pendapat Salim Ahmad Miandad (2002) :-

“Currently the approved National Defence Policy of 1986 is still the policy used and adopted”¹⁵.


¹²Data jumlah anggota tentera dan kelengkapan antara 1957-1970-an dapat dirujuk dalam Muthiah Alaggapa (1987). Malaysia: From the Commonwealth Umbrella to Self-Reliance. Dalam Chin Kin Wah (Edt). *Defence Spending In Southeast Asia*. Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies. hlm 177

¹³ Mejar Jeneral Dato’ Hj Ibrahim Bin Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Mejar Jeneral Dato’ Hj Ibrahim Bin Hashim TUDM. Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Pada 26 September 2014.

¹⁴ Abd Rahman Adam (1997). *Keselamatan Dan Kepentingan Nasional*. Bangi: UKM. hlm7

¹⁵ Salim Ahmad Miandad (2002). *Op.cit*.hlm 32-35

Gambarajah 1.1: Dasar Pertahanan Negara



Sumber : Diubahsuai daripada *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan. 1995.hlm 22

Dalam gambarajah 1.1¹⁶ menunjukkan susun atur DPN. Selaras dengan matlamat memastikan keselamatan negara terjamin dan memperkukuhkan pembangunan dan permodenan ATM, kerajaan telah mengambil langkah menghasilkan dasar pertahanan yang melibatkan tiga prinsip iaitu Pertahanan Berdikari, (*Self Reliance*), Kerjasama Serantau (*Regional Cooperation*) dan Bantuan Luar (*Foreign Aid*). Objektif prinsip pertahanan *self-reliance* adalah untuk bergerak mempertahankan negara dengan keupayaan sendiri. Pembangunan DPN dan ATM semakin pesat dengan perletakkan senjata (Parti Komunis Malaya) PKM pada tahun 1989 dan Parti Kalimantan Utara (PARAKU) pada tahun 1990. Ia telah memberikan peluang kepada pihak kerajaan untuk membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance* dengan memfokuskan kepada aspek pembangunan dan peningkatan keupayaan ATM. Semenjak tahun 1990, ATM telah mensasarkan untuk membentuk ATM sebagai

¹⁶ Di dalam dokumen rasmi, DPN yang dinyatakan tidak memiliki carta susun atur seperti dalam gambar rajah 1. Untuk memudahkan penjelasan dan keterangan maklumat ini telah diletakkan dalam carta susun atur ini disusun atau disebut “diubahsuai” mengikut keterangan yang terkandung dalam Dokumen Rasmi DPN dari *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.1995.hlm 22.

sebuah pasukan tentera daripada berorientasikan *counter insurgency* kepada *conventional* yang membabitkan semua cabang perkhidmatan TDM, TLDM dan TUDM¹⁷.

*“Taking cognisance of Malaysia’s strategic interests and the fundamentals of its defence policy, the MAF drew up a comprehensive strategy to achieve the aspirations envisaged by the nation in terms of defence. Hence, in this respect the concepts of forward defence, deterrence and total defence have been adopted as the defence strategy... The concept of total defence would further enhance and complement self-reliance”*¹⁸.

Umumnya pembangunan DPN dan ATM telah dilihat semakin moden dan kukuh kerana Dasar Pertahanan Negara (DPN) yang dibangunkan oleh kerajaan Malaysia telah mencerminkan hasrat kerajaan untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan negara. DPN menggariskan tiga asas utama, iaitu kepentingan strategik negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Ia menekankan keperluan mengekalkan persekitaran kawasan kepentingan strategik negara yang stabil dan aman. Dalam konteks pertahanan negara, kerajaan menetapkan bahawa objektif utama DPN adalah untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan Malaysia berteraskan kepada kedaulatan negara, keutuhan wilayah serta kesejahteraan ekonomi¹⁹. Proses pembangunan ATM semenjak tahun 1971 sehingga 2004 dilihat semakin kukuh.

*“Dalam usia mencecah 71 tahun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah semakin matang untuk merangka struktur pentadbiran yang lebih kukuh dan mantap...Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kini dilihat semakin giat membangunkan kekuatan masing-masing dengan pembelian dan perancangan pelbagai peralatan baru yang lebih moden dan berkeupayaan tinggi dalam menghadapi pelbagai ancaman yang semakin mengancam dewasa ini”*²⁰.

¹⁷ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Tentera Darat di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur Pada 12 Disember 2014.

¹⁸ Salim Ahmad Miandad (2002). Op.cit.hlm 32-35

¹⁹ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Tentera Darat di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur Pada 12 Disember 2014.

²⁰ Lihat juga laporan kejayaan pembangunan DPN dan ATM ini pernah dilaporkan oleh Zulkhairil Zanuddin (2004a). ATM: Pertahankan Kedaulatan Bumi Bertuah. *Perajurit*. Disember.hlm 53

Selain itu, kemajuan pembangunan ATM dan pertahanan Malaysia turut dilihat kukuh Shaharuddin Othman (2002) dalam *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?*, umumnya dasar pertahanan maritim adalah selaras dengan DPN yang mana manifestasi matlamat nasional dalam memastikan keselamatan dan kestabilan negara terus dipelihara dan kepentingannya dipertahankan demi menjamin keutuhan wilayah, kesinambungan kemakmuran sosioekonomi dan kedaulatan negara²¹. Kerajaan telah mengambil langkah membuka dan memperkembangkan sektor industri pertahanan negara dengan memfokuskan beberapa bidang induk industri pertahanan seperti industri aeroangkasa, industri maritim, automotif, persenjataan, teknologi maklumat dan komunikasi, industri peralatan gunasama, pameran pertahanan dan penyelidikan.

Pembangunan DPN dan ATM yang dilakukan oleh pihak kerajaan telah dilihat berjaya dan kukuh. Walau bagaimanapun di sebalik pandangan positif terhadap pembangunan DPN dan ATM, terdapat kritikan dan laporan yang mempertikaikan keupayaan, pelaksanaan dan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana K. S Balakrishnan (2009) dalam *Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation and National Security* menyatakan pelaksanaan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) di bawah prinsip pertahanan *self-reliance* adalah konsep pertahanan yang kabur. Permasalahan ini dikaitkan dengan kekangan kewangan negara serta peruntukan perbelanjaan yang terhad yang memberikan kesan kepada pelaksanaan konsep pertahanan HANRUH. Malah masyarakat tidak mengetahui peranan, tanggungjawab dan komitmen dalam konsep pertahanan HANRUH²² yang dilaksanakan oleh kerajaan. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance*, keupayaan dan masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance*. Selain itu, Azmi Hassan (2005) menjelaskan pihak kerajaan melalui kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyatakan mengenai kekecewaan terhadap aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dalam bidang pertahanan yang hanya berjaya menghasilkan sesuatu di makmal namun gagal membawa

²¹ Shaharuddin Bin Othman (2002). *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?* Tesis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

²² K.S Balakrishnan (2009a). *Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation And National Security*. Dalam Abdul Razak Baginda (pnyt). *Malaysia's Defence & Security Since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysia Strategic Research Centre.hlm 120

kepada aplikasi dalam sektor pembangunan negara. Di sini ia menimbulkan persoalan mengenai masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* dan apakah prinsip pertahanan ini kukuh dalam mempertahankan keselamatan negara?

Keupayaan dan kemampuan ATM telah menimbulkan persoalan apabila melibatkan pelbagai isu kelewatan perolehan aset ATM, isu peruntukan kewangan yang terhad yang diperuntukan kepada Kementerian Pertahanan, memiliki aset yang usang, industri pertahanan yang gagal menghasilkan sumber logistik kepada ATM dan sebagainya. N.S Shah (2008) telah melaporkan bahawa faktor yang mempengaruhi kerajaan memanjangkan tempoh perkhidmatan pesawat Nuri yang telah berkhidmat melebihi 40 tahun semenjak tahun 1968 dan pembelian helikopter baru *Eurocopter EC725* yang terpaksa ditangguhkan sehingga lewat 2011 adalah disebabkan oleh kedudukan ekonomi Malaysia dan dunia yang lemah²³. Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh kerajaan telah menimbulkan persoalan apabila timbulnya isu dan kes kemalangan yang membabitkan aset ATM. Kes kemalangan yang membabitkan pesawat *Hawk 100* dan *200* buatan Britain dan pesawat *MiG-29* buatan Rusia dan pesawat latihan TUDM telah menimbulkan persoalan mengenai kemampuan ATM dan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Keupayaan dan prinsip pertahanan *self-reliance* ATM turut menjadi persoalan akibat daripada kegagalan ATM melindungi keselamatan dan mempertahankan sebuah kem tentera Batalion 304 Infantri, Gerik, Hulu Perak oleh 20 orang pengganas. Kegagalan ATM mengawal sebuah kem menimbulkan persoalan terhadap keupayaan ATM untuk melindungi negara. Selain itu, kes kemalangan yang membabitkan aset ATM seperti kes kemalangan kereta perisai Adnan pada 20 Ogos 2014²⁴, kes kemalangan kereta perisai *Sibmas* pada 3 Julai 2014²⁵, kes kapal perang TLDM yang disahkan karam akibat kebocoran kapal yang membabitkan Kapal Diraja

²³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan N.S Shah (2008). Eurocopter EC-725 Cougar Untuk TUDM. *Perajurit*. Oktober.hlm 10-11

²⁴ Jenazah Dua Anggota Tentera Diterbangkan Ke Kuala Lumpur Pagi Ini. *Berita Harian*. 20 Ogos 2014
http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140820/dn_29/Jenazah-dua-anggota-tentera-diterbangkan-ke-Kuala-Lumpur-pagi-ini

²⁵ Asliza Musa (2014). Dua Anggota Tentera Maut, Dua Parah Kereta Perisai Dinaiki Terbabas. *Utusan Malaysia*. 3 Julai 2014
http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140703/dn_35/Dua-anggota-tentera-maut-dua-parah-kereta-perisai-dinaiki-terbabas

(KD) Perantau pada 19 November 2014 di Lumut Perak telah menimbulkan persoalan mengenai keupayaan ATM dan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diwar-warkan oleh kerajaan dan ATM yang mampu berdikari dalam mempertahankan keselamatan dan pertahanan negara. Persoalan mengenai kemampuan dan pembangunan pertahanan ATM ini turut disedari oleh ATM yang mana Panglima Angkatan Tentera (PAT) Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM pada 30 September 2009 pernah menyatakan :-

“Pada masa yang sama, saya sedar bahawa rakyat Malaysia, malah rakan global kita memerhatikan perkembangan ini dengan harapan dan penilaian atas satu soalan umum yang sama iaitu adakah ATM selepas ini akan terus mampu memberi jaminan keselamatan dan keamanan yang sama kepada negara dan rantau ini.”²⁶

1.2 Penyataan Masalah

Dalam memastikan keselamatan dan pertahanan negara dapat dicapai, kerajaan Malaysia telah telah membangunkan DPN semenjak tahun 1957. DPN yang diamalkan adalah merangkumi aspek kepentingan strategik, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Perkembangan ancaman terhadap keselamatan dan pertahanan negara antara tahun 1960-an hingga 1970-an telah mempengaruhi Malaysia untuk mempertingkatkan DPN dengan memperkenalkan prinsip pertahanan sebagai amalan DPN Malaysia. Semenjak tahun 1970, kerajaan telah memperkenalkan prinsip *self-reliance*, prinsip kerjasama serantau dan prinsip bantuan luar. Prinsip pertahanan *self-reliance* telah diperkenalkan dan dilaksanakan semenjak tahun 1970 yang bermatlamat untuk memastikan Malaysia dapat mempertahankan keselamatan dan pertahanan dengan diri sendiri (*self-reliance*) dan mengelakkan daripada bergantung dari bantuan luar. Prinsip pertahanan *self-reliance* ini telah menjadi asas kepada Kementerian Pertahanan dan ATM untuk membangunkan ATM semenjak tahun 1970-an dengan pesat agar mempunyai keupayaan dan kemampuan bagi melindungi negara secara berdikari. Proses pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* yang dibangunkan oleh kerajaan antara tahun 1970 sehingga 2010 telah melibatkan aspek membentuk DPN yang

²⁶ Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM (2009). Panglima Angkatan Tentera Ke-17. Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perintah Ulung Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera Ke-17. 30 September 2009. hlm 2

kukuh (*firm defence posture*), strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan Revolusi Hal Ehwal Ketenteraan (RMA).

Proses pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* ATM ini dapat dilihat dengan tindakan kerajaan yang telah meningkatkan aspek logistik ATM semenjak tahun 1990-an dengan membuat pelbagai pembelian aset dan kelengkapan moden, memperkenalkan strategi pertahanan, memperuntukkan sumber dana kewangan bagi pembelian aset pertahanan, membangunkan industri pertahanan dan meningkatkan RMA ATM dengan pesat. Panglima Angkatan Pertahanan (PAT) pada Oktober 2002 menyatakan bahawa ATM komited untuk memperkasakan keupayaan ATM secara komprehensif termasuk aspek dasar pertahanan, strategi, teknologi, kepimpinan, aset dan modal insan. Malah Menteri Pertahanan pada Oktober 2003 menegaskan untuk membuat pelbagai perolehan moden dan berteknologi tinggi, meningkatkan aspek mobiliti, memperbanyakkan aset kapal perang dan mendapatkan sistem pengawasan udara. Proses pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* dan pemodenan ATM semenjak 1970-an sehingga 2010 telah dilihat mencapai kejayaan dan mampu mempertahankan keselamatan negara dengan cara berdikari (*self-reliance*). Pembangunan ATM yang pesat dengan menyediakan kelengkapan moden dan canggih seperti yang terdapat laporan seperti Dzirhan Mahadzir (2013) dalam *Malaysian Defence Modernisation* menyatakan proses pemodenan ATM pesat dibangunkan oleh kerajaan dalam RMK-8 dan dalam RMK-9 kerajaan telah merancang untuk meningkatkan keupayaan ATM dalam aspek *Information & Communication Technology* (ICT), *Network Centric Warfare* (NCW) dan *Electronic Warfare* (EW) yang dapat meningkatkan keupayaan pertahanan *self-reliance* Malaysia menghadapi ancaman keselamatan. Malah pembangunan ATM dan industri pertahanan negara dilihat kukuh dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap ATM dengan proses pembangunan yang dijalankan. Selain itu, kerajaan Malaysia pesat membangunkan sektor industri pertahanan adalah untuk memastikan Malaysia dapat mengelakkan kebergantungan kepada negara luar dalam aspek keselamatan dan pertahanan dan memastikan Malaysia menjadi sebagai sebuah negara yang berdikari (*self-reliance*) dalam aspek mempertahankan keselamatan negara²⁷.

²⁷ Dzirhan Mahadzir (2013). *Malaysian Defence Modernisation*. *Asian Military Review*. Vol 21.Bil 2. Mac/April.hlm 26-30.

Walau bagaimanapun di sebalik perspektif positif kemajuan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia, masyarakat Malaysia telah digemparkan dengan timbulnya pelbagai isu yang membabitkan ATM. Ini kerana terdapat kes-kes kemalangan yang membabitkan ATM seperti kes kemalangan yang membabitkan seperti pesawat *Hawk 100* dan *200*, pesawat *MiG-2*, pesawat latihan dan sebagainya yang mula mendapat perhatian masyarakat terhadap keupayaan ATM. Persoalan mengenai keupayaan ATM semakin dipertikaikan apabila isu kelengkapan ATM telah dikaitkan dengan masalah penyenggaraan, kelengkapan yang usang, kelengkapan yang tidak berkualiti dan sebagainya. Persoalan mengenai kemampuan ATM dan proses pembangunan ATM semakin dipertikaikan apabila terdapat kes-kes kemalangan yang melibatkan kenderaan perisai seperti *Condor*, *Sibmas*, *Scorpion*, *Commando* yang telah melibatkan korban anggota tentera. Ia telah menimbulkan persoalan mengenai keupayaan dan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* yang dibangunkan oleh kerajaan.

Keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia semakin dipertikaikan akibat daripada kegagalan ATM pada Julai 2000 mengawal keselamatan sebuah pangkalan tentera daripada serangan 20 orang pegganas yang tidak memiliki latihan ketenteraan yang mampu menceroboh dan menawan sebuah kem ATM iaitu Batalion 304 Infantri, Gerik, Hulu Perak serta mampu merampas 97 laras senjata M16, empat GPMG, lima pelancar grenad 9,095 butir peluru 5.56mm dan 60 butir peluru 40mm. Peristiwa ini telah menimbulkan persoalan terhadap keupayaan dan kemampuan ATM yang gagal mempertahankan keselamatan sebuah kem tentera yang hanya diceroboh oleh sekumpulan kecil pegganas yang berjaya menembusi kawalan ATM malah mampu merampas ratusan senjata dan peluru dari kem berkenaan. Selain itu, pembangunan TLDM turut dibelenggu dengan pelbagai isu seperti kelewatan dalam pembelian kapal perang yang dirancang oleh kerajaan, isu dalam masalah peruntukan perbelanjaan yang terhad, isu kegagalan industri pertahanan dan sebagainya telah menimbulkan pelbagai persoalan mengenai masalah yang dihadapi oleh ATM. Malah isu-isu ini menimbulkan persoalan mengenai tahap keupayaan ATM yang sebenar dan keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* yang selama ini menjadi teras DPN. Isu terbaru dalam pertahanan adalah kes pencerobohan pegganas di Lahad Datu pada Februari 2013 oleh

sebilangan kecil yang terdiri daripada 200 pegganas yang mampu menembusi sistem pertahanan dan keselamatan negara dan mengakibatkan jumlah korban anggota keselamatan negara. Kegagalan sistem pertahanan dan keselamatan negara dalam kes pencerobohan Lahad Datu ini telah menimbulkan persoalan mengenai keupayaan ATM, sistem pertahanan dan keselamatan yang diamalkan oleh kerajaan dan keupayaan serta kemampuan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM sedangkan pihak kerajaan memberikan gambaran dan menyatakan sistem pertahanan negara adalah kukuh dan berupaya mempertahankan keselamatan negara. Dengan timbulnya pelbagai isu dan kes yang melibatkan ATM telah menimbulkan kebimbangan masyarakat terhadap keselamatan negara dan keupayaan sebenar ATM untuk memberikan perlindungan kepada masyarakat dan negara. Justeru, kajian ini mengkaji mengenai pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* DPN dan permasalahan yang dihadapi dalam membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance*.

1.3 Persoalan Kajian

Daripada permasalahan kajian tersebut, terdapat beberapa persoalan kajian yang digariskan dalam mengenalpasti dan menganalisa pembangunan keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* ATM dan masalah yang dihadapi. Persoalan yang digariskan adalah seperti di bawah :-

1. Adakah pembangunan pertahanan *self-reliance* Malaysia menepati ciri pembangunan pertahanan *self-reliance*?
2. Apakah masalah yang dihadapi oleh ATM dan kerajaan dalam membangunkan pertahanan *self-reliance*?
3. Adakah pembangunan pertahanan *self-reliance* Malaysia kukuh?
4. Bagaimanakah ATM dan kerajaan dapat meningkatkan pembangunan pertahanan *self-reliance*?

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisa pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* yang dibangunkan dan diamalkan oleh

kerajaan semenjak tahun 1970. Ini kerana terdapat pelbagai kes dan isu yang membabitkan ATM yang menimbulkan persoalan terhadap keupayaan ATM dan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia. Namun begitu kajian ini mempunyai objektif khusus seperti di bawah:-

1. Mengenalpasti proses pembangunan DPN *self-reliance* dan ATM yang dibangunkan oleh kerajaan.
2. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance*.
3. Menganalisa masalah dan kesan terhadap keupayaan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia.
4. Mencadangkan pendekatan yang lebih strategik terhadap pembangunan pertahanan *self-reliance* Malaysia.

1.5 Metodologi Kajian

Bahagian ini menerangkan dan membincangkan mengenai rekabentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data. Menurut Ahmad Mahdzan (1997), metodologi kajian ialah segala langkah dan prosedur yang diambil untuk mencapai segala objektif dan tujuan penyelidikan.²⁸ Oleh itu, bahagian ini membincangkan bagaimana proses kajian ini dijalankan:

1.5.1 Rekabentuk Kajian dan Persampelan

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Menurut John Van Maanen (1979) menjelaskan bahawa kaedah kualitatif adalah sebuah payung yang memiliki teknik-teknik interpretif yang dapat menggambarkan, menterjemahkan dan *decode* terhadap sesuatu fenomena yang berlaku dalam aktiviti sosial²⁹. Manakala bagi pendapat, Sharan B. Merriam (2009) menyatakan persoalan kajian seperti ‘kenapakah’ dan ‘bagaimanakah’ sesuatu fenomena itu berlaku adalah menjadi perkara yang membezakan di antara

²⁸Ahmad Mahdzan Ayob (1997). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 24

²⁹ John Van Maanen (1979). Reclaiming Qualitative Methods for Organizations Research: A Preface. *Administrative Science Quarterly* Vol 24. Bil.4. hlm 521

penyelidikan kualitatif dengan penyelidikan kuantitatif³⁰. Kaedah penyelidikan kuantitatif yang menggunakan kaedah kaji selidik lebih berminat menjawab persoalan ‘apakah ia’, ‘berapa ramai’ dan ‘berapa banyak’ yang akan diterjemahkan dalam bentuk nombor (*numeric*). Manakala bagi penyelidikan kualitatif, ia lebih menjurus kepada memahami persoalan bagaimana responden menjelaskan dan menterjemahkan pengalaman mereka, bagaimana mereka membentuk dunia mereka dan apakah pengajaran yang diperolehi daripada pengalaman yang dilalui oleh setiap responden.

Antara instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temubual separa-struktur. Kaedah ini dipilih agar penyelidik dapat memperoleh maklumat secara mendalam (*in-depth*) dan menyeluruh (*comprehensive*) daripada responden. Ini kerana menurut Sidek Mohd Noah (2003) soalan kaedah semi-struktur yang dikemukakan kepada responden adalah mengikut perancangan yang disusun dan dijadualkan dan dalam masa yang sama responden diberi kelonggaran atau bebas semasa memberi jawapan berbanding dengan kaedah temuduga berstruktur yang tidak memberikan kelonggaran kepada responden memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan. Kaedah membentuk soalan boleh diubahsuai dan cara mengemukakan soalan kepada responden juga adalah fleksibel. Penyelidik akan mendapat data maklumat yang lengkap dan dalam masa yang sama penyelidik memiliki ruang untuk mendapatkan maklumat yang lain selain daripada perkara yang diperlukan. Ia secara langsung dapat membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang lebih mendalam³¹.

Kajian ini menggunakan kaedah *Triangulation Method* yang mana bagi menguatkan analisa data kajian dan mengesahkan data dengan menggunakan pelbagai kaedah (*data through cross verification*). Ia membabitkan gabungan kaedah penyelidikan dalam mendapatkan maklumat dan data dalam kajian yang sama. Gabungan kaedah ini melibatkan pemerhatian, teori, kaedah dan bahan-bahan empirikal bagi memperkukuhkan maklumat kajian. Selain itu, dalam memperkukuhkan dan pengesahan data dan maklumat juga disahkan

³⁰ Sharan B. Merriam. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey Bass. hlm 5

³¹ Sidek Mohd Noah (2003). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. hlm 5-5

melalui perbandingan dengan data sekunder (*cross verification*) dan menganalisa data secara terperinci. Data sekunder adalah diperolehi daripada buku, jurnal, artikel, majalah, tesis dan hasil karya-karya ilmiah lain khususnya yang berkaitan dengan topik penyelidikan serta bahan-bahan yang diterbitkan. Ia adalah data dan maklumat yang membabitkan kajian-kajian serta karya ilmiah mengenai latar belakang kajian, perbincangan membabitkan bidang ketenteraan dan pengajian strategik, perkembangan pembangunan ketenteraan Malaysia dan DPN yang dilaksanakan oleh kerajaan. Data dan maklumat juga diperolehi daripada kaedah pengumpulan data primer iaitu maklumat dan data rasmi yang diperolehi dari pelbagai sumber. Antara sumber data dan maklumat primer adalah melalui dokumen-dokumen rasmi, teks ucapan rasmi Menteri Pertahanan Malaysia, Panglima Angkatan Tentera, Panglima Angkatan Tentera Darat, Panglima Angkatan Tentera Laut, Panglima Angkatan Tentera Udara. Data-data ini adalah data rasmi yang menyatakan pendirian kerajaan dan ATM. Selain itu, data primer kajian juga turut diperolehi melalui kaedah temubual. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* ATM maka penyelidik juga telah memfokuskan sampel responden yang mempunyai kuasa (*authority*) untuk ditemubual iaitu :-

1. Menteri Pertahanan

Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein lahir pada 5 Ogos 1961 dan latar belakang pendidikan beliau adalah mendapat pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1973, memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari *University of Wales, Aberystwyth* pada tahun 1984 dan Sarjana Undang-Undang dari *London School of Economics* pada tahun 1988. Sepanjang perkhidmatan beliau, beliau pernah menjawat beberapa jawatan penting dalam kerajaan seperti Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Luar Negara dan Industri (1995 -1997), Timbalan Menteri di Kementerian Perusahaan Utama (1997-1999), Menteri Belia dan Sukan (1999- 2004), Menteri Pendidikan (2004 -2009), Menteri Dalam Negeri (2009-2013) dan dilantik sebagai Menteri Pertahanan semenjak 16 Mei 2013.

2. Panglima Angkatan Tentera (PAT)

Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin. Beliau adalah Panglima Angkatan Tentera (PAT) ATM dan lahir pada 14 Jun 1954 di Pasir Mas, Kelantan. Beliau menamatkan

Latihan Kadet di SANDHURST pada tahun 1974 dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda di dalam Rejimen Ke-2 Askar Melayu Diraja selaku Ketua Platun pada 09 Ogos 1974. Sepanjang perkhidmatan beliau telah menjawat pelbagai jawatan di peringkat Batalion mulai daripada Ketua Platun hingga ke Pegawai Memerintah. Beliau telah dilantik menjadi Brigedier Jeneral pada tahun 2002 dan menjawat jawatan Asisten Panglima di Bahagian Perkhidmatan Simpanan (BPS). Beliau juga turut menjawat jawatan Panglima 8 Briged Infantri dari tahun 2003 hingga 2004 dan kemudiannya dilantik sebagai Mejar Jeneral kemudiannya Lt. Jeneral dan dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia ke-18 mulai 15 Jun 2011. Beliau bertugas di Pejabat Panglima Angkatan Tentera, Ibu Pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

3. Panglima Tentera Darat Malaysia (PTD)

Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor telah dilahirkan pada 20 Jun 1957 di Kg. Raja Besut, Terengganu. Beliau telah mendapat latihan ketenteraan di Sekolah Pegawai Kadet, Kem Sebatang Karah, Port Dickson dan di Maktab Tentera Diraja, Kem Sungai Besi dan dilantik sebagai Pegawai Kadet. Beliau telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Rejimen Askar Melayu Diraja pada 11 Mei 1977. Sepanjang karier sebagai pegawai tentera, beliau telah menyandang beberapa jawatan penting seperti Ketua Jurulatih di PUSASDA, Pegawai Memerintah 18 RAMD, Pegawai Staf 1 Bahagian Keselamatan Negara (BKN), Pegawai Staf 1 Tadbir di Cawangan Sumber Manusia, Ketua Staf Markas 3 Divisyen, Assisten Ketua Staf Perancangan & Pembangunan serta Panglima 2 Divisyen. Selain itu, beliau juga turut dilantik ke Leftenan Jeneral dan memegang jawatan Panglima Medan Tentera Darat pada 2 Jun 2008 dan menjawat jawatan sebagai Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia pada 31 Oktober 2009 dan dinaikkan pangkat Jeneral dan memegang jawatan Panglima Tentera Darat mulai 15 Jun 2013.

4. Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (PTL)

Laksamana Dato' Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar telah dilahirkan pada 7 Mei 1956 di Sg. Udang, Melaka. Sejarah perkhidmatan beliau adalah dilantik ke pangkat Leftenan Muda pada tahun 1977. Beliau memiliki rekod dan pengalaman dalam TLDM dan pernah menjadi anak kapal KD Paus (1976), KD Sri Indera Sakti (1980), KD Kasturi (1984) dan KD Laksamana

Muhammad Amin (1999). Beliau turut pernah dilantik sebagai Pegawai Memerintah KD Baung, KD Musytari dan KD Muhammad Amin dan berpangkat *Senior Officer Afloat* (Pegawai Kanan Armada). Beliau telah dilantik sebagai Laksamana (pertama) dan memegang jawatan Panglima Wilayah Laut II pada Julai 2002, dilantik sebagai Asisten Ketua Staf Sumber Manusia di Markas Tentera Laut, dilantik sebagai Panglima Armada pada Januari 2006, Asisten Ketua Staf Operasi Latihan Pertahanan pada Julai 2006 dan dilantik sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut pada 15 November 2006. Beliau dilantik sebagai Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia ke-15 pada 1 April 2008.

5. Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (PTU)

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali Bin Daud telah dilahirkan pada 11 Mac 1955 di Besut, Terengganu. Beliau mendapat pendidikan di Maktab Tentera DiRaja. Pada 31 Oktober 1973 beliau telah menamatkan latihan Pegawai Kadet dan ditauliahkan sebagai Juruterbang. Beliau telah menjalani kursus asas dan lanjutan penerbangan di Australia pada tahun 1974 dan memegang jawatan Juruterbang di Skuadron No.6 (pesawat Tebuan CL-41G) dan Skuadron No. 12 (pesawat F-5E). Selain itu, beliau turut pernah dilantik sebagai Pegawai Memerintah termasuk menyandang jawatan Pemangku Komandan Pusat Latihan Terbang 3 (pesawat PC 7 and Aermacchi MB 339A), Pegawai Memerintah Skuadron No. 12 (pesawat F-5) dan Skuadron No. 17 (pesawat MiG-29N). Beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Komander Pangkalan Udara Kuantan. Antara Jawatan yang pernah disandang adalah Pegawai Staf di Air Defence Command, Ketua Tim Projek MiG 29N di Moscow dan Penasihat Pertahanan di Moscow. Beliau pernah dilantik sebagai Brig. Jeneral Operasi, Markas Tentera Udara sebagai Assisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan, Panglima Pendidikan Udara, Panglima No. 1 Divisyen Udara dan Panglima Operasi Udara.

6. Panglima Angkatan Bersama (PAB)

Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad (PAB) adalah Panglima Angkatan Bersama. Angkatan Bersama ATM ini adalah angkatan tentera yang menggabungkan semua cabang perkhidmatan ATM iaitu Darat, Laut dan Udara dalam operasi ketenteraan. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah dilantik sebagai Panglima Angkatan Bersama berkuatkuasa mulai 20 Oktober 2014. Ibu pejabat Angkatan Bersama adalah

Markas Angkatan Bersama, Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

7. Jeneral Kanan Tentera (Operasi)

Mejar Jeneral Dato' Hj. Ibrahim bin Hashim TUDM. Beliau merupakan Pegawai Kanan ATM dari TUDM. Beliau telah menjawat jawatan sebagai Timbalan AKSPA (Operasi). Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

8. Penasihat Ketenteraan (*Military Adviser*) Panglima Angkatan Tentera

Kolonel Dzulkarnain Ahmad adalah Penasihat Ketenteraan (*Military Adviser*) Panglima Angkatan Tentera dan pernah menjadi sebagai Pegawai Pemerintah 25 RAMD (2007- Sep 2008). Beliau bertugas di Pejabat Panglima Angkatan Tentera, Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

9. Pegawai Kanan Bahagian Dasar Pertahanan Kementerian Pertahanan

En. Sahipulhijaiman Sulaiman adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang merupakan Pegawai Kanan yang bertugas di Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan. Beliau adalah Pegawai Kanan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Dasar Pertahanan Negara. Beliau bertugas di Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan, Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

1.5.2 Pengumpulan Data

Dalam menjalankan kajian ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* ini, penyelidik telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data.

1.5.2.1 Data Primer

Dalam menjalankan kajian ke atas pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance*, penyelidik menggunakan kaedah temubual separa struktur dengan Menteri dan pegawai kanan ATM seperti Menteri Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera, Panglima Tentera

Darat Malaysia, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia, Panglima Angkatan Bersama, Penasihat Ketenteraan (*Military Adviser*) kepada Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Kanan Tentera bahagian operasi dan pegawai kanan Bahagian Dasar Pertahanan Kementerian Pertahanan. Penyelidik juga mendapatkan data primer melalui laporan rasmi Kementerian Pertahanan yang berkaitan dengan kajian khususnya mengenai ATM.

1.5.2.2 Data Sekunder

Kajian menggunakan kaedah mengumpul data sekunder adalah melalui bahan-bahan bercetak atau tidak bercetak yang diterbitkan atau tidak diterbitkan seperti buku, jurnal, keratan akhbar, laporan-laporan bertulis daripada pihak berkuasa, majalah dan dokumentasi perundangan termasuklah kes-kes mahkamah.

1.5.3 Analisis Data

Semua data dan maklumat yang diperolehi akan diproses dan dianalisa dengan menggunakan analisis pelaporan (*descriptive analysis*). Maklumat-maklumat yang diperolehi dalam kaedah temubual akan dikumpul dan disusun mengikut susunan tema isi (*thematic sequence*) dengan berpandukan kepada objektif dan persoalan kajian yang dirancang dan ditetapkan. Maklumat-maklumat penting akan dipersembahkan melalui penulisan dengan disokong oleh fakta-fakta dan perbincangan secara komprehensif dan melibatkan maklumat dan fakta yang ditemui dalam temubual. Selain itu, perbincangan dan analisa fakta akan dikaitkan dengan teori, konsep atau dapatan kajian daripada kajian yang pernah dijalankan sebelum ini bagi menguatkan analisis kajian tersebut. Bagi pendapat Merriam (2009) analisis data dalam kajian kualitatif adalah suatu proses untuk menjelaskan dan menterjemah data yang diperolehi penyelidik daripada bacaan dan pemerhatian yang dilakukan. Ia adalah satu proses untuk menjawab persoalan kajian yang telah digariskan seperti kenapa sesuatu

berlaku, bagaimana ia berlaku dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sesuatu keadaan.³²

1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* adalah kajian yang memfokuskan kajian ke atas pembangunan ATM dan pembangunan DPN dalam tempoh 1957 sehingga 2010. Kajian ini mempunyai limitasi kajian yang mana maklumat perisikan yang dikategorikan sebagai sulit tidak dapat didedahkan kerana ianya berkaitan dengan soal keselamatan negara. Walau bagaimanapun secara umumnya kajian yang dijalankan adalah tidak membabitkan maklumat perisikan tetapi maklumat yang boleh didedahkan dan dapat menjawab persoalan kajian.

1.7 Signifikan Kajian

Kajian terhadap pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* oleh ATM dan kerajaan ini adalah kajian yang penting.

1. Dapat memperjelaskan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* dalam DPN.
2. Dapat memahami komponen yang perlu dibangunkan dan diberi perhatian dalam membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance*.
3. Dapat mengenalpasti kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan dan keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* oleh Malaysia.
4. Dapat menyumbangkan cadangan penambahbaikan kepada kerajaan atau negara dalam membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance*.
5. Dapat menjadi rujukan kepada para pengkaji seterusnya dalam menjalankan kajian terhadap pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance*.

³² Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Case Study Research Qualitative Research: A Guide To Design And Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass. hlm 39-54

1.8 Pembahagian bab

Perbincangan kajian pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah membabitkan enam bab. Setiap bab mempunyai tema perbincangan yang telah disusun atur dan mengandungi sub topik seperti pengenalan bab, perbincangan dan kesimpulan bab. Kajian ini membabitkan bab seperti berikut:

Bab 1: Pendahuluan

Dalam bab ini adalah merujuk kepada pengenalan kajian yang menjelaskan kerangka kajian yang dijalankan. Bab ini mengandungi pengenalan yang menjelaskan latarbelakang kajian mengenai pembangunan DPN dan ATM. Selain itu, bab ini turut mengandungi pernyataan masalah yang menjadi permasalahan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Bab ini turut menjelaskan beberapa persoalan kajian, objektif kajian ini dijalankan, skop kajian yang meliputi jangka masa. Selain itu bab ini turut menjelaskan mengenai kepentingan kajian yang dijalankan, metodologi kajian yang dijalankan. Bab ini turut menyatakan mengenai pembahagian penulisan mengikut bab.

Bab 2: Ulasan Karya

Bab ini merupakan bab yang menganalisa kajian dan karya yang pernah dijalankan yang berkaitan dengan soal pembangunan pertahanan, kepentingan ketenteraan dan maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia yang telah dijalankan sebelum ini bagi mencari maklumat dan latar belakang dengan kajian yang dibuat. Bab ini menyentuh mengenai karya dan kajian yang pernah dijalankan mengenai pembangunan DPN Malaysia dan pemodenan ATM. Kajian akan membabitkan penelitian terhadap karya yang berkaitan dengan proses dan perkembangan awal pembangunan dan kerangka DPN, strategi pertahanan, kepentingan strategik negara dan prinsip-prinsip pertahanan iaitu Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*, Prinsip Kerjasama Serantau, Prinsip Bantuan Luar. Bab ini juga turut menganalisa karya-karya yang pernah dihasilkan mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan prinsip pertahanan serta membuat ulasan terhadap kajian yang pernah dijalankan. Ulasan terhadap karya yang pernah dijalankan adalah penting untuk mencari maklumat, pandangan dan perbezaan antara kajian yang pernah dijalankan sebelum ini. Antara aspek yang menjadi tumpuan kajian adalah melibatkan aspek pembangunan DPN

yang kukuh (*firm defence posture*), pembangunan strategi pertahanan, strategi cegah rintang, strategi pertahanan menyeluruh (HANRUH), pembangunan aspek logistik, pembangunan sumber pertahanan, pembangunan aspek industri pertahanan, pembangunan aspek *Revolution Military Affairs* (RMA) dan kesimpulan bab.

Bab 3: Kerangka Teori

Dalam bab ini merupakan bab yang membincangkan kerangka teori bagi kajian yang dijalankan. Kajian yang dijalankan menggunakan teori realisme sebagai asas dalam memahami konsep *self-reliance*. Selain itu, bab ini juga mengenalpasti asal usul konsep *self-reliance* dan teori realisme. Bab ini menyentuh mengenai konsep peperangan, anarki dan keperluan ketenteraan kepada sesebuah negara. Bagi memperjelaskan kerangka kajian yang menggunakan teori realisme, bab ini menganalisa sejarah awal konsep *self-reliance* secara terperinci yang membabitkan realisme pra-klasik (*pre classical realism*), realisme klasik (*classical realism/modern realism*) dan neorealisme. Perbincangan juga akan membabitkan konsep *self-help* yang terkandung dalam realisme yang mempunyai erti yang sama dengan *self-reliance*. Selain itu, bab ini turut menyentuh mengenai perkaitan antara *self-reliance* dengan pengamalan pakatan (*alliances*) mengikut teori realisme. Dalam membentuk kerangka kajian pertahanan *self-reliance*, bab ini turut menganalisa pelaksanaan model-model pertahanan *self-reliance* yang pernah dilaksanakan oleh negara lain. Antara negara yang dipilih sebagai model pembangunan pertahanan *self-reliance* adalah Korea Selatan, Australia dan Singapura untuk dijadikan sebagai kerangka kajian agar dapat menganalisa pembangunan pertahanan *self-reliance* yang dilaksanakan oleh Malaysia. Bab ini juga turut memiliki kesimpulan bab yang menyimpulkan penemuan dalam bab ini.

Bab 4: Dasar Pertahanan Negara

Bab ini menjelaskan mengenai proses pembangunan DPN yang dijalankan oleh ATM dan kerajaan semenjak tahun 1957 hingga 2010. Bab ini juga turut menyentuh mengenai proses pembangunan dan faktor yang mempengaruhi pembangunan DPN. Bab ini juga turut menganalisa situasi perkembangan politik rantau dan antarabangsa ketika era Perang Dingin dan selepas Perang Dingin dan ancaman yang mempengaruhi pembangunan DPN Malaysia. Dalam memperjelaskan pembangunan pertahanan ATM bab ini turut menganalisa proses

pembentukan DPN serta kandungan dasar pertahanan yang diamalkan oleh Malaysia. Bab ini turut menjelaskan pelbagai aspek seperti kepentingan kawasan serantau kepada Malaysia, konsep pertahanan dan prinsip pertahanan negara. Selain itu, bab ini juga menyentuh secara terperinci terhadap aspek yang dinyatakan dalam kandungan DPN khususnya prinsip pertahanan *self-reliance*, prinsip pertahanan kerjasama serantau dan prinsip pertahanan bantuan luar. Dalam bab ini juga ia turut menjelaskan mengenai pelaksanaan beberapa strategi pertahanan yang dilaksanakan ATM seperti pertahanan cegah rintang, pertahanan hadapan dan diplomasi pertahanan. Bagi memperincikan proses pembangunan pertahanan negara, bab ini juga menyentuh usaha dan proses serta perkembangan pembangunan setiap cabang perkhidmatan ATM iaitu TDM, TLDM dan TUDM. Bab ini turut membuat kesimpulan bab bagi menyimpulkan penjelasan yang dijalankan dari awal hingga ke penemuan akhir dalam bab ini.

Bab 5 : Analisa Terhadap Masalah Dan Keupayaan Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*

Bab ini adalah bab yang menjalankan penganalisaan terhadap pelaksanaan pembangunan *self-reliance* ATM. Bab ini menganalisa setiap komponen *self-reliance* dalam aspek membentuk DPN yang kukuh (*firm defence posture*). Analisa yang dibuat adalah mengenalpasti proses pembangunan yang dijalankan oleh ATM, ancaman yang dihadapi, kepentingan strategik dan konsep pertahanan, pembangunan DPN, KPP dan struktur DPN. Selain itu, bab ini juga mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam pelaksanaan pembangunan aspek membentuk DPN yang kukuh (*firm defence posture*) dan kesan kepada pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance*. Bab ini juga turut menganalisa aspek pembangunan strategi pertahanan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan ATM. Analisa ini membabitkan beberapa sudut seperti perbelanjaan pertahanan negara ASEAN, faktor yang mempengaruhi, perbelanjaan dan perancangan pembangunan pertahanan, perancangan pertahanan dalam Rancangan Malaysia sejak tahun 1991 hingga 2010. Analisa dalam aspek pembangunan sumber pertahanan ini juga adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi dan kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance*. Selain itu, bab ini juga turut menganalisa komponen pembangunan strategi yang mengandungi strategi pencegahan rintang, strategi diplomasi pertahanan dan pertahanan hadapan. Analisa ini juga adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam aspek strategi

pertahanan dan apakah kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Bab ini turut menganalisa aspek logistik pertahanan yang membabitkan pengurusan logistik dan setiap logistik cabang perkhidmatan ATM. Analisa ini juga mengenalpasti masalah yang dihadapi ATM dalam aspek logistik pertahanan dan kesan permasalahan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* yang dilaksanakan. Dalam bab ini pembangunan industri pertahanan negara yang dibangunkan semenjak tahun 1970 turut dianalisa dengan terperinci. Bab ini turut mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam pembangunan industri pertahanan dan kesannya ke atas prinsip pertahanan *self-reliance*. Selain itu, bab ini turut menganalisa aspek pembangunan *Revolution Military Affairs* (RMA) ATM, aplikasi EW dan ICT. Bab ini turut membuat kesimpulan bab bagi menyimpulkan analisa dan penemuan kajian.

Bab 6 : Rumusan dan Cadangan

Bab ini merupakan bab yang merumuskan hasil penemuan kajian yang membabitkan semua bab. Dalam bab ini hasil penemuan terhadap pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* oleh kerajaan dan ATM dan permasalahan yang dihadapi. Selain itu, dalam bab ini juga ia merumuskan dapatan dan perbincangan yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelum ini. Perbincangan hasil penemuan ini adalah bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab satu. Bab ini juga membuat rumusan hasil kajian yang dapat menyumbangkan kepada bidang ilmu dan pengajian pertahanan khususnya membabitkan pembangunan konsep, struktur dan komponen pertahanan *self-reliance*. Bab ini mengandungi dua bahagian besar iaitu kesimpulan yang akan merumuskan hasil kajian mengikut komponen. Bahagian kedua adalah cadangan penambahbaikan hasil daripada kajian yang dibuat yang dapat diguna oleh para penyelidik lain untuk membuat kajian mengenai prinsip pertahanan *self-reliance*.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab ini mengkaji dan mengulas kajian yang pernah dibuat ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia yang telah dijalankan sebelum ini bagi mencari maklumat dan latar belakang kajian yang dijalankan. Bab ini melibatkan kajian mengenai pembangunan dasar pertahanan, pembangunan dan pemodenan ATM. Selain itu, bab ini juga meneliti kajian-kajian yang pernah dijalankan mengenai proses dan perkembangan awal pembangunan dan kerangka DPN, strategi pertahanan, kepentingan strategik negara dan prinsip-prinsip pertahanan iaitu Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*, Prinsip Kerjasama Serantau, Prinsip Bantuan Luar. Bab ini juga turut menganalisa karya-karya yang pernah dihasilkan mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan prinsip pertahanan serta membuat ulasan terhadap kajian yang pernah dijalankan. Antara aspek yang menjadi tumpuan kajian adalah melibatkan aspek pembangunan DPN yang kukuh (*firm defence posture*), pembangunan strategi pertahanan, strategi cegah rintang, strategi pertahanan menyeluruh (HANRUH), pembangunan aspek logistik, pembangunan sumber pertahanan, pembangunan aspek industri pertahanan, pembangunan aspek *Revolution Military Affairs* (RMA) dan kesimpulan bab.

2.2 Pembangunan Dasar dan Ketenteraan Malaysia

Proses pembangunan pertahanan dan keselamatan Malaysia telah bermula semenjak sebelum tahun 1957 khususnya ketika Tanah Melayu di bawah pemerintahan British. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ia telah membuka ruang kepada pembangunan dasar pertahanan dan ATM dengan lebih pesat. Antara 1957 sehingga tahun 2010 pelbagai pembangunan dasar dan pembangunan ketenteraan dibangunkan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara dapat dilindungi. Perkembangan semasa politik dalaman negara dan ancaman serantau telah menjadi faktor yang mempengaruhi pembentukan dasar pertahanan dan pembangunan ketenteraan Malaysia. Dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN), kerajaan telah meletakkan beberapa prinsip pertahanan iaitu

prinsip pertahanan *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar. Pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah bermatlamat bagi memastikan Malaysia dapat bergantung pada diri sendiri dalam menghadapi ancaman musuh dan mengelakkan kebergantungan kepada negara luar. Pembangunan dasar pertahanan dan matlamat prinsip pertahanan *self-reliance* ini telah menimbulkan pelbagai pendapat sama ada positif dan negatif.

Bagi pendapat Chandran Jeshurun (1980)³³ dalam *Malaysian Defence Policy: A Study in Parliamentary Attitudes 1963-1973* menyatakan pembangunan pertahanan Malaysia dibahagikan kepada empat fasa iaitu fasa pertama (1963-1968) yang mana semenjak mencapai kemerdekaan DPN telah mengamalkan dasar anti komunis yang dipengaruhi oleh dasar dan pemerintahan British. Pada tahun 1962, kerajaan telah berusaha untuk membangunkan DPN yang dikenali sebagai *Dynamo Plan* sejajar dengan hasrat kerajaan memperkukuhkan pertahanan negara. Dalam fasa kedua (1970-1978) ia adalah fasa yang berkaitan dengan pengenalan prinsip pertahanan *self-reliance* yang dipengaruhi oleh faktor dalaman yang menghadapi masalah rusuhan kaum, ketidakstabilan politik dan penarikan diri Britain daripada AMDA. Ia telah memberikan kesedaran kepada Malaysia untuk mengamalkan prinsip pertahanan *self-reliance* dalam aspek pertahanan. Kerajaan turut membangunkan dasar pertahanan dengan memperkenalkan strategi Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dan telah diperkembangkan sebagai strategi Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). Manakala bagi fasa ketiga pula (1979-1983) pembangunan dasar dan pertahanan ATM telah melalui fasa perubahan daripada pasukan tentera yang bersifat *counter insurgency* kepada pasukan tentera yang konvensional. Dalam fasa (1989-2011) adalah fasa yang mana kerajaan telah berusaha melahirkan *Defence White Paper* (Kertas Putih Pertahanan) yang telah diusahakan semenjak tahun 1986. Perletakkan senjata oleh PKM telah membolehkan ATM menjalankan proses pemodenan dan melaksanakan strategi *forward defence* dan HANRUH. Walau bagaimanapun, karya ini tidak menjelaskan kemampuan dan keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM. Karya ini hanya memberikan perkembangan serta membahagikan fasa pembangunan pertahanan yang dijalankan oleh kerajaan.

³³ Chandran Jeshurun (1980).Op.cit.hlm11-17

Menurut Salim Ahmad Miandad (2002)³⁴ keadaan politik dalaman yang tidak stabil akibat daripada meletusnya rusuhan kaum 13 Mei 1969 telah memaksa kerajaan Malaysia melaksanakan undang-undang darurat dan mempengaruhi pembangunan DPN dan ATM untuk mengamalkan prinsip pertahanan *self-reliance* kerana pergantungan aspek keselamatan kepada negara luar khususnya Britain tidak memberikan jaminan keselamatan kepada Malaysia dalam aspek pertahanan.

“Peristiwa rusuhan kaum pada Mei 1969 dan pengunduran British daripada Malaysia telah menjadi titik tolak kepada bermulanya strategi self-reliance. Perkembangan semasa antara tahun 1968-1971 yang menyaksikan British meninggalkan Malaysia yang menunjukkan ketidaksungguhan untuk membantu Malaysia dalam aspek keselamatan telah mempengaruhi Malaysia untuk melaksanakan strategi self-reliance”³⁵

Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* semakin pesat berkembang apabila kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) yang kemudiannya diperkembangkan kepada konsep pertahanan HANRUH dan menjadi salah satu strategi pertahanan negara. Umumnya karya ini menjelaskan mengenai faktor yang mempengaruhi Malaysia melaksanakan prinsip pertahanan, namun persoalan mengenai sejauhmana keupayaan dan kemampuan prinsip pertahanan ini mampu mempertahankan keselamatan negara tidak dinyatakan. Malah ia turut tidak menyatakan masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam melaksanakan prinsip pertahanan *self-reliance*. Menurut Clutterbuck. R (1984) dalam *Conflict and Violence In Singapore and Malaysia 1945-1983* menyatakan KESBAN adalah strategi yang lahir pada tahun 1950-an dan 1970-an yang telah mempengaruhi kewujudan konsep pertahanan HANRUH. KESBAN adalah strategi pertahanan yang bermatlamat untuk mewujudkan keselamatan dan pembangunan yang membabitkan pelbagai agensi kerajaan dan masyarakat. Agensi kerajaan berperanan bagi mewujudkan pembangunan dan meningkatkan ekonomi dan sosial serta membangunkan aspek keselamatan. Perlaksanaan strategi KESBAN turut dijadikan sebagai usaha pembasmian gerakan komunis. Melalui KESBAN, pembangunan kawasan luar bandar dalam aspek ekonomi dan sosial dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kerajaan, taraf

³⁴ Salim Ahmad Miandad (2002) Op.cit.

³⁵ Ibid. hlm 28-31

hidup masyarakat akan turut meningkat dan seterusnya dapat mencipta keyakinan terhadap kerajaan dan keamanan³⁶.

“Kerajaan perlu mempunyai satu rancangan yang menyeluruh. Rancangan bukan sahaja meliputi keselamatan dan gerakan militari tetapi merangkumi aspek politik, sosial ekonomi, pentadbiran, polis dan lain-lain perkara yang ada kaitannya dengan perang insurgensi”³⁷.

Selain itu, Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993) dalam *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges of the Post Cold Era* menyatakan tindakan kerajaan mengamalkan prinsip pertahanan *self-reliance* dan kerjasama serantau turut diaplikasikan dalam aspek ekonomi berikutan ketika era 1980-an kerajaan menghadapi krisis kemelesetan ekonomi. Kerajaan turut memberikan perhatian dalam aspek pembangunan ATM dan sektor industri pertahanan yang dibangunkan semenjak tahun 1970-an agar dapat memastikan matlamat bergantung pada diri sendiri dapat direalisasikan. Pada tahun 1979, kerajaan telah mengambil keputusan untuk melakukan pembesaran ATM dari sudut keanggotaan, struktur organisasi, kenderaan perisai dan kuasa tembakan (*fire power*)³⁸. Peningkatan kekuatan TDM telah menjadi fokus ATM memandangkan TDM menjadi barisan hadapan dalam membasmi gerakan gerila komunis manakala TUDM dan TLDM berperanan memberikan sokongan operasi angkatan tentera darat. Menurut Abdul Ghani Yunus (1995) dalam *The Malaysian Armed Forces and Vision 2020* menyatakan kerajaan telah mengambil pendekatan membangunkan dengan pesat sektor industri pertahanan sejajar dengan penumpuan kerajaan dalam sektor ekonomi berasaskan perindustrian lain. Keputusan kerajaan ini bagi memastikan DPN mampu mencapai objektif untuk berdikari melalui pembangunan sektor industri pertahanan yang dapat memastikan keupayaan ATM mampu mempertahankan keselamatan secara berdikari dan mengelakkan kebergantungan kepada negara luar dapat

³⁶ Clutterbuck. R (1984). *Conflict and Violence In Singapore and Malaysia 1945-1983* .Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.hlm 45.

³⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2002a). Dasar Pertahanan Menyeluruh, Sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia. *Perajurit*. Julai. hlm 17

³⁸ Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges of the Post Cold Era*. Kuala Lumpur: Malaysian International Affairs Forum. ATM khususnya TDM telah memfokuskan aspek *fire power* dalam usaha memantapkan kemampuan TDM dan ATM. Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Tentera Darat di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur Pada 12 Disember 2014.

dicapai. Justeru kerajaan telah memperkenalkan Dasar Industri Pertahanan (DIP) pada tahun 1982 dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3)³⁹.

Abd Rahman Adam (1997) dalam *Keselamatan Dan Kepentingan Nasional* menyatakan kerajaan turut berusaha menghasilkan KPP pada tahun 1986 namun ianya gagal apabila kabinet telah menolak cadangan menghasilkan KPP. Cadangan membentuk KPP telah ditolak oleh kabinet dengan alasan tidak memerlukan KPP dan memadai dengan memberikan tugas kepada MKN untuk menguruskan hal ehwal keselamatan dan pertahanan. Pembangunan dasar pertahanan turut berkembang pada era 1989-2011 apabila kerajaan memberikan penumpuan dalam melaksanakan strategi pertahanan ke hadapan (*forward defence*). Kerajaan turut mensasarkan untuk memastikan pembangunan ATM sentiasa di hadapan dengan melengkapkan angkatan pertahanan dengan kelengkapan pertahanan yang moden dan mengikut perkembangan teknologi semasa. Perletakkan senjata oleh PKM yang hasil daripada perjanjian damai Hat Yai 1989 antara PKM dengan kerajaan Malaysia dan perletakkan senjata oleh Parti Kalimantan Utara (PARAKU) pada tahun 1990 telah menamatkan ancaman pemberontakan dalaman negara. Ia turut membuka ruang kepada proses pemodenan dasar dan peningkatan keupayaan ATM secara komprehensif⁴⁰.

2.3 Pembangunan dan Pemodenan ATM

Menurut Young P.L (1990) dalam *Malaysia's Defense Links: Keys to Modernization Plans*⁴¹ telah menyatakan mengenai dasar pertahanan dan sejarah pembangunan ATM. Karya ini turut menjelaskan mengenai pembangunan Tentera Darat Malaysia (TDM). Dalam era 1948-1960, kejayaan komunis melakukan serangan di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948 telah membawa kepada pengistiharan darurat. Ia telah menjadi faktor kepada pembangunan

³⁹ Abdul Ghani Yunus (1995). The Malaysian Armed Forces and Vision 2020. Dalam Abdul Razak Abdullah Baginda dan Rohana Mahmood (edt). *Malaysia's Defence and Foreign Policies*. Malaysian Strategic Research Centre. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Mohd Hashim Ahmad (2001). Industri Pertahanan Malaysia. *Sorotan Darat*. Jil. 2 Bil 38.hlm 61-64. Maklumat juga diperolehi daripada Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed (2014) dalam sesi temubual dengan Panglima Tentera Darat di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat Pada 12 Disember 2014, En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan pada 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

⁴⁰ Abd Rahman Adam (1997). *Op.cit*.hlm 7

⁴¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2005b). Batalion Standart Infantri. *Perajurit*. November.hlm 3-7

ATM apabila kerajaan (British) mengambil keputusan untuk memperbesarkan angkatan pertahanan daripada sebuah batalion Rejimen Askar Melayu Diraja pada tahun 1948 kepada tujuh batalion dan diletakkan di bawah kawalan Operasi Tentera Darat Timur Jauh British (*Far East Land Forces*) di Singapura dan *Malaya Command* di Kuala Lumpur⁴². Dalam era 1960-1989 pihak kerajaan terpaksa memberikan fokus dalam menghadapi dan menghapuskan ancaman PKM di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak. ATM telah mengambil langkah untuk membentuk sebuah angkatan infantri yang kredibel dengan mengurangkan daripada jumlah 100,000 orang kepada 85,000 sebagai *Batalion Infantry Standard* semenjak tahun 1999⁴³ serta menumpukan kepada meningkatkan keupayaan kuasa tembakan dan daya tempur⁴⁴. Menurut Mohd Najib Abdul Razak (2001) dalam *Defending Malaysia: Facing the 21st Century*⁴⁵ menyatakan proses pemodenan TDM aktif semenjak tahun 1990-an yang memberikan fokus kepada daya tempur dalam usaha mencapai sebuah pasukan konvensional yang kredibel. Kerajaan telah membuat pembelian kelengkapan pertahanan yang moden termasuklah pembelian kenderaan berperisai. Di dalam inventori TDM, terdapat beberapa jenis kenderaan berperisai yang digunakan oleh TDM semenjak 1970-an sehingga 2010 yang masih menjadi kekuatan pasukan armornya seperti 184 kenderaan *Sibmas 6x6 AFSV* yang dilengkapi dengan sistem meriam *Cockerill 90mm* dan 460 buah kenderaan berperisai pacuan 4x4 *Radpanzer Condor*⁴⁶. Dalam RMK10, TDM membuat pembelian kenderaan pacuan 8x8 yang memiliki tahap ketahanan yang tinggi

⁴² Chin, K. W. (1991). The Five Power Defence Arrangement: Twenty Years After. *The Pacific Review*. Vol. 4. Bil. 3. hlm 199

⁴³ Tentera Darat 1933-2001. Aliran Pemodenan dan Tanggungjawab Perjuangan. *Perajurit*. Mac 2001. hlm3-8

⁴⁴ Nasibah Harun (2005b). Op.cit. hlm 5-7

⁴⁵ Mohd Najib Abdul Razak (2001). *Defending Malaysia : Facing the 21st Century*. London: ASEAN Academic Press Ltd. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zuridan Muhammad (2009a) Memperkasakan Daya Mobiliti TDM-Penggantian Kenderaan Berperisai. *Tempur*. Mac http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=133&Itemid=103

⁴⁶ Dalam menterjemahkan kenderaan berperisai dan infantri, terdapat tiga istilah yang sering digunakan dalam membincangkan hubungan antara kenderaan dan infantri melibatkan *cavalry*, *motorised* dan *mechanised* yang menjelaskan bagaimana tentera infantri dibawa ke medan pertempuran. i) *cavalry* atau kavalri memberikan maksud pergerakan tentera infantri sama ada menggunakan kuda yang membolehkan pergerakan pantas tentera ke medan peperangan. Gabungan antara tentera infantri yang bertanggungjawab melakukan serangan atau pertahanan dengan Kavalri yang membawa pergerakan telah memberikan kekuatan kepada tentera untuk menjalankan operasi ketenteraan. ii) *Motorised Infantry* membawa maksud penggunaan jentera bermotor untuk membawa tentera infantri ke medan pertempuran dengan menggunakan lori, kereta, trak dan sebagainya. iii) *Mechanised infantry* adalah anggota infantri yang dibawa ke medan pertempuran dengan menggunakan sistem kenderaan Armor yang mempunyai pelbagai sistem berperisai khas seperti menggunakan kenderaan berantai, kalis peluru, mempunyai senjata ringan atau berat dan sebagainya. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zuridan Muhammad (2009a). Op.cit.

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=133&Itemid=103

daripada serangan musuh termasuk periuk api. TDM sehingga tahun 2010 telah mempunyai 100 buah kenderaan MIFV dan sejumlah 200 kenderaan Adnan.

Menurut laporan Muhammad Fuad Mat Noor (2010) telah melaporkan pembangunan kenderaan armor TDM telah meningkatkan imej ATM sebagai sebuah pasukan yang kredibel. Sejar dengan hasrat kerajaan dalam membentuk pertahanan yang konvensional, ATM telah mensasarkan perolehan kelengkapan pertahanan yang berteknologi tinggi yang melibatkan perolehan kereta kebal utama atau *Main Battle Tank* (MBT) T-72 buatan Rusia yang kemudiannya dihasilkan oleh Poland. ATM telah melakukan penambahbaikan ke atas model kereta kebal tersebut dan dikenali sebagai PT-91M (Pendekar) pada tahun 2003. Dalam aspek logistik, kerajaan turut membangunkan program menyediakan kekuatan tentera darat dengan buat pertama kalinya Malaysia memiliki kereta kebal utama. Ia meningkatkan kekuatan tentera darat khususnya Kor Armor Diraja dalam mempertahankan negara selain disokong oleh kereta perisai dan artileri lain. PT-91M Pendekar ini dikenalpasti mampu menjalankan operasi dengan baik sesuai dengan geografi Malaysia dan boleh diatur gerak menjalankan operasi di bandar dan di dalam hutan.

Pembangunan ketenteraan Malaysia pesat dibangunkan semenjak awal 1990-an merupakan pembangunan yang normal bagi sesebuah negara⁴⁷. Pembelian beberapa kelengkapan strategik seperti pembelian kapal perang pada tahun 1992 merupakan titik tolak pemodenan angkatan laut dan angkatan tentera Malaysia secara amnya. Pembelian kapal perang termoden di AT (pada ketika itu) adalah keperluan bagi Malaysia dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan wilayah maritim Malaysia dapat dilindungi. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang bersifat *maritime state*. Pemodenan TLDM diperkembangkan dengan pembelian empat buah kapal perang kelas frigat (2006) dan 2 buah kapal selam kelas (*Scorpene*) yang beroperasi pada tahun 2009 yang dilaksanakan oleh Malaysia. Pembelian dua buah kapal selam merupakan pembelian kelengkapan strategik pertahanan laut adalah proses bagi memastikan Malaysia memiliki senjata strategik “bawah laut” dalam memperkukuhkan pertahanan maritimnya. Menurut Azmi Hasan (2007), pembelian kapal

⁴⁷ Sila lihat kenyataan Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohamed Shafie Apdal yang menegaskan pembangunan ketenteraan Malaysia adalah bersifat normal. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Singapura dan ASEAN Kesenambungan Pembangunan Atau Perlumbaan Senjata? *Perajurit*. Mei. 2002. hlm 3-8

selam adalah proses memperkukuhkan pertahanan melalui persenjataan di bawah laut negara seiring dengan perubahan teknologi dan ancaman⁴⁸.

Menurut Rodzali Daud (2002) dalam *Modernization Of The Royal Malaysian Air Force (RMAF): Issues And Challenges* telah menyatakan TUDM adalah sebuah angkatan pertahanan yang penting kepada keselamatan dan pertahanan negara. Kesungguhan kerajaan memperkukuhkan pertahanan negara dapat dilihat melalui pembelian 18 buah pesawat MiG-29 dan 8 buah pesawat F/A18 *Hornet*. Ia adalah strategi TUDM untuk melengkapkan diri untuk meningkatkan keupayaan melancarkan serangan memusnahkan kekuatan udara musuh, menyerang kawasan penting musuh dan menghalang pesawat musuh mencerooboh ke ruang udara Malaysia. Kesungguhan kerajaan dan ATM dalam memperkukuhkan pertahanan udara negara semakin jelas dengan pembelian 18 buah pesawat *Sukhoi* (Su-30 MKM *Flanker*) dari Rusia yang bernilai 900 juta semenjak Jun 2006. Pembelian aset strategik TUDM ini selaras dengan pengaruh kuasa pesawat *Multi Role Combat Aircraft* (MRCA) lanjutan daripada pemilikan MiG -29 dan F/A 18 *Hornet*⁴⁹.

2.4 Dasar Pertahanan Negara Malaysia

DPN merupakan satu manifestasi matlamat yang bertanggungjawab untuk melindungi keselamatan dan kepentingan strategik sesebuah negara⁵⁰. Menurut K.S Balakrishnan (2009) dalam *Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation And National Security* menyatakan :-

*“The defence policy of a nation can be viewed in two ways. First, by taking a look at the published official documents which articulate policy framework and priorities and the necessary resources garnered in order to fulfill national security objectives. Second, is by making an observation on the ad hoc policies and implementations responses of a nation in crisis scenarios, especially in meeting contingencies”*⁵¹.

⁴⁸ Azmi Hasan (2007a). Senjata Strategik Bawah Laut. *Utusan Malaysia*. 29 Mac.

⁴⁹ Rodzali Daud (2002). *Modernization Of The Royal Malaysian Air Force (RMAF): Issues And Challenges*. Faculty Of Social Sciences And Humanities. Tesis. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan oleh Nasibah Harun (2004c) Kerjaya Sebagai Anggota TUDM. *Perajurit*. Disember. hlm 24- 28

⁵⁰ Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges of the Post Cold Era*. Kuala Lumpur: Malaysian International Affairs Forum.hlm 12-16

⁵¹ K.S Balakrishnan (2009a). *Op.cit*.hlm 117-118. Lihat juga maklumat ini turut pernah dinyatakan dalam sesi temubual dengan Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Angkatan Bersama, di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor (2014).Timbalan Panglima Tentera Udara di Pejabat Timbalan

Secara amnya DPN memberikan gambaran pendirian dan matlamat negara untuk mempertahankan kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan negara. Douglas J. Murray dan Paul R. Viotti (1994) dalam *The Defence Policies of Nations: A Comparative Study* telah menyatakan dasar pertahanan perlu mengambil kira bukan hanya aspek ancaman tetapi juga kepentingan negara⁵². Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993) dalam *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges Of The Post Cold Era* menyatakan DPN Malaysia menggariskan tiga asas utama, iaitu kepentingan strategik negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Dalam konteks pertahanan negara, kerajaan telah menetapkan bahawa objektif utama DPN adalah untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan Malaysia berteraskan kepada kedaulatan negara, keutuhan wilayah serta kesejahteraan ekonomi⁵³. Proses pembangunan ATM semenjak tahun 1971 dilihat semakin pesat dan kukuh.

*“Dalam usia mencecah 71 tahun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah semakin matang untuk merangka struktur pentadbiran yang lebih kukuh dan mantap...Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kini dilihat semakin giat membangunkan kekuatan masing-masing dengan pembelian dan perancangan pelbagai peralatan baru yang lebih moden dan berkeupayaan tinggi dalam menghadapi pelbagai ancaman yang semakin mengancam dewasa ini”*⁵⁴.

Abdul Razak Baginda (1995) dalam *The Malaysian Armed Forces After the Fall of Communism*⁵⁵ telah menyatakan usaha kerajaan menghasilkan KPP bermula semenjak tahun 1981 selepas keputusan kerajaan melakukan pembesaran ATM pada tahun 1979. Menurut Shahrudin Othman (2002) dalam *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?* Cadangan pembentukan KPP yang dibentangkan dalam kabinet tidak diluluskan sebagai kertas putih, sebaliknya ia telah diluluskan oleh MKN pada tahun 1986 dan diterbitkan sebagai *Dasar Pertahanan Negara: Ke Arah Pertahanan*

Panglima Tentera Udara, Markas Tentera Udara pada 12 Disember 2014 dan En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual Pada 11 Oktober 2014 Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

⁵² Douglas J. Murray & Paul R. Viotti (1994). *The Defence Policies of Nations: A Comparative Study*. Baltimore: The John Hopkins University Press.

⁵³ Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). Op.cit.hlm 12-16

⁵⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan laporan Zulkhairil Zanuddin (2004a). ATM: Pertahanan Kedaulatan Bumi Bertuah. *Perajurit*. Disember.hlm 53

⁵⁵ Abdul Razak Abdullah Baginda (1995). *The Malaysian Armed Forces After the Fall of Communism*. *Agenda Magazine*. Vol. 1. No. 1 September.

Berdikari pada awal 1990-an yang menjadi rujukan DPN. DPN yang telah diluluskan oleh MKN adalah berteraskan kepada tiga prinsip utama DPN iaitu prinsip pertahanan *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar. Karya ini turut menjelaskan DPN telah dinilai semula pada tahun 1991 dan dibentangkan dalam kabinet pada tahun 1993 untuk dijadikan sebagai KPP, namun sekali lagi ianya gagal. Pada tahun 2002, DPN telah dinilai semula dan dibentangkan dalam kabinet dan ia masih gagal. Karya ini menjelaskan DPN yang diluluskan oleh MKN pada tahun 1986 kekal sebagai DPN dan sebagai rujukan dalam soal membabitkan keselamatan dan pertahanan negara. Justeru, dasar pertahanan adalah bergantung kepada dasar luar dan pendirian rasmi semasa kerajaan. Walaupun karya ini ada menjelaskan mengenai permasalahan yang dihadapi oleh kerajaan dalam menjadikan cadangan DPN yang dibentangkan beberapa kali dalam kabinet untuk dijadikan sebagai KPP namun, karya ini tidak menjelaskan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan memiliki permasalahan. Persoalan juga timbul apabila sehingga tahun 2002, kerajaan memutuskan untuk mengekalkan cadangan yang dibentangkan pada tahun 1986 sebagai DPN sedangkan ancaman keselamatan negara semakin berkembang daripada bersifat tradisional kepada bukan tradisional. DPN negara terus kekal bergantung kepada pendirian semasa kerajaan dalam soal pertahanan dan keselamatan.

“Kerajaan Malaysia tidak pernah mengumumkan atau menunjukkan Dasar Pertahanan Negara (DPN) secara rasmi. Walau bagaimanapun, pelbagai pegawai kerajaan dan tentera telah membuat beberapa pengumuman tentang DPN dari semasa ke semasa⁵⁶”.

Keadaan ini menunjukkan DPN adalah tidak tetap dan ianya bergantung kepada pendirian semasa kerajaan. Secara tidak langsung ia memberikan kesan kepada pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan yang mana pelan perancangan *self-reliance* juga mampu berubah mengikut pendirian kerajaan. Namun, karya ini tidak menjelaskan mengenai pendekatan kerajaan ini memberikan kesan kepada pelaksanaan, pembangunan dan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance*. Prasun K. Sengupta (2002)⁵⁷ dalam *MAF In the 21st Century* menyatakan faktor persekitaran rantau telah mempengaruhi pembentukan DPN. Justeru, kandungan DPN telah menekankan keperluan mengekalkan

⁵⁶ Sharuddin Othman (2002). Op.cit.hlm 40

⁵⁷ Prasun K. Sengupta (2002). *MAF In the 21st Century*. *Asian Defence Journal*. April.

kawasan kepentingan strategik negara yang stabil dan aman. Kawasan kepentingan strategik negara dapat dilihat dari tiga lapisan iaitu kawasan terdekat, serantau dan global. Kawasan terdekat termasuk wilayah daratan, perairan negara, ruang angkasa, Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), Selat Melaka dan Selat Singapura selain jaluran laluan perhubungan laut dan udara yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Kawasan serantau yang dianggap penting oleh Malaysia meliputi Asia Tenggara, termasuk Kepulauan Andaman dan juga Laut China Selatan. Malaysia melihat sebarang perkembangan di rantau ini akan memberi kesan kepada keselamatan dan pembangunan negara⁵⁸. Dengan mengambilkira faktor kepentingan strategik negara dan pelbagai kepentingannya yang lain, pertahanan Malaysia berkisar sekitar prinsip utama iaitu prinsip pertahanan *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar⁵⁹. Bagi memastikan keselamatan dan kedaulatannya terjamin Malaysia telah mengambil langkah melaksanakan prinsip pertahanan *self-reliance* dan mengelakkan pergantungan daripada negara luar. Justeru, ia memerlukan pembangunan bukan hanya terhadap keupayaan tempur ATM tetapi juga melibatkan aspek logistik, industri pertahanan dan golongan bukan tentera untuk bersama-sama mempertahankan negara. Walau bagaimanapun, karya-karya ini tidak menjelaskan sejauhmana kejayaan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* dicapai dan keupayaan prinsip pertahanan ini melindungi keselamatan negara. Ini kerana terdapat pelbagai isu yang dilaporkan yang membabitkan pertahanan negara, sedangkan pihak kerajaan memberikan gambaran keselamatan negara adalah kukuh.

Dalam prinsip pertahanan kerjasama serantau, Malaysia memberikan sokongan mewujudkan hubungan kerjasama pertahanan dua hala dalam kalangan negara ASEAN. Menurut Hari Singh (1996) dalam *Malaysia and Singapore: Reflections on a Special Relationship* menyatakan satu rangkaian kerjasama pertahanan dua hala dengan negara ASEAN akan banyak membantu dalam proses membina keyakinan dan menggalakkan

⁵⁸ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014 dari dokumen edaran Nota Percakapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mengenai "Dasar Pertahanan Negara *Executive Talk*" pada 18 Ogos 2014.

⁵⁹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Dasar Pertahanan Negara. *Perajurit*. Julai 2004.hlm 55-58

ketelusan⁶⁰. Seiring dengan pendekatan ini, Malaysia menggalakkan dan menyumbang ke arah membangunkan suatu kesatuan ASEAN yang teguh dan berkesan untuk memastikan keamanan. Malaysia menganggap peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) yang dianggotai oleh Singapura, Britain, Australia, New Zealand dan Malaysia sebagai satu saluran untuk memperoleh bantuan luar⁶¹. FPDA merupakan satu-satunya peraturan pertahanan berbentuk formal yang melibatkan Malaysia dengan negara kuasa luar rantau.⁶²

Menurut Abdul Ghani Yunus (1995)⁶³ dalam *The Malaysian Armed Forces and Vision 2020* menyatakan ATM memerlukan keperluan teknologi dan moden dalam sistem pertahanan yang meningkatkan keberkesanan DPN. Salah satu aspek yang perlu dibangunkan oleh kerajaan dan ATM adalah membentuk dasar pertahanan yang kukuh (*defence posture*) dan bersifat komprehensif dan kehadapan. Abdul Razak Baginda (1995) dalam *Malaysia's Defence & Foreign Policies* menyatakan ATM memerlukan satu bentuk dasar pertahanan yang mengambilkira pembangunan dan keselamatan secara komprehensif dan sistematik (*firm defence posture*) yang dapat dijadikan sebagai hala tuju yang jelas yang dapat membangunkan dan memodenkan ATM⁶⁴. Usaha ke arah mengelakkan pergantungan mendapatkan kelengkapan pertahanan dari luar dan melahirkan pakar sains dan teknologi adalah berkaitan dengan *defence posture* yang mana ia perlu mengambil kira aspek-aspek tersebut dalam usaha memastikan keupayaan dan keberkesanan sistem pertahanan Malaysia.

⁶⁰ Hari Singh (1996). Malaysia and Singapore: Reflections on a Special Relationship. Kertas Kerja. Sixth Malaysia-Singapore Forum. Petaling Jaya: Selangor. 6-8 Disember 1996.hlm 8.

⁶¹ Hawkins, D. (1972). *The Defence of Malaysia and Singapore From FPDA to UNZUK*, London: RUSI. hlm 16

⁶² Maklumat rasmi ini diperolehi dari YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein (2014). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perutusan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia dalam Majlis Perutusan Menteri Pertahanan Tahun 2014. Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 25 Februari 2014. hlm 19

⁶³ Abdul Ghani Yunus (1995). *The Malaysian Armed Forces and Vision 2020*. Dalam Abdul Razak Abdullah Baginda dan Rohana Mahmood (edt). *Malaysia's Defence and Foreign Policies*. Malaysian Strategic Research Centre. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications. Sebagai maklumat tambahan, keperluan pembentukan bentuk DPN yang kukuh turut dilaporkan dalam N.S Shah (2006). Angkatan Tentera Malaysia. Pandangan Ringkas. *Perajurit*. November. hlm 9

⁶⁴Keperluan KPP adalah dinyatakan oleh semua pegawai tentera yang ditemubual. ATM sememangnya memerlukan DPN yang jelas dan Kertas Putih Pertahanan (*Defence White Paper*) dalam membangunkan pertahanan dengan kukuh. Maklumat ini turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam daripada sesi temubual dengan Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor (2014). Panglima Tentera Darat, Jeneral Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad (2014). Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor (2014). Timbalan Panglima Tentera Udara di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad (2014) bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014 dan En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual pada 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

Selain itu, dalam DPN turut menyatakan mengenai konsep pertahanan HANRUH sebagai konsep pertahanan negara. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep pertahanan HANRUH? Konsep pertahanan HANRUH berkait dengan usaha yang total dan bersepadu yang dilaksanakan oleh kerajaan, agensi bukan kerajaan, sektor swasta dan rakyat jelata dalam mempertahankan negara. Pemeliharaan keutuhan dan kedaulatan Malaysia memerlukan komitmen semua lapisan rakyat dan tidak hanya oleh angkatan tentera. Sungguhpun tugas mempertahankan negara merupakan tanggungjawab pasukan keselamatan, kewajiban untuk memastikan bahawa pasukan berkenaan mampu menghadapi cabaran adalah tanggungjawab nasional⁶⁵. Walaupun kerajaan mengamalkan prinsip pertahanan kerjasama serantau dan bantuan luar, Malaysia yakin bahawa dasar keupayaan *self-reliance* seharusnya terus menjadi tonggak pertahanan negara. Sehubungan ini, Malaysia terus berusaha ke arah meningkat dan membangunkan keupayaan ATM di samping menggalakkan kesedaran pertahanan dan semangat patriotik di kalangan rakyat jelata.

2.4.1 Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*

Menurut Muthiah Allappa (1987) dalam *Defence Spending in Southeast Asia – Malaysia: From the Commonwealth Umbrella to Self-Reliance*⁶⁶ menyatakan perubahan dalam dimensi ancaman keselamatan selepas Perang Dingin (1945-1991) telah memberikan kesan ke atas Malaysia. Walaupun Malaysia telah bergerak ke arah pembangunan pertahanan yang lebih baik, namun permasalahannya Malaysia masih bergantung kepada strategi yang lama. Dan ia sepatutnya memerlukan perubahan bagi memastikan Malaysia dapat melindungi keselamatannya pada abad ke-21. Strategi pertahanan Malaysia semenjak 1980-an telah beralih kepada strategi pertahanan *self-reliance* ketika era Tun Abdul Razak. Perubahan ini dipengaruhi oleh kelemahan dalam strategi yang terlalu bergantung kepada bantuan luar. Tindakan Britain yang pernah menarik diri daripada perjanjian AMDA pada tahun 1967 dan

⁶⁵ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014 dari dokumen edaran Nota Percakapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mengenai “Dasar Pertahanan Negara *Executive Talk*” pada 18 Ogos 2014.

⁶⁶ Muthiah Alagapa (1990). *Op.cit.* hlm 36 dan sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Md. Zaki Md Zain (2005) *Senario Masa Hadapan Persekitaran Pertahanan: Panduan halatuju Pembangunan Pertahanan Negara. Perajurit.* Mei. hlm 5-8

tindakan Britain yang lewat memberi reaksi terhadap permohonan Malaysia bagi mendapatkan bantuan sokongan selepas peristiwa 13 Mei 1969 telah menimbulkan keraguan di kalangan pemimpin Malaysia terhadap kesungguhan kuasa besar Britain dalam menjamin keselamatan Malaysia. Justeru, Malaysia telah mengambil pendekatan untuk mula melaksanakan pembangunan ketenteraan secara sendiri⁶⁷.

2.4.2 Prinsip Kerjasama Serantau

Menurut Mohd Noor Yazid (2000) dalam *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*⁶⁸ menyatakan percaturan dan persaingan kuasa besar di peringkat antarabangsa telah mempengaruhi negara Asia Tenggara(AT) untuk memilih pendekatan secara aman dalam melindungi kepentingan dan keselamatan rantau. Ini kerana dalam era 1950-an dan 1960-an rata-rata negara AT merupakan negara yang baru ‘dilahirkan’ setelah mendapat kemerdekaan daripada kuasa penjajah. Oleh kerana usia kebanyakan negara AT yang masih muda, negara ini turut menghadapi ketidakstabilan politik dalaman, menghadapi konflik etnik, masalah perpaduan dan sistem keselamatan dan pertahanan yang lemah⁶⁹. Permasalahan ini telah memberi kesedaran dan mendorong negara AT untuk membentuk kerjasama secara *collective* yang dapat menjadi alternatif kepada kewujudan keamanan serantau⁷⁰. Ini kerana konflik sempadan, kedaulatan, pencerobohan wilayah, perebutan pulau dan masalah serantau yang lain dapat diselesaikan melalui pembentukan organisasi serantau. Muthiah Alagapa (1991) dalam *Regional Arrangements and International Security: Going Beyond ZOPFAN*, faktor keserantauan telah mendorong negara serantau menjadikan kerjasama pertahanan sebagai cara untuk meningkatkan keyakinan serantau⁷¹. Menurut Nik Abu Bakar Bin Nik Yusoff (2002) dalam *Malaysia's Bilateral Defence Cooperation With Asean Countries Armed Forces: Prospects And Challenges*, Malaysia sememangnya menyedari dengan ancaman

⁶⁷ Ministry Of Defence. *Malaysia Defence: Towards Defence Self-Reliance*. Kuala Lumpur: Warisan Advertising Sdn. Bhd. 1995. hlm 22

⁶⁸ Mohd Noor Yazid (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. hlm 29-34

⁶⁹ Bilveer Singh. (1992). Singapore's Defence Policy in the Post-Cold War Era, Strategy. *Journal of Strategic Studies & International Relations*. Vol. 1 Bil. 2. July. hlm 199-211.

⁷⁰ Abdul Razak Abdullah Baginda (1992). FPDA: Two Decades and Beyond, Strategy. *Journal of Strategic Studies & International Relations*. Vol. 1. Bil. 1. Februari. hlm 47-66.

⁷¹ Muthiah Alagapa (1991). Regional Arrangements and International Security: Going Beyond ZOPFAN. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 12. Bil. 4. Mac. hlm 270.

keselamatan yang semakin mencabar selepas Perang Dingin. Pendekatan mempergiatkan penglibatan negara dalam hal ehwal antarabangsa dapat dijadikan sebagai elemen yang mempengaruhi pengukuhan keselamatan negara⁷². Karya ini turut menekankan kepentingan Malaysia untuk menjadikan pertubuhan ASEAN sebagai agenda utama dalam dasar luarnya dalam usaha menghadapi ancaman yang semakin besar di masa hadapan.

2.4.3 Prinsip Bantuan Luar

Menurut K.S Nathan (1984)⁷³ dalam *Law And Politics In The Vietnam Conflict: An Appraisal Of The Geneva Accords (1954) And Paris Agreements (1973)*, fenomena ancaman keselamatan di rantau AT telah mempengaruhi beberapa buah negara seperti Thailand dan Filipina untuk mengambil pendekatan menyertai kerjasama politik dan pertahanan yang dikenali sebagai *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) pada 6 September 1954 di Manila. Perjanjian ini dikenali sebagai *Manila Pact* dan berpusat di Bangkok. SEATO adalah organisasi yang disertai oleh Filipina, Thailand, Pakistan, Australia, New Zealand, Britain, Amerika Syarikat dan Perancis. SEATO berfungsi untuk memastikan keamanan dan keselamatan serantau di samping mewujudkan hubungan yang baik dengan kuasa besar⁷⁴. Menurut pendapat Chamil Wariya (1989) dalam *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan dan Isu Utama Sejak 1945*⁷⁵, berikutan ancaman komunis, kelemahan sistem pertahanan dan keselamatan, ia telah mendorong Tanah Melayu mencari alternatif lain untuk menjamin keselamatannya. Ini secara langsung mempengaruhi Tanah Melayu untuk mengadakan perjanjian dengan kuasa Britain melalui Perjanjian AMDA pada 1957 dan FPDA pada tahun 1971⁷⁶. Menurut Md Zulkifle Md Yusof (2002) dalam *The Five Power Defence Arrangements (FPDA) In The Post Cold War Era: Prospects And Problems* menyatakan mengenai kerjasama pertahanan Peraturan Pertahanan Lima Kuasa (FPDA) yang dibentuk

⁷² Nik Abu Bakar Bin Nik Yusoff (2002). *Malaysia's Bilateral Defence Cooperation With Asean Countries Armed Forces: Prospects And Challenges*. Tesis. Faculty Of Social Sciences And Humanities: Universiti Kebangsaan Malaysia. Lihat juga Che Md Noor (1995). *The Military Dimensions of National Security*. STRATEGI. Vol.3. Februari.

⁷³K.S Nathan. (1984). Op.cit.hlm132

⁷⁴ Abdul Razak Abdullah Baginda. (1998). *The FPDA: A Review*. Kertas Kerja 'The FPDA and Southeast Asian Security'. Kuala Lumpur. 13 Jun.

⁷⁵ Chamil Wariya (1989). *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan dan Isu Utama Sejak 1945*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd.hlm 197

⁷⁶ Ibid.hlm 197

pada 16 April 1971. Karya ini telah menyatakan FPDA telah menjadi aset pertahanan kepada Malaysia dan Singapura. Selain itu, karya ini turut menyatakan walaupun banyak masalah yang dihadapi oleh anggota FPDA namun ia masih boleh menyediakan keyakinan kepada negara anggota. Karya ini juga turut menyatakan tentang kebimbangan negara anggota Britain hilang minat untuk meneruskan kerjasama khususnya berkaitan dengan kos yang tinggi untuk menghantar angkatan tentera ke rantau ini⁷⁷.

Menurut K.W Chin (1983) dalam *The Defence Of Malaysia And Singapore: The Transformation Of A Security System 1957-1971*⁷⁸ menyatakan hubungan baik antara negara bekas jajahan dan penjajah telah mempengaruhi Malaysia untuk terus bergantung kepada bantuan pertahanan dan kerjasama keselamatan dengan Britain. Bagi pendapat K.S Balakrishnan (2002) dalam *US-Malaysia: Eye to Eye on Regional Security*⁷⁹, hubungan Amerika Syarikat-Malaysia yang terjalin semenjak era Perang Dingin perlu dijadikan sebagai peluang kepada Malaysia dalam memperkukuhkan keselamatan negara. Namun selepas Perang Dingin terdapat turun naik dalam hubungan kedua-dua negara kerana tindakan AS yang cuba campurtangan dalam hal ehwal negara Malaysia dan dakwaan keterlibatan rakyat Malaysia dalam serangan *World Trade Centre* pada 2001 telah menyebabkan hubungan kedua-dua negara terjejas. Walau bagaimanapun, karya ini mencadangkan pengukuhan kuasa AS dalam sistem antarabangsa perlu dimanfaatkan oleh Malaysia khususnya dalam aspek keselamatan dengan memperbaiki keretakan hubungan yang telah berlaku. Ini menunjukkan AS adalah salah satu kuasa yang dapat dijadikan pilihan kepada Malaysia untuk memperkukuhkan strategi pertahanannya. Menurut J. Saravanamuttu (1983) dalam *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977* turut menyatakan mengenai kebimbangan Malaysia terhadap komitmen Britain untuk membantu Malaysia sekiranya diserang melalui perjanjian FPDA. Kebimbangan Malaysia ini adalah

⁷⁷ Md Zulkifl Md Yusof (2002). The Five Power Defence Arrangements (FPDA) In The Post Cold War Era: Prospects And Problems. *Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities : Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷⁸ K.W Chin (1983). *The Defence Of Malaysia And Singapore: The Transformation Of A Security System 1957-1971*. Cambridge: Cambridge University Press. Bab 3,4 dan 9

⁷⁹ K.S Balakrishnan (2002b). *US-Malaysia: Eye to Eye on Regional Security*. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol.9 Bil.10. Oktober. hlm 31-35

berkaitan dengan tindakan Britain yang menarik diri daripada AMDA ketika Malaysia memerlukan sokongan dan perlindungan⁸⁰.

2.5 Pembangunan Aspek Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*

Pembangunan DPN dan ATM khususnya dalam mencapai matlamat prinsip pertahanan *self-reliance* untuk memastikan kemampuan mempertahankan dan melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dengan menggunakan keupayaan sendiri melibatkan beberapa aspek utama. Ianya bukan hanya melibatkan aspek dasar pertahanan semata-mata, sebaliknya ia turut membabitkan aspek-aspek lain seperti dasar pertahanan, strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik, industri pertahanan dan RMA.

2.5.1 Pembangunan DPN Yang Kukuh (*Firm Defence Posture*)

Menurut Farouk Kamal (2000)⁸¹ dalam *Defence Minister of Malaysia Najib Tun Abdul Razak Articulating Malaysia's Defence* menyatakan kerajaan Malaysia telah membentuk DPN yang komprehensif tidak hanya berteraskan ancaman semata-mata sebaliknya mengambil kira aspek bukan ancaman. Menurut Shahrudin Othman (2002) dalam usaha Malaysia melindungi keselamatan dan kepentingan strategiknya kerajaan telah menetapkan dasar pertahanan yang berasaskan kepada tiga prinsip utama iaitu pertahanan *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar. Justeru, pembangunan dan hala tuju ATM adalah berasaskan kepada DPN. Pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* telah menjadi keutamaan pembangunan dasar pertahanan dan ketenteraan yang memfokuskan melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dengan menggunakan keupayaan sendiri dan tidak bergantung kepada negara luar.

“Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, telah menyedari bahawa pemeliharaan kepentingan nasional dan keselamatan yang terbaik dicapai melalui usaha ke arah keupayaan self-reliance yang merupakan teras dasar pertahanan negara. Prinsip ini menekankan Angkatan Tentera self-reliance dalam struktur sifat

⁸⁰ J. Saravanamuttu (1983). *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977*. Penang: Universiti Sains Malaysia. hlm 21

⁸¹ Farouk Kamal (2000). *Defence Minister of Malaysia Najib Tun Abdul Razak Articulating Malaysia's Defence*. *Asian Defence and Diplomacy*. Oktober. hlm 25

self-reliance negara. Ia tidak hanya melibatkan pasukan tempur tetapi juga rangkaian sokongan logistik cetusan kerjasama industri ketenteraan yang sejajar dengan keutamaan program pembangunan negara. Self-reliance dalam hal ini tidak harus terhad kepada usaha-usaha Angkatan Tentera tetapi juga harus melibatkan semua agensi-agensi berkaitan kerajaan dan rakyat”⁸².

Menurut Shaharuddin Othman (2002)⁸³. *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?* menyatakan krisis kewangan 1997 memberikan kesan kepada Kementerian Pertahanan dan program pembangunan ketenteraan serta hala tuju ATM ke arah tahun 2020. Dengan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance*, Malaysia dapat memastikan keselamatan dan kedaulatannya terjamin secara berdikari dan mengelakkan kebergantungan kepada kuasa luar. Ia secara tidak langsung memerlukan keupayaan dan kemampuan yang tinggi dalam aspek pertahanan serta memerlukan pembangunan kekuatan dalam pertahanan khususnya dalam aspek dasar pertahanan yang kukuh, strategi, logistik, RMA dan industri pertahanan. Dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai, kekuatan ATM telah menjadi aspek penting agar ianya dapat beroperasi dengan berkesan dalam melindungi keselamatan dan kedaulatan negara. Kementerian Pertahanan telah memberikan penekanan kepada pembangunan dan pemilikan aset pertahanan berteknologi tinggi bagi menghadapi ancaman dari luaran⁸⁴. Sachi Thananthan dan Prasun Sengupta (1997) dalam *Malaysia's Defence and Security Posture* menyatakan dengan adanya hubungan baik antara Malaysia dengan negara serantau ia menjadikan keselamatan Malaysia kukuh. Justeru, prinsip kerjasama serantau (*regional cooperation*) telah menjadi prinsip pertahanan negara⁸⁵. Dalam usaha mencapai objektif mempertahankan dan melindungi keselamatan negara, terdapat tiga badan induk yang memainkan peranan penting iaitu Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar dan ATM⁸⁶.

Walau bagaimanapun pembentuk DPN bagi pendapat K.S Balakrishnan (2009) dalam *Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation And National Security* dan

⁸² Shaharuddin Othman (2002).Op.cit.hlm 35

⁸³ Sila lihat Shaharuddin Bin Othman (2002). Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh P.K Sengupta dan Muhammad Fuad Mat Nor (2002). Cabaran ATM Dan Pemodenan TD. *Perajurit*. September. hlm 2-7

⁸⁴ Dr. Mahathir Mohamad (1986). *Keynote Address on First ISIS National Conference on Security. ISIS Focus*. Bil. 17. Ogos. hlm 16-17.

⁸⁵ Sachi Thananthan dan Prasun Sengupta (1997). *Malaysia's Defence and Security Posture. Asian Defence and Diplomacy*. April. hlm 24

⁸⁶ Op.cit. hlm 2

Dzirhan Mahadzir (2011) dalam *Brunei Monarchy, ASEAN and Defence Capabilities* menyatakan sehingga 2010, Malaysia masih lagi tidak memiliki KPP negara seperti mana yang dibuat oleh beberapa negara negara lain seperti Australia, Jepun, China, India, Afrika Selatan, Korea Selatan, Brazil, Brunei dan sebagainya⁸⁷. KPP adalah penting yang menyumbang kepada kekuatan kepada sesebuah negara dan meningkatkan keyakinan antarabangsa terhadap sesebuah negara. Negara dalam sistem antarabangsa digalakkan mendedahkan KPP DPN kepada *United Nation Arms Register* bagi mencapai matlamat ketelusan dan akauntabiliti agar meningkatkan keyakinan antara sesebuah negara dan antarabangsa yang akhirnya membawa kepada keamanan, pembangunan ketenteraan yang sistematik, menjadi rujukan pendirian dan dasar pertahanan sesebuah negara, ketelusan dalam pembangunan ketenteraan serta menetapkan perancangan pembangunan ketenteraan mengikut jangka masa yang tepat dan efisien⁸⁸. Karya ini turut menjelaskan mengenai DPN boleh wujud dalam dua bentuk iaitu melalui Kertas Putih Pertahanan⁸⁹.

“The defence policy of a nation can be viewed in two ways. First, by taking a look at the published official documents which articulate policy framework and priorities and the necessary resources garnered in order to fulfill national security objectives. Second, is by making an observation on the ad hoc policies and implementations responses of a nation in crisis scenarios, especially in meeting contingencies. Many nations in recent years have published their defence policy documents periodically, in the form of a Defence White Paper, in trying to fulfill the global trend for transparency and accountability...Malaysia has yet to publish its defence policy documentations in what that a few countries have been periodically doing in the

⁸⁷K.S Balakrishnan (2009a). Malaysia’s Defence Policy, Military Modernisation And National Security. Dalam Abdul Razak Baginda (pnyt). *Malaysia’s Defence & Security Since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysia Strategic Research Centre dan Ahmad Zahid Hamidi (2010). Asean Defence Industry Collaboration; Potential, Challenges And Way Forward. *The Journal Of Defence And Security*. Vol.1 Bil .1 hlm 119–128 dan lihat juga Dzirhan Mahadzir (2011). Brunei Monarchy, ASEAN and Defence Capabilities. *Asian Military Review*. Vol.19 Bil 5. Julai/Ogos.hlm 42

“In 2004 Brunei released its inaugural defence White Paper setting out Brunei’s policy intent and responses to a rapidly changing global environment. The White Paper also stated that its was to be reviewed every two-three years and this was duly done in 2007 although no further updates or review has been published since”.

⁸⁸Kebanyakan negara telah mendedahkan DPN kepada *United Nation Arms Register* bagi mencapai matlamat ketelusan dan akauntabiliti agar meningkatkan keyakinan antara sesebuah negara dan antarabangsa. Untuk keterangan lanjut sila lihat Hendrik Wagenmakers (1995). *The UN Register Of Convensional Arms, In Arms And Technology Transfer: Security and Economic Considerations Among Importing and Exporting States*. New York: United Nations.hlm 75-81

⁸⁹Kertas Putih Pertahanan adalah dokumen rasmi yang telah diluluskan oleh Parlimen dan Kerajaan yang berkaitan dengan Dasar Pertahanan Negara. Malaysia masih lagi belum mendedahkan Kertas Putih Pertahanannya dan DPN yang digunakan adalah berteraskan kepada keputusan atau pendirian rasmi kerajaan dalam aspek pertahanan yang dibuat dari masa ke semasa.

region, following this global trend”⁹⁰... “Scholars too have attempted to explain Malaysia’s defence policy by providing both historical and contemporary strategic planning perspectives. However they have been unable to simplify Malaysia’s defence policy conceptually from an overarching strategic perspective. Malaysia defence policy basically hovers around the idea of protecting Malaysia strategic interest and key national principles adhered to by the nation”⁹¹.

Manakala Jaafar Kasim (2002)⁹² dalam *Influence Of Bureaucratic Politics On Ministry Of Defence Decision Making Process In Policy Formulation* menyatakan terdapat kelemahan dalam DPN dan menyentuh mengenai beberapa kelemahan dalam prinsip DPN. Pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* dalam DPN mempunyai kelemahan yang boleh dipersoalkan. Prinsip ini telah digubal semenjak 1980-an dan diterima pakai oleh MKN sebagai DPN pada tahun 1986 dan diguna pakai sehingga 2002⁹³. Prinsip pertahanan *self-reliance* ini menekankan bahawa negara dan ATM perlu bergantung pada diri sendiri dalam aspek pertahanan yang bukan hanya dalam aspek logistik ketenteraan tetapi juga dalam aspek industri pertahanan dan menetapkan tanggungjawab pertahanan turut melibatkan golongan bukan tentera. Konsep *self-reliance* Malaysia melibatkan dua keadaan iaitu mempunyai keupayaan untuk bertindak secara *self-reliance* dan tidak bergantung kepada bantuan luar dalam menangani hal ehwal yang berkaitan dengan keselamatan di dalam negara serta mampu bertindak secara *self-reliance* dalam melindungi wilayah dan kedaulatan dalam lingkungan sempadan yang terdekat yang hanya melibatkan ancaman yang rendah dan sederhana. Namun prinsip pertahanan *self-reliance* ini masih dipersoalkan dalam perlaksanaannya.

“This is Malaysian concept of self-reliance. No doubt it is a good concept, but its implementation is only made known to the armed forces whereas the other agencies involved are not knowing it or ignorant of its existence. Self-reliance should be a national commitment, which weaves through various facets of political, social and

⁹⁰K.S Balakrishnan (2009a). Op.Cit. hlm 116

⁹¹ Ibid. hlm 117-118

⁹² Jaafar Kasim (2002) *Influence Of Bureaucratic Politics On Ministry Of Defence Decision Making Process In Policy Formulation*. Tesis. Faculty Of Social Science And Humanities : Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 32-36

⁹³ Maklumat ini juga turut dinyatakan oleh Pegawai Kanan ATM dalam sesi temubual. Maklumat diperolehi daripada Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed (2014). Panglima Tentera Darat Noor di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor (2014). Timbalan Panglima Tentera Udara di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera Udara dan Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad (2014). Panglima Angkatan Bersama, di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur dalam sesi temubual pada 12 Disember 2014.

economic activities towards the principal objectives of preserving national security. Presently, most of the defence related agency are going for the economic gains rather than developing the defence need of the nation⁹⁴”.

2.5.1.1 Ulasan Pembangunan DPN Yang Kukuh

Secara umumnya karya yang menyentuh mengenai aspek DPN yang kukuh (*firm defence posture*) hanya menyatakan usaha dan pembangunan pertahanan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun karya berkenaan tidak menyatakan mengenai hasil dan kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* sekiranya ia gagal menghasilkan DPN yang kukuh. Malah pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* di bawah DPN masih menjadi persoalan sejauh mana kemampuan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM ini dapat dicapai? Terdapat pendapat dan laporan yang memberikan pendedahan mengenai permasalahan dalam pembentukan DPN yang kukuh namun kajian yang dijalankan tidak menjelaskan secara terperinci masalah dan kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. K.S Balakrishnan (2009) yang mempersoalkan ketidakmampuan kerajaan Malaysia menghasilkan KPP yang mana ia adalah satu keperluan bagi menjadi hala tuju yang kukuh pembangunan ATM. Dalam usaha memastikan keselamatan dan kedaulatan Malaysia dapat dipelihara dan terjamin, Malaysia memerlukan sebuah bentuk dasar pertahanan (*firm defence posture*) yang kukuh dan mengambil kira masa hadapan secara komprehensif agar dapat memastikan pembangunan pertahanan dan ATM dibangunkan secara sistematik serta memiliki keupayaan dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Namun kajian ini tidak mengaitkan apakah kesan permasalahan ini ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan? Kajian ini tidak menjelaskan mengenai bagaimanakah sesebuah negara dapat mencapai prinsip pertahanan *self-reliance* dan apakah kesan sekiranya pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* itu menghadapi masalah? Walaupun pendapat Jaafar Kasim (2002) ada menyatakan mengenai pengamalan dasar pertahanan *self-reliance* yang tidak difahami oleh golongan bukan tentera namun kajian ini tidak mengaitkan dengan apakah kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance*? Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam aspek dasar pertahanan yang kukuh (*firm defence posture*), karya yang dihasilkan tidak menyatakan mengenai

⁹⁴ Jaafar Kasim (2002).Op.cit.hlm 32-36

kepentingan aspek ini dalam memastikan kejayaan prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana aspek membentuk dasar pertahanan yang kukuh adalah penting menentukan kejayaan prinsip pertahanan *self-reliance* agar dapat mengatur pembangunan pertahanan sesebuah negara.

2.5.2 Pembangunan Strategi Pertahanan

Dalam pembangunan kerajaan dan ATM prinsip pertahanan *self-reliance* ia turut melibatkan pembangunan aspek strategi yang merupakan komponen dalam prinsip pertahanan *self-reliance*. Terdapat beberapa strategi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan ATM. Aspek strategi adalah aspek yang penting kerana melalui strategi, ia dapat menjadi pelan perancangan dalam membangunkan keupayaan ATM bagi melindungi keselamatan dan kedaulatan negara.

2.5.2.1 Strategi Cegah Rintang

Di dalam DPN, beberapa strategi telah digariskan oleh kerajaan dan ATM bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin. Antaranya ialah cegah rintang (*deterrence*)⁹⁵.


“Salah satu dasar yang diguna pakai bagi mempertahankan kedaulatan negara iaitu Dasar Pertahanan Negara (DPN) yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara. Dasar ini telah menggariskan konsep dan halatuju Konsep Pertahanan Negara. Dalam abad ke 20-an telah wujud berbagai-bagai ancaman serius berpunca dari persekitaran. Bagi memenuhi keperluan kesejahteraan rakyat dan mengekalkan keharmonian kaum dan perhubungan dua hala, Malaysia telah menggariskan tiga konsep utama dalam sistem pertahanan negara iaitu; konsep Cegahrintang (deterrence), konsep Pertahanan Hadapan (forward defence) dan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)”⁹⁶.

⁹⁵ Sila lihat Mohd Najib Tun Razak (1995). *The Shifting of Paradigm, in ASIA-Pacific Strategic Outlook*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication. hlm 3-12.

⁹⁶ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Azman Abdul Razak (2009). *Konsep Pertahanan Menyeluruh Di Malaysia: Cabaran Dan Masa Depan Angkatan Tentera Darat*. Perajurit. Jun.hlm 1

Menurut Charles W. Kegley Jr dan Eugene R. Wittkopf (1989)⁹⁷ dalam *World Politics: Trends And Transformation* menyatakan cegah rintang dapat didefinisikan sebagai sejenis hubungan sosial dan politik untuk membolehkan satu pihak mempengaruhi perlakuan pihak yang lain. Ia bertujuan untuk memastikan pihak musuh atau lawan patuh kepada kemahuan pihak yang melaksanakan cegah rintang. Howard H. Letner (1997)⁹⁸ dalam *International Politics: Theory And Practice* menyatakan sistem cegah rintang adalah satu kepercayaan ke atas kemampuan strategik untuk mengelakkan diri daripada diserang oleh musuh dan merupakan tindakan untuk menyakinkan musuh supaya tidak mengambil sebarang tindakan yang tidak diresmikan contohnya mengelakkan peperangan.

Gambarajah 2.2 : Konsep Cegah Rintang (*Deterrence*)



Sumber: Mohamad Faisol Keling et.al (2006). *Konsep Dan Teori Hubungan Antarabangsa Dan Pengajian Strategi*. Sintok: Penerbit UUM.

Berdasarkan Gambarajah 2.2, ia menjelaskan mengenai konsep cegah rintang dalam hubungan antarabangsa ialah untuk memastikan pihak B tidak mengambil tindakan atau dasar yang boleh mengancam kedudukan pihak A. Maka pihak A akan mengancam dengan tindakan yang benar-benar keras terhadap pihak B. Sekiranya pihak B meneruskan usahanya maka pihak B terpaksa mengganggu kos yang lebih besar. Umumnya ancaman pihak A adalah bertujuan untuk memberi amaran dan menghalang sesuatu maksud daripada pihak B. Ini menunjukkan cegah rintang boleh dijadikan sebagai satu alat diplomasi atau dikenali sebagai *diplomatic bargaining* dalam hubungan dan tindakan negara dalam sistem

⁹⁷ Charles W. Kegley dan Eugene R. Wittkopf (1989). *World Politics: Trends And Transformation*. New York: St Martin. hlm 377

⁹⁸ Howard H. Letner (1997). *International Politics: Theory And Practice*. New York: West Publishing. hlm 210

antarabangsa⁹⁹. Ancaman yang digunakan oleh sesebuah negara terhadap musuhnya merupakan salah satu taktik psikologi tanpa melibatkan sebarang penggunaan kekerasan fizikal yang dapat memberikan impak kemusnahan sekiranya mengambil tindakan ke atas negara yang melaksanakan cegah rintang. Pelaksanaan sistem cegah rintang ini memberikan peluang kepada pihak musuh untuk mempertimbangkan dan memikirkan kesan sesuatu dasar atau tindakan sebelum mengambil tindakan. Lazimnya sesebuah negara tidak akan mengambil tindakan yang merugikan sesebuah negara. Barry Buzan (1987) cegah rintang adalah sebagai percubaan untuk menyakinkan sesebuah negara (musuh) agar tidak bertindak melancarkan sesuatu peperangan¹⁰⁰. Matlamat pembangunan ketenteraan Malaysia bukan persediaan untuk bertindak agresif ke atas mana-mana negara. Sebaliknya, Malaysia cuba mewujudkan keamanan dan kestabilan dengan negara serantau melalui sistem cegah rintang. Dengan adanya sistem cegah rintang ini, ia mempengaruhi kedua-dua negara untuk mempertimbangkan keputusan dalam mengambil pendekatan kekerasan ketenteraan di antara satu sama lain.

2.5.2.2 Strategi Pertahanan Kehadapan (*Forward Defence*)

Strategi Pertahanan Kehadapan telah dibincangkan oleh Tim Huxley dan Rahman Koya (1996)¹⁰¹ dalam *Malaysia's Amed Forces In The Late 1990s: Aiming For Credible Conventional Capability* menyatakan :-

“...Malaysia's geographical configuration required Malaysia to make considerable military effort to defend her self against external attacks, truly needing a forward defence with a powerful navy and airforce to neutralise every military pressure...”¹⁰²”

Dalam karya ini, ia menyatakan mengenai pelaksanaan strategi *Forward Defence* (Pertahanan Kehadapan) telah diperkenalkan pada tahun 1990-an. Strategi Pertahanan Kehadapan adalah melibatkan aturgerak pertahanan ATM di luar kawasan atau sempadan

⁹⁹ Op.cit.hlm 377

¹⁰⁰ Barry Buzan (1987). Op.Cit.hlm 69

¹⁰¹ Tim Huxley dan Rahman Koya (1996). Malaysia's Amed Forces In The Late 1990s: Aiming For Credible Conventional Capability. *Asian Defence Journal*. April

¹⁰² Tim Huxley dan Rahman Koya (1996). Malaysia's Amed forces in the late 1990s: Aiming for credible conventional capability. *Asian Defence Journal*. April.hlm 62

negara sebagai pendekatan mencegah dan menghadapi sesuatu konflik bersenjata. Strategi Pertahanan Kehadapan ini adalah strategi bagi mengelakkan pertempuran dan kemusnahan di dalam wilayah Malaysia. Strategi *Forward Defence* memerlukan pendekatan menggemblengkan aspek logistik dan mobiliti ATM ke kawasan musuh bagi mempertahankan keselamatan negara di dalam wilayah musuh. Walau bagaimanapun, karya ini tidak menjelaskan sejauhmana pembangunan ATM yang dijalankan mampu membolehkan strategi Pertahanan Kehadapan ini dapat dicapai. Ini kerana dalam melaksanakan strategi Pertahanan Kehadapan memerlukan aspek logistik yang besar sedangkan isu kelengkapan dan aset yang dimiliki ATM pada ketika ini adalah terhad. Malah dari sudut teknologi, kelengkapan ATM masih jauh ketinggalan sekiranya dibandingkan dengan jiran Singapura¹⁰³. Justeru dengan pelbagai isu yang membabitkan aset dan kelengkapan ATM, persoalan yang timbul adalah adakah objektif strategi Pertahanan Kehadapan dan prinsip Pertahanan *self-reliance* mampu dicapai?

2.5.2.3 Strategi Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)

Menurut Tim Huxley (1991) dalam *Singapore and Malaysia: A Precarious Balance?*¹⁰⁴ telah menyatakan konsep pertahanan HANRUH dalam DPN bermula dengan pelaksanaan KESBAN yang bertujuan bagi menghapuskan ancaman Parti Komunis Malaya di samping membangunkan pembangunan negara. KESBAN adalah satu pendekatan bagi menangani ancaman sejajar dengan pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* yang memastikan keselamatan dan pertahanan negara dapat dilindungi dan mengurangkan pergantungan terhadap negara luar. Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk memperkembangkan idea prinsip pertahanan *self-reliance* daripada KESBAN kepada HANRUH yang mana tanggungjawab mempertahankan negara adalah melibatkan semua pihak rakyat, swasta dan kerajaan.

¹⁰³ Sherman, Jason (2001). *Pentagon May Improve Malaysia's F/A-18D Fleet*. *Defense News*. Vol. 16. No. 22. 10 September 2001.

¹⁰⁴ Tim Huxley (1991). *Singapore and Malaysia: A Precarious Balance?* *The Pacific Review*. Vol. 4. No. 3. 1991. Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Nasibah Harun (2002a). *Op.cit.* hlm 5-8

“Setelah pasukan British berundur dari rantau ini dan semenjak hujung tahun 1972, ‘Self-Reliance dan wujudnya kerjasama serantau untuk menghadapi ancaman luar adalah pendekatan yang ada¹⁰⁵”.

ATM telah mengambil pendekatan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan dan tanggungjawab masyarakat untuk turut serta membantu ATM dan kerajaan. Melalui HANRUH ia membolehkan penglibatan masyarakat untuk bersama-sama melibatkan diri menghalang dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara daripada ancaman musuh. Malah proses mempertahankan negara ini dapat dijalankan dalam jangka masa yang berterusan agar musuh tidak dapat bertapak di Malaysia sekiranya ATM gagal menghalang pendaratan musuh¹⁰⁶. Usaha ke arah mencapai objektif HANRUH ini dilakukan dengan cara memperkenalkan program yang meningkatkan jati diri masyarakat Malaysia dengan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)¹⁰⁷, memperkenalkan dan menggalakkan penglibatan generasi muda dalam pertahanan seperti menjadi anggota Pasukan Simpanan Sukarela (PSS), anggota Pasukan Pegawai Latihan Sukarela (PALAPES) di pelbagai Institut Pengajian Tinggi (IPT), anggota Pasukan Latihan Anggota Sukarela (PLAS) di politeknik dan kolej. Strategi pertahanan HANRUH diperkemas dengan cadangan agar Askar Wataniah (AW) diletakkan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)¹⁰⁸ yang mana ia secara tidak langsung dapat menjadi agen yang dapat menyalurkan maklumat dan pengurusan pertahanan yang lebih konsisten antara persekutuan dengan negeri¹⁰⁹.

¹⁰⁵ Ibid. hlm 5

¹⁰⁶ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Hamzah H.A (2006). Pembangunan Pertahanan Malaysia–Satu Pendekatan Menyeluruh. *Perajurit*. Disember. Sila rujuk juga dalam laman <http://min-def.blogspot.com/2008/08/pembangunan-pertahanan-malaysia-satu.html>

¹⁰⁷ Maklumat ini dinyatakan oleh Pegawai Kanan ATM dalam sesi temubual bersama Mejar Jeneral Dato’ Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014 dari dokumen edaran Nota Percakapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mengenai “Dasar Pertahanan Negara *Executive Talk*” pada 18 Ogos 2014.

¹⁰⁸ Maklumat rasmi ini diperolehi daripada Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan (2009). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Sempena Lawatan Kerja Ke Kem Sri Pantai, Mersing pada 26 Julai 2009. hlm 15-16

¹⁰⁹ Maklumat rasmi ini diperolehi daripada Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober. hlm 2-5

Namun menurut K.S Balakrishnan (2009) dalam *Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation And National Security* menyatakan terdapat beberapa kebimbangan yang dinyatakan khususnya mengenai konsep HANRUH yang mana ia masih lagi kabur dan dibimbangi konsep ini akan mencapai kegagalan. Malah konsep ini tidak disebarkan kepada masyarakat mengenai peranan penglibatan masyarakat awam yang secara langsung dalam aspek pertahanan dan menyebabkan prinsip *self-reliance* itu sendiri masih tidak difahami oleh masyarakat¹¹⁰ .

“Ketiadaan komitmen yang jitu dan positif daripada agensi-agensi kerajaan dan sambutan dingin oleh masyarakat setempat membenarkan tanggapan bahawa pertahanan keselamatan negara hanya terletak kepada bahu tentera semata-mata...Pada masa kini, pembangunan infrastruktur negara tidak berorientasikan kepada konsep pertahanan menyeluruh dan ia memerlukan kesedaran di peringkat pemimpin sehinggalah kepada rakyat.”¹¹¹

2.5.2.3.1 Ulasan Pembangunan Aspek Strategi Pertahanan

Dalam aspek strategi pertahanan, karya yang dihasilkan tidak menyentuh mengenai kesan dan masalah yang dihadapi ATM. Karya berkenaan hanya memberikan gambaran dan perkembangan apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mencapai prinsip pertahanan *self-reliance*. Antara aspek yang dinyatakan adalah mengenai strategi pertahanan ke hadapan (*forward defence*) dan cegah rintang (*deterrence*) dalam DPN. Namun karya-karya yang dijalankan tidak menyatakan mengenai permasalahan yang wujud dalam membentuk dan perlaksanaan strategi serta kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* sekiranya strategi yang diamalkan menghadapi masalah. Pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* masih menjadi persoalan sejauh mana kemampuan prinsip yang diamalkan oleh ATM ini sekiranya terdapat permasalahan yang timbul? Terdapat pendapat yang menyatakan mengenai konsep pertahanan HANRUH dalam DPN yang diperkenalkan oleh kerajaan masih lemah seperti K.S Balakrishnan (2009) menyatakan konsep pertahanan HANRUH masih kabur dan tidak difahami oleh masyarakat. Namun kajian ini tidak mengkaitkan permasalahan ini dengan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM. Walaupun terdapat

¹¹⁰ K.S Balakrishnan (2009a). Op.cit. hlm 117-118

¹¹¹ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Mohd Nooraimy Musa (2009). Dasar Pertahanan Negara: Menganalisis Kemampuan Angkatan Tentera Malaysia Mendukung Dasar Tersebut Pada Era Globalisasi. *Perajurit*. April hlm4

karya yang menyentuh mengenai masalah komitmen dari agensi kerajaan dan masyarakat serta pelaksanaan infrastruktur yang lemah dalam aplikasi konsep pertahanan HANRUH namun kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* tidak dinyatakan. Berdasarkan karya yang dibuat dalam aspek strategi pertahanan dalam DPN ia tidak menyatakan kepentingan strategi pertahanan yang menentukan kejayaan prinsip pertahanan yang diamalkan. Malah kajian yang dibuat juga tidak menyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh ATM dalam pelaksanaan strategi pertahanan yang saling berkait dengan prinsip pertahanan negara.

2.5.3 Pembangunan Aspek Logistik

Pembangunan DPN telah melibatkan pembangunan aspek logistik ATM. Menurut Shaharudin Othman (2002) dalam *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?*¹¹² menyatakan pembelian kelengkapan pertahanan seperti kapal perang termoden di AT pada tahun 1990-an, kapal selam *Scorpene*, pesawat pejuang yang diguna pakai oleh negara maju seperti MiG-29, FA/18 *Hornet* dan *Sukhoi 30MKM*, kereta kebal tempur daripada Poland dan sebagainya dengan pakej pemindahan teknologi adalah usaha untuk memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai. Proses ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa memperuntukan jumlah yang besar dalam menyediakan kelengkapan logistik yang moden agar ia dapat digunakan secara maksimum oleh angkatan pertahanannya. Menurut Zain Amri (1994) dalam *MiG Power for Malaysian Air Force*, penggunaan aset dan sistem pertahanan yang lama memberikan kesan negatif kepada keupayaan ATM. Malah pembangunan pertahanan dan ketenteraan perlulah mengikut perkembangan teknologi, dasar pertahanan, doktrin kelengkapan logistik dan sebagainya perlu dibangunkan secara menyeluruh. Teknologi ketenteraan dan sistem persenjataan adalah faktor yang mempengaruhi industri pertahanan dalam sesebuah negara yang dapat melahirkan tenaga pakar, kajian dan penyelidikan terkini dalam pertahanan akan menentukan kesiapsiagaan pertahanan sesebuah negara mempertahankan dengan sendiri dan mengelakkan

¹¹² Shaharuddin Othman (2002). Op.cit.hlm 65.

kebergantungan kepada bantuan asing dalam aspek bantuan peralatan dan kelengkapan pertahanan¹¹³.

Melalui teknologi juga, ia memberikan kesan kepada peningkatan terhadap keyakinan anggota tentera, keupayaan tempur, memudahkan tugas perancangan, kawalan, dokumentasi tugas, mempelbagaikan doktrin pertahanan, *Standard Operation Procedure (SOP)*, latihan dan logistik angkatan tentera. Pihak kerajaan perlu membangunkan industri pertahanan yang dapat menghasilkan kelengkapan tentera yang berteknologi tinggi agar dapat mendukung keupayaan sistem pertahanan yang berkesan dalam merekabentuk, membuat dan mengilang secara setempat peralatan dan kelengkapan kapital khususnya teknologi ketenteraan dan sistem persenjataan. Selain itu aspek RMA turut disentuh yang mana penstrukturan ATM dan penggunaan kelengkapan pertahanan yang mengikut peredaran zaman ini adalah satu bentuk revolusi pemodenan angkatan tentera agar lebih fokus dan jelas mengenai organisasi, objektif dan tugas. Menurut Panglima ATM Jeneral (B) Tan Sri Dato' Sri Zahidi Zainuddin menyatakan :-

“Peralatan tentera yang canggih tidak akan memberi apa-apa makna jika mereka yang mengendalikannya tidak dapat menghayati dengan sepenuhnya konsep asas peralatan canggih tersebut¹¹⁴”.

Menurut Abdul Razak Abdullah Baginda (1995) dalam *The Malaysian Armed Forces After the Fall of Communism*, menjelang dekad 1990-an, menjadi titik tolak kepada Malaysia untuk mempergiatkan pembangunan dan memperkukuhkan kekuatan sistem pertahanan dan keselamatan negara. Usaha kerajaan ini dapat dilihat bermula pada tahun 1992 apabila Malaysia memperkukuhkan dan memperkemaskan sistem pertahanan lautnya melalui penyediaan dua buah kapal perang termoden di Asia Tenggara pada ketika itu iaitu KD Lekiu dan KD Lekir yang dilengkapi sistem berteknologi tinggi¹¹⁵. Perolehan persenjataan bersifat *defensive* dan *offensive* mula menjadi tumpuan kerajaan dan sehingga tahun 2010 kekuatan

¹¹³ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Zain Amri (1994). MiG Power for Malaysian Air Force. *Asian Defence Journal*. Julai. hlm 10-11

¹¹⁴ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Zulkhairi Zainuddin (2005b). PERKASA 2005 Ke Arah Memperkasakan Negara. *Tempur*. Julai. hlm 21-25

¹¹⁵ R. Sachi Thananthan (1994). The Royal Malaysian Air Force—Towards the Future. *Asian Airlines and Aerospace*. Vol. 2 No. 4. hlm 55

armada Malaysia telah memiliki 10 buah kapal perang yang melibatkan kelas frigat (4 buah) dan kelas korvet (6 buah) di samping 17 buah kapal peronda yang dilengkapi dengan kelengkapan peluru berpandu seperti *Sea Wolf*, *Aspide*, *Exocet* dan *Otomat*¹¹⁶. Sistem cegah rintang Malaysia dilihat semakin kukuh apabila Malaysia memiliki dua buah kapal selam pada tahun 2009. Malaysia turut memberi perhatian dalam membangunkan kekuatan angkatan pertahanan darat dengan memastikan Tentera Darat Malaysia (TDM) bergerak seiring dengan kemajuan teknologi dan perubahan dimensi ancaman keselamatan semasa. TDM telah dilengkapi dengan pelbagai persenjataan moden seperti kereta kebal tempur PT-91M, kereta kebal ringan *Scorpion* dan *Adnan*, *Stormer*, *Condor*, *Panhard* dan *Commando*. Selain itu, unit artileri telah dilengkapi dengan meriam 105mm dan 155mm sebanyak 414 buah serta diperkukuhkan dengan pembelian sistem roket berganda ASTROS II dan turut dilengkapi dengan peluru berpandu.

Proses ini telah meningkatkan keupayaan TDM bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan Malaysia dipertahankan. Selain itu, pertahanan angkatan udara turut diberi perhatian oleh kerajaan yang memberikan penekanan terhadap pemilikan pesawat yang berteknologi tinggi seperti pesawat MiG-29, F/A-18 *Hornet* dan terbaru adalah SU-30MKM. Peter Donaldson (2013) dalam *Eyes In The Skies: Asia Pacific Tactical UAV Market* menyatakan pembelian pesawat tempur berteknologi tinggi bagi memperkukuhkan kekuatan pertahanan udara yang telah sedia ada seperti pesawat *Hawk*¹¹⁷. Pesawat tempur ini turut dilengkapi dengan sistem pengkomputeran dan peluru berpandu seperti mana yang digunakan di negara barat. Bagi memastikan TUDM dapat bergerak seiring dengan kemajuan teknologi pertahanan udara semasa dunia, kerajaan telah mengaplikasikan sistem pertahanan udara negara dengan pemilikan pesawat UAV jenis *Eagle 150*¹¹⁸. Walau bagaimanapun terdapat laporan yang menyatakan proses penyediaan logistik ATM menghadapi masalah akibat daripada faktor politik. Ini kerana pembelian peralatan pertahanan bagi membolehkan ATM mendapat perolehan aset baru dan strategik menghadapi masalah akibat daripada meningkatnya ahli pembangkang dalam parlimen selepas pilihanraya ke-12 yang telah

¹¹⁶ Abdul Razak Abdullah Baginda (1995).Op.cit.hlm 8-16.

¹¹⁷ Syed Hussain (1991). An Interview With Malaysia's Defence Minister. *Asian Defence Journal*. Bil.1. Julai.hlm10

¹¹⁸ Peter Donaldson (2013). Eyes In The Skies: Asia Pacific Tactical UAV Market. *Asian Military Review*. Vol 21. Bil 6. Oct 2013. hlm 26

memperlahankan momentum pembelian kelengkapan strategik ATM¹¹⁹. Permasalahan dalam mendapatkan peruntukan bagi pembelian kelengkapan baru turut dinyatakan oleh Panglima Angkatan Tentera (2007) pada 4 Mei 2007 yang menyatakan TLDM menghadapi masalah kekurangan aset dan sumber manusia dalam melaksanakan tugasannya¹²⁰.

Menurut Abdul Razak Abdullah Baginda (1995) dalam *The Malaysian Armed Forces After the Fall of Communism* menyatakan perbelanjaan kerajaan dalam sektor pertahanan telah dianggap oleh sesetengah golongan ekonomi sebagai pembaziran dan pelaburan yang tidak menguntungkan. Ini kerana pembangunan ketenteraan hanya bertujuan memenuhi keperluan pertahanan dan dasar keselamatan negara dan tidak membuka peluang kepada perkembangan dalam aktiviti ekonomi¹²¹. Pembangunan ATM dalam aspek logistik telah menimbulkan persoalan dalam memastikan aspek logistik mempunyai keupayaan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Selain itu, krisis kewangan tahun 1997 turut menjadi faktor yang menyebabkan program pembangunan logistik ATM terjejas. Pembangunan pertahanan tidak dijadikan sebagai keutamaan sebaliknya bergantung kepada kedudukan ekonomi negara. Menurut Micool Brooke (1999) dalam *Rebounding Market: Malaysian Armed Forces Dust of Modernization Plans in Light of Regional Economic Upturn*¹²² menyatakan perolehan kelengkapan pertahanan telah menimbulkan pelbagai isu yang sering dipersoalkan kerana kebanyakan penjualan kelengkapan tersebut adalah bersifat *one-off* dan melibatkan kos yang besar.

“Konsep pembelian ‘one-off’ sebegini telah dilakukan oleh banyak negara dan ini boleh diandaikan juga bahawa Malaysia juga tidak terkecuali. Apa yang diperolehi oleh negara-negara tersebut dalam bentuk sistem kelengkapan kereta kebal, kapal dan pesawat udara adalah merupakan versi yang hebat, namun ia mempunyai batas atau keupayaan yang terhad mengikut perolehan masa dan perkembangan teknologi.

¹¹⁹ Abdul Razak Abdullah Baginda (1995). Op.cit. Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Hamzah Dolah (2008a). Mewajarkan Perolehan Aset Pertahanan Dalam Suasana Ekonomi Suram. *Perajurit*. Oktober. hlm 36

¹²⁰ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan dalam Ucapan Panglima Angkatan Tentera Sempena Kunjungan Rasmi Ke Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Lumut Pada 4 Mei 2007. *Perajurit*. Jun 2007. hlm 20

¹²¹ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Sila lihat laporan Liw Shan Lee (2006). Dalam Pertahanan Negara-Satu Pandangan Ringkas. *Perajurit*. Mei. hlm 56

¹²² Micool Brooke (1999). *Rebounding Market: Malaysian Armed Forces Dust of Modernization Plans in Light of Regional Economic Upturn*. *Armed Forces Journal International*. Vol. 137. No. 38. November. Lihat juga penjelasan proses pembelian kelengkapan pertahanan.

Jika sistem yang ditawarkan adalah sistem yang dihasilkan pada era tahun 80-an, maka tentunya negara pembekal akan menambah beberapa ciri 'baru' yang nampak canggih pada sifat fizikalnya dan dikatakan mampu mempertingkatkan tahap keupayaan sistem tersebut untuk menangani masalah hari ini¹²³.

Ahmad Kamarulzaman (2002)¹²⁴ dalam *An Evaluation Of Maintenance Management In The Royal Malaysian Navy- A Holistic Approach* menyatakan mengenai permasalahan yang berlaku dalam pengurusan aset ATM khususnya TLDM. Antara isu pengurusan aset yang didedahkan adalah pengurusan data, pengurusan sumber manusia, kepuasan hati pelanggan, proses kerja, dan juga penglibatan pihak pengurusan dalam menentukan pencapaian prestasi. Isu kualiti serta pengukuran prestasi adalah kritikal dalam konteks peningkatan berterusan bagi menentukan kejayaan sesuatu organisasi. Walaupun karya ini telah mendedahkan terdapat kelemahan dalam pengurusan TLDM namun karya ini tidak menyatakan kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* yang menjadi amalan ATM pada ketika ini. Malah persoalan yang lebih besar timbul adalah bagaimana dengan pengurusan TDM dan TUDM dan Kementerian Pertahanan itu sendiri? Adakah cabang perkhidmatan lain turut menghadapi permasalahan yang sama dan apakah kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance*?

2.5.3.1 Ulasan Aspek Logistik

Karya yang dihasilkan berkaitan dengan aspek logistik ATM umumnya hanya memberikan gambaran proses pembangunan telah dilakukan dengan pesat dalam aspek logistik pertahanan oleh pihak kerajaan bagi mencapai prinsip pertahanan *self-reliance*. Ia adalah proses pembangunan logistik sejajar dengan matlamat ATM yang mahu membentuk daripada angkatan tentera bersifat daripada *counter insurgency* kepada *conventional*.

¹²³ Pembelian atau perolehan sedemikian lazimnya bersifat tunggal atau 'one-off' dan mempunyai kos yang tinggi. Sistem ini juga diperolehi dengan khidmat selepas jualan yang terhad dari sudut timbal-balik atau pemindahan teknologi. Jika terdapat usaha-sama dan kemahiran atau pemindahan teknologi melalui program timbal-balik yang diberikan oleh negara pembekal ia adalah lebih kepada aspek komersial. Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Zuridan Muhammad (2009c) Membangunkan Kemampuan Sistem & Platform - Kenapa Sukar Untuk ATM? *Tempur*. Mei.

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=379&Itemid=133.

¹²⁴ Ahmad Kamarulzaman (2002). *An Evaluation Of Maintenance Management In The Royal Malaysian Navy-A Holistic Approach*. *Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia

Pembangunan logistik pertahanan telah mencatatkan pembelian kelengkapan moden dan canggih bermula dengan angkatan laut, udara dan darat selaras dengan prinsip pertahanan *self-reliance* DPN. Namun kajian yang dijalankan tidak menyatakan mengenai permasalahan yang wujud dalam aspek logistik dan kesan terhadap pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana terdapat pendapat menyatakan mengenai permasalahan yang dihadapi oleh ATM dalam aspek logistik seperti yang mengaitkan proses perolehan kelengkapan moden terganggu dengan campurtangan golongan politik. Selain itu, kenyataan rasmi PAT yang menyatakan ATM menghadapi masalah aset dan sumber pertahanan telah menunjukkan permasalahan yang dihadapi oleh ATM. Aspek logistik ATM juga turut dikaitkan masalah bidang pertahanan yang dilihat sebagai bidang yang tidak menguntungkan dan pembaziran. Malah terdapat laporan yang mengaitkan pembelian kelengkapan logistik ATM adalah kurang berkualiti. Namun kajian ini tidak mengaitkan permasalahan ini dengan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM sedangkan aspek logistik adalah salah satu aspek yang menentukan kejayaan prinsip yang diamalkan. Malah karya yang dibuat juga tidak menyatakan apakah permasalahan yang telah dihadapi oleh ATM dalam pelaksanaan logistik yang saling berkait dengan prinsip pertahanan *self-reliance* negara.

2.5.4 Pembangunan Aspek Sumber Pertahanan

Pembangunan DPN turut membabitkan aspek sumber pertahanan. Menurut Mohd Najib Tun Razak (1995) dalam *The Shifting of Paradigm, in ASIA-Pacific Strategic Outlook* menyatakan kerajaan komited untuk membangunkan ketenteraan Malaysia dan mencapai prinsip pertahanan *self-reliance* dalam DPN. Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha mempertingkatkan keupayaan angkatan tentera dari segi sumber kewangan, manusia, peralatan dan kelengkapan ketenteraan dan juga teknologi yang canggih dan terkini. Industri pertahanan turut dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi mengurangkan pergantungan kepada negara-negara luar dan mampu mempunyai peralatan dan bekalan ketenteraan yang datangnya daripada negara Malaysia sendiri¹²⁵.

¹²⁵ Mohd Najib Tun Razak (1995). *The Shifting of Paradigm, in ASIA-Pacific Strategic Outlook*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.

Che Md Noor (1995)¹²⁶ dalam *The Military Dimensions of National Security* menyatakan kerajaan telah mengambil langkah untuk membuat pelbagaikan pembelian persenjataan dan kelengkapan pertahanan yang moden dari negara maju agar dapat memastikan keselamatan Malaysia dapat dipelihara. Semenjak tahun 1990, ATM telah melalui fasa pemodenannya di bawah Rancangan Malaysia ke Enam (RMK6) bagi tahun 1991-1995 yang mana pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 11 bilion dan RM 10.294 bilion dalam RMK7 antara tahun 1996-2000 bagi pembangunan pertahanan. Dalam RMK8 (2000-2005), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM8.750 bilion yang membolehkan pihak kerajaan dapat menyediakan kelengkapan ringan, penggantian stok pertahanan dan persenjataan berat dan ringan ATM. Proses pemodenan yang dijalankan semenjak tahun 1990 telah membolehkan ATM memiliki kelengkapan yang moden seperti kapal perang yang termoden di AT pada tahun 1990-an, kapal selam *Scorpene*, pesawat pejuang yang diguna pakai oleh negara maju seperti MiG-29, FA/18 *Hornet* dan *Sukhoi* 30MKM, kereta kebal tempur daripada Poland dan sebagainya. Pembelian ini membolehkan ATM disediakan dengan kelengkapan yang moden sejajar dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan sebuah angkatan pertahanan yang konvensional¹²⁷

Menurut Jaafar Kasim (2002) dalam *Influence Of Bureaucratic Politics On Ministry Of Defence Decision Making Process In Policy Formulation*¹²⁸ menyentuh mengenai aspek pembangunan sumber manusia ATM. Kerajaan dan ATM telah memberikan perhatian dalam aspek pembangunan modal insan dalam kalangan anggota tentera yang mana aspek kreadibiliti ATM perlu dipertingkatkan dengan menanam semangat ‘setiakawan dan kekitaan’ di dalam organisasi tentera. ATM telah memberikan penekanan dalam pembangunan mentaliti agar ATM dilihat sebagai sebuah angkatan pertahanan yang profesional. Ia juga bermatlamat agar anggota tentera yang merupakan operator peperangan mempunyai tanggungjawab yang tinggi dan pakar dalam bidang tugas. ATM telah mengambil pendekatan meningkatkan pendidikan anggota tentera dan menyediakan pelbagai latihan dan meningkatkan tahap pengetahuan dan profesionalisme anggota tentera. Ia adalah selaras dengan perkembangan teknologi dan peredaran zaman yang semakin maju serta

¹²⁶ Che Md Noor (1995). Op.cit.hlm 34-42

¹²⁷ Shaharuddin Othman (2002). Op.cit. hlm 22

¹²⁸ Jaafar Kasim (2002). Op.cit. hlm 2-13

perolehan kelengkapan strategik yang memerlukan anggota tentera yang profesional dalam mengoperasikan peralatan dan kelengkapan moden. Secara tidak langsung usaha ini memastikan objektif ATM untuk mewujudkan *K-Force* iaitu sebuah angkatan pertahanan yang memiliki anggota tentera yang berpengetahuan tinggi dapat dicapai. ATM turut membangunkan aspek rohanian anggota tentera dengan adanya peranan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Pendekatan ini membantu tahap profesionalisme anggota tentera semakin baik yang secara langsung turut menyumbang kepada jaminan keupayaan melindungi keselamatan dan kedaulatan negara daripada ancaman.

Dalam pembangunan aspek sumber pertahanan juga, menurut Sachi Thananthan dan Prasun Sengupta (1997) dalam *Malaysia's Defence and Security Posture*¹²⁹ bahawa kerajaan membangunkan Pasukan Latihan Simpanan atau *Reserve Officers Training Unit (ROTU)* sebagai strategi bagi mencapai objektif prinsip pertahanan *self-reliance*. Pasukan Latihan Simpanan telah ditubuhkan semenjak tahun 1980 bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk mendapat latihan ketenteraan, memupuk disiplin dan kepimpinan serta membentuk ketahanan mental dan fizikal golongan para intelektual agar dapat mempertahankan negara sekiranya berlaku sebarang ancaman peperangan. PALAPES bertindak sebagai barisan kedua pertahanan negara bagi membantu barisan pertama pertahanan negara yang dianggotai oleh tentera tetap dan agensi kerajaan yang lain. PALAPES telah diberikan latihan ketenteraan, elaun latihan dan pakaian serta ditawarkan untuk diserap ke dalam perkhidmatan tentera tetap. Program ini diperkembangkan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang secara langsung dapat mempertingkatkan ketahanan dan sumber tenaga sekiranya berlaku peperangan. Cabaran abad ke-21 semakin besar terhadap ancaman ke atas pertahanan sesebuah negara khususnya Malaysia. Ia adalah berkaitan dengan pengaruh negatif globalisasi, penjajahan ekonomi dan peningkatan teknologi dalam peperangan menjadi ancaman kepada pertahanan sesebuah negara. Justeru, ia memerlukan pasukan simpanan yang mampu bersama-sama barisan pertama dalam mempertahankan negara¹³⁰. Walau bagaimanapun usaha ini menimbulkan persoalan apabila aspek sumber pertahanan ATM

¹²⁹ Sachi Thananthan dan Prasun Sengupta (1997). *Malaysia's Defence and Security Posture*. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol. 3 No. 1. Mac. hlm 8.

¹³⁰ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Nasibah Harun (1997b). *Palapes*. *Perajurit*. Julai. hlm 8-10

dilaporkan menghadapi masalah dan gagal membuat perolehan pada tahun 2004 dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti faktor kekurangan dana apabila kerajaan mengagihkan dana kepada kementerian lain yang lebih memerlukan dana kewangan.

“Dari sini haruslah difikirkan sesebuah negara maju tidak sempurna sekiranya tidak mempunyai pertahanan yang ampuh. Dari sini juga boleh dibuat perbandingan di antara negara maju dan mundur: Kebanyakan negara maju telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk terus mengejar kemajuan dalam pertahanan. Sebaliknya negara mundur tetap di takuk lama kerana lemah dari segi pertahanan dan mudah ditindas sehingga memberi kesan buruk terhadap pembangunan negara berkenaan. Ringkasnya tidak menjadi kerugian sekiranya negara memperuntukkan dana yang besar untuk mengukuhkan pertahanan sebagai tunggak pertahanan dan kesejahteraan negara”¹³¹.

Bagi Ishak Mas’od (2002) dalam *The Importance Of Civil-Military Cooperation In Enhancing Transport Capacity For The Malaysian Armed Forces* menyatakan kerajaan perlu memastikan masyarakat memahami dan mengetahui mengenai konsep penglibatan masyarakat dalam pertahanan. Karya ini menyatakan adalah wajar kerjasama antara pihak awam dan tentera dan difahamkan kepada semua warga Malaysia. Satu struktur kerjasama antara awam dan tentera, bagi mengurus, merancang dan melaksanakan tugas wajar ditubuhkan. Ia membolehkan pelan pengangkutan bersepadu antara awam dan tentera diimplementasikan untuk kegunaan semasa perang. Ianya juga boleh dioptimumkan sebagai aset “simpanan perang”. Namun persoalan yang timbul adalah mengenai kemampuan kerajaan dan ATM menggerakkan pelan mobiliti memandangkan kemudahan dan logistik ATM adalah terhad. Malah masyarakat awam sendiri tidak mengetahui dan memahami peranan dalam pertahanan negara. Justeru strategi pertahanan ini menimbulkan persoalan terhadap kemampuan prinsip *self-reliance* untuk dicapai¹³². Pembangunan ketenteraan di Malaysia turut dilihat oleh golongan ekonomi sebagai pembaziran dan pelaburan yang tidak menguntungkan. Ini kerana pembangunan ketenteraan hanya bertujuan memenuhi keperluan pertahanan dan dasar keselamatan negara dan tidak membuka peluang kepada perkembangan dalam aktiviti ekonomi. Pembangunan ATM dalam aspek sumber pertahanan turut menimbulkan persoalan dalam memastikan aspek logistik mempunyai keupayaan

¹³¹ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan Hamzah H.A Ibid.hlm 3-4

¹³² Ishak Mas’od (2002). *The Importance Of Civil-Military Cooperation In Enhancing Transport Capacity For The Malaysian Armed Forces.Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia

mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Krisis kewangan tahun 1997 adalah faktor ekonomi yang menyebabkan program pembangunan terbantut. Pembangunan pertahanan tidak dijadikan sebagai keutamaan sebaliknya bergantung kepada kedudukan ekonomi negara¹³³.

Menurut Rodzali Daud (2002)¹³⁴ dalam *Modernization Of The Royal Malaysian Air Force (RMAF): Issues And Challenges* membincangkan beberapa persoalan dan cabaran yang dihadapi oleh TUDM, terutamanya selepas proses pemodenan. Semenjak TUDM ditubuhkan pada tahun 1958, TUDM telah berkembang dan memiliki pesawat pejuang generasi baru seperti F/A-18D *Hornet* dan MiG-29N dari Rusia. TUDM pesat membangunkan keupayaannya semenjak tahun 1970-an dan 1990-an. Walau bagaimanapun keupayaan untuk membangunkan keupayaannya adalah bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan. Ia telah menjadi cabaran yang perlu dihadapi oleh TUDM dalam usaha membentuk pasukan tentera udara yang lebih efektif. Walaupun karya ini ada menyatakan mengenai kekangan TUDM yang terpaksa bergantung kepada kerajaan, namun karya ini tidak menyatakan mengenai kesan kekangan TUDM kepada keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance*. Permasalahan ini turut dinyatakan oleh Alan Stephens (1997) dalam *At the Crossroads: The Royal Malaysian Air Force* turut menyatakan TUDM terpaksa menghadapi kerana Rusia dalam hal pembelian dan pengurusan penyenggaraan pesawat MiG-29¹³⁵. Permasalahan ini juga telah menimbulkan persoalan bagaimana dengan cabang perkhidmatan TDM dan TLDM? Adakah cabang perkhidmatan tersebut turut menghadapi permasalahan yang sama? Apakah kesan permasalahan ini kepada prinsip pertahanan *self-reliance* yang menjadi amalan ATM pada ketika ini?

2.5.4.1 Ulasan Aspek Sumber Pertahanan

Karya yang dihasilkan dalam aspek sumber pertahanan umumnya hanya menggambarkan proses pembangunan dalam aspek sumber pertahanan yang dilakukan oleh

¹³³ Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan Liw Shan Lee (Mei 2006) Op.cit.hlm 56

¹³⁴ Rodzali Daud (2002). Op.cit.hlm 6-18

¹³⁵ Alan Stephens (1997). At The Crossroads: The Royal Malaysian Air Force. *Asian-Pacific Defence Reporter*. Disember. hlm 6

pihak kerajaan bagi mencapai prinsip pertahanan *self-reliance*. Seajar dengan matlamat ATM bagi melakukan perubahan daripada angkatan tentera bersifat *counter insurgency* kepada *conventional*. Pembangunan pertahanan turut mencatatkan pembelian kelengkapan moden dan berteknologi tinggi bermula dengan angkatan laut, udara dan darat selaras dengan prinsip pertahanan *self-reliance*. Namun karya yang dijalankan tidak menyatakan mengenai permasalahan yang wujud dalam aspek sumber pertahanan dan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana terdapat pendapat menyatakan mengenai permasalahan yang dihadapi oleh ATM dalam aspek sumber yang mengaitkan kegagalan ATM membuat pembelian kelengkapan pertahanan apabila kerajaan mengagihkan sumber ke sektor lain. Pembangunan ATM turut dikaitkan masalah apabila dilihat sebagai bidang yang tidak menguntungkan dan pembaziran. Malah peruntukan pertahanan juga bergantung kepada kedudukan ekonomi dan bukannya sebagai keutamaan dalam agihan peruntukan kerajaan. Karya-karya tersebut juga tidak mengaitkan permasalahan ini dengan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM sedangkan aspek sumber pertahanan adalah salah satu aspek yang menentukan kejayaan prinsip pertahanan *self-reliance*.

2.5.5 Pembangunan Aspek Industri Pertahanan

Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* DPN turut membabitkan aspek industri pertahanan. Menurut Young P.L (1990)¹³⁶ dalam *Malaysia's Defense Links: Keys to Modernization Plans* pemodenan dan pembangunan ATM telah membolehkan kerajaan memperkembangkan sektor industri dengan memperkenalkan industri pertahanan. Ia adalah selaras dengan dasar kerajaan yang mengamalkan dasar perindustrian dan penswastaaan negara antara tahun 1980-an dan 1990-an. Idea kerajaan untuk membangunkan industri pertahanan adalah langkah yang terbaik dalam menjamin dan melindungi keselamatan negara. Barry Buzan (1991)¹³⁷ menyatakan industri pertahanan merupakan sesuatu perkara yang memberikan manfaat kepada sesebuah negara yang bukan hanya dalam aspek ekonomi tetapi juga dalam aspek keselamatan agar sesebuah negara itu dapat mencapai pertahanan

¹³⁶ Young P.L. (1990). *Malaysia's Defense Links: Keys to Modernization Plans*. *Armed Forces Journal International*. Mac. hlm 42-6

¹³⁷ Barry Buzan (1991). *People, States And Fear: An Agenda For International Security Studies In The Post-Cold War Era*. New York : Harvester Wheatsheaf

*self-reliance*¹³⁸. Dalam mencapai matlamat *self-reliance*, kerajaan mengambil langkah membuka dan memperkembangkan sektor industri pertahanan negara dengan memfokuskan beberapa bidang induk industri pertahanan seperti industri aeroangkasa, industri maritim, automotif, persenjataan, teknologi maklumat dan komunikasi, industri peralatan gunasama, pameran pertahanan dan penyelidikan.

Menurut Shaharudin Othman (2002)¹³⁹ industri pertahanan adalah aspek yang penting dalam memastikan keberkesanan dan keupayaan ATM agar dapat mencapai objektif prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini bermaksud industri pertahanan menjadi tunggak dalam menjamin operasi ketenteraan mencapai kejayaan. Secara amnya, industri pertahanan melibatkan pelbagai aktiviti pembuatan dan penyenggaraan yang berkaitan dengan angkatan tentera sesebuah negara. Aktiviti ini turut melibatkan penghasilan peluru, persenjataan berat atau ringan, peralatan kapital serta aktiviti penyenggaraan dan membaikpulih kelengkapan dan peralatan ketenteraan sesebuah negara¹⁴⁰. R. Sachi Thananthan (1995) dalam *Syed Hamid: Malaysia to Upgrade its Defence* menyatakan dalam konteks Malaysia industri pertahanan perlu dipertingkatkan dan pergantungan kepada persenjataan dan kelengkapan luar akan meletakkan risiko ancaman keselamatan terhadap negara. Kesungguhan kerajaan membangunkan industri pertahanan dapat dilihat berdasarkan peruntukan perbelanjaan pertahanan yang mana dalam RMK6 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM600 juta dalam Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kerajaan Malaysia dengan United Kingdom bagi pembelian kelengkapan dan infrastruktur pertahanan.

Pengaliran wang keluar ini turut menjadi faktor yang mempengaruhi Malaysia untuk membangunkan industri pertahanan tempatan. Melalui Dasar Perindustrian Pertahanan Negara (DPPN), ia tidak menetapkan jenis industri sebagai industri pertahanan, sebaliknya

¹³⁸ Maklumat ini diperolehi daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor Panglima Tentera Darat, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat Markas Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara Markas Tentera Udara dan Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama Markas Angkatan Bersama, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 12 Disember 2014.

¹³⁹ Shaharuddin Othman (2002). Op.cit. hlm 22.

¹⁴⁰ Young, P.L. (1997). Cover Feature: The FPDA Review. *Asia Defence Journal*. Mei. hlm 5.

DPPN lebih bersifat terbuka bagi memberi peluang kepada syarikat industri tempatan untuk menceburkan diri dalam industri pertahanan¹⁴¹. Dasar ini secara tidak langsung meningkatkan minat para pelabur dan firma tempatan untuk menjalankan operasi dan menghasilkan produk pertahanan dan turut meningkatkan industri pertahanan Malaysia. Dasar kerajaan ini telah mempengaruhi beberapa syarikat tempatan yang menjalankan operasi menghasilkan produk pertahanan seperti SME, Hong Leong-Lurssen dan RMN Dockyard Sdn Bhd. Syarikat ini bertanggungjawab menghasilkan pelbagai produk pertahanan dan menjana perkembangan industri pertahanan tempatan. Industri pertahanan Malaysia semakin berkembang apabila bidang pertahanan udara mula diceburi oleh Syarikat Airod Sdn Bhd yang bukan hanya mengambil tanggungjawab menyelenggara pesawat Malaysia, sebaliknya berjaya mendapatkan kontrak menyelenggara pesawat luar negara khususnya pesawat Hercules C-130 di Asia pada era 1990-an.

“Pada era 1980-an dan pertengahan 1990-an, peningkatan penglibatan syarikat-syarikat industri sama ada milik kerajaan atau swasta dalam industri-industri yang berkaitan dengan bidang pertahanan menunjukkan trend yang memberansangkan”¹⁴².

Menurut Mohd Yunus Masjuki (2011) dalam *Defence Research And Development: National Industrialisation Towards Achieving Self-Reliance* menyatakan pihak kerajaan melalui Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) telah menjalankan pelbagai pemodenan dan penyelidikan seperti memiliki peralatan moden, perubahan dalam pengamalan doktrin pertahanan yang lebih berkesan mengikut perkembangan kemajuan pertahanan semasa. Walau bagaimanapun, kemampuan STRIDE masih tertakluk kepada kemampuan kewangan negara dan peruntukan yang disediakan kepada STRIDE. Keadaan ini telah memberikan kesan kepada pertumbuhan dalam aspek penyelidikan pertahanan (R&D) STRIDE¹⁴³. Menurut Sachi Thananthan dan Prasun Sengupta (1997) dalam *Malaysia's*

¹⁴¹ R. Sachi Thananthan (1995). Syed Hamid: Malaysia to Upgrade its Defence. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol. 1 No. 6. hlm 5

¹⁴² Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini turut dilaporkan oleh Amnat H.A (1995) Pembangunan ATM. Perajurit. Mac hlm 7

¹⁴³ Mohd Yunus Masjuki (2011). Defence Research And Development: National Industrialisation Towards Achieving Self-Reliance. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 2. No. 1. hlm 24 - 34

*Defence and Security Posture*¹⁴⁴ industri pertahanan negara secara umumnya semakin berkembang dan membangun. Kemunculan syarikat Kulitkraf yang menyediakan peralatan ringan, syarikat MTDC-MOS pula menghasilkan peralatan elektor optikal dan visor, Syarikat Sapura mengeluarkan kompas digital GPS, menghasilkan radio PRG4G melalui kerjasama dengan syarikat Thompson CSF dari Perancis.

Kerjasama ini telah membolehkan syarikat Sapura menghasilkan peralatan komunikasi, peralatan satelit, komputer balistik, perisian dan kelengkapan menentang kelengkapan eletronik musuh. Syarikat *Naval Dockyard* mengadakan kerjasama dengan syarikat *Royal Ordnance* bagi membangunkan meriam Sakti bagi TDM, menghasilkan meriam 155/52 kaliber, meriam anti pesawat, pelancar peluru berpandu anti pesawat, senjata anti armour, mortar 81mm yang boleh dikendalikan menggunakan komputer, menyelenggara pelancar dan peluru berpandu anti kapal *Exocet* MM38 dan MM-40 milik TLDM. Selain itu syarikat *Malaysia Mining Corporation* (MMC) juga memainkan peranan penting menghasilkan peralatan eletronik, sensor eletronik, sistem komputer tembakan balistik termoden, alat mencegah kebakaran, enjin kenderaan tentera dan senjata berkuasa tinggi. Bagi syarikat Malaysia Explosive (SME) pula bertanggungjawab menghasilkan senjata atau raifal tempur seperti *Styer AUG*, raifal CR-21, raifal penembak tepat (*sharp shooter*) seperti raifal IWS-2000 15.22mm dan *Barrtet* 12.7mm menunjukkan perkembangan pesat industri pertahanan negara.

Menurut Dzirhan Mahadzir (2013)¹⁴⁵ dalam *Malaysian Defence Modernisation* menyatakan pembabitan syarikat industri pertahanan tempatan dalam menghasilkan persenjataan berat adalah DRB-HICOM *Technology* Sdn Bhd (Deftech) yang bertanggungjawab menghasilkan 48 unit kereta perisai jenis ACV 300 *Adnan* kepada TDM semenjak November 2002. Pembabitan industri pertahanan tempatan terhadap kereta perisai ACV 300 ini yang dijalankan oleh Deftech ini telah melalui beberapa fasa yang mana

¹⁴⁴ Sachi Thananthan dan Prasun Sengupta (1997). Op.cit.hlm 13-17. Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini turut dilaporkan oleh Mohd Basri Nordin (1999). Keperluan Industri Pertahanan Dalam Membentuk Perajurit ATM Abad Ke 21. *Perajurit*. Mei. hlm 6-9

¹⁴⁵ Dzirhan Mahadzir (2013). *Malaysian Defence Modernisation*. *Asian Military Review*. Vol 21. Bil 2. Mac/April. hlm 26-30. Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Amrirullah Al Haj (2003). ACV 300 *Adnan*, Unit Pertama Pemasangan Tempatan Diserah Kepada Tentera Darat. *Perajurit*. Mei. hlm 30-31. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan oleh Zulkhairi Zainuddin (2003c). Pembangunan Sakti 105mm Bukti Kemampuan Industri Pertahanan Negara. *Perajurit*. Mei. hlm 23-25

perjanjian pembelian kereta perisai membabitkan Turki sebanyak 211 buah unit AVC 300 yang bernilai RM 1.1 bilion dan pihak Turki perlu menyalurkan teknologi kepada ATM dalam memperkembangkan industri pertahanan.

Kejayaan melalui kerjasama antara firma tempatan dengan firma antarabangsa melalui pembelian kelengkapan pertahanan telah mencipta kejayaan kepada pertumbuhan industri pertahanan tempatan apabila Deftech menjadi syarikat tempatan pertama Malaysia yang memiliki keupayaan memasang kereta perisai berantai di Malaysia. Laporan Amrirullah Al Haj (2003) pula melaporkan mengenai usaha kerajaan memberikan tumpuan kepada pertumbuhan industri pertahanan tempatan dan memberikan masa kepada ATM untuk meneliti dan mengkaji bentuk keperluan yang diperlukan bagi kesemua cabang perkhidmatan sebelum pembelian persenjataan dibuat. Walau bagaimanapun pemasangan peralatan pertahanan Sakti 105mm ini hanyalah sebahagian kecil daripada industri pertahanan. Malah, ia masih dalam proses pembangunan awal iaitu memasang peralatan di Malaysia dan keupayaan menghasilkan produk atau persenjataan sendiri adalah masih jauh. Malaysia masih meletakkan keutamaan membuat pembelian senjata berbanding menghasilkan persenjataan sendiri.

“Apa yang jelas ialah terdapat seakan satu ‘kelembapan’ dalam aktiviti hakiki industri pertahanan sejak sekian lama. Apa yang dimaksudkan oleh TEMPUR sebagai ‘kelembapan’ ini ialah bagaimana industri berkaitan pertahanan sejak beberapa dekad lalu sehingga ke hari ini dilihat lebih selesa berada dalam keadaan sedia ada atau ‘status-quo’ dengan pelbagai peluang dan perlindungan yang diberikan oleh pihak Kerajaan...”¹⁴⁶

Laporan ini turut menyatakan ATM dan kerajaan perlu memastikan agar industri pertahanan negara berkembang dan mempunyai daya kemampuan untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan mampu dipasarkan keluar negara serta memiliki ciri teknologi yang tinggi dan hadapan. Masalah ini akan menyebabkan negara terus kekal sebagai negara pengguna dan bergantung kepada kelengkapan pertahanan dari luar. Budaya sebagai “negara pengguna” dalam aspek pertahanan yang telah menjadi amalan mampu memberikan kesan negatif kepada pembangunan pertahanan negara.

¹⁴⁶ Ibid.hlm 24-25

2.5.5.1 Ulasan Aspek Industri Pertahanan

Umumnya karya yang dihasilkan hanya menggambarkan proses pembangunan dalam aspek industri pertahanan yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mencapai prinsip pertahanan *self-reliance*. Pembangunan industri pertahanan dapat dilihat dengan beberapa kejayaan syarikat tempatan yang mengadakan kerjasama dengan syarikat luar serta dapat menghasilkan produk pertahanan. Namun maklumat yang dinyatakan tidak menyentuh mengenai permasalahan yang wujud dalam aspek industri pertahanan dan kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana terdapat pendapat menyatakan mengenai permasalahan dalam industri pertahanan yang dihadapi oleh ATM dalam aspek industri pertahanan apabila kejayaan syarikat tempatan yang bekerjasama dengan syarikat luar menghasilkan meriam Sakti di Malaysia hanya sebahagian kecil dalam pertumbuhan industri pertahanan. Selain itu, terdapat laporan yang mengkaitkan industri pertahanan berkembang dengan terhad, malah terdapat perspektif yang melihat Malaysia masih kekal sebagai negara pengguna produk pertahanan luar daripada menghasilkan produk pertahanan sendiri. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai masalah yang dihadapi, kemampuan dan keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan ATM.

2.5.6 Pembangunan Aspek *Revolutions Military Affairs* (RMA)

Menurut Noordin Hj Mohd Yusoff (2002) dalam *Alternative Deterrence Strategy Against Information Warfare* menyatakan pembangunan DPN dan ketenteraan sesebuah negara turut membabitkan aspek Revolusi Hal Ehwal Ketenteraan (RMA) yang membabitkan perubahan ke atas pembangunan dasar dan ketenteraan sesebuah negara¹⁴⁷. Menurut Alvin dan Heidi Toflier (1995) dalam *War And Anti-War: Survival At The Down Of 21st Century* menyatakan :-

“RMA is a military revolution, in the fullest sense, occurs only when a new civilization arises to challenge the old, when an entire society transform itself, forcing its armed services to change at every level simultaneously- from technology and culture to organization, strategy, tactic, training, doctrines and logistics. Then this

¹⁴⁷ Noordin Hj Mohd Yusoff (2002). *Alternative Deterrence Strategy Against Information Warfare*. Tesis. Faculty Of Social Science And Humanity. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

*happens, the relationship of the military to the economy and society is transformed and the military balance of power on earth is shattered”.*¹⁴⁸

Menurut Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd Najib Abdul Razak (2001)¹⁴⁹ dalam *Defending Malaysia: Facing the 21st Century* menyatakan pembangunan RMA akan mengubah *status quo* teknologi semasa daripada primitif kepada konvensional, moden dan berteknologi tinggi. Ia turut mempengaruhi daya dan kemampuan serta cara dalam peperangan yang semakin kompleks. Keadaan ini adalah satu revolusi dalam teknologi ketenteraan. Thomas K. Adams (2002) dalam *Future Warfare And The Decline Of Human Decision Making* menyatakan :-

*“The military system (including weapons) now on the horizon will be too fast, too small, too numerous, and will create an environment too complex for human to direct. Furthermore, the proliferation of information-based systems will produce a data overload that will make it difficult or impossible for humans to directly intervene in decision making”*¹⁵⁰

Menurut Timothy Garden (1989) dalam *The Technology Trap: Science And The Military* pembangunan dan kemajuan teknologi ketenteraan dalam abad ke-21 merupakan revolusi yang memberikan kesan kepada negara di seluruh dunia khususnya dalam aspek pembangunan pertahanan dan ketenteraan. Kemajuan teknologi yang dicapai ini merangkumi semua aspek iaitu darat, laut dan udara yang merangkumi bidang rekabentuk, sistem, persenjataan, pesawat, kapal selam, senjata, kereta kebal, peluru berpandu dan bom atom. Peningkatan teknologi tinggi melibatkan aspek komputer, *high energy*, nuklear, fizik, aeroangkasa, bioteknologi, elektronik dan sebagainya. Pemilikan teknologi tinggi oleh sesebuah negara membolehkan negara memenangi peperangan, memiliki kuasa ketenteraan, melindungi keselamatan, memelihara kepentingan nasional dan memastikan matlamat dan objektif dalam pembangunan tercapai. Melalui teknologi juga sesebuah angkatan tentera dapat meningkatkan keupayaan dalam pelbagai aspek seperti strategi, taktik,

¹⁴⁸ Alvin and Heidi Taoflier (1995). *War And Anti-War: Survival At The Dawn Of 21st Century*. New York: Warner Books. Hlm 7

¹⁴⁹ Mohd Najib Abdul Razak (2001). *Defending Malaysia : Facing the 21st Century*. London: ASEAN Academic Press Ltd. hlm 94

¹⁵⁰ Thomas K. Adams (2002). *Future Warfare And The Decline Of Human Decision Making. Parameters. US Army War College. Winter.hlm 57-71*

logistik, operasi, pengurusan, latihan dan operasi¹⁵¹. Justeru, RMA adalah satu perubahan dramatik yang meningkatkan keupayaan tempur yang melibatkan perubahan ke atas teknologi, pembangunan sistem, inovasi dalam operasi dan adaptasi oleh sesebuah organisasi¹⁵². Menurut David Jablonsky (1994) dalam *US Military Doctrine And The Revolution In Military Affairs* menyatakan perkembangan pembangunan dalam pertempuran sentiasa berubah dari masa ke semasa. Keperluan dalam mengejar kejayaan dan kuasa membuatkan sesebuah negara terus membangunkan teknologi khususnya dalam aspek ketenteraan.

*“The nature of warfare is changing. Although the revolution in warfare is still underway its outlines have become clear. The effects of technology-in precision guided weapons in stealthy delivery systems in advanced sensor and targeting systems, in battle management platform-is transforming and in fact already has demonstrably transformed the way in which armed forces conduct their operations”*¹⁵³

Pemodenan RMA ATM mula diberi perhatian oleh pihak kerajaan dengan jelas berdasarkan peruntukan perbelanjaan pertahanan yang besar semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-8 dan Rancangan Malaysia Ke-9¹⁵⁴. Menurut Noordin Mohd Yusoff (2002)¹⁵⁵ dalam *Alternative Deterrence Strategy Against Information Warfare* menyatakan Malaysia turut mengadakan perubahan dalam RMA yang memberi penekanan untuk mengaplikasikan ICT, EW dan NCW kepada ATM. Ia juga mensasarkan agar peningkatan kemampuan ATM seiring dengan pembangunan ketenteraan serantau. Dalam peperangan, aspek peperangan elektronik (EW) adalah penting kerana melibatkan pelbagai kaedah seperti peperangan informasi (*IW-Information warfare*), operasi perlindungan elektronik (*EP-*

¹⁵¹ Timothy Garden (1989). *The Technology Trap : Science And The Military*. London: Brassey's Defence Publisher Ltd. hlm 3.

¹⁵² Peter Donaldson (2013). Eyes In The Skies: Asia Pacific Tactical UAV Market. *Asian Military Review*. Vol 21. Bil 6. Oct 2013. hlm 26

¹⁵³ David Jablonsky (1994). *US Military Doctrine And The Revolution In Military Affairs*. *Parameters*. US Army War College. hlm 18-36

¹⁵⁴ Gen. Mohd Zahidi Zainuddin. *Asian Defence and Diplomacy*. Bil 1. September 1999. hlm 29-36

¹⁵⁵ Noordin Mohd Yusoff (2002). *Alternative Deterrence Strategy Against Information Warfare*. *Tesis*. Faculty Of Social Science And Humanity Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi. Sebagai maklumat tambahan, maklumat ini pernah dilaporkan oleh Zuridan Muhammad (2009d) ESM-Kebergantungan Yang Keterlaluan Bakal Mengundang Kecelakaan. *Tempur*. Februari

Electronic Protection) dan serangan elektronik (*EA–Electronic Attack*), risikan isyarat komunikasi (*SIGNIT–Signal Intelligence*) dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun peredaran zaman daripada peperangan yang berorientasikan peperangan berbentuk konvensional kepada peperangan elektronik, kemampuan ATM pada ketika ini telah menimbulkan persoalan terhadap kemampuan ATM dalam menghadapi ancaman dan sejauh mana penguasaan ATM dalam aspek peperangan elektronik. Selain aspek pemilikan aset pertahanan, aspek modal insan dan teknologi dalam menentukan kemampuan dan kemampuan ATM menghadapi ancaman musuh. Menurut Shahrudin Othman (2002) dalam *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?* Aspek pembangunan modal insan ATM juga turut diberikan perhatian seperti syarat kelayakan untuk menjadi anggota tentera telah dinaikkan daripada kelayakan darjah enam kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memberikan penekanan kepada lulusan universiti untuk menjadi anggota tentera. Namun adakah dengan kelayakan yang minimum ini mampu memastikan aplikasi EW dapat dioperasikan dengan berkesan? Apakah kesan kelemahan ini terhadap prinsip pertahanan *self-reliance*?

2.5.6.1 Ulasan Aspek RMA

Karya yang telah dihasilkan dalam aspek ini hanya memberikan gambaran mengenai proses pembangunan dalam aspek RMA yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mencapai prinsip pertahanan *self-reliance*. Berdasarkan karya tersebut, ATM telah mengaplikasikan EW dalam kelengkapan pertahanannya. Namun karya tersebut tidak menyatakan mengenai permasalahan yang wujud dalam aspek RMA dan kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM. Ini kerana terdapat pendapat yang mengaitkan pemodenan RMA ATM tidak seiring dengan perubahan teknologi pertahanan semasa dunia dan menunjukkan aplikasi EW dalam ATM masih lemah. Keadaan ini menimbulkan persoalan terhadap kemampuan prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana aspek RMA adalah aspek yang penting yang menentukan kejayaan dan saling berkait dengan prinsip pertahanan negara serta prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Persoalan yang timbul adalah

apakah masalah yang dihadapi dalam pembangunan aspek RMA ATM? Apakah kesan kelemahan RMA kepada keupayaan dan kemampuan prinsip pertahanan *self-reliance*?

2.6 Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Korea Selatan, Australia dan Singapura

Pembangunan pertahanan *self-reliance* turut dilaksanakan oleh Korea Selatan, Australia dan Singapura. Berdasarkan laporan rasmi *Participatory Government Defense Policy 2003. Republic Of Korea: The Ministry Of National Defense*¹⁵⁶, menyatakan Korea Selatan adalah negara yang mengamalkan pertahanan *self-reliance* yang dimaktubkan dalam Kertas Putih Pertahanannya *Policy of Peace and Prosperity* pada tahun 2003. Menurut Lee Jong-sup (2005)¹⁵⁷ dalam *The ROK-U.S. Alliance and Self-Reliant Defense In The ROK* berdasarkan kajian dan laporan rasmi Kementerian Pertahanan Korea Selatan pembangunan dasar pertahanan *self-reliance* Korea Selatan membabitkan beberapa aspek yang menjadi penumpuan Korea Selatan iaitu dasar pertahanan yang menjadi garis panduan, membina industri pertahanan, membina keupayaan pertahanan yang berorientasikan masa hadapan (logistik, teknologi dan sumber), melakukan reformasi sistem pertahanan secara berterusan dan meningkatkan perkhidmatan dan menjaga kebajikan anggota tentera RMA.

Australia juga merupakan sebuah negara yang mengamalkan dasar pertahanan *self-reliance* berdasarkan kajian yang dijalankan oleh K.F Amponin (2003)¹⁵⁸ dalam *Achievability Of Self-Reliance Within An Alliance Framework Defence Policy Australia* telah melaksanakan prinsip *self-reliance* dalam Kertas Putih Pertahanannya pada tahun 1976 yang dikenali *Self-Reliance Within An Alliance Framework Policy*. Menurut laporan rasmi *Department Of Defence 2000. Defence 2000—Our Future Defence Force*, kajian Michael D. Slater (2004)¹⁵⁹ dalam *An Analysis Of Australia's National Strategy In The War Against*

¹⁵⁶ *Participatory Government Defense Policy 2003. Republic Of Korea: The Ministry Of National Defense* mercury.ethz.ch/serviceengine/Files/.../SouthKorea2003main_eng.pdf

¹⁵⁷ Lee Jong-sup (2005). *The ROK-U.S. Alliance and Self-Reliant Defense in the ROK*. Dalam Alexandre Y. Mansourov (Edt) *A Turning Point: Democratic Consolidation in the ROK and Strategic Readjustment in the US-ROK Alliance*. Honolulu Hawaii: Asia-Pacific Center for Security Studies. <http://www.apcss.org/Publications/Edited%20Volumes/turningpoint/CH13.pdf>

¹⁵⁸ K.F Amponin (2003). *Achievability of Self-Reliance Within An Alliance Framework Defence Policy*. *Geddes Papers*. hlm 1-9

¹⁵⁹ Michael D. Slater (2004). *An Analysis Of Australia's National Strategy In The War Against Terror*. Pennsylvania: U.S. Army War College

Terror dan kajian Chris Ritchie (2010)¹⁶⁰ dalam *CPA Australia Defence Industry* perbincangan adalah merangkumi aspek Kertas Putih Pertahanan yang melibatkan jangkaan sehingga tahun 2030 yang dikenali sebagai *Defending Australia In The Asia Pacific Century: Force 2030*. Selain itu, aspek yang telah diberikan penekanan pembangunan adalah membabitkan pemilikan persenjataan yang moden bagi semua cabang perkhidmatan (logistik dan sumber), meningkatkan penggunaan persenjataan berteknologi tinggi (RMA), pengamalan strategi *forward defence* (strategi) dan industri pertahanan.


Dr. Tony Tan, Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Pertahanan Singapura pada 15 Februari 2000 menyatakan Singapura adalah negara yang mengamalkan pertahanan *self help* (*self-reliance*) semenjak keluar dari Persekutuan Malaysia. Tim Huxley (2001)¹⁶¹ dalam *Singapore In 2000: Continuing Stability And Renewed Prosperity Amid Regional Disarray* dan Tim Huxley (2000) dalam *The Defending Lion City* menyatakan konsep pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* Singapura adalah dengan memberikan penumpuan kepada industri pertahanan. Tan Tai Yong (2001) dalam *Civil Military Fusion* dan laporan Nasibah Harun (2005)¹⁶² menyatakan pembangunan pertahanan Singapura turut memberikan penekanan dalam aspek lain seperti sumber atau peruntukan pertahanan, aspek logistik yang menetapkan pemilikan persenjataan yang berteknologi tinggi dan kehadiran (logistik dan RMA), mempelbagaikan strategi pertahanan *forward defence*, *poison shrimp*, *pre-emptive strike* dan *total defence* dan aplikasi teknologi pertahanan yang terkini kepada angkatan pertahanan (RMA). Kajian dan laporan yang membabitkan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* bagi ketiga-tiga negara iaitu Korea Selatan, Australia dan Singapura walaupun terdapat perbezaan dalam penumpuan dan pembangunan dalam mencapai matlamat prinsip pertahanan *self-reliance*, namun perbincangan dan fokus pembangunan ketenteraan adalah membabitkan enam aspek utama iaitu pembentukan dasar pertahanan yang kukuh, strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA.

¹⁶⁰ Chris Ritchie (2010). CPA Australia Defence Industry Conference. *Speech Notes For Chairman Vice Admiral*. 7 Disember.hlm 1-15. Maklumat diakses pada 11 Januari 2016 daripada https://www.asc.com.au/Documents/Speeches/CPA_Speech.doc

¹⁶¹ Tim Huxley (2001). *Singapore In 2000: Continuing Stability And Renewed Prosperity Amid Regional Disarray*. *Asian Survey*. Vol.41. Bil. 1

¹⁶² Tan Tai Yong (2001). *Civil Military Fusion*. Dalam Mutiah Alagappa (Edt). *Coercion And Governance: The Declining Political Role Of The Military In Asia*. California: Stanford University Press. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2005e). *Angkatan Tempur Gabungan*. *Perajurit*. Mei

Gambarajah 2.3 : Komponen Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*



Gambarajah 2.3 di atas menyatakan mengenai prinsip pertahanan *self-reliance*. Berdasarkan pembangunan ketenteraan dan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia, Korea Selatan, Australia dan Singapura ia menunjukkan terdapat enam komponen yang telah dibangunkan. Malaysia turut mengamalkan prinsip pertahanan *self-reliance* dan membangunkan kesemua komponen prinsip pertahanan *self-reliance*. Walau bagaimanapun pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia telah menimbulkan pelbagai persoalan berikutan terdapat pelbagai isu yang dilaporkan dalam pembangunan pertahanan *self-reliance*. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam membangunkan komponen-komponen prinsip pertahanan *self-reliance*. Karya-karya yang dihasilkan juga tidak menyatakan mengenai kesan kelemahan dan permasalahan yang wujud terhadap prinsip pertahanan *self-reliance*.

2.7 Kesimpulan Bab

Berdasarkan karya dan laporan yang dijalankan ke atas DPN, ia menunjukkan Malaysia telah melaksanakan tiga prinsip pertahanan iaitu prinsip pertahanan *self-reliance*, prinsip kerjasama serantau dan prinsip bantuan luar. Dalam usaha untuk mencapai prinsip pertahanan *self-reliance* pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan. Perbincangan pembangunan ketenteraan Malaysia untuk mencapai prinsip pertahanan *self-reliance*

melibatkan enam aspek utama yang disentuh iaitu aspek dasar pertahanan negara (*firm defence posture*), strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA telah menjadi keutamaan kepada Malaysia. Berdasarkan karya dan analisa pertahanan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia, kerajaan telah membangunkan enam aspek tersebut. Proses pembangunan bagi ke enam aspek telah dinyatakan dan diperjelaskan. Walau bagaimanapun terdapat pendapat yang mendedahkan bahawa terdapat kelemahan dalam beberapa aspek. Namun, karya yang dijalankan tidak menyatakan apakah kelemahan yang berlaku dalam ke enam aspek tersebut dan kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana masalah yang wujud dalam aspek pertahanan *self-reliance* ia akan memberikan kesan kepada prinsip pertahanan yang diamalkan kerana ianya saling berkait antara satu sama lain. Semakin kukuh pembangunan aspek pertahanan *self-reliance* maka ia akan mengukuhkan prinsip pertahanan yang diamalkan dan semakin lemah aspek yang dibangunkan maka ia akan melemahkan prinsip pertahanan yang diamalkan. Justeru, kajian ini menganalisa pembangunan enam aspek prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia dan kesan ke atas prinsip pertahanan yang diamalkan.

BAB 3

KERANGKA TEORI

3.1 Pengenalan bab

Bab ini merupakan bab yang membincangkan kerangka teori kajian yang dijalankan. Dalam bab ini menggunakan teori realisme sebagai asas dalam memahami konsep *self-reliance*. Bab ini juga turut mengenalpasti asal usul konsep *self-reliance* yang termaktub dalam realisme. Dalam memahami realisme, bab ini turut menyentuh mengenai peperangan, anarki dan keperluan ketenteraan kepada sesebuah negara. Justeru, bab ini menganalisa sejarah awal konsep *self-reliance* dalam realisme yang membabitkan realisme pra-klasik (*pre classical realism*), realisme klasik (*classical realism/modern realism*) dan neorealisme. Perbincangan juga membabitkan konsep *self help* yang terkandung dalam realisme yang mempunyai sama erti dengan *self-reliance*. Selain itu, bab ini turut menyentuh mengenai perkaitan antara *self-reliance* dengan pengamalan pakatan (*alliances*) mengikut teori realisme. Dalam membentuk kerangka kajian pertahanan *self-reliance*, bab ini turut menganalisa pelaksanaan model pertahanan *self-reliance* yang dilaksanakan oleh Korea Selatan, Australia dan Singapura untuk dijadikan sebagai kerangka kajian agar dapat menganalisa pembangunan pertahanan *self-reliance* yang dilaksanakan oleh Malaysia. Bab ini juga turut memiliki kesimpulan bab yang menyimpulkan penemuan dalam bab ini.

3.2 Hubungan Antarabangsa dan Teori Realisme

Hubungan antarabangsa ialah *the study of who gets what, when and how in matters external to states or in matters crossing national boundary lines*. *Who* dalam hubungan antarabangsa merujuk kepada negara di dunia selaku *actor*¹⁶³. *What* ialah matlamat aktor dalam hubungan antarabangsa dan ianya bersifat pelbagai seperti matlamat politik, ekonomi, sosial atau budaya. *When* dalam hubungan antarabangsa boleh dirujuk daripada aktiviti yang

¹⁶³ *Non-State Actors* seperti kumpulan penganas, pertubuhan antarabangsa, dan persatuan atau organisasi yang mewakili kumpulan-kumpulan etnik sejak akhir-akhir ini semakin mendapat perhatian dan pengiktirafan sebagai sesuatu yang sangat penting dalam konteks hubungan antarabangsa.

berterusan oleh negara dalam memberikan keselamatan kepada rakyatnya hinggalah kepada aktiviti organisasi antarabangsa. Dan *how* merujuk kepada instrumen yang digunakan oleh aktor untuk mencapai matlamat dalam hubungan antarabangsa seperti ketenteraan, propaganda, bantuan asing, diplomasi dan lain-lain¹⁶⁴. K. Ramanathan (2000), berpendapat hubungan antarabangsa merujuk kepada semua perhubungan yang berlaku di seberang sempadan nasional, yakni semua perhubungan dan aktiviti yang bersifat antarabangsa adalah hubungan antarabangsa¹⁶⁵. Negara akan mementingkan dan mempertahankan nilai-nilai seperti keselamatan, kedaulatan, keutuhan wilayah, kebajikan ekonomi dan kestabilan. Dalam proses melindungi kepentingan nasional, sesebuah negara mungkin berkonflik dengan sebuah negara yang lain. Kepentingan nasional telah menjadi keutamaan yang digunakan bagi menjelaskan dan merumuskan teori bagaimana negara wujud dalam keadaan berasingan antara satu sama lain. Setiap negara akan berusaha mempertahankan dan memajukan kepentingan negara masing-masing dalam menjalankan hubungan dengan negara lain¹⁶⁶.

Michael Leifer (2002) menyatakan pendapat dan teori realisme merupakan teori kontemporari yang terkenal dalam menganalisa perlakuan atau hubungan dalam sistem antarabangsa¹⁶⁷. *Realism* merupakan pendekatan pemikiran hubungan antarabangsa yang menekankan negara sebagai aktor utama. Aktor negara (*state*) merupakan aktor yang bersifat rasional dalam membuat tindakan atau dasar negara. Maksud rasional bagi aktor negara ialah negara akan mengambil sesuatu tindakan sekiranya ia dapat memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos. Ini bermaksud negara tidak akan mengambil sesuatu tindakan yang merugikan kepada negara. Antara aspek utama yang menjadi perkara asas kepada golongan

¹⁶⁴ Untuk keterangan lanjut sila lihat K.J Holsti (1994). *International Politics: A Framework for Analysis*. London: Prentice Hall. Rujuk juga definisi hubungan antarabangsa oleh Henderson, Conway W. (1998). *International Relations: Conflict and Cooperation at the Turn of 21st Century*. New York: McGraw Hill yang turut menyentuh mengenai Siapa (*who*) boleh melibatkan aktor antarabangsa seperti negara, individu, MNC, organisasi antarabangsa dan sebagainya. Manakala persoalan Apa (*what*) adalah bergantung kepada mendapatkan sesuatu atau matlamat dan kepentingan. Bagi persoalan Bila (*when*) ia berlaku dan bergantung kepada komunikasi antarabangsa dan persoalan Bagaimana (*how*) pula ia bergantung kepada karakter negara dan kepentingan untuk dilaksanakan di dalam hubungan antarabangsa.

¹⁶⁵ Ibid. hlm. 20

¹⁶⁶ Hans Morgenthau (1948). *Politics Among Nations, The Struggles For Power And Peace*. New York: Alfred Knopf. hlm 5

¹⁶⁷ Michael Leifer dan S. Peou (2002). Realism And Constructivism In Southeast Asian Security Today: Review Essay. *The Pacific Review*. Vol 15. Bil 1. hlm 119-138

realisme iaitu kuasa, kepentingan negara, keseimbangan kuasa¹⁶⁸, keselamatan dan ketenteraan. Kuasa merupakan matlamat dalam agenda realisme. Dalam hubungan antarabangsa, realisme mementingkan kekuasaan sama ada untuk menambah atau mengekalkan kuasa¹⁶⁹. Hans Morgenthau (1948) menyatakan hubungan antarabangsa adalah satu bentuk persaingan kuasa¹⁷⁰ yang mana negara akan bersaing untuk mendapatkan atau mengekalkan kuasa. Realisme berpendapat keamanan tidak berkekalan¹⁷¹ dan peperangan tidak dapat dielakkan¹⁷². Ini kerana negara akan bertindak mengikut kepentingan nasional dan cuba untuk mendapatkan atau menambahkan kekuasaan¹⁷³.

Dalam aspek moraliti, realisme bersedia menyetepikan aspek moral dalam membincangkan politik dan menerima hakikat bahawa 'realpoliti'¹⁷⁴ adalah selari dengan realiti kekuasaan. Oleh itu, kuasa perlu ditentang dengan kuasa serta mementingkan kepentingan diri (*the survival of the states*)¹⁷⁵. Golongan realisme melihat kerjasama dan konflik atau peperangan merupakan satu tindakan atau cara interaksi antara negara dalam sistem antarabangsa. Keadaan sistem antarabangsa dilihat bersifat anarki iaitu keadaan sistem yang tidak mempunyai sebuah organisasi antarabangsa yang dapat mengawal kacau-bilau atau huru-hara atau keadaan peperangan dan konflik serta keadaan yang tidak selamat (*a state of war*). Ini kerana golongan realisme melihat manusia adalah bersifat tamak, kejam, dengki dan pentingkan diri. Edmund Burke dan James Madison (1995) menegaskan golongan ini meletakkan prinsip seperti sikap pesimisme yang menganggap sesuatu tindakan

¹⁶⁸ Sila lihat penjelasan keseimbangan kuasa sebagai polisi negara dalam Joseph S. Nye, Jr (2000). *Understanding International Conflicts, An Introduction To Theory And History*. New York :Longman. hlm 59-61

¹⁶⁹ K. J. Holsti (1991). *Power, Capability And Influence In International Politics*. Dalam Charles W. Kegley, Jr & Eugenc R. Wittkof (Edt) *The Global Agenda: Issue And Perspectives*. London: McGraw Hill Inc. hlm. 13

¹⁷⁰ Hans J. Morgenthau (1948). Op.cit. hlm 5. Rujuk juga Harold D. Lasswell (1986). *Politik, Siapa Mendapat Apa, Bila, Bagaimana*. (Terj). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 34

¹⁷¹ Menurut pendapat realisme, keamanan tidak dapat dikekalkan. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Karen Mingist (1979). *Essentials Of International Relations*. New York: W.W. Norton &Company.hlm 77

¹⁷² Sila rujuk Scot Burchill et.al (2001). *Theories Of International Relations*. New York: Palgrave. hlm 70. Lihat juga Martin Griffiths dan Terry Ocallaghan (2002). *International Relations, The Key Concepts*. London: Routledge.hlm 3

¹⁷³ Hans Morgenthau (1948).Op.cit.hlm 5

¹⁷⁴ Lihat penjelasan James Mayall (edt) (1982). *The Community Of States*. London: George Allen & Unwin.hlm72-83

¹⁷⁵ Untuk melihat kelangsungan hidup (*the survival of the states*) mengikut pendapat realisme, sila rujuk Kenneth Waltz (1979). *Theory Of International Politics*. Massachusetts:Adison–Wesley. hlm131. Lihat juga John J. Mearsheimer (1995). *The False Promise Of International Institutions*. *International Security*. Vol 19. No 3. hlm10

individu dipengaruhi oleh kepentingan diri dan berpendapat keburukkan serta ketidakadilan adalah sesuatu yang lumrah semulajadi (*natural by product*)¹⁷⁶.

3.3 Peperangan dan Fenomena Anarki

Peperangan menjadi isu atau agenda utama bagi sesebuah negara dalam memastikan kelangsungan hidup dalam sistem antarabangsa. Setiap negara akan memberikan penumpuan kepada pembangunan sistem pertahanan memandangkan norma kehidupan sesebuah negara dalam sistem antarabangsa terdedah kepada ancaman krisis, konflik dan peperangan. Sesebuah negara tidak mempunyai pilihan dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat dan negara selain memperkuat pertahanan bagi menjamin keselamatan. Peperangan bukanlah sesuatu perkara yang remeh, sebaliknya peperangan adalah satu tindakan yang akan menentukan hidup dan mati atau jatuh atau naik sesebuah negara. Aristotle sendiri pernah menyatakan “*a people without walls are a people without choice*”¹⁷⁷. Terdapat berbagai definisi yang cuba menyatakan istilah peperangan. Bagi Clausewitz (2006)¹⁷⁸, peperangan ditakrifkan sebagai satu tindakan keganasan tersusun untuk memaksa pihak lawan (musuh) dalam usaha memenuhi objektif dan matlamatnya. Manakala Julian Lider (1979)¹⁷⁹ menyifatkan peperangan mempunyai hubung kait antara entiti politik yang merdeka (negara) dalam menyelesaikan perbezaan pendapat di kalangan mereka dan peperangan adalah mekanisme atau pendekatan yang boleh digunakan bagi menyelesaikan permasalahan. Di sini tercetusnya peperangan adalah kesan daripada situasi sesuatu perbezaan pendapat, krisis, konflik yang tidak terkawal antara negara. Menurut Saiful Anwar Md.Ali (Mei 2006):-

*“Justeru itu, perang adalah tindakan yang diambil oleh sesebuah negara atas nama seluruh rakyat negara itu untuk mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan negara”*¹⁸⁰.

¹⁷⁶ Edmund Burke dan James Medison dipetik dari M. Amstutz (1995). *International Conflict And Cooperation: An Introduction To World Politics*. Madison: Brown & Benchmark.hlm 15

¹⁷⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saiful Anwar Md Ali (2004a). Kuasa Tentera Dan Keberkesanannya. *Perajurit*. Mac. hlm 53

¹⁷⁸ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saiful Anwar Md Ali (2006b). Peperangan Dan Evolusi Peperangan. *Perajurit*. Mei.hlm 44

¹⁷⁹ Julian Lider (1979). *On The Nature Of War*. United Kingdom: Saxon House Teakfield Ltd.

¹⁸⁰ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saiful Anwar Md Ali (2006b). *Op.Cit*.hlm 44

Menurut Martin Wright (1978)¹⁸¹ menyatakan peperangan boleh dilihat dari pelbagai perspektif iaitu universal, agama dan bangsa dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti politik, ekonomi, kebudayaan, agama dan ideologi. Pendapat Thucydides, peperangan adalah dipengaruhi oleh faktor persaingan kuasa antara negara yang mana persaingan ini dipengaruhi oleh faktor ketakutan (*war of fear*). Senario yang dimaksudkan oleh Thucydides ini dapat dilihat dalam serangan di Pearl Harbour pada tahun 1941 yang mana pihak Jepun telah mengambil tindakan menyerang pangkalan tentera AS di Pasifik kerana bimbangkan kehadiran dan penguasaan AS di Asia Pasifik. Peperangan juga berlaku disebabkan oleh faktor keuntungan (*war of gain*) yang mana sesebuah negara cenderung melakukan tindakan kekerasan ketenteraan dan meluaskan kuasa (*power expansion*) demi memenuhi matlamat ekonominya. Secara tidak langsung tindakan ini mengembangkan pengaruh dan perluasan kuasa (*spheres of influence*). Selain itu, peperangan juga dipengaruhi oleh pengamalan sesuatu doktrin sesebuah negara (*war of doctrine*). Ini disebabkan terdapat perbezaan dan pencapaian matlamat doktrin yang diamalkan.

“Peperangan dari perbezaan fahaman dan perselisihan fahaman agama juga boleh dikategorikan dalam war of doctrine ini seperti Perang Salib yang berlaku antara kerajaan Eropah dengan kerajaan Islam Abasiyyah. Satu lagi contoh yang seakan sama ialah konflik yang wujud di Ireland Utara yang menganut Kristian Protestant dengan Ireland Selatan yang menganut Kristian Khatolik”¹⁸².

Namun bagi pendapat Keith L. Nelson dan Spencer C. Olin Jr. (1979)¹⁸³, faktor yang mempengaruhi peperangan adalah dipengaruhi oleh tiga aliran iaitu aliran konservatif, liberal dan radikal yang menyatakan perbezaan dalam menjelaskan mengapa peperangan itu berlaku? Bagi aliran konservatif, peperangan tercetus akibat daripada kegagalan dalam mengawal order dan disiplin dalaman atau perhubungan herarki menghadapi masalah. Ia adalah berkaitan kegagalan dalam negara atau organisasi untuk menolak pilihan untuk melakukan peperangan. Ia dapat dilihat berdasarkan tindakan Jeneral Helmuth Von Molte dari Jerman yang menyatakan pendapat dalam Perang Franco-Prussian :-

¹⁸¹ Martin Wright (1978). *War Power Politics*. United Kingdom: Penguin Publication.

¹⁸² Ibid.hlm 45-46

¹⁸³ Keith L. Nelson Dan Spencer C. Loin.Jr (1979). *Why War? Ideology, Theory And History*. USA:University Of California Press Ltd.

“War fosters the roblest virtues of man, courage, self denial, obedience to duty and the spirit of sacrificies, the soldier gives his life. Without war the world would stagnate and sink into materialism”¹⁸⁴.

Bagi aliran liberal, kebebasan individu, rakyat atau negara yang disekat akan memberikan potensi tercetusnya konflik dan keganasan sama ada dalam negara ataupun di peringkat antarabangsa. Manakala aliran radikal pula melihat peperangan itu berlaku disebabkan oleh faktor jangka panjang seperti persaingan kuasa, ekonomi, dasar imperialisme, nasionalisme dan perkauman. Bagi Quincy Wright (1964)¹⁸⁵ terdapat tiga sudut yang mempengaruhi peperangan iaitu dari sudut saintifik, sejarah dan praktikal. Dari sudut saintifik terdapat empat faktor iaitu kegagalan dalam mewujudkan keseimbangan keadaan politik dengan pertahanan yang tidak stabil dalam sesebuah negara. Kegagalan mewujudkan keseimbangan akan membawa kepada krisis dan konflik. Faktor kedua ialah kegagalan menjadikan undang-undang antarabangsa sebagai garis panduan dalam memenuhi keperluan sejagat. Kegagalan ini menyebabkan timbulnya ketidakpuasan hati bagi negara tertentu yang mungkin menghadapi masalah dengan perundangan antarabangsa yang menjadi penghalang kepada sesebuah negara untuk mencapai matlamatnya. Ini menyebabkan sesebuah negara tersebut memilih pendekatannya sendiri termasuklah memilih untuk menggunakan kaedah kekerasan ketenteraan. Faktor ketiga ialah kegagalan untuk menentukan kuasa politik yang terbaik yang mampu menepati permintaan antarabangsa. Faktor ke empat ialah kegagalan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan mewujudkan keamanan di peringkat antarabangsa.

Kegagalan ini menyebabkan negara melihat peperangan sebagai pilihan dalam kaedah penyelesaian atau tindakan yang ada. Dari sudut sejarah, berdasarkan peperangan Franco-Prussia menyatakan peperangan berlaku secara serta merta, secara khas dan secara am. Peperangan yang berlaku secara serta merta ini adalah peristiwa dan konflik. Sebagai contoh, keengganan Perancis mengiktiraf penabalan Putera Hohenzollem dari Prussia untuk memerintah Sepanyol telah mewujudkan krisis antara Prussia-Perancis. Peperangan secara

¹⁸⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saiful Anwar Md Ali (2006b).Op.Cit.hlm 46

¹⁸⁵ Quincy Wright (1964). *A Study Of War*. London: University Of Chicago. bab 2 & 3

khusus pula adalah disebabkan oleh faktor domestik yang akhirnya merebak ke negara lain yang mempunyai pengaruh dan kepentingan. Manakala peperangan am pula adalah krisis atau konflik yang meletus yang disebabkan oleh isu-isu biasa seperti perbezaan pendapat antara negara dalam sesuatu isu. Peperangan dari sudut praktikal pula adalah berkaitan dengan prinsip dan sikap semulajadi manusia yang dibelenggu dengan cita-cita, keinginan, permusuhan dan aspirasi yang melihat peperangan adalah pilihan untuk mencapai sesuatu objektif. Individu atau negara tersebut melihat peperangan sebagai keperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup¹⁸⁶. Sesebuah negara atau individu perlu menikmati kekayaan, kuasa dan perpaduan sosial melalui apa saja kaedah termasuk peperangan.

Walau bagaimanapun perspektif meletusnya peperangan dalam sistem negara moden dapat dilihat dari sudut individu, masyarakat dan antarabangsa. Peperangan dari perspektif individu dilihat sebagai suatu alat (*tools*) yang penting kepada negara untuk mencapai matlamat. Ini kerana bagi individu atau negara, peperangan adalah salah satu alat yang dapat memastikan sesuatu objektif dan matlamat dapat dicapai. Dari perspektif masyarakat antarabangsa peperangan meletus kesan daripada nilai, norma dan perilaku yang tidak mematuhi undang-undang antarabangsa. Oleh itu, peperangan telah menjadi satu pilihan bagi menegakkan undang-undang dan memastikan negara dalam sistem antarabangsa mematuhi perundangan dan mewujudkan kestabilan dan keamanan. Dari perspektif negara sistem antarabangsa pula, peperangan telah menjadi salah satu faktor yang menentukan kedudukan, kuasa dan sistem negara.

“Apa yang harus diterima oleh semua adalah sebab-sebab berlakunya peperangan tidak hanya bergantung kepada satu faktor, tetapi harus dilihat dari berbagai dimensi yang bertujuan untuk mencapai objektif dan matlamat. Keadaan perilaku negara dalam menangani sistem antarabangsa adalah merupakan satu fakta yang perlu dikaji dengan luasnya. Peperangan tidak akan berakhir kerana manusia telah dilahirkan bersama sifat yang jahat dan tidak pernah berpuashati, tamak, dengki dan curiga antara satu sama lain”¹⁸⁷.

Menurut Sukhumbhand Paribatra (1987) menyatakan bagi Negara Dunia Ketiga aspek pertahanan dan pembangunan negara perlu membangun secara seiring. Pembangunan negara

¹⁸⁶ Kenneth Waltz (1979). Op.cit. hlm131

¹⁸⁷ Ibid.hlm 48

tanpa pertahanan dalam persekitaran yang penuh dengan ancaman mengundang kepada pencerobohan, dan pertahanan tanpa pembangunan dalam keperluan persekitaran sosial dan ekonomi ini membuka kepada pelbagai kelemahan kestabilan negara¹⁸⁸.

3.4 Keperluan Pembangunan Ketenteraan

Michael Doyle (1986) menyatakan fenomena anarki merupakan keadaan yang tidak mempunyai kerajaan atau pemerintah yang bertanggungjawab dan berhak mentadbir serta mengawal kelakuan aktor dalam politik antarabangsa¹⁸⁹. Peperangan dikaitkan dengan ketiadaan kerajaan yang mampu mengawal dan dikaitkan dengan sifat-sifat manusia yang tamak, kejam, pentingkan diri dan sebagainya¹⁹⁰. Fenomena berlaku perang saudara, konflik etnik, insurgensi dan gerakan revolusi yang berlaku dalam negara membuktikan kewujudan kerajaan dalam sesebuah negara bukan satu jaminan untuk kestabilan dan keamanan dalam negara tersebut. Keadaan ini akan memerlukan sebuah organisasi antarabangsa khususnya PBB dalam menyelesaikan konflik serta mentadbir dunia ke arah keamanan dan kestabilan. Golongan realisme melihat kerjasama dan konflik atau peperangan merupakan satu tindakan atau cara interaksi antara negara dalam sistem antarabangsa. Keadaan sistem antarabangsa dilihat bersifat anarki yang berada dalam keadaan peperangan dan konflik serta keadaan yang tidak selamat (*a state of war*). Ini kerana negara akan bertindak mengikut kepentingan nasional dan cuba untuk menambah atau mengekalkan kekuasaan¹⁹¹. Sebagai contoh pembangunan nuklear Iran adalah sejajar dengan pendapat realisme yang melihat sistem antarabangsa bersifat anarki. Ini kerana sememangnya sistem antarabangsa telah menyaksikan keadaan peperangan dan keamanan tidak dicapai kerana peperangan masih berlaku. Antara peperangan yang meletus selepas Perang Dunia Kedua seperti Perang Korea (1950-1953), Perang Vietnam (1965-1975), Perang Arab Israel (1948, 1967 dan 1973,) Perang Falkland (1982), Perang Iran-Iran (1980-1988), Perang Teluk (1991), Perang di Balkan (1990-1994), Perang Afghanistan (2002) dan Perang Iraq (2003) telah membuktikan keadaan sistem antarabangsa yang menghadapi ancaman peperangan.

¹⁸⁸Sukhumbhand Paribatra (1987). Thailand: Defence Spending And Threat Perceptions. Dalam Chin Kin Wah (Edt). *Defence Spending In Southeast Asia*. Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies. hlm 48-71

¹⁸⁹ Michael Doyle (1986). *Empires*. New York: Cornell University Press. hlm 45

¹⁹⁰ Untuk keterangan lanjut sila rujuk Hans Morgenthau (1948). *Op.cit.* hlm 5

¹⁹¹ Ibid

Kegagalan peranan *non-state actor* seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam memastikan keamanan dan mengelakkan peperangan telah menjadi elemen kepada negara untuk mengambil keputusan yang dapat menjamin keselamatan dan kelangsungan hidupnya sendiri. Antara perkara-perkara utama yang menjadi perkara asas kepada keadaan anarki iaitu faktor kuasa, kepentingan negara, keseimbangan kuasa,¹⁹² keselamatan dan ketenteraan.¹⁹³ Hans Morgenthau (1948) menyatakan hubungan antarabangsa adalah satu bentuk persaingan kuasa¹⁹⁴. Ini bermaksud negara akan bersaing untuk mendapatkan atau mengekalkan kuasa dalam mengadakan hubungan antarabangsa. Barry Buzan (1987) menyatakan :-

*“The term arms race suggests self-stimulating military rivalry between states, in which their efforts to defend themselves military cause them to enhance the threats they pose each other”*¹⁹⁵.

Persaingan dalam perlumbaan pembangunan ketenteraan adalah terbentuk daripada reaksi atau tindakbalas yang wujud di antara negara apabila mereka membangunkan ketenteraan masing-masing¹⁹⁶. Di dalam perundangan antarabangsa, pembangunan ketenteraan oleh sesebuah negara bukan merupakan kesalahan sekiranya ianya bertujuan untuk mempertahankan diri atau mengekalkan kedaulatannya. Ini kerana sesebuah negara mempunyai hak untuk mendapatkan kemerdekaan (*right of independence*), hak yang saksama (*right of equality*) dan hak mempertahankan diri (*right of independence*)¹⁹⁷. Ia adalah selaras dengan pendapat Hans Morgenthau bahawa fenomena di dalam sistem antarabangsa ialah cuba menghalang dominasi sesebuah negara terhadap sistem

¹⁹² Sila Lihat Penjelasan Keseimbangan Kuasa Sebagai Polisi Negara Dalam Joseph S. Nye, (2000). Op.cit. hlm 59-61

¹⁹³ K. J. Holsti (1991). Op.Cit. hlm. 13

¹⁹⁴ Hans J. Morgenthau (1948). Op.Cit.hlm 5. Rujuk juga Harold D. Lasswell (1986). Op.Cit. hlm 34

¹⁹⁵ Barry Buzan (1987b). *An Introduction To Strategic Studies: Military Technology And International Relations*. London: Macmillan For The International Institute For Strategic Studies. hlm 69

¹⁹⁶ Barry Buzan (2001c). *Pengenalan Pengajian Strategik: Teknologi Ketenteraan Dan Hubungan Antarabangsa*. Mahmud Embong Dan Kamarulnizam Abdullah (Terj). Bangi: UKM. hlm 81

¹⁹⁷ M.R. Amstutz (1995). *Internal Conflict And Corporation: An Introduction To World Politics*. Madison: Brown And Benchmark. hlm 333

antarabangsa¹⁹⁸. Ini menunjukkan bahawa terdapat persaingan antara negara dalam sistem antarabangsa. Fenomena dominasi sesebuah negara dalam sistem antarabangsa telah mendorong kepada perlumbaan dalam mewujudkan keseimbangan kuasa atau mengimbangi negara yang cuba mendominasi sistem. Menurut Colin Gray (1971)¹⁹⁹ pula, perlumbaan senjata boleh wujud apabila terdapat dua atau tiga pihak yang mempunyai sifat *antagonisme*. Selain itu, negara akan menyusun atau menstrukturkan kekuatan ketenteraan agar lebih efektif dalam peperangan atau bertujuan mewujudkan cegah rintang terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam perlumbaan senjata.

*“The competitive amassing of troops or armaments, whereby each side tries to gain and advantage over its neighbour or at least not to remain at a disadvantage. The race can be pursued by two rivals powers or many; it can be local or generally”*²⁰⁰.

Sebagai contoh pembangunan ketenteraan Singapura telah menyedarkan negara jiran untuk menilai dan mendorong membangunkan kekuatan pertahanan khususnya aspek persenjataan²⁰¹. Malahan selepas tamatnya Perang Dingin, rantau Asia telah mencatatkan perdagangan senjata yang tinggi²⁰² untuk mendapatkan persenjataan moden dalam memperkuat sistem pertahanan dan keselamatan negara²⁰³.

3.5 Kerangka Realisme

Kajian ini menggunakan teori realisme dalam menganalisa permasalahan kajian. Ini kerana pertahanan *self-reliance* adalah berkait rapat dengan pendapat realisme.

3.5.1 Realisme Pra-Klasik (*Pre Classical Realism*)

Michael Leifer (2002) menjelaskan pendapat dan teori realisme merupakan teori kontemporari yang terkenal dalam menjelaskan perlakuan atau hubungan dalam sistem

¹⁹⁸ P.W. Shively (1997). *Power And Choice: An Introduction To Political Science*. New York: McGraw Hill. hlm 336-337

¹⁹⁹ Colin S. Gray (1971). The Arms Race Phenomenon. *World Politics*. Vol 14. hlm 40-41

²⁰⁰ Martin Wight dan M. Sheehan (1983). *The Arm Race*. Great Britain: Martin Robertson & Company Limited. hlm 9

²⁰¹ Andrew Tan T.H (1999). Singapore's Defence: Capabilities, Trends And Implication. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 21. No.31. hlm 459

²⁰² Asia's Arm Race. *Economist*. 20 Februari 1993. hlm 19-22

²⁰³ Michael T. Klare (1993). The Next Great Arms Race. *Foreign Affairs*. Vol 72. Bil 3. hlm 136-152

antarabangsa. Realisme adalah satu aliran pemikiran yang berpengaruh dalam politik antarabangsa. Umumnya realisme melihat perlakuan dalam hubungan antarabangsa mempunyai hubung kait dengan kehidupan semula jadi dan sifat manusia. Ini kerana manusia mempunyai sifat-sifat kejahatan seperti tamak, kejam, dan sebagainya yang mana sifat-sifat ini sukar dibasmi kerana manusia itu adalah tidak sempurna. Richard North (2010) mengatakan manusia akan saling bersaing antara satu sama lain untuk merebut kuasa manakala dalam politik atau hubungan antarabangsa, negara adalah aktor utama dan tiada struktur kuasa atau hak yang dapat mengawal mereka dalam menjadi pengantara dalam konflik. Ini kerana negara akan bertindak dalam hubungan antarabangsa mengikut kepentingan kuasa dan kepentingan nasional. Justeru, sesuatu kemajuan dan keadilan yang rakyat atau negara perolehi dalam sesebuah negara atau sistem antarabangsa akan musnah disebabkan oleh persaingan atau perlumbaan dalam sesuatu perkara dan kebiasaannya akan membawa kepada peperangan. Realisme melihat teori mereka adalah konsisten dan tepat berbanding teori hubungan antarabangsa yang lain seperti idealisme, liberalisme, strukturlisme, pragmatisme dan sebagainya²⁰⁴. Realisme moden adalah hasil daripada pendapat teori realisme pra-klasik. Dalam memahami realisme, ia perlu dilihat dari awal kewujudan falsafah realisme yang dikenali sebagai *preclassical realism*. Tokoh-tokoh seperti Thucydides dari Greece (471-400 Sebelum Masihi), Nicolo Machiavelli dari Itali (1469-1527) Thomas Hobbes dari England (1588-1679), Hugo Grotius dari Belanda (1583-1645), Carl Von Clausewitz dari Rusia (1780-1679) dan sebagainya.

Thucydides²⁰⁵ adalah tokoh yang mengkaji mengenai Perang Peloponnesia (431-400 Sebelum Masihi) yang mana beliau telah memberikan sumbangan terawal dalam pemikiran strategi ketenteraan. Beliau telah mengusulkan faktor yang mempengaruhi peperangan adalah kuasa dan sifat manusia yang tamak, mementingkan kuasa, kejam, pentingkan diri dan tidak boleh dipercayai. Perang Peloponnesia tercetus apabila kebimbangan pihak Sparta dengan perluasan kuasa oleh Athen bagi melindungi kepentingan negara. Dalam peperangan ini, walaupun terdapat perbezaan pendekatan dan keputusan dalam penyelesaian konflik iaitu

²⁰⁴ Richard North (2010). Political Realism: Introduction. *European Journal of Political Theory*. Vol 9. Bil 4.hlm 381-384

²⁰⁵ Daniel Moran (2002). Strategic Theory And The History Of War. Dalam John Baylis et.al (Edt). *Strategy In The Contemporary World, An Introduction To Strategic Studies*. Oxford: Oxford University Press. hlm17-44

Athen yang lebih cenderung menggunakan diplomasi dan cegah rintang manakala Sparta yang lebih cenderung menggunakan kekerasan ketenteraan, kedua-dua pihak ini akhirnya telah memilih jalan peperangan dalam penyelesaian konflik. Ini menunjukkan kepentingan kuasa menjadi asas kepada negara untuk mengambil sesuatu tindakan dan aspek peperangan bukan sesuatu yang ringan kepada sesebuah negara.²⁰⁶ Kegagalan Sparta dan Athen dalam mewujudkan keseimbangan kuasa telah mempengaruhi kedua-dua pihak memilih jalan peperangan. Tulisan Thucydides dalam bukunya yang berjudul *The Peloponnesian War*²⁰⁷ ini telah menghasilkan beberapa sumbangan awal dalam pemikiran strategi iaitu elemen-elemen yang menyumbang dalam definisi strategi, strategi lahir hasil daripada kesinambungan pengaruh politik, fahaman atau mazhab dalam strategi (realisme dan idealisme), aspek kepentingan keseimbangan kuasa antara negara, perhubungan antarabangsa (diplomasi dan konflik), dasar dan cegahrintang dan kepentingan *sea power*²⁰⁸. Hasil daripada penulisan Thucydides telah mengembangkan pemikiran strategi yang telah menjadi rujukan pemikir strategi lain seperti Carl Von Clausewitz yang menghasilkan *On War* yang turut bersetuju strategi ketenteraan adalah hasil kesinambungan daripada pengaruh politik sebagai '*An art of violence to compel our opponent to fulfill our will reciprocal action*' manakala Liddle Hart pula mendefinisi strategi mempunyai perkaitan dengan '*Art of The General*'²⁰⁹. Selain itu, penegasan Thucydides mengenai kepentingan *Sea Power* yang menyatakan :-

*"It was the naval power that permitted the Athenian to rule over an empire that provided them money with which they could sustain their naval supremacy and to obtain what they needed by trade purchase... Maritime power at this point, represent a tight knit system of national activity critically meshed with the life and well being of the nation, That no one of these elements i.e the system of institution, facilities, commercial carriers and naval fleet could be allowed to become inadequate without the system losing its effectiveness"*²¹⁰.

²⁰⁶Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saiful Anwar Md.Ali (2008c). Peperangan Peloponesia Dan Teori-Teori Strategi Thucydides. *Perajurit*. November. hlm 49-50

²⁰⁷ Daniel Moran. (2002). Op.cit

²⁰⁸Ibid.hlm 53

²⁰⁹Peter Paret dan Daneil Moran (Edt). (1992). *Carl Von Clausewitz: Historical And Political Writings*. Princeton: Prince University Press. hlm 201-204

²¹⁰Ibid. hlm 52-53

Thucydides menegaskan melalui *Sea Power*, ia dapat memberikan kelebihan kepada sesebuah negara dari segi ekonomi, politik dan pertahanan. Idea ini telah melahirkan tokoh pemikir strategi laut iaitu Alfred Thayer Mahan (1840-1914) yang turut menggunakan idea Thucydides dalam *The Influence Of Sea Power Upon History 1660-1783* dan *The Influence of Sea Power Upon The French Revolution And Empire 1793-1812*²¹¹. Selain itu, Thucydides turut memberi pandangan mengenai aspek moral yang terhad dalam menjelaskan perlakuan negara dalam sistem antarabangsa yang mana hanya negara yang lemah akan memperkatakan mengenai aspek moral sebaliknya bagi negara yang kuat akan menumpukan kepada aspek pengukuhan kuasa. Bagi Machiavelli (1469-1527), tiada standard yang universal dalam menentukan keadilan. Beliau melihat negara adalah sesuatu yang agung dan segala keperluan dan kebaikan dalam sesebuah negara dan kebaikan yang tulen tidak dapat diperolehi dari luar negara. Sesebuah negara hanya akan bertindak selagi mana ia merupakan keputusan terbaik yang memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos. Sesebuah negara perlu mementingkan aspek kuasa dan kepentingan dalam membuat keputusan dan kurang membincangkan aspek moral dalam memutuskan sesuatu dasar²¹². Thomas Hobbes (1588-1679), beliau adalah ahli falsafah politik moden yang pertama untuk menjelaskan hubungan antarabangsa sebagai anarki. Beliau banyak membincangkan mengenai *human nature* yang mana manusia digambarkan sebagai miskin, buruk, bersifat kejam dan sebagainya. Walaupun falsafah politik beliau berkaitan dengan masalah perintah di dalam negara dan individu, namun pandangan beliau mengenai *state nature* telah membawa pengaruh yang besar kepada pembangunan teori hubungan antarabangsa.

“Thomas Hobbes was the first modern political philosopher to describe international relations as anarchical. While it is true that his political philosophy is primarily concerned with the problem of order within the state, his description of the international ‘state of nature’ has had a major influence on the development of international relations theory. Hobbes uses the idea (sometimes called the ‘domestic analogy’) of a state of nature to show why rational individuals would and should prefer to live under an absolute and supreme power than live in a world without order. According to him, the state of nature is one of misery and hardship in which

²¹¹ Robert Seager (1977). *Alfred Thayer Mahan: The Man And His Letters*. Annapolis: U.S Naval Institute. hlm 449-462, juga rujuk Philip A. Crowl (1986). Alfred Thayer Mahan, The Naval Historian. Dalam Peter Paret et.al (Edt). *Makers Of Modern Strategy From Machiavelli To The Nuclear Age*. Princeton: Princeton University Press. hlm 486. Lihat juga Mohd Zaki Salleh (2000). Sejarah Kekuasaan Maritim, Aspek Penting Dalam Pengaruh Peperangan Sehingga Perang Dunia Kedua. *Perajurit* Disember. hlm 41

²¹² Hans Morgenthau (1948).Op.cit..hlm 288

individuals continually struggle for survival. No matter how strong and powerful they may be, they are incapable of completely securing themselves against attack"²¹³.

Menurut asas realisme era pra klasik, ia banyak menumpukan mengenai konsep *power politics*²¹⁴. Edmund Burke dan James Medison (1995) menegaskan realisme meletakkan prinsip seperti sikap pesimisme yang menganggap sesuatu tindakan individu dipengaruhi oleh kepentingan diri dan berpendapat keburukan serta ketidakadilan adalah sesuatu yang lumrah semulajadi (*natural by product*)²¹⁵.

*"Most realists are pessimistic about human nature. Reflecting the views of philoosopers like Thomas Hobbes, people are seen as 'in herently destructive, selfish, competitive and aggressive"*²¹⁶.

*Power politics*²¹⁷ diperjelaskan berdasarkan empat andaian iaitu negara (*state*) adalah aktor utama dalam sistem antarabangsa berbanding aktor bukan negara (*non-state actor*) adalah kurang penting. *Realisme* merupakan pendekatan pemikiran hubungan antarabangsa yang menekankan negara sebagai aktor utama dalam sistem antarabangsa. Begitu juga dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mana aktor bukan negara ini tidak mempunyai kedaulatan kerana hala tuju, keputusan²¹⁸, tindakan dan perancangan adalah dibuat oleh negara yang menganggotainya. Andaian kedua adalah negara merupakan pelaku kesatuan (*unitary actor*) yang mana setiap pemimpin tertinggi bagi setiap negara akan bercakap bagi pemimpin lain dalam satu negara (*states speaks with one voice*). Ini bermakna sesuatu dasar atau keputusan sesebuah negara itu akan dibuat oleh pemimpin tertinggi yang secara langsung merupakan keputusan negara. Andaian ketiga ialah negara bersifat rasional yang mana setiap dasar yang diputuskan akan mengambil kira pertimbangan dan pilihan yang

²¹³ Sila rujuk Martin Griffiths dan Terry O'Callaghan (2003). *International Relations: The Key Concepts*. Routledge: London. hlm 3

²¹⁴ Machiavelli muncul sekitar abad ke 16 masihi menghasilkan karya ketenteraan '*Prince, Art of War*' dan '*Discourses*'. Karya ini banyak membicarakan mengenai strategi seseorang pemerintah untuk mengekalkan pemerintahan (kuasa) dan strategi peperangan. Untuk keterangan lanjut mengenai Realisme Sila Rujuk Baylis J. dan Wirtz J.J (2007). Introduction. Dalam John Baylis, James J Wirtz, Colin S. Gray dan Eliot Cohen (Edt). *Strategy In The Contemporary World, An Introduction To Strategic Studies*. Oxford: Oxford University Press. hlm 7. Lihat juga J.P Mckay et.al (1987). *A History Of World Societies*. Dallas: Houghton Mifflins Co. hlm 64

²¹⁵ Edmund Burke dan James Medison dipetik dari M. Amstutz (1995). Op.Cit. hlm 15

²¹⁶ Baylis J. dan Wirtz J.J (2007). Op.Cit. hlm 7

²¹⁷ Dougherty, James E. & Pfaltzgraff, Robert L. Jr., (1997). *Contending Theories of International Relations, A Comprehensive Survey*. New York: Addison- Wesley. hlm 91-92

²¹⁸ Paul R. Voitti Dan Mark V. Kauppi (1993). *International Relations Theory*. New York: Macmillan. hlm 5&35

ada seiring dengan kemampuan negara tersebut. Negara merupakan aktor yang bersifat rasional dalam membuat tindakan atau dasar negara. Maksud rasional ialah negara akan mengambil sesuatu tindakan sekiranya ia dapat memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos. Ini bermaksud negara tidak akan mengambil sesuatu tindakan yang merugikan sebaliknya ia akan mementingkan keuntungan²¹⁹. Ini bermakna sesuatu dasar itu akan diputuskan setelah melalui proses pertimbangan yang mana pilihan terbaik akan dibuat dapat memaksimumkan keuntungan. Andaian keempat ialah soal keselamatan negara adalah isu utama bagi sesebuah negara berbanding isu-isu lain. Ini menunjukkan soal berkaitan dengan ketenteraan dan isu-isu politik menjadi soal yang penting. Konsep “kuasa” telah menjadi asas yang mempengaruhi konflik antara negara, menilai bagaimana kestabilan dan keamanan antarabangsa dicapai, dikekalkan dan dimusnahkan, dan penggunaan kekerasan ketenteraan²²⁰.

3.5.2 Realisme Klasik (*Classical Realism/Modern Realism*)

Terdapat dua andaian utama dalam pendapat Realisme Klasik ini iaitu negara akan bersaing untuk mendapatkan atau mengekalkan kuasa dalam mengadakan hubungan antarabangsa²²¹. Ini kerana keamanan tidak berkekalan²²² dan peperangan tidak dapat dielakkan²²³. Sesebuah negara akan bertindak mengikut kepentingan nasional dan cuba untuk mendapatkan atau menambahkan kekuasaan²²⁴. Andaian kedua ialah negara perlu melibatkan diri dalam politik antarabangsa bagi mendapatkan kepentingan negara. Bagi negara yang kuat, negara berkenaan mempunyai kecenderungan membentuk kuasa hegemoni yang akhirnya membentuk peraturan dalam hubungan antara negara. Ini merupakan pendekatan *power politics* dan membawa kepada mementingkan kekuasaan sama ada untuk menambah atau mengekalkan kuasa²²⁵. Antara perkara-perkara utama yang menjadi perkara asas kepada

²¹⁹ Michael Leifer dipetik dari S. Peou (2002). Realism And Constructivism In Southeast Asian Security Today: Review Essay. *The Pacific Review*. Vol 15. Bil 1. hlm 119-138

²²⁰ Voitti dan Kauppi (1993). Op.Cit.hlm 6&7

²²¹ Hans J. Morgenthau (1948). Op.Cit hlm5. Rujuk juga Harold D. Lasswell (1986). Op.Cit 34

²²² Pendapat Realisme keamanan tidak dapat dikekalkan. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Karen Mingist (1999). Op.Cit.hlm 77

²²³ Sila Rujuk Scot Burchill Et.Al (2001). Op.cit.hlm 70. Lihat juga Martin Griffiths Dan Terry Ocallaghan (2002). *International Relations, The Key Concepts*. London: Routledge.hlm 3

²²⁴ Hans Morgenthau (1948).Op.Cit.hlm 5

²²⁵ K. J. Holsti(1991). Op.Cit. hlm. 13

pemikiran golongan realisme iaitu kuasa, kepentingan negara, keseimbangan kuasa²²⁶, keselamatan dan ketenteraan.

3.5.3 Neo-Realisme (*Neo-Realism/Structural Realism*)

Falsafah neo-realisme dapat dijelaskan melalui pandangan Kenneth Waltz (1979) yang melihat sistem antarabangsa yang bersifat anarki (*anarchy*). Golongan ini melihat konflik atau peperangan merupakan satu tindakan atau cara interaksi antara negara dalam sistem antarabangsa²²⁷. Keadaan sistem antarabangsa dilihat bersifat anarki iaitu keadaan sistem yang tidak mempunyai sebuah organisasi antarabangsa yang dapat mengawal kacau-bilau atau huru-hara atau keadaan peperangan dan konflik serta keadaan yang tidak selamat telah mempengaruhi negara untuk mengambil pendekatan untuk mengamalkan konsep *self help*. Menurut Baylis dan Wirtz (2007) menyatakan:-

*“Realism is a clear recognition of the limits of reason in politics: the acceptance of the fact that political realities are power realities and that power must be countered with power: That self interest is the primary datum in the action of all groups and nations. In an anarchical sistem, power is the only currency of value when security is threatened”*²²⁸.

Konsep *self help* ini adalah konsep yang menjelaskan setiap negara bertanggungjawab ke atas negara sendiri dan berusaha memastikan *survival* masing-masing²²⁹. Antara pendekatan yang dapat digunakan oleh negara memastikan kestabilan ialah dengan menggunakan pendekatan *balance of power*. Pengagihan kuasa adalah asas keseimbangan yang membentuk struktur politik antarabangsa yang stabil di bawah sistem bipolar. Golongan ini menjangkakan keruntuhan Kesatuan Soviet menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan kuasa melalui kewujudan sistem multipolar. Agihan kuasa yang tidak seimbang akan mempengaruhi negara bersaing untuk mendapatkan kuasa. Golongan neo-realisme ini sememangnya banyak dipengaruhi oleh pendapat golongan realisme klasik, namun terdapat empat perbezaan pendapat berbanding realisme klasik iaitu negara mempunyai kawalan yang

²²⁶ Joseph S. Nye (2000). Op.Cit.hlm 59-61

²²⁷ Kenneth Waltz (1979). Op.cit. hlm 188-189

²²⁸ Baylis J.dan Wirtz J.J (2007). Op.Cit.hlm 7-8

²²⁹ Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan (2009). Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Sempena Lawatan Kerja Ke Kem Sri Pantai, Mersing pada 26 Julai 2009. hlm 18-19

defensif, sistem struktur menentukan cara interaksi negara dalam sistem antarabangsa, sistem struktur ditentukan oleh sistem polariti pelbagai kuasa dan sistem antarabangsa bipolar adalah sistem paling stabil berbanding sistem multipolar. Kenneth Waltz (1993) melihat kepesatan ekonomi sesebuah negara akan mempengaruhi negara berkenaan dalam membangunkan ketenteraan bagi melindungi ekonomi yang dimiliki. Ia dikaitkan dengan kepesatan ekonomi Jepun yang mempengaruhi negara tersebut untuk membangunkan ketenteraannya. Selain itu, bagi memastikan sesebuah negara dapat menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan keselamatan pemilikan ketenteraan yang kuat atau seimbang adalah diperlukan agar ia dapat mengurangkan ancaman keselamatan ke atas sesebuah negara²³⁰.

“In self-help system, the possession of most but not all of the capabilities of a great power leaves a state vulnerable to others that have the instruments that the lesser state lacks”²³¹

Walapun terdapat perbezaan dalam teori realisme klasik dan neorealisme, namun umumnya ia masih memfokuskan kepada beberapa aspek utama iaitu melihat sistem antarabangsa sebagai sistem yang bersifat anarki, negara adalah aktor utama dalam sistem antarabangsa, matlamat utama bagi sesebuah negara adalah keselamatan dan perlakuan sesebuah negara untuk mengekalkan atau memperkukuhkan kuasa, dua faktor yang mempengaruhi dasar luar iaitu ancaman dan persekitaran antarabangsa serta pembentukan dasar luar adalah dipengaruhi oleh faktor luaran (antarabangsa) berbanding faktor dalaman. Tambahan lagi, ketua negara adalah alat pelaku yang rasional kepada sesebuah negara²³². Terdapat andaian yang dikongsi bersama antara Realisme Klasik dan Neorealisme iaitu hubungan antarabangsa yang bersifat statik, pergantungan kepada aspek *human nature* yang mempengaruhi hubungan antara negara, bergantung kepada pendekatan penggunaan ketenteraan dalam mencapai matlamat dan menumpukan kepada aspek keseimbangan kemampuan ketenteraan (*balance of military capabilities*). Menurut Michael Leifer (1986):-

²³⁰ Kenneth Waltz (1993). Op.Cit. hlm 67-69

²³¹ Ibid. hlm33

²³² Roy Bhaskar (1986). *Scientific Realism and Human Emancipation*. London: Verson. hlm 161

“Balance of power as an actual policy of states has been clearer in terms of a common goal which has been to deny the emergence of any undue dominance or hegemony. Traditionally, the instrument of the balance has been war because in the last resort it was the only means available with which to preserve the independence of states”²³³”.

Sesebuah negara boleh mengambil pendekatan yang fleksibel untuk membentuk atau menukar sekutu sekiranya perlu demi menghalang pemusatan kuasa di tangan satu negara sahaja. Di sini dapat dijelaskan bahawa imbalan kuasa tidak hanya melibatkan dua buah kuasa sahaja tetapi ia juga boleh dilaksanakan melalui pakatan negara. Keseimbangan kuasa merupakan matlamat yang bertujuan untuk melindungi keselamatan dan kepentingan nasionalnya²³⁴. Menurut Hans J. Morgenthau (1993) menyatakan:-

“Alliances are necessary function of the balance of power operating within a multiple-state system. Nation A and B, competing with each other, have three choices in order to maintain and improve their relative power positions. They can increase their own power, they can add to their own power the power of other nations, or they can withhold the power of other nations from the adversary. When they make the first choice, they embark upon an armaments race. When they choose the second and third alternatives, they pursue a policy of alliances”²³⁵”.

Pendekatan imbalan kuasa dapat dilihat melalui tindakan Vietnam yang mengadakan hubungan baik dengan China dan Kesatuan Soviet bagi mengimbangi kuasa AS dan Perancis dalam Perang Vietnam I (1945-1954) dan Perang Vietnam II (1965-1975). Menurut Ross R.S. (1995) menyatakan:-

“The race for overall of national strength and high technology will ultimate determined the balance of power”²³⁶”.

Dalam membincangkan konsep *self help* faktor keselamatan tidak boleh diketepikan. Ini kerana keselamatan merupakan konsep yang sering mengalami perubahan dan diperkembangkan dalam pemikiran strategi. Definisi ini sering diperluaskan dan ianya

²³³ Michael Leifer (1986). *The Balance Of Power In East Asia*. London: Macmillan. hlm.145

²³⁴ Hedley Bull (1973). *Society And Anarchy In International Politics: Anarchy, Force, Imperialism*. Dalam Robert J. Art Dan Robert Jervis (Edt). *International Relations*. Boston: Little Brown. hlm 28.

²³⁵ Hans J. Morgenthau (1948).Op.Cit hlm197

²³⁶ Lihat Ross R.S (1995). *East Asian In Transition: Toward A New Regional Order*. New York: Institue of Southeast Asian Studies. hlm 15-19

mengikuti persepsi yang berbeza di kalangan masyarakat. Ini kerana terdapat pendapat yang melihat keselamatan dari sudut ketenteraan yang dikenali sebagai isu-isu keselamatan tradisional (*traditional security issues*) seperti peperangan, nuklear, imbalan kuasa, konflik, dan sebagainya. Manakala ada juga pendapat yang melihat konsep keselamatan ini dari sudut bukan ketenteraan (*new security issues*) seperti masalah alam sekitar, masalah tenaga, migrasi, jenayah terancang merentasi sempadan, jenayah siber, sumber asli dan sebagainya yang merupakan isu keselamatan baru. Donald M. Snow (1998) menyatakan keselamatan melibatkan 2 unsur utama iaitu dari segi fizikal dan psikologi .

*“The state or feeling of being free from fear, care, danger etc; safety or sense of safety”*²³⁷.

Caroline Thomas (1962), menjelaskan kepentingan keselamatan negara dalam sistem antarabangsa ialah mempertahankan sempadan wilayah dan melindungi nilai-nilai utamanya²³⁸. Ia merupakan aspek yang penting bagi sesebuah negara²³⁹. Sesebuah negara perlu menjadikan aspek pembangunan ketenteraan dan soal peperangan²⁴⁰ sebagai agenda utama kepada sesebuah negara dalam menjamin keselamatan dan kelangsungan hidup²⁴¹. Barry Buzan (1991) menyatakan keselamatan mempunyai kaitan dengan keselamatan individu dan keselamatan negara. Ini kerana asas keselamatan dirujuk kepada unit individu yang merupakan kepentingan nasional negara. Aspek ancaman dan keselamatan individu perlu diberi perhatian dalam memahami keselamatan negara. Bagi Joel Krieger (1993) menyatakan:-

²³⁷ Donald M. Snow (1998). *National Security: Defence Policy In A Changed International Order*. New York: St Martin's Press.hlm 23

²³⁸ Caroline Thomas (1992). *Third World Security*. Dalam Roger Carey dan Trevor C. Salmon (Edt). *International Security In The Modern World*. New York: St Martin. hlm 98

²³⁹ Paul R. Voitti dan Mark V. Kauppi, Op.Cit.hlm 94

²⁴⁰ Hans Morgenthau (1948).Op.Cit.hlm 66

²⁴¹ Barry Buzan (1994d). *New Pattern Of Global Security In The Twenty-First Century*. Dalam William Clinton Olson (Edt) *The Theory And Practice Of International Relations*. New Jersey: Prentice Hall. hlm 204-223. Christopher S. Parker (1999). *New Weapons For Old Problems: Conventional Proliferation And Military Effectiveness In Developing States*. *International Security*. Vol. 23. No 4.hlm 123

“Security is a state of mind, an idea of freeing one self from threats, anxiety or danger”²⁴².

Manakala bagi Mohammed Ayoob (1995), melihat keselamatan dengan dua tanggapan yang utama iaitu keselamatan dalaman dan keselamatan luaran²⁴³. Muthiah Alagappa (1998), melihat keselamatan dalaman merujuk kepada perlindungan terhadap nyawa, kebebasan dan harta benda manakala keselamatan luaran pula merujuk kepada perlindungan terhadap hak rakyat daripada tindakan agresif negara luar atau entiti bukan negara²⁴⁴. Menurut Frank Traeger dan Philip Simonie (1973) menyatakan:-

“The ultimate purpose of national security is to protect or extend certain national values which are considered vital”²⁴⁵.

Apabila negara memberi penumpuan untuk mempertingkatkan keupayaan ketenteraan, ia secara langsung memberikan kesan dilema keselamatan kepada negara lain. Karen Mingist (2001), menjelaskan dilema keselamatan ialah situasi sesebuah negara meningkatkan kemampuan dan keupayaan ketenteraan yang akan memberi kesan kepada negara lain serta dilihat sebagai ancaman²⁴⁶. Situasi ini mendorong negara lain untuk melakukan perkara yang sama. Jika dilihat peningkatan kemampuan ketenteraan oleh sesebuah negara akan menimbulkan rasa tidak selamat dari sudut psikologi atau ‘*insecurity*’ kepada negara lain. Malah situasi ini mengundang kepada wujudnya fenomena perlumbaan senjata (*arms race*) danimbangan kuasa (*balance of power*).

3.6 Realisme dan Konsep *Self Help*

Secara umumnya realisme yang bermula daripada Realisme Pra Klasik, Realisme Klasik dan Neorealisme adalah menyentuh mengenai *power politics*. Ia adalah berkaitan

²⁴² Joel Krieger dan Margaret (2001). *The Oxford Companion To Politics Of The World*. Oxford: Oxford University Press. hlm 820

²⁴³ Mohammed Ayoob (1995). Op.Cit. hlm 5

²⁴⁴ Muthiah Alagappa (1998). Op.Cit. hlm 29

²⁴⁵ Frank Traeger dan Philip Simonie (1973). *An Introduction To The Study Of National Security*. New Jersey: Prentice Hall Inc. hlm 13

²⁴⁶ Karen Mingist (1999). Op.Cit. hlm 153 & 288

dengan aktor negara yang merupakan aktor yang penting dalam sistem antarabangsa yang mana aktor negara adalah bertanggungjawab kepada diri sendiri, bersifat rasional dalam membuat dasar dan keputusan termasuk keputusan dalam sesuatu peperangan. Selain itu, sistem antarabangsa juga dilihat sebagai sistem yang bersifat anarki dan sesebuah negara perlu sentiasa meningkatkan kekuatan ketenteraan dalam memastikan keselamatan dan kelangsungan hidup.

“Realist tends to view international relations in similiary pessimistic terms. Conflict and are seen as endemic in world politics and the future is likely to be much like the past. States (upon which realist focus their attention) are engaged in a relentless competitive struggle. In contrast to the way in which conflicts are dealt with in domestic society, however, the clash between sates is more difficult to solve because there is no authoritative government to create justice and the rule of law. In the absence of world government, realist note that state have adopted a ‘self-help’ approach to their interests and especially their security. In other words, they reserve the right to use lethal force to achieve their objectives, a right that individuals living in civil society have given up to the state. Who wins in international relations does not depend on who is right according to some moral or legalruling. As thycidides demonstrated in his account of The Pelopponesian Wars, power determines who gets their way. In international relations, might make right”²⁴⁷.

Di sini menunjukkan realisme memberikan penumpuan kepada hal ehwal berkaitan dengan realiti politik berbanding dengan aspek moral²⁴⁸. Justeru, kuasa perlu ditentang dengan kuasa serta mementingkan kepentingan diri²⁴⁹. Ini kerana aktor negara dikaitkan dengan sifat tamak, kejam, dengki dan pentingkan diri serta ketidakpercayaan kepada peranan aktor bukan negara. Keadaan ini menyebabkan realisme menekankan kepentingan dalam menguatkan ketenteraan dan bersiap sedia menghadapi peperangan untuk menjamin keselamatan dan melindungi kepentingan nasional. Justeru, negara adalah aktor yang hidup dalam keadaan anarki dan perlu memastikan kelangsungan hidupnya terjamin. Ini bermaksud sistem antarabangsa itu sendiri telah mempengaruhi negara untuk bergantung pada kekuatan dan kemampuan diri sendiri (*self-help*) dalam mempertahankan keselamatan dan melindungi kepentingan nasional²⁵⁰. Dalam memastikan keselamatan dan kedaulatannya terjamin maka

²⁴⁷ Baylis J. dan Wirtz J.J (2007). Op.Cit hlm 8

²⁴⁸ Lihat Penjelasan James Mayall (1982). *The Community Of States*. London: George Allen & Unwin.hlm72-83

²⁴⁹ Kenneth Waltz (1979). Op.Cit. hlm131. Lihat juga John J. Mearsheimer (1995).Op.Cit.hlm 10

²⁵⁰ Mohd Noor Yazid (2000). Op.Cit.hlm 14

negara perlu bergantung kepada diri sendiri (*self-help*) dan mengelakkan daripada bergantung kepada peranan aktor bukan negara.

3.7 Hubungan Konsep *Self-Reliance* Dengan Konsep *Alliances*

Menurut Clarence L. Barnhart & Robert R. Barnhart (1981) *Self-Reliance* bermaksud “*relying on one’s own acts, ability or the like*”. Di sini, ia membawa makna keupayaan *self-reliance* adalah ditakrifkan sebagai bergantung pada perbuatan, keupayaan dan sebagainya dengan menggunakan kemampuan diri sendiri. Konsep *self-reliance* memerlukan keupayaan untuk bertindak bersendirian dalam mempertahankan kedaulatan wilayah, kepentingan negara dan keselamatan dalam lingkungan negara masing-masing²⁵¹. Konsep *self help* adalah konsep yang digunapakai oleh golongan realisme seperti mana yang diutarakan oleh Kenneth Waltz (1979) ketika sistem antarabangsa sedang menghadapi Perang Dingin bahawa setiap negara bertanggungjawab atas keselamatan masing-masing dan mengambil pendekatan menggunakan sumber dalaman negara yang ada dalam melindungi negara. Ini menunjukkan setiap negara perlu mempunyai prinsip *self-reliance* kerana pergantungan kepada aktor bukan negara tidak menjamin keselamatan berbanding bergantung pada diri sendiri. Di sini menunjukkan konsep *self help* dan *self-reliance* adalah sama iaitu menyatakan setiap negara perlu bergantung pada keupayaan diri sendiri dalam mempertahankan dan melindungi kepentingan, wilayah dan keselamatan negara masing-masing²⁵².

Konsep *self-reliance* adalah keupayaan untuk bertindak secara berdikari dan mengelakkan bergantung kepada bantuan dari luar dalam menghadapi dan menguruskan perkara berkenaan keselamatan negara. Konsep *self-reliance* ini berkaitan dengan keselamatan secara komprehensif yang menggabungkan elemen tentera dan bukan tentera

²⁵¹ Clarence L. Barnhart & Robert R. Barnhart (1981). *World Book Dictionary*. Chicago: World Book Childcraft International Inc. hlm. 1890

²⁵² Kepentingan sesebuah negara bergantung kepada diri sendiri dalam aspek keselamatan turut disentuh oleh Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan (2009).Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Sempena Lawatan Kerja Ke Kem Sri Pantai, Mersing pada 26 Julai 2009.hlm 18-19. Lihat juga Teks rasmi Timbalan Menteri Pertahanan mengenai kewajipan kerajaan memberikan penumpuan melindungi keselamatan negara dengan kemampuan sendiri dalam Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad Timbalan Menteri Pertahanan (2009).Teks Rasmi Ucapan Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Datuk Dr. Hj Abdul Latiff Bin Ahmad. Sempena Majlis Penyampaian Diploma Kursus MTAT Siri 38/2009. Wisma Pertahanan pada 11 Disember 2009.hlm 19-21

dalam mencapai agenda mempertahankan keselamatan negara. Doktrin keselamatan ini turut menyatakan tanggungjawab keselamatan tidak hanya terhad dipertanggungjawabkan kepada pasukan dan agensi keselamatan sahaja sebaliknya melibatkan semua pihak. Ia adalah satu pendekatan *self-reliance* yang mana keselamatan perlu dipertanggungjawabkan di tangan sendiri berbanding bergantung harap kepada bantuan luar. Ini kerana terdapat beberapa faktor tertentu yang mempengaruhi pertahanan *self-reliance* seperti:-

- a) Sumber negara merangkumi sumber-sumber asli dan semulajadi, kebendaan dan kemanusiaan adalah terhad. Sumber-sumber ini berkurangan dan secara langsung akan memberi kesan kepada ancaman keselamatan kepada sesebuah negara.
- b) Kegiatan meningkatkan kekuatan ketenteraan tentera adalah terhad. Sekiranya peruntukan dan perbelanjaan ketenteraan yang berlebihan dilaksanakan ia menjejaskan pengagihan dalam pembangunan dan negara menghadapi masalah khususnya sumber kewangan dalam menyediakan kekuatan pasukan keselamatan secara berterusan dalam kuantiti yang besar. Justeru, negara perlu membangunkan sumber pertahanannya agar dapat memastikan aspek pertahanan dibangunkan dengan kukuh dan dapat berdikari.
- c) Dari segi pasukan keselamatan itu sendiri, di mana pasukan keselamatan ini sering digunakan dalam mencapai objektif politik. Justeru, ketenteraan bertanggungjawab menjamin kelangsungan hidup dan keselamatan sesebuah negara.
- d) Ketidakstabilan politikan dalaman seperti kekacauan atau pemberontakan secara langsung memberi kesan kepada prestasi keselamatan negara. Ini kerana sesebuah negara akan menggunakan pasukan keselamatan dalam membendung pemberontakan ini terus merebak dan ini akan melonggarkan kekuatan pertahanan sesebuah negara. Situasi ini menyebabkan pasukan keselamatan terpaksa memikul tanggungjawab berat dengan dua ancaman pada masa yang sama. Sekiranya situasi ini dieksploitasi oleh kuasa luar, ia dapat meruntuhkan sesebuah negara.

Henry Kissinger (1969) menekankan kepentingan mempunyai keupayaan ketenteraan yang kukuh adalah bagi menghadapi ancaman peperangan. Beliau telah menekankan kepada kepentingan '*posture deterrent*' bagi menghadapi peperangan terhad atau tidak terhad. Dalam masa yang sama kegagalan peranan *non-state actor* seperti PBB dalam memastikan

keamanan dan mengelakkan peperangan telah menjadi elemen kepada negara untuk mengambil keputusan yang dapat menjamin keselamatan dengan mengamalkan prinsip *self-reliance* dan memastikan kelangsungan hidup (*survival*).

*“In self-help system, the possession of most but not all of the capabilities of a great power leaves a state vulnerable to others that have the instruments that the lesser state lacks.”*²⁵³

Persoalan mengenai prinsip pertahanan *self-reliance* dengan perikatan (*alliance*) adakah ia bertentangan dalam perspektif realisme? Definisi perikatan dalam hubungan antarabangsa menurut Ensiklopedia Americana (1993) adalah *“any formal commitment of two or more states for political objectives”*²⁵⁴. Objektif perikatan ini tidak hanya tertumpu kepada aspek pertahanan atau mempertahankan diri daripada ancaman musuh (defensif) tetapi ia boleh digunakan untuk tujuan ofensif iaitu melakukan serangan ke atas musuh. Konsep perikatan negara-negara dalam sistem antarabangsa mempunyai dua peranan penting. Pertama, perikatan ini digunakan sebagai strategi dalam menghadapi peperangan dan kedua sebagai cegahrintang yang dapat mengelakkan daripada berlakunya peperangan. Dari segi definisinya, perikatan boleh ditakrifkan sebagai satu perjanjian di antara dua buah negara atau lebih, yang bermatlamatkan untuk menggabungkan sumber kekuatan strategik yang ada pada setiap negara dalam menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan negara secara bersama. Bagi pendapat Ole R. Holsti, Terrence P. Hoppman dan John D Sullivan (1973) menyatakan perikatan adalah perjanjian rasmi antara dua negara atau lebih untuk melakukan kerjasama dalam soal keselamatan nasional. Perikatan adalah sesuatu yang menjadi pilihan (alternatif) kepada sesebuah negara dalam mempertingkatkan keselamatan pertahanannya. Ketika era Perang Dingin terdapat tiga fungsi perikatan tentera iaitu :-

1. *To add power to that protecting superpower*
2. *To draw lines in order to leave no doubt in the adversary’s mind of the alignment of forces*
3. *To give superpowers a legal reason for intervention to preserve the territorial status quo*²⁵⁵

²⁵³Kenneth Waltz (1993) Op.Cit.hlm 33

²⁵⁴ *The Encyclopedia Americana*. USA:Grolier Incorporated.1993

²⁵⁵ Lihat Ole R. Holsti, Terrence P Hoppman dan John D Sullivan (1973). *Unity And Disintergration In International Alliances, Comparative Studies*. New York: John Wiley&Sons Inc

Menurut Hans J Morgenthau (1973), dalam persaingan antara negara, sesebuah negara mempunyai tiga pilihan untuk mengekal dan memperkukuhkan kuasa.

“They can increase their own power, they can add to their own power of the power of the nations, or they can withhold the power of the power of the nations from the adversary. When they make the first choice, they embark upon an armaments race. When they choose the second and third alternatives, they pursue a policy of alliances”²⁵⁶.

Berdasarkan definisi perikatan yang dijelaskan oleh beberapa pendapat di atas menunjukkan perikatan adalah pilihan kepada negara untuk menambahkan kuasa dan merupakan satu sumber sokongan atau bantuan yang berkaitan dengan soal pertahanan dan keselamatan sesebuah negara. Negara adalah kekal dengan mengamalkan prinsip pertahanan *self-reliance* yang menjadi teras kepada menjamin kelangsungan hidup. Dalam masa yang sama negara juga boleh membuat pilihan dan mendapatkan sumber pertahanan sokongan melalui perikatan. Ia tidak bertentangan dengan prinsip realisme.

“Jelaslah di sini bahawa apa yang diperlukan dari konsep perikatan itu sendiri ialah kuasa. Dengan kuasa yang ada maka negara akan merasa selesa dan dapat melakukan sesuatu demi menjaga kepentingan nasionalnya dan objektif yang ingin dicapai adalah lebih mudah dan teratur...Pada keseluruhannya, ‘ends and means’ kepada perikatan ini ialah kepentingan nasional, keselamatan nasional dan kuasa nasional”²⁵⁷.

3.8 Aplikasi Pertahanan *Self-Reliance*

Menurut Menteri Pertahanan YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (2010), pertahanan *self-reliance* adalah pertahanan yang diamalkan oleh pelbagai negara seperti Jepun, China, India, Afrika Selatan, Korea Selatan, Brazil dan sebagainya²⁵⁸. Kajian ini akan menjadikan model pembangunan pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh Korea

²⁵⁶ Hans J Morgenthau (1948). Op.cit

²⁵⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saiful Anwar Md Ali (2006d). Perikatan. *Perajurit*. Mac.hlm 43-44

²⁵⁸ Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan (2010) ada menyentuh aspek ini dalam Ahmad Zahid Hamidi (2010). Op.cit.Vol.1 Bil.1. hlm 119 - 128

Selatan, Australia dan Singapura sebagai asas. Ketiga-tiga negara ini dipilih kerana memiliki persamaan dengan Malaysia dari sudut faktor sejarah kerana ketiga-tiga negara mencapai kemerdekaan pada era 1940-an dan 1950-an, ketiga-tiga negara memiliki sejarah pernah dijajah dan pergantungan kepada kuasa penjajah dan kuasa luar selepas mencapai kemerdekaan, pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* dan industri pertahanan ketiga-tiga negara yang dilaksanakan hampir sama pada era 1960-an dan 1970-an yang berusaha meningkatkan keupayaan dalam usaha mengelakkan pergantungan kepada kuasa luar, faktor kedudukan geografi di rantau Asia Pasifik yang memiliki geo-politik dalaman yang hampir sama dari sudut politik yang mengamalkan demokrasi, pemerintahan yang menjadikan ketenteraan diletakkan sebagai agensi kerajaan yang bersifat profesional yang tidak terlibat dalam politik domestik dan sebagainya. Ciri dan faktor yang memiliki persamaan ini telah menjadi faktor ketiga-tiga negara dipilih sebagai model pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* bagi menganalisa pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia.

3.8.1 Model Pertahanan *Self-Reliance* Korea Selatan

Korea Selatan adalah negara yang memiliki keluasan 99,720 km, pantai sejauh 2,413 km dan berkongsi sempadan dengan Korea Utara. Peperangan Korea 1950-1953 telah menjadi faktor penting yang mempengaruhi bentuk pembangunan angkatan tentera Korea Selatan²⁵⁹. Aspek pembangunan pertahanan telah menjadi keutamaan kepada Korea Selatan kerana ianya adalah melibatkan soal kelangsungan hidup (*survival of the state*). Prinsip ini adalah selaras dengan prinsip realisme yang peperangan adalah tidak dapat dielakkan dan setiap negara perlu membangunkan pertahanan dan menjadikannya sebagai keutamaan kepada sesebuah negara dalam sistem antarabangsa yang bersifat anarki. Dalam membangunkan pertahanan *self-reliance*, Korea Selatan telah menghasilkan Kertas Putih Dasar Pertahanan Korea Selatan yang dikenali sebagai *Policy of Peace and Prosperity* yang telah diutarakan oleh Presiden Roh Moo-hyun pada Februari 2003²⁶⁰ agar Korea Selatan

²⁵⁹ Grace Lee (2001). The Political Philosophy of Juche. *Stanford Journal of East Asian Affairs*. Vol. 1. Bil 3. hlm 105-112

²⁶⁰ Markku Heiskanen (2003). The Roh Administration's Peace And Prosperity Policy And International Cooperation: The Eurasian Dimension; Catalyst For The Korean Reunification Process? *International Journal of Korean Unification Studies*. Vol.12. Bil 1.

<http://www.ceibs.edu/ase/Documents/china-europeForum/roh.htm>

dapat berdikari dalam aspek pertahanan dan memastikan keamanan, kestabilan, kemakmuran dan keselamatan terjamin dengan berlandaskan ketetapan perancangan pembangunan pertahanan, mengambil kira ancaman semasa dan jangkaan ancaman pada masa akan datang, meningkatkan kekuatan ketenteraan dengan berorientasikan teknologi semasa, pendirian dan DPN Korea Selatan, mewujudkan ketelusan kepada rakyat Korea Selatan dan masyarakat antarabangsa (*transparency of national defence budget*) serta menggalakkan keamanan.


“The Policy of Peace and Prosperity is a comprehensive national development strategy that encompasses issues of reunification, foreign policy and security also in the military/security sector, it explores a balanced approach to peace and prosperity”²⁶¹.

Kertas Putih Dasar Pertahanan ini menjadi dokumen tetap rujukan dan “*blue print*” dalam pembangunan dalam pembangunan pertahanan *self-reliance*. Mengikut dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan Korea Selatan, proses pembangunan dan peningkatan keupayaan ketenteraan Korea Selatan adalah melibatkan empat kunci utama dalam mencapai *self-reliance* bagi matlamat melindungi keselamatan negara iaitu:-

- i) *Mewujudkan firma pertahanan*
- ii) *Membina keupayaan pertahanan yang berorientasikan masa hadapan*
- iii) *Melakukan reformasi sistem pertahanan secara berterusan*
- iv) *Meningkatkan perkhidmatan dan menjaga kebajikan anggota tentera.*

²⁶¹ Laporan rasmi Kementerian Pertahanan Negara Korea Selatan dalam *Participatory Government Defence Policy 2003*. The Ministry of National Defence. The Republic of Korea. 11 Julai 2003. hlm 31. <http://www-igcc.ucsd.edu/assets/001/502375.pdf>

Gambarajah 3.4: Model Pertahanan *Self-reliance* Korea Selatan



Sumber : Diubahsuai daripada Participatory Government Defence Policy 2003. The Ministry of National Defence. The Republic of Korea. 11 Julai 2003. hlm 36. <http://www-igcc.ucsd.edu/assets/001/502375.pdf>

Berdasarkan gambarajah 3.4, Kementerian Pertahanan Korea Selatan telah menggariskan untuk mewujudkan firma pertahanan yang berdaya saing yang dapat mengekalkan keselamatan daripada ancaman semasa khususnya daripada Korea Utara. Fokus Korea Selatan ini adalah berkaitan dengan sektor industri pertahanan yang ditetapkan dalam KPP Korea Selatan bagi memastikan DPN Korea Selatan adalah bersifat komprehensif. Ketetapan membangunkan industri pertahanan ini adalah kerana untuk memastikan Korea Selatan dapat menghasilkan produk pertahanan sama ada bagi tujuan ekonomi dan keselamatan serta dapat menyalurkan sumber ketenteraan kepada angkatan pertahanan dalam peperangan. Ia secara langsung dapat mengelakkan pergantungan dan meningkatkan keupayaan bagi memastikan keselamatan dan operasi ketenteraan mencapai kejayaan. Dalam masa yang sama, kuasa besar AS akan terus berperanan dalam membantu menghadapi ancaman daripada Korea Utara dan dialog turut dijalankan agar dapat mengurangkan ketegangan dan ancaman²⁶².

²⁶² Chung-in Moon dan Jin-Young Lee (2008). The Revolution In Military Affairs And The Defence Industry In South Korea. *Security Challenges*. Vol.4.Bil 4.hlm 117-134

Di dalam dasar pertahanan ini Korea Selatan mensasarkan strategi yang dapat menyediakan latihan dan memperkuat hubungan antara masyarakat awam dengan tentera agar dapat membina kekuatan yang bersepadu. Strategi kerjasama antara Korea Selatan dengan AS akan diteruskan bagi mengekalkan pengawasan dan meningkatkan keupayaan perisikan, ketenteraan dan gabungan angkatan pertahanan antara kedua-dua pihak dalam usaha melindungi keselamatan serta menghadapi ancaman semasa dan masa hadapan. Korea Selatan turut menggariskan agar perlu membangunkan doktrin yang relevan, struktur ketenteraan, meningkatkan keupayaan (logistik) yang lebih berkesan dan memenuhi keperluan angkatan pertahanan. Melalui KPP Korea Selatan ini, ia adalah menunjukkan DPN Korea Selatan telah mengambilkira pelbagai aspek secara komprehensif dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai. Malah semangat juang angkatan tentera perlu ditingkatkan agar dapat melindungi keselamatan negara²⁶³.

Dalam komponen kedua pula, Korea Selatan mensasarkan agar tahap keupayaan tentera dan pertahanan perlu ditingkatkan agar dapat menjamin kelangsungan hidup dan melindungi kepentingan nasional. Ia berkaitan dengan aspek logistik pertahanan agar dapat menyediakan kelengkapan yang berorientasikan masa hadapan dan maju yang dapat meningkatkan keupayaan pertahanan Korea Selatan. Kepentingan Korea Selatan yang menetapkan penyediaan angkatan pertahanan dengan kelengkapan berteknologi semasa menunjukkan Korea Selatan meletakkan aspek RMA dan logistik menjadi keutamaan dan dimasukkan dalam KPP Korea Selatan. Selain itu, dalam usaha untuk menjamin *survival* sesebuah negara aspek ketenteraan perlu dipertingkatkan keupayaan dari masa ke semasa. Ia adalah proses perancangan dan pelaksanaan yang panjang yang mana akan mengambil masa antara 10-20 tahun dan membabitkan jumlah perbelanjaan yang besar. Persediaan ini juga telah menunjukkan komitmen Korea Selatan untuk menetapkan sumber pertahanan kepada angkatan pertahanan yang mengambil kira jangkaan keperluan kelengkapan dan perancangan pada masa akan datang. Dalam usaha membina keupayaan yang berorientasikan masa depan, pakatan pertahanan Korea Selatan-AS perlu diperkukuhkan agar dapat menyediakan

²⁶³ Chung-In Moon dan Jae-Ok Paek (2010) Defense Innovation And Industrialization In South Korea. *Policy Brief* No. 14. September. hlm 1-6. <http://igcc.ucsd.edu/assets/001/500879.pdf>

maklumat, latihan dan kelengkapan strategik bersesuaian dengan perubahan ancaman di masa hadapan. Aspek RMA juga turut menjadi keutamaan dalam KPP Korea Selatan yang mana ia meletakkan objektif memastikan kelengkapan pertahanan berorientasikan masa hadapan disediakan kepada angkatan pertahanan²⁶⁴. Anggota tentera juga perlu sentiasa mempunyai ketahanan dan keupayaan untuk bertindak balas terhadap ancaman keselamatan melalui penambahbaikan terhadap struktur ketenteraan dan bergerak ke arah “*technology-intensive force*”, memastikan anggota tentera bersedia menghadapi ancaman secara tiba-tiba dan memperkukuhkan R&D (penyelidikan dan pembangunan) dan industri pertahanan. Anggota tentera juga disediakan dengan maklumat mengenai peperangan di masa hadapan dengan membina sistem maklumat bersepadu mengenai pertahanan berdasarkan perisikan, latihan, kajian pertahanan, perancangan, pengurusan dan pendidikan tinggi kepada anggota tentera.

Dalam komponen ketiga pula anggota tentera perlu memperkukuhkan keupayaan dan menyesuaikan diri dalam persekitaran peperangan. Justeru, ia memerlukan pembaharuan yang berterusan agar dapat meningkat kecekapan, keberkesanan dan pemikiran yang berorientasikan masa hadapan. Penambahbaikan akan berlandaskan objektif, struktur, kelengkapan, pengurusan dan anggota tentera seperti yang digariskan dalam dasar pertahanan. Prosedur dan amalan-amalan yang dilihat tidak relevan akan digantikan dengan perkara yang lebih berkesan dalam usaha memastikan tentera dan pertahanan yang kredibel²⁶⁵. Selain itu, Kementerian Pertahanan Korea Selatan juga telah mensasarkan untuk melaksanakan :-

1. *Personnel Management Reform* yang mana penambahbaikan dilakukan dalam hierarki tentera, kenaikan pangkat, mengurangkan kerenah birokrasi dan menyediakan pelbagai kemudahan kepada anggota tentera .
2. *Defense Organization Consolidation* mensasarkan untuk mencapai tahap pasukan tentera yang maju dan elit di samping sentiasa menilai kerjasama antara tentera Korea

²⁶⁴ Ibid

²⁶⁵ Chung-In Moon dan Jin-Young Lee (2008).Op.cit. hlm. 117-134.

Selatan-AS dan antara angkatan tentera darat, laut dan udara agar dapat memberi perkhidmatan yang aktif dan berkesan.²⁶⁶

3. *Reform of Military Service and Reserves system* mengurangkan masalah yang dihadapi angkatan tentera dari segi beban kerja dan kewangan dan memberi peluang kepada pasukan simpanan untuk aktif dan membantu antara satu sama lain .

4. *Improvement of the Military Judicial System* menyediakan perkhidmatan perundangan yang lebih baik kepada anggota tentera dalam melindungi hak mereka .

5. *Efficiency Enhancement in Building Military Power* membuka kepada penyertaan anggota tentera dalam memberikan pandangan dalam meningkatkan kekuatan ketenteraan termasuklah pihak yang menjalankan R&D dan juga industri pertahanan²⁶⁷.

Bagi komponen ke empat pula, kerajaan Korea Selatan menumpukan kepada aspek logistik dan kebajikan anggota tentera. Menyedari anggota tentera adalah asas dalam pertahanan negara, maka kebajikan setiap anggota tentera perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Ini berkait rapat dengan moral dan semangat dalam mempertahankan negara²⁶⁸. Justeru, kemudahan infrastruktur anggota tentera perlu dinaiktaraf, menyediakan gaji yang bersesuaian, dan penyelarasan dalam menyediakan kemudahan kepada anggota tentera²⁶⁹. Bagi meningkat keyakinan dan semangat anggota tentera, kerajaan Korea Selatan turut menilai dan menyediakan kemudahan kepada para pesara tentera bagi memastikan kebajikan mereka dibela selepas tamat perkhidmatan. Ini secara langsung memberikan kesan psikologi yang tinggi kepada anggota tentera untuk memberikan perkhidmatan yang baik dalam menjalankan tugas mereka. Dalam konteks ini, Korea Selatan telah memastikan keselamatan negara dapat dilindungi melalui pertahanan *self-reliance* di mana ia adalah sesuatu yang perlu dilaksanakan di samping konsep pakatan dengan AS menjadi tulang belakang dalam

²⁶⁶ Laporan rasmi Kementerian Pertahanan Negara Korea Selatan dalam Participatory Government Defence Policy 2003. Op.cit hlm 36

²⁶⁷ Kim Ji Sun (2008). Self Reliance Program In South Korea: Focused On The Experiences Of The Participants. *Tesis*. University Of New South Wales. hlm 1-17

²⁶⁸ Lee Jong-sup and Uk Heo (2001).The US.-South Korea Alliance. *Asian Survey*. Vol 41. hlm 822-845

²⁶⁹ Perutusan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan (2014). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perutusan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Majlis Perutusan Menteri Pertahanan Tahun 2014. Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 25 Februari 2014. hlm 16

memastikan keamanan dan keselamatan Korea Selatan yang telah dimeterai melalui Perjanjian Pertahanan Bersama (*Mutual Defense Treaty*) pada tahun 1953.

*“Self-reliance in defense should be sought in a way that satisfies the following three points. First, it should lead to the establishment of a force that can deter North Korean aggression (security threat). Second, military reforms are needed to improve the organization and management system of the armed forces. Third, on the basis of the first two points, the combined command system must be further developed”*²⁷⁰.

Menurut Lee Jong-sup, terdapat tiga komponen utama dalam mencapai *self-reliance* Korea Selatan. Pertama *Dependent Defense* yaitu bebas membuat keputusan (*decision making*) terhadap objektif, dasar dan strategi pertahanan negara. Keduanya *Practical Reliant Defense* ialah kemampuan angkatan tentera yang dapat melindungi keselamatan negara yang merangkumi kelengkapan dan dana kewangan sendiri. Ketiga *Absolute Self-Reliant Defense* iaitu menggabungkan kemampuan dalam menguruskan dan mengarahkan kemampuan tentera bagi mencapai sesuatu matlamat²⁷¹. Ketiga-tiga aspek ini adalah aspek yang membolehkan sesebuah negara mencapai matlamat pertahanan *self-reliance*. Dalam usaha memastikan Korea Selatan dapat berdikari dalam pertahanan, Korea Selatan juga telah menetapkan persediaan memperuntukkan sumber pertahanan yang besar kepada angkatan pertahanan. Ini dapat dilihat dalam laporan SIPRI seperti di bawah:-

²⁷⁰Ibid.hlm 33

²⁷¹Lee Jong-sup (2005). *The ROK-U.S. Alliance and Self-Reliant Defense in the ROK* Dalam Alexandre Y. Mansourov A Turning Point: Democratic Consolidation in the ROK and Strategic Readjustment in the US-ROK Alliance. Honolulu Hawaii: Asia-Pacific Center for Security Studies. hlm 246-267
<http://www.apcss.org/Publications/Edited%20Volumes/turningpoint/CH13.pdf>

Jadual 3.1 Perbelanjaan Pertahanan Korea Selatan dan 15 Negara Terbesar 2013

Rank		Country	Spending, 2013 (\$ b.)	Change, 2004–13 (%)	Spending as a share of GDP (%) ^a	
2013	2012				2013	2004
1	1	USA	640	12	3.8	3.9
2	2	China	[188]	170	[2.0]	[2.1]
3	3	Russia	[87.8]	108	[4.1]	[3.5]
4	7	Saudi Arabia	67.0	118	9.3	8.1
5	4	France	61.2	-6.4	2.2	2.6
6	6	UK	57.9	-2.5	2.3	2.4
7	9	Germany	48.8	3.8	1.4	1.4
8	5	Japan	48.6	-0.2	1.0	1.0
9	8	India	47.4	45	2.5	2.8
10	12	South Korea	33.9	42	2.8	2.5
11	11	Italy	32.7	-26	1.6	2.0
12	10	Brazil	31.5	48	1.4	1.5
13	13	Australia	24.0	19	1.6	1.8
14	16	Turkey	19.1	13	2.3	2.8
15	15	UAE ^b	[19.0]	85	4.7	4.7
Total top 15			1 408			
World total			1 747	26	2.4	2.4

Sumber: Sam Perlo Freeman dan Carina Solmirano (2014) *Trends in World Military expenditure, 2013. SIPRI Fact Sheet*. Stockholm International Peace Research Institute. April.hlm 2

Berdasarkan jadual 3.1 menunjukkan laporan SIPRI 2013 mengenai perbelanjaan pertahanan Korea Selatan dan 15 buah negara terbesar pada tahun 2013, Korea Selatan adalah negara ke 10 terbesar yang membelanjakan USD 33.9 bilion. Daripada 15 buah negara terbesar ini, terdapat tujuh buah negara daripada rantau Asia dan Oceania iaitu China, Arab Saudi, Jepun, India, Korea Selatan, Australia dan UAE. Daripada tujuh buah negara Asia dan Oceania ini, Korea Selatan berada di tangga ke lima selepas China, Arab Saudi, Jepun dan India²⁷². Ini menunjukkan Korea Selatan bersedia memperuntukan perbelanjaan pertahanan yang besar dalam menyediakan aspek logistik dan aspek pertahanan di mana ia merupakan aspek yang tidak boleh dikompromi. Peruntukan besar dalam pertahanan ini adalah selaras bagi memastikan keupayaan angkatan pertahanan Korea Selatan dapat mempertahankan keselamatan negara dengan *self-reliance* walaupun Korea Selatan mempunyai hubungan yang baik dengan AS. Justeru, aspek logistik telah diberikan perhatian bagi mendapatkan kelengkapan yang terkini dan seiring dengan perubahan teknologi ketenteraan dan RMA. Menurut Anthony Andrew Gagel et.al (2011) menyatakan:

²⁷² Sam Perlo Freeman dan Carina Solmirano (2014) *Trends in World Military expenditure, 2013. SIPRI Fact Sheet*. Stockholm International Peace Research Institute. April.hlm 2

“In 2005 the ROK Ministry of Defense released “The Defense Reform 2020 Initiative”, which outlined ROK strategy to create a slimmer and more “self-reliant” military focused on technological improvements”.

Jadual 3.2: Data Kelengkapan Pertahanan Korea Selatan

BIL	PERKARA	JUMLAH Orang/Buah
1.	Total Population	49,039,986 orang
	Total Available Manpower	25,609,290
	Total Fit for Service	21,033,275
	Total Active Reserve Personnel	2,900,000
2.	ANGKATAN TENTERA DARAT	560,000
	Tanks	2,381
	Armored Fighting Vehicles (AFVs)	2,660
	Self-Propelled guns (SPGs)	1,990
	Towed-Artillery	5,374
	Multiple-launc Rocket Systems (MLRSs)	214
	Missiles	206
3.	ANGKATAN TENTERA UDARA	64,000
	Total Aircraft	1,412
	Fighter/Interceptors	399
	Fixed-Wing Attack Aircraft	399
	Transport Aircraft	342
	Trainer Aircraft	277
	Helicopters	668
	Attack Helicopters	77
	UAV	103
	Air Defenses	310
4.	ANGKATAN TENTERA LAUT	68,000
	Total Naval Strength	166
	Frigates	11
	Destroyers	12
	Corvettes	19

Submarines	13
Coastal Defense Craft	81
Mine Warfare	10

Sumber: Anthony Andrew Gagel, Varun Vira, Alex Wilner dan Robert Hammond (2011). *The Korean Military Balance, Comparative Korean Forces and The Forces of Key Neighboring States*. Washington D.C: Center for Strategic & International Studies. Julai. hlm 12-18. Lihat juga *South Korea Military Strength- ranked 7 of 126*. Diakses pada 17 Januari 2016 daripada laman http://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.asp?country_id=south-korea lihat juga Bruce W.Bennett (). A brief Analysis of the Republic of Korea's Defense Reform Plan. Occasional Paper.RAND.National Defense Research Institute.hlm 27 dari lawan web http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/occasional_papers/2006/RAND_OP165.pdf

Berdasarkan jadual 3.2, ia menunjukkan data mengenai kekuatan dan kelengkapan pertahanan yang dimiliki oleh Korea Selatan. Daripada jumlah penduduk Korea Selatan yang memiliki jumlah populasi seramai 49,039,986 orang, seramai 21,033,275 orang dapat dikerahkan ke medan perang serta memiliki 2,900,000 orang pasukan simpanan. Seajar dengan pelaksanaan KPP DPN Korea Selatan pada tahun 2003 yang merangka pembangunan untuk jangka masa panjang dan ketetapan peruntukkan dan perolehan pertahanan telah membolehkan Korea Selatan memiliki kekuatan tentera yang kuat. Anthony Andrew Gagel et.al (2011)²⁷³ menyatakan melalui KPP DPN tahun 2010, Korea Selatan telah membuat perancangan awal meningkatkan kekuatan tenteranya dengan menjangka membuat pembelian mendapatkan pesawat pejuang *Stealth 5th Generation* antara 2016-2020, F-15, F-35 *Joint Strike Fighter* dan *EADS Eurofighters*. Selain itu, Korea Selatan turut merancang mendapatkan peluru berpandu balistik jarak dekat 500km. Korea Selatan juga merancang mendapatkan dron, radar, peluru berpandu dan sistem pertahanan peluru berpandu daripada Israel. Menurut Bruce W.Bennett (2006), Korea Selatan merancang menambahkan aset yang sedia ada menjelang tahun 2020 yang melibatkan pelbagai kelengkapan²⁷⁴. Dengan menjadikan Kertas Putih Pertahanan sebagai asas pembangunan ketenteraan, ia telah membolehkan Korea Selatan membangunkan pertahanan *self-reliance* dan menjadikan aspek

²⁷³ Anthony Andrew Gagel, Varun Vira, Alex Wilner dan Robert Hammond (2011). *The Korean Military Balance, Comparative Korean Forces and The Forces of Key Neighboring States*. Washington D.C: Center for Strategic & International Studies. Julai. hlm 12-18. Lihat juga *South Korea Military Strength- ranked 7 of 126*. Diakses pada 17 Januari 2016 daripada laman http://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.asp?country_id=south-korea

²⁷⁴ Sila rujuk Bruce W.Bennett (2006). A Brief Analysis of the Republic of Korea's Defense Reform Plan. *Occasional Paper*. RAND. National Defense Research Institute. hlm 27 dari lawan web http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/occasional_papers/2006/RAND_OP165.pdf

pertahanan sebagai keutamaan negara²⁷⁵. Menurut laporan rasmi Kementerian Pertahanan Korea Selatan (2003) menyatakan:-

“Self-reliant and advanced national defense focuses on maintaining a mutually complementary ROK-US alliance and cooperative relationships with foreign militaries based on a self defense. Also, it signifies an overall state of national defense which incorporates an advanced operation system based on rationality and efficiency. It also sets a standard our military must attain as well as the aim that we must pursue”²⁷⁶.

Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* Korea Selatan dapat dilihat dengan kemampuan Korea Selatan membangunkan industri pertahanannya yang bukan hanya berkembang bagi memenuhi keperluan dalaman negara sebaliknya ia turut mampu memasarkan peralatan pertahanan setanding dengan kuasa besar yang lain²⁷⁷. Sebagai contoh, Korea Selatan telah mampu menghasilkan kelengkapan tentera berat sendiri seperti kereta kebal utama (MBT) *Rotem K1A1*, *Samsung Techwin K9 Thunder*, *Self-propelled Howitzer*, kenderaan berbentuk *futuristik Fire Direction Centre Vehicle* buatan Samsung, trak berperisai keluaran KIA Motors yang telah dieksport ke lebih 40 buah negara, menghasilkan robot dan sistem penjejak dan pengesan bagi waktu siang dan malam, perakam video pertahanan dan menghasilkan raifal (senjata) yang menggunakan teknologi tinggi keluaran DoDAAM Sytem Ltd. Selain itu, Korea Selatan juga mempunyai syarikat Hanwa Coperation yang menghasilkan sistem pelancar roket berganda (MLRS) yang mempunyai kuasa tembakan (*fire power*) “*fast attack*” dengan 40 tiub pelancar yang mampu menjangkau lapan kilometer serta menghasilkan peluru berpandu (MLRS) sendiri. Korea Selatan turut mempunyai syarikat Nex1 Future Co.Ltd yang menghasilkan pelbagai persenjataan dan kelengkapan ringan tentera bagi semua cabang perkhidmatan tentera seperti peluru berpandu, torpedo, radar, komunikasi, avionik dan sistem peperangan elektronik (EW) dan menghasilkan sistem simulator Chiron MANPADS yang dilengkapi dengan sistem komputer. Bagi syarikat Poongsan Corperation pula, syarikat ini menghasilkan pelbagai jenis peluru bagi kegunaan anti-pesawat, meriam dan kepala peledak peluru berpandu.

²⁷⁵ Maklumat mengenai ketegasan Korea Selatan membangunkan pertahanan berdasarkan Kertas Putih Pertahanan boleh dirujuk di dalam Anthony H. Cordesman, Andrew Gagel, Varun Vira, Alex Wilner dan Robert Hammond (2011). Op.cit. hlm 24-26

²⁷⁶ *Participatory Government Defense Policy 2003*. Op.cit.hlm 36-37

²⁷⁷ Chung-In Moon And Jin-Young Lee (2008).Op.cit hlm. 117-134.

Industri pertahanan Korea Selatan turut berkembang dengan tumbuhnya syarikat *Rotem Company* yang berupaya menghasilkan kenderaan berperisai 6x6 yang dikenali sebagai *Korean Wheeled Infantry Combat Vehicle*. Umumnya, Korea Selatan masih mempunyai banyak syarikat industri pertahanan lain seperti *Samsung Thales*, *SOOA Engineering*, *STX*, *WIA*, *DAEWOO*, *Hyundai* dan sebagainya²⁷⁸. Ia menunjukkan kemampuan Korea Selatan menghasilkan kelengkapan ketenteraan sendiri yang mampu menjana sumber ketenteraan sama ada ketika peperangan atau ketika aman kepada negara itu sendiri. Ia menunjukkan kemampuan prinsip pertahanan *self-reliance* Korea Selatan itu dapat dicapai. Menurut laporan Saadullah Johan (Januari 2005) menyatakan:-

*“Korea Selatan (ROK), begitu serius membangunkan industri pertahanan negara itu sekaligus mempamerkan pendirian ROK yang tidak bergantung kepada negara lain dalam merancang agenda pertahanan sendiri”*²⁷⁹.

Walaupun setiap negara dalam sistem antarabangsa mempunyai perbezaan dari sudut geografi, politik, ekonomi dan sosial, namun Korea Selatan telah berjaya membangunkan pertahanan berdikari dengan memberikan penumpuan kepada enam aspek utama iaitu membentuk DPN yang kukuh, strategi pertahanan, logistik pertahanan, sumber pertahanan, industri pertahanan dan RMA. Pembangunan ke enam aspek ini telah membolehkan Korea Selatan memperkukuhkan sistem pertahanan dari masa ke semasa. Secara tidak langsung ia telah mempertingkatkan keupayaan negaranya untuk mempertahankan keselamatan secara berdikari.

3.8.2 Model Pertahanan *Self-Reliance* Australia

Australia adalah sebuah negara kepulauan yang mempunyai kekuatan ketenteraan yang maju di Asia Pasifik. Kejayaan pembangunan ketenteraan ini adalah hasil daripada pembangunan dan pemodenan yang berasaskan kepada dua kriteria iaitu melalui bantuan luar (*allies*) dan *self-reliance*. Sejarah pembangunan ketenteraan Australia berkait rapat

²⁷⁸ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saadullah Johan (2005a). Pameran Pertahanan Republik Korea, Defense Asia 2004. *Perajurit*. Januari. hlm 20-24

²⁷⁹ Ibid.hlm 20.

dengan model pembangunan yang diterapkan oleh British yang telah memerintah Australia selama lebih daripada 100 tahun. Latar belakang sejarah di bawah pemerintahan Britain ini mempunyai persamaan dengan Malaysia yang mana Malaysia turut diperintah oleh Britain antara tahun 1824-1957. Selepas mencapai kemerdekaan, Australia tidak menamatkan pengaruh pembangunan dan pentadbiran pertahanan Britain, sebaliknya Australia terus bergantung kepada Britain dari segi bantuan keselamatan dan pembangunan pertahanan. Idea bagi melaksanakan prinsip *self-reliance* dalam pertahanan Australia telah wujud pada awal abad ke-20 lagi ketika Australia berada di bawah kuasa Britain. Idea pertahanan *self-reliance* dapat dilihat dengan tuntutan Australia yang menuntut daripada Britain untuk meletakkan Tentera Laut Australia di bawah kawalan dan pentadbiran Australia. Ini kerana sistem pertahanan Australia adalah ditadbir oleh Britain. Ketika era Perang Dunia I (1914-1918) dan Perang Dunia II (1939-1945), idea pelaksanaan pertahanan *self-reliance* Australia terbantut akibat tentera Australia telah dikerah membantu Britain menghadapi peperangan. Penguasaan Jepun di Asia Pasifik dan kejatuhan Singapura telah menyebabkan Australia lebih memberi penumpuan kepada keselamatan negaranya. Kejayaan AS mengalahkan Jepun di Asia Pasifik dan ancaman komunis di Asia Pasifik telah membuka ruang kepada Australia untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan AS dan Britain²⁸⁰.

Perluasan kuasa komunis telah menjadi faktor keakraban hubungan Australia-AS dan strategi pertahanan *Forward Defence* yang diamalkan oleh Australia adalah bagi mengekang perluasan pengaruh komunis di Asia Pasifik. Namun tindakan Britain menarik diri daripada Asia akibat daripada peristiwa Timur Suez pada tahun 1965, telah menyebabkan Australia mula memperkukuhkan hubungan dengan AS manakala hubungan Australia-Britain tetap dikekalkan dan menjadi aset negara pakatan pertahanan kepada Australia dengan termeterainya perjanjian FPDA pada tahun 1971²⁸¹. Walaupun Australia mempunyai pakatan pertahanan, namun Australia telah mengambil keputusan mengaplikasikan prinsip *self-reliance* dalam Kertas Putih Pertahanan yang dilaksanakan pada tahun 1976. Ini kerana Doktrin Guam 1969 telah memberikan pengaruh kepada pendirian Australia untuk

²⁸⁰ M. J. Kitchin (2004). *Dependent Self-Reliance: Defending Australia Within An Alliance Framework*. *Geddes Papers*. hlm -19.

http://www.defence.gov.au/adc/docs/publications2010/publcnsGEDDES2004_300310_dependentselfreliance.pdf

²⁸¹ Kim Beazley (2009). *White Paper Then and Now: Returning to Self-Reliance as a Labor Leit-Motif*. *Security Challenges*. Vol.5. Bil.4.hlm 59-74

mengambil inisiatif bergerak ke arah *self-reliance*. Ini telah mempengaruhi Australia untuk menghasilkan Kertas Putih Pertahanan yang dikenali sebagai “*Self-Reliance Within An Alliance Framework Policy*”²⁸²”.

Idea mewujudkan KPP *self-reliance* Australia telah bermula pada tahun 1976 apabila buat pertama kalinya Australia telah menghasilkan Kertas Putih Pertahanan yang menyatakan bahawa walaupun melalui perjanjian pertahanan Australia-AS²⁸³ telah memberikan pelbagai kemudahan yang membabitkan perisikan, teknologi pertahanan, latihan ketenteraan dan jalinan kerjasama yang baik, namun Australia tidak boleh terlalu bergantung AS semata-mata, sebaliknya Australia perlu memberikan fokus dan tumpuan kepada pembangunan pertahanannya sendiri²⁸⁴. Semenjak 1960-an, AS telah mengekalkan penempatan pelbagai kelengkapan pertahanan strategik di Australia seperti peralatan komunikasi ketenteraan, navigasi, satelit perisikan, pusat perisikan nuklear dan kemudahan sistem maklumat pengawasan wilayah kelautan. Kemudahan ini telah meletakkan Australia sebagai negara selepas United Kingdom yang menikmati kemudahan perisikan moden ini. Semenjak tahun 1976, Australia telah memberikan penumpuan dalam aspek industri pertahanan dan pembangunan dasar yang mana Kertas Putih Pertahanan dikaji mengikut jangka masa tertentu pada tahun 1987, 1994 dan 2000²⁸⁵ bagi menyediakan pelbagai kemudahan strategik pertahanan kepada angkatan tentera, peningkatan dalam perisikan dan keupayaan logistik, latihan dan strategi pertahanan, menumpukan kepada persenjataan yang sofistikated, membangunkan teknologi pertahanan, kelengkapan pertahanan, logistik, latihan dan kerjasama teknikal dengan negara luar. Menurut K.F Amponin (2003) menyatakan:-

*“These military benefits are a significant contribution to Australia’s own national security which in turn impacts the stability of the Southeast Asia Pacific region”*²⁸⁶.

²⁸² Maklumat mengenai *Self-Reliance Within An Alliance Framework Policy* Australia turut diperolehi daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Angkatan Tentera Darat (2014) di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 12 Disember 2014.

²⁸³ Ibid

²⁸⁴ Ibid

²⁸⁵ David Caldwell (2003). Reflections on defence Self Reliance and Australian-American Alliance. *Australian Army Journal*. Vol II. Bil 1. hlm 215-218. Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Angkatan Tentera Darat (2014) di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 12 Disember 2014.

²⁸⁶ K.F Amponin (2003). *Achievability of Self-Reliance Within An Alliance Framework Defence Policy*. *Geddes Papers*. hlm4.

Dalam pembangunan pertahanan *self-reliance* Australia, ia turut melibatkan perikatan atau pakatan pertahanan yang mana perikatan atau pakatan pertahanan adalah sebagai sumber atau aset bagi Australia yang dikenali sebagai “*self-reliance within an alliance framework policy*”.

“Australia has long valued its close relationship with the United States, and it is the principal relationship in Australia’s National Security Strategy. For many years, successive Australian governments have sought to develop defense self-reliance within the framework of this bilateral relationship”²⁸⁷.

Bagi Australia, perjanjian pakatan pertahanan yang dimeterai dengan mana-mana negara merupakan sumber atau aset pertahanan kepada Australia walaupun Australia mengamalkan prinsip pertahanan *self-reliance*. Di sini, perjanjian yang dimeterai tidak bertentangan dengan prinsip *self-reliance* yang diamalkan, sebaliknya ia telah menjadi ‘aset atau sumber’ pertahanan kepada Australia. Perjanjian perikatan atau pakatan pertahanan ini telah menjadi sumber kepada Australia untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negaranya²⁸⁸. Sebagai contoh, dalam perjanjian pertahanan antara Australia-AS yang dimeterai pada 1 September 1951 yang mana terdapat jaminan AS menjaga keselamatan Australia. Berikut adalah kandungan perjanjian yang menyatakan kesediaan AS iaitu:-

“ARTICLE III: The Parties will consult together whenever in the opinion of any of them the territorial integrity, political independence or security of any of the Parties is threatened in the Pacific. ARTICLE IV: Each Party recognises that an armed attack in the Pacific Area on any of the Parties would be dangerous to its own peace and safety and declares that it would act to meet the common danger in accordance with its constitutional processes”²⁸⁹.

Menurut *Defence 2000 Australia*, objektif pertahanan Australia adalah untuk memastikan keselamatan negara melalui tindakan atau pendekatan yang diambil,

http://www.defence.gov.au/adcdocs/publications2010/publensgeddes2003_300310_achievabilityofselfreliance.pdf

²⁸⁷ Michael D. Slater (2004). *An Analysis Of Australia’s National Strategy In The War Against Terror*. Pennsylvania: U.S. Army War College. hlm ii

²⁸⁸ Badrul Hisham Suda (2010). *Australia’s National Interest In East Asia: Engaging China. The Journal of Defence and Security*. Vol. 1, Bil.1. hlm 1-10

²⁸⁹ K.F Amponin (2003). *Op.Cit*. hlm 2

memberikan perhatian terhadap keselamatan negara jiran, mempromosikan keamanan dan kerjasama di Asia Tenggara, memberikan sokongan strategik bagi keamanan di Asia Pasifik dan memberikan sokongan kepada keselamatan global²⁹⁰. Pada Mei 2009, kerajaan Australia telah mengeluarkan Kertas Putih *Defending Australia In The Asia Pacific Century: Force 2030* yang menjadi rujukan kepada dasar pertahanan Australia.

“The White Paper endorses that Australia’s defence policy should continue to be founded on the principle of self-reliance in the direct defence of Australia and in relation to our unique strategic interests²⁹¹.”

Kertas Putih dasar pertahanan ini menggariskan empat keutamaan iaitu mengekalkan kemampuan pertahanan bagi melindungi Australia dari ancaman keselamatan dan mengelakkan bergantung kepada bantuan ketenteraan dari negara luar (pertahanan *self-reliance*), memberikan sumbangan terhadap keamanan dan kestabilan kepada negara jiran terdekat di selatan Pasifik dan Timur Timor²⁹². Ia melibatkan pengurusan operasi ketenteraan, melindungi kedaulatan negara, menyediakan bantuan bencana dan kemanusiaan dan penjanaan keamanan. Ia juga memberikan sumbangan dalam kerjasama ketenteraan di wilayah Asia Pasifik termasuk membantu negara Asia Tenggara yang mempunyai hubungan baik dengan AS untuk menghadapi ancaman luar²⁹³. Australia turut memberikan sumbangan dalam kerjasama ketenteraan di peringkat rantau dan masyarakat antarabangsa bagi menyokong keamanan global dan menegakkan undang-undang antarabangsa. Bagi mengukuhkan pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* dan pertahanan, kerajaan Australia di dalam Kertas Putih Dasar Pertahanan tersebut turut menyatakan bentuk keperluan yang diperlukan oleh angkatan pertahanannya yang mana ianya telah mensasarkan kepada pembangunan industri pertahanan, membangunkan angkatan berorientasikan masa

²⁹⁰ Maklumat daripada laporan rasmi dari Department Of Defence 2000. *Defence 2000–Our Future Defence Force*. Canberra: Defence Publishing Service. hlm 36.

²⁹⁰ Chris Ritchie (2010). CPA Australia Defence Industry Conference. *Speech Notes For Chairman Vice Admiral*. 7 Disember. hlm 4

²⁹¹ Ibid

²⁹² Lihat juga James Cotton (2004). *East Timor, Australia And Regional Order: Intervention And Its Aftermath In Southeast Asia*. New York: Routledge

²⁹³ Dibb P. (2007). *Dining With Giants: Australia-United States In Australia As An Asia-Pacific Regional Power*. London: Routledge. hlm 33-47.

hadapan, strategi pertahanan yang bersesuaian dan kelengkapan moden²⁹⁴. Perbelanjaan pertahanan Australia ini adalah berdasarkan keperluan yang diputuskan oleh kerajaan.

“Against the backdrop of the 2009 White Paper, Prime Minister Kevin Rudd gave an address about what the white paper means for the country. During this important speech, he talked about the links between the strategic needs of the white paper, the equipment demands of the white paper and also the financial backdrop against which Defence finds itself²⁹⁵.”

Jadual 3.3 Perbelanjaan Pertahanan Australia dan 15 Negara Terbesar 2013

Rank		Country	Spending, 2013 (\$ b.)	Change, 2004–13 (%)	Spending as a share of GDP (%) ^a	
2013	2012				2013	2004
1	1	USA	640	12	3.8	3.9
2	2	China	[188]	170	[2.0]	[2.1]
3	3	Russia	[87.8]	108	[4.1]	[3.5]
4	7	Saudi Arabia	67.0	118	9.3	8.1
5	4	France	61.2	-6.4	2.2	2.6
6	6	UK	57.9	-2.5	2.3	2.4
7	9	Germany	48.8	3.8	1.4	1.4
8	5	Japan	48.6	-0.2	1.0	1.0
9	8	India	47.4	45	2.5	2.8
10	12	South Korea	33.9	42	2.8	2.5
11	11	Italy	32.7	-26	1.6	2.0
12	10	Brazil	31.5	48	1.4	1.5
13	13	Australia	24.0	19	1.6	1.8
14	16	Turkey	19.1	13	2.3	2.8
15	15	UAE ^b	[19.0]	85	4.7	4.7
Total top 15			1 408			
World total			1 747	26	2.4	2.4

Sumber: Sam Perlo Freeman dan Carina Solmirano (2014) *Trends in World Military Expenditure, 2013*. SIPRI Fact Sheet. Stockholm International Peace Research Institute. April. hlm 2

Berdasarkan jadual 3.3, ia menunjukkan perbelanjaan pertahanan 15 buah negara terbesar dunia bagi tahun 2013. Daripada 15 negara, Australia telah mencatatkan negara ke-13 terbesar membelanjakan kewangannya bagi sektor pertahanan yang berjumlah USD 24.2 bilion pada tahun 2013. Peruntukan perbelanjaan pertahanan pada tahun 2012 adalah USD

²⁹⁴ Maklumat diakses pada 11 Disember 2014 Australian Industry Group Defence Council. *Australian Industry Group Annual Report 04/05*. hlm 42-66 http://www.aigroup.com.au/portal/binary/com.epicentric.contentmanagement.servlet.ContentDeliveryServlet/LIVE_CONTENT/Policy%2520and%2520Representation/Submissions/General/2012/Ai_Group_Defence_White_Paper_Submission_February_2013.pdf.

²⁹⁵ Ibid. hlm 5

26.2 bilion²⁹⁶. Walaupun terdapat pengurangan USD 2 bilion, namun Australia masih mengekalkan peruntukkan yang besar kepada sektor pertahanan. Daripada 15 buah negara di atas, tujuh buah negara adalah dari rantau Asia dan Oceania. Daripada tujuh buah negara Asia dan Oceania ini, Australia merupakan negara ke enam terbesar memperuntukan perbelanjaan pertahanan bagi memperkukuhkan pertahanan negara. Peruntukan besar dalam pertahanan ini adalah selaras bagi memastikan keupayaan angkatan pertahanan Australia dapat mempertahankan keselamatan negara dengan *self-reliance* walaupun mempunyai hubungan yang baik dengan AS. Justeru, aspek logistik telah diberikan perhatian bagi mendapatkan kelengkapan yang terkini dan seiring dengan perubahan teknologi ketenteraan dan RMA²⁹⁷.

Jadual 3.4: Data Kelengkapan Pertahanan Australia

BIL	PERKARA	JUMLAH Orang/Unit
1.	Total Population	22,507,617
	Total Available Manpower	10,500,000
	Total Fit for Service	8,700,000
	Total Active Reserve Personel	44,240
2.	ANGKATAN TENTERA DARAT	28,850
	Tanks	59
	Armored Fighting Vehicles (AFVs)	2,040
	Towed-Artillery	75
	Missiles	41
3.	ANGKATAN TENTERA UDARA	14,000
	Total Aircraft	408
	Fighter/Interceptors	79
	Fixed-Wing Attack Aircraft	79
	Transport Aircraft	149
	Trainer Aircraft	147

²⁹⁶ Sam Perlo Freeman, Elisabeth Sköns, Carina Solmirano And Helén Wilandh (2013) *Trends In World Military Expenditure, 2012*. SIPRI Fact Sheet. Stockholm International Peace Research Institute. April. Maklumat diakses pada 17 Januari 2016 https://www.scribd.com/fullscreen/135526032?access_key=key-2cjdrtzpd7ea5n4moxxr&allow_share=true&escape=false&view_mode=scroll

²⁹⁷ Kim Beazley (2009). Op.cit.hlm 59-74

	Helicopters	156
	Attack Helicopters	22
	UAV	8
	Air Defenses	111
4.	ANGKATAN TENTERA LAUT	14,000
	Total Naval Strength	52
	Frigates	12
	Destroyers	0
	Corvettes	0
	Submarines	6
	Coastal Defense Craft	13
	Mine Warfare	6
	Amphibious	15

Sumber: http://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.asp?country_id=Australia

Berdasarkan jadual 3.4, Australia adalah negara salah sebuah negara dari rantau Oceania yang memiliki keluasan 7,741,220 km dan pantai sejauh 25,760km. Dengan keadaan geografi yang bersifat kepulauan, Australia telah menumpukan kepada pembangunan ketenteraan laut²⁹⁸ bagi menjamin keselamatan dan pertahanannya. Antara logistik kelengkapan pertahanan Australia adalah Kereta Kebal Utama (MBT) jenis M1A1 *Abrams*, kereta kebal ringan (IFV), kereta perisai pengangkut (APC), pelbagai jenis meriam tunda (*Towed*), Man-Portable Anti-Tank System (MANPATS), RCL, helikopter penyerang jenis EC665 *Tiger* dan sebagainya. Antara jenis kelengkapan tentera laut ialah kapal perang kelas frigate, kapal selam kelas SSK, kapal pengawal pantai, kapal pencuci periuk api, memiliki angkatan udara tentera laut termasuk skuadron anti kapal selam dan sebagainya. Bagi pembangunan angkatan udara Australia, antara jenis aset logistik yang dimiliki adalah pesawat pejuang jenis F/A-18A *Hornet* F/A-18B *Hornet*, F/A-18F *Super Hornet*, pesawat pengebom (*Fixed-Wing Attack Aircraft*), pesawat anti kapal selam AP-3C Orion dan *Airbone Early Warning&Control* (AEW&C), pesawat pengangkut, pesawat latihan, lapan buah radar, peluru berpandu pelbagai jenis seperti peluru berpandu udara ke udara (AAM), peluru

²⁹⁸ Rod Nairn, Sam Bateman dan Robert Woodham (2010). Oceanography And Force 2030: Harnessing Australian Marine Science As A Force Multiplier. *Australian Defence Force*. No. 182. hlm 5-12

berpandu udara ke permukaan dan sebagainya. Malah bagi memastikan kekuatan angkatan pertahanannya sentiasa bergerak seiring dengan teknologi ketenteraan semasa, Australia turut mempelbagaikan pelan perancangan termasuk mendapatkan sistem peluru berpandu daripada AS²⁹⁹.

Australia telah membangunkan industri pertahanan bagi membangunkan pertahanan berdikari bermula dengan *Australian Defence Industries* (ADI) pada Mei 1989 yang dikuasai oleh kerajaan. Untuk memperkembangkan industri pertahanan, kerajaan Australia telah mengambil langkah untuk menjalankan penswastan yang mana industri pertahanan Australia telah didominasi oleh empat syarikat utama iaitu Thales Australia yang merupakan cawangan Thales Group milik Perancis³⁰⁰. Syarikat ini menghasilkan pelbagai kelengkapan pertahanan, pengangkutan, aeroangkasa dan keselamatan. Syarikat ini turut menghasilkan senapang *AU Styer* bagi tentera Australia dan New Zealand, menghasilkan sistem anti peluru torpedo kapal selam, kenderaan perisai, sistem kenderaan tempur, helikopter dan sebagainya³⁰¹. Syarikat kedua adalah *BAE Systems* adalah syarikat pengeksport senjata ketiga terbesar dunia yang menghasilkan peluru berpandu, kelengkapan pelancar peluru berpandu dan komponen dan kelengkapan berkaitan dengan nuklear seperti pelancar peluru berpandu nuklear kepada Perancis dan komponen nuklear kapal selam kepada United Kingdom. Syarikat ini beroperasi di Abbotsford, Braddon, Edinburgh, Holden Hill, North Ryde, Tamworth dan Williamstown³⁰². Syarikat Raytheon pula syarikat ke lima terbesar dunia yang mengeksport senjata hasil kerjasama dengan AS yang menghasilkan persenjataan khususnya komponen bom yang dieksport ke pelbagai negara termasuk AS dan UK. Syarikat ini beroperasi di Brisbane, Canberra, Sydney, Nowra, Alice Springs, Tindal (NT), Perth dan

²⁹⁹ Army's Future Land Operating Concept. Prepared By Head Modernisation And Strategic Planning - Army Australian Army Headquarters. Canberra. September 2009. hlm 57-65. Maklumat diakses daripada laman http://www.army.gov.au/~media/Army/Our%20future/Publications/Key/ACFLOC_2012%20main.pdf

³⁰⁰ Maklumat di akses pada 11 Disember 2014 i dari <http://www.globalsecurity.org/military/world/australia/adi.htm>

³⁰¹ Maklumat di akses pada 11 Disember 2014 dari <https://www.thalesgroup.com/en/careers/australia>

³⁰² Maklumat di akses pada 11 Disember 2014 dari http://www.baesystems.com/our-company-rzz/our-businesses/bae-systems-australia;baeSessionId=naVPELAD8yJBcm_hVdj2hnMr8VWLv1W7LTjB2Lczc0-9yqlwsoDC!1317467394?_afrLoop=787299367173000&_afrWindowMode=0&_afrWindowId=null#!%40%40%3F_afrWindowId%3Dnull%26_afrLoop%3D787299367173000%26_afrWindowMode%3D0%26_adf.ctrl-state%3Di9wzv593p_4

Adelaide³⁰³. Malah syarikat Raytheon turut membangunkan teknologi *Hybrid Submarine* mengikut ketetapan dalam Kertas Putih Pertahanan bagi membolehkan penciptaan kapal selam berkuasa *hybrid* pertama pada tahun 2026³⁰⁴. Syarikat Boeing Australia Holdings Pty Ltd atau dikenali sebagai Boeing Australia adalah syarikat yang bertanggungjawab menghasilkan pesawat dan perkhidmatan. Di samping menghasilkan pesawat komersial, Boeing Australia turut menghasilkan kelengkapan ketenteraan khususnya berkaitan dengan pesawat dan perkhidmatan di bawah program *Boeing Integrated Defence Systems*. Syarikat ini beroperasi hampir keseluruhan wilayah di Australia kecuali Tasmania. Industri pertahanan Australia turut berkeupayaan menghasilkan kapal selam melalui syarikat ASC Pty Ltd yang dulu dikenali sebagai *Australian Submarine Corporation* yang merupakan syarikat penuh kerajaan. Syarikat ini yang beroperasi semenjak tahun 1989 di South Australia bertanggungjawab menghasilkan enam buah kapal selam kelas *Collins* yang menjadi kontrak pertahanan terbesar Australia. Kapal selam diesel-eletrik ini menggunakan teknologi termoden. Selain itu, Syarikat ASC juga turut menghasilkan kapal perang kelas pemusnah (*destroyer*) pada tahun 2005³⁰⁵.

Pada 25 Oktober 2010, kerajaan Australia telah menetapkan misi untuk memperkembangkan industri pertahanan negaranya dengan menyuntik dana kewangan sebanyak AUD 445 juta di bawah pelan pembangunan jangka masa panjang industri pertahanan Australia bagi tahun 2010-2019 yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan 2009. Selaras dengan pelan pembangunan industri pertahanan yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan, kerajaan memperuntukan sebanyak AUD 104 juta bagi memperkembangkan industri pertahanan dan AUD 292.8 juta bagi membina kemahiran, inovasi dan produktiviti³⁰⁶. Australia turut menggalakkan syarikat tempatan untuk melibatkan diri serta memberikan cadangan dan produk kepada kerajaan dalam memperkembangkan industri pertahanannya³⁰⁷. Antara Julai hingga Disember 2006, industri pertahanan Australia

³⁰³ Maklumat di akses pada 11 Disember 2014 dari <http://www.raytheon.com.au/>

³⁰⁴ Maklumat di akses pada 11 Disember 2014 dari <http://www.raytheon.com.au/submarines/>

³⁰⁵ Maklumat di akses pada 11 Disember 2014 dari <http://www.asc.com.au/en/About-Us/Facilities/South-Australia/>

³⁰⁶ Maklumat di akses pada 11 Disember 2014 dari <http://www.defenseindustrydaily.com/australia-revisiting-defence-industrial-policy-02285/>

³⁰⁷ Hamish Chitts (2008). Dollars from death: The arms industry in Australia. Bil 6. http://directaction.org.au/issue6/dollars_from_death_the_arms_industry_in_australia lihat juga Building Australia's Defence Supply Capabilities. Main Report for the Defence Industry Workforce Strategy. *Skills Australia*. 2012. hlm

telah berjaya mengeksport persenjataan yang bernilai AUD 314, 387,7666 termasuk AUD 84,623,989 ke AS dan AUD 21, 445,060 ke Israel³⁰⁸. Dengan penghasilan produk pertahanan yang mampu dipasarkan ke pelbagai negara, ia menunjukkan industri pertahanan Australia memiliki keupayaan *self-reliance* bagi menghasilkan kelengkapan pertahanan yang diperlukan. Ia menunjukkan industri pertahanan Australia berada di landasan yang tepat dalam mencapai prinsip pertahanan *self-reliance*.

Dengan menjadikan KPP sebagai asas pembangunan ketenteraan, ia telah membolehkan Australia membangunkan pertahanan *self-reliance* dan menjadikan aspek pertahanan sebagai keutamaan negara. Malah dari sudut logistik, ia menunjukkan penekanan Australia terhadap aspek kuasa tembakan (*fire power*) dengan mendapatkan kelengkapan yang moden dan canggih³⁰⁹. Melalui KPP, Australia menunjukkan kesungguhan dan penumpuan dalam penyediaan aspek logistik, kajian ke atas dasar dan strategi, mempelbagaikan RMA, industri pertahanan serta menyediakan peruntukan pertahanan yang bersesuaian. Berdasarkan pembangunan ketenteraan Australia ini, aspek pembangunan DPN, strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA telah menjadi keutamaan pembangunan pertahanan *self-reliance* Australia.

3.8.3 Model Pertahanan *Self-Reliance* Singapura

Singapura merupakan sebuah negara kecil yang mempunyai kekuatan ketenteraan yang kuat dan sering menjadi ukuran kepada para pengkaji dalam membincangkan pembangunan dan pemodenan angkatan tentera negara Asia Tenggara. Menurut laporan Nasibah Harun (2005) menyatakan:-

“Singapura misalnya, sering dijadikan contoh perihal militari dengan negara di rantau sebelah sini (Asia Tenggara). Sebagai sebuah negara terkecil di dunia,

1-34 sila rujuk laman web
http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&cad=rja&uact=8&ved=0CBwQFjAA&url=http%3A%2F%2Fwww.awpa.gov.au%2Fpublications%2Fdocuments%2FBuildingAustraliasDefenceSupplyCapabilities_260912.pdf&ei=q-aQVMrOKYKUuQTFkIH4CA&usg=AFQjCNFfPQGzTZneXRDCVFRUqMnuIssh0Q&bvm=bv.82001339,d.c2E

³⁰⁸ Ibid

³⁰⁹ The Military Balance (2013). *The Military Balance*. London: Routledge. Mac . hlm 279-282

Singapura mempunyai kepadatan populasi hampir 6 juta. Politik dan militari Singapura dapat mempengaruhi dunia walaupun saiznya kecil namun Singapura dikatakan negara yang mempunyai pengurusan angkatan tentera terbaik di dunia. Sejak 30 tahun kebelakangan ini, Tentera Laut Republik Singapura (RSN) dianggap armada terkuat di Asia Tenggara³¹⁰”.

Kepesatan pembangunan ketenteraan yang dibangunkan semenjak tahun 1965 menjadikan Singapura sebagai negara terkuat dan mempunyai ketenteraan dan pertahanan terbaik berbanding negara AT lain. Singapura yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew semenjak mencapai kemerdekaan, telah menjadi pemimpin yang bertanggungjawab membawa kemajuan dan kekuatan kepada Singapura sama ada dari aspek politik, ekonomi, keselamatan dan ketenteraan³¹¹. Ini kerana Singapura menyedari tindakannya yang keluar dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 telah menyebabkan Singapura terpaksa bergantung pada diri sendiri (*self help*) khususnya dari aspek keselamatan dan pertahanan³¹². Da Chunha (2002) menyatakan latar belakang geografi Singapura yang merupakan sebuah negara kepulauan kecil dan dikelilingi negara jiran yang besar telah menyuntik kesedaran Singapura untuk membangunkan ketenteraan dan pertahanannya dengan lebih efektif demi memastikan kelangsungan hidup (*survival*) Singapura³¹³.

Perlaksanaan pertahanan *self-reliance* Singapura merangkumi dari aspek penyusunan struktur ketenteraan yang mana prinsip *joint warfare* turut diaplikasikan dalam doktrin peperangan Singapura. Dalam usaha memastikan keselamatan dan pertahanan negara mampu menghadapi ancaman, Singapura telah menjadikan pembangunan ketenteraan dan pertahanan Israel sebagai model dalam menjana pembangunan ketenteraannya³¹⁴. Semenjak tahun 1965, Singapura menjemput para penasihat ketenteraan dari luar negara termasuk Israel bagi membantu Singapura membangunkan ketenteraan dan sistem pertahanannya. Singapura turut menghantar para pegawai dan tenteranya ke Israel bagi mendalami strategi dan pembangunan

³¹⁰ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2005e). Angkatan Tempur Gabungan. *Perajurit*. April.hlm 23

³¹¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2005f). Tentera Singapura. *Perajurit*. Mac.hlm17

³¹² Dipetik dari Ucapan Dasar Dr. Tony Tan, Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Pertahanan Singapura Sempena Pelancaran Buku *Defending Singapore In 21st Century* Pada 15 Februari 2000. Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam [Http://www.mindef.gov.sg/display.asp?number=81](http://www.mindef.gov.sg/display.asp?number=81)

³¹³ Da Chunha (2002). *Op.Cit.*Hlm 133-153.

³¹⁴ Tan Tai Yong (2001). *Civil Military Fusion*. Dalam Mutiah Alagappa (Edt). *Coercion And Governance: The Declining Political Role Of The Military In Asia*. California: Stanford University Press. hlm 282

ketenteraan yang dijalankan oleh Israel. Pengamalan doktrin pertahanan yang diserap daripada Israel ialah seperti *forward defence*, *poison shrimp*, *pre-emptive strike* dan sebagainya yang bersifat ofensif (*offensive*) serta kepesatan pembelian persenjataan dan kelengkapan pertahanan berteknologi tinggi, moden dan canggih. Proses pembangunan ketenteraan Singapura adalah selaras dengan peruntukan perbelanjaan pertahanan yang besar dan meningkat secara berterusan walaupun pada ketika rantau Asia Tenggara stabil dan aman. D.K.Mauzy dan R.S.Milne (2002) menyatakan :-

“Kepesatan Singapura yang membangunkan ketenteraan dan pertahanan dengan mencatatkan perkembangan yang besar setiap tahun telah meletakkan Singapura sebagai negara yang memiliki kekuatan ketenteraan dan pertahanan yang terbaik dan terkuat di rantau Asia Tenggara”³¹⁵.

Menyedari dari sudut geografi negaranya yang kecil dan kekuatan pertahanannya yang terhad, Singapura terpaksa bergantung kepada British³¹⁶ bagi memastikan keselamatannya terjamin melalui pembentukan perjanjian persefahaman AMDA pada tahun 1957³¹⁷ dan FPDA pada tahun 1971³¹⁸. Dalam tempoh ini, Singapura telah mengambil kesempatan untuk merangka dan membangunkan sistem pertahanan dan ketenteraannya dan bergerak ke arah *self-reliance*³¹⁹. Pembangunan ketenteraan Singapura bermula dengan penubuhan *Singapore Infantry Regiment (SIR)* yang ditubuhkan pada tahun 1957. Pada era 1960-an, Singapura telah menubuhkan *Ministry of Interior and Defence* pada akhir 1960-an dan ketiga-tiga cabang perkhidmatan tenteranya iaitu *Singapore Army (SA)*, *Singapore Navy (SN)* dan *Republic Singapore Air Force (RSAF)* diletakkan di bawah satu bumbung perkhidmatan iaitu *Singapore Armed Forces (SAF)*. Pada tahun 1970, Kementerian Pertahanan Singapura ditubuhkan dan bagi menguruskan hal ehwal dalaman ditubuhkan *Ministry of Home Affairs*³²⁰.

³¹⁵ D.K. Mauzy Dan R.S Milne (2002). *Singapore Politics Under The People's Action Party*. London: Routledge.hlm 169

³¹⁶ Chamil Wariya (1989). Op.Cit.hlm 49

³¹⁷ K.W Chin (1983). Op.Cit. bab 3 dan 4

³¹⁸ Ibid. bab 9

³¹⁹ Tim Huxley (2000). Op.Cit hlm 37-40. Lihat Juga K.W Chin (1983). Op.Cit.

³²⁰ Tim Huxley (2000). Op.Cit hlm 16 dan 23

Proses pembangunan pertahanan *self-reliance* dapat dilihat melalui pembentukan pertubuhan sukarelawan yang dikenali sebagai *People's Defence Forces* pada tahun 1966 bagi memperkuat ketumbukan 6 batalion tentera tetap Singapura. Aplikasi pertahanan *self-reliance* Singapura semakin diperkukuhkan dengan memperkenalkan program Khidmat Negara (*National Service*) berdasarkan model khidmat negara yang diaplikasikan oleh Israel pada tahun 1967 yang mewajibkan belia yang berumur 18 tahun sama ada warganegara atau penduduk tetap untuk menyertai Khidmat Negara³²¹. Hasilnya ketumbukan jumlah tentera Singapura telah meningkat satu kali ganda yang mana berjaya mempunyai 12 batalion melalui penambahan 6 batalion askar daripada *National Service* menjelang tahun 1972³²². Ia adalah proses bagi Singapura untuk memastikan objektif membentuk “tentera rakyat” (*citizen army*) dapat dicapai melalui program khidmat negara³²³. Bagi memastikan perancangan dan sistem pertahanannya kukuh, Singapura telah membawa masuk pakar tentera dari Israel, Britain dan Sweden bagi melatih dan membantu membangunkan ketenteraan Singapura semenjak tahun 1965 dengan menubuhkan *Singapore Armed Forces Training Institute*³²⁴.

Antara tahun 1965-1975, Singapura telah mengamalkan doktrin pertahanan yang bersifat defensif iaitu melalui pendekatan melindungi negara daripada ancaman melalui strategi cegah rintang. Antara doktrin yang digunakan ialah *poison shrimp* yang memberikan maksud “*eat it and you may die*”³²⁵. Semenjak akhir 1970-an, Singapura mula mengamalkan strategi pertahanan yang bermiripkan strategi pertahanan Israel iaitu bersifat ofensif yang dikenali sebagai *pre-emptive strike* (menyerang terlebih dahulu sebelum musuh bertindak berdasarkan maklumat perisikan yang tepat) yang akan menggunakan kekuatan udara, darat (*amour*), pendaratan dan mobiliti³²⁶. Selain itu, SAF telah mendapat bantuan *Israel Defence Force* (IDF) yang memperkenalkan doktrin pertahanan *forward defence*³²⁷

³²¹ Ibid.hlm11

³²² Tan Tai Yong (2001).Op.Cit.hlm 286-288

³²³ Op.Cit hlm11-14

³²⁴ Ibid.hlm 10. Singapura turut menghantar para pegawainya ke Israel bagi mendalami strategi dan sistem pertahanan Israel pada tahun 1973 yang dikenali sebagai Projek Wrangler. Lihat Hussin Mutalib (2001). The Socio-Economic Dimension In Singapore's Quest For Security And Stability. *Pacific Affairs*. Vol.75. Bil.1.hlm 41

³²⁵ D.K Mauzy Dan R.S.Milne (2002). Op.Cit.hlm 170

³²⁶ Andrew Tan T.H (1998). Op.Cit.hlm 458

³²⁷ Konsep *Forward Defence* dari sudut operasi ketenteraan adalah strategi pertahanan atau serangan yang bermula dari luar persempadan negara. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Glosari. *Perajurit*. Februari 2005.hlm 40

yang menekankan kepentingan pembangunan pertahanan udara, jumlah ketenteraan dan pertahanan yang berterusan. Teknologi yang digunakan oleh IDF juga telah diadaptasi oleh Singapura dalam sistem pertahanannya. Pada dekad 1980-an, Singapura telah mempergiatkan usaha-usaha pesat pemodenan ketenteraan, pembelian senjata-senjata strategik dan pakatan dengan negara kuasa besar³²⁸.

Tim Huxley (2000), menjelaskan faktor ketegangan dan krisis yang melibatkan Singapura dengan negara jiran telah mempengaruhi Singapura untuk meningkatkan keupayaan ketenteraan dan sistem pertahanannya. Bagi pendapat Tim Huxley, Singapura mempunyai ketenteraan dan pertahanan yang jauh lebih baik berbanding dengan jiran-jirannya³²⁹. Dalam mencapai matlamat pertahanan *self-reliance*, Singapura telah memperuntukan jumlah perbelanjaan yang besar bagi memastikan angkatan pertahanannya dilengkapi kelengkapan pertahanan strategik. Perbelanjaan Singapura dalam sektor pertahanan mencatatkan peningkatan besar iaitu pada tahun 1993 sebanyak 4.3 % daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau USD 2,550 juta kepada USD 4,434 juta atau 5.0 % daripada KDNK pada 2001³³⁰.

Jadual 3.5: Data Kelengkapan Pertahanan Singapura

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	TOTAL POPULATION	5,567,301
	Total Available Manpower	1,255,902
	Total Fit for Service	2,105,973
	Total Active Reserve Personnel	950,000
2.	ANGKATAN TENTERA DARAT	50,000
	Tanks	212

³²⁸ Op.Cit.hlm 456

³²⁹ Tim Huxley (2001). Singapore In 2000: Continuing Stability And Renewed Prosperity Amid Regional Disarray. *Asian Survey*. Vol.41. Bil. 1.

³³⁰ Maklumat Dari *Sipri Yearbook 2003* Armaments, Disarmament and International Security. Oxford: Oxford University Press.hlm 254

	Armored Fighting Vehicles (AFVs)	2,192
	Self-Propelled Guns (SPGs)	48
	Towed-Artillery	262
	Multiple-launch Rocket Systems (MLRSs)	18
	Missiles	150 ³³¹
3.	ANGKATAN TENTERA UDARA	4,000
	Total Aircraft	262
	Fighter/Interceptors	119
	Fixed-Wing Attack Aircraft	119
	Transport Aircraft	63
	Trainer Aircraft	45
	Helicopters	71
	Attack Helicopters	17
	UAV	64
4.	ANGKATAN TENTERA LAUT	13,500
	Total Naval Strength	40
	Frigates	6
	Destroyers	0
	Corvettes	6
	Submarines	6
	Coastal Defense Craft	12
	Mine Warfare	4

Sumber: Maklumat diubahsuai daripada beberapa sumber *The Military Balance 2006*, International Institute for Strategic Studies, Routledge, 2006. Maklumat diakses pada 18 Januari 2016 daripada http://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.asp?country_id=singapore. Lihat juga laporan Pertahanan kapal perang terhadap peluru berpandu anti kapal, *Perajurit*, Februari 2002.hlm 60, laporan Muhammad Fuad Mat Noor, Kestabilan rantau Asia Tenggara, *Perajurit*, Januari 2001 hlm56 dan laporan Sham Huzaimi Nasarudin, Perisai Udara Infantri, Meninjau Sistem MANPADS milik TD, *Tempur*, Julai 2003.hlm25-29

Berdasarkan jadual 5, ia menunjukkan data kelengkapan ketenteraan Singapura. Dalam usaha membangunkan ketenteraan *self-reliance*, Singapura telah menjadikan aspek pertahanan dan keselamatan sebagai agenda utama negara untuk menjamin kelangsungan

³³¹ Anggaran melibatkan peluru berpandu adalah melebihi 150 yang melibatkan *Surface To Surface Missile (SSM)* jenis RGM-84 C *Harpoon* 75 unit, Manpad 75 unit tidak termasuk *Surface To Air Missile (SAM) Mistral* dan *Seawolf*. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Pertahanan kapal perang terhadap peluru berpandu anti kapal, *Perajurit*, Februari 2002.hlm 59.

hidup Singapura. Kesungguhan Singapura ini dapat dilihat dengan kesediaan membeli MBT dengan jumlah yang besar iaitu 100 buah kereta kebal MBT jenis *Centurion* berbanding negara Malaysia yang lebih luas tetapi hanya memiliki 48 buah MBT jenis PT-91. Walaupun keluasan Singapura tidak memerlukan jumlah yang besar MBT, Singapura telah meletakkan sebahagian jumlah kereta kebal MBTnya di Taiwan dan Thailand³³². Singapura juga turut membuat pembelian kelengkapan strategik seperti pesawat tempur dan lapan buah helikopter tempur *AH-64D Apache* yang menjadikan Singapura satu-satunya negara AT yang memiliki helikopter *Apache* daripada AS. Strategi *forward defence* yang diamalkan oleh Singapura bukan hanya diaplikasikan dalam medan tempur, sebaliknya dari sudut kelengkapan dan logistik. Singapura turut mengaplikasikannya dengan memiliki kelengkapan persenjataan terkini dan ke hadapan berbanding negara-negara jirannya. Ini dapat dilihat daripada program pembelian kapal selam berteknologi tinggi Singapura yang telah bermula pada tahun 1990-an lagi dan telah menerima kapal selam pertamanya RSS *Conqueror* pada awal tahun pada tahun 2001³³³.

Peningkatan dalam peruntukan perbelanjaan pertahanan ini membolehkan Singapura sehingga tahun 1998 memiliki pelbagai kereta kebal ringan, MBT dan kereta perisai. Kekuatan pasukan infantri tentera daratnya pula dilengkapi dengan meriam jenis 155mm (*medium gun*) yang berupaya menembak sehingga sejauh 40 kilometer. Sehingga tahun 1998, kekuatan anggota tentera SAF telah meningkat dengan besar hasil daripada kejayaan pelaksanaan program *National Service* semenjak 1967 di mana Singapura memiliki ketumbukan 250,000 anggota kerahan selain 50,000 anggota tetap. Manakala dari segi kekuatan angkatan udaranya pula, Singapura memiliki pelbagai pesawat pejuang seperti F-16³³⁴, A4 SU *Superskyhawk* dan F-5E yang telah dipertingkatkan keupayaannya. Malah cabang kekuatan udara ini juga turut diperkuatkan dengan pembelian helikopter pelbagai jenis termasuk helikopter penyerang *Apache*. Ia telah membolehkan Singapura meningkatkan keupayaan dengan kelengkapan pertahanan yang strategik selaras dengan prinsip pertahanan

³³² Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Kelengkapan Tentera Darat 2005-2006, *Perajurit*, Mac 2005.hlm11

³³³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Mat Noor (2001). Kestabilan rantau Asia Tenggara. *Perajurit*. Januari 2001.hlm56

³³⁴ Singapura telah membuat pembelian 18 buah pesawat F-16C/D Fighting Falcon. Keterangan lanjut sila rujuk Robert Sinniah (1994). Republic Of Singapore Air Force To Get F-16C/D. *Asia Pacific Defence Review*.Oktober.hlm 68

self-reliance. Bagi mencapai matlamat menyediakan kelengkapan pertahanan ke medan tempur secara berterusan, Singapura mengamalkan pemindahan teknologi dari negara luar melalui industri pertahanan bermula semenjak tahun 1970-an.

Pemindahan teknologi ini dijadikan sebagai asas kepada penghasilan dan penciptaan kelengkapan baru kepada Singapura yang mana antara tahun 1990-an, Singapura telah berjaya menghasilkan raifal (senapang), MGKA, mesin-gan berat, pelancar grenad dan meriam medan bagi kegunaan SAF dan dieksport ke luar negara³³⁵. Malah Singapura telah melakukan transformasi dalam RMA dengan memperkenalkan konsep *3rd Generation Army* (3rdGA) atau Tentera Darat Generasi Ketiga yang memfokuskan kepada peningkatan kemampuan dan teknologi terkini dalam latihan dan operasi, persenjataan dan jaringan kerjasama dengan cabang perkhidmatan lain dengan menggunakan teknologi tinggi yang mengintegrasikan kesemua cabang dalam membentuk keberkesanan yang maksima dalam operasi atau tugas yang diberikan. Menteri Pertahanan Singapura Teo Chee Hean (2009) menyatakan:-


“Pihak SAF (Angkatan Tentera Singapura) sedang melalui satu proses transformasi. Generasi Ketiga SAF akan menyaksikan pasukan yang lebih mantap dan efektif. Ia akan diatur gerak dengan menggunakan konsep dan sistem operasi yang terkini dan mengoptimalkan penggunaan sumber modal insan yang terhad”³³⁶.

³³⁵ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Amnat H.A (1995). Op.cit.hlm 9

³³⁶ Infantri Singapura - Membentuk Infantri Generasi Ketiga. *Tempur*. November 2009 lihat http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=909&Itemid=236

3.9 Model Pembangunan Pertahanan *Self-Reliance*

Gambarajah 3.5: Komponen Pertahanan *Self-Reliance* Berdasarkan Model Korea Selatan, Australia dan Singapura



Gambarajah 3.5 menunjukkan komponen pertahanan *Self-Reliance* berdasarkan model Korea Selatan, Australia dan Singapura. Secara amnya, pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* dan proses pembangunan angkatan tentera setiap negara adalah berbeza. Berdasarkan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* Korea Selatan, Australia dan Singapura, terdapat enam ciri utama yang diberikan perhatian dalam usaha mencapai objektif membangunkan keupayaan pertahanan sendiri agar dapat mengelakkan daripada bergantung kepada bantuan ketenteraan dari negara luar iaitu membentuk DPN yang kukuh (*firm defence posture*) di mana ia adalah asas kepada proses pembangunan ketenteraan. Dasar pertahanan menjadi aspek yang penting dan menentukan hala tuju dalam proses pembangunan ketenteraan. Sebagai contoh, pembentukan DPN yang kukuh (*firm defence posture*) Korea Selatan adalah *Policy of Peace and Prosperity* yang mana ia telah diutarakan oleh Presiden Roh Moo-hyun sebagai Kertas Putih Pertahanan pada Februari 2003 bagi memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran Korea Selatan. Dengan memiliki KPP, ia dapat menjadi *blue print* kepada pembangunan dan hala tuju yang sistematik.

“The Policy of Peace and Prosperity is a comprehensive national development strategy that encompasses issues of reunification, foreign policy and security also in the military/security sector, it explores a balanced approach to peace and prosperity”.

Dasar pertahanan yang kukuh menjadi asas dalam pembangunan pertahanan *self-reliance* di mana proses meningkatkan keupayaan dalam setiap aspek pertahanan *self-reliance* berteraskan dasar yang diguna pakai. Selain itu, strategi atau doktrin pertahanan adalah strategi yang diguna pakai adalah aspek yang disentuh oleh ke tiga-tiga negara dalam mencapai sesuatu matlamat atau objektif pembangunan ketenteraan khususnya prinsip pertahanan *self-reliance*. Sebagai contoh, dalam usaha memastikan objektif prinsip pertahanan *self-reliance* dalam pembangunan pertahanannya berjaya, Singapura telah memperkenalkan doktrin pertahanan *forward defence*³³⁷ manakala Australia pula mengamalkan “*Self-Reliance Within An Alliance Framework Policy*”. Dalam aspek logistik pertahanan, ketiga-tiga negara memberikan penekanan dalam hal ehwal logistik khususnya kelengkapan dan persenjataan pertahanan. Malah kemampuan pertahanan dari aspek logistik sama ada dari aspek kuantiti dan kualiti yang perlu berada dalam keadaan siapsiaga dan bersedia menghadapi ancaman serta persenjataan berteknologi tinggi sama ada konvensional atau strategik menjadi keutamaan. KPP Australia turut menyentuh mengenai aspek pengurusan inventori dan keperluan logistik angkatan pertahanan. Singapura dan Korea Selatan juga memberikan penekanan dalam perolehan persenjataan strategik yang secara langsung dapat meningkatkan cegah rintang kepada musuh.

Dalam aspek industri pertahanan, ketiga-tiga negara memberi penekanan dalam aspek industri pertahanan sebagai pendekatan dalam mencapai matlamat *self-reliance* walaupun memiliki hubungan baik atau pakatan pertahanan dengan kuasa besar. Aspek industri pertahanan menjadi aspek yang dibangunkan ketiga-tiga negara untuk memastikan negara dapat mengelak daripada bergantung kepada bantuan luar dan menyalurkan bantuan logistik secara berkesan ke medan tempur. Buktinya, industri pertahanan Singapura telah dibangunkan semenjak 1970 lagi dan Singapura telah berjaya menghasil pesawat pejuang

³³⁷ Konsep *Forward Defence* dari sudut operasi ketenteraan adalah strategi pertahanan atau serangan yang bermula dari luar persempadanan negara. Lihat Glosari *Perajurit*. Februari 2005.hlm 40

mereka sendiri iaitu *Super Skyhawk*³³⁸ manakala Korea Selatan berjaya mewujudkan syarikat yang menghasilkan produk pertahanan seperti Hyundai dan Daewo. Australia pula terkenal dengan syarikat Thales Australia, *BAE Systems*, Raytheon dan sebagainya yang telah menjadi keperluan dalam pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* negara berkenaan. Aspek Revolusi Hal Ehwal Ketenteraan (RMA) turut menjadi keutamaan ketiga-tiga negara dalam mencapai matlamat prinsip pertahanan *self-reliance*. Ia adalah aspek yang melibatkan penerapan idea dan teknologi baru kepada tentera³³⁹. Ketiga-tiga negara telah memberikan penumpuan kepada perkembangan semasa perubahan dalam ketenteraan di seluruh dunia dan dilaksanakan dalam negara agar tidak ketinggalan dan sentiasa hadapan. Aspek sumber pertahanan pula adalah aspek yang penting kepada sesebuah negara dalam membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance*. Pembangunan dalam aspek sumber pertahanan dapat memastikan angkatan tentera dapat disediakan dengan kelengkapan, kemudahan, infrastruktur, latihan dan sebagainya. Aspek sumber tidak hanya tertakluk kepada peruntukan kewangan tetapi juga membabitkan aspek struktur ketenteraan, geografi, demografi dan sebagainya. Bagi Australia, Korea Selatan dan Singapura, perjanjian pertahanan dengan kuasa besar atau mana-mana negara yang ada telah dikira sebagai sumber atau “aset pertahanan” dan tidak bertentangan dengan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance*.

3.10 Kesimpulan Bab

Prinsip pertahanan *self-reliance* adalah konsep realisme yang menekankan mengenai keutamaan negara untuk bergantung kepada diri sendiri dalam aspek keselamatan bagi menghadapi sistem antarabangsa yang bersifat anarki dan sifat sesebuah negara adalah persaingan. Fenomena anarki telah mempengaruhi negara untuk memberikan perhatian terhadap pembangunan ketenteraan bagi menjamin keselamatan dan kelangsungan hidup. Realisme melihat peperangan tidak dapat dielakkan dan setiap negara akan saling bersaing untuk mendapatkan kuasa. Keadaan ini menyebabkan negara perlu bergantung pada diri sendiri dengan konsep *self help* atau *self-reliance*. Pengamalan konsep *self-reliance* tidak bertentangan dengan konsep perikatan walaupun konsep perikatan adalah konsep gabungan

³³⁸ Tim Huxley (2000).Op.Cit .hlm 459

³³⁹ Andrew Tan T.H (1998).Op.Cit.hlm 467

antara negara. Ini kerana matlamat akhir adalah untuk memastikan negara dapat meningkat atau mengekalkan kuasa serta mengelakkan dominasi daripada sesebuah negara ke atas negara yang lain. Prinsip pertahanan *self-reliance* turut diamalkan oleh Korea Selatan, Australia dan Singapura. Berdasarkan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* ini, terdapat enam aspek utama yang diberi keutamaan oleh ketiga-tiga negara iaitu pertama adalah dasar pertahanan yang kukuh (*firm defence posture*) agar hala tuju dan pembangunan pertahanan dapat dibangunkan dengan garis panduan yang sistematik. Kedua, aspek strategi pertahanan juga menjadi penekanan kepada negara berkenaan bagi memastikan susun atur keupayaan dan kemampuan angkatan tentera dapat mencapai kejayaan. Dalam aspek sumber pertahanan pula, ketiga-tiga negara memberikan penekanan dalam peruntukan bagi membolehkan pembangunan, pengurusan dan perolehan kelengkapan yang maju dan terkini dapat disediakan kepada angkatan pertahanan. Manakala dalam aspek logistik pertahanan, kelengkapan dan persenjataan pertahanan yang terkini dan moden dari sudut kualiti dan kuantiti menjadi keperluan dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai. Selain itu, aspek industri pertahanan menjadi tulang belakang kepada negara berkenaan dalam memastikan objektif bergantung pada diri sendiri dapat dicapai. Manakala dalam aspek RMA, ketiga-tiga negara memberikan penekanan dalam melakukan transformasi dan meningkatkan keupayaan angkatan tentera seiring dengan perubahan yang berlaku dalam RMA di peringkat antarabangsa.

BAB 4

DASAR PERTAHANAN NEGARA

4.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan proses pembangunan DPN yang dijalankan oleh ATM dan kerajaan. Dalam bab ini juga, ia menyentuh mengenai proses awal pembangunan dari sudut perkembangan politik antarabangsa ketika dan selepas Perang Dingin (1991) rantau Asia Tenggara dan ancaman yang mempengaruhi pembangunan DPN. Selain itu, bab ini menjelaskan mengenai proses pembangunan dasar pertahanan Malaysia dan menyentuh DPN yang diamalkan semenjak tahun 1957 hingga tahun 2010. Kandungan DPN yang dibentuk semenjak tahun 1957 melibatkan pelbagai aspek seperti kepentingan kawasan serantau kepada Malaysia, konsep pertahanan dan prinsip pertahanan negara. Bab ini juga menyentuh secara terperinci terhadap aspek yang dinyatakan dalam kandungan DPN khususnya prinsip pertahanan *self-reliance*, prinsip pertahanan kerjasama serantau dan prinsip pertahanan bantuan luar. Selain itu, bab ini turut menjelaskan mengenai pelaksanaan beberapa strategi pertahanan yang dilaksanakan ATM seperti pertahanan cegah rintang, pertahanan ke hadapan, diplomasi pertahanan dan pertahanan menyeluruh. Bagi memperincikan proses pembangunan pertahanan negara, bab ini menyentuh usaha dan proses pembangunan setiap cabang perkhidmatan ATM iaitu TDM, TLDM dan TUDM. Bab ini turut membuat kesimpulan bab bagi menyimpulkan penjelasan yang dijalankan dari awal hingga ke penemuan akhir dalam bab ini.

4.2 Ancaman Keselamatan Malaysia Ketika Perang Dingin

Selepas Perang Dunia Kedua (1945), rantau Asia Tenggara telah muncul sebagai sebuah rantau strategik kepada dua buah kuasa besar dunia yang berusaha memperluaskan ideologi³⁴⁰. Persaingan kuasa antara Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Soviet (KS) telah menyebabkan ancaman konflik dan peperangan di Asia Tenggara. Perluasan kuasa demokrasi dan komunis di kalangan negara Asia Tenggara telah menjadi ancaman keselamatan kepada negara sehingga terbabit dalam peperangan seperti peperangan Vietnam

³⁴⁰ K.S Nathan (2008).Op.Cit.hlm 9

dan pemberontakan dari dalaman negara melalui gerakan pemberontakan komunis. Dalam masa yang sama, hubungan antara negara Asia Tenggara juga turut rapuh dengan krisis di peringkat rantau dan konflik dalaman negara³⁴¹. Pada era 1950-an dan 1960-an, Malaysia dan kebanyakan negara di rantau AT baru mencapai kemerdekaan daripada negara penjajah. Sebagai sebuah negara yang baru lahir, Malaysia terpaksa menghadapi ancaman dari dalam dan luar rantau. Ancaman dari dalaman rantau adalah dipengaruhi oleh perselisihan berbentuk dua hala dan juga perselisihan yang berbentuk multi-lateral. Perselisihan berbentuk dua hala terarah kepada masalah di antara negara yang berebutkan wilayah sempadan dan isu gerakan pemisah. Antara contoh masalah dua hala adalah krisis Malaysia-Filipina yang berpunca daripada tuntutan wilayah Sabah oleh kerajaan Filipina. Kedua-dua negara saling menuntut hak yang menyebabkan wujudnya ketegangan antara kedua-dua negara. Malah masalah ini bertambah serius apabila kerajaan Filipina menuduh Malaysia membantu kegiatan gerakan pemisah Islam Moro di Selatan Filipina. Selain itu, Malaysia turut menghadapi masalah dan ketegangan politik yang melibatkan Thailand yang berpunca daripada tuduhan Thailand ke atas Malaysia yang mendakwa Malaysia membantu gerakan pemisah Islam Patani di Selatan Thailand³⁴².

Malaysia turut menghadapi masalah dengan Singapura apabila isu perkauman telah menjadi isu yang membawa tindakan Singapura untuk keluar daripada Persekutuan Malaysia³⁴³. Manakala idea penubuhan Gagasan Nusantara (Melayu Raya) telah mengakibatkan Malaysia dan Singapura sangsi terhadap Indonesia. Ketegangan hubungan antara Indonesia-Malaysia telah membawa kepada meletusnya Konfrantasi Indonesia-Malaysia pada tahun 1965. Selain itu, ketika era Perang Dingin, Malaysia turut menghadapi masalah dengan campurtangan kuasa besar ke atas Asia Tenggara. Perebakan komunis telah membawa kepada wujudnya *proxy war* oleh kuasa-kuasa besar dunia di Vietnam. Penglibatan AS dan KS dalam Perang Vietnam secara tidak langsung mengancam keselamatan negara Asia Tenggara³⁴⁴. Ini kerana masalah ancaman komunis ini merebak ke

³⁴¹ Mohammed Ayoob (1995). hlm 5

³⁴² Jorgensen-Dahl (1982). Op.Cit.hlm 113

³⁴³ K.S Nathan (2008).Op.Cit.hlm 2


³⁴⁴ Yaacov Vertzberger (1982). *The Malacca-Singapore Straits: The Suez of Southeast Asia*. London: Institute For The Study Of Conflict. hlm 612

negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia yang terpaksa menangani ancaman Parti Komunis Malaya (PKM)³⁴⁵.

4.3 Ancaman Keselamatan Malaysia Selepas Perang Dingin

Keruntuhan Kesatuan Soviet pada tahun 1991 telah membawa dimensi baru dalam geo-politik antarabangsa. Perkembangan ini mempengaruhi dimensi definisi keselamatan yang tidak hanya dilihat dipengaruhi oleh isu-isu tradisional sebaliknya keselamatan turut dikaitkan dengan isu-isu bukan tradisional (*non-traditional issues* atau *new security issues*) seperti isu ekonomi, alam sekitar, ekonomi, kemanusiaan dan sebagainya. Perubahan dimensi definisi keselamatan turut berkembang ke rantau dan negara Asia Tenggara. Ancaman keselamatan terhadap negara Asia Tenggara khususnya Malaysia tidak hanya lahir dari dalam rantau sebaliknya turut melibatkan dimensi yang lebih luas iaitu dari luar rantau dan antarabangsa.

Gambarajah 4.6 : Ancaman Terhadap Keselamatan Malaysia Selepas Perang Dingin



³⁴⁵ Malaysia membangunkan DPN dan ATM berdasarkan persepsi terhadap ancaman (*threat perception*). Ia telah disentuh dalam sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014) di Pejabat Panglima Tentera Darat Markas Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama juga Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera Udara Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 12 Disember 2014.

Sumber: Diubahsuai daripada Mohamad Faisol Keling et.al (2011). *The Malaysia Government's Effort In Managing Military And Defence Development*. International Journal of Business and Social Science. Vol 2. Bil 12. Julai.hlm 183

Berdasarkan gambarajah 4.6, ia menunjukkan ancaman terhadap keselamatan Malaysia selepas Perang Dingin. Ancaman terhadap Malaysia selepas Perang Dingin dapat dibahagikan kepada 3 peringkat atau perimeter ancaman iaitu ancaman dari negara terdekat, ancaman daripada rantau Asia yang lain dan ancaman daripada antarabangsa.

“Secara keseluruhan, persekitaran di rantau Asia Pasifik memberi gambaran keadaan keamanan yang kian bertambah baik, walaupun masih wujud beberapa kawasan yang masih tegang...Kawasan serantau yang dianggap penting oleh Malaysia meliputi Asia Tenggara, termasuk Kepulauan Andaman dan juga Laut China Selatan. Malaysia melihat sebarang perkembangan di rantau ini (Asia Tenggara) akan juga memberi kesan kepada keselamatan dan pembangunannya”³⁴⁶.

Ancaman terhadap Malaysia wujud dari kalangan negara yang berhampiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura. Walaupun hubungan Malaysia dengan ketiga-tiga negara adalah baik, namun ia tidak bermakna tiada ancaman daripada negara berkenaan. Ini adalah selaras dengan perspektif realisme yang menjelaskan *struggles for power* adalah *nature* kepada negara dan peperangan sesuatu yang tidak boleh dielakkan³⁴⁷. Walaupun Indonesia tidak mengambil apa-apa pendekatan kekerasan atau tindakan ancaman ke atas Malaysia selepas Perang Dingin, namun sejarah Konfrantasi 1965 menjadi ukuran bahawa Indonesia mampu mengambil tindakan yang sama pada masa akan datang. Malah ketidakstabilan politik dalamannya turut mampu membawa kepada ancaman keselamatan ke atas Malaysia. Begitu juga dengan Thailand, masalah ketidakstabilan politik di wilayah selatannya adalah masalah yang pernah membawa ketegangan antara Malaysia-Thailand dan masalah ini masih berlarutan selepas Perang Dingin. Ancaman daripada Singapura pula, walaupun Singapura tidak pernah mengambil tindakan ketenteraan ke atas Malaysia, namun isu-isu diplomatik yang tertangguh seperti isu air, sempadan, hak dan sebagainya mampu membawa ketegangan antara kedua-dua negara. Malah pembangunan ketenteraan Singapura yang pesat selepas

³⁴⁶ *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan. 1995.hlm 15 dan 21

³⁴⁷ Zakaria Haji Ahmad (1987). *Asian-Pacific Security Into The Twenty-First Century: Political, Economy And Social Trends*. *Asian Defence Journal*. Ogos. hlm 14-22

tahun 1965 sehingga membawa kepada negara terbaik dalam aspek ketenteraan di Asia Tenggara turut dibimbangi oleh Malaysia³⁴⁸.

Ancaman terhadap rantau Asia Tenggara dan Malaysia selepas Perang Dingin adalah semakin luas kerana ia turut melibatkan perkembangan ketidakstabilan politik dari rantau terdekat seperti Asia Timur dan Asia Selatan yang dibimbangi akan mengancam keselamatan Asia Tenggara. Ancaman terhadap keselamatan Asia Tenggara secara tidak langsung mengancam keselamatan negara di rantau berkenaan. Tindakan China yang membangunkan angkatan pertahanan lautnya semenjak 1990-an dan menuntut hak ke atas wilayahnya di Laut China Selatan adalah satu contoh isu ancaman yang mampu menggugat keselamatan Malaysia dan Asia Tenggara. Tuntutan China ke atas Kepulauan Spratly semenjak tahun 1992 dan pernah menggunakan *gunboat diplomacy* dalam tuntutan menggambarkan ancaman yang perlu dihadapi oleh enam buah negara yang terbabit termasuk Malaysia³⁴⁹.

“Kecuali negara Brunei, semua pihak yang membuat tuntutan telah menempatkan anggota tenteranya di beberapa buah pulau di kawasan tersebut (rangkaian Kepulauan Spratly). Langkah tuntutan terhadap sumber kepulauan dan dasar laut berdasarkan konsep kepulauan dan pertindihan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) boleh mengakibatkan berlakunya perubahan besar dalam suasana geo-politik di Laut China Selatan dan corak pergerakan perkapalan dan perdagangan. Insiden pulau karang Mischief pada awal 1995 mencerminkan kebimbangan berhubung isu (ancaman) ini”³⁵⁰.

Selain itu, konflik di rantau Asia Timur dan Asia Selatan seperti konflik China-Taiwan, China-Jepun, Korea Utara-Korea Selatan, Korea Utara-Jepun, China-India, India-Pakistan dan sebagainya adalah satu senario yang menunjukkan ancaman kekerasan ketenteraan boleh berlaku pada bila-bila masa. Ini bermaksud sebarang konflik ketenteraan yang meletus, ia akan turut mengancam keselamatan Malaysia dan Asia Tenggara³⁵¹. Malah

³⁴⁸ Ibid

³⁴⁹ K.S Balakrishnan (1999). China And The Philippines' Imbroglio. *Asian Defence And Diplomacy*. Vol.6. Bil 6. June. hlm 48-50

³⁵⁰ *Pertahanan Malaysia:Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*.Op.cit.hlm 16

³⁵¹ Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak (2011). Teks Rasmi Ucapan Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia Reinforcing National Defence & Security: A Revisit. Dalam *MIDAS Conference, Strengthening Nation's Defence Security*. 13 September 2011. hlm 33-34. Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014.

lebih buruk lagi, penglibatan kuasa besar AS dan Rusia yang sememangnya mempunyai kepentingan di rantau ini akan meningkatkan lagi ancaman keselamatan³⁵². Walau bagaimanapun, isu ini kurang mendapat perhatian Malaysia memandangkan persepsi terhadap ancaman tradisional semakin kurang diperkatakan. Dalam masa yang sama, Malaysia dilihat lebih memberi penumpuan dalam aspek pembangunan ekonomi khususnya sektor perindustrian berbanding memberi penumpuan terhadap aspek industri yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan. Dalam menghadapi ancaman ini, Malaysia telah menggariskan tiga prinsip pertahanannya dalam DPN bagi menghadapi ancaman keselamatan selepas Perang Dingin iaitu melalui prinsip pertahanan yang *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar³⁵³. Walaupun, prinsip pertahanan ini dilaksanakan namun ia masih menimbulkan keraguan terhadap kemampuan prinsip pertahanan ini.

*“Implikasi cabaran dari senario-senario ini (ancaman keselamatan) ini memberi alasan kuat untuk renungan sejenak kerana masa hadapan Abad ke 21 akan menjadi lebih mencabar dengan kepantasan perubahan dan bentuk cabaran yang kini semakin samar sifatnya. Sedangkan strategi pembangunan pertahanan Malaysia sekarang masih lagi banyak berpaut kepada pengajaran masa lepas dan juga berasaskan konsep negara maju yang ternyata berlainan asas keutamaannya.”*³⁵⁴

Pembangunan pertahanan dan keselamatan negara juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran strategi yang sentiasa berkembang. Tamatnya Perang Dingin pada tahun 1991, telah membawa kepada era baru dalam geopolitik antarabangsa. Keruntuhan Kesatuan Soviet telah mengubah sistem antarabangsa daripada sistem bipolar (1945-1991) kepada sistem unipolar yang didominasi oleh AS. Dalam masa yang sama, geopolitik antarabangsa turut menghadapi kemunculan kuasa-kuasa baru sama ada dalam aspek politik, ekonomi dan ketenteraan seperti di rantau Asia Selatan yang melibatkan kuasa India dan Pakistan, Asia Timur yang melibatkan China, Jepun dan Korea Utara, Eropah dan sebagainya. Setiap negara terpaksa menghadapi perubahan dan cabaran yang berlaku dalam geo-politik antarabangsa

³⁵² Baladas Ghoshal (2005). Strategic And Security Environment In East Asia. *Asian Defence Yearbook 2005*.hlm 4-8

³⁵³ En. Sahipulhijaiman Sulaiman, Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual pada 11 Oktober 2014. Lihat juga dalam *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Op.cit.hlm 22

³⁵⁴ Md.Zaki Md Zain (2005). Senario Masa Hadapan Persekitaran Pertahanan: Panduan Halatuju Pembangunan Pertahanan Negara. *Pembentangan Kertas Kerja*. Konferen Kebangsaan Pertahanan Strategik Dan Keselamatan Serantau (Perkasa). Putrajaya: Pusat Konvensyen Antarabangsa. 24-26 Mei. hlm 3

dan akan mempengaruhi pembentukan dasar politik, ekonomi dan keselamatan. Shaharudin Othman (2002) menjelaskan bahawa Kementerian Pertahanan dan ATM telah menggariskan lapan pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan dalam menghadapi ketidakpastian dalam persekitaran geopolitik antarabangsa iaitu melaksanakan dasar keselamatan yang komprehensif, kaedah diplomasi sebagai pendekatan utama, Malaysia akan terus mematuhi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu(PBB), menggalakkan sesi dialog antara Malaysia dengan negara serantau, Pengukuran Tahap Keyakinan (PTK) sebagai mekanisme dalam pengurusan krisis dalam wilayah, menggunakan diplomasi ketenteraan, aktif dalam kerjasama antara Malaysia dengan negara luar sama ada melalui bilateral atau multilateral dan pemodenan ATM³⁵⁵.

Pembangunan dalam memodenkan ATM bermula semenjak tahun 1991 di mana fokus diberikan kepada proses membentuk angkatan pertahanan yang berorientasikan menentang insurgensi kepada angkatan pertahanan yang bersifat konvensional. Antara tahun 1948-1989, fokus ATM adalah untuk menghadapi ancaman dalaman negara iaitu ancaman PKM. Namun setelah perjanjian damai dimeterai pada tahun 1989, fokus ATM telah berubah kepada ancaman luar sempadan negara. Usaha ini dapat dilihat dengan tindakan kerajaan yang mengambil keputusan untuk membangunkan dan memodenkan TLDM dengan pembelian dua buah kapal perang termoden di Asia Tenggara pada ketika itu iaitu KD Lekiu dan KD Jebat bagi memastikan Malaysia dapat melindungi perairannya dengan lebih berkesan. Selain itu, Malaysia turut membangunkan TUDM dengan memastikan TUDM dilengkapi dengan kelengkapan pertahanan yang seiring dengan kemajuan teknologi semasa pertahanan dan dapat melindungi sempadan dan kedaulatan negara. Pembangunan dan pemodenan ATM ini dipengaruhi oleh faktor persekitaran strategik yang mana persekitaran antarabangsa, rantau dan suasana dalam negara Malaysia itu sendiri telah mempengaruhi kerajaan untuk menyediakan sistem pertahanan yang terbaik dalam melindungi keselamatan dan kedaulatan negara. Perkembangan ancaman di peringkat antarabangsa dan rantau mampu membuatkan keselamatan negara terancam. Isu-isu yang melibatkan pertikaian sempadan dan pencerobohan, krisis yang berpotensi mencetuskan

³⁵⁵ Shaharuddin Othman (2002). Op.cit. hlm iv dan 1-5

konflik dan ancaman bukan tradisional telah menjadi faktor yang mempengaruhi Malaysia memodenkan angkatan pertahanannya.

Pembangunan dan pemodenan ATM ini selaras dengan perancangan pembangunan negara apabila kerajaan pada tahun 1991 telah memperkenalkan Wawasan 2020. Wawasan 2020 mensasarkan untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara industri. Bagi memastikan Wawasan 2020 dapat dicapai, kerajaan Malaysia turut memperkenalkan Rancangan Jangka Panjang Kedua (RJKP2), yang mengandungi Dasar Pembangunan Baru (1991-2000) sebagai kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990). DEB dan DPB berperanan memastikan keberkesanan dalam pengagihan kekayaan negara dan sosial dapat dipenuhi seiring dengan pembangunan dan pemodenan ATM. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Baru (DPB) membuktikan kerajaan dalam Rancangan Jangka Panjang Pertama selama 10 tahun mampu berfungsi membasmi masalah kemiskinan dan menstrukturkan semula sosial dalam membentuk keseimbangan sosial dan ekonomi. Justeru, pembangunan dan pemodenan ATM adalah selaras dengan dasar pembangunan negara yang bergerak secara seiring yang memastikan pembangunan pertahanan dapat dicapai³⁵⁶.

4.4 Dasar Pertahanan Negara

Apa itu Dasar Pertahanan Negara (DPN)? Menurut Kementerian Pertahanan menyatakan :-

“Dasar Pertahanan Negara mencerminkan hasrat negara untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategiknya dan memelihara keselamatan negara. Dasar pertahanan menggariskan tiga asas utama, iaitu kepentingan-kepentingan strategik negara, prinsip-prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Ia menekankan keperluan mengekalkan persekitaran kawasan kepentingan strategik negara yang stabil dan aman³⁵⁷.”

Dasar Pertahanan Negara merupakan satu manifestasi matlamat yang bertanggungjawab untuk melindungi keselamatan dan kepentingan strategik sesebuah negara. Dalam konteks

³⁵⁶ Shahrudin Othman (2002). hlm 1-3

³⁵⁷ En. Sahipulhijaiman Sulaiman, Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual pada 11 Oktober 2014.

Malaysia, DPN telah menetapkan tiga asas utama iaitu kepentingan strategik negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan yang bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan. Kepentingan strategik negara adalah merangkumi tiga peringkat yang melibatkan kawasan dan sempadan terdekat yang terdiri daripada wilayah daratan, perairan negara, ruang angkasa, ZEE, Selat Melaka dan perairan, dan Selat Singapura. Manakala garisan laut dan udara pula adalah garisan yang menghubungkan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kepentingan strategik di peringkat rantau adalah wilayah rantau terdekat termasuk rantau Asia Tenggara serta Kepulauan Andaman dan Laut China Selatan yang mana sebarang ancaman ataupun perkembangan yang boleh menjejaskan kestabilan dan keamanan rantau Asia Tenggara memberikan kesan kepada keselamatan dan kestabilan negara. Begitu juga dengan kepentingan strategik di peringkat antarabangsa yang mana ketidakstabilan dan ancaman terhadap keamanan antarabangsa akan turut memberikan kesan kepada Malaysia. Menurut pendapat Salim Ahmad Miandad (2002) menyatakan:-

“The first comprehensive National Defence Policy was formulated in 1981 due to the 1979 MAF expansion programme. In 1986, it becomes National Defence Policy after being passed by the National Security Council of Malaysia³⁵⁸. It was reviewed in 1991 and was presented to Cabinet in 1993 for approval. Unfortunately, it was directed to be reviewed again..Currently the approved National Defence Policy of 1986 is still the policy used and adopted”³⁵⁹.

Dalam usaha memastikan keselamatan negara terjamin, Malaysia melalui Kementerian Pertahanan menetapkan untuk menaiktaraf pembangunan dan pemodenan ATM agar ATM mempunyai keupayaan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Malaysia terpelihara. Menurut Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (1995), terdapat beberapa pendekatan dalam DPN menyatakan :-

1. Malaysia akan menumpukan kepada konsep keselamatan yang bersifat komprehensif sama ada di peringkat dalaman negara (*domestic*) dan antarabangsa. Dalam aspek dalaman negara, kerajaan perlu membangunkan negara secara komprehensif dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan. Manakala bagi peringkat antarabangsa pula adalah memastikan kestabilan dan keamanan dikekalkan.

³⁵⁸ Abdul Razak Baginda (1995). *Malaysia's Defence & Foreign Policies*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication. hlm109

³⁵⁹ Salim Ahmad Miandad (2002). Op.Cit.hlm 32-35

2. Pendekatan ke dua pula ialah Malaysia mengutamakan kaedah diplomasi sebagai saluran pertama dalam pertahanan negara untuk menyelesaikan masalah dan memperkukuhkan hubungan dengan negara luar³⁶⁰.
3. Malaysia akan memberi kerjasama dan mematuhi ketetapan yang dibuat oleh PBB.
4. Malaysia juga menggalakkan sesi dialog mengenai keselamatan dan meningkatkan keyakinan *Confident Building Measure* (CBM) di kalangan negara serantau khususnya anggota ASEAN dalam memastikan kestabilan dan keamanan rantau³⁶¹.
5. Dalam memastikan CBM dipertingkatkan, Malaysia menggesa kepada keperluan satu mekanisme dalam pengurusan krisis seperti menubuhkan *General Border Committee* (GBC) bagi menyelesaikan masalah dan pertikaian di antara Malaysia dan Indonesia.
6. Malaysia menekankan keperluan kepada diplomasi pertahanan (*defence diplomacy*) bagi meningkatkan CBM di peringkat rantau dan antarabangsa
7. Malaysia juga mementingkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala dalam menjamin kestabilan dan keamanan seperti GBC, pertubuhan ASEAN dan FPDA.
8. Dalam usaha memastikan keselamatan Malaysia terjamin, pemodenan ATM akan terus dilakukan agar ia berupaya kekal mempertahankan dan melindungi kedaulatan negara³⁶².

Menurut Menteri Pertahanan, Mohd Najib Tun Razak (1993), matlamat ATM adalah untuk melindungi dan memelihara kedaulatan negara. Melalui pemodenan dan penyediaan kelengkapan pertahanan yang moden dan berteknologi tinggi, ia akan memastikan kestabilan

³⁶⁰ YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan (2014). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perutusan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Majlis Perutusan Menteri Pertahanan Tahun 2014. Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 25 Februari 2014. hlm 14


³⁶¹ M. Susan Pederson dan Stanley Weeks (1995). *A Survey of Confidence and Security Building Measures*. Dalam Ralph A. Cossa (ed). *Asia Pacific Confidence and Security Measures*. Washington D.C: CSIS. hlm. 85-86.

³⁶² Ketegasan Malaysia untuk memberikan komitmen kepada PBB dan Asean dapat dilihat dalam ucapan rasmi yang menjadi Dasar Pertahanan Malaysia dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat Markas Tentera Darat, Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 12 Disember 2014. Lihat juga sila rujuk dalam Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (2009). Teks Rasmi Ucapan Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Dalam Mahsuri International Exhibition Centre, Langkawi Kedah. 2 Disember 2009. hlm 2-4

dan keamanan negara dan rantau. Adalah menjadi amalan kepada sesebuah negara untuk berasa selamat apabila memiliki sistem dan memiliki kekuatan pertahanan yang baik³⁶³.

4.4.1 Kepentingan Kawasan Serantau

Gambarajah 4.7: Prinsip *Self-Reliance* Dalam Dasar Pertahanan Negara



Sumber : Diubahsuai daripada *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.1995.hlm 22³⁶⁴

³⁶³ Aspek ini turut disentuh oleh Dato Sri Mohd Najib Tun Razak, Menteri Pertahanan dalam Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges Of The Post Cold Era*. Kuala Lumpur: Malaysian International Affairs Forum. hlm 12-16. Juga Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 12 Disember 2014.

³⁶⁴ Di dalam dokumen rasmi, DPN yang dinyatakan tidak memiliki carta susun atur seperti dalam gambar rajah 8. Untuk memudahkan penjelasan dan keterangan maklumat ini telah letakan dalam carta susun atur ini disusun atau disebut "diubahsuai" mengikut keterangan yang terkandung dalam Dokumen Rasmi DPN dari *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.1995.hlm 22.

Dokumen rasmi DPN tidak memiliki carta susun atur seperti dalam gambarajah 4.7. Namun carta ini dibentuk dan disusun atur mengikut keterangan yang terkandung dalam dokumen rasmi DPN yang diterbitkan. DPN telah menggariskan beberapa aspek termasuk mengenai prinsip pertahanan *Self-Reliance*. Menurut Kementerian Pertahanan, kawasan kepentingan strategik negara dapat dilihat dari tiga lapisan iaitu kawasan terdekat, serantau dan global. Kawasan terdekat termasuk wilayah daratan, perairan negara, ruang angkasa, ZEE, Selat Melaka dan Selat Singapura selain jalur laluan perhubungan laut dan udara yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Kawasan serantau yang dianggap penting oleh Malaysia meliputi Asia Tenggara, Kepulauan Andaman dan Laut China Selatan. Malaysia melihat sebarang perkembangan di rantau Asia Tenggara memberikan kesan kepada keselamatan dan pembangunannya. Ini kerana Malaysia berkongsi sempadan darat atau laut atau kedua-duanya dengan hampir setiap negara anggota ASEAN. Sebarang ketidakstabilan kepada keselamatan rantau, sama ada berbentuk konflik dalaman rantau atau luaran rantau ia akan memberikan kesan ke atas keselamatan negara. Dengan adanya hubungan dagangan negara yang kian berkembang, adanya pasaran baru, peningkatan pelaburan asing yang bertambah dan pengambilalihan negara terhadap syarikat swasta yang memiliki kepentingan di seluruh dunia, menjadikan kepentingan Malaysia menjangkau luar dari kawasan terdekat dan serantau. Berdasarkan keadaan sedemikian, maka menjadi kepentingan Malaysia untuk memastikan keamanan negara, rantau dan antarabangsa dipelihara³⁶⁵.

4.4.2 Prinsip Pertahanan

Dalam pelaksanaan DPN, kerajaan dan ATM telah membangunkan prinsip pertahanan dalam usaha memastikan keselamatan negara terjamin dan meningkatkan pemodenan ATM. Prinsip pertahanan yang menjadi amalan ATM adalah prinsip pertahanan

³⁶⁵ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014 dan Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014 dari dokumen edaran Nota Percakapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mengenai "Dasar Pertahanan Negara *Executive Talk*" pada 18 Ogos 2014

Self-Reliance, prinsip pertahanan kerjasama Serantau (*Regional Cooperation*) dan prinsip pertahanan bantuan luar (*Foreign Aid*).

4.4.2.1 Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*

Pengalaman pengunduran Britain daripada AMDA pada tahun 1968 telah memberi kesedaran kepada Malaysia untuk bergerak mempertahankan negara dengan keupayaan sendiri. Ia telah memberikan kesedaran kepada kerajaan untuk tidak terlalu bergantung kepada bantuan luar dalam hal ehwal keselamatan negara seperti mana kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein yang menyatakan:-

“We (the nation) have to stand on our own two feet to defend our country. We must now rely on our own resources for the defence of our country”.³⁶⁶

Matlamat DPN agar Malaysia boleh berdikari dalam menghadapi ancaman serantau telah menjadikannya asas dalam pembangunan ATM semenjak tahun 1970-an. Prinsip ini secara umumnya telah memfokuskan kepada pembentukan angkatan pertahanan yang mampu *self-reliance* dalam melindungi keselamatan dan pertahanan negara secara berdikari dan mengelak daripada bergantung kepada bantuan asing. Menurut Shahrudin Othman (2002) yang menyatakan:-

“Malaysia, sebagai sebuah negara yang merdeka, telah menyedari bahawa pemeliharaan kepentingan nasional dan keselamatan yang terbaik dicapai melalui usaha ke arah keupayaan self-reliance yang merupakan teras dasar pertahanan negara. Prinsip ini menekankan Angkatan Tentera self-reliance dalam struktur sifat self-reliance negara. Ia tidak hanya melibatkan pasukan tempur tetapi juga rangkaian sokongan logistik cetusan kerjasama industri ketenteraan yang sejajar dengan keutamaan program pembangunan negara. Self-reliance dalam hal ini tidak harus terhad kepada usaha-usaha Angkatan Tentera tetapi juga harus melibatkan semua agensi-agensi berkaitan kerajaan dan rakyat”.

Melalui pelaksanaan prinsip *self-reliance* dalam DPN, keselamatan dan pertahanan negara dapat dilindungi dengan baik kerana ianya tidak bergantung kepada bantuan luar. Secara tidak langsung, Malaysia dapat menentukan keselamatan dan pertahanannya sentiasa

³⁶⁶ Chandran Jeshurun (1980). Op.Cit. hlm 126

terjamin apabila mempunyai kekuatan dalam aspek keupayaan dan kekuatan logistik yang memastikan barisan pertahanan dapat disediakan dengan kelengkapan yang mencukupi. Namun jumlah kuantiti aset ATM yang dimiliki adalah terhad³⁶⁷. ATM juga memperkenalkan konsep HANRUH merujuk kepada usaha yang total dan bersepadu yang diambil oleh kerajaan, agensi-agensi bukan kerajaan, sektor swasta dan rakyat untuk mempertahankan negara³⁶⁸. Sebagai sebuah negara yang bebas dan berdaulat, Malaysia menyedari bahawa langkah yang wajar untuk memelihara kepentingan dan keselamatan negara adalah melalui usaha ke arah keupayaan *self-reliance*. Prinsip ini memberi penekanan kepada keupayaan *self-reliance* angkatan tentera dalam struktur keupayaan *self-reliance* nasional. Ia tidak hanya melibatkan pasukan tempur tetapi juga rangkaian sokongan logistik melalui kerjasama industri pertahanan. Keupayaan *self-reliance* juga tidak hanya bergantung kepada usaha-usaha angkatan tentera semata-mata tetapi juga melibatkan semua agensi kerajaan, swasta dan rakyat³⁶⁹.

4.4.2.2 Prinsip Pertahanan Kerjasama Serantau

Oleh kerana kedudukan geografi Malaysia terletak di tengah Asia Tenggara, kepentingan strategik Malaysia turut membabitkan perkongsian dengan negara serantau yang lain. Keadaan ini menunjukkan keselamatan Malaysia adalah sebahagian daripada keselamatan negara anggota ASEAN yang lain. Dengan demikian, sebarang ancaman terhadap ASEAN atau ke atas mana-mana negara ASEAN dilihat sebagai ancaman kepada Malaysia. Keadaan ini telah mempengaruhi Malaysia untuk memberikan keutamaan kepada

³⁶⁷ DPN adalah asas kepada pembangunan pertahanan dan keselamatan negara. Maklumat ini turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

³⁶⁸ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014.

³⁶⁹ Sila rujuk dalam *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Op.cit.

kerjasama serantau sebagai prinsip pertahanan DPN³⁷⁰. Dalam konteks kerjasama serantau, Malaysia memberi sokongan terhadap mewujudkan hubungan kerjasama pertahanan dua hala di kalangan negara-negara ASEAN. Kerjasama pertahanan dua hala dengan negara ASEAN akan membantu dalam proses membina keyakinan dan menggalakkan ketelusan antara negara. Seiring dengan pendekatan ini, Malaysia memberikan penekanan ke arah perpaduan ASEAN untuk memastikan keamanan dikekalkan³⁷¹.

ASEAN ditubuhkan melalui persidangan yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin negara AT yang diadakan di Bangkok pada tahun 1967. Persidangan itu telah menghasilkan Pengistiharan Bangkok pada 8 Ogos 1967. Pengistiharan tersebut membawa kepada ASEAN³⁷². Persidangan Bangkok ini diwakili oleh Tun Abdul Razak (Timbalan Menteri Malaysia), Adam Malik (Menteri Luar Indonesia), Thanat Khoman (Menteri Luar Thailand), Narciso Ramos (Menteri Luar Filipina) dan S. Rajaratnam (Menteri Luar Singapura) yang telah berjaya membuat pengistiharan bersama yang secara langsung membawa kelahiran pertubuhan ASEAN. Pada awal penubuhannya, ASEAN telah dianggotai oleh lima buah negara Asia Tenggara iaitu Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina. Keahlian ASEAN bertambah dengan kemasukan negara seperti Brunei, Kemboja, Laos, Vietnam dan Myanmar dalam era 1980-an dan 1990-an. Setelah tamat Perang Dingin pada tahun 1991, keanggotaan ASEAN telah bertambah hasil daripada kemasukan negara komunis Indo-China. Vietnam telah memutuskan untuk menyertai ASEAN pada 23 Julai 1995 dan kemasukan ini turut mempengaruhi negara Indo-China lain untuk berbuat demikian di mana Laos telah menyertai ASEAN pada 1997, Myanmar dan Kemboja pada tahun 1999³⁷³.

³⁷⁰ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

³⁷¹ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

³⁷² China merupakan kuasa komunis yang mengecam penubuhan ASEAN dan mendakwa bahawa penubuhan ASEAN merupakan pakatan ketenteraan kuasa-kuasa barat yang mengamalkan dasar anti-China. Untuk keterangan lanjut sila lihat Khaw Guan Hoon (1977). *An Analysis Of China's Attitude Towards ASEAN 1967-1976*. Singapore: ISEAS. Singapore. hlm 6

³⁷³ Nasrudin Mohammed (2005). ASEAN Dan Pentadbiran, Ancaman Serantau. *Pemikir*. Bil. 41. Julai- September. hlm 103

Dalam Deklarasi Bangkok 1967, ASEAN memutuskan untuk mengamalkan dasar tidak campurtangan dan diikuti dengan Deklarasi Kuala Lumpur 1971 yang menghasilkan Zon Bebas Aman dan Berkecuali (ZOPFAN). Kerjasama ini diperkukuhkan dengan Perjanjian Kerjasama dan Persahabatan (TAC) pada 1976. Deklarasi Bangkok 1967 telah menunjukkan keinginan untuk membentuk kerjasama antara negara anggota berdasarkan perkongsian semangat ASEAN untuk memelihara keamanan serta kestabilan melalui penghormatan prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) pada 1971 diakui dan dipersetujui oleh semua negara anggota. TAC masih kekal menjadi pendekatan diplomatik serantau yang menyediakan mekanisme dan proses bagi penyelesaian secara damai tentang sesuatu pertelagahan dan pertikaian. Penyelesaian konflik Kemboja merupakan salah satu kejayaan diplomasi ASEAN yang berjaya menyelesaikan konflik secara aman. Ia merupakan salah satu kaedah ASEAN yang dikenali sebagai diplomasi penyelesaian atau *preventive diplomacy*. Menurut Allen Gyngell (1983) menyatakan :-

“The concept of ‘ASEAN Unity’ became, therefore, the primary way of demonstrating their resilience in the face of external threats”³⁷⁴.

Dalam memastikan keselamatan dapat dikekalkan di rantau Asia Tenggara, cadangan penubuhan Forum Serantau ASEAN (ARF) dicadangkan oleh Australia semasa *ASEAN Ministerial Meeting (AMM)* pada Julai 1990 di Jakarta³⁷⁵. Forum Serantau ASEAN (ARF) diadakan buat pertama kalinya dalam mesyuarat pada 25 Julai 1994 yang bersidang di Bangkok, Thailand³⁷⁶. ARF merupakan idea baru ASEAN hasil daripada persidangan kemuncak ke empat ASEAN dalam Deklarasi Singapura 1992³⁷⁷. Dalam Deklarasi ini, ASEAN cuba mewujudkan intensif dialog ASEAN dengan negara luar khususnya dengan negara-negara Asia Pasifik dalam aspek yang berkaitan dengan politik dan keselamatan. Melalui cadangan ini, ASEAN boleh menjadikan ARF sebagai saluran dalam menjalinkan

³⁷⁴ Allan Gyngell. (1983). Looking Outwards: ASEAN's External Relations. In Alison Broinowski (Ed.). *Understanding ASEAN*. London: Macmillan Press Ltd. hlm 116

³⁷⁵ M. Antolik (1994). The ASEAN Regional Forum: The Spirit Of Constructive Engagement. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 16. Bil. 2. September. hlm 118

³⁷⁶ Micheal Liefer (1996). The ASEAN Regional Forum. *Adelphi Paper*. Bil. 302. hlm 22

³⁷⁷ Zakaria Haji Ahmad (1995). Issues And Prospect In The Security Of Southeast Asia, *Agenda Magazine*. Vol.1. Bil. 1. September. hlm 31

hubungan politik dan keselamatan antara ASEAN dan Asia Pasifik. Malah ARF dapat dijadikan sebagai saluran kepada penyelesaian masalah, pertikaian dan ancaman keselamatan serta ancaman nuklear yang melibatkan negara anggota secara damai dan aman³⁷⁸.

Kemampuan dan keberkesanan ARF dapat dilihat melalui usaha yang diambil oleh negara anggota seperti mengadakan pembentangan dokumen keselamatan serantau, pengagihan pernyataan dasar pertahanan di antara negara anggota, pandangan ke atas dasar dan aspek pertahanan negara anggota, perlucutan senjata dan aktiviti keselamatan seperti menandatangani Perjanjian Pengharaman Ujian Nuklear Menyeluruh PBB pada 10 September 1995³⁷⁹ dan sebagainya. ARF telah dianggotai oleh 27 buah negara anggota. 10 buah negara darinya adalah dari negara anggota ASEAN iaitu Brunei, Singapura, Thailand, Burma, Kemboja, Malaysia, Indonesia, Laos, Filipina, dan Vietnam. Manakala 11 buah negara rakan dialog yang turut serta ialah European Union (EU), Australia, Kanada, China, India, Jepun, Korea Selatan, Korea Utara, New Zealand, Rusia, dan Amerika Syarikat. Papua New Guinea dan Mongolia juga terlibat dalam forum ini. Sebarang penyertaan negara baru sebagai anggota ARF, negara ini dituntut untuk menyumbangkan tenaga dan bertindak secara kolektif dalam semua perkara khususnya bagi mencapai matlamat dan objektif Forum Serantau ASEAN (ARF)³⁸⁰. Semua negara anggota perlu memberi perhatian kepada isu yang berkaitan keselamatan dan kestabilan politik khususnya rantau Asia Pasifik. Dalam persidangan ARF pada 1 Ogos 1995, telah ditegaskan bahawa perlunya penglibatan negara anggota secara aktif bagi memastikan objektif dan matlamat utama ARF dapat dicapai. Malaysia melihat *ASEAN Regional Forum* sebagai saluran yang dapat menyumbangkan keamanan dan kestabilan politik kepada rantau dan keselamatan Malaysia itu sendiri. Inisiatif ASEAN ini telah berjaya membawa bersama ahli untuk berkongsi pandangan mengenai masalah keselamatan yang melibatkan kepentingan bersama³⁸¹.

³⁷⁸ Michael Leifer (2001). *Dictionary Of The Modern Politics Of South-East*. London: Routledge. hlm 61-63.

³⁷⁹ Mohd Rashid Darham (1996). PPUNM Alat Kuasa-Kuasa Besar. *Dewan Masyarakat*. November hlm 44

³⁸⁰ Micheal Liefer (1996).Op.cit. hlm 31

³⁸¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan dalam Dasar Pertahanan Negara. *Perajurit*. Julai 2004.hlm 55-58

4.4.2.3 Prinsip Pertahanan Bantuan Luar

Bagi Malaysia, FPDA yang dianggotai oleh Singapura, United Kingdom, Australia, New Zealand dan Malaysia merupakan satu saluran untuk memperoleh bantuan luar. FPDA merupakan persefahaman dalam bentuk formal yang melibatkan Malaysia dengan negara kuasa luar rantau. FPDA telah menjadi saluran kepada Malaysia untuk membangun keupayaan pertahanan dengan bantuan negara rakan yang telah sekian lama menjalinkan hubungan pertahanan dengan Malaysia. Malaysia komited dengan pendirian bahawa FPDA masih relevan dan boleh menjadi aset pertahanan negara. Selain itu, Malaysia turut menjadikan PBB sebagai saluran untuk keselamatannya. Melalui PBB ia dapat meningkatkan hubungan antara negara dan meningkatkan aspek keselamatan Malaysia³⁸². Komitmen Malaysia terhadap PBB dapat dilihat melalui kesediaan Malaysia menyumbangkan 30,000 orang anggota tentera untuk berkhidmat di bawah PBB semenjak tahun 1960³⁸³. Ia secara tidak langsung meningkatkan imej dan status Malaysia sebagai negara yang sentiasa menggalakkan keamanan. Melalui hubungan ini, ia dapat menjadi cegahrintang kepada Malaysia untuk mengelakkan ancaman musuh. Konsep cegahrintang bertujuan untuk mengelakkan bakal musuh dari mengamalkan dasar yang bertentangan dengan langkah penyelesaian konflik secara aman. Ini memerlukan pelaksanaan strategi cegahrintang di samping usaha untuk membangunkan sebuah angkatan tentera yang memiliki keupayaan yang mantap untuk menghadapi peperangan. Ia bagi memastikan negara mempunyai keupayaan bagi menghalang sebarang tindakan kekerasan atau keganasan oleh pihak lawan³⁸⁴.

4.4.3 Konsep Pertahanan

Dalam usaha memastikan keselamatan dan kedaulatan negara dapat dipelihara dengan lebih berkesan, beberapa konsep pertahanan yang komprehensif telah diperkenalkan oleh

³⁸² Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (2009). Maklumat diperolehi daripada ucapan rasmi dalam Teks Rasmi Ucapan Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Dalam Mahsuri International Exhibition Centre, Langkawi Kedah. 2 December 2009. hlm 2-4

³⁸³ Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan (2014). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perutusan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Majlis Perutusan Menteri Pertahanan Tahun 2014. Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 25 Februari 2014. hlm 13

³⁸⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Dasar Pertahanan Negara. Op.cit.hlm 55-58

kerajaan. Justeru, kerajaan telah memperkenalkan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) dalam DPN yang menggabungkan elemen tentera dan bukan tentera dalam mencapai agenda mempertahankan keselamatan negara. Konsep pertahanan ini merupakan perubahan konsep tradisional yang menganggap bahawa keselamatan sesebuah negara bergantung kepada kemampuan pasukan dan agensi-agensi keselamatan sahaja. Konsep HANRUH adalah konsep keselamatan yang memperkembangkan tanggungjawab keselamatan di mana isu-isu berkaitan keselamatan tidak hanya terhad dipertanggungjawabkan kepada pasukan dan agensi keselamatan semata-mata sebaliknya ia melibatkan masyarakat untuk bersama-sama melindungi keselamatan dan mempertahankan negara³⁸⁵. Konsep ini diperkenalkan kerana :-

- a) Sumber negara yang terdiri daripada sumber asli dan semulajadi, kebendaan dan kemanusiaan adalah terhad. Sumber ini semakin berkurangan dan secara langsung akan memberi kesan kepada ancaman keselamatan kepada sesebuah negara.
- b) Kegiatan meningkatkan kekuatan ketenteraan tentera adalah terhad. Sekiranya peruntukan dan perbelanjaan ketenteraan yang berlebihan dilaksanakan ia akan menjejaskan pengagihan dalam peruntukan pembangunan negara yang lain. Keadaan menyebabkan negara menghadapi masalah khususnya sumber kewangan dalam menyediakan kekuatan pasukan keselamatan. Keadaan ini menunjukkan sesebuah negara tidak boleh bergantung kepada pasukan keselamatan semata-mata.
- c) Dari segi pasukan keselamatan itu sendiri, di mana objektif pasukan keselamatan adalah untuk mencapai objektif politik. Ketenteraan juga merupakan salah satu elemen politik sesebuah negara. Ini menunjukkan kuasa tentera turut digunakan dalam pencapaian matlamat politik dan ia secara langsung akan mengundang ketidakstabilan dan ancaman keselamatan.
- d) Ketidakstabilan politik dalaman seperti kekacauan atau pemberontakan akan secara langsung memberi kesan kepada prestasi keselamatan negara. Ini kerana sesebuah negara akan menggunakan pasukan keselamatan dalam membendung perebakan

³⁸⁵ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014 dari dokumen edaran Nota Percakapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mengenai "Dasar Pertahanan Negara *Executive Talk*" pada 18 Ogos 2014.

pemberontakan dan ia akan melonggarkan kekuatan pertahanan sesebuah negara. Situasi ini menyebabkan pasukan keselamatan terpaksa memikul tanggungjawab untuk menghadapi dua ancaman pada masa yang sama. Sekiranya situasi ini dieksploitasi oleh kuasa luar, ia dapat meruntuhkan sesebuah negara.³⁸⁶

Konsep HANRUH telah diamalkan oleh banyak negara seperti Sweden³⁸⁷, Denmark, Finland, Singapura, Indonesia³⁸⁸, Switzerland dan sebagainya yang dikenali sebagai *total defence*. Walaupun berbeza dari segi pendekatan namun tujuannya adalah sama iaitu menggembelng semua aset dan kekuatan negara dari segi ekonomi, sosial, politik, psikologi dan pertahanan awam di samping sistem pertahanan ketenteraan bagi mengukuhkan sistem pertahanan negara³⁸⁹. Kerajaan melihat HANRUH sebagai konsep bagi melengkapkan dan memantapkan prinsip pertahanan *self-reliance* dalam DPN. Menurut Hamzah Dollah (2006) menyatakan :-

“HANRUH boleh diterjemahkan sebagai pasukan yang mengkuar kacirkan sekali gus melemahkan pasukan kecil musuh yang sudah bertapak atau menawan tanah air. Maksudnya mungkin pada satu ketika kekuatan ketumbukan ATM tidak berjaya menghalang kehadiran angkatan tentera musuh dalam kekuatan yang ramai sekali gus tanah air ditawan. Pada masa ini kekuatan musuh akan dkecilkan untuk memenuhi penempatan yang menyeluruh di seluruh negeri. Waktu sebeginilah peranan komuniti bukan tentera yang telah dilatih sebelum ini menjalankan aktiviti sabotaj dan sebagainya. Inilah konsep HANRUH yang diperkenalkan oleh pihak tertinggi ATM dalam usaha untuk memperkasakan pertahanan”³⁹⁰.

Konsep pertahanan HANRUH berkait dengan usaha total dan bersepadu yang dilaksanakan oleh kerajaan, agensi bukan kerajaan, sektor swasta dan rakyat dalam mempertahankan negara. Pemeliharaan keutuhan dan kedaulatan Malaysia memerlukan

³⁸⁶ Ibid

³⁸⁷ Konsep *Total Defence* adalah doktrin yang telah diamalkan semenjak 1901 lagi sebagai doktrin pertahanan negara moden yang telah mula diaplikasikan di Sweden yang mewartakan *Total Defence Act*. Keterangan mengenai sejarah dan pengaplikasian konsep *total defence* di Malaysia dapat dirujuk dalam Mohd Zackry Mokhtar (2006). *Total Defence: Usaha Kolektif Memperkasa Pertahanan Negara*. *Perajurit*. Jun.hlm 38-43

³⁸⁸ Konsep *Total Defence* turut dilaksanakan oleh Indonesia yang memfokuskan peranan tentera dan bukan tentera dalam mempertahankan keselamatan negara yang dikenali sebagai ‘Sishanta’ (Pertahanan Negara Bersifat Semesta). Faktor sejarah penentangan penjajahan barat iaitu Belanda telah menjadi elemen sejarah yang menjadi tulang belakang aplikasi strategi Sishanta.

³⁸⁹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Azman Abdul Razak (2009). *Op.cit* hlm 17

³⁹⁰ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Hamzah Dolah (2006). *Op.Cit*.hlm 52

komitmen semua lapisan rakyat dan tidak hanya oleh angkatan Tentera³⁹¹. Konsep pertahanan HANRUH adalah strategi yang melibatkan tanggungjawab golongan tentera dan bukan tentera dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Walaupun tugas mempertahankan negara merupakan tanggungjawab pasukan keselamatan, namun kewajipan untuk memastikan bahawa pasukan berkenaan mampu menghadapi cabaran adalah tanggungjawab nasional. Konsep pertahanan HANRUH merangkumi beberapa aspek penting seperti pertahanan angkatan tentera, pertahanan ekonomi, pertahanan sosial, pertahanan awam dan psikologi³⁹². Dalam aspek pertahanan angkatan tentera, tanggungjawab barisan pertama dalam pertahanan melibatkan ATM. Justeru, pembangunan ATM memerlukan pembangunan yang besar yang bukan hanya tertumpu kepada anggota tetap semata-mata sebaliknya ia turut melibatkan pasukan simpanan, polis dan separa tentera. Dalam aspek pertahanan ekonomi, aspek ketahanan ekonomi adalah faktor yang memastikan keutuhan keselamatan dan kedaulatan negara. Dalam aspek pertahanan sosial pula, ianya melibatkan masyarakat untuk bersama-sama menjaga kestabilan dan perpaduan kaum agar dapat melindungi keselamatan negara. Masyarakat juga perlu memiliki semangat patriotisme dan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan yang tinggi agar dapat bersama membantu ATM melindungi negara. Dalam aspek pertahanan awam pula, pihak agensi, kerajaan dan swasta perlu memikul tanggungjawab dan mengambil pelbagai dasar untuk memastikan tanggungjawab memelihara keselamatan dan pertahanan negara dikongsi secara bersama. Dalam aspek pertahanan psikologi, masyarakat perlu memiliki ketahanan, keyakinan, semangat dan kekuatan mental yang tinggi dalam menghadapi pelbagai cabaran. Semangat nasionalisme perlu dipupuk mampu menghadapi apa jua keadaan termasuk peperangan.

HANRUH adalah lanjutan daripada pelaksanaan strategi KESBAN yang membabitkan keselamatan yang komprehensif dengan penglibatan masyarakat awam dalam aspek keselamatan dan pembangunan semenjak tahun 1970³⁹³. Justeru, pada Mei 1986

³⁹¹ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (September 1997). Dasar Pertahanan Menyeluruh. *Perajurit*. September. hlm 8

³⁹³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Liew Shan Lee (2007). Op.Cit. hlm 38

kerajaan telah memperluaskan KESBAN sebagai HANRUH. Antara ciri paling jelas pelaksanaan konsep HANRUH ialah pengaktifan pasukan keselamatan dan pertahanan awam simpanan (kerahan dan sukarela) dalam setiap organisasi yang berkaitan³⁹⁴.

*“HANRUH adalah konsep Total Defence versi Malaysia yang diperkenalkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada Mei 1986 bagi merangka strategi pertahanan yang konkrit dan menyeluruh...HANRUH menekankan penggunaan sumber manusia yang efisien, kemantapan ekonomi, tindakan bersepadu daripada semua agensi kerajaan serta mengadakan hubungan serantau dan antarabangsa yang baik sebagai strategi memelihara keutuhan dan kedaulatan negara setiap masa.”*³⁹⁵

Konsep *total defence* yang diamalkan oleh Malaysia adalah konsep yang menggabungkan unsur material dan bukan material termasuk semangat patriotisme dan nasionalisme rakyat dalam mempertahankan negara. Justeru konsep HANRUH adalah melibatkan semua cabang perkhidmatan keselamatan dan pertahanan kerajaan serta rakyat (pasukan pertahanan sukarela) sebagai aset strategik Malaysia. Secara langsung ia telah mewujudkan sistem cegahrintang kepada Malaysia untuk mengelakkan ancaman daripada musuh.

*“Taking cognisance of Malaysia’s strategic interests and the fundamentals of its defence policy, the MAF drew up a comprehensive strategy to achieve the aspirations envisaged by the nation in terms of defence. Hence, in this respect the concepts of forward defence, deterrence and total defence have been adopted as the defence strategy... The concept of total defence would further enhance and complement self-reliance”*³⁹⁶.

Di bawah HANRUH telah dinyatakan beberapa komponen yang terkandung seperti kesiapsiagaan keselamatan yang menjelaskan mengenai keperluan tentera, polis dan agensi keselamatan melindungi keselamatan awam di samping mempunyai anggota keselamatan yang terlatih, mahir, bermotivasi dan bersedia menghadapi sebarang ancaman³⁹⁷. Di bawah komponen ini, ia menerangkan mengenai angkatan tentera tetap yang dibantu oleh angkatan simpanan dan sukarela yang besar. Angkatan pertahanan ini perlu mempunyai tahap

³⁹⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Mohd Zackry Mokhtar (2006). Op.cit. hlm 38-43

³⁹⁵ Ibid. hlm 43

³⁹⁶ Salim Ahmad Miandad (2002). Op.Cit.hlm 32-35

³⁹⁷ Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB Timbalan Menteri Pertahanan Sempena Perasmian Sidang Komander Askar Wataniah Siri 19/2009 Bertempat Di Hotel Marriot IOI Resort, Putrajaya pada 23 Mei 2009. hlm 3-8

kemampuan dan keupayaan yang tinggi dalam aspek peperangan konvensional dan peperangan *asymmetric*. Selain itu, penyatuan dan perpaduan masyarakat yang diberi penekanan agar masyarakat hidup bersatu padu tanpa mengambil kira perbezaan kaum, agama dan bangsa. Aspek integrasi kaum adalah penting bagi memastikan HANRUH dapat dijayakan. Strategi ini memerlukan kesiapsiagaan awam yang membawa maksud kesediaan agensi awam, pihak swasta, pertubuhan sukarela dan orang awam memberi sumbangan dalam melindungi nyawa dan harta benda ketika berlaku peperangan³⁹⁸.

Di bawah HANRUH juga aspek keutuhan ekonomi ditekankan di mana kerajaan dan swasta perlu berganding bahu serta bersatu padu untuk memastikan kekuatan dan kemampuan ekonomi terus bergerak ketika aman agar dapat membantu memenuhi keperluan ketika menghadapi krisis atau peperangan. Aspek keutuhan psikologi pula bermaksud kekuatan mental dalam memberikan komitmen terhadap keselamatan negara dan keyakinan yang tinggi terhadap kedaulatan negara. Ia memastikan rakyat mempunyai ketahanan psikologi yang tinggi dalam menghadapi cabaran dan ancaman³⁹⁹.

“As the self-reliance is the core of the National Defence Policy, the MAF has adopted a strategy encompasses this core matter—‘self-reliance’. In defence self-reliance, the MAF has to build capabilities and force structure to meet the requirement as to provide security and defence of Malaysia. The strategies adopted are to fully utilise the force and capabilities that the MAF possess. Besides that comprehensive strategy and tactics adopted in the defence of the country has to be planned and incorporated with all the other government agencies and private sectors so as to give a bigger ‘punch’ in any actions taken later”⁴⁰⁰.

Pada Oktober 2000, Malaysia telah memperkembangkan strategi pertahanan dengan menggunakan kemampuan pertahanan negara iaitu cegahrintang (*deterrence*), diplomasi pertahanan (*defence diplomacy*) dan pertahanan ke hadapan (*forward defence*). Bagi memastikan semua strategi ini berjaya dicapai, ia memerlukan pembangunan dalam ATM dan keupayaan ATM perlu ditingkatkan bagi memastikan negara mampu menangani

³⁹⁸ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperoleh daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Lihat juga Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (2014). Teks Rasmi Ucaptama Y.Bhg PTL Sempena Hari Inovasi TLDM 2014. Kementerian Pertahanan pada 8 Mei 2014. hlm 2-3

³⁹⁹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Azman Abdul Razak (2009). Op.Cit. hlm 20-22

⁴⁰⁰ Salim Ahmad Miandad (2002). Op.Cit. hlm 28-31

sebarang ancaman daripada musuh. Keupayaan ATM dalam cabang perkhidmatan darat, laut dan udara serta perisikan perlu ditingkatkan agar dapat menghadapi sebarang ancaman di mana-mana bahagian wilayah negara. Strategi diplomasi pertahanan pula adalah dengan menggunakan saluran diplomasi dalam menyelesaikan sebarang masalah atau konflik melalui kerjasama dan diplomasi ketenteraan sama ada secara dua hala, pelbagai hala dan serantau.

4.4.3.1 Strategi Cegah Rintang

Strategi cegahrintang yang diperkenalkan kerajaan dan ATM adalah untuk meningkatkan keupayaan dan menggalakkan negara yang berpotensi memberikan ancaman untuk menyelesaikan masalah secara aman tanpa mengambil pendekatan kekerasan. Strategi cegahrintang ini adalah bergantung kepada keupayaan ATM untuk memberikan kesan dan tindak balas secara efektif kepada musuh agar tidak mengambil tindakan atau membatalkan hasrat untuk melakukan kekerasan atau mengancam keselamatan Malaysia⁴⁰¹. Dalam proses memastikan strategi cegahrintang Malaysia berjaya, aspek pembangunan dan pemodenan keupayaan ATM perlu dibangunkan dengan efektif. Justeru, proses ini akan bergantung kepada kedudukan ekonomi negara dan kestabilan politik dalaman negara agar dapat menjana dana kewangan atau sumber pertahanan kepada negara⁴⁰². Kedudukan ekonomi yang tidak stabil akan memberikan kesan yang besar bukan sahaja kepada bidang ekonomi dan sosial tetapi turut memberikan kesan kepada pembangunan pertahanan.

4.4.3.2 Strategi Pertahanan Kehadapan

Strategi pertahanan kehadapan (*forward defence*) adalah dirujuk kepada atur gerak strategik sesebuah ketenteraan di luar kawasan sempadan sesebuah negara dalam usaha

⁴⁰¹ Ibid

⁴⁰² Pembangunan ATM dan dasar pertahanan adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi negara. Maklumat ini turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam sesi temubual Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

menangani sesuatu konflik. Strategi ini mengutarakan tindakan sesebuah ketenteraan mempertahankan wilayahnya di luar sempadan negara. Strategi pertahanan ini memerlukan pembangunan ketenteraan yang pesat dalam memastikan keupayaan ATM untuk melaksanakan operasi di luar sempadan. Walaupun dasar luar Malaysia mengamalkan dasar tidak campurtangan ke atas negara lain dan mengutamakan penyelesaian konflik secara diplomasi dan aman, strategi ini adalah satu bentuk strategi dalam mempertahankan negara. Pelaksanaan strategi pertahanan ke hadapan ini bukan sahaja dapat dilaksanakan dalam konteks strategi pertempuran, sebaliknya ia dapat diaplikasikan dalam proses pembangunan ketenteraan agar ke hadapan dalam pemilikan kelengkapan yang terkini. Ini bermaksud, ATM perlu sentiasa membangunkan keupayaannya dalam pelbagai aspek pertahanan agar seiring dengan perkembangan teknologi ketenteraan semasa. Aspek pembangunan ATM dalam teknologi, logistik, kuasa tembakan, mobiliti, RMA, strategi dan doktrin, industri pertahanan dan sumber pertahanan dan sebagainya perlulah dibangunkan dengan pesat agar dapat memastikan negara dapat melindungi keselamatannya secara berdikari.

“...Malaysia’s geographical configuration required Malaysia to make considerable military effort to defend herself against external attacks, truly needing a forward defence with a powerful navy and airforce to neutralise every military pressure...”⁴⁰³”

4.4.3.3 Strategi Diplomasi Pertahanan

DPN Malaysia juga turut mengamalkan strategi diplomasi pertahanan sebagai strategi pertahanan. Strategi diplomasi telah menjadi sebagai “*diplomacy is Malaysia first line defence*”⁴⁰⁴. Ini kerana melalui diplomasi, Malaysia dapat mencipta satu bentuk kaedah penyelesaian konflik dan kaedah membendung (*preventive*) konflik yang mampu menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Ini kerana ancaman keselamatan negara turut melibatkan ancaman daripada pencerobohan luar sempadan khususnya dari individu, kumpulan atau negara luar terhadap Malaysia. Konsep pembendungan konflik dan diplomasi ini dapat dilihat dalam kes pertindihan sempadan seperti tuntutan hak pelbagai negara ke atas

⁴⁰³Tim Huxley dan Rahman Koya (1996). Malaysia’s Armed Forces In The Late 1990s: Aiming For Credible Conventional Capability. *Asian Defence Journal*. April.hlm 62

⁴⁰⁴Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Malaysia’s Defence Policy Perspective. *Sorotan Darat*. Jil 2. Bil 25. Ogos. 1994.

Kepulauan Spratly yang melibatkan enam buah negara termasuk kuasa besar China⁴⁰⁵. Malaysia sememangnya menyedari tuntutan sempadan ke atas Kepulauan Spratly ini mampu membawa konflik yang lebih besar kerana terdapat negara yang terlibat seperti China, Vietnam dan Filipina yang pernah terbabit dalam konflik bersenjata seperti mana dalam kes tuntutan hak ke atas Kepulauan Spratly. Malah kuasa besar China pernah menggunakan dasar dan kaedah kekerasan ketenteraan dalam tuntutan. Justeru, bagi memastikan krisis ini tidak merebak kepada konflik bersenjata antara negara, Malaysia telah memilih untuk menggunakan kaedah diplomasi secara aman dan mengadakan kerjasama secara bilateral dan multilateral bagi memastikan konflik ini dapat dibendung, secara tidak langsung dapat memastikan keselamatan dan kedaulatan negara dapat dilindungi. Kaedah diplomasi dan *preventive diplomacy* ini pernah digunakan ke atas konflik etnik yang berlaku di Selatan Filipina dan Selatan Thailand yang telah memberikan ancaman keselamatan kepada Malaysia. Konflik yang berlaku di Selatan Filipina dan Selatan Thailand ini telah menyebabkan Malaysia dijadikan salah satu destinasi untuk menyelamatkan diri oleh pelarian. Keadaan ini menyebabkan Malaysia terpaksa menerima kesan negatif yang menggugat keselamatan Malaysia dan dikaitkan terbabit dalam konflik di negara terbabit. Justeru itu, dalam memastikan konflik yang berlaku di luar sempadannya dapat dihapuskan dan dapat melindungi keselamatannya, Malaysia telah menawarkan diri sebagai orang tengah dalam penyelesaian konflik. Kaedah ini merupakan kaedah *preventive diplomacy* yang dilakukan oleh Malaysia agar ianya tidak mengancam keselamatan negara.

4.5 Pembangunan Dasar dan Pertahanan *Self-Reliance* Malaysia

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, DPN adalah berlandaskan dasar luar negara (*foreign policy*) selepas kemerdekaan. Ia berasaskan dasar luar yang diamalkan oleh penjajah (British) yang mengamalkan anti komunis. Ia adalah selaras dengan dasar yang diamalkan British semenjak 1948-1960 di mana British telah menumpukan usaha untuk menghapuskan komunis termasuk melaksanakan undang-undang darurat sehingga tahun 1960. Penubuhan AMDA pada tahun 1957 juga adalah satu perjanjian yang menjadi teras

⁴⁰⁵ Sumathy Permal (2012). Preventive Diplomacy In The South China Sea: Malaysia's Perspective. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 3. Bil. 1. hlm 16 - 44

sokongan dasar pertahanan British kepada Tanah Melayu. DPN selepas era kemerdekaan adalah berteraskan kepada dasar luar yang diamalkan dan dipengaruhi oleh British yang mengamalkan anti komunis. Pada ketika ini angkatan tentera Tanah Melayu telah memberikan penumpuan terhadap penghapusan gerakan komunis dengan pelbagai operasi ketenteraan termasuk pelaksanaan undang-undang darurat sehingga tahun 1960. Dalam masa yang sama, usaha melindungi keselamatan Tanah Melayu telah diperkembangkan dengan perjanjian pertahanan AMDA pada tahun 1957. Perjanjian ini menunjukkan dasar kerajaan Tanah Melayu yang bersedia untuk bekerjasama dengan British bagi menentang gerakan komunis. Keadaan ini telah mempengaruhi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman meneruskan dasar anti komunis dan berusaha membasmi pemberontakan komunis di Malaysia⁴⁰⁶. Namun pada tahun 1962 iaitu dua tahun selepas penarikan balik undang-undang darurat, parlimen telah mencadangkan untuk menguatkan ATM dan memperluaskan peranan untuk membantu pihak polis dalam memelihara dan menjaga keselamatan negara daripada ancaman dalaman dan luaran. Cadangan ini dikenali sebagai *Dynamo Plan*, namun ia gagal dilaksanakan apabila dikritik dan ditolak oleh British kerana melibatkan kos yang besar di luar kemampuan Tanah Melayu⁴⁰⁷.

Tugas ATM antara tahun 1963-1968 bukan hanya menghadapi ancaman komunis dan menjaga keselamatan Semenanjung Tanah Melayu sebaliknya ia turut membabitkan Sabah dan Sarawak berikutan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. ATM juga bertanggungjawab bagi menjaga keselamatan dan pertahankan kawasan perairan yang merangkumi perairan Selat melaka, Laut China Selatan sehingga ke Andaman⁴⁰⁸. Malah dalam tempoh ini, peranan ATM semakin berkembang apabila tercetusnya konflik konfrantasi Malaysia-Indonesia (1963-1965). Ancaman dari luar sempadan negara ini telah mempengaruhi kepimpinan negara untuk mengusulkan penambahan peruntukan perbelanjaan dan membuat pembelian kelengkapan pertahanan yang

⁴⁰⁶ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Dan Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014.

⁴⁰⁷ Chandran Jeshurun (1980) Op.cit.hlm11-17

⁴⁰⁸ Dzirhan Mahadzir (2015). Closer And Closer: South East Asian Defence Cooperation. *Asian Military Review*. Vol 23.Bil 6. Oct 44-52

lebih baik dalam memastikan keberkesanan ATM melindungi keselamatan negara pada Disember 1964⁴⁰⁹. Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan Pelan Maiden yang menyatakan keselamatan negara adalah tanggungjawab kepada semua kementerian dan bukan hanya terletak kepada ATM semata-mata. Perancangan ini dipengaruhi oleh ancaman PKM dan ancaman luaran yang melibatkan konfrantasi Malaysia-Indonesia dan tindakan Singapura yang bertindak keluar dari Malaysia pada tahun 1965. DPN turut berkembang apabila kerajaan telah bercadang untuk menghasilkan Kertas Putih Pertahanan yang berteraskan memelihara kemakmuran, keamanan, kedaulatan dan berkecuali serta menggunakan pendekatan penyelesaian konflik secara kolektif dan aman. Cadangan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kerjasama Asia Pasifik di Seoul pada tahun 1966, namun cadangan tersebut gagal menghasilkan Kertas Putih DPN.

Pembangunan DPN dan ATM telah menghadapi masalah apabila pihak British telah mengambil keputusan untuk menamatkan perjanjian AMDA pada 10 dan 11 Jun 1968. Penamatan perjanjian ini secara langsung memberikan kesan kepada aset dan kekuatan ATM dalam menghadapi ancaman keselamatan. Selain itu, keadaan politik dalaman yang tidak stabil akibat rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah memaksa kerajaan Malaysia melaksanakan undang-undang darurat. Keadaan ini mempengaruhi Malaysia dengan mengambil keputusan mengamalkan strategi pertahanan *self-reliance* dalam DPN kerana pergantungan aspek keselamatan sepenuhnya kepada negara luar iaitu Britain tidak memberikan jaminan kepada Malaysia dalam aspek pertahanan. Menurut Salim Ahmad Miandad (2002) :-

*“The race riot of May 1969, the British withdrawal from Malaysia which denotes the beginning of self-reliance strategy...Developments during 1968–1971, when the British eventually left, and with the no firm commitment in assisting Malaysia’s defence, Malaysia resorted to self-reliance strategy”*⁴¹⁰

Semenjak tahun 1970, pembangunan DPN telah melalui fasa yang dikenali sebagai fasa *self-reliance*. Keputusan kerajaan untuk memberikan perhatian dalam membangunkan pertahanan *self-reliance* dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pengajaran daripada

⁴⁰⁹ Ibid

⁴¹⁰ Salim Ahmad Bin Miandad (2002). Op.cit.hlm 28-31

tindakan kerajaan Britain yang menarik diri atau menamatkan perjanjian AMDA pada tahun 1968 yang sebelum ini menjadi kekuatan pertahanan Malaysia dan keupayaan ATM. Walaupun AMDA mencapai kegagalan, kerjasama negara anggota AMDA berjaya mencadangkan penubuhan FPDA pada tahun 1969. Idea penubuhan FPDA ini telah ditentang oleh Indonesia, namun pihak Britain bersetuju untuk menubuhkan FPDA pada tahun 1971⁴¹¹ sebagai kerjasama pertahanan yang longgar dan berbentuk persefahaman untuk saling membantu tetapi tidak sebagai perjanjian konkrit yang memberi jaminan untuk saling membantu sekiranya berlaku peperangan. Keadaan ini mempengaruhi Malaysia untuk mengambil keputusan untuk membangunkan ATM dan melaksanakan dasar pertahanan *self-reliance* agar dapat memastikan negara dapat melindungi keselamatannya sendiri⁴¹².

Prinsip pertahanan *self-reliance* di Malaysia diperkembangkan dengan mewujudkan industri pertahanan semenjak tahun 1970-an. Kerajaan turut memperluaskan ketumbukan angkatan tentera dengan meningkatkan jumlah anggota tetap yang mencapai 12,000 orang anggota tetap dan 6,000 tentera simpanan dan dibahagikan kepada dua briged, tujuh batalion infantri, dua rejimen peninjau dan beberapa unit logistik. Dalam memastikan kestabilan dalaman negara, kerajaan telah mengambil langkah untuk melaksanakan strategi Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) pada tahun 1970 yang bermatlamat untuk mewujudkan keselamatan dan pembangunan serta pembasmian gerakan komunis. Ini kerana PKM sering menjadikan kawasan luar bandar sebagai pusat kekuatan PKM (*center of gravity*) di mana kawasan luar bandar berfungsi menyalurkan kemudahan kepada gerakan gerila PKM. Melalui KESBAN, pembangunan kawasan luar bandar dalam aspek ekonomi dan sosial dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kerajaan, taraf hidup masyarakat akan meningkat dan seterusnya dapat mencipta keyakinan terhadap kerajaan dan membantu menghapuskan gerakan PKM. Justeru, faktor insurgensi⁴¹³ PKM (1948-1989)

⁴¹¹ Peter Lewis Young (1997). The Five Power Defence Arrangement, A Review. *Asian Defence Journal*. Mei. hlm 5

⁴¹² Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Aishah Ismail (2002). TD Menentang Insurgensi Komunis. *BTDM*. Bil 144 Jan. hlm 16

⁴¹³ Peperangan evolusionari adalah peperangan yang dilancarkan oleh golongan bukan tentera tetap yang bermatlamatkan untuk mewujudkan sesuatu perubahan terhadap organisasi politik, struktur masyarakat, penguasaan dan pemilikan sumber ekonomi negara serta sistem sosial yang diamalkan oleh masyarakat semasa. Ia adalah taktik yang digunakan oleh pihak yang berkepentingan tetapi tidak memegang kuasa politik dan bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan yang telah dipilih oleh sesebuah masyarakat semasa. Manakala insurgensi merupakan kaedah melaksanakan peperangan revolusionari yang dijalankan oleh golongan yang menentang kerajaan dalam membawa perubahan terhadap '*status quo*' sesebuah kerajaan yang telah dipilih oleh sesebuah masyarakat. Sebagai contoh,

telah mempengaruhi pelan perancangan dan pembangunan ATM dalam pelbagai aspek seperti strategi, dasar, doktrin dan struktur ATM⁴¹⁴.

“Kerajaan perlu mempunyai satu rancangan yang menyeluruh. Rancangan bukan sahaja meliputi keselamatan dan gerakan militari tetapi merangkumi aspek politik, sosial ekonomi, pentadbiran, polis dan lain-lain perkara yang ada kaitannya dengan perang insurgensi”⁴¹⁵.

Perlaksanaan KESBAN dilaksanakan melalui Rancangan Brigg yang berjaya memisahkan hubungan dan identiti antara masyarakat dengan pemberontak. Rancangan Brigg bukan sahaja melibatkan masyarakat tetapi turut melibatkan agensi kerajaan dengan penyusunan semula bidang tugas agar tidak berlaku pertindihan dan usaha mewujudkan keselamatan dapat dijalankan. Usaha menjalankan penstrukturan semula masyarakat dan agensi telah dilakukan melalui arahan pertama pada 16 April 1950 bagi menubuhkan *Federal War Council* (Majlis Peperangan Persekutuan) dan *State and Settlement War Executive* bagi peringkat negeri. *Federal War Council* adalah sebuah majlis yang dianggotai oleh Pengarah Gerakan, Ketua Setiausaha, Pegawai Pemerintah Udara, Pesuruhjaya Polis, Setiausaha Pertahanan dan Pengarah Perisikan. *Federal War Council* akan bertanggungjawab terhadap dasar dan sumber pertahanan yang akan dilaksanakan. Peringkat negeri (*State and Settlement War Executive*) diketuai oleh Menteri Besar, Penasihat British, Pegawai Kanan Angkatan Tentera, Ketua Polis Negeri dan seorang Setiausaha sepenuh masa.

Semenjak mencapai kemerdekaan, usaha menerapkan strategi KESBAN telah dilakukan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) serta dibantu oleh Majlis Negara. Majlis Keselamatan dan pembangunan di peringkat negeri pula dikenali sebagai Jawatankuasa Keselamatan Negeri (SSEC) dan Jawatankuasa Pembangunan Negeri (SEDC) yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk polis dan tentera. SSEC dan SEDC

irsujensi Parti Komunis Malaya (PKM) terhadap pihak kerajaan Malaysia ketika 1948-1989. Manakala peperangan menentang irsujensi (*counter-insurgency*) merupakan taktik peperangan yang digunakan oleh kerajaan untuk menentang kegiatan insurgensi.

⁴¹⁴Untuk melihat strategi dan taktik PKM menjalankan kegiatan insurgensi dan usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan sebagai counter-insurgensi. Sila rujuk Zulhilmi Paidi (2003). *Propaganda Dan Perang Saraf: Meninjau Pengalaman Darurat 1948-1960 di Tanah Melayu*. Dalam Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar (Edt). *Hubungan Luar Antarabangsa*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. hlm 194-221

⁴¹⁵ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (1997b).Op.cit. hlm 6

di peringkat negeri ini dipengerusikan oleh Menteri Besar dan turut dianggotai oleh semua agensi negeri manakala di peringkat daerah, ianya dipengerusikan oleh pegawai Daerah. Bagi Sarawak pula telah ditubuhkan *Regional Area Security Command (RASCOM)* yang ketua oleh Pengarah Gerakan dan dibantu oleh Ketua Eksekutif Kanan (CEO) yang melibatkan orang awam dan pegawai tentera. Di bawah CEO ini, terdapat tiga division iaitu *Civilian Division Staff, Police Division Staff dan Military Division Staff* yang bertanggungjawab melaporkan mengenai kegiatan subversif. Melalui strategi KESBAN, pendekatan untuk menyelaraskan pelan perancangan pembangunan ekonomi yang seimbang diwujudkan bagi mengurangkan jurang ekonomi khususnya di kawasan pedalaman agar dapat mematahkan pergerakan PKM yang sentiasa menjadikan kawasan mundur sebagai kawasan mendapatkan bantuan dan sokongan. Peranan ATM semakin berkembang dengan pengishtiharan peta baru Pelantar Benua Malaysia pada 21 Disember 1979 dan pengishtiharan ZEE Malaysia yang merangkumi 200 batu nautika dari pinggir pantai pada 25 April 1980.

Semenjak tahun 1980, kerajaan Malaysia memberikan fokus membangunkan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat yang dapat memperkukuhkan pertahanan negara. Manakala fokus ATM pula adalah berperanan menentang insurgensi PKM. Kerajaan juga mengambil pendekatan untuk melakukan pembesaran ATM dari sudut keanggotaan, struktur organisasi, kenderaan perisai dan kuasa tembakan di bawah program pembangunan ATM. Kekuatan TDM diperkukuhkan yang mana TDM menjadi barisan hadapan dalam membasmi gerakan gerila komunis. Bagi TUDM dan TLDM pula, peranannya adalah menyokong operasi angkatan tentera darat. Fokus pembangunan pertahanan *self-reliance* telah diteruskan dengan memperkembangkan industri pertahanan walaupun terpaksa menghadapi gerakan PKM⁴¹⁶. Dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Industri Pertahanan (DIP) pada tahun 1982 dalam Rancangan Malaysia Ketiga⁴¹⁷. Industri pertahanan disasarkan untuk menjadi tulang belakang agar Malaysia mempunyai keupayaan untuk bergantung pada diri sendiri dalam menangani sebarang ancaman. Dalam fasa pembangunan ini juga, kerajaan dan ATM telah memperkenalkan PERISTA bagi meningkatkan keupayaan

⁴¹⁶ Abd Aziz Ahmad (2006). Op.cit.Hlm 26

⁴¹⁷ Mohd Hashim Ahmad (2001). Op.Cit. hlm 61-64

ATM dan membasmi gerakan insurgensi PKM dengan keupayaan konvensional, kekuatan dan kemampuan ATM serta menentukan jalur perhubungan *Sea Lines Of Communication* (SLOC) antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dapat dilindungi⁴¹⁸.


Pembangunan dasar dan ATM antara tahun 1989-2011 merupakan fasa yang membabitkan strategi pertahanan ke hadapan (*forward defence*). Kemelesetan ekonomi yang dihadapi pada era 1980-an telah memberikan kesan besar kepada ATM. Kerajaan juga telah memberikan fokus kepada strategi kerjasama serantau dan diplomasi dalam memastikan hubungan antara negara baik. Pada tahun 1986, pihak kerajaan telah berusaha untuk menghasilkan Kertas Putih Pertahanan namun, ianya gagal dan cadangan ini telah menghasilkan *Official Security Act* (OSA) dan telah disahkan di Parlimen⁴¹⁹. Kejayaan kerajaan mengadakan perjanjian damai dengan PKM telah menamatkan pemberontakan pada tahun 1989 dan Parti Kalimantan Utara (PARAKU) pada tahun 1990. Penamatan pemberontakan ini membolehkan kerajaan memberikan penumpuan kepada pemodenan ATM dan dasar pertahanan yang lebih komprehensif dalam memastikan keselamatan negara terjamin.

⁴¹⁸ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperoleh daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur

⁴¹⁹ Abd Rahman Adam (1997). Op.Cit.hlm7

4.6 Permodenan Angkatan Tentera Malaysia

Gambarajah 4.8 : Dasar Pertahanan Negara dan Komponen Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*



Sumber : Diubahsuai daripada *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.hlm 22

Gambarajah 4.8 menunjukkan pembangunan Dasar Pertahanan Negara dan Komponen Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* yang diamalkan oleh ATM. Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah proses yang mengambil jangka masa yang panjang. Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* telah menumpukan kepada enam aspek utama iaitu membentuk DPN yang kukuh, membangunkan strategi pertahanan, logistik pertahanan, sumber pertahanan, industri pertahanan dan membangunkan RMA. Pembangunan prinsip pertahanan yang bermula tahun 1970 adalah membabitkan pelbagai aspek dan jangka masa yang panjang. Tamatnya Perang Dingin pada tahun 1991 telah memberi kesan yang besar

kepada pembangunan ATM apabila proses pembangunan dan pemodenan ATM semakin berkembang dan tidak statik dengan strategi dan konsep yang lama. Sebaliknya, kerajaan dan ATM telah mengambil langkah meningkatkan keupayaan dan memodenkan angkatan bersenjata termasuk menyediakan kelengkapan dan aset pertahanan strategik. Pembangunan DPN bukan hanya bergantung kepada persepsi terhadap ancaman dan dilema keselamatan semata-mata, sebaliknya ia turut melibatkan pelbagai prinsip dan konsep pertahanan diperkenalkan dan meningkatkan kemampuan ATM.

Pembangunan dan pemodenan ATM sama ada dalam aspek dasar dan logistik yang selama ini dipengaruhi oleh persepsi ancaman masih menjadi landasan kepada ATM untuk membangunkan angkatan pertahanan. Dalam era 1990-an, persepsi terhadap ancaman keselamatan Negara meningkat berikutan beberapa kes pertikaian sempadan dan wilayah yang melibatkan Malaysia dengan beberapa negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina, Brunei dan China. Walaupun beberapa kes pertikaian sempadan telah diselesaikan melalui pendekatan secara bilateral dan multilateral, namun ia masih mendapat perhatian dalam merangka DPN dan membangunkan ATM. Malah isu-isu antarabangsa di dalam atau luar rantau AT turut menjadi faktor yang mempengaruhi DPN. Sebagai contoh, pengunduran AS dari pangkalan tentera Subic dan Clark Filipina pada tahun 1991 dan 1992 telah memberikan ruang kepada China untuk memperluaskan pengaruh di AT. Hubungan diplomatik kuasa besar China-AT yang telah terjalin sebelum terbentuknya negara moden lagi. Tuntutan China ke atas Laut China Selatan pada tahun 1991 telah mencetuskan kebimbangan kepada negara AT kerana China menggunakan kekerasan ketenteraan dalam tuntutan ke atas Kepulauan Spratly. Tindakan China yang menggunakan kekerasan ketenteraan ini dapat dilihat dengan pertembungan angkatan tenteranya dengan angkatan tentera Filipina di Kepulauan *Mischief Reef*. Dasar China yang mengamalkan kekerasan ketenteraan menyaksikan China telah menghantar kapal perang dan membuka pangkalan tentera di Kepulauan Sparty telah menyebabkan negara AT terpaksa mengkaji kemampuan pertahanan masing-masing. Perkembangan ini menyebabkan Malaysia juga turut menilai strategi dan kemampuan pertahanannya dalam usaha menjamin keselamatannya.

Perkembangan ancaman di peringkat rantau ini ia telah mempengaruhi Malaysia untuk mengambil keputusan meningkatkan dan memperkukuhkan DPN. Strategi pertahanan juga dikuatkan dengan meningkatkan kekuatan ATM. TLDM telah membeli dua buah kapal perang termoden di AT pada ketika itu khususnya bagi melindungi keselamatan wilayah laut dan kedaulatannya. Pemodenan ini tidak hanya kepada TLDM, tetapi melibatkan semua cabang perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara. Semenjak tahun 1991, kerajaan telah mengambil keputusan untuk memodenkan angkatan pertahanannya yang tidak lagi berorientasikan *counter insurgency* sebaliknya membentuk sebuah angkatan tentera konvensional yang mempunyai kemampuan yang kuat dan moden⁴²⁰. Pemodenan ini turut memfokuskan kepada peningkatan terhadap keupayaan dan sistem pertahanan dari segi persenjataan dan kelengkapan pertahanan. Dengan runtuhnya KS pada tahun 1991 dan perjanjian damai PKM pada tahun 1989, kerajaan dapat menaiktaraf dan mengemaskini pengurusan dan kekuatan ATM yang selama ini menggunakan persenjataan dan kelengkapan pertahanan yang telah berusia 20-30 tahun. Jadual 2 menunjukkan maklumat mengenai jumlah dan data mengenai ketenteraan Malaysia berdasarkan data dan kelengkapan ketenteraan yang terpilih.

Jadual 4.6: Ketenteraan Malaysia Berdasarkan Data Perbelanjaan Ketenteraan Malaysia Dan Kelengkapan Ketenteraan Yang Terpilih 2004-2006

Tahun	2004	2005	2006
Perbelanjaan Pertahanan Malaysia	2.25 bilion (USD)	2.47 bilion (USD)	3.08 bilion (USD)

Jumlah Tenaga Tentera	Data
Populasi	23,953,136 orang

⁴²⁰ Pembangunan ATM daripada *counter insurgency* kepada *conventional* turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam daripada Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

Jumlah Tentera Tetap	110,000 orang (Darat 80,000, Udara 15,000 dan Laut 15,000)
Jumlah Pasukan Simpanan	51,600 (Darat 50,000, Udara 600 dan Laut 1,000)
Jumlah Separa Tentera	244,700 orang

Tentera Darat	Data dan Kelengkapan
Jumlah Tentera	80,000 orang tentera
Kereta kebal (MBT):	MBT PT-91 (48 buah dalam proses ⁴²¹)
Kereta kebal ringan	26 buah Jenis <i>Scorpion 90</i>
AIFV ⁴²²	Tiada Maklumat
APC ⁴²³	1020 Jenis APC (T) 347 <i>Adnan, Stormer, Condor, Panhard</i> dan <i>Commando</i>
Artileri	414 (Meriam tunda 105mm dan 155mm)
Roket Berganda	18 buah jenis <i>ASTROS II</i>
Peluru Berpandu	SAM dan MANPAD ⁴²⁴ 48 jenis <i>Anza, SA-18</i> dan <i>Starburst</i>
Radar	Tiada data
Tentera Laut	Data dan Kelengkapan
Jumlah Tentera	15,000 orang tentera
Kapal Selam	2 buah kelas <i>Scorpene</i> (pada 2009)
Kapal Perang	10 buah (Frigat 4 dan Korvet 6 buah) dilengkapi dengan <i>Surface to air Missile (SAM) Sea Wolf</i> dan <i>Aspide, Surface to Surface Missile(SSM) MM-40 Exocet</i> dan <i>Otomat</i> meriam 76mm

⁴²¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Kelengkapan Tentera Darat 2005-2006. *Perajurit*. Mac 2005. hlm11

⁴²² *Armour Infantry Fighting Vehicle* merupakan kenderaan tempur infantri jenis ringan. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Mat Noor (2003b). MIFV dipertingkatkan prestasinya. *Tempur*. Julai. hlm 33-36

⁴²³ APC milik Singapura merupakan kenderaan pengangkut anggota tentera (logistik) ke sesuatu lokasi sasaran turut dilengkapi dengan senjata. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Kereta Kebal Ringan. *Perajurit*. Disember 2001. hlm 36

⁴²⁴ Untuk melihat kemampuan *Man Portabale Air Defense System (MANPADS)*. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Sham Huzaimi Nasarudin (2003). Perisai Udara Infantri, Meninjau Sistem MANPADS milik TD. *Tempur*. hlm 25-29

Bot Peronda	17 buah yang dilengkapi dengan SSM MM 38 <i>Exocet</i> dan meriam 57mm
Tentera Udara	Data dan Kelengkapan
Jumlah Tentera	15,000 orang
Pesawat Tempur	64 buah yang terdiri daripada :-F-5 (F-5E <i>Tiger II</i> dan F-5F <i>Tiger II</i>), MiG 29N <i>Fulcrum</i> 16 (15 buah),F/A-18 D <i>Hornet</i> (8 buah) ⁴²⁵ , <i>Hawk</i> MK108,SU-30MKM (18 buah)
Peluru Berpandu	<i>Air to Surface Missile</i> (ASM) jenis AGM 65- <i>Shrike</i> dan <i>Harpoon</i> , <i>Air to Air Missile</i> (AAM) jenis AIM <i>Sparrow</i> dan <i>Sidewinder</i>
Helikopter Tempur	Tiada
Helikopter Biasa	22 buah jenis <i>Nuri</i> , <i>Black Hawk</i> dan <i>Alouette</i>
Pesawat UAV	3 buah jenis <i>Eagle</i> 150

Sumber : *The Military Balance 2006*. International Institute for Strategic Studies. Routledge. 2006. hlm 281-283

4.6.1 Tentera Darat Malaysia (TDM)

Umumnya TDM dibahagikan kepada Empat Divisyen iaitu Divisyen Pertama di Sabah dan Sarawak, Divisyen Kedua, Ketiga dan Keempat di Semenanjung Malaysia. Di bawah TDM terdapat beberapa rejimen seperti Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD) dan Kor Armor Diraja (KAD). Manakala pasukan khusus seperti Grup gerak Khas atau Komando, pasukan lintasan udara 10 Briged Para dan Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) berada di bawah Panglima Tentera Darat (RAMD). Di bawah RAMD, terdapat 25 buah Batalion yang telah distrukturkan semula melibatkan 20 buah batalion sebagai *Batalion Infantry Standard* (BIS). Semenjak tahun 1999, diwujudkan dua buah batalion mekanisme dan dua buah batalion payung terjun. Bagi RRD, terdapat sembilan buah batalion dan salah satu daripadanya adalah pasukan payung terjun. Di bawah Kor Armor Diraja (KAD) pula terdapat lima buah rejimen termasuk 11 Armor yang bertanggungjawab

⁴²⁵ Pesawat tempur F/A-18D *Hornet* adalah pesawat yang ditempah pada 1993 dan dimiliki pada Mei 1997. Pesawat-pesawat ini telah ditempatkan di Pengkalan Udara Butterworth. Untuk melihat keterangan lanjut mengenai kemampuan dan ciri-ciri F/A-18D *Hornet*. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saadullah Johan (2005b). Model F/A-18D *Hornet* TUDM. *Perajurit*. Februari. hlm 42-45

mengendalikan kereta kebal. KAD juga adalah Kor yang membantu RAMD dan RRD dalam operasi pertempuran yang bergandung bahu dalam menjalankan operasi ketenteraan⁴²⁶. (data jumlah dan kuantiti dapat dirujuk di jadual 6 mengenai pertahanan ATM).

Pembangunan dan pemodenan ATM turut melibatkan penyusunan semula ATM, peruntukan sumber pertahanan dan logistik agar fokus dan keutamaan kerajaan dalam menghasilkan sebuah pasukan tentera yang moden, kecil dan memiliki keupayaan yang tinggi⁴²⁷. Kerajaan telah mengurangkan jumlah kuantiti anggota khususnya dalam TDM tanpa menjejaskan kemampuan dan keupayaan TDM. Pengurangan ini melibatkan pengurangan daripada 100,000 orang kepada 80,000 orang, manakala bagi TLDM dan TUDM dipertingkatkan jumlahnya kepada 15,000 orang⁴²⁸. Pengurangan jumlah atau kuantiti anggota TDM tidak bermakna ia akan mengurangkan keupayaan TDM, sebaliknya ia diseimbangkan dengan langkah kerajaan memperuntukan logistik ATM dengan kelengkapan moden dan strategik. Ia adalah selaras dengan perkembangan semasa RMA ketenteraan semasa dunia yang memberikan penumpuan dalam aspek teknologi dan mengurangkan penggunaan tenaga manusia dalam medan tempur. Kelengkapan pertahanan yang moden dan menggunakan teknologi tinggi seiring dengan teknologi semasa dan pembangunan modal insan adalah menjadi aset yang meningkatkan keupayaan ATM⁴²⁹. Ini bermaksud anggota tentera akan dilengkapi dengan kelengkapan pertahanan yang berteknologi tinggi yang dapat meningkatkan keupayaan daya pertempuran atau menjalankan tugas yang diberikan. Ini bermaksud aspek teknologi, strategi, logistik dan sumber dapat mengimbangi pengurangan jumlah anggota tentera yang dilaksanakan.

Penekanan turut difokuskan dalam aspek strategi dan doktrin pertahanan kepada operasi secara bersama (*join warfare*) yang dapat meningkatkan keberkesanan dalam operasi

⁴²⁶ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zuridan Muhammad (2009a) Op.cit

⁴²⁷ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴²⁸ Abdul Razak Baginda dan Rohana Mahmood (1995). *Malaysia's Defence and Foreign. Policies*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications. hlm 7

⁴²⁹ Ibid

ketenteraan⁴³⁰. Gabungan operasi melibatkan semua cabang perkhidmatan akan membolehkan kerajaan dan ATM dapat mencapai matlamat dan memaksimumkan sumber pertahanan yang sedia ada. Selain itu, peningkatan jumlah anggota terhadap TLDM dan TUDM adalah langkah yang dapat meningkatkan keupayaan ATM yang mana operasi secara bersama adalah trend yang menjadi pilihan kepada negara maju dalam melaksanakan sesuatu operasi. Kaedah ini dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan sumber pertahanan khususnya sumber manusia kerana dengan jumlah anggota yang kecil membolehkan pengurusan ATM lebih mudah, menjimatkan kos, memberikan penumpuan bagi menyediakan latihan dan peningkatan kemahiran yang lebih berkesan dan sebagainya⁴³¹.

Pada dekad 1990-an dan 2000⁴³², Malaysia telah mengambil langkah memodenkan angkatan bersenjata bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman dari musuh. Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak (2003), menegaskan usaha pemodenan ketenteraan Malaysia akan memfokuskan kepada mobiliti, keupayaan senjata (*fire power*), memperbanyakkan jumlah kapal perang dan mendapatkan sistem AWACS serta meningkatkan industri pertahanan agar membolehkan ATM memiliki kekuatan dari sudut logistik⁴³³. Faktor kemanusiaan yang menjadi tulang belakang kepada sistem pertahanan negara dipertingkatkan setiap tahun. Kerajaan telah meningkatkan jumlah sumber manusia dari segi kuantiti di mana ATM memiliki lebih daripada 110,000 tentera tetap, 51,600 simpanan dan 244,700 separa tentera dan turut meningkatkan kualiti dari segi pendidikan, moral dan patriotisme.

⁴³⁰ Aspek ini turut disentuh oleh Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perintah Ulung Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera Ke-17 pada 30 September 2009. hlm 6. dan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴³¹ Nasibah Harun (2005e). Angkatan Tempur Gabungan. *Perajurit*. April .hlm 16-19. Dan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴³² Salim Ahmad Miandad (2002). *Op.Cit.* hlm 28-31

⁴³³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Temuramah ADJ dengan Datuk Sri Najib Tun Razak. *Asian Defence Journal*. Oktober 2003.hlm 16-23. Juga Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

TDM telah dilengkapi dengan pelbagai persenjataan moden seperti 48 buah kereta kebal PT-91M⁴³⁴, kereta kebal ringan *Scorpion* dan APC *Adnan, Stormer, Condor, Panhard* dan *Commando*. Selain itu, unit artileri telah dilengkapi dengan meriam 105mm dan 155mm sebanyak 414 buah serta diperkukuhkan dengan pembelian sistem roket berganda ASTROS II, pelancar peluru berpandu jarak dekat ASTROS II⁴³⁵, G5 MK III⁴³⁶, senapang mudah alih *Styer* dan sebagainya. Sehingga tahun 2010, TDM mempunyai 100 buah kenderaan *Malaysian Infantry Fighting Vehicle* (MIFV) dan sejumlah 200 kenderaan kenderaan *Adnan* dan kenderaan berunut versi M113 dua versi, iaitu Korea Selatan dan Turki (*Adnan*). Dalam memperkukuhkan sistem pertahanan darat, ATM dan TDM telah mengambil keputusan untuk melakukan penyusunan Rejimen Artileri Diraja dengan menubuhkan Briged Artileri Rocket. Ia bagi memastikan ketumbukan kekuatan pertahanan darat dapat disusun dengan teratur bagi menghadapi ancaman musuh dan membentuk sebuah pasukan pertahanan yang konvensional dan kredibel. Di bawah Briged Artileri Rocket, terdapat dua rejimen atau unit iaitu Rejimen Sistem Pelancar Rocket Berganda (SPRB) jenis *Astros II* dan rejimen artileri pengesan menggunakan radar *Arthur* milik Rejimen Artileri Diraja (RAD) diletakkan di bawah satu pemerintahan. Rejimen SPRB ini adalah rejimen artileri yang memiliki 18 buah unit ASTROS II buatan Brazil pada 13 Mac 2002 dan 18 buah lagi dibeli pada tahun 2006 yang mampu membawa kemusnahan yang besar terhadap musuh dalam jarak tembakan 90 km. Rejimen ini merupakan unit sokongan yang utama kepada TDM yang ditempatkan di Taiping, Perak bersama sistem artileri G-5 Mk III⁴³⁷ dan Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu Kelantan⁴³⁸. (data kuantiti mengenai pertahanan ATM dapat dirujuk dalam jadual 4.6).

⁴³⁴ Untuk Melihat Kelebihan MBT Poland PT-91M. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan MMC Defence Dan Status Program PT 91M. *Tempur*. Julai 2003.hlm 39-40

⁴³⁵ ASTROS II merupakan pelancar roket yang dibeli oleh Malaysia yang mampu mencapai jarak tembakan sehingga 90 Kilometer. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan ASTROS II. *Perajurit*. Januari 2001. hlm 8-9.

⁴³⁶ Meriam G5 adalah meriam 155mm yang dibeli oleh Malaysia daripada Afrika Selatan pada 23 November 2001. Meriam ini mampu mencapai sasaran dalam jarak 30-50 kilometer. Sila lihat penjelasan mengenai kemampuan G5. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan ATM Bakal Miliki G5 dan ASTROS II. *Perajurit*. Januari 2001.hlm 6-7

⁴³⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Meriam 155mm G5. *Tempur*. November 2009
http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=910&Itemid=236

⁴³⁸ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Briged Artileri Rocket - Mantapkan Kuasa Tempur TD. *Tempur*. Disember 2009

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=934&Itemid=239

Sistem elektronik dan pengkomputeran mula diterapkan ke dalam ketiga-tiga cabang perkhidmatan seiring dengan pemodenan RMA angkatan tentera negara barat. Peningkatan peruntukan perbelanjaan pertahanan Malaysia juga semakin meningkat semenjak tahun 2004 yang mencatatkan sebanyak USD 2.25 bilion, meningkat kepada USD 2.47 bilion pada 2005 dan USD 3.08 bilion pada tahun 2006. Dalam usaha kerajaan memastikan ATM tidak ketinggalan dalam arus perubahan teknologi pertahanan semasa dunia, kerajaan telah memberi tumpuan dalam pembangunan dan pemodenan ATM yang menerapkan pengaplikasian peperangan elektronik atau *Electronic Warfare* (EW). Malaysia turut mengadakan perubahan dalam RMA yang memberi penekanan untuk mengaplikasikan *Information & Communication Technology* (ICT) dan *Network Centric Warfare* (NCW) kepada ATM. Ia juga mensasarkan kepada peningkatan kemampuan ATM seiring dengan pembangunan ketenteraan serantau⁴³⁹. Pembangunan kuasa udara perlu bagi melindungi ruang angkasa Semananjung, Sabah dan Sarawak. Dalam masa yang sama Sistem Pertahanan Udara Negara (SPUN) telah diperkukuhkan dengan pemantauan dan pengoperasian oleh Gerup Artileri Pertahanan Udara (GAPU) TDM dengan sistem pengawasan elektronik *Vera-E* buatan Republic Czech yang mampu mengesan sasaran sejauh 450km di udara. Selain itu, SPUN akan mengintergrasikan TDM, TUDM dan TLDM dan bercadang untuk mendapatkan sistem perluru berpandu jarak sederhana dan sistem KS1-A1 buatan China. Di bawah SPUN, sistem radar dan sistem pengawasan elektronik berkeupayaan mengesan pesawat musuh dari jarak ratusan kilometer. Kerajaan dan ATM turut menyatakan hasrat pada tahun 2008 untuk memiliki peluru berpandu jarak sederhana untuk diletakkan pada kapal perang dalam RMK 9 dan RMK 10⁴⁴⁰.

4.6.2 Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

Pada tahun 1992, Malaysia mula memperkukuhkan dan memperkemaskan sistem pertahanan lautnya dengan pembelian dua buah kapal perang termoden di Asia Tenggara iaitu KD Jebat dan KD Lekiu yang dilengkapi sistem berteknologi tinggi. Perolehan

⁴³⁹ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. lihat juga Zulkhairil Zainuddin (2004). ATM: Pertahankan Kedaulatan Bumi Bertuah. *Perajurit*. Disember 2004.

⁴⁴⁰ YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan Dalam Majlis Perasmian Defence Services Asia 2010. Kuala Lumpur. 18 April 2010. hlm 6-7

persenjataan bersifat *defensive* dan *offensive* mula menjadi sasaran negara apabila kekuatan armada Malaysia sehingga tahun 2010 telah memiliki 10 buah kapal perang yang melibatkan kelas frigat (4 buah) dan kelas korvet (6 buah) di samping 17 buah kapal peronda yang dilengkapi dengan kelengkapan peluru berpandu seperti *Sea Wolf*, *Aspide*, *Exocet* dan *Otomat*. TLDM turut membuat pembelian dua buah kapal selam *Scorpene*⁴⁴¹ pada tahun 2009 bagi meningkatkan keupayaan pertahanan laut. TLDM telah menyerahkan beberapa asetnya kepada APMM bagi memastikan pengkhususan tugas TLDM lebih berkesan dan menyerahkan tugas mengawal dan menjalankan operasi menyelamat pesisir pantai kepada APMM. Selain itu, dalam memperkukuhkan keupayaan TLDM, sistem peluru berpandu telah disediakan kepada TLDM. Sejajar dengan perlaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance*, TLDM juga turut merancang untuk membuat perolehan kapal perang moden yang dibina di Malaysia oleh syarikat tempatan. Kemudahan infrastruktur dan syarikat yang mempunyai kepakaran dalam menyelenggara dan membaik pulih serta menaik taraf kapal telah memberikan keyakinan kepada TLDM untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Kerajaan turut mengambil langkah membangunkan prasarana bagi tujuan penyediaan pusat latihan di pangkalan tentera laut, membuka pusat latihan rekrut di Tanjung Pengelih Johor, meningkatkan penggunaan sistem komputer, simulasi di Pemerintahan dan Latihan Tentera Laut. Latihan pengurusan juga turut disediakan oleh kerajaan sama ada melibatkan institusi latihan kerajaan ataupun swasta. (data kuantiti mengenai pertahanan ATM dapat dirujuk dalam jadual 4.6)

4.6.3 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

Bagi TUDM pula, Malaysia turut mengambil langkah membuat pembelian senjata yang mempunyai dwi-fungsi iaitu *defensive* dan *offensive*. Pembelian pesawat tempur berteknologi tinggi dan pelbagai fungsi *Multi Role Combat Aircraft* (MRCA) adalah bagi memastikan pesawat dapat mengawal raduis penerbangan melebihi 1,000km dan kawasan perairan seluas 800km yang menghubungkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Dalam RMK8 dan RMK9, ATM telah membuat pembelian membuat perolehan 24 buah

⁴⁴¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Bicara Minda Laksamana Datuk Ilyas Bin Haji Din. *Perajurit*. Jun 2006. hlm33-34

pesawat *Sukhoi Su-30MKM*⁴⁴² pada tahun 2003, dan pembelian pesawat pengangkut strategik *Airbus A400M* pada tahun 2005. Dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan ruang angkasa Malaysia diperkukuhkan, kerajaan telah meningkatkan keupayaan TUDM dengan membuat perolehan lapan buah pesawat *F/A-18 D Super Hornet* buatan AS semenjak Disember 1993 dan membeli 18 buah pesawat *MiG-29N/UB* buatan Rusia pada tahun 1994⁴⁴³. Seiring dengan dasar pemodenan ATM untuk melengkapkan kelengkapan moden, kerajaan membangunkan keupayaan Sistem Pertahanan Udara Sekitar Bumi (ADGE) yang dibangunkan dalam era 1980-an dengan menyediakan radar jarak jauh pada era 1990-an. Sistem radar yang disediakan oleh kerajaan ini dapat diintegrasikan dengan sistem pertahanan yang sedia ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta dapat diintegrasikan dengan sistem pelancar peluru berpandu jarak dekat. Selain itu, aspek pembangunan sumber manusia juga adalah aspek yang dibangunkan oleh kerajaan dalam TUDM bagi memastikan Malaysia memiliki juruterbang yang berkeupayaan tinggi. Kerajaan telah menubuhkan Kolej Tentera Udara yang bertanggungjawab menyediakan latihan dan mengintegrasikan kursus dan latihan asas penerbangan, penyenggaraan pesawat untuk pegawai TUDM. Malah Kolej Tentera Udara ini turut menawarkan program Diploma dan Ijazah dalam bidang Pengajian Sains Penerbangan dan Kejuruteraan Aeronautikal melalui program berkembang dengan universiti tempatan. Kerajaan dan ATM turut memberikan penekanan dalam penggunaan teknologi tinggi dalam latihan yang mana penekanan penggunaan simulator penerbangan yang canggih serta kawasan latihan gerakan tempur udara yang lengkap. Selain itu, TUDM turut memberikan penekanan mengutamakan anggota yang berkelayakan tinggi dalam penyertaan sebagai anggota TUDM yang mana ia dapat memastikan keupayaan untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dapat dijamin. (data kuantiti mengenai pertahanan ATM dapat dirujuk dalam jadual 4.6)

⁴⁴² Untuk Melihat Kriteria Su-30MKM menepati syarat yang ditentukan TUDM. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2006f) TUDM 48 Tahun Menerjah Angkasaraya Di Era MRCA. *Perajurit*. Jun. hlm 3-6

⁴⁴³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Sempena Ulangtahun Ke-76 ATM - Dimensi Baru ATM Memperkukuhkan Kedaulatan Negara. *Tempur*. Oktober 2009
http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=897&Itemid=235

4.7 Kesimpulan Bab

Pembangunan DPN dan ATM adalah dipengaruhi oleh faktor dari dalaman dan luaran negara. Faktor ancaman luaran seperti perkembangan kestabilan politik negara serantau dan percaturan kuasa besar di rantau dan antarabangsa telah mempengaruhi perkembangan pembentukan DPN dan ATM. Dalam masa yang sama faktor dalaman seperti ketidakstabilan politik dalam negara turut mempengaruhi kerajaan dan ATM dalam membangunkan angkatan pertahanan. DPN telah melalui proses yang panjang. Bermula antara 1957-1970, DPN adalah bergantung kepada bantuan luar khususnya Britain manakala semenjak tahun 1970, kerajaan telah memfokuskan pembangunan dasar dan ATM dengan berlandaskan prinsip pertahanan *self-reliance*. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menghasilkan KPP semenjak era 1960-an dan 1980-an, namun ia mengalami kegagalan. Kerajaan Malaysia telah menetapkan DPN yang dibentangkan di parlimen sebagai asas sebagai rujukan dalam pembangunan dasar dan ATM. Dalam memastikan keselamatan negara terjamin, kerajaan telah membangunkan beberapa aspek seperti mengambilkira kepentingan strategik negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan dalam DPN. Terdapat tiga prinsip pertahanan yang dinyatakan dalam DPN iaitu prinsip pertahanan *self-reliance*, prinsip kerjasama serantau dan prinsip bantuan luar sebagai prinsip pertahanan negara. Di dalam DPN turut dinyatakan mengenai konsep dan strategi pertahanan yang diamalkan oleh kerajaan seperti HANRUH, cegahrintang (*deterrence*) dan pertahanan ke hadapan (*forward defence*). Semenjak tahun 1970-an, kerajaan telah membangunkan pertahanannya dengan menjadikan prinsip pertahanan *self-reliance* sebagai teras bagi memastikan negara dapat melindungi keselamatannya secara berdikari dan mengelakkan bergantung kepada negara luar. Justeru, dalam memastikan objektif prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai, aspek dasar pertahanan, strategi, logistik, industri pertahanan, peruntukan perbelanjaan dan RMA telah dilaksanakan oleh kerajaan. Pembangunan aspek tersebut telah membabitkan semua cabang perkhidmatan ATM iaitu darat, laut dan udara.

BAB 5

ANALISA PRINSIP PERTAHANAN *SELF-RELIANCE*

5.1 Pengenalan

Bab ini menjalankan penganalisaan terhadap pelaksanaan pembangunan *self-reliance* ATM. Bab ini menganalisa setiap komponen *self-reliance* dalam aspek membentuk DPN yang kukuh (*firm defence posture*). Analisa yang dibuat adalah mengenalpasti proses pembangunan yang dijalankan oleh ATM, ancaman yang dihadapi, kepentingan strategik dan konsep pertahanan, pembangunan DPN, KPP dan struktur DPN. Bab ini juga mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam pelaksanaan pembangunan aspek ini dan kesan kepada pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance*. Bab ini turut menganalisa aspek strategi pertahanan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan ATM. Analisa ini membabitkan beberapa sudut seperti perbelanjaan pertahanan negara ASEAN, faktor yang mempengaruhi, perbelanjaan dan perancangan pembangunan pertahanan serta perancangan pertahanan dalam Rancangan Malaysia sejak tahun 1991 hingga 2010. Analisa dalam aspek pembangunan sumber pertahanan ini juga adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi dan kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance*. Bab ini juga menganalisa komponen pembangunan strategi yang mengandungi strategi cegah rintang, strategi diplomasi pertahanan dan pertahanan hadapan. Analisa ini juga adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam aspek strategi pertahanan dan apakah kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Selain itu, bab ini juga menganalisa aspek logistik pertahanan yang membabitkan pengurusan logistik setiap cabang pekhidmatan ATM. Analisa ini juga mengenalpasti masalah yang dihadapi ATM dalam aspek logistik pertahanan dan kesan permasalahan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* yang dilaksanakan. Bab ini turut menganalisa aspek pembangunan industri pertahanan negara yang dibangunkan semenjak tahun 1970. Analisa aspek ini mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam pembangunan industri pertahanan dan kesannya ke atas prinsip pertahanan *self-reliance*. Selain itu, bab ini turut menganalisa aspek pembangunan *Revolution Military Affairs* (RMA) ATM, aplikasi EW dan ICT. Bab ini turut membuat kesimpulan bab bagi menyimpulkan analisa dan penemuan kajian.

5.2 Pembangunan Aspek Dasar Pertahanan Negara (*Firm Defence Posture*)


Di dalam dokumen rasmi DPN yang menjadi garis panduan pembangunan dasar dan pertahanan negara, ia telah menyatakan mengenai aspek kepentingan strategik negara. Kepentingan strategik negara yang termaktub dalam DPN adalah membabitkan i) kawasan terdekat yang melibatkan kawasan terdekat wilayah daratan, perairan negara, ruang angkasa, ZEE, Selat Melaka dan laluan pintu keluar masuknya, dan Selat Singapura selain jaluran laluan perhubungan laut dan udara yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. ii) Kawasan serantau yang merangkumi rantau Asia Tenggara, Kepulauan Andaman dan Laut China Selatan⁴⁴⁴. Dari perspektif Malaysia sebarang ancaman yang wujud di rantau ini akan memberikan kesan langsung kepada ancaman keselamatan negara kerana Malaysia adalah negara yang berkongsi negara dan kelautan dengan negara serantau. Manakala di peringkat global, sebarang ancaman juga memberikan kesan kepada keselamatan Malaysia⁴⁴⁵. Ketidakstabilan di peringkat global menyebabkan kestabilan Malaysia juga turut terjejas. Justeru, peringkat global juga adalah menjadi keutamaan kepada Malaysia agar dapat dipelihara. Dengan mengambilkira faktor kepentingan strategik negara dan persaingan dalam pelbagai kepentingannya yang lain, pertahanan Malaysia berkisar di sekitar prinsip-prinsip utama iaitu keupayaan untuk *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar⁴⁴⁶ (sila rujuk gambarajah 9 mengenai Dasar Pertahanan Negara Malaysia).

⁴⁴⁴ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴⁴⁵ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴⁴⁶ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Dasar Pertahanan Negara. Op.cit. hlm 55-58. Juga En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur

Gambarajah 5.9: Prinsip *Self-Reliance* Dalam Dasar Pertahanan Negara



Sumber : Diubahsuai daripada *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.1995.hlm 22⁴⁴⁷

Gambarajah 5.9, menunjukkan kedudukan prinsip pertahanan *self-reliance* dalam DPN Malaysia. Usaha memperkukuhkan DPN dapat dilihat dengan pelaksanaan prinsip keupayaan *self-reliance* yang menjadi prinsip utama kepada kerajaan dalam memastikan keselamatan negara. Di dalam prinsip ini, keupayaan ATM dipertingkatkan agar dapat menjalankan tanggungjawab pertahanan yang bukan hanya melibatkan aspek daya tempur dalam peperangan tetapi juga melibatkan pelbagai aspek seperti pembentukan DPN yang kukuh, strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA. Prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia juga menetapkan tanggungjawab pertahanan tidak hanya terletak di tangan ATM dan pihak berkuasa semata-mata, sebaliknya melibatkan

⁴⁴⁷ Di dalam dokumen rasmi, DPN yang dinyatakan tidak memiliki carta susun atur seperti dalam gambar rajah 8. Untuk memudahkan penjelasan dan keterangan maklumat ini telah letakan dalam carta susun atur ini disusun atau disebut “diubahsuai” mengikut keterangan yang terkandung dalam Dokumen Rasmi DPN dari *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.1995.hlm 22.

keseluruhan masyarakat⁴⁴⁸. Memandangkan kedudukan Malaysia yang strategik dalam rantau Asia Tenggara di tengah-tengah laluan ke Timur dan Barat, Malaysia turut memberikan penumpuan terhadap kerjasama yang baik dengan negara serantau dalam aspek politik dan keselamatan dengan negara serantau ASEAN bagi memastikan keselamatannya terjamin. Melalui kerjasama serantau, Malaysia turut menggunakan ARF sebagai saluran dalam mengadakan hubungan baik, mengadakan kerjasama keselamatan dan ruang dialog kepada negara serantau bagi menyelesaikan permasalahan antara negara serantau dan memupuk keamanan di kalangan negara anggota. Prinsip Bantuan Luar dalam DPN adalah mendapatkan bantuan luar melalui perjanjian FPDA yang membabitkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia. Malaysia turut mematuhi dan memberikan sokongan kepada PBB yang mementingkan keamanan. Kerajaan juga melalui DPN menggunakan konsep pertahanan HANRUH dan Diplomasi Pertahanan dalam pembangunan ATM agar dapat melindungi keselamatan negara. Sehubungan ini, Malaysia terus berusaha ke arah meningkat dan membangunkan keupayaan ATM di samping menggalakkan kesedaran pertahanan dan semangat patriotik di kalangan rakyat jelata⁴⁴⁹.

Dalam memperkukuhkan DPN, kerajaan Malaysia turut menetapkan beberapa matlamat dalam pembangunan ATM dengan menjalankan pemodenan ATM serta menyediakan kelengkapan moden dan berteknologi tinggi. Ini kerana dengan memiliki kelengkapan berteknologi tinggi, ia memberikan keyakinan kepada Malaysia dalam aspek pertahanan dan membolehkan rakyat dan negara akan berasa selamat. Selain itu, kerajaan telah menggariskan beberapa pendekatan yang dapat mempertingkatkan pertahanan negara melalui a) pembangunan konsep keselamatan Malaysia adalah bersifat komprehensif yang melibatkan aspek politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan manakala bagi luaran negara, kerajaan berusaha bagi mengekalkan kestabilan dan keamanan antarabangsa. b) Malaysia mengutamakan diplomasi dalam pertahanan negara dan sebagai kaedah penyelesaian konflik atau krisis serta memperkukuhkan hubungan Malaysia dengan negara luar. c) kerajaan

⁴⁴⁸ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Pada 12 Disember 2014. lihat juga En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴⁴⁹ Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan En. Sahipulhijaiman Sulaiman. Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak menteri pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014.

Malaysia memberikan sokongan penuh dan kerjasama kepada ketetapan yang dibuat oleh PBB. d) konsep *Confident Building Measure* (CBM) akan dipertingkatkan menerusi sesi dialog mengenai aspek keselamatan di kalangan negara serantau khususnya ASEAN dalam memastikan kestabilan dan keamanan dapat dikekalkan. e) meningkatkan CBM melalui *General Border Committee* (GBC) yang menjadi mekanisme dalam menyelesaikan pertikaian sempadan. f) meningkatkan CBM melalui *defence diplomacy* dengan negara serantau dan antarabangsa. g) memberikan kerjasama dalam bentuk dua hala atau pelbagai hala dengan negara atau pertubuhan. h) meningkatkan kemampuan dan keupayaan ATM dalam program pembangunan pertahanan⁴⁵⁰.

Selain itu, dalam dokumen rasmi kerajaan mengenai DPN, kerajaan telah menetapkan konsep pertahanan iaitu Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). Konsep HANRUH telah diluluskan oleh MKN lanjutan dari pelaksanaan KESBAN yang dijalankan oleh MAGERAN semenjak tahun 1970⁴⁵¹. Konsep HANRUH merupakan konsep pertahanan Malaysia secara komprehensif dengan melibatkan ATM, agensi kerajaan dan masyarakat. Konsep pertahanan ini merupakan konsep yang menggembelngkan tanggungjawab antara golongan tentera dengan bukan golongan tentera yang melibatkan masyarakat untuk turut serta mempertahankan keselamatan negara. Konsep ini menetapkan penggunaan segala aset dan sumber negara bagi meningkatkan keupayaan sesebuah negara menghadapi pelbagai bentuk ancaman domestik dan luar sempadan telah diperluaskan yang dikenali sebagai Pertahanan Menyeluruh yang diperkenalkan semenjak Mei 1986. Antara ciri dalam konsep pertahanan HANRUH ini adalah pengaktifan pasukan keselamatan dan pertahanan awam simpanan (kerahan dan sukarela) dalam setiap organisasi yang berkaitan⁴⁵².

“Taking cognisance of Malaysia’s strategic interests and the fundamentals of its defence policy, the MAF drew up a comprehensive strategy to achieve the aspirations envisaged by the nation in terms of defence. Hence, in this respect the concepts of forward defence, deterrence and total defence have been adopted as the defence


⁴⁵⁰ Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). Op.cit. hlm 18. dan En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴⁵¹ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. Perajurit. Oktober. hlm 2-5

⁴⁵² Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Mohd Zackry Mokhtar (2006b). Op.cit hlm 38-43

*strategy... The concept of total defence would further enhance and complement self-reliance*⁴⁵³.

Gambarajah 5.10: Konsep Pertahanan HANRUH⁴⁵⁴



Gambarajah 5.10 menunjukkan Konsep Pertahanan HANRUH yang dilaksanakan dalam DPN. HANRUH mempunyai objektif untuk menggembeling semua aset dan kekuatan negara dari segi ekonomi, sosial, politik, psikologi dan pertahanan awam di samping sistem pertahanan ketenteraan bagi mengukuhkan sistem pertahanan negara⁴⁵⁵. Penglibatan golongan masyarakat, agensi dan ATM ini adalah model yang diperkembangkan pada era 1980-an yang dikenali sebagai HANRUH yang menggabungkan sumber pertahanan, ATM, agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat secara keseluruhan. Konsep pertahanan ini berkaitan dengan usaha total dan bersepadu yang dilaksanakan oleh kerajaan, agensi bukan kerajaan, sektor swasta dan memerlukan komitmen semua lapisan rakyat, dan tidak hanya oleh ATM dalam mempertahankan negara. Malah melalui konsep pertahanan HANRUH, keselamatan negara sebagai tanggungjawab semua masyarakat dan nasional. Sejalan dengan prinsip pertahanan *self-reliance*, Malaysia berusaha ke arah meningkat dan membangunkan keupayaan ATM di samping menggalakan kesedaran pertahanan dan semangat patriotik di

⁴⁵³ Salim Ahmad Bin Miandad (2002). Op.Cit.Hlm 32-35

⁴⁵⁴ Maklumat diperolehi dan diubahsuai dalam gambarajah hasil daripada sesi temubual dengan En. Sahipulhijaiman Sulaiman. Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan pada 26 September 2014 dan Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan pada 12 Disember 2014.

⁴⁵⁵ Azman Abdul Razak (2009). Op.cit Hlm 17

kalangan masyarakat. Di dalam konsep pertahanan HANRUH, aspek pertahanan telah dikembangkan yang melibatkan pertahanan angkatan tentera, pertahanan ekonomi, pertahanan sosial, pertahanan awam dan psikologi⁴⁵⁶. Pertahanan ATM merupakan pertahanan barisan pertama negara yang mana ATM akan memainkan peranan sebagai badan keselamatan yang utama dan dibantu oleh anggota keselamatan yang lain seperti pasukan simpanan, polis. Manakala barisan kedua terdiri daripada anggota sukarela dan separa tentera dan barisan ketiga adalah masyarakat, sektor swasta dan lain-lain agensi kerajaan dalam mempertahankan negara dengan menggunakan kelengkapan, teknik, logistik dan psikologi yang disediakan oleh kerajaan.

“HANRUH adalah konsep Total Defence versi Malaysia yang diperkenalkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada Mei 1986 bagi merangka strategi pertahanan yang konkrit dan menyeluruh...HANRUH menekankan penggunaan sumber manusia yang efisien, kemantapan ekonomi, tindakan bersepadu daripada semua agensi kerajaan serta mengadakan hubungan serantau dan antarabangsa yang baik sebagai strategi memelihara keutuhan dan kedaulatan negara setiap masa.”⁴⁵⁷

Berdasarkan perkembangan pembangunan dasar dan ATM yang dibangunkan semenjak tahun 1957, ia telah memperlihatkan usaha pembangunan DPN semakin berkembang dengan menjadikan pertahanan *self-reliance* sebagai keutamaan dalam pertahanan negara. Prinsip pertahanan *self-reliance* walau bagaimanapun adalah bergantung kepada beberapa komponen iaitu memiliki dasar pertahanan yang kukuh (*firm defence posture*), strategi, logistik, sumber pertahanan, RMA dan industri pertahanan yang menentukan kejayaan dan keberkesanan prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini bermakna sebarang masalah yang wujud terhadap komponen tersebut akan memberikan kesan ke atas prinsip pertahanan *self-reliance*. Namun persoalannya adakah DPN yang diamalkan oleh Malaysia melaksanakan DPN yang benar-benar kukuh (*firm defence posture*)? Adakah dengan usaha pembangunan dasar dan ATM selama ini telah mengukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance*? Apakah masalah yang dihadapi dalam memperkukuhkan DPN dan kesannya ke atas prinsip *self-reliance*?

⁴⁵⁶ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (1997c). Op.cit.hlm 8

⁴⁵⁷ Ibid. hlm 43

5.2.1 Analisa Pembangunan Aspek DPN Yang Kukuh

Pembangunan DPN oleh kerajaan telah dibangunkan dengan pesat bermula semenjak tahun 1957. Walau bagaimanapun terdapat masalah yang dihadapi oleh ATM dalam aspek membentuk DPN yang kukuh (*firm defence posture*).

5.2.1.1 Kertas Putih Pertahanan

Dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat mencapai kejayaan, ATM perlu mempunyai dasar pertahanan yang kukuh. Namun antara tahun 1957-2010, Malaysia tidak memiliki Kertas Putih Pertahanan (*Defence White Paper*)⁴⁵⁸. Kertas Putih pertahanan ini adalah dokumen rasmi yang dihasilkan oleh kerajaan berhubung dengan dasar pertahanan kerajaan dari masa ke semasa. KPP adalah aspek yang penting dalam membangunkan hala tuju sistem pertahanan sesebuah negara bagi meletakkan pendirian, dasar pertahanan dan ketetapan garis panduan yang menjadi hala tuju dalam pembangunan pertahanan sesebuah negara⁴⁵⁹. Kebanyakan negara seperti Korea Selatan dan Australia memiliki KPP agar dapat memastikan pembangunan pertahanan sesebuah negara itu teratur dan berlandaskan objektif kerajaan dan sistematik. Kerajaan Malaysia telah menyedari mengenai kepentingan KPP dan menyatakan pada awal tahun 1990-an untuk menghasilkan KPP dan diterbitkan setiap dua tahun agar dapat menjadi dasar dan ketetapan garis panduan dalam pembangunan ketenteraan dan pertahanan negara.

“Saya sungguh bersyukur di atas usaha Kementerian Pertahanan yang telah dapat menerbitkan buat julung kalinya satu penerbitan mengenai pertahanan negara yang

⁴⁵⁸ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur

⁴⁵⁹ Keperluan pembangunan DPN yang kukuh dan Kertas Putih Pertahanan turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

*meliputi peranan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Ia juga menerangkan perspektif keselamatan negara dan pertimbangan yang menjadi garis panduan dasar dalam Dasar Pertahanan Negara. Kementerian berharap untuk menjadikan penerbitan ini sebagai usaha berterusan yang dikeluarkan setiap dua tahun ”.*⁴⁶⁰

Namun, usaha kerajaan yang berhasrat menghasilkan dan menerbitkan KPP setiap dua tahun gagal sehingga tahun 2010, di mana antara tahun 1981-2010, dokumen rasmi yang diterbitkan adalah dokumen yang dihasilkan ketika tahun 1986 yang menjadi satu-satunya dokumen rasmi mengenai dasar dan garis panduan mengenai pertahanan yang diterbitkan. Usaha untuk menghasilkan KPP telah pun dijalankan oleh kerajaan yang telah dicadangkan pada tahun 1966 yang dikenali sebagai *Dynamo Plan* namun ianya gagal. Dalam usaha memperkukuhkan DPN, kerajaan telah cuba menghasilkan Kertas Putih Pertahanan pada tahun 1981 dan diluluskan oleh MKN pada tahun 1986. Cadangan KPP ini telah dinilai dan disemak pada tahun 1991 untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun 1993, namun telah ditolak oleh kabinet. Kertas cadangan DPN ini sekali lagi dinilai semula akibat perkembangan ancaman semasa dunia yang semakin berkembang pada tahun 1996, namun ianya turut gagal kerana kabinet tidak meluluskan cadangan menghasilkan Kertas Putih Pertahanan. Kerajaan terus berusaha untuk menghasilkan KPP pada tahun 1999 dan 2002⁴⁶¹, namun usaha ini turut mencapai kegagalan. Kegagalan ini telah menyebabkan cadangan KPP yang diluluskan oleh MKN pada tahun 1986 menjadi dasar pertahanan dan garis panduan pertahanan negara bertulis yang diterbitkan oleh Kementerian Pertahanan pada awal tahun 1990-an.

Kegagalan kerajaan menghasilkan dokumen rasmi dasar DPN adalah kelemahan yang menunjukkan DPN tidak kukuh dan pembangunan pertahanan yang dibangunkan adalah berdasarkan keperluan semasa dan tidak memiliki hala tuju serta perancangan yang tepat. Keadaan ini telah menunjukkan DPN yang dimiliki oleh Malaysia adalah DPN tidak tetap

⁴⁶⁰*Pertahanan Malaysia Kearah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kementerian Pertahanan Malaysia.1995.hlm 3. Dokumen mengenai DPN ini sehingga 2010 ia telah menjadi satu-satu versi dokumen bertulis yang menjelaskan DPN.

⁴⁶¹ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Dan Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan pada 12 Disember 2014. Lihat juga dalam Wazirudin Mahfot (2014). Op.cit.1

dan tidak sistematik kerana pembangunan dan keputusan kerajaan untuk pembangunan ATM dan DPN adalah bergantung kepada pendirian semasa kerajaan.

“Many nations in recent years have published their defence policy documents periodically, in the form of a Defence White Paper, in trying to fulfill the global trend for transparency and accountability...Malaysia has yet to publish its defence policy documentations in what that a few countries have been periodically doing in the region, following this global trend”⁴⁶².

Sememangnya kerajaan menyedari mengenai kepentingan untuk menghasilkan KPP⁴⁶³ yang diusahakan semenjak tahun 1960-an lagi, namun sehingga tahun 2010 kerajaan gagal untuk menghasilkan KPP⁴⁶⁴ dan secara langsung menunjukkan DPN yang diamalkan adalah tidak kukuh. Dengan tidak memiliki ketetapan dan perancangan yang dimaktubkan dalam dokumen rasmi ia telah menyebabkan DPN boleh di ubah pada bila-bila masa mengikut pendirian semasa kerajaan. Malah pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* semenjak tahun 1970 yang dimaktubkan dalam DPN adalah pengamalan prinsip yang longgar kerana pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* itu tidak kukuh dan pihak kerajaan boleh mengubah objektif prinsip pertahanan pada bila-bila masa. Kelemahan ini bukan sahaja dalam menghasilkan KPP malah dokumen rasmi Kementerian Pertahanan mengenai DPN dan perspektif rasmi kerajaan terhadap keselamatan juga tidak dapat diterbitkan, walaupun kerajaan menyatakan untuk menerbitkan penerbitan rasmi DPN yang dijadualkan diterbitkan setiap dua tahun. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar menyatakan:-

“Saya sungguh bersyukur di atas usaha Kementerian Pertahanan yang telah dapat menerbitkan buat julung kalinya satu penerbitan mengenai pertahanan negara yang meliputi peranan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Ia juga menerangkan perspektif keselamatan negara dan pertimbangan yang menjadi

⁴⁶²K.S Balakrishnan (2009a). Op.cit. hlm 116

⁴⁶³ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁴⁶⁴ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera Sesi temubual pada 12 Disember 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

garis panduan dasar dalam Dasar Pertahanan Negara. Kementerian berharap untuk menjadikan penerbitan ini sebagai usaha berterusan yang dikeluarkan setiap dua tahun”.⁴⁶⁵

Kementerian Pertahanan dan kerajaan itu sendiri gagal menghasilkan KPP yang sepatutnya menjadi garis panduan dan dasar pertahanan agar dapat memastikan objektif untuk *self-reliance* dalam aspek *firm defence posture* dapat dicapai. Ini bermaksud, DPN yang diamalkan adalah tidak bersifat komprehensif dan kukuh, malah kelemahan ini memberikan kesan kepada pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* yang mana ia dibangunkan dengan secara tidak sistematik dan tidak memiliki garis panduan yang tetap dan prinsip ini boleh ditukar pada bila-bila masa. Ini menunjukkan kelemahan dalam komponen *firm defence posture* DPN dan tidak bersifat komprehensif. Permasalahan ini turut dinyatakan oleh Menteri Pertahanan YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (2010) menyatakan:-

*“Bagi menangani ancaman-ancaman ini (ancaman keselamatan), kerajaan perlu mempunyai polisi yang tepat dan strategi pertahanan dan keselamatan yang berkesan. Bagi merumuskan polisi dan strategi yang berkesan bukanlah satu perkara yang mudah. Pelbagai faktor perlu diambikira dan kesan setiap faktor kepada negara perlu difahami secara mendalam”*⁴⁶⁶.

Walaupun melalui *Malaysian Institute Of Defence & Security* (MIDAS)⁴⁶⁷ yang ditubuhkan diharapkan dapat menggubal dasar dan merumuskan strategi pertahanan seterusnya menghasilkan DPN yang kukuh dan komprehensif, namun sehingga tahun 2016, kerajaan masih gagal menghasilkan KPP bagi menjadi garis panduan dan *blue print* pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* yang kukuh. Keadaan ini menunjukkan prinsip

⁴⁶⁵ *Pertahanan Malaysia, K arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Op.cit.hlm 3

⁴⁶⁶ YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri pertahanan Sempena Majlis Pelancaran Malaysian Institute Of Defence & Security (MiDAS). DI PWTC Kuala Lumpur Pada 21 April 2010.hlm 3

⁴⁶⁷ Melalui penubuhan MiDAS ia akan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan proses penggubalan polisi dan rumusan strategi pertahanan yang lebih menyeluruh dan berkesan. Penjanaan pemikiran, perbahasan serta perkongsian ilmu pengetahuan yang positif akan menyemarakkan lagi proses pembangunan ilmu pertahanan dan keselamatan di kalangan penyelidik dan penggubal polisi dan seterusnya membantu Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Malaysia merumuskan polisi pertahanan dan keselamatan yang lebih objektif. Lihat YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri pertahanan Sempena Majlis Pelancaran Malaysian Institute Of Defence & Security (MiDAS). DI PWTC Kuala Lumpur Pada 21 April 2010.hlm 5

pertahanan *self-reliance* negara masih menggunakan pendekatan yang dibentuk dan mengambilkira ancaman pada era 1980-an sedangkan negara telah berada di era tahun 2000. Kelemahan dalam membentuk DPN yang kukuh ini secara langsung menunjukkan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan kerajaan adalah tidak kukuh dan tidak komprehensif.

5.2.1.2 Bergantung Kepada Pendirian Semasa

DPN yang diamalkan oleh kerajaan adalah bergantung kepada pendirian kerajaan dari masa ke semasa dan akan berubah mengikut isu dan keperluan. Di sini, ia menunjukkan tidak ada ketetapan yang jelas dalam pembangunan dasar dan pertahanan negara yang sepatutnya ketetapan pendirian dan perancangan agar menjadi asas kepada pembangunan ATM⁴⁶⁸. Ia adalah jelas berbeza dengan pembangunan dasar pertahanan negara Australia yang memiliki KPP yang sering dinilai mengikut keperluan dan jangka masa tertentu. Australia telah menghasilkan KPP bagi memastikan pembangunan pertahanan dan keselamatan dapat dibangunkan secara teratur dan memenuhi keperluan dan objektif yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan Korea Selatan yang mana telah menghasilkan KPPnya sendiri. Korea Selatan akan sentiasa menyemak KPP bagi memastikan keberkesanan pembangunan pertahanan *self-reliance* dan keselamatan negara amnya. Senario ini adalah berbeza dengan Malaysia yang mana antara tahun 1957 sehingga tahun 2016, Malaysia tidak memiliki KPP dan ianya bergantung kepada pengumuman dan pendirian negara dari masa ke semasa. Di sini timbul persoalan, bagaimanakah DPN Malaysia yang dibentuk pada tahun 1986 yang mengambilkira ancaman dan isu tradisional ketika era Perang Dingin dapat menjadi asas atau *blue print* kepada pembangunan ketenteraan dan pertahanan negara ketika ini?. K.S Balakrishnan (2009) menyatakan:-

“The defence policy of a nation can be viewed in two ways. First, by taking a look at the published official documents which articulate policy framework and priorities and the necessary resources garnered in order to fulfill national security objectives. Second, is by making an observation on the ad hoc policies and implementations responses of a nation in crisis scenarios, especially in meeting contingencies. Many

⁴⁶⁸ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur

*nations in recent years have published their defence policy documents periodically, in the form of a Defence White Paper, in trying to fulfill the global trend for transparency and accountability...Malaysia has yet to publish its defence policy documentations in what that a few countries have been periodically doing in the region, following this global trend*⁴⁶⁹ ... “Scholars too have attempted to explain Malaysia’s defence policy by providing both historical and contemporary strategic planning perspectives. However they have been unable to simplify Malaysia’s defence policy conceptually from an overarching strategic perspective. Malaysia defence policy basically hovers around the idea of protecting Malaysia strategic interest and key national principles adhered to by the nation”⁴⁷⁰.

Kelemahan pembangunan komponen *firm defence posture* DPN dapat dilihat berdasarkan perubahan dalam pendirian dan hala tuju negara yang tidak sistematik. Ini dapat dilihat berdasarkan perkembangan pembangunan ATM iaitu ketika era 1957-1970, DPN yang diamalkan adalah kebergantungan kepada bantuan Britain bagi menghadapi ancaman yang melibatkan komunis dari luaran sempadan negara dan dalaman negara. Kebergantungan DPN ini bukan hanya dari sudut dasar pertahanan tetapi juga terhadap kelengkapan dan ketenteraan daripada Barat, contohnya penempatan beberapa pasukan daripada pasukan FPDA seperti penempatan Australia di kem TUDM Butterworth, Pulau Pinang telah menjadi aset pertahanan kepada negara. Malah kelengkapan pertahanan turut diperolehi daripada Britain. Walau bagaimanapun semenjak tahun 1970, kerajaan telah mengambil keputusan untuk melakukan perubahan dalam DPN daripada kebergantungan daripada Britain kepada membangunkan pertahanan dan ketenteraan yang dikenali sebagai prinsip pertahanan *self-reliance*. Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein menyatakan:-

“We (the nation) have to stand on our own two feet to defend our country. We must now rely on our own resources for the defence of our country”.⁴⁷¹

Perubahan kepada prinsip *self-reliance* dipengaruhi oleh tindakan Britain yang menarik diri daripada perjanjian pertahanan AMDA yang secara tidak langsung memberikan kesedaran mengenai kelemahan DPN yang diamalkan oleh kerajaan. Malah kelemahan komponen *firm defence posture* DPN dapat dilihat dengan penubuhan Majlis Keselamatan Negara bagi menggantikan cadangan pembentukan KPP untuk menguruskan hal ehwal

⁴⁶⁹K.S Balakrishnan (2009a). Op.cit. hlm 116

⁴⁷⁰ Ibid. hlm 117-118

⁴⁷¹ Chandran Jeshurun (1980). Op.Cit. Hlm 126

keselamatan dan bukannya sebagai garis panduan yang menetapkan perancangan, pendirian dan pelaksanaan pembangunan pertahanan yang sistematik. Ini bermaksud antara tahun 1957 sehingga tahun 2010, pembangunan ATM dan pertahanan negara adalah tidak berdasarkan ketetapan perancangan yang sistematik dan komprehensif, sebaliknya ia bergantung kepada pengumuman atau pendirian semasa kerajaan terhadap pertahanan. Ini bermaksud dengan memiliki DPN yang tidak kukuh yang merupakan komponen prinsip pertahanan *self-reliance* maka ia memberikan kesan negatif dari segi hala tuju, rangka dasar pertahanan dan pembangunan pertahanan negara.

5.2.1.3 Struktur *Self-Reliance* Dalam Perspektif Realisme

Pembangunan DPN yang kukuh (*firm defence posture*) turut menimbulkan persoalan dari sudut pendapat realisme terhadap struktur DPN itu sendiri. Pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah bertepatan dengan pemikiran realisme yang mana *self-reliance* itu sendiri merupakan suatu konsep dan teori realisme. Menurut Clarence L. Barnhart & Robert R. Barnhart (1981) *Self-Reliance* bermaksud “*relying on one’s own acts, ability or the like*”. Di sini, ia membawa makna keupayaan *self-reliance* ditakrifkan sebagai bergantung pada perbuatan, keupayaan dan sebagainya dengan menggunakan kemampuan diri sendiri. *Self-reliance* juga merangkumi keupayaan untuk bertindak secara berdikari dan mengelakkan bantuan luar dalam menghadapi dan menguruskan perkara berkenaan keselamatan negara. Selain itu, konsep *self-reliance* memerlukan keupayaan untuk bertindak bersendirian dalam mempertahankan kedaulatan wilayah, kepentingan negara dan keselamatan dalam lingkungan negara masing⁴⁷². Realisme berpendapat bahawa keamanan tidak berkekalan⁴⁷³ dan peperangan tidak dapat dielakkan⁴⁷⁴. Realisme akan mementingkan kekuasaan sama ada untuk menambah atau mengekalkan kuasa⁴⁷⁵. Perkara utama yang menjadi perkara asas kepada pemikiran golongan realisme iaitu kuasa, kepentingan negara,

⁴⁷² Clarence L. Barnhart & Robert R. Barnhart (1981). Op.cit. hlm. 1890

⁴⁷³ Menurut pendapat realisme, keamanan tidak dapat dikekalkan. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Karen Mingist (1999). Op.Cit.hlm 77

⁴⁷⁴ Sila rujuk Scot Burchill et.al (2001). Op.cit.hlm 70, lihat juga Martin Griffiths dan Terry Ocallaghan (2002).Op.Cit.hlm 3

⁴⁷⁵ K. J. Holsti (1991). Op.cit hlm. 13

keseimbangan kuasa,⁴⁷⁶ keselamatan dan ketenteraan. Aspek ini adalah aspek yang tidak boleh dikompromikan kerana ia adalah membabitkan hidup dan mati sesebuah negara.

Dalam konteks realisme, sesebuah negara itu perlu bergantung dan percaya kepada diri sendiri. Struktur sesebuah negara dalam sistem antarabangsa adalah bersifat anarki di mana sesebuah negara itu perlu bergantung kepada diri sendiri khususnya dalam aspek keselamatan yang tidak boleh dikompromikan oleh mana-mana negara. Ia juga bermaksud kewujudan sesebuah negara dalam sistem antarabangsa secara semulajadi adalah bergantung kepada diri sendiri dan tidak bergantung kepada negara luar khususnya dalam keselamatan dan kelangsungan hidup negara. Dengan menjadikan prinsip pertahanan *self-reliance* sebagai keutamaan kepada kerajaan dalam aspek pertahanan, ia telah menepati perspektif realisme di mana setiap negara perlu bergantung kepada diri sendiri dalam memastikan keselamatan dan kelangsung hidup sesebuah negara dalam sistem antarabangsa. Kerajaan Malaysia telah menetapkan tiga prinsip utama dalam pertahanan negara iaitu prinsip pertahanan *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar. Pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* telah menjadi keutamaan pembangunan DPN dan ketenteraan yang memfokuskan kepada dasar untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dengan menggunakan keupayaan sendiri dan tidak bergantung kepada negara luar.

“Malaysia, sebagai sebuah negara yang merdeka, telah menyedari bahawa pemeliharaan kepentingan nasional dan keselamatan yang terbaik dicapai melalui usaha ke arah keupayaan self-reliance yang merupakan teras dasar pertahanan negara. Prinsip ini menekankan Angkatan Tentera dalam struktur bersifat self-reliance negara. Ia tidak hanya melibatkan pasukan tempur tetapi juga rangkaian sokongan logistik cetusan kerjasama industri ketenteraan yang sejajar dengan keutamaan program pembangunan negara. Self-reliance dalam hal ini tidak harus terhad kepada usaha-usaha Angkatan Tentera tetapi juga harus melibatkan semua agensi-agensi berkaitan kerajaan dan rakyat”⁴⁷⁷.

Walau bagaimanapun prinsip pertahanan *self-reliance* telah diletakan setara dengan prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar sedangkan realisme menganjurkan setiap negara secara semula jadi perlu *self-reliance* yang membawa maksud bergantung pada diri sendiri


⁴⁷⁶ Sila lihat penjelasan keseimbangan kuasa sebagai polisi negara dalam Joseph S. Nye, Jr, (2000). Op.cit.hlm 59-61

⁴⁷⁷ Menurut Shahrudin Othman (2002). Op.cit.hlm 33

dalam soal pertahanan. Perkataan *self reliance* atau *self help* itu sendiri merupakan konsep yang diamalkan oleh realisme yang mana setiap negara perlu mempercayai dan bergantung pada diri sendiri dan tidak mempercayai aktor bukan negara.

“Setelah pasukan British berundur dari rantau ini dan semenjak hujung tahun 1972, ‘Self-Reliance dan wujudnya kerjasama serantau untuk menghadapi ancaman luar adalah pendekatan yang ada⁴⁷⁸”.

Gambarajah 5.11: Dasar Pertahanan Negara Dari Perspektif Realisme



Sumber: Diubahsui daripada *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.hlm 22

Gambarajah 5.11 menunjukkan mengenai Dasar Pertahanan Negara Dari Perspektif Realisme. Pertahanan *self-reliance* bermaksud sesebuah negara perlu bergantung kepada sumber pertahanannya sendiri dan tidak bergantung daripada kuasa luar. Ini bermaksud sesebuah negara secara asasnya adalah perlu meletakkan prinsip *self-reliance* sebagai semulajadi dan prinsip kerjasama serantau serta bantuan luar adalah hanya pilihan kepada negara untuk mengukuhkan pertahanan. Dalam perspektif realisme, sebagai sebuah negara yang hidup dalam sistem antarabangsa yang bersifat anarki, sesebuah negara perlu

⁴⁷⁸ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (1997c). Op.cit.hlm 5

menjadikan aspek pertahanan dan keselamatan sebagai *self-reliance* kerana pergantungan kepada aktor bukan negara bukan satu jaminan. Prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar hanya bertindak sebagai pilihan kepada sesebuah negara dalam aspek pertahanan, dan negara itu sendiri perlu melaksanakan prinsip pertahanan *self-reliance*. Kelemahan ini dapat dilihat pada DPN Malaysia yang telah menetapkan pengamalan prinsip pertahanan kerjasama serantau dan bantuan luar diletakkan setara dengan prinsip pertahanan *self-reliance* sedangkan setiap negara itu perlu menjadikan negara itu *self-reliance* dan prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar adalah pilihan kepada negara. Menurut Jaafar Kasim (2002) menyatakan:-

“This is Malaysian concept of self-reliance. No doubt it is a good concept, but its implementation is only made known to the armed forces whereas the other agencies involved are not knowing it or ignorant of its existence. Self-reliance should be a national commitment, which weaves through various facets of political, social and economic activities towards the principal objectives of preserving national security. Presently, most of the defence related agencies are going for the economic gains rather than developing the defence need of the nation⁴⁷⁹”.

Di sini menunjukkan bahawa setiap negara perlu bersifat *self-reliance* secara semulajadi apabila berbincang mengenai aspek keselamatan. Dalam konteks Malaysia, DPN itu sendiri perlulah bersifat *self-reliance*. Manakala prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar adalah sebagai pilihan. Ini kerana negara sememangnya perlu bersifat *self-reliance* dalam sistem antarabangsa, manakala tindakan sesebuah negara mengadakan kerjasama dan mendapatkan bantuan luar adalah bersifat pilihan kepada negara itu, untuk menambahkan atau mengekalkan kuasa dalam memastikan keselamatan dan kelangsungan hidup sesebuah negara dalam sistem antarabangsa. Kelemahan ini menunjukkan kefahaman kerajaan Malaysia terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* itu sendiri tidak dikaji dengan mendalam sebelum menjadikan dasar pertahanan. Ia secara langsung menunjukkan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* ATM adalah lemah memandangkan kefahaman terhadap prinsip *self-reliance* itu sendiri tidak dikaji dengan teliti.

⁴⁷⁹ Jaafar Kasim (2002) Op.Cit.hlm 32-36

5.2.1.4 Kelemahan Prinsip Pertahanan Kerjasama Serantau

Selain itu, prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar sebagai prinsip pertahanan di dalam DPN juga masih mempunyai kelemahan. Ini kerana masih banyak isu dalaman rantau yang tidak diselesaikan walaupun adanya kerjasama serantau antara negara Asia Tenggara. Konflik sempadan dan pertikaian wilayah masih menjadi isu yang membelenggu beberapa buah negara Asia Tenggara yang mampu membawa konflik yang lebih besar seperti tuntutan wilayah ke Kepulauan Spratly yang membabitkan Malaysia dengan kuasa besar China. Malah, China turut mengancam untuk menggunakan pendekatan kekerasan ketenteraan dalam tuntutan wilayah. Begitu juga dengan konflik ke atas hak milik kuil purba, Preah Vihear yang membabitkan konflik bersenjata Thailand-Myanmar semenjak tahun 2011⁴⁸⁰, serta konflik etnik di Myanmar yang membabitkan penindasan ke atas etnik Rohingya yang menyebabkan etnik Rohingya melarikan diri ke negara serantau dan menjadi beban kepada negara serantau. Fenomena ini pernah berlaku ketika negara ASEAN menghadapi masalah “orang hanyut” akibat konflik dan ketidakstabilan politik di Indochina. Isu-isu pertikaian wilayah ini adalah isu yang mampu membawa kepada konflik yang lebih besar dan jika tidak diselesaikan. Perdana Menteri Malaysia turut mengakui Malaysia yang berkongsi sempadan dengan Thailand, Brunei, Indonesia, Singapura, Filipina, Vietnam, China dan Taiwan akan berhadapan dengan ancaman sama ada dari dalam dan luar negara. Walaupun ancaman dari dalaman negara dilihat remeh, ia mampu membawa kepada krisis yang lebih besar jika gagal ditangani dengan baik (*mismanaged*) seperti mana pemberontakkan dalaman beberapa negara yang memberikan kesan kepada keselamatan Malaysia.⁴⁸¹ Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar (2014) menyatakan:-

⁴⁸⁰ Masalah pertikaian hak ke atas kuil purba Preah Vihear antara Kemboja dan Thailand telah membawa kepada konflik peperangan yang mengakibatkan 28 terkorban dan rubuan masyarakat hilang tempat tinggal semenjak meletusnya pertempuran pada 2011. Mahkamah Keadilan Antarabangsa telah memutuskan hak kuil yang berusia 900 tahun tersebut kepada Kemboja pada 11 November 2011. Sila rujuk Kuil Purba Milik Kemboja. *Utusan Malaysia*. 12 November 2013 .http://ww1.utusan.com.my/utusan/Luar_Negara/20131112/lu_06/Kuil-purba-milik-Kemboja

⁴⁸¹ Dato’ Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, Menteri Pertahanan (2011). Teks Rasmi Ucapan Dato’ Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia Reinforcing National Defence & Security: A Revisit. Dalam MIDAS Conference, Strengthening Nation’s Defence Security. 13 September 2011. hlm 33-34

“Today’s maritime security environment is highly complex with numerous conflicting claims, and increased naval activities. Hence, there is indeed a need to find a balanced approach to avoid misunderstandings⁴⁸²”.

Keadaan ini menunjukkan prinsip kerjasama serantau ASEAN merupakan prinsip yang rapuh dan boleh gagal sekiranya meletus konflik yang besar antara negara ASEAN. Walaupun terdapat hubungan yang baik antara negara dalam ASEAN, namun adakah ia jaminan bahawa tidak wujud peperangan atau konflik antara negara? Sejarah konfrantasi Malaysia-Indonesia pada tahun 1965 boleh dijadikan sebagai ukuran bahawa risiko kekerasan ketenteraan mampu meletus dengan negara serantau. Malah, dari sudut perlaksanaan strategi pertahanan seperti Singapura yang mengamalkan *pre emptive strike*, Singapura akan melaksanakan peperangan atau serangan ke atas mana-mana negara yang dilihat mengancam keselamatannya⁴⁸³. Menurut Azmi Hasan (2003) :-

“Apabila Singapura mengamalkan kedua-dua konsep ini, kerjasama pertahanan dikatakan tidak memberi apa-apa makna lagi kerana doktrin pertahanan Singapura menghalalkan serangan ke atas negara jiran lain⁴⁸⁴”.

Justeru, pengalaman prinsip kerjasama serantau yang diamalkan dalam DPN masih boleh diperdebatkan. Prinsip ini tidak memberikan jaminan mengenai soal pertahanan dan keselamatan berbanding prinsip pertahanan *self-reliance*. Ini kerana ancaman keselamatan ke atas Malaysia boleh berlaku pada bila-bila masa. Justeru, DPN perlu mengambilkira permasalahan ini secara komprehensif sebelum menjadikan DPN.

5.2.1.5 Kelemahan Prinsip Pertahanan Bantuan Luar

Prinsip pertahanan bantuan luar yang diamalkan di Malaysia masih boleh dipertikaikan. Ini kerana pertubuhan FPDA yang dimeterai pada tahun 1971 oleh Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia adalah kerjasama pertahanan yang longgar,

⁴⁸² Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar, Panglima Tentera Laut (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Laut (PTL) Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar. Dalam International Seapower Symposium Ke 21. “Enhancing Coalition Operations: The Challenges Of Global Naval Protocols And Communications” pada 17-19 September 2014. hlm 3

⁴⁸³ Syed Akbar Ali (2003). Dasar Luar Ala Tentera Pengaruhi Singapura. *Berita Minggu*. 12 Januari. hlm.19

⁴⁸⁴ Azmi Hassan (2003b). Doktrin Pertahanan Singapura Halalkan Serang Negara Jiran. *Utusan Malaysia*. 4 Januari. hlm 8

kerana ianya hanya sebagai kerjasama persefahaman dan bukannya perjanjian pertahanan yang mewajibkan setiap negara anggota memberikan sokongan atau bantuan sekiranya berlaku peperangan yang mengancam anggota FPDA. FPDA merupakan satu-satunya kerjasama pertahanan yang melibatkan Malaysia dengan negara luar bagi mendapatkan bantuan luar dalam soal pertahanan, namun ianya bukan perjanjian yang kukuh yang mewajibkan negara anggota memberikan bantuan sekiranya meletusnya peperangan. Malah keberkesanan dan keupayaan FPDA ini masih lagi belum teruji (*untested*) yang akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya berlaku peperangan.

“The FPDA is the only formal defence arrangement, which Malaysia has with extra-regional powers. The argument is that this arrangement is not binding and it is on consultation basis. Thus it is not guaranteed that the members would come to assistance Malaysia in time of conflicts. The commitment of members in this arrangement is not being tested”⁴⁸⁵.

Keupayaan FPDA untuk memberikan jaminan keselamatan kepada Malaysia juga masih kabur berdasarkan tindakan Britain yang pernah menarik diri daripada tanggungjawabnya dalam perjanjian AMDA pada tahun 1968. Ketika serangan Jepun pada 31 Disember 1941 di Tanah Melayu, Britain telah gagal memberikan perlindungan kepada rakyat di Tanah Melayu. Britain hanya bertindak mengutamakan usaha menyelamatkan warga Britain yang tinggal di Tanah Melayu. Tindakan Britain yang mengundurkan diri ke Singapura dan meninggalkan negeri di Semenanjung Tanah Melayu menghadapi serangan Jepun dari Kelantan dan negeri utara Malaysia hingga ke Singapura membuktikan ketidaksungguhan Britain mempertahankan keselamatan dan mempertahankan Tanah Melayu. Malah, masyarakat Tanah Melayu dibiarkan menghadapi serangan dan penaklukan Jepun dan tentera Britain hanya memberikan penumpuan mempertahankan Singapura. Hal ini bertentangan dengan perjanjian AMDA antara Britain dengan Singapura, Tanah Melayu, Australia dan New Zealand yang memberikan jaminan untuk memberikan perlindungan sekiranya negara anggota menghadapi ancaman keselamatan. Britain telah bersetuju untuk memberikan jaminan dalam aspek pertahanan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

⁴⁸⁵ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober. hlm 2-5. Lihat juga dalam Jaafar Kasim (2002) Op.cit.hlm 32-36

“Sepanjang-sepanjang perundingan atas soal pertahanan dan keselamatan dalam negeri kami telah membuat dua garisan perubahan dalam Perlembagaan Tanah Melayu; masa peralihan ialah masa sebelum berkerajaan sendiri yang penuh. Dalam masa ini kerajaan Baginda Queen akan terus memikul sesetengah-sesetengah perkara yang penting dalam persekutuan...Kami mengiktiraf bahawa dalam masa tempoh peralihan ini Kerajaan Baginda Queen akan terus mempunyai tanggungjawab yang tetap atas pertahanan luar negeri dan perhubungan luar negeri Persekutuan Tanah Melayu dan oleh itu Kerajaan Baginda Queen akan terus menempatkan di dalam Persekutuan Tanah Melayu pasukan-pasukan yang difikir mustahak bagi pertahanan luar negeri bagi Persekutuan Tanah Melayu dan bagi menunaikan kewajipan-kewajipan kepada Komanwel dan dunia”⁴⁸⁶.

Kelemahan pergantungan kepada kuasa luar dalam aspek keselamatan juga dapat dilihat ketika Tanah Melayu sedang menghadapi ancaman keselamatan kesan daripada ketidakstabilan politik dalaman negara, sistem pertahanan yang masih lemah, ancaman insurgensi komunis, masalah rusuhan kaum 13 Mei 1969, ketegangan hubungan antara Malaysia-Indonesia yang meletusnya konfrantasi, tindakan Singapura yang keluar dari Malaysia pada tahun 1963, ancaman persaingan kuasa besar di Asia Tenggara dan sebagainya Britain telah mengambil tindakan menarik diri daripada perjanjian pertahanan yang diharapkan oleh Malaysia. Britain bertindak menarik diri daripada perjanjian AMDA pada tahun 1968. Keadaan ini membuktikan Britain tidak bersungguh untuk memberikan perlindungan kepada Malaysia dalam aspek pertahanan. Malaysia sekali lagi mengambil pendirian untuk mengadakan kerjasama dengan Britain dalam aspek pertahanan melalui penubuhan FPDA, namun kerjasama ini tidak memberikan jaminan kerana tidak mewajibkan negara anggota menghulurkan bantuan sekiranya negara anggota menghadapi peperangan⁴⁸⁷. FPDA telah dijadikan sebagai prinsip pertahanan dalam DPN Malaysia. Ia menunjukkan terdapat kelemahan dalam prinsip pertahanan bantuan luar Malaysia kerana bantuan pertahanan dan keselamatan melalui FPDA bukan memberikan jaminan pertahanan kepada negara anggota. Keadaan ini telah menunjukkan dasar pertahanan yang diamalkan memiliki kelemahan dan tidak bersifat komprehensif. Justeru, prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan adalah bukan merupakan prinsip pertahanan yang kukuh apabila DPN itu sendiri memiliki kelemahan.

⁴⁸⁶ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan *IMalaysia Bermulanya Di Sini*. Jabatan Penerangan Malaysia. 2010. hlm 10 dan 14

⁴⁸⁷ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Op.Cit. hlm 2-5

5.2.1.6 Masalah Dalam Konsep Pertahanan Menyeluruh

Dalam usaha memperkukuhkan DPN, kerajaan telah mengamalkan konsep pertahanan HANRUH. Namun, adakah konsep pertahanan HANRUH ini mampu dicapai? Konsep pertahanan menyeluruh yang diamalkan dalam DPN adalah sesuatu yang masih kabur. Ini kerana dari segi aplikasi, strategi pertahanan ini hanya difahami oleh golongan tentera dan terhad kepada beberapa agensi berbanding golongan swasta dan masyarakat. Masyarakat tidak mengetahui dan memahami mengenai konsep HANRUH khususnya tanggungjawab dan penglibatan masyarakat dalam pertahanan negara. Menurut Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, ATM telah mengkaji konsep Pertahanan Menyeluruh semenjak diperkenalkan oleh MKN pada tahun 1986 untuk dijadikan sebahagian daripada dasar DPN. Proses menganalisa konsep ini telah melalui pelbagai kekangan dan cabaran. ATM telah cuba menghasilkan konsep HANRUH yang komprehensif semenjak awal 1990-an dan sehingga tahun 2004, konsep HANRUH telah dihebahkan untuk menjadi sebahagian daripada dasar DPN⁴⁸⁸. Pada 7 September 2006, MKN berhasrat bagi memperkembangkan konsep HANRUH dengan lebih luas dan kukuh. ATM telah melakukan kajian dengan mengambil pelbagai pertimbangan dan konsep HANRUH telah dibentangkan kepada MKN dan diluluskan pada 12 Julai 2008 serta dianggap sebagai konsep pertahanan.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin menyatakan bahawa Jawatankuasa Induk HANRUH ATM telah ditubuhkan pada 28 Ogos 2007, manakala jawatankuasa kecil telah ditubuhkan pada 24 Ogos 2009. Jawatan kuasa induk HANRUH bertanggungjawab

⁴⁸⁸ Malah ketiadaan Kertas Putih Pertahanan dan kesan kepada pembangunan ATM turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. 26 September 2014 dan dokumen Nota Percakapan Ketua Setiausaha Ketua Setiausaha mengenai Dasar Pertahanan Negara Executive Talk” pada 18 Ogos 2014.

menggubal strategi dan pelan tindakan untuk melaksanakan konsep pertahanan HANRUH⁴⁸⁹. Di sini menunjukkan konsep pertahanan HANRUH yang diperkenalkan dan diwar-warkan semenjak tahun 1986 dan dimaktubkan dalam DPN adalah konsep pertahanan yang hanya di atas kertas tanpa penilaian, pengkajian, perancangan dan pelaksanaan yang jelas. Kelemahan ini dapat dilihat dimana ATM yang merupakan barisan pertama pertahanan dalam HANRUH terpaksa mengambil masa yang panjang untuk membuat perancangan dan membentuk jawatan kuasa induk pelaksanaan pada tahun 2007. Ini bermaksud antara tahun 1986 sehingga 2007, ATM masih kabur dan tidak bersedia dengan konsep yang diperkenalkan kerajaan ini. Kekaburan ini semakin jelas dalam barisan kedua pertahanan HANRUH yang terdiri daripada agensi berkuasa seperti polis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Imigresen, Kastam dan sebagainya yang tidak mengetahui dan memahami konsep HANRUH. Malah masalah ini semakin besar yang membabitkan pihak swasta dan masyarakat yang merupakan barisan ketiga pertahanan HANRUH kerana pihak swasta dan masyarakat masih tidak memahami dan mengetahui peranan dan tanggungjawab mereka dalam HANRUH. Dari segi pelaksanaan, terdapat agensi-agensi kerajaan yang masih belum memahami dan mendengar mengenai HANRUH. Senario ini turut dinyatakan oleh K.S Balakrishnan (2009) yang mana konsep pertahanan HANRUH yang diamalkan oleh kerajaan dalam DPN adalah sesuatu yang kabur dari segi penerimaan dan aplikasi oleh badan-badan kerajaan⁴⁹⁰.

“Another important defence concept that Malaysia cherishes is HANRUH, an abbreviation for “pertahanan menyeluruh” which has a similar meaning to the concept of total defence. So far, there are no published writings on “HANRUH”. Yet the concept of total defence is not alien to the military community. Basically, the emphasis is on garnering all resources in a nation for defence of the country. Other concepts and policies that are relevant to an understanding of Malaysia’s defence policy include alliance, self reliance and cooperative security”⁴⁹¹.

Konsep pertahanan ini hanya difahami oleh golongan ATM, sebaliknya golongan bukan tentera termasuk golongan swasta tidak mengetahui mengenai HANRUH dan

⁴⁸⁹ Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Pertahanan (2011). Teks Rasmi Ucapan Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Pertahanan. Reinforcing National Defence And Security: A Revisit Through Blue Ocean Strategy. Dalam *MIDAS Conference, Strengthening Nation’s Defence Security* pada 13 September 2011. hlm 3

⁴⁹⁰ K.S Balakrishnan (2009a). Op.cit. hlm 117-118

⁴⁹¹ Ibid. hlm 120

tanggungjawab mereka dalam aspek mempertahankan negara. Menurut pendapat Salim Ahmad Miandad (2002) :-

“As the self-reliance is the core of the National Defence Policy, the MAF has adopted a strategy encompasses this core matter—‘self-reliance’. In defence self-reliance, the MAF has to build capabilities and force structure to meet the requirement as to provide security and defence of Malaysia. The strategies adopted are to fully utilise the force and capabilities that the MAF possess. Besides that comprehensive strategy and tactics adopted in the defence of the country has to be planned and incorporated with all the other government agencies and private sectors so as to give a bigger ‘punch’ in any actions taken later”⁴⁹².

Di peringkat agensi kerajaan dan masyarakat, konsep ini turut tidak mendapat komitmen daripada masyarakat. Kelemahan penglibatan masyarakat dalam pertahanan dapat dilihat dengan respon masyarakat terhadap program PLKN yang diperkenalkan pada tahun 2004 telah mendapat tentangan masyarakat di mana antara tahun 2004 hingga tahun 2007, sebanyak 15 ke 30 peratus permohonan diterima daripada ibubapa atau penjaga untuk menangguhkan dan mengecualikan anak mereka daripada PLKN⁴⁹³. Malah, pada tahun 2006 sahaja terdapat 4,000 orang peserta tidak melaporkan diri ke Pusat Latihan Khidmat Negara. Ini menunjukkan masyarakat sukar memberikan komitmen kepada kerajaan dalam pembangunan pertahanan dan keselamatan negara⁴⁹⁴. Program PLKN mendapat tentangan daripada masyarakat yang menganggap latihan ketenteraan tidak bersesuaian kepada peserta PLKN sedangkan program yang sama di jalankan oleh Singapura yang dikenali sebagai Kerahan Tenaga (*National Service*)⁴⁹⁵ menggunakan latihan penuh ketenteraan bagi memastikan strategi *total defence* Singapura berjaya. Terdapat seramai 6,804 pelatih telah didapati ingkar dan gagal menghadiri diri menyertai program PLKN walaupun kerajaan telah menetapkan hukuman penjara di bawah Akta Latihan Khidmat Negara 2003⁴⁹⁶.

⁴⁹² Salim Ahmad Miandad (2002). Op.cit. hlm 28-31

⁴⁹³ Ramai Ibu Bapa Rayu Hantar Anak Ke PLKN. *Utusan Malaysia*. 2 Januari 2012

⁴⁹⁴ Pelatih Ingkar Diserah Polis. *Utusan Malaysia*. 13 Julai 2006.

⁴⁹⁵ Keterangan lanjut mengenai *National Service* yang dijalankan oleh Singapura boleh dirujuk dalam Mohamad Faisol Keling, Md. Shukri Shuib, Mohd Na'eim Ajis (2009). The Impact of Singapore's Military Development on Malaysia's Security. *Journal of Politics and Law*. Vol 2.No2.Jun. hlm 69

⁴⁹⁶ Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia (2009).Teks Rasmi Ucapan Y.B Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Menteri Pertahanan Malaysia Sempena Majlis Perasmian Penutupan PLKN Siri 6/2009 Di Kem PLKN Nilam Ehsan, Bidor, Perak . Pada 4 September 2009. hlm 4

“Ketiadaan komitmen yang jitu dan positif daripada agensi-agensi kerajaan dan sambutan dingin oleh masyarakat setempat membenarkan tanggapan bahawa pertahanan keselamatan negara hanya terletak kepada bahu tentera semata-mata...Pada masa kini, pembangunan infrastruktur negara tidak berorientasikan kepada konsep pertahanan menyeluruh dan ia memerlukan kesedaran di peringkat pemimpin sehinggalah kepada rakyat.”⁴⁹⁷

Justeru, dalam aspek membentuk DPN yang kukuh (*firm defence posture*) yang merupakan salah satu komponen prinsip pertahanan *self-reliance*, DPN yang dibentuk dan diamalkan memiliki pelbagai masalah dan tidak mengambil kira *self-reliance* secara komprehensif. Malah dari aspek prinsip dan konsep pertahanan yang digariskan dalam DPN sendiri telah menunjukkan pelbagai masalah yang dihadapi. Keadaan ini memberikan kelemahan kepada pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance*.

5.2.1.7 Tidak Mengambilkira Ancaman Secara Komprehensif

Dalam membentuk dasar pertahanan yang kukuh ia perlu mengambil kira pelbagai aspek ancaman secara komprehensif kerana ancaman keselamatan adalah semakin berkembang mengikut peredaran semasa⁴⁹⁸. Dokumen rasmi DPN yang diterbitkan oleh Kementerian Pertahanan adalah dasar yang dibentuk pada tahun 1986 dan ketika era Perang Dingin (1945-1991) yang menghadapi ancaman tradisional telah dijadikan dasar dan garis panduan pertahanan negara. DPN ini telah diguna pakai selepas tamatnya Perang Dingin sehingga tahun 2010 sebagai rujukan dasar pertahanan Malaysia. Ini bermaksud DPN yang dihasilkan pada era 1980-an adalah dipengaruhi oleh isu ancaman tradisional iaitu ancaman yang melibatkan ancaman dari luar sempadan seperti krisis, konflik dan peperangan. Sedangkan ancaman keselamatan adalah sesuatu aspek yang berkembang selepas Perang Dingin di mana definisi ancaman keselamatan ke atas sesebuah negara tidak hanya tertakluk kepada ancaman bersifat tradisional semata-mata sebaliknya ia juga turut melibatkan

⁴⁹⁷ Mohd Nooraimy Musa (2009) Op.cit. hlm4

⁴⁹⁸ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Leftenan Jeneral Datuk Che Akmar Mohd Nor, Timbalan Panglima Tentera Udara (2014) di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Tentera Sesi temubual pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

ancaman-ancaman baru yang bukan tradisional (*Non Traditional Issues* atau *New Security Issues*) seperti ancaman dalam aspek ekonomi yang mampu meruntuhkan keselamatan dan kedaulatan negara, isu-isu alam sekitar, dadah, keganasan, penyeludupan, penyakit, pelanunan, pendatang tanpa izin, pemberontakkan dalaman negara, konflik etnik, ekonomi dan sebagainya. Isu-isu bukan tradisional ini mampu meruntuhkan keselamatan dan kedaulatan negara. Sebagai contoh masalah pengganas telah menjadi ancaman global dalam sistem antarabangsa secara langsung mempengaruhi negara dalam sistem antarabangsa untuk menilai semula dasar pertahanan yang berkaitan dengan keganasan. Ancaman ini turut berkembang ke rantau Asia Tenggara dan Malaysia turut menjadi salah sebuah negara yang menghadapi ancaman pengganas. Isu pengganas adalah ancaman yang besar selepas tahun 2001 yang telah mempengaruhi dasar pertahanan negara dalam sistem antarabangsa.

Walaupun DPN memberikan perhatian dalam aspek ini, namun dari sudut pengawalan yang membabit ancaman bukan tradisional, ATM dan DPN dilihat telah gagal. Kegagalan ini dapat dilihat dengan kes serangan pengganas kumpulan Al Maunah pada Julai 2000 yang terdiri daripada 20 orang pengganas yang mampu mencerooboh dan menawan sebuah kem ATM iaitu Batalion 304 Infantri, Gerik, Hulu Perak dan mencuri 97 senjata M16, empat GPMG, lima pelancar grenad, 9,095 butir peluru 5.56mm dan 60 butir peluru 40mm. Kes ini telah menjadi tanda aras kelemahan kawalan dan keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* DPN yang diamalkan. Kelemahan ini dapat dilihat yang mana ATM gagal mempertahankan dan mengawal sebuah kem yang dicerooboh oleh 20 orang pengganas separa tentera yang kurang memiliki latihan tetapi mampu mencerooboh dan menawan sebuah kem tentera yang dikawal penuh dan merampas senjata ATM⁴⁹⁹. Serangan pengganas Al Maunah pada Julai 2000 sepatutnya menjadi ukuran kepada ATM dan kerajaan untuk meningkatkan pembangunan DPN agar lebih komprehensif selaras dengan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance*. Namun peristiwa Al Maunah ini tidak dijadikan pengajaran apabila berlaku kes penculikan di Sipadan pada Disember 2000 walaupun kerajaan dan ATM sering menwar-warkan pembangunan pertahanan negara mampu menjaga keselamatan negara. Ancaman pengganas dan kelemahan DPN sememangnya telah disedari oleh pihak

⁴⁹⁹ Seven Al-Ma'unah Members Plead Guilty To Alternative Charge. *Utusan Malaysia*. 5 Disember 2000. Sila lihat http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=1205&pub=utusan_express&sec=front_page&pg=fp_01.htm&arc=hive

kerajaan. Kenyataan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Disember 2000 menyatakan:-

“Pelaburan dalam bidang pertahanan adalah satu insurans penting bagi menjamin negara mendapat perlindungan daripada ancaman sama ada dari luar atau dalam terma...Kes penculikan 21 orang di Sipadan isyarat paling jelas memperbaiki serta menyusun semula sistem pertahanan negara.”⁵⁰⁰

Walaupun berlaku pelbagai kes serangan pengganas, namun ia tidak memberikan pengajaran kepada kerajaan untuk memperkukuhkan sistem keselamatan dan pertahanan. Ini kerana pada 12 Februari 2013, keupayaan pertahanan *self-reliance* Malaysia sekali lagi menunjukkan kelemahan apabila berlakunya pencerobohan 200 pengganas bersenjata Sulu ke atas Lahad Datu Sabah. Panglima Angkatan Tentera Jeneral Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin (2014) menyatakan:-

“Ancaman tradisional dan bukan tradisional semakin kabur yang menjadi semakin mencabar. Peristiwa pencerobohan Lahad Datu Sabah pada Februari 2013 adalah menjadi bukti ATM tidak boleh lagi alpa dan leka (not take peace for granted)⁵⁰¹”.

Manakala Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein (2014) menjelaskan kejadian serangan pengganas telah memberikan kesedaran kepada Malaysia khususnya Kementerian Pertahanan untuk mengambil tindakan yang serius bagi meningkatkan keselamatan negara dan ATM⁵⁰². Pencerobohan pengganas ini memaksa kerajaan menggunakan pasukan polis dan tentera untuk menghadapi kumpulan pengganas telah menjadi bukti kelemahan dalam DPN dan sistem pertahanan negara yang diamalkan selama ini. Kes pencerobohan ini telah mendapat liputan media masa di seluruh Asia Tenggara yang mengorbankan lapan orang pasukan keselamatan, 54 anggota pengganas dan menahan lebih 100 orang yang disyaki terlibat. Kejadian ini telah mengundang pelbagai

⁵⁰⁰ Jamhariah Jaafar (2000). ATM Perlukan Kelengkapan Canggih. *Berita Harian*. 7 Februari. hlm 26

⁵⁰¹ Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera (2014). Maklumat Perutusan Rasmi Teks Rasmi Perutusan Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin. Di Acara Perbarisan Sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia ke-81. Di Dataran Panglima Tentera Darat. Kem Perdana Sungai Besi pada 17 September 2014. hlm 5-7

⁵⁰² YB. Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan (2014). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perutusan YB. Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Majlis Perutusan Menteri Pertahanan Tahun 2014. Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 25 Februari 2014. hlm 4

persoalan mengenai keupayaan pertahanan negara. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada 13 Mac 2013 menyatakan:-

“Saya rasa untuk menangani pencerobohan bersenjata, kita memiliki aset yang diperlukan, tapi seperti yang saya nyatakan tadi, peristiwa ini membuka mata kita, di mana terdapat jurang dari segi kemampuan kita dan kita harap akan dapat merapatkan jurang ini...kita pastinya perlu mempunyai lebih banyak aset dan sistem pengawasan yang lebih berkesan (di sana)”⁵⁰³

Kenyataan Perdana Menteri ini mengakui terdapat jurang iaitu kelemahan dalam pembangunan DPN dan pertahanan *self-reliance* yang selama ini dibangunkan. Ia turut menunjukkan pembangunan DPN dan ATM tidak bersifat komprehensif dan prinsip pertahanan *self-reliance* yang dibangunkan oleh kerajaan adalah lemah. Dengan kelemahan dasar pertahanan yang ada, ia telah menunjukkan komponen *firm defence posture* dalam prinsip pertahanan *self-reliance* adalah lemah.

5.3 Pembangunan Aspek Perbelanjaan

Aspek sumber pertahanan adalah aspek yang menentukan kejayaan pembangunan pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Aspek sumber pertahanan adalah penting dalam menyalurkan sumber kewangan bagi menggerakkan pengurusan dalam pembangunan ATM. Persoalannya adakah sumber pertahanan yang diamalkan oleh ATM selama ini meningkatkan keupayaan pertahanan *self-reliance* ATM?

⁵⁰³ Pencerobohan Di Lahad Datu Pengajaran Berguna Kepada Malaysia—PM *Utusan Malaysia*. 12 Mac 2013 http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130312/dn_54/Pencerobohan-di-Lahad-Datu-pengajaran-berguna-kepada-Malaysia---PM

**Jadual 5.7: Data Perbelanjaan Pertahanan Dan Peratusan Dari KDNK Malaysia
Tahun 1992-2011**

US \$ million									
1992	1995	1997	1999	2001	2003	2005	2007	2009	2011
1425	1744	1576	1568	1.7	3.1	3.2	4.6	4.4	4.8
Percentage of GDP									
1992	1995	1997	1999	2001	2003	2005	2007	2009	2011
3	2.8	2.1	2.1	3.4	2.2	1.7	2.0	1.9	1.6

Sources: <http://first.sipri.org/non-first/result-milex.mal?sent>

Jadual 5.7 menunjukkan mengenai Data Perbelanjaan Pertahanan Dan Peratusan Dari KDNK Malaysia Tahun 1992-2011. Secara umumnya dari sudut KDNK, peningkatan ekonomi yang pesat telah membolehkan Malaysia memperuntukan perbelanjaan yang lebih besar kepada sektor pertahanan. Pada tahun 1992-1997, kerajaan memperuntukan antara 3% hingga 2.1% peruntukan kepada sektor pertahanan. Kegawatan ekonomi negara telah menyebabkan peruntukan perbelanjaan pertahanan telah menurun kepada 1.6% pada tahun 1998, 2.1% pada tahun 1999 dan 1.9% pada tahun 2000. Penurunan peruntukan pertahanan juga adalah berkait rapat dengan kedudukan KDNK negara seperti mana yang berlaku pada tahun 1998 yang menurun sehingga 1.9% sahaja daripada jumlah KDNK. Peruntukan pertahanan telah menampakkan peningkatan pasca krisis ekonomi 1997 dari sudut jumlah yang mencatat USD 3.1 bilion meningkat kepada USD 4.8 bilion pada tahun 2011. Namun dari sudut peratusan KDNK, peruntukan kewangan oleh kerajaan kepada sektor pertahanan telah mencatatkan penurunan 3% hingga 2.1% antara tahun 1992 hingga 1999. Dalam pasca krisis ekonomi 1997, peratusan telah menurun daripada 3% pada tahun 2003 kepada 1.6% pada tahun 2011.

Jadual 5.8: Perbelanjaan Pembangunan dan Pengurusan Pertahanan 1997-2002
RM billion

Anggaran Pembangunan		Anggaran Pengurusan
1997 -	2.280	3.850
1998 -	2.010	3.740
1999 -	2.398	3.520
2000 -	2.120	3.919
2001 -	2.542	4.790
2002 -	2.530 (menurun 7.6%)	5.295 (meningkat 10.5%)

Sumber: Ministry of Defence Finance Division 2002.

Jadual 5.8 menunjukkan data Perbelanjaan Pembangunan dan Pengurusan Pertahanan dalam tahun 1997-2002. Data membuktikan peningkatan perbelanjaan pertahanan dalam aspek pembangunan antara tempoh 1997-2002. Daripada statistik tersebut peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan (DE) mencatatkan peningkatan yang sangat sedikit dalam tempoh 1997 (RM2,289 bilion) hingga tahun 2002 (RM 2.530 bilion). Bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) pernyataan itu terus meningkat kecuali bagi tahun 1998 dan 1999 di mana ia telah mengalami sedikit penurunan. Tahun 2002, OE telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.5% berbanding tahun sebelumnya.

5.3.1 Rancangan Malaysia Ke Enam (RMK6) 1991-1995

Bagi meningkatkan keupayaan ATM, kerajaan telah merancang Pelan Perancangan Lima Tahun ATM bagi mengatur urus program pembangunan dan pengurusan ATM dalam tempoh jangka masa panjang. Dengan pertumbuhan ekonomi negara yang stabil antara 6% hingga 7.5%, ianya telah memberikan kelebihan kepada kerajaan untuk mendapat peningkatan dalam pendapatan negara. Semenjak tahun 1991, kerajaan telah menikmati kemakmuran ekonomi dan kewangan yang kukuh dan menjelang tahun 1996, kadar pertumbuhan ekonomi purata dicatatkan sebanyak 7.5 peratus yang secara langsung menunjukkan peningkatan keluaran nominal negara turut meningkat daripada USD 42 bilion kepada USD75 bilion menjelang tahun 1996. Bagi tahun 1991-1995, pihak kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM11 billion bagi Kementerian Pertahanan untuk mentadbir urus

dan membangunkan ATM⁵⁰⁴. Melalui RMK6, kerajaan memperuntukan sebanyak USD3.6 bilion dalam perbelanjaan aset (DE) yang membolehkan ATM mendapat pelbagai kelengkapan pertahanan moden. Semenjak awal 1990-an, ATM telah memberi tumpuan kepada pembentukan sebuah *Rapid Deployment Force* (RDF) yang mampu berkeupayaan tinggi dan melibatkan diri dalam operasi bersama tiga cabang perkhidmatan.

Pembangunan ATM mengikut tahun 1991-1997 menunjukkan peningkatan dalam perbelanjaan pertahanan⁵⁰⁵. Ia telah membawa kepada pembelian kelengkapan strategik ATM selaras dengan matlamat kerajaan menjalankan pemodenan ATM dengan pesat. Pada akhir tahun 1990-an, Malaysia telah melaksanakan pembentukan RDF yang memfokuskan kepada kuasa tembakan (*fire power*)⁵⁰⁶ seperti gabungan *Hawk*, F/A-18 dan MiG-29, penyelarasan tugas maritim, pesawat rondaan maritim, pengangkutan udara, kapal frigat generasi baru, radar pengawasan ruang udara dan sistem C3I di seluruh negara. Gabungan udara moden, pengangkutan, dan keupayaan perisikan tentera telah membolehkan ATM dihormati di kalangan angkatan tentera di Asia Tenggara. Dalam masa yang sama untuk membolehkan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai, program pemindahan teknologi dan peningkatan pembabitan syarikat tempatan mendapatkan lesen pengilangan di Malaysia dipertingkatkan semenjak awal 1990-an. Ia juga adalah selaras dengan matlamat ATM yang menggariskan pembentukan sebuah angkatan tentera konvensional⁵⁰⁷. Pembangunan ATM ini adalah satu bentuk pemodenan untuk menggantikan sistem pertahanan yang telah berusia antara 20 hingga 30 tahun. Dalam RMK6 ini, ATM memfokuskan kepada pembangunan

⁵⁰⁴ Wong Siaw Wei (2010). The Study Relationship Of Government Spending And Economic Growth In Malaysia: Evidence Based in Development Expenditure. *Tesis*. Universiti Malaysia Sarawak: Faculty of Economics and Business. hlm10

⁵⁰⁵ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober. hlm 2-5

⁵⁰⁶ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, pada 12 Disember 2014. Markas Tentera Darat. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁵⁰⁷ Pembangunan ATM daripada *counter insurgency* kepada *conventional* turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

TLDM dan TUDM dengan pembelian aset berteknologi tinggi seperti kapal perang dan pesawat pejuang moden.

5.3.2 Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) 1996-2000

Dalam RMK7 (1996-2000), kerajaan telah meneruskan perancangan yang dirancang dalam RMK6 dengan peruntukan RM 7 bilion⁵⁰⁸. ATM telah mengambil langkah melakukan penstrukturan perkhidmatan agar ia dapat mengurangkan bebanan kewangan bagi setiap cabang perkhidmatan melalui konsep perkongsian tugas dan aset. Ia adalah langkah bagi menjimatkan kos operasi. Walaupun ianya berjaya mengurangkan kos, namun tidak berjaya dalam memenuhi keperluan untuk tujuan pembangunan. Aspek pembangunan seperti pembelian kelengkapan baru perlu dilakukan memandangkan kelengkapan yang sedia ada telah lapuk dan berusia. Langkah penstrukturan telah dilakukan dengan teliti dan berhemah agar ianya tidak menimbulkan rasa sangsi di kalangan negara serantau Asia Tenggara⁵⁰⁹. Namun ATM menghadapi masalah kerana peruntukan yang disediakan adalah terhad. Ini kerana agihan peruntukan bagi turut disalurkan ke sektor lain seperti pendidikan, pembangunan luar bandar dan sebagainya yang dianggap dapat memulihkan ekonomi dengan segera. Keadaan ini menyebabkan peruntukan kepada bidang pertahanan mengalami pengurangan.

Apakah kesan kepada ATM akibat daripada krisis kewangan yang meletus ada tahun 1997? ATM telah mengurangkan antara 30-50% peruntukan sehingga tahun 1999. Semenjak pertengahan tahun 1990-an, kerajaan telah memberikan penumpuan kepada aspek kerjasama antara negara Thailand, Indonesia dan Singapura yang membabitkan semua cabang perkhidmatan tentera. Latihan bersama dua hala dengan Thailand, Indonesia, Singapura dan perkhidmatan juga berlaku pada secara tetap. Namun perancangan pembangunan latihan bersama dengan negara serantau ini menghadapi masalah akibat daripada masalah kegawatan

⁵⁰⁸ Wong Siaw Wei (2010). Op.cit.hlm11

⁵⁰⁹ Shankaran Nambiar (2009). Malaysia And The Global Crisis: Impact, Response, And Rebalancing Strategies. *ADB Working Paper*. Bil. 148.hlm 1-27

ekonomi pada tahun 1997 yang menyebabkan latihan bersama ini telah dikurangkan⁵¹⁰. Namun, pembangunan ATM mengikut tahun 1991-1997 menunjukkan peningkatan dalam perbelanjaan pertahanan yang membolehkan pembelian kelengkapan strategik ATM selaras dengan matlamat kerajaan menjalankan pemodenan ATM dengan pesat. Menjelang Disember 1997, kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan peruntukan pertahanan kepada RM 83 juta ringgit atau 10% daripada peruntukan tahun 1997 berbanding tahun 1996 yang memperuntukan RM 6.0 bilion ringgit⁵¹¹. Pengurangan ini berpunca daripada masalah kegawatan ekonomi. Kerajaan turut mengambil langkah mengurangkan 8% peruntukan pertahanan pada tahun 1998 menjadi sebanyak RM 4.5 bilion berbanding RM 5.8 bilion pada tahun 1997⁵¹².

Selain daripada langkah penjimatan, kerajaan turut mengambil langkah untuk meningkatkan ekonomi dalaman dengan memperbanyakkan peluang pekerjaan dan perniagaan dalam negara. Ia termasuklah meningkatkan aktiviti pemindahan teknologi dan kerjasama dengan syarikat antarabangsa seperti memberikan kontrak pembinaan kapal peronda persisir kepada syarikat tempatan iaitu *Penang Shipping and Construction (PSC)*⁵¹³. Selain itu, bagi memastikan aktiviti industri pertahanan negara berkembang, kerajaan turut mengambil langkah meluaskan aktiviti ekonomi termasuk meningkatkan kerjasama dengan AS bagi menyelenggara pesawat C-130 dan kelengkapan pertahanan lain.

Fokus ATM adalah untuk membolehkan penyediaan pasukan udara bagi setiap cabang perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara⁵¹⁴. Dengan pembentukan pasukan udara bagi setiap perkhidmatan, kerajaan dan ATM telah mensasarkan untuk mendapatkan helikopter pelbagai guna (*multirole helicopter*) yang mampu menjalankan penugasan dalam medan peperangan, serangan, pengangkutan ringan dan berat serta mampu menjalankan operasi menyelamat bagi pasukan TUDM. Dengan memiliki pesawat *Hawk*, F/A-18D, MIG-29,

⁵¹⁰ Graeme Cheeseman (1999). Asia-Pacific Security Discourse In The Wake Of The Asian Economic Crisis. *The Pacific Review*. Vol. 12. Bil. 3. hlm 339.

⁵¹¹ Sheldon W. Simon (2000). Asian Armed Forces: Internal And External Tasks And Capabilities. *NBR Analysis*. Vol 11. Bil 1. Mei. hlm 16

⁵¹² Ibid. hlm 6

⁵¹³ Malaysia Signs Double Deals for OPV Project. *Jane's Defence Weekly*. 25 Februari 1998. hlm 16

⁵¹⁴ Maklumat diakses pada 18 Disember 2014 <http://www.tradingeconomics.com/malaysia/military-expenditure-percent-of-central-government-expenditure-wb-data.html>

Beechcraft 200 dan pesawat C-130, TUDM disediakan pasukan helikopter bagi membantu unit logistik TUDM dan tempur. Manakala bagi TLDM, ATM mensasarkan untuk mendapatkan helikopter yang memiliki kebolehan yang sama dan memiliki kelebihan untuk untuk melakukan serangan laut, anti kapal selam dan pengangkutan⁵¹⁵. Bagi TDM pula, ATM mensasarkan untuk mendapatkan helikopter ringan yang dilengkapi dengan senjata bagi tujuan tempur, membuat penugasan peninjauan dan pengangkutan ringan dan berat. Jumlah yang diperuntukan adalah USD 4 bilion ringgit. Selain itu, perancangan untuk memiliki 27 buah kapal peronda generasi baru kepada TLDM turut diteruskan dalam RMK7.⁵¹⁶ Selaras dengan hasrat kerajaan meningkatkan industri pertahanan tempatan, kerajaan dan ATM telah merancang untuk mendapatkan 27 buah kapal peronda generasi baru yang dibina di Malaysia yang merupakan pelaburan jangka masa panjang dengan jumlah USD 2 bilion ringgit. Ia akan mengambil masa antara 10- 15 tahun. Selain itu, ATM juga turut membuat pembelian dua buah kapal perang kelas *frigate* dari United Kingdom dan dua buah kapal perang kelas *corvette* daripada Itali bagi memperkukuhkan armada yang sedia ada.

5.3.3 Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) 2001-2005

Peruntukan kerajaan Malaysia untuk perbelanjaan pertahanan di bawah RMK8 adalah RM8.75 bilion. Daripada jumlah ini, 35% adalah untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan, sementara 65% untuk pembelian platform dan peralatan modal. Ini adalah peningkatan yang ketara (25%) berbanding dengan RM7 bilion yang diperuntukan dalam RMK7⁵¹⁷. Sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah untuk pembelian perkakasan dan peralatan untuk menggantikan stok dan pemodenan angkatan tentera. Penekanan utama adalah untuk mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan angkatan tentera melalui latihan tenaga kerja dan penggunaan peralatan moden. Beberapa kemudahan latihan yang moden disediakan manakala kemudahan sedia ada dinaiktarafkan. Kementerian Pertahanan turut merancang untuk melakukan lebih banyak penswastan dalam perkhidmatan yang tidak

⁵¹⁵ Panitan Wattanayagorn (1997). Defense Economics And Trends In Military Modernization In Asia. *Pembentangan Kertas Kerja*. The Annual Conference Of The Asia-Pacific Center For Security Studies. Honolulu. November 3-6. Hlm 2-3.

⁵¹⁶ Malaysian Armed Forces Modernization. *Jane.s Defence Weekly*. 26 November 1997. hlm 37-52

⁵¹⁷ Wong Siaw Wei (2010). Op.cit.hlm 11

kritikal dalam angkatan tentera dan peralatan pertahanan yang disewa. Kementerian Pertahanan turut bercadang untuk menswastakan perkhidmatan dan penyelenggaraan pesawat tempur dan sistem pertahanan udara berikutan kejayaan pengenalan program itu bagi peralatan yang tidak kritikal. Ini akan membolehkan angkatan tentera untuk memberi tumpuan kepada membina kekuatan pertahanan dan meningkatkan keupayaannya.

ATM juga mensasarkan untuk memperkembangkan penswastaaan yang dilihat memberi faedah kepada angkatan tentera dari segi kos dan tenaga kerja ATM. Kementerian Pertahanan memberi keutamaan kepada beberapa projek khusus dalam tempoh RMK8. Ini termasuk pembelian helikopter angkat berat untuk Tentera Udara Diraja Malaysia, pemodenan dan lanjutan hayat perkhidmatan pesawat pejuang dan pengambilalihan termasuk pesawat pelbagai guna, sistem pertahanan udara, kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) dan helikopter serangan untuk TDM dan TDLM. Tujuannya adalah untuk mengubah kemampuan dalam bidang ini dari angkatan perang menentang insurgensi kepada angkatan tentera konvensional. Kerajaan juga memberikan tumpuan perbelanjaan ke atas pasukan *Rapid Deployment Force* (RDF) yang boleh mengendalikan konflik rendah kepada konflik sederhana. Perancangan ini memerlukan kelengkapan senjata, logistik, pesawat pengangkut dan sistem komunikasi yang lebih baik dalam membangunkan RDF. Kerajaan Malaysia memberikan penekanan khusus kepada pemindahan teknologi, offset⁵¹⁸, penglibatan industri tempatan dan latihan bagi pembelian yang dilakukan oleh kerajaan. Ia telah menjadi keutamaan dalam perjanjian dalam pembelian yang dibuat oleh kerajaan dengan syarikat asing agar proses pemindahan teknologi dapat dilakukan. Ia juga bagi memastikan perbelanjaan yang dibuat oleh pihak kerajaan adalah tidak sia-sia dan memberikan keuntungan kepada negara. Dalam RMK8 juga, kementerian turut menumpukan perhatian bagi membuat pembelian untuk menggantikan beberapa aset yang berusia seperti helikopter pengangkut kepada TUDM, melanjutkan jangka hayat pesawat, mendapatkan pesawat MRCA, sistem pertahanan udara, UAV dan helikopter penyerang dan menyediakan helikopter kepada TLDM. Matlamat peruntukan perbelanjaan ATM dalam RMK8 adalah untuk memastikan tranformasi membentuk angkatan pertahanan daripada berbentuk

⁵¹⁸ Sila rujuk keterangan mengenai offset dalam Kogila Balakrishnan (2010). Evaluating The Role Of Offsets In Creating A Sustainable Defence Industrial Base: The Case Of Malaysia. *The Journal of Defence and Security*. Vol. 1. Bil 1. hlm 1-28

menentang insurgensi kepada angkatan tentera konvensional serta memastikan ATM berkemampuan menghadapi apa-apa bentuk situasi ancaman. Selain itu, Kementerian Pertahanan juga menasaskan untuk membuat senjata api, pesawat pengangkut, logistik dan sistem komunikasi moden. Penekanan khusus turut dilakukan oleh Kementerian Pertahanan bagi industri pertahanan untuk menggalakkan syarikat tempatan menjalankan usaha sama dengan syarikat antarabangsa dalam industri pertahanan serta menggalakkan pemindahan teknologi. Ia adalah usaha bagi memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai.

Peruntukan perbelanjaan pertahanan adalah aspek yang penting bagi memastikan proses pemodenan dan menaiktaraf angkatan pertahanan berjalan dengan lancar. Ia meliputi aspek pembelian kelengkapan pertahanan, mengurus dan pembangunan sesebuah angkatan tentera agar keselamatan negara terjamin serta memiliki keupayaan dan kesiapsiagaan sekiranya sesuatu keadaan memerlukan. Dengan pemulihan ekonomi selepas kegawatan ekonomi 1997-1998, beberapa perancangan pembelian pertahanan sebelum ini yang ditangguhkan telah dikaji untuk dilaksanakan melalui program perancangan pertahanan lima tahun⁵¹⁹. Dengan kadar pertumbuhan ekonomi diunjurkan sebanyak 5-6 peratus semenjak tahun 2000, ia telah mempengaruhi kerajaan untuk membuat perancangan pembangunan ATM pasca krisis ekonomi bagi mendapatkan 200 buah kereta perisai baru, pesawat pengangkut, kapal selam, helikopter dan pesawat pejuang bagi meningkatkan keupayaan pertahanan udara yang telahpun memiliki F/A-18 dan MiG-29. Ia juga telah membolehkan ATM membuat pembelian pesawat MRCA Sukhoi 30MKM daripada Rusia⁵²⁰. Pada awal tahun 2002, perbelanjaan pertahanan ditingkatkan dan Malaysia telah menjalankan pembangunan pertahanan yang sebelum ini ditangguhkan seperti mendapatkan kapal peronda luar pesisir, helikopter, sistem pertahanan udara peringkat rendah, dan kapal selam. Walaupun berlaku turun naik dalam ekonomi, Malaysia telah meneruskan rancangan untuk membina kapal peronda luar pesisir dalam negeri di limbungan swasta berhampiran Pengkalan Tentera Laut, Lumut Perak. Aspek jaminan keselamatan dan pertahanan adalah aspek yang penting bagi memastikan kelangsungan hidup sesebuah negara dan masyarakat.

⁵¹⁹ Op.cit. hlm 11

⁵²⁰ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Aset dan Teknologi Pertahanan Russia untuk ATM. *Perajurit*. Mac 2001. hlm 8-12

5.3.4 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) 2005 - 2010

Dalam RMK9 (2005-2010), kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM 14.4 bilion untuk pertahanan negara dengan memberikan fokus kepada beberapa aspek iaitu pembangunan keupayaan untuk membolehkan ATM menghadapi ancaman dalam bentuk baru dan tidak tertumpu kepada ancaman tradisional semata-mata. Kerajaan memutuskan bahawa kelengkapan canggih dan moden perlu untuk mencapai tujuan berkenaan. Aspek kedua adalah kejayaan kerajaan mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri mengenai DPN. Melalui pembentangan budget dan program jangka panjang negara iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), kerajaan telah memberikan penjelasan mengenai DPN yang diluluskan oleh Kabinet pada 29 November 2006. Menteri Pertahanan menyatakan:-

“Dalam hubungan ini juga, Dasar Pertahanan Negara yang baru telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 29 November 2006 sebagai mencerminkan hasrat kerajaan untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategik dan memelihara keselamatan negara berasaskan kepada prinsip-prinsip peningkatan keupayaan self-reliance, pertahanan menyeluruh, diplomasi serta kerjasama serantau dan permodenan ATM”⁵²¹.

Selain itu, aspek ketiga adalah pembangunan anggota tentera menerusi program meningkatkan keupayaan pengetahuan dan pembangunan sumber manusia. Kerajaan juga memberikan fokus kepada peningkatan modal insan dengan menyediakan program-program latihan yang berteraskan kompetensi dan kemahiran seperti Latihan Asas, Induksi, Kenegaraan, Kompetensi Umum, Bahasa Inggeris, Kewangan, Kompetensi Khusus, Pengukuhan dan Latihan Jangka Pendek Luar Negara. Kerajaan juga turut memperluaskan program bagi memastikan penguasaan terhadap ICT dapat dikuasai oleh warga kerja dan tentera. Ia juga turut membabitkan pelaksanaan dan aplikasi ICT dalam bidang pengurusan dan tenaga kerja⁵²². Bagi aspek keempat, Kementerian Pertahanan berhasrat menjadikan Kementerian Pertahanan sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab menjaga kebajikan para kakitangan, anggota tentera dan pesara tentera melalui Jabatan Hal Ehwal

⁵²¹ Laporan Rasmi dalam Laporan Tahunan 2006 Kementerian Pertahanan Malaysia.hlm 5. Juga Mejar Jeneral Dato’ Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014.

⁵²² Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. Perajurit. Oktober. hlm 2-5

Veteran (JHEV). Program pembangunan modal insan turut membabitkan golongan pesara tentera. Aspek kelima adalah usaha memantapkan keupayaan pertahanan *self-reliance* melalui DPN dan industri pertahanan dengan penubuhan MIPM. Dalam RMK9 juga, kerajaan merancang untuk meningkatkan industri pertahanan tempatan dan meningkatkan promosi kepada syarikat luar negara melalui program pameran pertahanan LIMA dan DSA yang diadakan setiap dua tahun sekali secara bergilir. Aspek ke enam adalah penumpuan kepada peningkatan hubungan antarabangsa yang membabitkan hubungan dua hala dan multi hala. Usaha memantapkan hubungan ini dapat dilakukan dengan memberikan fokus kepada keterlibatan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa yang sedia ada serta melalui hubungan dua hala yang terjalin. Aspek ketujuh adalah berkaitan dengan program meningkatkan tenaga sukarela pertahanan negara dan PLKN. Di bawah RMK9, kerajaan telah memberikan penekanan dalam meningkatkan keberkesanan PLKN di mana kerajaan merancang untuk memperkenalkan latihan penggunaan senjata api kepada pelatih PLKN yang sebelum ini tidak dapat dilaksanakan akibat tentangan masyarakat.

5.3.5 Analisa Pembangunan Aspek Sumber Pertahanan

Keperluan pembangunan ATM telah mempengaruhi kerajaan dalam memberi peruntukan sumber kewangan kepada Kementerian Pertahanan bagi memastikan aspek pertahanan *self-reliance* dapat dibangunkan. Namun persoalannya adakah pembangunan sumber pertahanan ATM mengukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance*?

5.3.5.1 Kekangan Peruntukan

Aspek perbelanjaan adalah penting untuk membolehkan ATM sebagai sebuah pasukan tentera dilengkapi dengan keperluan persenjataan, pembangunan dan pengurusan yang cekap dalam memastikan ATM berada dalam siapsiaga. Ini kerana melalui sumber kewangan yang cukup, ia dapat membuat pembangunan dan pembelian persenjataan serta

menambahbaikan kemudahan tentera⁵²³. Namun adakah perbelanjaan pertahanan ini mampu mencapai objektif pertahanan *self-reliance*? Kekangan sumber adalah faktor sering membelenggu proses pembangunan ATM. Masalah kekangan kewangan atau sumber pertahanan sememangnya berlaku dan disedari oleh pihak ATM. Menurut Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Zainal (2006) menyatakan:

*“Suka saya nyatakan di sini bahawa memandangkan pembangunan keupayaan ATM ini memerlukan perbelanjaan yang besar, ianya perlu dibuat berdasarkan kemampuan dengan mengambilkira kekangan peruntukan”*⁵²⁴

Malah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 18 Ogos 2014, menyatakan peruntukan perbelanjaan kepada Kementerian Pertahanan adalah tidak tetap dan berdasarkan kemampuan KDNK negara. Kementerian Pertahanan telah mencadangkan agar peruntukan pertahanan dapat disediakan dalam 3% hingga 4% daripada KDNK, namun purata yang diperuntukan adalah hanya 2% dan semenjak tahun 2012, peruntukannya semakin menurun sehingga 1.5%. Ia telah memberikan kekangan kepada Kementerian Pertahanan dalam perancangan dan pembangunan pertahanan⁵²⁵. Kerajaan Malaysia membuat peruntukan berdasarkan kemampuan kewangan negara di mana peruntukan perbelanjaan turut disalurkan kepada sektor yang mempunyai keutamaan. Dengan pertumbuhan ekonomi di bawah 6 peratus, Malaysia memiliki sumber pendapatan yang kecil sekiranya dibandingkan dengan negara yang memiliki sumber kewangan yang besar seperti Australia, Singapura dan Korea Selatan. Sumber pendapatan yang besar akan membolehkan sesebuah negara membangunkan angkatan pertahanan dan membuat pembelian kelengkapan ketenteraan dengan kuantiti yang besar dan berkualiti tinggi. Sebagai contoh, Singapura yang mencapai kemerdekaan semenjak tahun 1963 membangunkan ekonominya dengan pesat dan membolehkan 4-5% peruntukan daripada KDNK negaranya di salurkan kepada pembangunan ketenteraan.

⁵²³ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014.

⁵²⁴ Laporan Rasmi dalam Laporan Tahunan 2006 Kementerian Pertahanan Malaysia.hlm 11

⁵²⁵ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014. dan dokumen Nota Percakapan Ketua Setiausaha Ketua Setiausaha mengenai “Dasar Pertahanan Negara Executive Talk” pada 18 Ogos 2014.

Singapura muncul sebagai negara paling tinggi membuat perbelanjaan pertahanan di kalangan negara Asia Tenggara.

Keadaan ini berbeza dengan Malaysia yang memiliki jumlah pendapatan yang lebih kecil berbanding Singapura. Keadaan ini memaksa Malaysia memperuntukan perbelanjaan yang kecil iaitu antara 2-3 peratus daripada KDNK setiap tahun⁵²⁶ untuk tujuan pertahanan. Kekangan kewangan ini memberikan kesan langsung kepada proses pembangunan yang dirancang dan menjejaskan usaha untuk mencapai objektif prinsip pertahanan *self-reliance*⁵²⁷. Ini kerana masalah yang dimiliki oleh kerajaan dalam aspek sumber pertahanan ini menyebabkan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah tidak kukuh. Sebagai contoh, kesan kelemahan dalam sumber pertahanan negara dapat dilihat dalam keputusan kerajaan memberikan penumpuan kepada perancangan penggantian helikopter *Sikorsky S61A* (Nuri) berbanding dengan kelengkapan lain, manakala kelengkapan lain telah ditunda ke RMK10 akibat masalah kewangan.

“Jika dicongak pada perancangan seperti yang tersenarai di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), beberapa lagi program perolehan kelengkapan pertahanan baru bagi ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM tidak terlaksana dan kemungkinan besar akan ditunda ke RMK10...TUDM telah membuat penilaian aktif mengenai perolehan (AEW&C)⁵²⁸ ini bermula RMK6 lagi namun telah ditunda kerana kerajaan memutuskan dana pertahanan yang terhad dan menganggap keperluan AEW&C bukanlah sesuatu kepentingan terdesak”⁵²⁹.

Kekangan sumber pertahanan turut memberikan kesan kepada keupayaan ATM seperti dinyatakan oleh Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia pada Mei 2008. Beliau menyatakan mengenai permasalahan kekangan sumber pertahanan dalam menjalankan pemodenan dan meningkatkan kekuatan TLDM.

⁵²⁶ N.S Shah (2006). Op.Cit.hlm 10

⁵²⁷ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober. hlm 2-5

⁵²⁸ AEW&C adalah system pesawat amaran awal dan kawalan udara yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat dan amaran terhadap sebarang ancaman dalam ruang legar keselamatan negara. Pembelian ini telah dirancang semenjak RMK 6 lagi namun telah ditunda sehingga RMK10. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2008g). DSA 2008 Pemangkin Perolehan Pertahanan. *Perajurit*. Mei. hlm 4

⁵²⁹ Ibid.hlm 3-4

“Buat masa ini, TLDM memerlukan sekurang-kurangnya 6 buah lagi helikopter bagi kegunaan peperangan anti-kapal selam, selari dengan keupayaan kapal selam yang akan tiba di dalam inventori TLDM 2009. Helikopter yang sedia ada kini tidak memiliki keupayaan mengesan kapal selam dan lebih kepada keupayaan misil anti kapal selam...Di samping itu, TLDM juga memerlukan helikopter operasi khas untuk pasukan khasnya, yang kini keupayaan tersebut perlu diguna sama dengan perkhidmatan lain dengan kekangan yang tersendiri. Secara dasarnya peningkatan jumlah serta fungsi helikopter adalah bergantung kepada keperluan semasa TLDM serta peruntukan yang diberikan oleh kerajaan”⁵³⁰.

Di sini menunjukkan dengan peruntukan kewangan yang terhad, ia telah menghadkan kemampuan ATM dari sudut pemilikan kelengkapan yang lebih baik, perancangan dan memiliki keupayaan untuk menjalankan operasi ketenteraan dengan lebih berkesan. Keadaan ini menunjukkan hubungan antara kekurangan sumber peruntukan menyebabkan kesan langsung kepada kemampuan ATM untuk membangunkan sebuah angkatan pertahanan yang kuat dan mampu mempertahankan diri secara berdikari.

5.3.5.2 Perancangan Perbelanjaan

Ketiadaan KPP juga menjadi permasalahan dalam pembangunan dan pemodenan ATM. Ini kerana dengan ketiadaan KPP, ATM menghadapi masalah untuk menstrukturkan dan menetapkan ketetapan keutamaan dan pertimbangan dalam menjalankan perbelanjaan sama ada menggantikan aset usang, penambahbaikan dan menaiktaraf kelengkapan⁵³¹. Ini bermaksud, ATM tidak memiliki KPP untuk dijadikan sebagai asas dalam membuat perancangan dan pertimbangan perbelanjaan pertahanan. Ketiadaan KPP telah memberikan masalah kepada ATM apabila ia bergantung kepada keputusan semasa kerajaan dalam peruntukan pertahanan. Ini bermaksud pembangunan ATM adalah tidak sistematik dan tidak memiliki ketetapan perancangan yang menetapkan keutamaan dalam perbelanjaan

⁵³⁰ Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Lihat juga Bersama Laksamana Datuk Abdul Aziz Haji Jaafar Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia. *Perajurit*. Mei. 2008. hlm 16-17

⁵³¹ YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri pertahanan Sempena Majlis Pelancaran Malaysian Institute Of Defence & Security (MiDAS). DI PWTC Kuala Lumpur Pada 21 April 2010. hlm 3

pertahanan yang telah menyebabkan kerajaan menanggung pelbagai program pembelian kelengkapan pertahanan. Senario ini memberikan kesan yang buruk kepada ATM dan negara dari sudut kemampuan mempertahankan kepentingan negara. Adalah lebih buruk apabila perbelanjaan pertahanan dibuat tanpa penelitian dan pertimbangan yang teliti dalam menuju objektif *self-reliance*. Ia secara tidak langsung menunjukkan komponen prinsip pertahanan *self-reliance* dalam aspek sumber pertahanan menghadapi masalah apabila perbelanjaan pertahanan diurus tadbir tanpa memiliki KPP untuk menjadi “*blue print*” kepada ATM dalam menguruskan sumber kewangan. Sumber pertahanan perlu diurus tadbir selari dengan dasar pertahanan dan keselamatan. Tanpa KPP ia gagal menetapkan garis panduan yang sentiasa dikemaskini dengan perubahan ancaman keselamatan⁵³².

Kegagalan kerajaan menghasilkan KPP telah menyebabkan kerajaan terpaksa bergantung kepada laporan perisikan, kajian terhadap persekitaran strategik dan kajian terhadap ancaman dalam perspektif ketenteraan bagi menyalurkan maklumat untuk merangka perbelanjaan pertahanan negara. Walaupun ancaman konvensional ke atas Malaysia masih tidak jelas, namun aspek pembangunan dan kesiapsiagaan pertahanan tidak boleh diabaikan. Justeru dalam menyusun atur pembangunan dan pemodenan yang sistematik dan meningkatkan keupayaan ATM pada tahap yang kukuh, kerajaan perlu membaiki kelemahan khususnya dalam menghasilkan KPP agar boleh dijadikan rujukan kepada ATM dan ketiga-tiga cabang perkhidmatan. Ketiadaan KPP dapat dilihat apabila pelan perancangan pembangunan tidak dijadikan sebagai keutamaan dalam peruntukan sebaliknya ia bergantung kepada pendirian kerajaan. Kelemahan ini telah menyebabkan perolehan dan perancangan yang dibuat gagal dicapai. Ia secara tidak langsung menunjukkan kelemahan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Kelemahan dan kesan ini dapat dilihat dengan tindakan kerajaan yang telah mengambil keputusan untuk menanggung pembinaan 17

⁵³² Malah ketiadaan Kertas Putih Pertahanan dan eksan kepada pembangunan ATM turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Lihat juga K.S Balakrishnan (2009a). Op.Cit. hlm 116

daripada 27 buah kapal perang kelas Meko daripada Jerman. Ia telah dinyatakan oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 30 Julai 2011:-

*“Projek kapal Meko 100 tidak pernah dihentikan dan baki 17 buah kapal yang menjadi opsyen kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan disambung jika kedudukan kewangan negara mengizinkan”.*⁵³³

Keadaan ini menyebabkan proses meningkatkan keupayaan, penggantian kelengkapan dan memastikan keupayaan ATM mencapai *self-reliance* adalah gagal. Pembangunan tanpa garis panduan dan ketetapan menyebabkan pembangunan pertahanan ATM tidak teratur dan melemahkan keupayaan dalam mempertahankan negara.

5.3.5.3 Bergantung Kepada Kedudukan Ekonomi Negara

Hubungan pertumbuhan ekonomi dengan perbelanjaan pertahanan telah dikaji oleh Frederiksen (1991) yang membabitkan negara ASEAN+5 termasuk Korea Selatan. Hasil kajian ini menunjukkan hubungan positif antara pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan perbelanjaan pertahanan yang mempengaruhi antara satu sama lain. Bagi Singapura dan Indonesia, perbelanjaan pertahanan telah meningkatkan pertumbuhan ekonomi manakala Malaysia pula pertumbuhan ekonomi telah mempengaruhi jumlah perbelanjaan pertahanan negara⁵³⁴. Pola ini dapat dilihat di mana semenjak tahun 1990-an, ekonomi negara adalah dalam keadaan yang baik dengan mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi 6 hingga 8% setiap tahun. Perkembangan pesat pertumbuhan ekonomi ini membolehkan kerajaan memiliki keupayaan kewangan yang kukuh yang boleh disalurkan kepada Kementerian Pertahanan dan ATM antara 3 hingga 2.1% (1991 – 1997). Namun akibat kegawatan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998, peruntukan kewangan untuk pertahanan menurun sehingga 1.6% dan ia menunjukkan sumber pertahanan adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi negara. Selepas tahun 1998, peruntukan perbelanjaan pertahanan adalah tidak melebihi 2.6 % jika dibandingkan pada tahun 1991 yang pernah mencatatkan peruntukan

⁵³³ Projek 17 Kapal Meko 100 Diteruskan. *Utusan Malaysia*. 31 Julai 2011
http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0731&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_06.htm

⁵³⁴ Frederiksen P.C. (1991) Economic Growth And Defense Spending: Eviden On Casualty For Selected Asian Countries. *Journal of Philippine Development*. Vol 18. Bil 1.hlm 131-147

pertahanan sebanyak 3.4% daripada KDNK. Ini kerana kelembapan ekonomi dunia turut memberikan kesan kepada Malaysia yang hanya pertumbuhan ekonomi antara 4-5% setiap tahun selepas 1998.

Krisis kewangan yang melanda Asia termasuk Malaysia pada tahun 1997 dan 1998 memberikan kesan kepada pembangunan ketenteraan di mana Malaysia telah mengurangkan peruntukan perbelanjaan serta menstrukturkan semula ATM agar dapat menjimatkan kos⁵³⁵. Senario ini telah membantutkan perkembangan proses pembangunan keupayaan ATM serta menjejaskan proses pemodenan. Langkah penjimatan telah dilaksanakan dan menjadi faktor yang mempengaruhi penstrukturkan semula ATM. Kementerian Pertahanan dan ATM memperkenalkan konsep *jointness* (kebersamaan) dalam perkhidmatan⁵³⁶. Konsep *jointness* ini adalah gabungan perkhidmatan yang membabit ketiga-tiga cabang perkhidmatan bagi menjimatkan perbelanjaan sesebuah operasi. Selain itu, akibat daripada kekurangan dana kewangan, jumlah anggota tentera juga turut dikurangkan daripada 100,000 orang anggota kepada 80,000 akibat krisis kewangan Asia 1997. Pengurangan jumlah anggota ini bertujuan bagi mengurangkan perbelanjaan pengurusan ATM. Setiap tahun jumlah peruntukan kerajaan kepada Kementerian Pertahanan akan membabitkan lebih daripada 70% kepada perbelanjaan pengurusan dan hanya 30% diperuntukan kepada aspek pembangunan dan pembelian kelengkapan. 70% perbelanjaan pengurusan ini adalah peruntukan bagi membayar gaji, elaun, perkhidmatan, sewa, pengurusan dan sebagainya. Manakala 30% lagi adalah peruntukan kepada aspek pembelian kelengkapan persenjataan, infrastruktur dan aset.

⁵³⁵ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014.

⁵³⁶ Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad Timbalan Menteri Pertahanan (2009). Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Datuk Dr Hj Abdul Latiff Bin Ahmad. Sempena Majlis Penyampaian Diploma Kursus MTAT Siri 38/2009. Wisma Pertahanan. 11 Disember 2009. hlm 16. Markas Angkatan Bersama ditubuhkan pada 2004 yang menggabungkan semua perhidmatan dalam satu operasi. MAB diketuai oleh seorang Panglima dan dibantu oleh pegawai kanan tentera lain. Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan pada 12 Disember 2014. Lihat juga dalam Sejarah penubuhan Markas Angkatan Bersama. *Purple Force*. Markas Angkatan Bersama. Bil 1/10. 2010. hlm 3

Dengan masalah dana yang kecil, ATM melaksanakan pengecilan jumlah anggota tentera dan memberikan fokus kepada aspek kelengkapan (*fire power*)⁵³⁷.

*“Kita mestilah berupaya untuk self-reliance dan menghadapi risiko dalam melaksanakan kewajipan ini... Dalam waktu yang sama. Kita juga akan terus membangunkan ATM mengikut kemampuan negara berdasarkan kepada keupayaan yang telah dirangka bagi memenuhi dasar pertahanan negara”*⁵³⁸.

Kenyataan Timbalan Menteri Pertahanan pada 23 Mei 2009 yang menyatakan hasrat kerajaan membangunkan ATM berdasarkan keupayaan sendiri bagi mencapai DPN menunjukkan kejayaan pencapaian objektif DPN adalah bergantung kepada keupayaan kerajaan. Ini bermaksud sekiranya kerajaan menghadapi masalah peruntukan, logistik serta strategi yang terhad, maka ia akan membangunkan ketenteraan berdasarkan kemampuan yang terhad. Keadaan ini menunjukkan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah berteraskan keupayaan kerajaan. Dengan peruntukan yang kecil, logistik yang terhad dan strategi pertahanan yang kabur menyebabkan prinsip pertahanan *self-reliance* negara lemah. Kekurangan peruntukan memberikan kesan langsung bukan hanya dalam aspek kelengkapan dan fizikal ATM, tetapi juga aspek bukan fizikal seperti latihan dan kemahiran. Kekurangan peruntukan menyebabkan pengurangan kos dan langkah penjimatan akan dilakukan seperti mana yang pernah berlaku pada tahun 1997-1998. Sebagai contoh, kegawatan ekonomi antarabangsa telah menyebabkan Malaysia mengurangkan perbelanjaan sehingga 3 bilion ringgit dan membatalkan semua bentuk latihan udara pada tahun 1998.

Sumber peruntukan perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan ATM adalah bergantung kepada prestasi pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara. Sektor pertahanan dan keselamatan adalah sektor yang kurang mendapat perhatian pelabur dalam dan luar negara kerana ianya dilihat tidak memberikan keuntungan yang besar dan memerlukan modal yang besar. Industri pertahanan yang dibangunkan semenjak tahun 1970-an adalah tidak

⁵³⁷ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁵³⁸ Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad Timbalan Menteri Pertahanan (2009).Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Datuk Dr Hj Abdul Latiff Bin Ahmad. Sempena Majlis Penyampaian Diploma Kursus MTAT Siri 38/2009. Wisma Pertahanan. 11 Disember 2009.hlm 20-21

berkembang pesat berbanding sektor lain. Sektor pertahanan dan keselamatan tidak muncul sebagai industri yang boleh memberikan pulangan yang besar seperti yang diamalkan oleh AS. Sektor industri pertahanan memberikan pulangan yang besar kepada negara AS hasil daripada penjualan kelengkapan, teknologi dan perkhidmatan ke seluruh dunia. Kekurangan golongan pelabur menceburi bidang ini menyebabkan sumber kewangan terhad untuk membolehkan ATM memiliki sumber yang kukuh. Keadaan ini menyebabkan ATM dan Kementerian Pertahanan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pihak kerajaan bagi menyediakan sumber kepada pembangunan dan pemodenan ATM⁵³⁹. Kedudukan ekonomi yang lemah menyebabkan pendapatan kerajaan berkurangan dan penyaluran peruntukan adalah berkurangan. Keadaan ini telah menyebabkan Kementerian Pertahanan dan ATM mengalami kesukaran dalam mencapai objektif perancangan yang dirancang dan prinsip pertahanan *self-reliance* juga turut terganggu.

5.3.5.4 Keperluan Pertahanan Yang Besar

Keperluan peruntukan pertahanan turut dipengaruhi oleh geografi Malaysia. Semakin luas kawasan sempadan negara, bermaksud ia memerlukan kos yang tinggi dalam memastikan keselamatan negara dilindungi. Ia bukan hanya meliputi kos dalam mengawasi sempadan darat sebaliknya ia meliputi sempadan laut dan udara⁵⁴⁰. Dengan pengistiharan ZEE yang meluaskan wilayah Malaysia 200 batu dari pesisir pantai, menyebabkan komitmen pengawasan wilayah semakin berkembang. Ini bermaksud, kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan pertahanan bagi melindungi wilayah daripada sebarang pencerobohan dan serangan musuh⁵⁴¹. Senario ini telah menyebabkan peranan dan tanggungjawab TLDM bertambah untuk melindungi dan melakukan pengawasan. Keadaan ini pastinya memerlukan pembesaran angkatan TLDM dan juga kelengkapan pertahanan dan aset strategik. Namun dengan kekangan sumber pertahanan, kemampuan TLDM untuk

⁵³⁹ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober. hlm 2-5

⁵⁴⁰ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁵⁴¹ Aspek ini turut disentuh oleh Menteri Pertahanan sila rujuk Ahmad Zahid Hamidi (2011). Maritime Security In Southeast Asia: Consolidating Current Efforts And Fostering New Ones. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 2 Bil. 2. hlm 163 - 170

mengawasi sempadan negara adalah turut terjejas. Ini menunjukkan bahawa keluasan sempadan Malaysia yang semakin luas memerlukan sumber pertahanan yang mencukupi kerana kos untuk membina sebuah armada laut yang dapat mengawasi perairan dan keselamatan negara adalah besar⁵⁴². Kejadian kes perlanunan di Selat Melaka, perairan Sabah dan Sarawak serta pencerobohan oleh warga Vietnam dan Thailand di Laut China Selatan telah memberikan gambaran mengenai kemampuan TLDM dan agensi keselamatan yang terhad dalam melakukan kawalan perairan negara.

Permasalahan ini berkait rapat dengan masalah kekurangan sumber pertahanan yang disediakan oleh kerajaan bagi mendapatkan kelengkapan pertahanan yang mencukupi bagi melindungi sempadan negara⁵⁴³. Justeru, dengan kekangan sumber pertahanan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada ATM khususnya TLDM telah memberikan kesan yang dapat dilihat dengan peningkatan kes pencerobohan di perairan negara. Kes pencerobohan penganas di Selat Melaka seperti kes pencerobohan di Lahad Datu Sabah pada Februari 2013, kes pencerobohan nelayan Vietnam dan Thailand ke atas perairan negara telah menunjukkan kelemahan dalam pengawalan wilayah perairan negara. Dengan meningkatnya kes pencerobohan ke atas wilayah negara, ia menunjukkan kawalan dan operasi rondaan tidak dilakukan secara komprehensif dan mudah diceroboh oleh musuh. Keadaan ini meletakkan ancaman keselamatan negara boleh digugat pada bila-bila masa⁵⁴⁴. Aspek kos yang tinggi dapat dilihat dengan kes pembatalan semua latihan penerbangan bagi TUDM pada tahun 1998 kerana ia memerlukan kos yang tinggi⁵⁴⁵. Dengan peruntukan yang terhad dan kelemesetan ekonomi pada akhir 1990-an, usaha meningkatkan kemahiran dan latihan ketenteraan terpaksa dibatalkan. Selain itu, faktor kos kelengkapan pertahanan yang

⁵⁴² Ibid. hlm 163 - 170

⁵⁴³ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁵⁴⁴ Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar, Panglima Tentera Laut (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Laut (PTL) Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar. Perutusan Panglima Tentera Laut Sempena Hari TLDM Ke-80 'TLDM Siaga Perairan Terpelihara'. 24 April 2014. hlm 6

⁵⁴⁵ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014

tinggi turut menjejaskan kemampuan ATM yang memiliki kemampuan kewangan yang terhad. Ia dapat dilihat melalui pembelian pesawat pejuang F/A-18 di mana pihak kerajaan mampu membeli hanya 8 buah pesawat sahaja untuk disediakan kepada TUDM sedangkan untuk membentuk sebuah skuadron udara yang ideal ia memerlukan sekurang-kurang 16 buah pesawat.

“Adalah agak malang bagi ATM kerana kebanyakan perolehan aset ketumbukkan negara hanya dibeli pada jumlah yang amat minima dan tidak praktikal. Budaya membeli pada jumlah yang sedikit dengan harapan dapat membeli jumlah tambahan pada masa hadapan hendaklah kena pada tempatnya.”⁵⁴⁶

Begitu juga dengan pembelian aset TUDM sistem AWACS yang telah ditangguhkan semenjak RMK 6 (1991-1995) sehingga RMK9 (2005-2010) akibat daripada kos yang tinggi. Walaupun TUDM menegaskan keperluan AWACS bukan sebagai keperluan terdesak dan memerlukan kos yang tinggi, namun AWACS adalah sistem radar yang penting bagi mengesan lalulintas udara bagi mengawasi pesawat yang menceroboh ruang udara Malaysia. Senario ini menunjukkan bahawa kos operasi dan pembelian kelengkapan pertahanan adalah tinggi. Dengan kekangan kewangan dan kos yang tinggi telah menyebabkan ATM menghadapi kesukaran bagi membangunkan keupayaan⁵⁴⁷. Keadaan ini menunjukkan kelemahan dalam aspek perbelanjaan pertahanan telah menyebabkan prinsip pertahan *self-reliance* yang dimaktubkan dalam DPN lemah.

5.3.5.5 Penumpuan Kepada Sektor Lain

Bagi Kormendi and Meguire (1985)⁵⁴⁸, Grier and Tullock (1987)⁵⁴⁹ dan Summers dan Heston (1988)⁵⁵⁰ melihat perbelanjaan dalam aspek ketenteraan adalah tidak produktif

⁵⁴⁶ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan N.S Shah (2006). Op.Cit. hlm 11

⁵⁴⁷ Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perintah Ulung Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera Ke-17 pada 30 September 2009. hlm 10

⁵⁴⁸ Kormendi, R.C. dan Meguire, P.G. (1985). Macroeconomic Determinants of Growth: Cross-Country Evidence. *Journal of Monetary Economics*. Vol.16. Bil.2. hlm 141-163.

⁵⁴⁹ Grier, K. dan G. Tullock (1989), An Empirical Analysis Of Cross-National Economic. *Journal of Monetary Economics*. No.24.hlm 259-276

⁵⁵⁰ Summers, R. dan Heston, A. (1988). A New Set of International Comparisons of Real Product and Price Levels Estimates for 130 Countries, 1950-1985. *Review of Income and Wealth*. Vol.34. No.1. hlm.1-25

(*unproductive expenditure*). Glomm dan Ravikumar (1997)⁵⁵¹ menjelaskan perbelanjaan kerajaan dapat membawa kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang dengan memberi tumpuan kepada dua jenis perbelanjaan iaitu merupakan barangan dan perkhidmatan. Antara aspek yang ditekankan adalah aspek kesihatan kerana melalui kesihatan, ia dapat mewujudkan masyarakat yang sihat dan meningkatkan keyakinan pelabur untuk membuat pelaburan. Sektor pendidikan adalah sektor yang perlu diberikan tumpuan kerana ianya adalah sektor yang menawarkan nilai yang dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat. Melalui pendidikan, ia dapat meningkatkan kadar pengetahuan masyarakat. Ia secara langsung dapat mewujudkan sumber tenaga yang memiliki keupayaan untuk mempengaruhi aktiviti sosial, politik dan ekonomi. Di sini jelas terdapat pendapat yang memberikan penumpuan kepada sektor tertentu seperti kesihatan dan pendidikan yang memberikan kesan langsung kepada masyarakat. Ini bermakna sektor yang menghasilkan sesuatu yang dapat dilihat dan dirasai oleh masyarakat diberikan tumpuan yang diyakini dapat menyuntik kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara. Ini kerana perbelanjaan dalam aspek ketenteraan tidak membuka peluang ekonomi yang besar kepada negara dan syarikat. Smith (2001) menjelaskan, perbelanjaan kerajaan dalam pertahanan atau ketenteraan memiliki kesan positif kerana ianya dapat memberikan keselamatan kepada sesebuah negara.

Namun, ia masih memiliki kesan yang negatif dalam masa yang panjang kerana perbelanjaan tersebut hanya digunakan untuk membeli kelengkapan dan tidak digunakan dalam keadaan yang aman. Bagi sesebuah negara yang memiliki suasana aman yang lama, maka perbelanjaan besar tersebut dilihat sebagai kerugian kerana kelengkapan yang dibeli tidak digunakan pada tahap yang maksimum. Pelaburan dalam aspek pertahanan memerlukan pelaburan yang besar dan akan memberikan kesan langsung kepada peruntukan kepada aspek-aspek yang lain. Keadaan ini akan menyebabkan aspek lain mendapat kesan negatif atau pengurangan peruntukan apabila peruntukan yang besar diberikan dalam aspek ketenteraan⁵⁵². Dengan keadaan kestabilan politik dan aman serta memiliki hubungan yang

⁵⁵¹ Glomm, Gerhard & Ravikumar, B. (1997). Productive Government Expenditures And Long-Run Growth. *Journal of Economic Dynamics and Control*. Vol. 21. Bil 1. Januari. hlm 183-204

⁵⁵² Chris Smith (2001). Security-Sector Reform: Development Breakthrough Or Institutional Engineering? *Conflict, Security & Development*. Vol 1. Bil 1.2001. hlm 5-20

baik dengan negara jiran, maka pelaburan ketenteraan dilihat kurang signifikan untuk diberi peruntukan dengan jumlah yang lebih besar.

Adam Smith (1776) menekankan bahawa perbelanjaan kerajaan dalam sektor yang berbeza seperti infrastruktur, keselamatan, keamanan, keadilan, dan pendidikan menghasilkan pelbagai kelebihan bukan sahaja hanya untuk tertentu individu, tetapi ia adalah untuk seluruh masyarakat⁵⁵³. Namun bagi pendapat Barro (1991), perbelanjaan kepada aspek pertahanan adalah satu bentuk perbelanjaan yang produktif sama seperti pelaburan dalam aspek pendidikan. Ini kerana melalui perbelanjaan pertahanan, ianya dapat melindungi harta dan keselamatan dan dapat meningkatkan pendapatan ekonomi negara melalui keyakinan para pelabur asing untuk membuat pelaburan. Kajian mengenai hubungan positif antara perbelanjaan pertahanan dengan pertumbuhan ekonomi negara turut melibatkan negara ASEAN⁵⁵⁴. Dalam kajian Hassan, M.K, Waheeduzzaman dan Rahman (2003) yang melakukan kajian terhadap 7 buah negara yang membabitkan data tahun 1980 sehingga 1999 telah membuat penemuan hubungan yang positif antara perbelanjaan pertahanan dengan pertumbuhan ekonomi negara dan perbelanjaan pertahanan dapat mempengaruhi peningkatan pertumbuhan ekonomi negara ASEAN⁵⁵⁵. Frederiksen dan McNab (2001) mendapati terdapat hubungan positif antara pertumbuhan ekonomi dengan perbelanjaan pertahanan. Perbelanjaan pertahanan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dengan peningkatan keyakinan para pelabur, jaminan keselamatan, keamanan dan kemakmuran yang menjadi faktor yang mempengaruhi sesuatu keputusan dalam pelaburan⁵⁵⁶.

⁵⁵³ Thomas R. Wells (2014). Recovering Adam Smith's Ethical Economics. *Real World Economics Review*. Bil 68. Netherlands: University of Groningen.hlm 93

⁵⁵⁴ Robert J. Barro (1991). Economic Growth In A Cross Section Of Countries. *The Quarterly Journal of Economics*. Vol. 106. Bil. 2.Mei.hlm 407-443

⁵⁵⁵ Hassan M.K, Waheeduzzaman, M. and Rahman. A (2003) Defense Expenditure And Economic Growth In The SAARC Countries. *The Journal of Political, Social and Economic Studies*. Vol.28. Bil 3. hlm 275-293.

⁵⁵⁶ Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama dan Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan bagi pihak Panglima Angkatan Tentera pada 12 Disember 2014. Maklumat turut diperolehi daripada En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur. Lihat juga Frederiksen, P.C. dan McNab, R. (2001) Op.cit.hlm 63-71

Hakikatnya peruntukan yang disediakan oleh kerajaan Malaysia adalah antara 1.4% sehingga 3.4% (1991 -2010) dan puratanya adalah 2% sahaja daripada jumlah KDNK. Dengan jumlah KDNK yang kecil, ia memberikan jumlah peruntukan perbelanjaan yang terhad dalam sektor pertahanan. Ini bermaksud kerajaan memberikan penumpuan dan keutamaan kepada sektor-sektor lain berbanding pertahanan. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 7 Disember 2000 menyatakan:-

“Hakikat yang perlu diterima ialah Malaysia - dalam proses untuk menjadi negara maju - lebih menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan sosial berbanding kepentingan pertahanan”⁵⁵⁷.

Penumpuan peruntukan kerajaan kepada bidang lain seperti pembangunan luar bandar, pendidikan, kesihatan dan sebagainya telah menyebabkan bidang keselamatan menghadapi masalah kekurangan sumber bagi membangunkan ATM. Pembangunan dan pemodenan ATM adalah sektor yang membabitkan perbelanjaan yang besar. Malah sektor ini dilihat tidak memberikan keuntungan, sebaliknya sektor keselamatan dan pertahanan dilihat sebagai sektor yang menjadi tanggungjawab kerajaan bagi menyediakan persekitaran yang selamat. Keadaan ini menyebabkan penglibatan pihak swasta adalah terhad dan menyebabkan pembangunan sektor pertahanan kurang diceburi. Perkembangan ini semakin buruk apabila penumpuan peruntukan pembangunan pertahanan tidak menjadi keutamaan kerajaan berbanding sektor-sektor lain. Sebagai contoh dalam peruntukan tahun 2009, Kementerian Pertahanan mencatatkan Kementerian Keempat yang mendapat agihan Belanja Mengurus Negara Tahun 2009 selepas Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan. Aspek pendidikan, kesihatan dan kewangan menjadi keutamaan kerajaan dalam mengagihkan peruntukan perbelanjaan⁵⁵⁸. Peruntukan kerajaan kepada sektor pertahanan adalah tidak melebihi daripada 3% setiap tahun berbanding sektor lain. Malah, pembangunan kadar peruntukan ini semakin menurun daripada tahun 1991 bermula dengan 3% kepada 1.6% pada tahun 1998 dan sehingga 2011 kekal dengan 1.6%. Senario kekurangan sumber pertahanan ini memberikan kesan kepada ATM yang secara langsung

⁵⁵⁷ Jamhariah Jaafar (2000). Op.cit.hlm 26

⁵⁵⁸ Dato' Sri Abu Bakar Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (2009). Maklumat Diperolehi Daripada Teks Rasmi Ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus 2009. Kementerian Pertahanan. 2009. hlm 1-9

telah menimbulkan pertikaian mengenai kemampuan prinsip pertahanan *self-reliance* mampu mencapai matlamat atau tidak.

5.4 Pembangunan Aspek Strategi Pertahanan

Dalam membangunkan prinsip pertahanan *self-reliance*, ATM telah membangunkan aspek strategi pertahanan bagi menghadapi ancaman keselamatan. Aspek strategi pertahanan adalah penting dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan sesebuah angkatan tentera⁵⁵⁹.

5.4.1 Strategi Cegah rintang

Strategi cegah rintang dalam prinsip pertahanan *self-reliance* adalah membentuk keupayaan agar berkemampuan mencegah musuh atau mana-mana negara daripada mengambil tindakan memberikan ancaman terhadap Malaysia. Cegah rintang ini melibatkan keupayaan ATM untuk memberikan kesan dan tindak balas secara efektif kepada musuh agar tidak atau membatalkan hasrat untuk melakukan kekerasan atau mengancam keselamatan Malaysia. Dalam proses memastikan konsep cegah rintang Malaysia berjaya, aspek pembangunan dan pemodenan keupayaan ATM perlu dibangunkan dengan efektif. Walau bagaimanapun, proses pembangunan ATM adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi dan kestabilan politik dalaman negara yang akan menjana dana kewangan dan menjadi sumber pertahanan kepada negara. Kedudukan ekonomi yang tidak stabil akan memberikan kesan bukan sahaja kepada bidang ekonomi dan sosial tetapi ia juga turut memberikan kesan kepada pembangunan pertahanan⁵⁶⁰.

Dalam mencapai objektif prinsip pertahanan *self-reliance*, DPN telah mengutarakan konsep cegah rintang dalam menjamin keselamatan dan pertahanan negara agar pihak lawan dapat mempertimbangkan untuk tidak mengambil sebarang tindakan ancaman ke atas Malaysia. Namun persoalannya adakah konsep pertahanan cegah rintang yang dijadikan

⁵⁵⁹ Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Ucapan Panglima Angkatan Tentera Di Perbarisan Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia Ke-76. Padang Kawat Kem Sungai Besi Pada 9 November 2009.hlm 8

⁵⁶⁰ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober 2-5

sebagai strategi pertahanan *self-reliance* ini dapat dicapai? Kerajaan telah menyatakan pembangunan ATM ini membabitkan pembangunan ATM secara menyeluruh dengan menyediakan kelengkapan pertahanan yang moden dan strategik bagi membangunkan keupayaan ATM agar dapat bertindak sebagai cegah rintang kepada musuh. Kesungguhan kerajaan ini dapat dilihat dengan tindakan Malaysia yang membangunkan ATM dengan menyediakan kelengkapan moden dan melaksanakan program penstruktutran semula ATM dengan menjadikan ATM daripada pasukan yang bercorak menentang insurgensi kepada angkatan pertahanan konvensional. Kerajaan telah membuat pelbagai pembelian persenjataan dan kelengkapan pertahanan yang moden semenjak tahun 1990-an seperti pembelian dua kapal perang termoden di Asia Tenggara ketika itu iaitu KD Lekir dan KD Lekiu dan disusuli dengan pelbagai kelengkapan pertahanan moden laut lain termasuk dua buah kapal selam bagi TLDM, pembelian pesawat F/A-18 *Hornet*, MiG 29 dan pelbagai kelengkapan pertahanan udara lain bagi TUDM, kereta kebal, perisai dan pelbagai kelengkapan darat bagi TDM. Namun adakah pemodenan dan pembangunan ATM ini berjaya mencipta sistem cegah rintang kepada musuh?

Cegah rintang didefinisikan sebagai sejenis hubungan sosial dan politik khususnya untuk membolehkan satu pihak mempengaruhi perlakuan pihak yang lain. Ia bertujuan untuk memastikan pihak musuh atau pihak lawan patuh kepada kemahuan pihak yang melaksanakan cegah rintang. Dalam konteks strategi, cegah rintang bermaksud dasar atau tindakan yang digunakan dengan tujuan untuk menggerunkan pihak lawan atau musuh. Manakala *deterrent* bermaksud alat atau kaedah yang digunakan untuk menggerunkan pihak lawan atau musuh⁵⁶¹. Selain itu, cegah rintang juga satu kepercayaan ke atas kemampuan strategik untuk mengelakkan diri daripada diserang oleh musuh⁵⁶² dan merupakan tindakan untuk menakutkan musuh supaya tidak mengambil sebarang tindakan yang tidak diestuai,

⁵⁶¹ Kemunculan *deterrence* ini berkait rapat dengan kemunculan nuklear sebagai pemangkin kepada pengaplikasian teori *deterrence* dalam sistem antarabangsa. Perebakan nuklear turut memperkembangkan konsep *deterrence* di mana perkembangan ini telah membawa kepada pemikiran strategi bagi mengelakkan peperangan. Memandangkan senjata nuklear ini dianggap sebagai *Weapon Of Mass Destruction* (WMD) iaitu senjata yang dapat membawa kepada kemusnahan sejagat, para ilmuan cuba mencari idea atau jalan untuk mengelakkan penggunaan senjata WMD ini. Henry Kissinger (1969). *Nuclear Weapons And Foreign Policy*. New York: WW. Norton & Com. hlm 104-105

⁵⁶² Charles W. Kegley dan Eugene R. Wittkopf (1989). Op.Cit. hlm377

contohnya mengelakkan peperangan⁵⁶³. Dalam sistem cegah rintang, ia bergantung kepada dua aspek iaitu komunikasi dan mesej. Ini kerana sekiranya sistem cegah rintang gagal difahami atau mesej tersebut gagal disampaikan kepada negara lain, maka ia akan mencapai kegagalan. Pelaksanaan cegah rintang secara langsung memberikan peluang kepada pihak musuh untuk mempertimbangkan dan memikirkan kesan buruk di atas sesuatu dasar atau tindakan sebelum mengambil tindakan⁵⁶⁴.

Dalam konteks sistem cegah rintang Malaysia adalah sistem cegah rintang pasif⁵⁶⁵ yang merupakan proses peningkatan pertahanan dan keselamatan hanya terhad kepada sesebuah negaranya sahaja. Namun begitu, terdapat beberapa aspek penting yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan cegah rintang iaitu komunikasi, keupayaan dan kredibiliti. a) Aspek kepentingan komunikasi dalam menjayakan cegah rintang di sini ialah membolehkan pihak pencabar memahami niat atau hasrat pihak yang dicabar. Dalam konteks ini, sesebuah negara akan menggunakan pelbagai kaedah dan saluran komunikasi sama ada menyatakan secara rasmi, perutusan peribadi, tindakan dan berpendirian tegas bagi menyampaikan maksud secara tepat dan berkesan kepada negara seteru. Komunikasi di antara negara telah menjadi sebagai alat pengantaraan dalam menghubungkan masyarakat antarabangsa. Ia bertujuan untuk menyampaikan hasrat atau pendirian oleh sesebuah negara kepada negara-negara lain. Komunikasi merupakan kaedah psikologi dalam menjayakan pelaksanaan cegah rintang. b) Keupayaan pula adalah keupayaan dalam menjayakan pelaksanaan cegah rintang, tidak hanya tertumpu kepada keupayaan fizikal semata-mata tetapi melibatkan keupayaan politik dan ekonomi sesebuah negara. Sesebuah negara yang diancam perlu bersedia dan mempunyai keupayaan untuk menanggung kesan terhadap serangan negara yang mencabar. Jelas, cegah rintang hanya akan berjaya dilakukan sekiranya pihak pencabar membuat pertimbangan yang wajar terhadap malapetaka yang akan dihadapi sekiranya melancarkan sesuatu rancangan yang tidak dipersetujui oleh negara yang

⁵⁶³ Howard H. Letner (1997).Op.cit.hlm210

⁵⁶⁴ Ibid.hlm377

⁵⁶⁵ Terdapat dua jenis *deterrence* (cegah rintang) iaitu cegah rintang aktif ialah peningkatan keupayaan dan kemampuan senjata nuklear bukan sahaja sebagai alat cegah rintang dalam melindungi sesebuah negara sahaja tetapi sebagai alat cegah rintang dalam melindungi negara-negara pakatan. Cegah rintang pasif ialah proses peningkatan pertahanan dan keselamatan hanya terhad kepada sesebuah negara sahaja. Ianya adalah proses meningkatkan keupayaan dan kemampuan senjata-senjata nuklearnya (pembangunan keupayaan untuk diri sendiri sahaja) bagi mewujudkan cegah rintang terhadap negara-negara seteru atau musuh.

dicabar⁵⁶⁶. Menurut Henry Kissinger (1996), bahawa sama ada sesebuah negara, bermatlamat untuk menyerang (*offensive*) atau bertahan (*defensive*), ia tidak bergantung semata-mata terhadap kekuatan sesebuah negara sebaliknya ia memerlukan kemampuan untuk menunjuk kemampuan yang ada pada musuh⁵⁶⁷. Cegah rintang boleh gagal sekiranya kredibiliti sesebuah negara tidak menyedarkan atau menakutkan pihak musuh. Kegagalan ini berlaku kerana sesebuah negara yang dicabar tidak dapat menakutkan pihak pencabar bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk membalas tindakan pihak pencabar.

5.4.2 Strategi Diplomasi Pertahanan Dan Pertahanan Kehadapan

Bagi memperkukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia dan pertahanan negara secara umumnya, Malaysia turut mengamalkan strategi diplomasi pertahanan (*defence diplomacy*) dalam usaha memperkukuhkan strategi yang sedia ada dan mempertahankan keselamatan dan pertahanan negara. Semenjak Oktober 2000, kerajaan telah mengambil pendekatan untuk memperkembangkan pengamalan strategi pertahanan yang mengambilkira konsep keselamatan secara komprehensif iaitu cegah rintang, diplomasi pertahanan (*defence diplomacy*) dan pertahanan ke hadapan (*forward defence*). Strategi ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberikan penumpuan terhadap konsep keselamatan yang bersifat komprehensif. Kaedah diplomasi telah menjadi kaedah utama bagi memastikan keselamatan dan pertahanan Malaysia dapat dilindungi. Kaedah ini bukan hanya melibatkan pendekatan yang digunakan antara ketua negara dengan ketua negara dalam aspek politik dan ekonomi, tetapi juga melibatkan kerjasama dan dialog dalam aspek keselamatan serta meningkatkan keyakinan (CBM) antara negara. Sebarang masalah yang melibatkan pertikaian sempadan dan tuntutan wilayah akan melalui kaedah penyelesaian melalui rundingan serta memastikan CBM dipertingkatkan⁵⁶⁸. Dalam memastikan strategi diplomasi pertahanan dan pertahanan ke hadapan berjaya, kerajaan turut memberikan penumpuan dalam mempertingkatkan kemampuan ATM secara menyeluruh. Melalui strategi diplomasi pertahanan, Malaysia dapat memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin dengan memastikan sebarang konflik

⁵⁶⁶ Karl W. Deutsch (1995) *Analisis Perhubungan Antarabangsa*. Murugesu Pathmanathan (Trj Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 236

⁵⁶⁷ Henry Kissinger (1969). *Op.cit.* hlm 5

⁵⁶⁸ M. Susan Pederson dan Stanley Weeks (1995). *Op.cit.* hlm. 85-86.

dapat diselesaikan melalui kaedah diplomasi dan dapat membendung sesuatu konflik daripada merebak khususnya apabila melibatkan konflik bersenjata. Kaedah ini telah menjadi sebagai *first line defence*⁵⁶⁹. Konsep diplomasi pertahanan menggunakan saluran diplomasi dalam menyelesaikan sebarang masalah atau konflik melalui kerjasama dan diplomasi ketenteraan sama ada secara dua hala, pelbagai hala dan serantau.

*“MAF has to maintain credible level of self-reliant capability and develop its military strategy capable of defending Malaysia without assistance of friendly nations with the development of the four essential capabilities. Firstly, projection of force (strategic elements) well beyond our perimeter of strategic interests of Malaysian borders. Secondly, MAF should have the capability to operate in two regions (Peninsular and Sabah/Sarawak) independently and/or simultaneously. Thirdly, having jointness with service war fighting capabilities, complementing each other and fighting under one command. Lastly, it important to be interoperability with ASEAN forces and forces from allies and friends where necessary*⁵⁷⁰.

Sejajar dengan isu pertindihan atau krisis antara negara dalam beberapa kes yang melibatkan negara serantau seperti pertindihan sempadan, Malaysia telah memberikan keutamaan kepada penyelesaian secara aman, selaras dengan pelaksanaan prinsip keamanan ASEAN. Sebagai contoh, pertikaian dan tuntutan wilayah oleh Malaysia dalam isu Kepulauan Sprattly adalah membabitkan kuasa besar China dan beberapa buah negara ASEAN yang lain. Tindakan China yang menggunakan “*gunboat diplomacy*” menunjukkan isu pertikaian wilayah ini mampu membawa konflik bersenjata antara negara yang terlibat. Justeru, kaedah penyelesaian secara aman dan melalui rundingan adalah kaedah yang diamalkan oleh Malaysia bagi memastikan pertahanan dan keselamatannya terjamin. Malaysia telah mengambil pendekatan untuk mengadakan perbincangan secara dua hala dan pelbagai hala bagi menyelesaikan sesuatu isu atau krisis yang membabitkan kedaulatan dan keselamatan negara. Pelaksanaan strategi ini dapat dilihat dalam kes pemberontakan di Selatan Filipina yang mana Malaysia telah bertindak untuk menjadi sebagai *mediator* dalam penyelesaian konflik di Filipina, di Selatan Thailand dan dalam pemberontakan di Aceh. Ini adalah kaedah diplomasi dan penggunaan kaedah rundingan secara aman dalam

⁵⁶⁹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Malaysia’s Defence Policy Perspective. *Sorotan Darat*. Jil 2. Bil 25. Ogos. 1994.

⁵⁷⁰ Shahrudin Bin Othman (2002). Op.cit. hlm 63-68

memastikan konflik di negara-negara berkenaan tidak memberikan ancaman kepada Malaysia.

Strategi Pertahanan Kehadapan adalah strategi yang diperkenalkan sejak tahun 1998. Strategi ini menyentuh mengenai aturgerak pertahanan ATM di luar kawasan atau sempadan negara dalam mencegah dan menghadapi sesuatu konflik bersenjata. Ia adalah strategi yang mengutarakan aturgerak menentang musuh dilakukan dalam wilayah musuh agar dapat mengelakkan kemusnahan di dalam wilayah negara (Malaysia). Strategi *forward defence* adalah strategi yang menggembelingkan aspek logistik dan mobiliti ATM ke kawasan musuh dan mempertahankan keselamatan negara di wilayah musuh. Strategi pertahanan ke hadapan memerlukan peningkatan dan pemodenan ATM dengan lebih menyeluruh bagi memastikan ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM darat, laut dan udara dapat menjalankan operasi ketenteraan di wilayah asing dengan berkesan. Pertahanan ke hadapan ini menjadi strategi yang membolehkan ATM bergerak ke hadapan dalam aspek pemilikan strategi terkini dan moden agar tidak ketinggalan dalam teknologi pertahanan semasa. Justeru, kerajaan dan ATM perlu meningkatkan aspek teknologi, logistik, RMA, mobiliti, kuasa tembakan, doktrin pertahanan, sumber dan industri pertahanan negara bagi memastikan strategi pertahanan ke hadapan dapat dicapai⁵⁷¹.

“...Malaysia’s geographical configuration required Malaysia to make considerable military effort to defend her self against external attacks, truly needing a forward defence with a powerful navy and airforce to neutralise every military pressure...”⁵⁷²

5.4.3 Analisa Pembangunan Aspek Strategi Pertahanan

Pelbagai pembangunan ATM dijalankan untuk memastikan strategi pertahanan yang diamalkan dapat dilaksanakan. Namun adakah strategi yang diamalkan oleh ATM ini kukuh dan mampu dicapai?

⁵⁷¹ Strategi Pertahanan Kehadapan ATM turut disentuh oleh pegawai kanan tentera ATM dalam daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat (2014). Maklumat turut diperolehi daripada sesi temubual di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat. Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad, Panglima Angkatan Bersama (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama Ibupejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur.

⁵⁷² Tim Huxley dan Rahman Koya (1996). Malaysia’s Amed Forces In The Late 1990s: Aiming For Credible Conventional Capability. *Asian Defence Journal*. April.hlm 62

5.4.3.1 Strategi Cegahrintang

Dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai, kerajaan telah mengamalkan strategi cegah rintang melalui pembangunan dan ketenteraan serta melengkapkan ATM dengan kelengkapan pertahanan yang strategik. Usaha ini dapat dilihat dengan penumpuan kerajaan untuk mendapatkan kelengkapan moden dari tahun 1990-an apabila kerajaan membuat pembelian dua buah kapal perang termoden di Asia Tenggara, pembelian pesawat F/A-18 dan MiG-29. Dengan pembelian kelengkapan persenjataan moden ini, ia diharap dapat memberikan psikologi (gerun) kepada pihak musuh dengan kelengkapan yang dimiliki. Namun adakah ia mampu memberikan kesan *deterrence*? Sememangnya ATM dan Kementerian Pertahanan menyedari keberkesanan cegah rintang adalah melalui membentuk pasukan tentera yang seimbang dengan musuh (*balance of power*)⁵⁷³. Namun dari sudut kuantiti, ketumbukan ATM masih jauh berbanding negara jiran seperti Singapura. Dalam menganalisa keupayaan cegah rintang yang diamalkan oleh Malaysia, dari sudut komunikasi, Malaysia dilihat telah berjaya menyampaikan mesej mengenai pendirian Malaysia untuk mempertahankan pertahanan negara. Senario ini dapat dilihat dalam kes ketegangan hubungan antara Malaysia-Singapura ketika era Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003).

Kepesatan Singapura membangunkan pertahanannya telah mengundang kebimbangan negara serantau⁵⁷⁴. Pengamalan strategi pertahanannya seperti *forward defence*, *poison shrimp*, *pre-emptive strike*, *forward defence* dan sebagainya yang bersifat ofensif (*offensive*) serta kepesatan pembelian persenjataan dan kelengkapan pertahanan yang berteknologi tinggi, moden dan canggih telah berjaya mewujudkan sistem cegah rintang yang berkesan kepada musuh khususnya keberkesanan dalam aspek keupayaan dan kreadibiliti pertahanan Singapura yang disampaikan kepada musuh. Malah dari sudut komunikasi, Singapura turut menwar-warkan kekuatan pertahanannya pada 7 Oktober 2000 apabila Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew telah "mengalu-alukan" serangan dari negara serantau setelah

⁵⁷³ Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera (2009). Teks Rasmi Perintah Ulung Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera Ke-17 pada 30 September 2009. hlm 5

⁵⁷⁴ D.K. Mauzy dan R.S Milne (2002). *Singapore Politics Under The People's Action Party*. London: Routledge.hlm 169

berjaya membuat pembelian 100 unit perluru berpandu permukaan ke udara *Surface to Air Missile* (SAM) jenis AIM-120C daripada AS sebagai komunikasi dalam cegah rintangnya agar mesej kekuatan dan keupayaan yang dimiliki oleh Singapura dan kesediaan Singapura untuk menghadapi ancaman⁵⁷⁵. Malaysia dalam memastikan cegah rintangnya berkesan turut memberikan kenyataan pada 1 Januari 2003 dalam perutusan tahun baru oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan:-

*“Kita berjanji jika ada sesiapa mencabul kebebasan negara kita dengan tindakan pre-emptive atau forward defence mereka akan dapat apa yang disebut oleh Mat Saleh sebagai a bloody nose (padah)”*⁵⁷⁶.

Dengan komunikasi yang jelas, ia dapat menyampaikan mesej kepada Singapura agar tidak mengambil tindakan yang akan mempengaruhi Malaysia mengambil tindakan yang sama. Keberkesanan sistem cegah rintang Malaysia dapat diukur dari segi keupayaan dan kreadibiliti ketenteraan yang ada. Kegagalan Malaysia untuk mengimbangkan kuasa konvensional negara lain seperti Singapura adalah faktor yang penting dalam memastikan keberkesanan Malaysia menampilkan keupayaan dan kreadibiliti ATM kepada negara musuh. Dengan pembangunan logistik yang jauh ketinggalan berbanding negara jiran, sistem cegah rintang yang dibangunkan adalah lemah. Menurut Panglima Tentera Udara Jeneral Tan Sri Rodzali Daud (2014) menyatakan :-

“Sungguhpun DPN menggariskan elemen pertahanan utama adalah secara tindakan diplomasi, namun langkah memperkukuhkan cegah rintang tidak sewajarnya diabaikan”.⁵⁷⁷

Kenyataan ini menunjukkan sistem cegah rintang negara perlu diperkukuhkan agar ia dapat memberikan kesan kepada musuh. Dengan sistem cegah rintang yang lemah dari sudut keupayaan ATM, maka ia melemahkan cegah rintang yang dibangunkan. Ia secara langsung melemahkan strategi dan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan.

⁵⁷⁵ Maznah Arshad (2000). Kuan Yew: Sila Serang Singapura. *Utusan Malaysia*. 7 Oktober 2000.

⁵⁷⁶ Noraini Abdul Razak (2003). Bersedia Terima Padah - PM -- Negara Asing Diberi Amaran Jangan Berani Cabul Kebebasan Kita. *Utusan Malaysia*. 1 Januari.

⁵⁷⁷ Jeneral Tan Sri Rodzali Daud Panglima Tentera Udara (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Udara (PTU) Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM. Perutusan Hari Ulang Tahun TUDM ke56 oleh Panglima Tentera Udara. 1 Jun 2014. hlm3

5.4.3.2 Strategi Diplomasi Pertahanan Dan Pertahanan Kehadapan

Walaupun strategi pertahanan kehadapan (*forward defence*) merupakan pilihan pendekatan strategi pertahanan yang dimiliki oleh ATM, namun perlaksanaannya sukar dilaksanakan. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan dasar tidak campurtangan asing dan bertentangan dengan dasar tidak campurtangan ASEAN (*non interference*). Di dalam ASEAN, negara anggota tidak boleh campurtangan dalam hal ehwal dalam negara lain dan perlu menghormati kedaulatan negara ASEAN. Keadaan ini akan menjadi masalah untuk menjalankan operasi ketenteraan di wilayah asing kerana ianya telah menentang prinsip keamanan yang telah dipersetujui di dalam ASEAN. Strategi pertahanan kehadapan Malaysia hanya sebagai strategi di atas kertas dan kabur dari sudut perlaksanaannya. Keupayaan untuk mengatugerak ATM ke wilayah musuh menjadi persoalan berikutan aspek logistik dan persenjataan strategik ATM dari sudut kuantiti dan kualiti yang masih jauh ketinggalan berbanding negara lain khususnya Singapura dan Indonesia. Ini kerana strategi pertahanan kehadapan ini memerlukan kerajaan dan ATM mempunyai kekuatan dan keupayaan dari sudut logistik, mobiliti dan komunikasi besar dan berkesan. Persoalannya adakah dengan masalah yang dihadapi oleh ATM dalam aspek logistik dapat melaksanakan strategi *forward defence*?

ATM turut menghadapi masalah dalam aspek logistik seperti kuantiti kelengkapan yang kecil berbanding negara lain khususnya Singapura, Indonesia dan Thailand. Dengan masalah yang dihadapi dalam aspek logistik, maka ia akan turut memberikan kesan kepada aspek mobiliti di mana aset ATM tidak mampu diatugerak dengan berkesan ke wilayah musuh. Selain itu, dalam aspek komunikasi, ATM turut menghadapi masalah untuk menyampaikan mesej kepada musuh mengenai keupayaan dan kreadibiliti ATM dalam melaksanakan strategi pertahanan kehadapan. Strategi pertahanan kehadapan ini hanya relevan di atas kertas sebaliknya strategi *defence diplomacy* adalah strategi yang lebih berkesan dan jelas. Ini kerana melalui diplomasi, pertahanan ATM dapat mempertingkatkan hubungan antara negara serantau yang menjadi salah satu aspek yang mengurangkan teretusnya konflik antara negara. Strategi diplomasi pertahanan dilihat memberikan kesan positif kepada pertahanan negara apabila berjaya menyelesaikan konflik dan isu secara aman

dan rundingan. Ia secara tidak langsung telah berjaya dijadikan sebagai strategi pertahanan yang berkesan dalam mempertahankan negara. Berbeza dengan strategi pertahanan ke hadapan yang merupakan strategi pertahanan yang kabur dan lemah. Permasalahan ini memberikan kesan yang negatif kepada prinsip pertahanan *self-reliance*. Kelemahan strategi pertahanan ini telah menyebabkan matlamat untuk mencapai objektif prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh kerajaan dan ATM menghadapi masalah dan kegagalan.

5.5 Pembangunan Aspek Logistik ATM

Kemampuan sesebuah angkatan tentera juga berkait rapat dengan aset atau logistik yang dimiliki. Umumnya logistik adalah fungsi yang bertanggungjawab menyediakan bantuan material dan perkhidmatan yang diperlukan oleh angkatan tentera sama ada ketika waktu peperangan atau aman.

*“Besides that, ideally, self-reliance in defence must be supported by viable military logistics systems and in support to it a strong defence industry. This is to ensure that the availability of spares, weapons and ammunition, supplies, comprehensive logistics maintenance system and logistic support is less dependant or non-dependant on foreign supplies or assistance.”*⁵⁷⁸

Dalam menguruskan logistik ATM, beberapa regimen dan kor telah ditubuhkan bagi menguruskan penyediaan material dan perkhidmatan kepada cabang ATM. Pengurusan aset logistik ATM ini merangkumi tanggungjawab menguruskan kelengkapan ATM seperti persenjataan, komunikasi, kenderaan, keperluan pejabat dan kelengkapan anggota serta menyelenggarakan aset. Antara kor yang penting dalam pengurusan logistik ATM adalah Kor Ordnans (KOD) yang bertanggungjawab menguruskan kewangan dan kawal urus aset, inventori dan peng storan material kepada cabang perkhidmatan ATM. Antara aspek yang penting yang menentukan pengurusan logistik ATM berkesan adalah sistem perolehan, peruntukan kewangan, pegangan inventori dan sistem bantuan Ordnans. Kesiapsiagaan

⁵⁷⁸ Salim Ahmad Miandad (2002). Op.cit.hlm1

(*readiness*) KOD perlulah sentiasa berada di tahap siapsiaga setiap masa agar ia sentiasa bersedia untuk diatur gerak pada bila-bila masa⁵⁷⁹.

Aspek logistik penting kerana ia mempengaruhi kejayaan dan kegagalan sesuatu operasi ketenteraan melalui sokongan sumber kepada angkatan tentera. Namun dalam memastikan peranan sokongan logistik ini berjaya, ia turut bergantung kepada kemampuan untuk mengekalkan (*sustainability*) sokongan logistik dalam masa jangka panjang. Pada ketika ini, sokongan logistik adalah melalui “*joint force*” yang dikawal oleh Markas ATM dari sudut perancangan dan sokongan logistik dalam operasi ATM. Markas ATM bertanggungjawab dalam perancangan, sokongan logistik, strategi atau konsep operasi kepada ketiga-tiga cabang perkhidmatan⁵⁸⁰. Dalam memastikan sokongan logistik ini berjaya, ATM menjadikan tiga sumber utama untuk membolehkan sokongan logistik dapat disediakan iaitu melalui a) *service support* (perkhidmatan sokongan) yang merupakan perkhidmatan tunggal hasil daripada gabungan ketiga-tiga cabang perkhidmatan (darat laut dan udara). b) *civil national support* (sokongan awam) adalah membabitkan sokongan dari sudut tenaga dan infrastruktur awam kepada ATM untuk digunakan kepada ketenteraan. c) *international support* (sokongan antarabangsa) adalah sumber sokongan melalui perjanjian keselamatan dan kerjasama antara Malaysia dengan negara lain dalam aspek ketenteraan.

Setiap cabang perkhidmatan ATM (darat, laut dan udara) perlu mengambil tanggungjawab logistik dalam pelbagai aspek seperti sistem perolehan, aset, pembangunan keupayaan, pelaksanaan, penyenggaraan, kelengkapan sokongan dan keperluan logistik lain. Aset seperti kapal yang untuk tentera laut, kereta kebal kepada tentera darat dan pesawat pejuang untuk tentera udara adalah dipertanggungjawabkan kepada cabang perkhidmatan masing-masing. Ini untuk memastikan kesiapsiagaan angkatan tentera dapat dicapai kerana hanya cabang perkhidmatan tahu dan pakar dalam bidang tugas yang dimiliki. Tugas utama logistik ATM membabitkan kelengkapan logistik guna sama seperti kenderaan, bantuan

⁵⁷⁹ Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad Timbalan Menteri Pertahanan (2009).Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Yb Datuk Dr Hj Abdul Latiff Bin Ahmad. Sempena Majlis Penyampaian Diploma Kursus MTAT Siri 38/2009. Wisma Pertahanan. 11 Disember 2009.hlm 17

⁵⁸⁰ Kolonel Dzulkarnain Ahmad, Penasihat Ketenteraan (2014) Sesi temubual di Pejabat Panglima Angkatan Tentera Markas ATM dan Leftenan Jeneral Dato’ Sri Ackbal Abdul Samad (2014) di Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan pada 12 Disember 2014.

makanan, pakaian, peluru dan persenjataan yang digunakan oleh ketiga-tiga cabang perkhidmatan.

“Currently, in supporting the system of which they are quite self-reliant, however the logistics organisation will have to maintain a large logistic force, warehouse and stores for all types of stock. Logistically this is not an economical approach as realised by the MAF”⁵⁸¹

Sejajar dengan pelaksanaan dasar penswastaaan oleh kerajaan, ATM juga turut melaksanakan dasar penswastaaan bagi meningkatkan keupayaan ATM. Penswastaaan beberapa aspek logistik akan memberikan faedah dan manfaat kepada ATM seperti menggalakkan penjimatan, mengurangkan bebanan tugas, pemindahan teknologi dan memastikan ATM sentiasa berada dalam tahap siapsiaga yang tinggi. Konsep penswastaaan bahagian logistik ini adalah hasil daripada keputusan Kementerian Pertahanan yang menetapkan aspek kelengkapan guna sama seperti kenderaan, penyenggaraan, keperluan tempur tentera, penyenggaraan persenjataan berat ATM diberikan kepada pihak swasta. Penswastaaan aspek logistik ini telah membabitkan semua cabang perkhidmatan darat, laut dan udara. Ia untuk membolehkan pihak ATM mengecilkan tanggungjawab pengurusan logistik ATM dan menjimatkan tenaga kerja di bahagian yang tidak memerlukan kakitangan yang besar. Malah dengan menjalankan penswastaaan beberapa aspek logistik akan membolehkan ATM memberikan kesiapsiagaan yang baik kepada ATM di samping membolehkan ATM memberikan penumpuan kepada perancangan dan latihan dalam pengurusan logistik dalam peperangan.

5.5.1 Analisa Pembangunan Aspek Logistik Pertahanan

Pembangunan telah dibangunkan dengan pesat oleh kerajaan dan ATM dalam mencapai matlamat prinsip pertahanan *self-reliance*. Walau bagaimanapun terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan ATM dalam aspek logistik pertahanan negara.

⁵⁸¹ Salim Ahmad Miandad (2002). Op.cit.hlm 55

5.5.1.1 Sumber Logistik *Service Support*

Sumber sokongan logistik ATM utama adalah dari sumber yang sedia ada pada ketiga-tiga cabang perkhidmatan yang sedia ada iaitu TDM, TLDM dan TUDM. Namun sumber yang sedia ada pada cabang perkhidmatan ini masih diselubungi dengan masalah kuantiti, kualiti dan peruntukan yang terhad. Kuantiti yang dimiliki pada ketika ini adalah jelas tidak membolehkan ATM menjalankan operasi ketenteraan yang memakan masa yang panjang. Dengan masalah peruntukan kewangan yang lebih banyak diperuntukan kepada aspek pengurusan ATM (70%) dan hanya 30% kepada pembangunan pertahanan setiap tahun, ia memberikan masalah dalam penyediaan kuantiti logistik apabila kemampuan untuk membuat pembelian kelengkapan juga turut terbatas. Malah dengan kekangan sumber kewangan ini, kerajaan terpaksa mencari sumber alternatif untuk membuat pembelian dengan menggunakan aset komoditi negara untuk pembelian senjata. Sebagai contoh, akibat kekangan kewangan negara, pembelian MiG-29 daripada Rusia telah membabit perjanjian penjualan kelapa sawit ke Rusia sebagai usaha untuk membolehkan ATM memiliki kelengkapan pertahanan yang canggih ketika negara menghadapi kekangan kewangan. Kelemahan dalam jumlah kuantiti kelengkapan ketenteraan dapat dilihat dalam kenyataan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 7 Disember 2000 berkata:-

"Kerana itu, jika tentera tidak diberi jumlah kapal yang dikehendaki, radar dan semua sokongan logistik, bagaimana kita hendak mengawal pantai yang panjang. Sekiranya kami (Kementerian Pertahanan) diberi peralatan mencukupi dan jika ada apa-apa berlaku, rakyat memang boleh menyalahkan kementerian tetapi sekarang orang menyalahkan kementerian sedangkan kementerian ini tidak mempunyai peralatan dan kapal yang cukup⁵⁸²."

Kenyataan ini menunjukkan bahawa logistik ATM sememangnya menghadapi masalah dari segi kuantiti kelengkapan ketenteraan. Masalah kekurangan kelengkapan ini semakin buruk sekiranya ATM bertanggungjawab menyediakan kelengkapan logistik kepada anggota sukarela, swasta dan masyarakat di bawah konsep pertahanan HANRUH. Senario ini menyebabkan proses pembangunan dan penyediaan logistik ATM adalah lemah.

⁵⁸² Jamhariah Jaafar (2000). Op.cit. hlm.26

5.5.1.2 Sumber *Civil National Support* dan *International Support*

Menurut Salim Miandad (2002), ATM secara praktikal pada ketika ini bergantung kepada beberapa sumber yang tidak kukuh. Pergantungan sumber logistik ATM yang bergantung kepada *Civil National Support* dan *International support*.

“Civil National Support. Eventhough the civil infrastructure cannot be relied upon to provide these capabilities, it can be used to reduce the burden of effectively supporting operations and can achieve adequate supplementation of the military infrastructure... International Support. Malaysia has in place agreements with other countries that permit the exchange of logistic support in an area of operations between military forces of each country. But in times of crises this too, cannot be relied on subjectively”.

Sumber logistik ATM melalui *Civil National Support* memiliki kelemahan kerana mengharapkan masyarakat awam untuk bersama-sama membantu ATM dalam operasi ketenteraan. Kesediaan rakyat untuk bersama-sama ATM dalam mempertahankan keselamatan negara boleh dipertikaikan berdasarkan program *National Service* yang dianjurkan oleh kerajaan. Ia menghadapi masalah bukan hanya dari kesediaan keluarga menghantar anak-anak untuk menyertai PLKN, tetapi juga struktur program PLKN itu sendiri yang bersifat sebagai “kursus pengakap” dan tidak menjurus kepada latihan ketenteraan yang lebih berkesan. Begitu juga dengan program tentera sukarela yang kurang mendapat sambutan masyarakat, malah latihan ketenteraan yang disediakan ATM kepada pasukan sukarela ini turut dipertikaikan kerana bergantung kepada kesediaan seseorang anggota sukarela itu untuk menyertai latihan atau tidak sekali dalam setahun menimbulkan keraguan terhadap kemampuan untuk menjadi sebagai sumber sokongan logistik pada ATM. Malah ATM turut memiliki masalah dalam aspek logistik yang mana terdapat kelengkapan pertahanan yang dibeli tidak dapat dioperasikan secara optima⁵⁸³.

Malah melalui pengamalan konsep pertahanan HANRUH ia akan menghadapi masalah pengurusan logistik. Persoalan yang timbul adakah aspek logistik yang sedia ada mampu memenuhi keperluan kelengkapan senjata dan kelengkapan tentera kepada golongan

⁵⁸³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan N.S Shah (2006). Op.cit).hlm 11

bukan tentera dalam melaksanakan konsep HANRUH? Pada April 2009, Kementerian Pertahanan bercadang untuk memperluaskan pelaksanaan konsep pertahanan HANRUH dengan menubuhkan satu sistem penempatan dan penstrukturan pertahanan dengan menempatkan sebuah platun tentera di setiap 222 kawasan Parlimen⁵⁸⁴. Sebuah platun terdiri daripada 300 anggota yang melibatkan pelbagai latar belakang dan terdiri dari pelbagai kaum yang akan membabitkan Askar Wataniah. Tujuan ini adalah bagi memastikan setiap kawasan Parlimen mempunyai platun tentera yang dapat menjadi penghubung antara persekutuan dengan setiap kawasan Parlimen dan membantu agensi dan masyarakat melindungi keselamatan negara⁵⁸⁵.

“Jika dilihat seimbang lalu mengenai niat Kementerian Pertahanan, ianya adalah sesuatu yang begitu murni. Walaupun demikian adalah agak sukar untuk membayangkan bagaimana pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia bakal mengelolakan pengurusan sedemikian ramai anggota pasukan tentera Askar Wataniah atau lebih dikenali dengan akronimnya – AW. Paling berat semestinya adalah urusan logistik yang berkaitan dengan sistem pakaian, kelengkapan dan juga persenjataan yang bakal diguna pakai oleh ‘anggota-anggota’ AW yang baru nanti”⁵⁸⁶.

Masalah aspek logistik seperti tempat penginapan atau kem, pakaian, senjata, kenderaan, gaji dan sebagainya menjadi cabaran utama dalam pelaksanaan program ini. Faktor kemampuan kewangan kerajaan untuk menampung jumlah anggota yang mencecah 600,000 anggota tentera yang menempatkan 300 orang bagi setiap 222 kawasan Parlimen telah dipertikaikan. Sebagai contoh menurut laporan rasmi Laporan Tahunan 2009 Kementerian Pertahanan;-

“Konsep pembangunan Askar Wataniah sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Menteri Ke-3/2002 telah menetapkan untuk jangka masa panjang, struktur dan kekuatan Askar Wataniah sewajarnya lebih besar daripada Angkatan Tetap dengan nisbah 3:1.

⁵⁸⁴ Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB Timbalan Menteri Pertahanan Sempena Perasmian Sidang Komander Askar Wataniah Siri 19/2009 Bertempat Di Hotel Marriot Ioi Resort, Putrajaya Pada 23 Mei 2009. hlm 3-8

⁵⁸⁵ Cadangan penempatan AW di setiap parlimen telah dilaksanakan. sila rujuk Perutusan Rasmi Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia Dalam Laporan Rasmi Laporan Tahunan 2009 Kementerian Pertahanan Malaysia. 2009. hlm 5-6

⁵⁸⁶ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zuridan Muhammad (2009a) Op.cit.

Namun dengan batasan serta kekangan yang sedia ada, nisbah 1:1 lebih sesuai dipraktikkan sehingga tahun 2010 (iaitu 55,000 orang) ”⁵⁸⁷.

Perlaksanaan konsep pertahanan HANRUH akan menghadapi masalah apabila aspek logistik ATM itu sendiri tidak mampu menyediakan keperluan dan kemudahan kepada tentera dan bukan tentera. Ia menunjukkan kelemahan dalam aspek logistik yang memiliki keupayaan yang terhad dan pembentukan DPN yang lemah. Begitu juga dengan sumber perjanjian dan kerjasama pertahanan antarabangsa (*international support*) yang dimiliki oleh Malaysia dengan negara luar yang digunakan oleh ATM sebagai sumber sokongan logistik kepada ATM. Malaysia yang pernah memiliki perjanjian pertahanan AMDA pada tahun 1957⁵⁸⁸ telah mengalami kegagalan pada tahun 1965 apabila Britain telah menarik diri dari perjanjian pertahanan AMDA ketika Malaysia sedang menghadapi ancaman keselamatan dari dalaman dan luaran. Dalam masa yang sama, pergantungan ATM melalui negara luar ini juga diragui memandangkan ia bergantung kepada kesediaan sesebuah negara itu untuk menyalurkan bantuan dan sokongan khususnya dalam aspek ketenteraan. Dalam masa yang sama, isu-isu dua hala yang melanda antara Malaysia dengan negara lain akan menjadi faktor yang mampu mempengaruhi kesediaan sesebuah negara berkenaan untuk memberikan bantuan khususnya dalam aspek ketenteraan. Isu-isu dua hala yang membabitkan Malaysia dengan Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam, China dan sebagainya yang membabitkan soal keselamatan, sempadan, tuntutan bertindih, pencerobohan sempadan, kepentingan nasional dan sebagainya adalah isu yang besar yang masih belum diselesaikan. Dalam konteks ini, pergantungan sumber logistik ATM dari sudut *civil national support* dan *international support* adalah tidak kukuh dan ia secara langsung memberikan kesan kepada kelemahan dalam pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance*⁵⁸⁹.

⁵⁸⁷ Laporan Rasmi *Laporan Tahunan 2009* Kementerian Pertahanan Malaysia. 2009. hlm 159

⁵⁸⁸ Perjanjian AMDA dimetrai pada 12 Oktober 1957 yang mana Britain bersetuju untuk memberikan bantuan pertahanan kepada Tanah Melayu (Malaysia). Sila rujuk Mohd. Rizal Mohd. Yaakop (2007). *Dasar Keselamatan Dan Pertahanan Malaysia: Warisan Penjajahan Dan Era Pasca Kemerdekaan*. *JEBAT*. Bil 34. Hlm 17-28

⁵⁸⁹ Salim Ahmad Miandad (200). *Op.Cit.* hlm 34-38

5.5.1.3 Pengurusan Dan Tadbir Urus Logistik

Amalan perolehan mengikut ATM adalah membabitkan proses pemilihan tender, tempahan dari pembekal, membuat pembayaran, proses kelulusan dalaman, penerimaan invois dan pengstoran. Pembelian adalah merujuk kepada pembelian material dan aktiviti pemrosesannya manakala perolehan pula adalah aktiviti yang membabitkan pembelian, trafik, penerimaan barang dan pengstoran. Proses perolehan yang diamalkan oleh ATM adalah mengambil masa selama 421 hari untuk setiap perolehan. Ia bukan hanya membabitkan aset atau kelengkapan yang besar malah membabitkan kelengkapan kecil seperti peralatan pejabat, pakaian dan sebagainya. Senario ini menunjukkan bahawa proses perolehan menghadapi masalah kelewatan dalam menyediakan kelengkapan pertahanan kepada cabang perkhidmatan. Proses menguruskan perolehan yang lama memberikan masalah kepada pembekal untuk menyediakan material yang dibeli⁵⁹⁰. Masalah kelewatan memberikan masalah dalam logistik ATM. Faktor kelewatan dan mengambil masa yang panjang dalam proses perolehan telah menjejaskan prestasi bantuan logistik KOD yang secara langsung menjejaskan perkhidmatan tentera khususnya kesiapsiagaan ATM⁵⁹¹.

“Kelewatan membekalkan keperluan alat ganti oleh KOD serta permohonan tidak dibekalkan sebagaimana keperluan yang menyebabkan proses pembaikan kenderaan tertangguh dan secara langsung menjejaskan prestasi boleh gerak kenderaan/mobility pasukan TD”⁵⁹².

Menurut Ismail Ahmad (2009), kelewatan dan permasalahan dalam menguruskan logistik ATM dalam aspek perolehan adalah lebih buruk apabila membabitkan perolehan yang dibeli daripada syarikat luar negara. Senario ini menunjukkan keberkesanan sistem pengurusan logistik ATM menghadapi masalah dan secara langsung memberikan kesan kepada tahap kesiapsiagaan ATM.

⁵⁹⁰ Ibid. hlm 40-52

⁵⁹¹ Kesiapsiagaan ketenteraan adalah kebolehan pasukan tentera untuk mencapai sesuatu objektif yang ditugaskan apabila peperangan diistiharkan dan bergantung kepada kemampuan sumber tertentu seperti kekuatan anggota tentera, aspek logistik yang kukuh, kepimpinan, morak dan kesepaduan pasukan.

⁵⁹² Ismail Ahmad (2009). Op.cit.hlm 9

*“Keadaan ini akan bertambah rumit lagi sekiranya kontrak perolehan material dari seberang laut (luar negara) yang mana tempoh penghantaran antara tiga-dua puluh empat bulan”.*⁵⁹³

Pengurusan logistik ATM semakin lemah apabila terdapat kes yang membabitkan kecurian kelengkapan ketenteraan dari stor ATM yang sepatutnya dikawal penuh kerana ianya merupakan aset ketenteraan. Kes kehilangan dua buah enjin pesawat F-5E yang dibeli daripada AS pada Jun dan November 2007 yang bernilai jutaan ringgit menunjukkan kelemahan dalam pengurusan logistik ATM. Kehilangan dua enjin pesawat pejuang utama Malaysia hanya disedari selepas setahun iaitu pada 4 Ogos 2008⁵⁹⁴. Ini bermaksud kedua-dua enjin tersebut telah berjaya dibawa keluar daripada stok logistik dan kawalan ATM dalam tempoh yang lama sebelum disedari. Di sini menunjukkan proses menyemak dan menyenarai kelengkapan pertahanan tidak dilakukan dengan rapi. Ia telah membuktikan pengurusan dan kawalan logistik juga lemah yang secara langsung meletakkan kesiapsiagaan ATM ditahap yang rendah malah prinsip pertahanan *self-reliance* negara juga turut lemah. Panglima Tentera Darat (PTD) Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor pada 1 Mac 2014 menyatakan:-

*“Parameter pembangunan ini telah digariskan di dalam pelan strategik yang telah diolah. Namun begitu, semua ini perlu disokong dengan sistem logistik bersepadu dan budaya senggaraan yang menyeluruh. Justeru, sistem logistik tentera darat perlu diperkemas dan dipertingkatkan supaya ianya benar-benar dapat bertindak sebagai combat multiplier kepada formasi-formasi tempur. Semua ruang yang boleh menjurus kepada kebocoran dan ketirisan perlu ditampal. Bajet yang diberi harus dioptimum dan dimanfaatkan sepenuhnya...Barisan hadapan akan tumpul sekiranya logistik kita tidak mampan”.*⁵⁹⁵

Selain itu, Kementerian Pertahanan turut menghadapi masalah dalam tadbir urus kementerian akibat daripada segelintir pegawai yang tidak menjadikan arahan dan

⁵⁹³ Ibid.hlm 43

⁵⁹⁴ Enjin Jet F-5E Hilang: Dua Termasuk Sarjan TUDM Didakwa Hari Ini. *Utusan Malaysia*. 6 Januari. 2020. Maklumat diakses pada 11 Disember 2014 http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0106&pub=Utusan_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma_01.htm

⁵⁹⁵ Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor Panglima Tentera Darat (2014) di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Tentera Darat, Kementerian Pertahanan pada 12 Disember 2014. Sila rujuk Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Darat (PTD) Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor. Di Acara Perbarisan Sambutan Hari Tentera Darat Malaysia ke-81. Dataran Pusat latihan Asas Tentera Darat, Port Dickson Negeri Sembilan. 1 Mac 2014.

perundangan urus tadbir sebagai panduan dalam menjalankan tugas. Permasalahan pegawai dalam tadbir urus walaupun dilihat sebagai aspek yang kecil dalam pentadbiran, namun dengan status kementerian yang mencatat kes tertinggi di kalangan kementerian dalam kes AP59⁵⁹⁶ pada tahun 2008, iaitu 11 kes yang membabitkan hal yang berkaitan dengan sumber kewangan telah menjadi satu masalah yang besar kerana membabitkan jumlah perbelanjaan yang mencecah jutaan ringgit. Ia adalah berkaitan dengan salah guna kuasa serta penyelewengan yang berlaku dalam urustadbir kementerian. Walaupun permasalahan ini merupakan permasalahan dalaman Kementerian Pertahanan, namun ia mampu memberikan impak negatif kepada urustadbir dan menjejaskan pembangunan ATM. Ini dapat dilihat dengan kenyataan rasmi Dato' Sri Abu Bakar Haji Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 2009 yang menyatakan:-

“Saya merasa dukacita dan kecewa kerana Kementerian ini mempunyai kes AP59⁵⁹⁷ yang tertinggi di antara seluruh kementerian. Pada tahun 2008 sebanyak 11 kes telah dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk mendapat kelulusan yang bernilai RM3.9 juta dan beberapa kes lagi masih dalam proses untuk dipanjangkan ke Perbendaharaan. Saya memandang serius perkara ini supaya langkah yang drastik perlu dilakukan bagi membendung gejala ini tidak menjadi semakin bertambah. Saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya terdapat kes-kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran peraturan. Kementerian sedia bekerjasama dengan pihak PDRM dan SPRM untuk menyiasat dan mengenakan pendakwaan terhadap mereka yang terlibat⁵⁹⁸.”

Permasalahan dalam urus tadbir Kementerian Pertahanan ini pernah disentuh oleh Menteri Pertahanan Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia pada 4 Mei 2010 dalam perhimpunan bulanan Kementerian Pertahanan. Beliau menyentuh mengenai kementerian yang menghadapi masalah dengan sikap para kakitangan kementerian

⁵⁹⁶ Apa itu AP59? Umumnya AP 59 merupakan satu tatacara pembayaran bagi perolehan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja yang dipesan, dibekalkan atau dilaksanakan dengan suci hati tetapi telah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Di samping itu, AP 59 juga bertujuan untuk menentukan punca berlakunya perolehan yang telah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengesyorkan tindakan surcaj atau/dan tatatertib ke atas pegawai bertanggungjawab. Sila rujuk maklumat dan penjelasan mengenai AP59 dalam <http://www.treasury.gov.my/pekeliling/arkib/pp082009.pdf>

⁵⁹⁷ Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober. hlm 2-5

⁵⁹⁸ Dato' Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Maklumat Diperolehi Daripada Teks Rasmi Ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus 2009. Kementerian Pertahanan. 2009. hlm 5-6

yang melaksanakan tanggungjawab dengan tidak bersungguh dan sambil lewa⁵⁹⁹. Menteri Pertahanan menegaskan agar kakitangan perlu mengelakkan “budaya cincai” dalam menjalankan tugas yang memberikan kesan dan permasalahan kepada kualiti kerja Kementerian Pertahanan. Menteri Pertahanan juga turut menegaskan mengenai pemasalahan keingkaran arahan pegawai atasan yang menjadi sebagai budaya yang sedang dihadapi oleh kementerian⁶⁰⁰. Dengan keadaan urus tadbir kementerian yang bermasalah, tidak berkesan dan penyelewengan, maka ia menjejaskan proses pemodenan dan pembangunan ATM. Di sini, ia menunjukkan pembangunan aspek logistik adalah penting kerana ia memberikan kesan langsung kepada keupayaan ATM. Ia secara tidak langsung menjelaskan kelemahan yang berlaku aspek logistik akan melemahkan ATM dan prinsip pertahanan *self-reliance* negara.

5.5.1.4 Kelengkapan Usang

Masalah logistik ATM juga berkaitan dengan isu kelengkapan pertahanan yang telah berusia dan usang. Kelengkapan yang digunakan seperti helikopter Nuri (*Sikorsky S-61A4*) adalah helikopter yang dibeli pada akhir 1960-an dan digunapakai sehingga tahun 2010. Dengan kelengkapan yang berusia lebih daripada 50 tahun ia adalah kelengkapan perang yang jauh ketinggalan berbanding helikopter yang digunapakai oleh negara lain dalam operasi peperangan dan menyelamat. Kegagalan kerajaan mendapatkan aset logistik ATM bagi menggantikan helikopter Nuri yang digunapakai semenjak awal tahun 1970-an telah menimbulkan persoalan terhadap keupayaan pertahanan negara. Ini kerana ianya melemahkan operasi ATM dan secara tidak langsung menggambarkan ketidaksungguhan kerajaan dalam membangunkan aset logistik ATM. Menyedari permasalahan ini, ATM dan kerajaan telah merancang pada awal tahun 2000 untuk mendapatkan helikopter serba guna iaitu EC725. Namun perancangan ini terpaksa ditangguhkan akibat kekangan kewangan negara. Selain itu, scenario ini turut membabitkan pelbagai kelengkapan ATM lain seperti

⁵⁹⁹ Masalah disipin dan salah laku anggota tentera ketika dalam perkhidmatan dan selepas berkhidmat perlu ditangani agar latihan ketenteraan yang tidak disalahgunakan. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Hamzah Dollah (2006b). Salah Laku Anggota ATM-Satu Analisis. *Perajurit*. November.hlm 43-46

⁶⁰⁰ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat Diperolehi Daripada Teks Ucapan Rasmi Ucapan YB. Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia Dalam Perhimpunan Bulanan Bagi Bulan Mei 2010. Di Padang Kawad Kem Kementerian Pertahanan Malaysia Pada 4 Mei 2010. hlm 5

kelengkapan TDM seperti kereta perisai *Condor*, *Comando*, *Scorpion* dan *Sibmas* yang dibeli pada tahun 1970-an masih dikekalkan dalam inventori ATM walaupun kelengkapan usang ini kurang relevan dengan peningkatan teknologi semasa serta memberikan masalah dari sudut kos, teknikal, alat ganti dan kemalangan⁶⁰¹. Selain itu, keputusan ATM yang membuat pembelian sebanyak 88 buah pesawat *Skyhawk* (A4PTM) pada 1980-an bagi meningkatkan keupayaan pertahanan udara turut menjadi pembelian yang merugikan yang menjadi aset logistik ATM. Ini masalah kerana pesawat A4PTM adalah pesawat terpakai (*second hand*) tidak dapat dioperasikan sepenuhnya kerana masalah kerosakan, alat ganti dan kes kemalangan yang tinggi menyebabkan TUDM perlu melakukan pembelian pesawat baru⁶⁰².

*“Pembelian pesawat A4PTM (Skyhawk) merupakan pembelian pesawat yang terbanyak yang pernah dibuat oleh TUDM. Namun begitu, pembelian tersebut juga merupakan satu kesilapan besar di sebelah pihak kerajaan Malaysia. Beberapa kesilapan telah dibuat semasa pembelian tersebut tanpa disedari oleh kerajaan Malaysia. Antara kesilapan adalah kerajaan Malaysia tidak mengambil kira bahawa pesawat-pesawat tersebut telah tersadai lama di padang pasir di Arizona sebelum penjualan dibuat kepada Malaysia. Rangka pesawat-pesawat tersebut telah mengalami degrassi akibat begitu lama di padang pasir sebelum diserahkan kepada TUDM”.*⁶⁰³

Begitu juga dengan pembelian pesawat pejuang F-5 E dan *Hawk* 100 dan 200 yang telah berusia dan menghadapi beberapa kes kemalangan dan alat ganti, namun dikekalkan dalam inventori ATM. Manakala bagi TLDM pula, kelengkapan ketenteraan yang lebih besar dan moden diperlukan kerana negara mempunyai keluasan pantai yang luas. Kapal-kapal TLDM yang telah berusia diserahkan kepada APMM memandangkan tugas pengawalan perairan dikongsi bersama antara TDLM dan APMM⁶⁰⁴. Ini bermaksud kawalan APMM yang merupakan barisan kedua dalam konsep pertahanan HANRUH adalah lemah kerana menggunakan kapal dan kelengkapan yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh TLDM dalam mengawasi keselamatan negara. Kelengkapan usang ini dapat dilihat dengan keputusan TLDM untuk menaiktaraf dan melanjutkan usia perkhidmatan dua buah kapal

⁶⁰¹ Jeneral Tan Sri Rodzali Daud, Panglima Tentera Udara (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Udara (PTU) Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Rodzali bin Daud TUDM. Perutusan Hari Ulang Tahun TUDM ke56 oleh Panglima Tentera Udara. 1 Jun 2014. hlm 2-4

⁶⁰² Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan N.S Shah (2006). Op.Cit.hlm 11

⁶⁰³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Liw Shan Lee (Mei 2006) Op.cit.hlm 57-58

⁶⁰⁴ Ibid.hlm 56-60

perang iaitu KD Kasturi dan KD Lekir melalui *Service Life Extension Programme* (SLEP) sejak 2009⁶⁰⁵ yang merupakan kapal perang temoden pada awal 1990-an. Ini bermaksud aset termoden TDLM yang dibeli pada awal 1990-an telah semakin berusia dan terpaksa dinaiktaraf bagi melanjutkan usia perkhidmatan. Ia menunjukkan aspek logistik terpaksa mengekalkan dan terpaksa menaik taraf kapal yang telah lama⁶⁰⁶.

Pelan pembangunan TLDM melalui perancangan pembelian 6 buah kapal peronda persisir pantai walau bagaimanapun turut menghadapi masalah apabila isu ini dikaitkan dengan masalah rasuah dan memerlukan penyiasatan. Usaha pembangunan TDLM turut terbantut apabila golongan politik membuat dakwaan pada tahun 2011 bahawa pembelian enam buah kapal perang dengan harga RM 6 bilion ringgit adalah pembaziran dan lebih mahal berbanding dengan negara lain dan dikaitkan dengan masalah penyelewengan kuasa yang memaksa program pembelian ini terganggu bagi membuka laluan kepada proses penyiasatan dilakukan. Walaupun tuduhan ini hanyalah sebagai dakwaan semata-mata, ianya telah menyebabkan proses pembelian dan pembangunan ATM terbantut apabila isu ini perlu disiasat dan mengambil masa.

“Sebagai contoh, seorang ahli Parlimen pembangkang menerusi blognya telah mendakwa bahawa pembelian enam kapal peronda luar pesisir oleh Kementerian Pertahanan dengan kos 6 bilion adalah lebih mahal berbanding dengan negara lain. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kemudiannya bertindak dengan meminta wakil rakyat tersebut mengemukakan laporan rasmi agar siasatan dapat dilakukan; agak aneh dan melucukan kerana beliau menolak permintaan tersebut”⁶⁰⁷.

Senario ini telah menyebabkan proses pemodenan ATM menghadapi masalah apabila terdapat golongan politik yang menjadikan pembangunan ketenteraan sebagai kepentingan

⁶⁰⁵ Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks rasmi Perutusan Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera (PAT) dalam Laporan rasmi Laporan Tahunan 2009 Kementerian Pertahanan Malaysia. hlm 10

⁶⁰⁶ Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar, Panglima Tentera Laut (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Laut (PTL) Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar. Perutusan Panglima Tentera Laut Sempena Hari TLDM Ke-80 ‘TLDM Siaga Perairan Terpelihara’. 24 April 2014. hlm 6

⁶⁰⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Yusni Yussof (2011). Menghadapi Pemikiran Anti Pertahanan & Tidak Patriotik. *Perajurit*. Mei. hlm 55

politik sedangkan proses pembangunan pertahanan perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa kerana ancaman konflik dan peperangan boleh meletus pada bila-bila masa.

5.5.1.5 Kualiti Kelengkapan

Pembangunan ketenteraan sesebuah negara khususnya dalam perolehan kelengkapan pertahanan telah menimbulkan pelbagai isu yang sering dipersoalkan. Pembangunan ketenteraan adalah satu keperluan kepada negara dalam memastikan keselamatan dan kedaulatannya terjamin. Justeru, kelengkapan strategik, moden dan canggih dan terkini menjadi pilihan kepada mana-mana negara untuk membuat pembelian. Namun, di sebalik ungkapan moden, canggih dan strategik ini terdapat pelbagai persoalan yang timbul di mana jaminan yang diberikan “palsu” (jaminan kemampuan sistem persenjataan tersebut dapat digunakan dalam tempoh jangka masa yang panjang). Kebanyakan penjualan kelengkapan tersebut adalah bersifat *one-off*⁶⁰⁸ dan melibatkan kos yang besar. Walaupun proses pembelian ini melibatkan perjanjian khidmat selepas jualan termasuk pemindahan teknologi, namun realiti khidmat selepas jualan ini adalah terhad. Menurut laporan Zuridan Muhammad (2009) menyatakan:-

“Konsep pembelian ‘one-off’ sebegini telah dilakukan oleh banyak negara dan ini boleh diandaikan juga bahawa Malaysia juga tidak terkecuali...Apa yang diperolehi oleh negara-negara tersebut dalam bentuk sistem kelengkapan kereta kebal, kapal dan pesawat udara adalah merupakan versi yang hebat, namun ia mempunyai batas atau keupayaan yang terhad mengikut perolehan masa dan perkembangan teknologi. Jika sistem yang ditawarkan adalah sistem yang dihasilkan pada era tahun 80-an, maka tentunya negara pembekal akan menambah beberapa ciri ‘baru’ yang nampak canggih pada sifat fizikalnya dan dikatakan mampu mempertingkatkan tahap keupayaan sistem tersebut untuk menangani masalah hari ini. Perkara tersebut tidak semestinya benar, namun dalam dunia perniagaan berkaitan sistem pertahanan, saingan adalah amat sengit dan kadang-kala penjual sanggup mengatakan apa sahaja asalkan produknya terpilih⁶⁰⁹”.

⁶⁰⁸ Pembelian atau perolehan sedemikian lazimnya bersifat tunggal atau ‘one-off’ dan mempunyai kos yang tinggi. Sistem-sistem ini juga diperolehi dengan khidmat selepas jualan yang terhad dan lazimnya hampir pasti atau jika wujud adalah amat terhad dari sudut timbal-balik atau pemindahan teknologi. Jika adapun usaha-sama dan kemahiran atau pemindahan teknologi juga program timbal-balik yang diberikan oleh negara pembekal adalah yang berkaitan dengan bidang komersial. Zuridan Muhammad (2009a) Op.cit

⁶⁰⁹ Ibid

Menurut Fazli Arman (1993), pembelian aset usang dan tidak berkualiti oleh ATM dapat dilihat melalui pembelian pesawat A4 *Skyhawk* yang merupakan pesawat terpakai “*secondhand*” daripada AS pada tahun 1988. Pembelian 88 buah pesawat A4PTM (*Skyhawk*) merupakan pembelian terbesar oleh ATM dalam sejarah mendapatkan pesawat pejuang. Pesawat pejuang A4 *Skyhawk* ini adalah pesawat yang tidak lagi digunakan oleh AS dan hanya disimpan di Arizona berikutan kemampuan teknologi yang terhad dan pada masa yang sama AS memberikan penumpuan kepada pembangunan pesawat pejuang F-16 dan F/A-18. Pesawat *Skyhawk* yang dibeli oleh Malaysia memiliki keupayaan yang terhad malah banyak terbabit dalam pelbagai kes kemalangan sehingga memaksa kerajaan menamatkan perkhidmatan *Skyhawk* pada tahun 1994 (hanya beroperasi selama 6 tahun iaitu antara tahun 1988-1994). Ia merupakan satu kerugian kepada negara dan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* negara telah dipersoalkan. Selepas kegagalan *Skyhawk*, kerajaan telah membuat pembelian 26 buah pesawat *Hawk* 100 dan 200 daripada Britain. Pesawat ini juga adalah pesawat yang mempunyai kemampuan yang terhad⁶¹⁰. Pesawat ini turut terbabit dalam pelbagai kes kemalangan dan menghadapi pelbagai masalah teknikal dan alat ganti.

“Tambahan pula, pembelian Hawk bertujuan menggantikan pesawat pejuang Skyhawk yang akan ditamatkan perkhidmatannya mulai 1994 secara berperingkat⁶¹¹”.

Keupayaan kelengkapan ATM di bawah prinsip pertahanan *self-reliance* turut dipersoalkan dari sudut kualiti berdasarkan pelbagai kes kemalangan yang membabitkan aset TDM seperti kemalangan yang mengorbankan dua anggota tentera pada 20 Ogos 2014. Kemalangan yang membabitkan kereta perisai Adnan yang merupakan aset terkini TDM bagi meningkatkan keupayaan pertahanan darat juga menimbulkan persoalan⁶¹². Selain itu aset darat ATM ini pernah terbabit dalam beberapa kes kemalangan yang membabitkan kereta perisai *Sibmas* pada 3 Julai 2014 di Kuala Kangsar yang mengorbankan dua orang anggota dan menyebabkan dua orang cedera parah. Kemalangan ini dikaitkan dengan usia dan

⁶¹⁰ Ibid

⁶¹¹ Fazli Arman (1993). MiG-29 Kukuhkan Pertahanan. *Berita Harian*. 31 Ogos. hlm13

⁶¹² Jenazah Dua Anggota Tentera Diterbangkan Ke Kuala Lumpur Pagi Ini. *Berita Harian*. 20 Ogos 2014

http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140820/dn_29/Jenazah-dua-anggota-tentera-diterbangkan-ke-Kuala-Lumpur-pagi-ini

masalah teknikal kereta perisai yang telah berusia⁶¹³. Terdapat pelbagai kes kemalangan dan masalah aset yang membabitkan aset penting ATM termasuk TLDM seperti kes kebakaran kapal KD Mutiara milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di limbungannya di Pasir Gudang Johor pada 13 Januari 2012⁶¹⁴ manakala pada 6 Oktober 2014, kemalangan membabitkan bot tempur jenis CB204 yang merupakan bot tempur moden yang digunakan oleh TLDM yang membawa kepada kehilangan tujuh anggota tentera di kawasan Terumbu Layang-Layang Sabah⁶¹⁵. Terbaru Kapal Diraja (KD) Perantau yang karam di Lumut Perak pada 19 November 2014 yang disahkan oleh TLDM akibat kebocoran dan dimasuki air. Kes-kes kemalangan yang membabitkan aset ATM telah menunjukkan kelemahan dari segi aset logistik yang dimiliki⁶¹⁶. Kualiti pesawat pejuang MiG-29 juga turut dipertikaikan selepas terhempas pada 9 November 2004 yang disebabkan oleh kebakaran enjin. Ia adalah kes kedua pesawat pejuang kebanggaan negara terhempas selepas 3 September 1998⁶¹⁷. Manakala pesawat *Hawk* 100 dan 200 juga seringkali terbabit dalam kemalangan. Contohnya pada tahun 2003, akibat masalah teknikal pesawat *Hawk* 108 telah mengorbankan seorang anggota tentera yang dalam proses penyelenggaraan apabila kerusi anjal secara tiba-tiba melantun dan mengenai anggota TUDM Butterworth Pulau Pinang⁶¹⁸. Pada 24 Jun 2005, pesawat *Hawk* 208 buatan Britain telah terhempas dan mengorbankan juruterbang di Labuan Sabah⁶¹⁹. Pada 31 Mei 2006, sebuah lagi pesawat *Hawk* turut terhempas yang mengorbankan juruterbangnya. Masalah berulang apabila 23 Jun 2006 sebuah lagi pesawat *Hawk* 108 membuat pendaratan cemas di TUDM Butterworth akibat masalah teknikal⁶²⁰.

⁶¹³ Asliza Musa (2014). Dua Anggota Tentera Maut, Dua Parah Kereta Perisai Dinaiki Terbabas. *Utusan Malaysia*. 3 Julai 2014

http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140703/dn_35/Dua-anggota-tentera-maut-dua-parah-kereta-perisai-dinaiki-terbabas

⁶¹⁴ Kapal TLDM Terbakar Di Pasir Gudang *Utusan Malaysia*. 13 Januari 2012

http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0113&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_21.htm

⁶¹⁵ Bot Tempur Yang Hilang Baru Diselenggara *Utusan Malaysia*. 7 Oktober 2014

http://www1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20141007/dn_02/Bot-tempur-yang-hilang-baru-diselenggara

⁶¹⁶ Asliza Musa (2014). Kapal TLDM Alami Kebocoran. *Utusan Malaysia*. 19 November 2014
<http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/kapal-tldm-alami-kebocoran-1.26603>

⁶¹⁷ MiG-29 TUDM Terhempas, Juruterbang Dipercayai Selamat. *Utusan Malaysia*. 9 November 2004.

http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=1109&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_02.htm

⁶¹⁸ Runtuhan Premis Kediaman Berulang. *Utusan Malaysia*. 1 Januari 2003

http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0101&pub=Utusan_Malaysia&sec=Laporan_Khas&pg=lk_02.htm

⁶¹⁹ Juruterbang TUDM Selamat Dikebumi. *Utusan Malaysia*. 25 Jun 2005

http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0625&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm

⁶²⁰ Aizawati Ahmad (2006). Pesawat Hawk Mendarat Cemas, Dua Selamat. *Utusan Malaysia*. 24 Jun 2006

Kes-kes kemalangan dan masalah teknikal kelengkapan ATM telah menjadi bukti kelengkapan ATM adalah kurang berkualiti. Ia juga menunjukkan kemampuan ATM dalam mempertahankan keselamatan negara adalah terhad. Ia secara tidak langsung menunjukkan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia lemah dan ATM tidak mampu bertindak secara berdikari dengan kelengkapan yang menghadapi pelbagai masalah. Menurut Panglima Angkatan Tentera pada 9 November 2009 menyatakan:-

“Pada hemat saya, evolusi transformasi keupayaan ATM ini perlu diperkasa secara menyeluruh yang merangkumi aspek penstrukturan organisasi, perolehan aset-aset tempur berteknologi canggih, membudayakan nilai teras yang berwibawa, kepimpinan berintegriti dan pembangunan modal insan yang berkualiti. Hakikatnya, hanya ketumbukan angkatan tentera yang mantap sahaja akan dapat memberi keyakinan kepada rakyat bahawa ATM benar-benar mampu melindungi kedaulatan dan kepentingan strategik negara⁶²¹.”

5.5.1.6 Penswastaan Bahagian Logistik

Dalam memenuhi keperluan logistik, kerajaan telah membabitkan penglibatan pihak swasta dalam menyediakan perkhidmatan dan produk kepada ATM. Ia juga adalah selaras dengan dasar kerajaan yang mahu membangunkan industri pertahanan dengan lebih pesat. Namun persoalannya adakah dengan penswastaan memberikan impak yang baik kepada ATM? Amalan yang dilaksanakan oleh ATM adalah setiap aspek logistik membabitkan dua pembahagian yang besar iaitu Logistik ATM di ibu pejabat Kementerian Pertahanan dan logistik yang dikendalikan oleh setiap cabang perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara. Unit sokongan logistik yang diamalkan dilihat memberikan masalah bebanan kerja, memerlukan tenaga kerja yang besar, kemudahan stor dan gudang yang besar, perbelanjaan serta pengurusan. Senario ini telah mempengaruhi ATM untuk bergerak ke arah penswastaan selaras dengan dasar penswastaan kerajaan yang menswastakan beberapa aspek logistik melalui kerjasama dengan syarikat luar negara dan tempatan. Menurut Abdul Nazar Abdul

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0624&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm

⁶²¹ Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM, Panglima Angkatan Tentera (2009). Teks Rasmi Ucapan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM Dalam Majlis Di Perbarisan Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia Ke-76 Di Padang Kawat Kem Sungai Besi. 9 November 2009. hlm 9

Hamid (2004) dalam mencapai matlamat prinsip pertahanan *self-reliance*, kerajaan telah mengambil langkah membuka dan memperkembangkan sektor industri pertahanan negara dengan memfokuskan beberapa bidang induk industri pertahanan seperti industri aeroangkasa, industri maritim, automotif, persenjataan, teknologi maklumat dan komunikasi, industri peralatan gunasama, pameran pertahanan dan penyelidikan.

“Adalah menjadi hasrat kerajaan agar pembangunan industri pertahanan kurang bergantung kepada bekalan peralatan dan perkhidmatan penyenggaraan dari luar negara. Industri ini dilihat mempunyai daya saing dalam menyediakan keperluan pertahanan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menjadikannya lebih moden, berkesan dan self-reliance⁶²².”

Sebagai contoh syarikat AIROD yang ditubuhkan semenjak tahun 1970-an adalah syarikat yang bertanggungjawab menyelenggara dan membaik pulih kapal terbang dan pesawat tempur. Namun, kewujudan syarikat industri pertahanan ini masih mempunyai kelemahan kerana faktor pemilikan aset pertahanan yang kecil dan firma AIROD yang besar. Untuk syarikat mendapatkan kontrak, TUDM dapat dijadikan sebagai pelanggan namun kelengkapan yang dimiliki oleh TUDM dalam jumlah yang kecil akan mengecilkan jumlah dan peluang kepada syarikat untuk masuk mendapatkan kontrak dan keuntungan. Keadaan ini menyebabkan syarikat dan para pelabur kurang berminat untuk menceburi bidang industri pertahanan dan secara langsung membantutkan industri pertahanan negara⁶²³.

“Seperti mana yang kita semua maklum, kerajaan Malaysia mempunyai pendekatan ‘minimalis’ dalam perihal pemilikan aset pertahanan. Sebagai contoh sehingga kini (2005) hanya 2 frigat serta 24 buah pesawat pejuang generasi baru (MiG dan Hornet). Aset yang minima ini bukan sahaja tidak berupaya menangani konflik bersenjata berskala besar atau krisis yang berpanjangan tetapi juga tidak mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan industri pertahanan negara”⁶²⁴.

Penswastan beberapa aspek dalam ATM diharapkan dapat meningkatkan keupayaan *self-reliance* ATM. Namun keberkesanan penswastan aspek logistik ini adalah lemah dan memberikan permasalahan kepada ATM. Sebagai contoh syarikat AIROD telah diberikan

⁶²² Abdul Nazar Abdul Hamid (2004). Op.cit.

⁶²³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Mat Nor (2010). Op.Cit

⁶²⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zackry Mokhtar (2005). Op.Cit.hlm 7

kepercayaan oleh kerajaan bagi membantu ATM agar dapat berdikari (*self-reliance*) dalam aspek hal ehwal pesawat dan alat ganti bagi mengendalikan helikopter Nuri dan Jet Tebuan pada tahun 1977 dan menyelenggara pesawat *Caribou*, *Skyhawk* dan *Hawk* 108/208. Manakala syarikat Aerospace Technology Systems Corp Sdn Bhd (ATSC) telah diberikan kontrak menyelenggara pesawat MiG-29. Penswastaaan bahagian logistik TUDM ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan TUDM selain memberikan masa kepada TUDM dan ATM menumpukan kepada aspek peningkatan keupayaan dan latihan⁶²⁵. Namun kedua-dua syarikat ini telah memberikan perkhidmatan yang lemah apabila pesawat *Hawk* dan MiG-29 mencatatkan beberapa kes kemalangan yang mengorbankan nyawa juruterbang. Malah dari sudut kualiti, kedua-dua syarikat dilaporkan gagal menepati kehendak ATM apabila terdapat laporan antarabangsa yang mendedahkan kesiapsiagaan TUDM di tahap membimbangkan. Ia turut berikutan dengan kes kemalangan dan penyenggaraan pesawat.

“...semenjak akhir tahun 1990-an, masa penerbangan yang mampu dilakukan untuk latihan dan rondaan bagi kedua jet terpaksa dikurangkan dengan drastik. Ini mengakibatkan tahap kesediaan TUDM sekiranya berlaku konflik yang memerlukan penguasaan udara ruang udara pada tahap yang rendah. Contohnya hanya 7 dari sejumlah asal 18 buah pesawat MiG-29 yang mampu diterbangkan pada bila-bila masa apabila diperlukan....manakala 6 buah pesawat Hawk tidak boleh diterbangkan lagi memandangkan tempoh jangka masa penerbangan telah mencapai tahap maksima dan proses penyelenggaraan ekstensif perlu dilakukan untuk mengelakkan dari sebarang kemalangan sewaktu penerbangan”⁶²⁶.

Walaupun alasan permasalahan ini dikaitkan dengan masalah kelewatan alat ganti yang dibekalkan untuk kepada pesawat, namun ia secara langsung menunjukkan kelemahan dalam penswastaaan yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan dan ATM. Keadaan ini menunjukkan tahap kesediaan TUDM dan ATM adalah lemah dan prinsip pertahanan *self-reliance* juga adalah lemah. Dalam laporan *Isu Penyelenggaraan Pesawat MiG-29: Cabaran Besar Kepada ATSC* menjelaskan selepas dua tahun tempoh penggunaan pesawat seharusnya pesawat ini melalui proses penyelenggaraan dan penukaran komponen alat ganti yang bersesuaian bagi memastikan untuk memastikan pesawat mampu terbang serta beroperasi

⁶²⁵ Mejar Jeneral Dato’ Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014

⁶²⁶Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Isu MiG & Hawk, Jangan Kompromi Isu Keselamatan Negara. *Perajurit*. September. 2001.hlm 6

pada waktu yang diperlukan. Namun selepas tamatnya tempoh jaminan yang diberikan, ATM terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menyelenggara pesawat. Ini telah memberikan kesan yang besar kepada ATM. Penyerahan penyenggaraan kepada sektor swasta bermaksud akan berlaku pengaliran wang keluar daripada Kementerian Pertahanan kepada syarikat yang diberikan. Dengan peruntukan perbelanjaan yang terhad ia memberikan kesan langsung kepada peruntukan kewangan pembangunan dan pengurusan ATM⁶²⁷. Walaupun terdapat kebaikan dalam penswastan beberapa aspek ATM, namun kerajaan juga perlu diteliti sekiranya ia memberikan kesan negatif kepada keupayaan kewangan ATM.

Pembangunan logistik turut berkaitan dengan aspek industri yang akan dibincangkan secara mendalam dalam subtopik industri pertahanan. Industri pertahanan adalah sektor yang menghasilkan produk pertahanan kepada negara agar tidak bergantung kepada sumber dari luar serta membolehkan operasi ketenteraan dijalankan dalam jangka masa yang panjang. Bagi menganalisa masalah logistik yang berkaitan dengan industri pertahanan, ianya dapat dilihat daripada kes pembangunan senjata rifal *Styer* oleh syarikat tempatan SME hasil kerjasama dengan syarikat Austria⁶²⁸. Sejalan dengan matlamat industri pertahanan, kerajaan berhasrat industri pertahanan tempatan mampu menyediakan persenjataan kepada ATM seperti penghasilan senjata rifal *Styer AUG* bagi menggantikan senjata M16 buatan AS kepada hampir 100,000 orang anggota tentera dalam semua cabang perkhidmatan. Usaha industri pertahanan tempatan menghasilkan senjata *Styer* telah dibangunkan oleh syarikat SME semenjak awal tahun 1990-an dengan versi *Syer AUG A1 di Batu Arang, Selangor*. Pada April 1996, Syarikat NADI (Syarikat induk kepada SMEA dan SMEO) dengan syarikat *Steyr Mannlicher Holding GMBH* telah menjalankan usaha sama di bawah *Steyr-Mannlicher (M) Sdn Bhd* yang menghasilkan *Styer AUG A1* dan *Styer AUG A3* mensasarkan menghasilkan raifal 15,000-20,000 laras setahun bagi pasaran Asia Pasifik, Eropah dan Asia Barat. Namun, usaha sama ini telah menghadapi masalah apabila laporan media antarabangsa mendakwa perjanjian dan usahasama antara Malaysia-Austria menghasilkan senjata *Styer* memberikan kesan dalam penyebaran senjata api ke negara Asia. Pertubuhan kerajaan dan

⁶²⁷ Ibid

⁶²⁸ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Mat Noor (2009) ATM & M4. *Tempur*. August
http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=811&Itemid=232

bukan kerajaan Eropah Barat turut mengkritik tindakan syarikat Austria, *Styer Mannlicher* yang menjadikan usaha sama dengan Malaysia sebagai platform dalam penjualan senjata *Styer* ke negara Asia dan bertentangan dengan *Code of Conduct on Arms Export* Kesatuan Eropah. Keadaan ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati Malaysia dan menyebabkan usaha sama yang dimeterai telah mengalami kegagalan antara *NADI* dengan *Styer Mannlicher*.

Dalam usaha memastikan pembangunan aspek logistik ATM dipertingkatkan, pada 26 April 2006, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menggantikan senjata *Styer AUG A1* dengan M4 yang dihasilkan oleh syarikat *Colt* Amerika Syarikat. Malaysia telah membeli 14,000 laras M4 yang bernilai RM 70 juta semenjak April 2006 dan syarikat yang dipertanggungjawabkan menyediakan senjata ini adalah *SME Ordnance Sdn Bhd* yang sebelum ini menghasilkan senjata *Styer AUG*. Syarikat *SME Ordnance Sdn Bhd* telah diberikan kebenaran oleh syarikat asal M4 iaitu *Colt Defense LLC* untuk mengilangkan senjata M4 di Malaysia sebagai pakej dalam perjanjian pemindahan teknologi, namun proses pemindahan teknologi menghadapi masalah. Ia berkaitan dengan soal hak milik dan hak cipta ke atas senjata rifal M4 yang membabitkan syarikat *Colt Defense LLC* dengan syarikat *Heckler & Koch* dan syarikat *Bushmaster*. Harapan untuk Malaysia menjadi negara yang menghasilkan kilang pengeluaran M4 semakin tergugat apabila Filipina turut berminat mengadakan kerjasama dengan AS menghasilkan raifal tersebut⁶²⁹.

Dalam masa yang sama, pembelian senjata rifal M4 ini telah menimbulkan persoalan dari sudut kualiti apabila wujud perdebatan di peringkat antarabangsa mengenai keupayaan rifal M4. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh *Special Operations Command (SOCOM)* dalam *M4A1 5.56 Carbine and Related Systems Deficiencies and Solutions* pada Februari 2001 M4A1 mendapati rifal M4 tidak memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh *Special Operation Force (SOF)*. Kajian tersebut mendapati terdapat masalah yang berkaitan dengan sistem raifal yang menghadapi masalah ketahanan yang cepat panas, peluru tersangkut dan pelarasan optik. Kajian sekali lagi dilakukan pada tahun 2006 oleh syarikat *CAN Corp* dan

⁶²⁹ YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan (2014). Maklumb diperolehi daripada Teks Rasmi Perutusan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Majlis Perutusan Menteri Pertahanan Tahun 2014. Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan Pada 25 Februari 2014. hlm 9

mendapati rifa M4 sememangnya menghadapi masalah. Walaupun permasalahan ini dapat diatasi sehingga tahun 2007 oleh syarikat *Heckler & Koch*, namun ia menunjukkan pembangunan industri pertahanan Malaysia menghadapi masalah dalam menyediakan kelengkapan logistik walaupun membabitkan kelengkapan ringan tentera. Keadaan ini menunjukkan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* negara adalah lemah.

*“Persoalan yang sebenarnya lebih relevan kepada kesemua pihak yang terlibat dan dipertanggungjawabkan terhadap keselamatan negara ialah apakah dengan melaksanakan peralihan dari satu rifa ke rifa yang lain dengan pengeluar asal atau OEM (Original Equipment Manufacturer⁶³⁰) yang berbeza bakal dapat merealisasikan dasar pertahanan negara. Iaitu untuk dapat berdikari (*self-reliance*) dan tidak terlampau mengharapkan kuasa atau negara luar dalam membekalkan sistem persenjataan bagi tujuan pertahanan kedaulatan dan kawasan persempadannya sendiri”⁶³¹.*

5.6 Pembangunan Aspek Industri Pertahanan

Dalam mencapai objektif prinsip pertahanan *self-reliance*, kerajaan telah mengambil pendekatan untuk membangunkan aspek industri pertahanan agar dapat memastikan sistem pertahanan negara dapat bergantung pada diri sendiri dalam menghadapi ancaman keselamatan⁶³². Industri pertahanan merupakan sebuah bidang ekonomi yang berkaitan dengan aktiviti pengeluaran, penyelenggaraan, pembaikan, baik pulih, rombak rawat, naik taraf dan pemodenan semula peralatan ketenteraan yang digunakan untuk tujuan pertahanan dan keselamatan negara. Apakah peranan industri pertahanan kepada Malaysia?

“Dr. Ahmad Zahid Hamidi, as the Defence Minister emphasizes that the second pillar of defence underpinning Malaysian defences and security policy, that is, “to develop self-reliance defence capability complimented by total defence” could be materialised”⁶³³

⁶³⁰ Lihat penjelasan lanjut OEM dalam Mohd Yunus Masjuki (2011). Defence Research And Development: National Industrialisation Towards Achieving Self-Reliance. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 2. No. 1. hlm 24-34. Lihat juga penjelasan Menteri Pertahanan Malaysia Ahmad Zahid Hamidi yang mana pembangunan industri pertahanan negara ASEAN adalah berkemampuan terhad dan banyak bergantung kepada OEM. Negara ASEAN adalah negara yang bergantung kepada pembelian persenjataan dari negara luar (OEM) dalam Ahmad Zahid Hamidi (2010). Asean Defence Industry Collaboration; Potential, Challenges And Way Forward. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 1 Bil .2 hlm 120

⁶³¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Mat Noor (2009). Op.cit

⁶³² Sharudin Othman (2002) Op.cit

⁶³³ Mohd Yunus Masjuki (2011). Op.cit.hlm 30

Sejajar dengan pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan semenjak tahun 1970, kerajaan telah membangunkan industri pertahanan dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai dan mengelakkan pergantungan negara kepada kuasa luar dalam aspek keselamatan. Dengan penubuhan syarikat AIROD pada tahun 1969, ia telah membuka ruang kepada penglibatan syarikat tempatan untuk turut serta membangunkan industri pertahanan Malaysia. Usaha kerajaan dan ATM ini telah membuahkan hasil apabila kerajaan menetapkan setiap pembelian kelengkapan pertahanan perlu membabitkan aspek pemindahan teknologi kepada negara dari sudut pemasangan dan latihan kepada rakyat Malaysia. Industri pertahanan adalah penting bagi memastikan pertahanan negara sentiasa berada dalam kesiapsiagaan dan memiliki daya tempur sistem pertahanan dan keselamatan negara. Fungsi industri pertahanan adalah untuk a) merancang dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti bagi menggalakkan pertumbuhan industri pertahanan tempatan b) memberi khidmat urus setia kepada MIPM c) merancang dan menyelaras sokongan kerajaan dalam pengendalian pameran peralatan pertahanan tempatan dan antarabangsa d) menyelaras kerjasama industri pertahanan dengan negara asing melalui hubungan dua hala pertahanan e) mengkaji dan melaksanakan program penswastan kemudahan dan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia yang boleh dilaksanakan oleh syarikat tempatan.

Pembangunan industri pertahanan negara turut membabitkan beberapa agensi kerajaan khususnya dalam aspek R&D. Antaranya STRIDE yang telah dibangunkan sejak tahun 2002 lagi yang bertujuan memastikan ATM membangunkan penyelidikan dan teknologi pertahanan, menjalankan pemodenan ATM secara berterusan⁶³⁴, memastikan keupayaan ATM berkembang seiring dengan perubahan teknologi dan doktrin pertahanan semasa dunia⁶³⁵. Penubuhan STRIDE adalah selaras dengan pengamalan prinsip pertahanan

⁶³⁴ Jeneral Tan Sri Rodzali Daud, Panglima Tentera Udara (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Udara (PTU) Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM. Perutusan Hari Ulang Tahun TUDM ke56 oleh Panglima Tentera Udara. 1 Jun 2014. hlm 2-4

⁶³⁵ Saharuddin Harun (2004). Malaysia's Defence Industry: Meeting The Objective Of Achieving Self Reliance– A Case Study. *Thesis*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004. Bab 3 Dan 4 Lihat Juga Dalam http://www.stride.gov.my/alpha.2.0/index.php?option=com_content&view=article&id=39&Itemid=32&lang=en

self-reliance dan bertujuan membantu industri pertahanan tempatan agar dapat menghasilkan produk pertahanan kepada ATM dan mengelakkan pergantungan kepada kuasa luar dalam pertahanan negara. Melalui penubuhan STRIDE, ianya disasarkan untuk menghasilkan produk pertahanan yang bermutu tinggi yang dapat dipasarkan untuk keperluan dalaman negara dan ke peringkat antarabangsa.

Dalam meningkatkan industri pertahanan, teknologi dan penyelidikan, kerajaan telah menubuhkan *Centre for Defence Research and Technology* (CODRAT) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada Mac 2009⁶³⁶. CODRAT adalah pusat yang memfokuskan bidang penyelidikan dan pembangunan pertahanan yang melibatkan pihak kerajaan dan swasta bagi memenuhi keperluan DPN. Pusat ini juga berperanan menyediakan dan memasarkan produk dan idea kepada ATM. CODRAT juga mempunyai hubungan dengan Kementerian Pertahanan, STRIDE, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), universiti tempatan, agensi penyelidikan tempatan dan antarabangsa dan industri pertahanan tempatan dan antarabangsa. Dalam memperkembangkan industri pertahanan kerajaan menubuhkan *Malaysian Institute Of Defence & Security* (MIDAS). Penubuhan MIDAS ini dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, wakil Kementerian Pertahanan, ATM, Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri dan wakil-wakil syarikat industri pertahanan tempatan⁶³⁷. Antara objektif penubuhan MIDAS adalah untuk a) Memberikan panduan dalam menentukan pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan yang teratur dengan mengambilkira objektif Kementerian Pertahanan, agensi keselamatan dan penguatkuasaan serta negara secara keseluruhannya. b) Membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan. c) Menubuhkan satu pertubuhan syarikat yang berasaskan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan di Malaysia.

⁶³⁶ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Bin Mat Noor (Februari 2012) Industri Pertahanan Tempatan - Sejauh Mana Kita Mahu Melangkah. *Tempur* Februari http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=1501&Itemid=273

⁶³⁷ Maklumat diakses pada 26 September 2014 <http://www.airforce.gov.my/my-berita-induk/my-berita-utama/mesyuarat-majlis-industri-pertahanan-malaysia/>

Kesungguhan kerajaan membangunkan industri pertahanan dapat dilihat dengan penubuhan *Malaysian Defence & Security Technology Park* (MDSTP) yang ditubuhkan pada tahun 2009⁶³⁸. MDSTP adalah langkah kerajaan membangunkan industri pertahanan negara dengan membuka sebuah Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia dengan kerjasama antara kerajaan Malaysia dengan syarikat *Masterplan Consulting Sdn Bhd*, membabitkan seluas 485 hektar di Sungkai, Perak bagi membolehkan Malaysia membangunkan sebuah kawasan perindustrian yang memfokuskan kepada pembangunan inovasi, teknologi dan industri pertahanan. Menteri Pertahanan menjelaskan:-

*“Malaysian Defence & Security Technology Park (MDSTP) will be the first of its kind in the ASEAN region to cater to the growing demand and needs of the defence and security industry. I am very positive that the joint initiative between the public & private sectors will provide a strong platform for MDSTP to achieve its vision and objective. Underpinned by its core purpose of becoming a regional defence hub, MDSTP is targeted to exclusively provide the necessary facilities and infrastructure for the research & development, production of equipment and parts, maintenance repair and overhaul and other technical related services related to the defence and security industry. The park is aimed to provide investors with the means to capture the tremendous opportunities and potential of the global defence industry, at the same time, boosting their presence in the worldwide market”*⁶³⁹.

Objektif MDSTP adalah untuk melonjakan kemajuan Malaysia dalam ekonomi berasaskan inovasi dengan menjadi pusat yang mengintegrasikan penyelidikan dan pembangunan dalam menghasilkan inovasi produk pertahanan, menggalakkan dan memudahkan kajian dalam pembangunan pertahanan, inovasi, aktiviti komersial dengan menyediakan infrastruktur yang moden, peralatan dan kemudahan, mempromosikan pembangunan dalam keintelektualan, kreativiti dan inovatif dalam teknologi dan produk pertahanan, menggalakkan perkongsian pintar antara kerajaan dan sektor swasta dalam pembangunan teknologi pertahanan dan pengkomersilan terhadap penemuan dalam penyelidikan dan menyediakan peluang kepada industri pertahanan tempatan untuk mengambil bahagian dalam pasaran antarabangsa⁶⁴⁰. MDSTP turut memberikan fokus dalam enam sektor pertahanan utama iaitu avionik dan aeroangkasa, automotif, maritim, senjata,

⁶³⁸ Maklumat diakses pada 26 September 2014 <http://mdstp.com.my/home/>

⁶³⁹ Maklumat diakses pada 26 September 2014 <http://mdstp.com.my/about/>


⁶⁴⁰ Maklumat diakses pada 26 September 2014 <http://mdstp.com.my/about/>

ICT serta pengguna biasa yang memberi sokongan kepada industri pertahanan⁶⁴¹. Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 18 Ogos 2014, pembangunan industri pertahanan adalah pendekatan bagi mengekalkan tahap kesiapsiagaan ATM⁶⁴². Persoalannya adakah pembangunan industri pertahanan berada dalam keadaan yang kukuh?

5.6.1 Analisa Pembangunan Aspek Industri Pertahanan

Selaras dengan pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* kerajaan telah membangunkan aspek industri pertahanan negara semenjak tahun 1970. Namun persoalannya adakah pembangunan industri pertahanan mengukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance*?

Gambarajah 5.11: Masalah Industri Pertahanan Dan Kesan Terhadap Prinsip Pertahanan *Self-reliance*



Sumber: Diubahsuai daripada Mohd Yunus Masjuki (2011). Defence Research And Development: National Industrialisation Towards Achieving Self-Reliance. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 2. No. 1. hlm 26

⁶⁴¹ Hazwan Faisal Mohamad (2012). MDSTP Mampu Tarik Pelaburan RM15b. *Berita Harian*. 6 April.

<http://www.bharian.com.my/articles/MDSTPmamputarikpelaburanRM15b/Article/>

⁶⁴² Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014 dan dokumen Nota Percakapan Ketua Setiausaha mengenai "Dasar Pertahanan Negara Executive Talk" pada 18 Ogos 2014.

5.6.1.1 Ketiadaan *Blue Print* Dan Peruntukan Terhad

Berdasarkan gambarajah 5.11, ia menunjukkan mengenai masalah industri pertahanan dan kesannya terhadap prinsip pertahanan *self-reliance*. Dalam memastikan kejayaan industri pertahanan negara, terdapat beberapa aspek yang perlu dibangunkan oleh kerajaan iaitu a) kerajaan perlu memberikan fokus dalam menjelaskan mengenai konsep pembangunan dan penyelidikan pertahanan dan memberikan galakan dalam aktiviti R&D pertahanan. b) menentukan dan menyediakan peruntukan tahunan kepada R&D pertahanan dan memerlukan kerjasama antara pihak pemimpin dan pembuat dasar c) untuk membangunkan industri pertahanan dengan lebih pesat, aspek meningkatkan kepakaran dan saintis untuk merancang, pelaburan dan mengalakan aktiviti R&D pertahanan d) meningkatkan kekuatan industri pertahanan dan menjalankan kajian terperinci terhadap *blue print* industri pertahanan dan DPN⁶⁴³.

“Why is the local defence industry unable to undertake R&D? Firstly, is it so because the concept of self reliance is not understood and not fully disseminated? There is a lack of understanding on what it means to defence self-reliance and how to relate it to defence product. Secondly, the government itself is not clear of what it wants? This relates to the larger issue of industrialization policies”⁶⁴⁴.

Kajian ini mendapati dalam mencapai matlamat prinsip pertahanan *self-reliance*, kerajaan telah mengambil langkah membuka dan memperkembangkan sektor industri pertahanan negara dengan memfokuskan beberapa bidang induk industri pertahanan seperti industri aeroangkasa, industri maritim, automotif, persenjataan, teknologi maklumat dan komunikasi, industri peralatan gunasama, pameran pertahanan dan penyelidikan. Dalam memperkembangkan industri pertahanan beberapa objektif kerajaan, kementerian, DPN, STRIDE, MIDAS, CODRAT dan MDSTP mensasarkan pencapaian prinsip pertahanan *self-reliance* sebagai sasaran utama bagi industri pertahanan tempatan. Walau bagaimanapun, industri pertahanan tempatan dilihat masih mempunyai kelemahan.

⁶⁴³ Sila rujuk dalam Suhaimi Ashaari (2005). Malaysia Defense Self-Reliance: Theory And Practice. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005. Bab 3 dan 4

⁶⁴⁴ Mohd Yunus Masjuki (2011). Op.Cit.hlm 25

“On policy and guidance, the research finding shows, more than three-quarter (83%) of the respondents do not have policy, or guidance on defence R&D, whereas the balance of 17% represented by the government bodies have the policy but in different forms. It was perceived that the concept of defence self-reliance is absence and the local defence industry is still in trial and error stage. There is no proper guidance or policy on the implementation of defence R&D”⁶⁴⁵.

Kemajuan dan kejayaan industri pertahanan tempatan masih lagi jauh sekiranya dibandingkan dengan industri pertahanan negara Barat. Kelemahan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu i) industri pertahanan adalah industri yang berisiko tinggi ii) Kekurangan pakar dalam bidang teknologi pertahanan iii) peruntukan kewangan yang terbatas kerana terpaksa memberikan penumpuan kepada bidang lain yang lebih memerlukan iv) pasaran luar yang terhad kerana persaingan produk industri pertahanan dari negara maju v) dana bagi program R&D yang terbatas vi) sektor pertahanan dilihat sebagai sektor yang kurang penting berbanding dengan sektor ekonomi yang lain.

“Industri pertahanan tidak boleh maju dalam masa yang singkat. Di negara maju pun industri ini mengambil masa beratus atau berpuluh tahun untuk meningkatkannya ke tahap yang mereka capai sekarang. Begitu juga dengan Malaysia yang baru sahaja hendak menceburi bidang ini. Oleh yang demikian, Malaysia juga perlu ada ‘Blueprint Industri Pertahanan’ untuk memberi panduan dan laluan ke arah mewujudkan pertahanan self reliance⁶⁴⁶”.

Dalam mesyuarat MIPM tahun 2009 bersetuju untuk menghasilkan *blue print* industri pertahanan yang menetapkan garis panduan pemberian kontrak agar dapat memastikan syarikat industri pertahanan tempatan dapat bersaing dengan lebih sihat dan mengelakkan monopoli sesebuah syarikat dalam menghasilkan sesuatu produk⁶⁴⁷. Malah dalam laporan rasmi Laporan Tahunan 2006, Kementerian Pertahanan turut menyentuh mengenai aspek ketiadaan “*blue print*” atau garis panduan dalam pembangunan industri pertahanan.

“Di samping itu adalah diharapkan syarikat-syarikat industri pertahanan tempatan akan bergerak sebagai satu industri yang mempunyai persefahaman yang mantap

⁶⁴⁵ Ibid

⁶⁴⁶ Ibid.hlm 2-3

⁶⁴⁷ Maklumat diakses pada 26 September 2014 <http://www.airforce.gov.my/my-berita-induk/my-berita-utama/mesyuarat-majlis-industri-pertahanan-malaysia/>

antara satu sama lain dan dapat bertindak mengikut 'Blueprint' Industri Pertahanan yang telah ditentukan bagi mengelakkan persaingan negatif⁶⁴⁸”

Walaupun pada 2010 kerajaan melalui MIDAS telah berjaya membentuk *blue print* industri pertahanan⁶⁴⁹, namun ia adalah satu kegagalan kerana industri pertahanan dibangunkan semenjak tahun 1970. Kegagalan menghasilkan *blue print* dalam tempoh 40 tahun (1970-2010) merupakan satu jangka masa yang panjang dan ia merupakan kelemahan nyata pembangunan industri pertahanan negara. Ini menunjukkan pembangunan industri pertahanan tempatan negara tidak berlandaskan pelan perancangan yang teratur. Di sebalik objektif dan matlamat penubuhan STRIDE, CODRATS, MDSTP dan sebagainya yang bertanggungjawab membangunkan penyelidikan dan teknologi pertahanan, ATM menghadapi masalah dari sudut kewangan yang mana setiap tahun dana untuk menghasilkan penyelidikan dan membangunkan industri pertahanan adalah terhad. Dengan hanya peruntukan perbelanjaan yang kecil kepada Kementerian Pertahanan iaitu 2.5% daripada KDNK, ia perlu dikongsi dengan pelbagai unit. Malah dengan hanya 30% yang diperuntukan kepada sektor pembangunan daripada jumlah keseluruhan peruntukan kepada Kementerian Pertahanan telah menyebabkan agensi penyelidikan pertahanan terpaksa berkongsi dengan semua cabang perkhidmatan yang mempunyai perancangan pembelian dan perbelanjaan⁶⁵⁰. Peruntukan kerajaan sebanyak 2.5% dari KDNK daripada seluruh perbelanjaan negara ini disalurkan kepada Kementerian Pertahanan telah menyebabkan peruntukan kepada STRIDE dan agensi penyelidikan pertahanan lain turut terjejas.

“On budget allocation, the research found that most of the companies in the defence industry sector has allocated certain percentage of budget from their revenues for R&D activities where as most of the government sector has not allocated any grant or budget annually for R&D activities. Slightly more than half of the organisation researched allocated less than 10% of their revenue for defence R&D activities. The quantum of percentage means different thing to different sectors of industry. For the government, defence R&D allocation is given only to STRIDE. However it is

⁶⁴⁸ Laporan Rasmi Kementerian Pertahanan Bagi Tahun 2006. Kementerian Pertahanan Malaysia. hlm 60

⁶⁴⁹ *Bule print* yang dihasilkan oleh Bahagian Industri Pertahanan KEMENTAH diterbitkan tidak menyatakan tahun penerbitan. Namun ia telah diterbitkan pada tahun 2010 selepas mesyuarat MIPM pada tahun 2009. *Blue print* dapat dirujuk dalam http://mides.mod.gov.my/phocadownloadpap/PDF/pekeliling/the_defence_industry_blueprint.pdf

⁶⁵⁰ En. Sahipulhijaiman Sulaiman (2014). Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi pihak Menteri Pertahanan. Sesi temubual 11 Oktober 2014. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur

considered small and only in the development budget which is to cater for the buying of equipment and infrastructure development”⁶⁵¹.

Ini bermaksud, keupayaan kewangan STRIDE adalah bergantung kepada pengagihan daripada peruntukan kewangan yang diperuntukan oleh Kementerian Pertahanan. Senario ini telah mempengaruhi kemampuan STRIDE untuk membangunkan sektor penyelidikan (R&D) yang memerlukan peruntukan yang besar dalam melakukan kajian bagi menghasilkan produk pertahanan yang terkini dan bermutu tinggi⁶⁵². Hal ini menyebabkan STRIDE menghadapi masalah dalam membantu industri pertahanan negara mencipta teknologi pertahanan buatan Malaysia. Malah usaha untuk membolehkan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai turut terjejas.

5.6.1.2 Kelemahan Dalam Penyelidikan

Dalam memastikan kejayaan industri pertahanan negara, terdapat beberapa aspek yang perlu dibangunkan oleh kerajaan iaitu dalam aspek R&D. Aktiviti R&D pertahanan adalah lemah dan memberikan kesan kepada prinsip pertahanan *self reliance* yang diamalkan oleh ATM. -

“The STRIDE technological plan is just a plan and cannot be a help to practically guiding the industry to enhance R&D activities. The concept of self-reliance need to be clearly defined and the area of defence R&D need to be prioritise. The issue needed serious attention now, is the concerted view of defence R&D and defence self-reliance and prioritising defence R&D activity”⁶⁵³.

Kepentingan aspek R&D ini dapat dilihat dalam pengumuman Strategi Bajet 2010 di mana kerajaan Malaysia telah menekankan mengenai kepentingan peruntukan kepada sektor R&D dan usaha pengkomersilan dalam usaha menjadikan negara Malaysia yang memiliki ekonomi berpendapatan tinggi. Ia juga adalah selaras dengan objektif dalam mencapai status negara

⁶⁵¹ Mohd Yunus Masjuki (2011). Op.cit.hlm 27

⁶⁵² Masalah ini turut disentuh oleh Menteri Pertahanan dalam Ahmad Zahid Hamidi (2010). Asean Defence Industry Collaboration; Potential, Challenges And Way Forward. *The Journal of Defence and Security*. Vol. 1. Bil. 2. hlm 123

⁶⁵³ Op.cit

maju pada 2020, yang mana ia turut memerlukan keupayaan pertahanan *self-reliance* yang tinggi bagi melindungi kepentingan nasional melalui pembangunan industri⁶⁵⁴.

*“In essence, Malaysia’s defence policy has identified peace and security as one of its component to preserve and achieve national interest. The fact is national interest is best achieved through self-reliance by means of having nation industrialised”*⁶⁵⁵.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2005 telah menyatakan mengenai kekecewaan terhadap aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan yang hanya berjaya menghasilkan sesuatu di makmal, namun ianya gagal membawa kepada aplikasi dalam sektor pembangunan negara. Ia juga turut melibatkan bidang sains R&D pertahanan negara yang mana sehingga tahun 2005 terdapat lebih 120 syarikat yang berkaitan dengan industri pertahanan yang menyumbangkan RM 12.7 billion (3.6%) daripada KDNK negara pada tahun 2002 dan dijangkakan meningkat kepada 8% pada tahun 2015. Sememangnya Malaysia mempunyai tenaga pakar yang diterajui universiti tempatan, namun dengan jumlah tenaga pakar yang terhad, ianya gagal memberi kesan besar kepada industri pertahanan negara.

*“It is a known fact that the local defence industry presently lacks the support structure to conduct R&D. It is further understood that defence industry have not embarked on sufficient R&D, to achieve the larger objective of defence self-reliance... The research revealed that the government has a greater responsibility in developing defence industry, particularly in R&D activities, despite the fact that it has done enough to the industry. The government should provide a clear direction and working mechanism between key players on all components of defence industries, to the extent of allocating budget and incentives for the defence R&D”*⁶⁵⁶

Masalah kekurangan tenaga pakar dan kepakaran dalam menghasilkan sesuatu produk yang bermutu tinggi telah menyebabkan industri pertahanan negara tidak dapat berkembang pesat. Walaupun kerajaan telah membangunkan pelbagai pusat penyelidikan, namun tenaga pakar masih menjadi permasalahan dalam membantu industri menghasilkan produk dan idea

⁶⁵⁴ Perindustrian tidak hanya memberikan maksud mengenai sebuah aktiviti ekonomi yang melibatkan perusahaan sebaliknya ia juga adalah sebuah aktiviti yang menghasilkan sesuatu produk dan menunjukkan pembangunan sesebuah negara. Sila rujuk Kogila Balakrishnan (2007). Op.cit.

⁶⁵⁵ Op.cit.hlm 25

⁶⁵⁶ Mohd Yunus Masjuki (2011). Op.Cit.hlm 25&30

baru dalam produk pertahanan. Kekurangan peruntukan kewangan kepada penyelidikan adalah faktor yang menyebabkan sektor penyelidikan dan pembangunan kepakaran menghadapi masalah. Kekurangan tenaga pakar dan kepakaran dalam sektor industri pertahanan turut menjadi masalah kepada kegagalan pembangunan pesat industri pertahanan. Ia berbeza dengan Singapura yang memiliki lebih daripada 1,000 orang saintis dalam penyelidikan pertahanan yang sentiasa menghasilkan idea dan produk baru dalam pertahanan. Ia telah memberikan kesan positif kepada pertahanan Singapura dalam konteks pertahanan *self-reliance* yang mana kepakaran yang sedia ada dapat membangunkan industri pertahanan negara tersebut. Malah dengan memperuntukan budget yang terhad ia telah memberikan kesan kepada aspek penyelidikan yang mana terpaksa berkongsi dengan aspek pembelian senjata, pengurusan dan pembangunan. Ini bermaksud aspek penyelidikan menghadapi masalah dana dalam menggerakkan kajian dan penyelidikan dalam menghasilkan produk dan idea pertahanan yang lebih berkualiti⁶⁵⁷. Menurut Azmi Hassan (2005) menyatakan:-

“Berbeza dengan Singapura aktiviti R&D sains pertahanan mereka tidaklah ‘semeriah’ seperti mana apa yang berlaku di Malaysia...Tetapi produk pertahanan yang dikeluarkan oleh industri pertahanan mereka adalah jauh lebih tinggi nilai inovasinya berbanding dengan Malaysia. Sebab itu hasil ciptaan pertahanan Singapura mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan industri pertahanan mereka tidak hanya bergantung kepada pasaran tempatan sahaja untuk hidup⁶⁵⁸”.

Kenyataan ini telah memberikan gambaran mengenai kelemahan R&D telah memberikan kesan kepada bidang industri pertahanan dan seterusnya terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan.

“The policy and guidance of the defence R&D need to be reconceptualized. The science and technology policy of STRIDE need to be updated and aligned to the national defence policy of creating defence self-reliance. The common understanding of defence self-reliance and the priority of defence R&D activity should be put in place by the government”⁶⁵⁹.

⁶⁵⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Amnat H.A (1995). Op.cit.hlm 9

⁶⁵⁸ Azmi Hassan (2005b). Pemindahan Teknologi sains pertahanan: Sumbangan dan peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) & Institusi Penyelidikan Kerajaan. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC): Konferen Kebangsaan: Pertahanan Strategik&Keselamatan Serantau. 24-26 Mei 2005. hlm4

⁶⁵⁹ Mohd Yunus Masjuki Op.cit.hlm 31

Kelemahan ini telah memberikan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Malah kegagalan penciptaan produk pertahanan walaupun kelengkapan kecil seperti raifal telah menunjukkan kegagalan R&D pertahanan negara.

5.6.1.3 Kegagalan Pihak Industri

Walaupun kerajaan telah membuka peluang dalam pembangunan industri dengan lebih luas kepada syarikat tempatan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang besar dan menyediakan program pemindahan teknologi dengan syarikat luar negara namun mengapakah industri pertahanan tempatan masih gagal?

“From the industry perspective, the defence R&D is a government role. Government has to drive self-reliance program, but the industry has to make the policy of self-reliance a reality. The government has provided good facilities, support and opportunities. It is high time for the industry to play their role”⁶⁶⁰.

Industri pertahanan telah dilihat sebagai sebuah sektor sokongan kepada keperluan keselamatan dan pertahanan. Industri pertahanan dilihat memiliki skop penghasilan produk yang kecil oleh pengusaha industri yang mempengaruhi mereka untuk memberikan penumpuan dalam bidang industri yang lain⁶⁶¹. Sebagai contoh, pembangunan industri pertahanan Singapura yang membangunkan industri pertahanan semenjak tahun 1970-an telah berjaya menceburi bidang industri pertahanan seperti menghasilkan kapal perang dan pesawat pejuang hasil daripada pemindahan teknologi dari luar. Ini kerana Singapura merupakan negara yang turut membeli pesawat *Hawk* telah berjaya membangunkan pesawat ini sebagai *Super Skyhawk*. Malaysia juga merupakan sebuah negara yang membeli pesawat *Hawk* 100 dan 200 daripada Britain, walaupun terdapat pemindahan teknologi kepada syarikat tempatan, namun ianya gagal menghasilkan pesawat seperti mana yang dilakukan oleh Singapura. Minat dan kecenderungan para pelabur dalam aspek industri pertahanan negara masih lemah dan kerajaan gagal menarik minat para pelabur untuk membangunkan

⁶⁶⁰ Ibid.hlm 28

⁶⁶¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Hilmi Ismail (2004). Membangun Industri Pertahanan, Tanggungjawab Negara Yang Berterusan. *Perajurit*. Jun.hlm 23

sektor ini seperti mana industri pertahanan Singapura. Keadaan ini menyebabkan industri pertahanan gagal dibangunkan dengan pesat. Selain itu, pihak industri juga lebih selesa dengan jaminan kerajaan yang menyediakan kontrak kepada mereka yang menyebabkan pihak industri pertahanan tempatan berada di zon selesa daripada berusaha mempertingkatkan keupayaan membangunkan industri yang sedia ada dengan lebih luas⁶⁶².

“Sistem persenjataan individu dimiliki oleh pihak TDM pula mempunyai sejarah yang agak unik kerana setelah lebih 50 tahun merdeka, TDM masih tidak mempunyai sistem raifal buatan dalam negara yang boleh dibanggakan dan mampu melambangkan kemampuan industri pertahanan yang mempunyai identiti tersendiri”⁶⁶³”.

Umumnya penglibatan pihak pelabur dalam industri pertahanan masih lagi lemah dan lebih tertumpu dalam menghasilkan kelengkapan ringan pertahanan. Ia secara tidak langsung telah meletakkan risiko ancaman dan kelemahan dalam sistem pertahanan dan keselamatan negara. Ia turut melemahkan pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance*. Permasalahan pembangunan industri pertahanan juga disebabkan oleh pergantungan syarikat tempatan kepada kontrak kerajaan. Kelemahan ini dapat dilihat apabila syarikat *MMC Engineering* yang diberi tugas untuk menyelenggara dan menaiktaraf kenderaan perisai iaitu *Scout (Harimau Scout)* yang hanya berjumlah 70 buah, sedangkan firma berkenaan memerlukan kontrak yang lebih besar agar ia dapat memperkembangkannya kepada firma-firma pertahanan yang kecil lain. Ini menunjukkan pemilikan kecil dalam aset pertahanan itu sendiri telah menjadi permasalahan kepada industri pertahanan Malaysia itu sendiri untuk berkembang. Selain itu, tindakan kerajaan yang seringkali melantik syarikat baru bagi setiap pembelian pertahanan juga akan memberi kesan kepada proses memperkembangkan industri pertahanan negara⁶⁶⁴. Sebagai contoh, perlantikan syarikat ATSC bagi menyelenggara pesawat MiG-29 dan Syarikat Akar Warisan bagi menyelenggara kereta kebal PT-91M adalah tindakan yang memberikan kesan kepada firma yang wujud sebelum ini kerana terpaksa bersaing dengan syarikat baru. Ia adalah satu senario yang mana syarikat pertahanan

⁶⁶² Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Mat Nor (2010). Op.Cit

⁶⁶³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zuridan Muhammad (2009a) .Op.cit

⁶⁶⁴ Mejar Jeneral Dato’ Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibupejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014. Sila lihat juga dalam Zackry Mokhtar (2005). Op.Cit.hlm 7

Malaysia terpaksa bersaing untuk mendapatkan kontrak pertahanan yang terhad. Sebagai contoh *Aircraft Repair And Overhaul Depot (AIROD)* adalah syarikat yang menghadapi masalah apabila kerajaan telah memberikan kontrak penyelenggaraan kepada syarikat baru iaitu ATSC untuk menyelenggara pesawat pejuang negara, sedangkan AIROD adalah syarikat yang besar dan telah ditubuhkan semenjak 1970-an lagi. Keadaan ini menyebabkan industri pertahanan negara bergerak perlahan dan tidak mampu diperkembangkan⁶⁶⁵.

5.6.1.4 Budaya Pengguna

Pergantungan kepada kelengkapan pertahanan daripada luar negara telah memberikan kesan kepada industri pertahanan negara yang wujud sejak 1969 telah menyebabkan industri pertahanan gagal berkembang dengan pesat walaupun telah melalui fasa 41 tahun (1969-2010)⁶⁶⁶. Senario ini dapat dilihat dalam kes Syarikat *Arsenal Industries (M) Sdn Bhd* atau AI (M)⁶⁶⁷ yang mengadakan kerjasama dengan syarikat *BAE Systems* untuk membangunkan meriam Sakti 105mm yang sebelum ini dihasilkan di England. Pembangunan meriam 105mm ini adalah program pembangunan senjata berat ATM kerana senjata ini telah digunakan oleh lebih daripada 16 buah negara termasuk AS dan Britain. Projek ini telah membuka peluang kepada ATM untuk mendapatkan persenjataan yang moden dan strategik. Kerjasama syarikat tempatan dengan syarikat luar negara adalah tindakan yang selaras dengan objektif perlaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* yang mana industri pertahanan tempatan dapat menyalurkan kelengkapan kepada ATM melalui penghasilan kelengkapan pertahanan sendiri. Namun penglibatan industri tempatan dalam industri pertahanan berat masih lemah dan kelengkapan pertahanan berat seperti kereta kebal, kapal terbang, kapal perang, kapal selam dan sebagainya masih diimport dari luar akibat kegagalan pihak industri pertahanan tempatan menyediakan kepada pihak kerajaan.

“Secara amnya, ATM adalah pengguna kepada peralatan pertahanan. ATM tidak mengeluarkan atau membangunkan sistem senjatanya sendiri. Disebabkan ketiadaan industri untuk pertahanan, senjata akan diperolehi daripada pembekal atau sumber-sumber luar negara. Hasilnya, ATM akan terlibat secara langsung dengan

⁶⁶⁵ Ibid

⁶⁶⁶ Shahrudin Othman (2002).Op.cit

⁶⁶⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zulkhairi Zainuddin (2003). Pembangunan Sakti 105mm Bukti Kemampuan Industri Pertahanan Negara. *Perajurit*. Mei. hlm 25-16

perubahan teknologi sistem senjata yang dihasilkan oleh negara-negara maju. Bagi memodenkan ATM, Malaysia perlu mendapatkan peralatan pertahanan berteknologi tinggi dan sistem senjata daripada negara-negara lain seperti Afrika Selatan, Sweden, United Kingdom, Rusia, Brazil dan Pakistan dengan kos yang tinggi. Pemodenan ATM tidak menggalakkan industri pertahanan tempatan dan juga menjana pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Kini, Malaysia masih lagi dalam proses untuk mendapatkan beberapa teknologi tinggi bagi peralatan pertahanan dan sistem senjata untuk memodenkan ATM”⁶⁶⁸.

Budaya pengguna ini dapat dilihat dengan tindakan kerajaan Malaysia yang membuat pembelian kelengkapan pertahanan terpakai iaitu pesawat A4-Skyhawk pada era tahun 1980-an yang menyebabkan kemampuan pertahanan Malaysia tidak kukuh. Ini berikutan ketidakupayaan syarikat tempatan menghasilkan produk pertahanannya sendiri seperti mana Singapura yang turut membangunkan kelengkapan lain termasuk tentera darat seperti pada April 2004. Brigadier Jeneral Bernard Tan dalam Armor tentera Singapura menyatakan mengenai pembangunan kereta kebal (MBT) adalah hasil daripada kereta kebal yang digunakan sebagai langkah menghasilkan pasukan tentera `generasi ketiga' atau 3G⁶⁶⁹. Kelembapan industri pertahanan tempatan turut menyebabkan negara terpaksa menanggung kos yang tinggi akibat kerosakan dan kes kemalangan yang membabitkan kelengkapan usang dan kegagalan menghasilkan alat ganti⁶⁷⁰. Industri pertahanan negara masih lemah yang mana Malaysia masih kekal sebagai negara pengguna dalam aspek produk pertahanan. Budaya “negara pengguna”⁶⁷¹ telah menjadi satu faktor yang menyebabkan kelembapan industri pertahanan negara.

“Sebagai sebuah negara pesat membangun di rantau ini, Malaysia tidak seharusnya menjadi negara pengguna semata-mata. Kita sepatutnya bangkit dengan idea dan teknologi sendiri atau paling tidak menjalinkan usaha sama demi mendapatkan kepakaran”⁶⁷².

Dengan sikap yang mementingkan produk pertahanan dari luar, ia menyebabkan matlamat untuk menghasilkan produk pertahanan sendiri menjadi lemah. Malah dari sudut

⁶⁶⁸ Op.cit.

⁶⁶⁹ Singapura Buat Kereta Kebal Serba Canggih. *Berita Harian*. 29 April 2004. hlm 17

⁶⁷⁰ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Muhammad Fuad Mat Nor (April 2010). Op.cit

⁶⁷¹ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014.

⁶⁷² Mohd Basri Nordin (1999) Op.cit.hlm 7

mendapatkan kelengkapan alat ganti juga, Malaysia terpaksa mengimportnya dari luar. Ia menunjukkan kegagalan Malaysia dalam membangunkan kerjasama dan pemindahan teknologi bagi tujuan pembangunan industri pertahanan tempatan. Masalah ini menyebabkan industri pertahanan menghadapi masalah untuk bangun berkembang dan gagal bertindak sebagai industri yang menyediakan kelengkapan pertahanan kepada ATM dengan berkesan. Ia secara tidak langsung menyebabkan prinsip pertahanan *self-reliance* dalam DPN menghadapi masalah dan lemah⁶⁷³.

“Industri pertahanan adalah cabang industri yang amat strategik kepada sesebuah negara. Kegagalan mempertingkatkan keupayaan tersebut dan hanya bergantung kepada pembelian dari negara-negara lain adalah satu kesilapan yang besar”⁶⁷⁴.

5.7 Pembangunan Aspek RMA

Pembangunan RMA dari sudut teknologi, doktrin, bentuk peperangan, strategi telah berkembang semenjak era pra perang Napoleon, zaman perindustrian, Perang Dunia Pertama dan Kedua, Perang Dingin dan era kemajuan teknologi angkasa lepas⁶⁷⁵. Angkatan tentera konvensional mula berkembang pesat selepas Perang Dunia Kedua yang dilengkapi kelengkapan moden dari sudut persenjataan, kelengkapan, struktur angkatan tentera, doktrin pertahanan dan strategi. Menjelang era 1980-an, RMA semakin berkembang dengan kemajuan peperangan menggunakan satelit yang lebih memberikan keberkesanan melalui penggunaan kelengkapan yang berteknologi tinggi dalam peperangan. Pembangunan RMA ATM telah diberikan perhatian oleh kerajaan Malaysia semenjak awal tahun 1990-an. Ini dapat dilihat daripada tindakan Malaysia yang mengambil keputusan untuk melakukan perubahan peningkatan dan pembangunan tentera semenjak tahun 1990 yang menasaskan pemodenan dan pembangunan ATM. Menurut Menteri Pertahanan Malaysia Dato’ Sri Mohd Najib Abd Razak (2002) pembangunan RMA Malaysia adalah satu usaha kerajaan bagi memastikan a) pembangunan struktur ATM sehaluan dengan perkembangan semasa RMA b) pembangunan dan perolehan peralatan canggih atau *system ‘state of the art’* yang dapat

⁶⁷³ Ibid

⁶⁷⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Amnat H.A (1995).Op.cit hlm 9

⁶⁷⁵ Terdapat satu lagi tahap perkembangan pemikiran strategi iaitu era angkasa lepas. Namun buku ini tidak menumpukan perkembangan pemikiran strategi ketika era ini. Untuk penerangan lanjut mengenai perkembangan pemikiran strategi ketika era ini, sila rujuk Barry Buzan (2001) Op.cit.

memperkasakan kegunaan sistem maklumat dan mempertingkat kelengkapan dan persenjataan. c) peningkatan sistem komputer bersepadu serta meningkatkan keupayaan teknologi maklumat akan membolehkan ATM mengeksploitasi RMA d) peningkatan ilmu pengetahuan yang menjadikan ATM sebagai organisasi berasaskan pembelajaran⁶⁷⁶

5.7.1 Dari Menentang Insurgensi Kepada Konvensional

Pembangunan pasukan ATM yang dibangunkan semenjak 1950-an hingga akhir 1980-an adalah berorientasikan *counter insurgency* yang mana penumpuan yang diberikan adalah membentuk sebuah angkatan pertahanan menentang gerakan insurgensi (ancaman komunis). Keadaan ini telah mempengaruhi penumpuan ATM dalam latihan dan pembelian kelengkapan pertahanan yang lebih menjurus kepada strategi dan taktik ketenteraan menentang insurgensi. Ia dapat dilihat dengan perbelanjaan Malaysia mendapatkan kelengkapan ketenteraan yang bersesuaian menentang insurgensi berbanding era selepas tahun 1990. Kelengkapan yang dibeli adalah tidak membabitkan kelengkapan ketenteraan yang berteknologi tinggi seperti yang dibeli oleh negara lain seperti Singapura, Korea, Australia dan sebagainya kerajaan memfokuskan kelengkapan bagi menghadapi serangan gerila. menurut Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Hj Zainuddin (2002) kerajaan telah mengambil pendekatan untuk mempertingkatkan RMA ATM dengan menjalankan pembangunan ketenteraan bagi membentuk sebuah angkatan tentera yang bersifat konvensional selepas runtuhnya KS pada 1991 dan tamatnya ancaman komunis dalam negara pada tahun 1990. ATM telah bergerak daripada sebuah angkatan tentera yang bersifat menentang insurgensi kepada sebuah angkatan tentera konvensional yang melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan⁶⁷⁷.

⁶⁷⁶ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014

⁶⁷⁷ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Mejar Suleiman Hj Moideen Kutty (2002). ATM Tonggak Pertahanan Negara Lambang Kemegahan Rakyat Malaysia. *Perajurit*. September.hlm 39-40

Perubahan dan peningkatan dalam RMA⁶⁷⁸ dapat dilihat apabila kerajaan mengambil pendekatan membuat pembelian kelengkapan moden dan berteknologi tinggi termasuklah pembelian dua buah kapal perang F2000 atau KD Lekir dan Lekiu pada awal 1990-an yang mana ia adalah kapal perang termoden di Asia Tenggara pada ketika itu⁶⁷⁹. Bagi memastikan RMA ATM dibangunkan, kerajaan juga turut meningkatkan keupayaan kepada semua cabang perkhidmatan dengan membuat pembelian kelengkapan moden dan konvensional seiring dengan peningkatan RMA ketenteraan negara lain seperti pembelian pesawat tempur F/A-18 *Hornet* dan MiG-29, radar dan darat, kelengkapan pertahanan darat yang moden dan sebagainya. Pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan sejajar dengan pembangunan pesat perkembangan teknologi ketenteraan dunia yang banyak mengaplikasikan sistem pengkomputeran dalam kelengkapan pertahanan semenjak awal tahun 2000. Pembelian kelengkapan pertahanan berteknologi tinggi telah dibangunkan oleh kerajaan dengan pembelian kelengkapan darat yang moden dan canggih seperti kereta kebal PT-91M, pesawat MRCA Sukhoi 30MKM, kapal selam dan sebagainya.

Selaras dengan perubahan RMA dunia yang berteraskan *EW*, kerajaan mengambil langkah untuk memberikan penumpuan kepada kelengkapan yang berteraskan *EW* dan menubuhkan pusat latihan peperangan elektronik bagi ATM agar dapat meningkatkan keupayaan pengetahuan elektronik dan sains pertahanan⁶⁸⁰. Pembangunan RMA turut dikaitkan dengan perubahan dalam meningkatkan teknologi ketenteraan yang semakin ke hadapan. Dengan perubahan dalam pembinaan dan penggunaan teknologi komputer termasuk dalam penggunaan UAV⁶⁸¹, robotik, nanoteknologi dan bioteknologi. RMA turut mensasarkan untuk memastikan sesebuah negara dapat membentuk pasukan tentera yang mempunyai keberkesanan dalam perisikan, pengawasan dan pengintipan serta mempunyai

⁶⁷⁸ Sila rujuk penjelasan RMA dalam Norliza Hussein, Norazman Mohamad Nor dan Nooh Abu Bakar (2011). *Military Forecasting And Planning (F&P): An Overview*. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 2. No. 1. hlm 35- 53

⁶⁷⁹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan N.S Shah (2006). *Op.cit*.hlm 9

⁶⁸⁰ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014.

⁶⁸¹ Sila lihat aplikasi robotik dan UAV dalam ketenteraan yang telah dilaksanakan oleh AS semenjak 1964 lagi dan berkembang keseluruhan dunia termasuk Australia, Korea Selatan dan Singapura. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2006h). *UAV Taktikal, Penggunaan Dalam Peperangan Moden*. *Perajurit*. November. 2006.hlm 12-15

keberkesanan yang tinggi dalam membuat arahan, kawalan, proses komunikasi dan kawalan perisikan (*network centric warfare*) serta ketelitian angkatan tentera dalam mengumpulkan maklumat. Dalam memastikan RMA ATM berjaya kerajaan turut mengambil langkah untuk menggantikan kelengkapan pertahanan yang usang⁶⁸² dan memastikan anggota tentera celik ICT dengan menjadikan ATM sebagai organisasi pembelajaran agar sumber tenaga pertahanan sentiasa memiliki pengetahuan yang tinggi⁶⁸³. Sejar dengan perkembangan semasa dunia yang mengutamakan peningkatan penggunaan teknologi tinggi dalam kelengkapan ketenteraan menjelang tahun 2000, kerajaan telah mensasarkan untuk mewujudkan *K-Force (Knowledge Force)* bagi memastikan tenaga kerja memiliki keupayaan dan berpengetahuan tinggi dalam menjalankan tugas. Pembelian kelengkapan moden ATM akan menjadi masalah apabila aspek pendidikan dan latihan menggunakan teknologi tinggi tidak dilaksanakan. Bagi memastikan RMA ATM ini dapat dilaksanakan ATM juga turut mengambil pendekatan untuk memperkenalkan konsep “*right man for the right job*” bagi membolehkan proses penambahbaikan dalam pendidikan anggota tentera dapat dicapai⁶⁸⁴.

5.7.2 Analisa Pembangunan Aspek RMA

Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* telah mempengaruhi Kementerian Pertahanan dan ATM membangunkan aspek RMA. Namun adakah RMA yang Malaysia bangunkan dapat memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* Malaysia berjaya?

5.7.2.1 Strategi Pertahanan

Keberkesanan RMA yang dilakukan oleh pelbagai negara akan mempengaruhi negara lain untuk turut mengambil pendekatan yang sama agar tidak ketinggalan serta memastikan ketenteraan sesebuah negara. Selain itu, kerajaan juga turut melakukan perubahan RMA dalam doktrin pertahanan yang mana bagi menampung keperluan sumber tenaga atau tentera

⁶⁸² Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perintah Ulung Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera Ke-17. 30 September 2009. hlm 13-14

⁶⁸³ Temubual bersama YB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia, Pengukuhan ATM Sebagai Organisasi Pertahanan. *Tempur*. Julai. 2002. hlm 5

⁶⁸⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Perutusan Ulung Panglima Angkatan Tentera, Laksamana Dato’ Seri Mohd Anwar bin Mohd Nor, *Perajurit*. Jun. 2005.hlm 9

dalam peperangan pelbagai negara telah mengaplikasikan konsep *total defence* dalam dasar pertahanan. Ini kerana jumlah angkatan tentera adalah sumber tenaga yang dapat memastikan momentum operasi ketenteraan dapat dikekalkan dan membolehkan operasi ketenteraan mencapai matlamat. Sebagai contoh konsep *total defence* ini telah dilaksanakan oleh Israel semenjak tahun 1948 telah memberikan keberkesanan kepada Israel yang merupakan sebuah negara kecil dan menghadapi ancaman dari angkatan tentera yang lebih besar dengan melaksanakan penglibatan masyarakat secara total dalam pertahanan bagi memastikan kejayaan dalam operasi ketenteraan dan mengekalkan keselamatannya. Keberkesanan aplikasi *total defence* Israel ini turut mempengaruhi pelbagai negara lain untuk mengambil pendekatan menjadikan konsep *total defence* untuk diterapkan dalam pertahanan yang mana Singapura telah mengaplikasikan konsep ini pada tahun 1968⁶⁸⁵ dan Malaysia turut mengambil pendekatan memperkenalkan konsep ini semenjak tahun 1970 yang dikenali sebagai KESBAN. Aplikasi doktrin *forward defence* dalam pertahanan Malaysia adalah sejajar dengan keperluan semasa ATM yang mana ATM telah menumpukan strategi dan latihan ketenteraan dalam pelbagai taktik seperti *Jungle Warfare* dan *Urban Warfare*. Malah dalam doktrin ini turut diaplikasi dalam kelengkapan pertahanan yang mana Malaysia perlu mendapatkan kelengkapan yang moden dan kehadapan agar tidak ketinggalan dalam arus peningkatan teknologi pertahanan semasa.

Walaupun bagaimanapun dalam aspek RMA, strategi dan doktrin pertahanan yang diaplikasi oleh ATM hanya difahami oleh ATM sedangkan dalam konsep *total defence* (HANRUH) ini adalah konsep yang membabitkan semua lapisan masyarakat dalam mempertahankan negara. Konsep tanggungjawab pertahanan secara bersama adalah tidak difahami mengenai tanggungjawab dalam soal pertahanan yang melibatkan kerajaan, ATM, agensi keselamatan, swasta dan masyarakat. Di dalam konsep ini ATM akan menjadi barisan pertama disusuli agensi keselamatan lain seperti polis, kastam, imigresen, Pasukan Gerak Am, RELA dan sebagainya dan masyarakat. Namun masyarakat masih belum mengetahui dan memahami konsep pertahanan menyeluruh ini walaupun telah dilaksanakan semenjak

⁶⁸⁵ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saiful Anwar Ali (2004f). Kuasa Ketenteraan Dan Keberkesanannya. *Soroton Darat*. Bil 44.hlm 58

tahun 1970 lagi⁶⁸⁶. Aplikasi konsep *total defence* yang oleh kerajaan kepada semua agensi turut tidak diyakini kerana penyediaan kelengkapan asas kepada ATM sendiri adalah terhad. Penyerahan aset dan perkongsian tugas antara seperti penyerahan kapal perang yang telah berusia diserahkan kepada APMM untuk menjalankan tugas bersama-sama TLDM di bawah konsep *total defence* menunjukkan barisan kedua pertahanan negara masih memiliki kelemahan. Di sini menunjukkan aplikasi strategi *total defence* yang diperkenalkan oleh kerajaan agar seiring dengan pembangunan ketenteraan negara serantau dan RMA antarabangsa memiliki kelemahan dari segi perlaksanaan. Keadaan ini menyebabkan prinsip pertahanan *self-reliance* tidak kukuh.

5.7.2.2 Kekangan Kewangan Dan Peruntukan

Bagi Michael Raksa (2011)⁶⁸⁷, pembangunan RMA adalah terhad berdasarkan kestabilan politik dan kedudukan ekonomi sesebuah negara. Kemajuan RMA di peringkat antarabangsa seperti AS, Rusia, Britain, China dan Perancis adalah kerana kestabilan politik dan ekonomi negara berkenaan. Manakala bagi Negara Dunia Ketiga pembangunan RMA terbatas akibat daripada ketidakstabilan politik dan faktor ekonomi yang membataskan kemampuan negara berkenaan untuk melakukan RMA dengan menyeluruh. Faktor ketidakstabilan politik menyebabkan kerajaan yang memerintah terpaksa memberikan fokus kepada ancaman dari dalaman negara berbanding ancaman dari luar negara. Masalah ini menyebabkan sesebuah negara lebih menumpukan pembangunan dan operasi ketenteraan dalam negara yang secara langsung membantutkan usaha membangunkan RMA dengan menyeluruh. Faktor ekonomi pula berkaitan dengan kedudukan ekonomi yang menentukan keupayaan pembelian kelengkapan ketenteraan dalam memastikan RMA dapat dibangunkan. Bagi Negara Dunia Ketiga kemampuan kewangan adalah terhad dan ia menyebabkan Negara Dunia Ketiga tidak dapat membuat pembelian dan membangunkan serta menyediakan kelengkapan berteknologi tinggi seperti mana negara maju. Dengan peruntukan antara 1.5% hingga 3% daripada KDNK semenjak tahun 1991 sehingga 2010, ia menunjukkan

⁶⁸⁶ Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak (2011). Tek Rasmi ucapan Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia Reinforcing National Defence & Security: A Revisit. Dalam MIDAS Conference, Strengthening Nation's Defence Security. 13 September 2011. hlm 37

⁶⁸⁷ Michael Raksa (2011). The Five Waves Of RMA Theory, Processes and Debate. *Journal of The Singapore Armed Forces*. Vol.36.Bil 3.hlm 1-12

kemampuan Malaysia terhad dalam mendapat aset pertahanan yang seiring dengan negara maju. Malah daripada jumlah ini hanya 30% diperuntukan dalam pembangunan ATM berbanding bidang pengurusan yang diperuntukan 70%. Ini menyebabkan pembangunan RMA turut terbatas untuk membuat pembelian kelengkapan moden dan menaiktaraf kelengkapan sedia ada dengan sistem yang lebih canggih dan terkini. Sememangnya kerajaan dan ATM menyedari kepentingan RMA untuk memiliki keupayaan seiring dengan perkembangan RMA dunia, namun akibat masalah kekurangan peruntukan menyebabkan proses pembangunan RMA ATM turut terganggu.

“Bilangan 48 buah MBT PT-91M secara logik adalah kecil dan mengurangkan kekuatan daya gerun (cegahrintang) di medan. Namun perolehan MBT dalam jumlah bilangan yang banyak pula akan menyekat perbelanjaan untuk kelengkapan lain”⁶⁸⁸.

Kekurangan budget ini memberikan kesan dalam usaha ATM melakukan transformasi angkatan pertahanan menggunakan kelengkapan moden dan maju. Ia bukan hanya dihadapi oleh TDM sahaja malah membabit semua cabang perkhidmatan seperti kes cadangan pembelian sistem amaran awal udara AEW&C kepada TUDM agar membolehkan operasi dan keberkesanan pesawat MRCA seperti F/A-18, MiG-29, Sukhoi dapat disalurkan dengan maklumat lengkap dalam operasi peperangan. Cadangan ini telahpun diusulkan semenjak dalam RMK6 (1995-2000) lagi agar TUDM bergerak seiring dengan perubahan dan peningkatan teknologi dan kemajuan semasa dunia. Namun akibat masalah kewangan yang terhad, cadangan ini ditunda sehingga RMK10 walaupun AEW&C merupakan keperluan dan pelengkap kepada pesawat moden yang dibeli. Ini menunjukkan kelemahan dalam peruntukan menyebabkan pembangunan RMA turut terbatas malah turut menjejaskan prinsip pertahanan *self-reliance*.

“Tentera Udara Malaysia (TUDM), komited memperkasakan pasukannya untuk terus dominan menguasai angkasa raya. Beberapa program peningkatan keupayaan yang digariskan di dalam RMK9 tetapi gagal direalisasikan adalah perolehan pesawat amaran awal dan kawalan udara atau AEW&C berkemungkinan ditunda ke RMK10. TUDM telah membuat penilaian aktif mengenai perolehan ini bermula RMK6 lagi

⁶⁸⁸ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2005e). Op.Cit.hlm 26

*namun telah ditunda kerana kerajaan memutuskan dana pertahanan yang terhad dan menganggap keperluan AEW&C bukanlah sesuatu keperluan terdesak*⁶⁸⁹.

5.7.2.4 Masalah Dalam Pembelian Kelengkapan Pertahanan

RMA ATM turut menghadapi masalah apabila terdapat kelengkapan ATM dan inventori ATM yang tidak menepati objektif RMA untuk memastikan keupayaan ATM seiring dengan RMA semasa dunia. Ini kerana terdapat masalah aset pertahanan yang berteknologi tinggi yang dibeli tidak menepati objektif RMA. Masalah ini pernah dilalui oleh TLDM melalui pembelian dua buah kapal perang KD Lekir dan Leiku pada awal 1990-an adalah kapal perang konvensional tercanggih di kalangan negara Asia Tenggara pada ketika itu, namun menjelang tahun 2000 RMA negara di dunia telah bergerak kepada pemilikan kapal perang yang semakin maju dan dipertingkatkan dari sudut kemampuan termasuk keupayaan mengelakkan diri daripada dikesan radar musuh. Ini bermakna kemampuan dan keupayaan kapal perang yang dibeli pada tahun 1990-an telah berkurangan⁶⁹⁰. Walaupun Malaysia telah melakukan usaha membangunkan enam buah frigate *New Generation Patrol Vessel* (NGPV). Namun proses pembangunan RMA ini telah menghadapi masalah akibat masalah pengurusan logistik. Sebagai contoh, kontrak pembinaan ini diberikan kepada PSC-ND yang berjumlah RM 5.35 bilion pada 27 Februari 1999 bagi enam buah kapal. Dua buah kapal perang frigate (PV 1 dan PV 2) dibina di *German Naval Group* manakala baki empat buah dibina iaitu dua buah di Limbungan PSC-ND Lumut dan dua buah di Pulau Jerjak. Mengikut perancangan kapal PV 1 (KD Kedah), sepatutnya diserahkan dan ditauliahkan pada September 2004 dan PV2 pada Mac 2005. Namun kedua-dua gagal menepati jadual seperti yang dijanjikan. Keadaan ini bertambah runcing kerana masih terdapat 21 buah NGPV yang perlu dibangunkan dalam perancangan pembangunan TLDM. Kegagalan ini memberikan masalah kepada TLDM untuk memiliki aset yang berteknologi tinggi seiring dengan RMA semasa dunia. Malah ia turut memberikan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance*.

⁶⁸⁹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Nasibah Harun (2008g). Op.Cit.hlm 4

⁶⁹⁰ Frigate : Kapal kombat permukaan bersaiz sederhana (2000-5000 tan): Tidak mempunyai kelebihan seperti kelas *Destroyer* namun merupakan kapal yang memiliki ciri pertahanan dan serangan dan persenjataan berat. Manakala kelas Korvet (*Corvette*) pula merupakan kapal perang laju (25knot atau lebih, kapasiti berat 700-2000 tan yang dibina untuk tujuan operasi serantau merupakan kapal kecil dan berupayan membawa kelengkapan persenjataan bersaiz sederhana. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Glosari Perajurit. *Perajurit*. April 2005.hlm 56

“Berikutan kelewatan penghantaran PV1 dan PV2 kepada TLDM pelbagai spekulasi timbul. Kalangan pemerhati pertahanan berpendapat, sekiranya masalah kelewatan ini tidak mampu diatasi dengan secepat mungkin, TLDM berkemungkinan besar akan menghadapi kesukaran untuk mengatutgerak kapal-kapal ronda ke kawasan panas. Bahkan TLDM terpaksa menghantar kala-kapal ronda lama yang mungkin tidak lagi sesuai digunakan pada masa kini”.⁶⁹¹

5.7.2.4 Masalah Dalam Aplikasi Peperangan Eletronik (*Eletronic Warfare*)

Semenjak awal 1990-an, Malaysia dan negara Asia lain turut membangunkan RMA dengan memberikan penumpuan kepada pembentukan angkatan tentera yang dilengkapi dengan persenjataan dan kemudahan serta doktrin dan strategi moden dalam angkatan tentera. Malaysia telah mula bergerak membangunkan RMA dengan memberikan fokus kepada pemilikan kelengkapan berteknologi tinggi membabitkan TLDM dan TUDM. Sebagai contoh pada pertengahan 1990-an, Malaysia telah membuat pembelian pesawat pejuang moden dan tercanggih pada ketika itu iaitu 8 buah pesawat F/A-18 dari AS. Ia telah menunjukkan perubahan ATM daripada pembentukan tentera yang bersifat *counter insurgency* kepada angkatan tentera yang moden yang mengaplikasikan strategi *fly by wire*. TUDM pada peringkat awal pembelian pesawat F/A-18 dan MiG-29 hanya dilengkapi dengan sistem EW. Namun pembelian ini tidak melibatkan sistem *Eletronic Support Measures* (ESM)⁶⁹² yang merupakan gudang kepada bekalan informasi relevan berkaitan pancaran pelbagai jenis sistem elektromagnetik yang membolehkan seorang pegawai

⁶⁹¹ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zulkhairi Zainuddin (2005). NGPV Kemunculannya Dinantikan. *Perajurit*. April.hlm 12-13

⁶⁹² *Eletronic Support Measures* (ESM) dipasang kepada kapal perang, kapal selam dan kapal terbang bagi mengesan pancaran radar atau radio. Sebarang komunikasi radio atau pancaran radar musuh yang dikesan bukan sahaja mendedahkan kedudukan pemancarnya dengan tepat pada jarak jauh tetapi juga turut menganalisa ciri-ciri gelombang eletronik yang dikesan. Selain itu ESM juga boleh diguna pakai bagi menghasil atau mengumpulkan maklumat kritikal bagi diguna pakai dalam operasi risikan isyarat semboyan, risikan komunikasi dan risikan elektronik. Tugas utama ESM adalah untuk mengumpulkan maklumat melalui cara-cara pasif dengan ‘mendengar’ atau memintas isyarat/ pancaran elektromagnetik yang dipercayai mempunyai kepentingan dalam hal ehwal ketenteraan. ESM berkemampuan untuk memberikan maklumat, pertama, mengenai kewujudan atau mengetahui bahawa terdapat pengoperasian sistem asing di sesuatu kawasan, kedua, mengumpul dan membekalkan bank data mengenai isyarat dan pancaran gelombang yang diguna pakai kuasa asing, dan akhir sekali, haruslah memiliki kemampuan taktikal untuk menggunakan maklumat yang diperolehi dari bank data tersebut untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian mengikut ancaman yang dipercayai wujud. Apa yang menarik mengenai sistem ESM ialah ia boleh terus mengekalkan status halimunnannya dengan menjadi sistem yang pasif dan hanya mengesan kewujudan sistem pancaran radar dan menganalisa pancaran tersebut sebilang masa tanpa diketahui oleh pihak musuh. Ini kerana isyarat pancaran yang dihasilkan radar akan bergerak lebih jauh dari had jarak maksima pegesanan pantulannya. Untuk keterangan lanjut mengenai ESM sila rujuk Sham Huzaimi Nasarudin (2002). *Perisikan Isyarat Elemen Utama Dalam Peperangan Elektronik*. *Tempur*. Jil 1. September. hlm 52-53

pemerintah merangka pelan atau membuat keputusan berkaitan operasi perlindungan elektronik, serangan elektronik, mengelirukan, mengelak, mensasarkan aset musuh serta mengatur gerak aset sendiri dalam percaturan taktikal yang akan membawa kemenangan di medan tempur. Pemilikan ESM adalah membabitkan kewangan yang besar dan sistem ini sentiasa berkembang dan sentiasa dipertingkatkan kemampuannya. RMA ATM turut tergugat apabila ia melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi dalam kelengkapan elektronik dan teknologi. Ia menjadi masalah kepada kerajaan bagi memastikan pembangunan RMA ATM dapat mencapai kejayaan. Sebagai contoh, pembelian pesawat F/A-18 yang dibuat pada tahun 1990-an dan pesawat yang dibeli tidak disediakan sistem ESM. Keadaan ini menyebabkan ATM terpaksa membuat pembelian USD 45 juta bagi mendapatkan sistem ESM agar ia benar-benar memiliki keupayaan *electronic warfare* pada tahun 2001 daripada AS⁶⁹³. Ini bermaksud pembelian F/A-18 adalah tidak seiring dengan perkembangan semasa RMA dunia yang mengaplikasi EW sehingga awal tahun 2001 di mana ia telah dilengkapkan pada pesawat. Senario ini telah menunjukkan bahawa RMA yang diamalkan oleh ATM tidak bergerak seiring dengan RMA negara lain. Keadaan ini memberikan kesan langsung kepada prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Panglima Tentera Darat menyatakan:-

“Sememangnya diketahui bahawa elemen Peperangan Elektronik adalah satu ‘combat multiplier’ dalam peperangan konvensional. Dalam rancangan pemodenan TD, program untuk meningkatkan keupayaan Peperangan Elektronik juga diberikan keutamaan berterusan...adalah dijangkakan TD akan memperolehi peruntukan untuk pembelian alat-alat tersebut pada RMK9. Namun begitu, dengan aset yang sedia ada, TD masih berkemampuan untuk menangkis ancaman Peperangan Elektronik pada tahap minimum”.⁶⁹⁴

Kenyataan Panglima Tentera Darat itu menunjukkan tahap aplikasi Peperangan Elektronik oleh ATM adalah pada tahap yang minimum sedangkan RMA antarabangsa telah berkembang pesat. Ia menunjukkan bahawa ATM masih lagi lemah dalam aplikasi EW dan ia turut menunjukkan keupayaan *self-reliance* pertahanan negara adalah lemah.

⁶⁹³ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zuridan Muhammad (2009d) Op.cit

⁶⁹⁴ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Wawancara Panglima Tentera Darat Jeneral Dato’ Sri Abdul Aziz Haji Zainol. *Perajurit*. April. hlm 30-33

5.7.2.5 Tahap Pendidikan Dan Kecekapan Anggota Tentera

Dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai, aspek pendidikan, pengetahuan dan kecekapan anggota tentera untuk mengendalikan kelengkapan pertahanan moden serta peningkatan RMA dapat diaplikasi dengan maksimum. Namun Menteri Pertahanan Abdullah Ahmad Badawi pada 30 Oktober 2008 pernah menegur bahawa dengan memiliki kelengkapan moden dan canggih oleh ATM, ia tidak akan memberi makna sekiranya anggota ATM tidak tahu mengoperasikan kelengkapan tersebut. Tahap kecekapan pengendalian yang tidak optima akan mengakibatkan kegagalan. Kegagalan anggota dalam memahami bahasa yang digunakan serta kurang pendedahan kepada penggunaan alatan elektronik akan menggagalkan pembangunan kerajaan dalam menyediakan kemudahan teknologi tinggi.

“Apabila memperkatakan mengenai angkatan kredibel sudah pasti ramai yang beranggapan bahawa pemilikan aset adalah faktor utama dalam memastikan sesebuah angkatan itu benar-benar kuat dan kukuh. Namun begitu di sebalik mempunyai aset-aset yang canggih adalah penting bagi sumber manusia dibangunkan dan dipermodenkan. Ini kerana tanpa sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti adalah mustahil bagi sesebuah angkatan tersebut mempraktikkan apa yang dimiliki sempurna.”⁶⁹⁵

Persoalan ini timbul adalah kerana asas pengambilan perjawatan tentera itu sendiri yang hanya memiliki kelayakan minimum. Adakah dengan hanya memiliki kelayakan tamat pengajian sekolah rendah dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) akan membolehkan anggota tentera melaksanakan tugas dengan efisien dan mempunyai ketajaman fikiran serta mampu mengoperasikan kelengkapan moden yang dimiliki ATM? Adakah latihan dan pembangunan modal insan yang dijalankan oleh ATM mampu menangani permasalahan ini? Kajian yang dibuat telah menunjukkan bahawa terdapat anggota tentera yang menganggap teknologi canggih adalah sukar untuk difahami dan diadaptasikan dalam situasi seharian dan akan menjadikan mereka mudah bosan. Keadaan ini menyebabkan mereka mengabaikan tanggungjawab dalam mengoperasikan kelengkapan⁶⁹⁶.

⁶⁹⁵ Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Zulkifli Zainudin (2005). TLDM ke 71 Tahun, Ke aras Sebuah Angkatan Kredibel. *Perajurit*. April. hlm 4

⁶⁹⁶ Ibid. hlm 74

Selain itu, kegagalan program pembangunan modal insan dengan menyeluruh menyebabkan kelengkapan ketenteraan yang dibeli tidak boleh dioperasikan secara optima. Justeru, aspek pendidikan adalah perlu diseimbangkan dengan pembelian kelengkapan moden agar ia dapat memberikan manfaat dan dioperasikan ke tahap yang maksima serta mengelakkan pembaziran⁶⁹⁷. Antara faktor kegagalan anggota tentera mengoperasikan kelengkapan moden ini adalah penempatan pegawai dan anggota tentera tanpa mengambilkira tahap intelektualan atau kelayakan yang dimiliki. Tahap pendidikan yang rendah menyebabkan anggota tentera menghadapi kesukaran memahami kelengkapan dan menjalankan operasi dan sikap cepat mudah bosan menyebabkan kelengkapan moden ATM ini gagal dioptimalkan.⁶⁹⁸ Penggunaan pesawat MiG-29 juga telah dicadangkan untuk ditamatkan dan dilupuskan dari inventori TUDM pada menjelang 2007 berikutan beberapa faktor khususnya juruterbang. Dalam masa yang sama, masalah teknikal dan keupayaan pesawat turut dibangkitkan dengan isu pesawat terhempas seperti 3 September 1998, pesawat MIG-29 terhempas di Kuantan Pahang dan 11 November 2004 pesawat MiG-29N (pesawat M43-07) telah terhempas di Terengganu. Ini berdasarkan beberapa masalah iaitu bilangan pesawat latihan lanjutan terhad dan tidak mencukupi, kekurangan pada program latihan juruterbang dan penghijrahan juruterbang ke sektor swasta. Panglima Angkatan Tentera menjelaskan keputusan tentang nasib pesawat MiG-29 akan ditentukan pada tahun 2008, namun sehingga 2014 pesawat MiG-29 masih berada dalam inventori TUDM. Di sini, bermaksud aspek DPN, sumber pertahanan, logistik pertahanan, strategi pertahanan, RMA dalam pembangunan modal insan yang lemah⁶⁹⁹. Pembangunan RMA ATM walaupun dibangunkan, namun dari sudut aplikasinya ia masih lagi lemah. Menurut Menteri Pertahanan Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Abd Razak (2002) menyatakan:-

“Proses pemodenan dan pembangunan ATM yang telah dan sedang dibangunkan melibatkan pelaburan yang tinggi. Bagaimanapun kita masih lagi menghadapi beberapa cabaran yang lain seperti masalah keusangan aset, ketidakpatuhan kepada arahan dan prosedeur yang memerlukan kerja semula atau rework, pembaziran

⁶⁹⁷ Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Hashim TUDM (2014). Maklumat diperolehi daripada sesi temubual dengan Timbalan AKSPA. Ibu pejabat Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak. Kuala Lumpur pada 26 September 2014. Mejar Ahmad Samsul Arifin Jalal (2009) Op.Cit.hlm.73

⁶⁹⁸ Ibid. hlm73-74

⁶⁹⁹Sila lihat penjelasan mengenai pendirian kerajaan mengenai pengkekal pesawat MiG-29 dalam inventori TUDM. Sebagai maklumat tambahan lihat juga laporan Saadullah Johan (2006). MiG-29 Tergugat? *Perajurit*. November 2006. hlm 1-6

*perbelanjaan, kelalaian dan kemalangan jiwa. Ini melibatkan kerugian kos dan masa perkhidmatan kepada kerajaan.*⁷⁰⁰.

Peningkatan RMA dalam aspek teknologi tinggi adalah memerlukan proses pembangunan tenaga kerja dalam aspek pendidikan dan pengetahuan agar dapat seiring dengan proses pemodenan ATM. Namun dengan tahap pendidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan yang rendah menyebabkan proses pembangunan RMA tidak memberikan manfaat kepada ATM. Ia secara tidak langsung memberikan kesan kepada kesiapsiagaan dan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM dan kerajaan.

5.8 Kesimpulan Bab

Pembangunan pertahanan negara berlandaskan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah membabitkan enam aspek utama iaitu *firm defence posture*, sumber pertahanan, strategi pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA. Setiap aspek ini adalah penting dalam menentukan keutuhan dan kemampuan objektif *self-reliance* negara dalam pertahanan. Ia bermaksud setiap komponen akan mempengaruhi secara langsung prinsip pertahanan yang diamalkan. Permasalahan yang wujud dalam aspek tersebut akan memberikan kesan langsung terhadap prinsip yang diamalkan. Dengan kata lain, kelemahan yang wujud dalam komponen *self-reliance* akan melemahkan prinsip pertahanan *self-reliance*. Dalam aspek *firm defence posture* menunjukkan DPN yang diamalkan adalah lemah kerana tidak memiliki KPP sebagai asas (*blue print*) dalam menentukan halatuju pembangunan ATM yang sistematik dan konkrit. Selain itu, prinsip pertahanan *self-reliance* juga tidak difahami yang mana konsep *self-reliance* perlu menjadi keutamaan kepada sesebuah negara manakala prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar adalah pilihan atau pendekatan yang boleh dipilih oleh sesebuah negara. Aspek membentuk *firm defence posture* DPN juga lemah kerana tidak mengambilkira ancaman keselamatan terhadap negara secara komprehensif. Bagi komponen sumber pertahanan pula, kelemahan yang wujud adalah kuasa membeli negara terhadap kelengkapan moden dan canggih adalah terhad, perancangan pertahanan yang dirancang serta tidak memiliki *blue print* sebagai rujukan dan ketetapan

⁷⁰⁰ Temubual bersama YB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia, Pengukuhan ATM Sebagai Organisasi Pertahanan. *Tempur*. Julai 2002. hlm 29

perancangan pembangunan, peruntukan perbelanjaan pertahanan adalah bergantung kepada ekonomi negara, masalah keperluan pertahanan negara yang besar dan penumpuan perbelanjaan kepada sektor lain. Kelemahan-kelemahan ini memberikan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance* hingga menjadi lemah. Dalam aspek logistik pula, kelemahan yang wujud adalah sumber logistik yang terhad yang bergantung kepada peruntukan oleh kerajaan, wujudnya masalah dalam pengurusan dan tadbir urus logistik, kelengkapan pertahanan yang berusia dan usang, campurtangan politik dalam pembelian kelengkapan pertahanan dan kesiapsiagaan yang lemah telah menjadi permasalahan dalam aspek logistik dan menyebabkan prinsip pertahanan *self-reliance* tidak mampu dicapai. Dalam aspek pengamalan strategi pula terdapat beberapa permasalahan dalam strategi cegah rintang, strategi diplomasi pertahanan dan pertahanan hadapan. Setiap strategi yang diamalkan memiliki permasalahan dan ini bermaksud kelemahan aspek strategi akan melemahkan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM dan kerajaan. Dalam aspek industri pertahanan terdapat beberapa kelemahan seperti kekurangan peruntukan kewangan dalam pembangunan R&D, kekurangan tenaga pakar, ketiadaan *blue print* bagi membawa hala tuju industri pertahanan, kelemahan dalam sektor R&D pertahanan, kegagalan program pemindahan teknologi dan sikap kebergantungan dan budaya kepenggunaan telah menjadi permasalahan dalam aspek industri pertahanan. Manakala bagi aspek RMA pula, permasalahan seperti strategi pertahanan adalah tidak selari dengan perkembangan RMA semasa dunia, masalah kekangan kewangan dan peruntukan, masalah dalam pembelian kelengkapan pertahanan, kelemahan dalam aplikasi EW dan tahap pendidikan anggota tentera yang rendah menjadi permasalahan dalam aspek pembangunan RMA. Keadaan ini menunjukkan setiap aspek utama yang menjadi komponen *self-reliance* menghadapi masalah. Ia secara tidak langsung menunjukkan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM dan kerajaan adalah lemah dan tidak dicapai. Malah kerajaan dan ATM juga tidak dapat bergantung pada diri sendiri atau *self-reliance* dalam aspek pertahanan sekiranya berlaku peperangan.

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN


6.1 Pengenalan bab

Bab ini adalah bab yang merumuskan hasil kajian yang membabitkan semua bab. Bab ini merumuskan hasil penemuan terhadap pelaksanaan prinsip pertahanan *self-reliance* oleh kerajaan dan ATM dan permasalahan yang dihadapi. Dalam bab ini merumuskan dapatan dan perbincangan yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelum ini. Perbincangan hasil penemuan ini adalah bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab Satu. Rumusan hasil kajian ini dapat menyumbang kepada bidang kajian pertahanan khususnya membabitkan pembangunan konsep, struktur dan komponen pertahanan *self-reliance*. Justeru, bab ini mengandungi dua bahagian besar iaitu kesimpulan yang merumuskan hasil kajian mengikut komponen. Bahagian kedua adalah cadangan hasil daripada kajian yang dibuat yang dapat diguna oleh para pengkaji lain untuk membuat kajian mengenai prinsip pertahanan *self-reliance*.

Berdasarkan kajian dalam bab dua dan empat, kajian ini mendapati proses pembangunan DPN dan ATM telah dibangunkan semenjak tahun 1957 dengan dipengaruhi oleh faktor ancaman dari dalaman dan luaran negara. Antara tahun 1957-1970, DPN dan hal ehwal keselamatan Malaysia adalah bergantung kepada Britain melalui perjanjian pertahanan AMDA yang dimeterai pada tahun 1957. Namun tindakan Britain yang menarik diri daripada AMDA pada tahun 1968 telah memberikan kesan kesedaran kepada Malaysia yang sedang menghadapi ancaman luaran seperti perebakan komunis, persaingan kuasa besar AS dan Kesatuan Soviet dan konfrantasi Indonesia-Malaysia manakala ancaman dalaman negara seperti rusuhan kaum pada tahun 1969, ketidakstabilan politik dan ancaman insurgensi PKM telah menjadi faktor yang mempengaruhi Malaysia untuk melaksanakan prinsip pertahanan *self-reliance*. Pergantungan aspek keselamatan dan pertahanan Malaysia terhadap kuasa luar telah memberikan kesedaran kepada Malaysia untuk menilai DPN yang diamalkan agar dapat menjamin keselamatan. Semenjak tahun 1970-an Malaysia telah mengamalkan prinsip

pertahanan *self-reliance* dan pelbagai pembangunan pertahanan dan ATM dilaksanakan oleh kerajaan dalam memastikan Malaysia dapat mempertahankan keselamatan dan mengelakkan bergantung kepada negara luar. Justeru, usaha untuk menghasilkan KPP telah dijalankan semenjak pertengahan tahun 1960-an lagi dan draf DPN telah dibentangkan pada tahun 1986 dalam kabinet namun ianya gagal mendapat kelulusan kabinet untuk dijadikan sebagai KPP .

Gambarajah 6.12: Prinsip *Self-Reliance* Dalam Dasar Pertahanan Negara



Sumber : Diubahsuai daripada *Pertahanan Malaysia: Ke Arah Pertahanan Yang Self-reliance*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan.hlm 22

Gambarajah 6.12 menunjukkan kedudukan Prinsip *Self-Reliance* Dalam Dasar Pertahanan Negara dalam DPN yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara dan digunakan sehingga tahun 2010 sebagai asas rujukan dasar pertahanan dan pembangunan ATM. DPN yang digunakan mempunyai 3 komponen utama iaitu kepentingan strategik yang mengandungi kawasan, wilayah dan kepentingan negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Prinsip pertahanan dalam DPN mempunyai 3 prinsip utama iaitu prinsip pertahanan *self-reliance*, prinsip kerjasama serantau dan prinsip bantuan luar. Malaysia menjadikan prinsip pertahanan *self-reliance* sebagai teras dalam pertahanan negara bagi mempertahankan dan melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dengan menggunakan

keupayaan sendiri dan mengelakkan bergantung daripada negara luar. Pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* dilaksanakan semenjak tahun 1970 telah menjadi amalan kerajaan dan ATM sehingga 2010. Dengan perletakkan senjata PKM pada tahun 1989, ia telah membawa era baru dalam pembangunan dan pemodenan ATM. Semenjak awal tahun 1990-an pelbagai pembangunan telah dibangunkan dari aspek dasar pertahanan, logistik, strategi, sumber, industri pertahanan dan RMA.

6.2 Rumusan Ke Atas Komponen Pertahanan *Self-Reliance*

Kajian telah dijalankan terhadap ke enam aspek atau komponen pertahanan *self-reliance* yang dilaksanakan oleh Malaysia telah menunjukkan prinsip pertahanan ATM memiliki kelemahan. Kelemahan dalam komponen prinsip pertahanan *self-reliance*, ini secara langsung menunjukkan prinsip pertahanan berdikari ATM adalah lemah.

6.2.1 Aspek Dasar Pertahanan Yang Kukuh

Pembangunan kerajaan dalam komponen dasar pertahanan yang kukuh telah dianalisa dalam bab lima. Dapatan kajian adalah pembangunan komponen membentuk dasar pertahanan yang kukuh (*firm defence posture*) ini telah menghadapi pelbagai masalah. Ini kerana kerajaan dan ATM sehingga 2010 masih gagal menghasilkan KPP untuk dijadikan sebagai garis panduan atau *blue print* bagi memastikan hala tuju pembangunan ketenteraan yang sistematik. Sebaliknya DPN adalah bergantung kepada pendirian semasa kerajaan yang akan memberikan masalah dalam memastikan sesuatu perancangan mencapai kejayaan. Pihak kerajaan telah menyedari mengenai kepentingan KPP dalam membangunkan pertahanan apabila usaha menghasilkan kertas putih pertahanan dicadangkan pada tahun 1966 di Seoul, pada tahun 1986 di dalam sidang Parlimen, dikaji semula pada tahun 1991 dan dibentang dalam cabinet pada tahun 1993. Usaha ini diteruskan pada tahun 1999 dan 2002 ia masih gagal sehingga tahun 2006 diluluskan oleh kabinet namun masih gagal menghasilkan KPP kerana kabinet menyerahkan kepada MKN untuk menguruskan hal ehwal keselamatan dan pertahanan. Pembangunan ATM adalah berlandaskan pendirian rasmi semasa pemimpin kerajaan. Tanpa garis panduan yang sistematik ia akan menyebabkan

pembangunan ATM dibangunkan secara tidak sistematik dan bergantung kepada pendirian dan keputusan semasa dan boleh berubah mengikut pendirian kerajaan. Malah dengan ketiadaan KPP, perancangan dan dasar yang diamalkan mampu diubah termasuk sekiranya berlaku perubahan parti politik yang memerintah Malaysia mengikut keputusan kepimpinan semasa sedangkan aspek pertahanan adalah aspek yang menentukan hidup dan mati sesebuah negara yang tidak boleh dikompromikan. Di dalam DPN juga menetapkan prinsip pertahanan bantuan luar sebagai aset pertahanan yang dimaktubkan dalam dasar pertahanan. Prinsip bantuan luar ini adalah merujuk kepada kerjasama dan persefahaman dalam FPDA yang ditandatangani pada tahun 1971 antara Malaysia, Singapura, Britain, Australia dan New Zealand. FPDA bukan perjanjian pertahanan seperti mana perjanjian pertahanan AMDA dengan keanggotaan yang sama yang dibentuk pada tahun 1957. AMDA merupakan perjanjian pertahanan yang menjanjikan bantuan dan perlindungan antara satu sama lain. Sebaliknya FPDA adalah hanya kerjasama persefahaman mengenai pertahanan dan tidak memaktubkan bahawa setiap negara wajib membantu antara satu sama lain sekiranya meletus peperangan. Ia adalah kerjasama pertahanan yang longgar dan tidak memberikan jaminan yang kukuh dan dijadikan sebagai aset pertahanan. Pergantungan kepada bantuan luar tidak memberikan jaminan kerana Britain pernah menarik diri dari AMDA pada tahun 1968 daripada tanggungjawab ketika Malaysia sedang menghadapi ancaman dari dalaman dan luaran. Bagi konsep pertahanan menyeluruh, masih terdapat kelemahan dalam aplikasi kerana masyarakat masih tidak lagi tahu dan memahami peranan dan tanggungjawab dalam mempertahankan negara bersama dengan ATM.

Di dalam DPN, konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) turut diperkenalkan semenjak tahun 1986 adalah konsep pertahanan yang lemah. Ini kerana, konsep tanggungjawab pertahanan yang melibatkan masyarakat dan awam dan swasta dalam pertahanan negara hanya difahami oleh golongan tentera. Konsep ini adalah konsep pertahanan yang kabur dan tidak diketahui serta tidak difahami oleh masyarakat dan swasta mengenai tanggungjawab mereka dalam pertahanan. Malah menurut Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin menyatakan ATM telah diberi tanggungjawab menilai dan membuat kajian semula terhadap konsep HANRUH yang telah diperkenalkan oleh MKN pada tahun 1986. ATM telah membuat kajian dan penilaian pada tahun 2004 namun terpaksa

menjalankan kajian sekali lagi pada September 2006 dan diluluskan pada 12 Julai 2008 oleh MKN. Ini bermaksud sepanjang tahun 1986 hingga 2008 konsep pertahanan menyeluruh yang diperkenalkan adalah bermasalah dan tidak komprehensif. Ia telah menunjukkan kelemahan DPN pertahanan itu sendiri yang tidak bersifat komprehensif. Selain itu, kelemahan konsep pertahanan HANRUH ini juga dikaitkan dengan kelemahan logistik dan sumber dana kewangan ATM. Aspek logistik yang memiliki kuantiti dan kualiti kelengkapan yang memiliki jumlah kecil dan usang telah menunjukkan konsep pertahanan HANRUH tidak mampu dilaksanakan. Konsep pertahanan HANRUH ini juga turut dipertikai dari sudut sokongan dan penglibatan masyarakat awam yang menunjukkan konsep pertahanan ini memiliki masalah. Ini kerana pelaksanaan program PKLN yang merupakan salah satu usaha kerajaan menerapkan konsep tanggungjawab pertahanan yang melibatkan masyarakat awam tidak mendapat sokongan daripada rakyat. Selain itu, pembangunan program Askar Wataniah turut dipertikai dari sudut latihan dan kelengkapan logistik ATM untuk menyalurkan kepada Askar Wataniah. Pembangunan AW masih dipertikaikan kerana latihan yang diberikan oleh ATM adalah bersifat mengadakan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong dan jadual latihan yang hanya terhad dalam setahun. Senario ini akan memberikan kesan kepada keupayaan dalam latihan ketenteraan menjadi lemah. Dari sudut kemudahan sumber pertahanan, logistik dan infrastruktur untuk melaksanakan konsep HANRUH adalah lemah untuk dilaksanakan. Ini bermaksud konsep HANRUH yang diletakkan dalam DPN adalah konsep yang tidak dikaji secara komprehensif dengan teliti sebelum dijadikan konsep pertahanan dalam DPN. Senario ini menunjukkan konsep pertahanan HANRUH adalah tidak mampu dilaksanakan. Ia secara langsung menunjukkan DPN yang diamalkan adalah bermasalah dan tidak kukuh yang turut memberikan kesan terhadap prinsip pertahanan *self-reliance* tidak mampu dilaksanakan.

Selain itu, kelemahan juga dapat dilihat melalui struktur konsep *self-reliance* yang mana bagi realisme *self-reliance* adalah menjadi keutamaan sesebuah negara dan mengelakkan bergantung harap kepada negara lain termasuk peranan bukan negara seperti PBB. Dalam DPN, Malaysia menetapkan aspek keselamatan dan pertahanan dapat dicapai melalui prinsip pertahanan *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar. Sedangkan sebagai sebuah negara yang hidup dalam sistem antarabangsa yang bersifat anarki sesebuah

negara perlu menjadikan aspek pertahanan dan keselamatan sebagai *self-reliance* kerana pergantungan kepada aktor bukan negara bukan satu jaminan. Prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar hanya bertindak sebagai pilihan kepada sesebuah negara dalam aspek pertahanan manakala negara itu sendiri perlu melaksanakan prinsip pertahanan *self-reliance*. DPN yang diamalkan oleh Malaysia juga perlu mengambilkira konsep pertahanan yang lebih komprehensif kerana konsep ancaman sentiasa berkembang yang bukan hanya membabitkan aspek ancaman tradisional sahaja sebaliknya membabit aspek bukan tradisional⁷⁰¹. Dengan kelemahan aspek ini ia turut melemahkan prinsip pertahanan *self-reliance* negara.

6.2.2 Aspek Sumber Pertahanan

Kajian yang dilakukan ke atas aspek sumber pertahanan dalam bab lima menunjukkan peruntukan perbelanjaan pertahanan adalah terhad. Semenjak tahun 1991 sehingga 2010 peruntukan perbelanjaan pertahanan adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi negara yang mencatatkan antara 1.6 peratus hingga 3 peratus dan purata adalah 2.5 peratus setiap tahun daripada KDNK. Peruntukan perbelanjaan akan berkurangan sekiranya negara menghadapi kemelesetan ekonomi dunia seperti yang berlaku pada tahun 1997 yang mana kerajaan dan ATM terpaksa menangguh dan membatalkan perancangan pembangunan dan latihan yang telah dirancang. Perbelanjaan pertahanan tidak dijadikan sebagai keutamaan negara sebaliknya peruntukan pertahanan terpaksa bersaing dengan sektor pembangunan yang lain bagi mendapatkan peruntukan yang besar⁷⁰². Sedangkan bagi realisme sesebuah negara perlu menjadikan aspek keselamatan dan pertahanan sebagai keutamaan dan tidak boleh dikompromikan. Dengan peruntukan yang kecil ia memberikan kesan kepada pembangunan yang mana 70 peratus daripada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan digunakan untuk tujuan pengurusan manakala hanya 30 peratus adalah kepada pembangunan setiap tahun. Keadaan ini menyebabkan pembangunan ATM adalah terhad dan ia turut dinyatakan oleh Panglima Angkatan Pertahanan ATM menghadapi kekangan kewangan

⁷⁰¹ YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan Dalam Majlis Perasmian Defence Services Asia 2010. Kuala Lumpur. 18 April 2010. hlm 4

⁷⁰² Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera (2011). Perutusan Rasmi Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin dalam laporan rasmi *Laporan Tahunan 2011* Kementerian Pertahanan Malaysia. 2011. hlm 5-6

dalam menjalankan pembangunan secara besar-besaran. Aspek sumber pertahanan ini juga lemah kerana perancangan perbelanjaan tidak memiliki KPP yang boleh menetapkan hala tuju pembangunan dan garis panduan dalam mengatur perancangan perbelanjaan. Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* juga lemah kerana pembangunan ATM memerlukan peruntukan yang besar. Dengan pertambahan keluasan melalui pelaksanaan ZEE ia telah meningkatkan komitmen kerajaan dalam menyediakan angkatan pertahanan yang besar bagi melindungi wilayah⁷⁰³. Keadaan ini telah menyebabkan pembangunan pertahanan dilihat sebagai sektor yang merugikan bagi sesetengah ahli ekonomi dan menyebabkan usaha membangunkan prinsip *self-reliance* menghadapi masalah. Kelemahan dalam aspek sumber pertahanan memberikan kesan langsung kepada prinsip pertahanan yang mana ia melemahkan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM dan kerajaan.

6.2.3. Aspek Strategi Pertahanan

Kajian yang dilakukan dalam aspek strategi pertahanan pula ATM telah menetapkan beberapa strategi pertahanan dalam DPN iaitu strategi cegah rintang, diplomasi pertahanan dan pertahanan ke hadapan. Namun persoalan yang dikaji adakah strategi pertahanan yang diamalkan dalam mencapai prinsip pertahanan *self-reliance* ini mampu dilaksanakan dan apakah masalah yang dihadapi? Ini kerana setiap komponen adalah saling berkait rapat antara satu sama lain. Bagi melaksanakan strategi pertahanan ke hadapan iaitu melaksanakan operasi di wilayah musuh ia tidak mampu dilaksanakan kerana dari sudut logistik pertahanan ATM masih menghadapi masalah memiliki jumlah aset yang mampu digerakkan ke kawasan musuh dengan kuantiti yang diperlukan. Dengan kemampuan ATM pada ketika ini dari sudut kuantiti, menggerakkan aset ke kawasan atau wilayah musuh bermaksud ia akan mengurangkan kuantiti dan kekuatan ATM bagi mengawal wilayahnya sendiri. Malah dari sudut aset logistik pada ketika ini, ATM masih lagi tidak mampu mengawal wilayahnya sendiri dengan keluasan yang besar. Strategi diplomasi pertahanan adalah mampu dicapai oleh ATM dan kerajaan berdasarkan hubungan yang dilakukan antara kerajaan dengan

⁷⁰³ Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak, Menteri Pertahanan (2007). Maklumat diperolehi daripada Perutusan Rasmi Menteri Pertahanan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak dalam laporan rasmi *Laporan Tahunan 2007* Kementerian Pertahanan Malaysia. 2007. hlm 4-5

kerajaan negara serta hubungan ketenteraan antara Malaysia dengan ketenteraan negara lain. Walau bagaimanapun pengamalan strategi cegah rintang dan pertahanan ke hadapan dalam prinsip pertahanan *self-reliance* adalah dibelenggu dengan pelbagai masalah dan lemah. Di sini menunjukkan strategi yang diamalkan oleh ATM menghadapi masalah. Kelemahan dalam strategi pertahanan ini memberikan kesan kelemahan dalam prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM.

6.2.4. Aspek Logistik Pertahanan

Kajian dalam komponen logistik pertahanan mendapati ATM menghadapi masalah sumber logistik iaitu dari aspek kuantiti, kualiti, peruntukan yang terhad dan industri pertahanan yang lemah. Masalah peruntukan yang terhad telah menyebabkan kuantiti kelengkapan persenjataan adalah terhad. Masalah dalam peruntukan perbelanjaan ini dapat dilihat apabila Malaysia terpaksa membuat pembelian kelengkapan seperti pembelian pesawat MiG-29 daripada Rusia yang menghadapi pelbagai masalah dan pembelian pesawat F/A-18 yang hanya mampu membeli lapan buah pesawat sahaja daripada AS sedangkan bagi membentuk sebuah skuadron udara yang ideal ia memerlukan sekurang-kurangnya 16 buah pesawat. Ini bermaksud pembelian pesawat F/A-18 adalah tidak mampu membentuk sebuah skuadron dan kelemahan ini semakin jelas dengan persoalan berapakah jumlah pesawat yang boleh diterbangkan pada satu-satu masa sekiranya peperangan meletus? Ini kerana daripada lapan buah pesawat ia perlu memastikan sebilangan pesawat perlu diletakkan dalam keadaan gantian dan latihan. Seperti mana yang pernah berlaku dan dilaporkan masalah pesawat MiG-29 yang mana daripada jumlah 18 buah pesawat hanya tujuh buah mampu diaturgerak yang disebabkan oleh pelbagai masalah. Bagi TLDM pembelian dua kapal selam masih lagi jauh berbeza dengan Singapura yang merupakan negara yang kecil tetapi memiliki 6 buah kapal selam dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai. Ini bermaksud kuantiti kelengkapan pertahanan ATM adalah terhad yang dipengaruhi oleh peruntukan pembangunan yang terhad. Tadbir urus logistik juga mempunyai masalah yang mana proses pembelian dan perolehan mengambil masa yang panjang sehingga 421 hari yang membabitkan perolehan kelengkapan yang berat dan ringan. Kelemahan dalam pengurusan logistik telah menjadi masalah kepada pembekal ia secara tidak langsung menyebabkan soal

kesiapsiagaan ATM dari sudut logistik menghadapi masalah. Dari sudut kualiti kelengkapan pertahanan walaupun ATM telah menjalankan proses pemodenan ATM dengan pembelian beberapa aset moden seperti pesawat, kapal, senjata berat dan sebagainya namun kuantiti yang dibeli adalah kecil dan ATM masih mengekalkan kelengkapan yang berusia dalam inventori ATM seperti kereta perisai *Condor*, *Comando*, *Scorpion* dan *Sibmas* yang dibeli pada tahun 1970-an dalam TDM. Bagi TUDM pula aset usang ini masih dikekalkan sebagai aset seperti pesawat *Hawk* 100 dan 200 yang dibeli pada tahun 1980 dan MiG-29 yang dibeli daripada Rusia pada pertengahan 1990-an serta penggunaan helikopter Nuri yang dibeli daripada AS pada era 1960-an masih digunakan pada ketika ini. Bagi TDLM pula kapal yang berusia telah ditamatkan perkhidmatan dan diserahkan kepada APMM bagi menjalankan tugas rondaan persisir pantai dan TLDM membuat pembelian enam buah kapal perang moden pada hujung tahun 1999 namun ia menghadapi masalah kelewatan dan penyiasatan. Permasalahan ini juga disebabkan oleh campurtangan golongan politik yang menjadikan pembangunan ATM sebagai modal politik dengan membuat pertuduhan tanpa bukti yang menyebabkan penyiasatan terpaksa menjalankan penyiasatan yang mengambil masa yang panjang. Ia telah menjejaskan proses perolehan logistik ATM.

Dari sudut kualiti juga masih menjadi pertikaian kerana terdapat pembelian kelengkapan pertahanan yang bermasalah seperti pembelian pesawat F/A-18 daripada AS pada awal tahun 1990-an adalah pesawat pejuang moden yang digunapakai oleh kebanyakan negara. Namun dari sudut kemampuan ia adalah terhad berikutan AS tidak menyediakan sistem radar yang sepatutnya disediakan bagi meningkatkan keberkesanan pesawat yang dikenali sebagai ESM. Kerajaan terpaksa membuat pembelian ESM pada tahun 2001 bagi meningkat keupayaan pesawat tersebut. Permasalahan ini menunjukkan kesiapsiagaan logistik ATM adalah lemah. Dengan wujudnya pelbagai masalah dalam logistik ATM ia memberikan kesan kepada komponen pertahanan yang lain seperti strategi, RMA dan prinsip pertahanan *self-reliance* itu sendiri. Kelemahan dalam aspek logistik melemahkan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan oleh ATM.

6.2.5. Aspek Industri Pertahanan

Kajian terhadap aspek industri pertahanan yang dibangunkan semenjak tahun 1970 menunjukkan industri pertahanan menghadapi masalah peruntukan yang terhad, *bule print* dan kekurangan tenaga pakar telah memberikan masalah dalam (R&D) pertahanan. STRIDE mengalami kesukaran untuk menjalankan penyelidikan berikutan kewangan yang terhad yang diperuntukan dan keadaan ini menyebabkan industri pertahanan terus menghadapi kemunduran. Selain itu, akibat kekurangan peruntukan STRIDE usaha untuk menghasilkan produk ketenteraan yang baru turut terjejas. Industri pertahanan negara masih tertumpu kepada penghasilan kelengkapan ringan berbanding kelengkapan berat pertahanan. Program pemindahan teknologi juga tidak efektif berbanding program yang sama yang dilaksanakan di Singapura. Pembelian pesawat *Hawk* yang dibeli daripada Britain pada tahun 1980-an telah membolehkan Singapura menjalankan industri penghasilan pesawat hasil dari program pemindahan teknologi dengan Britain dan telah menghasilkan *Super Skyhawk*. Namun program ini gagal dibangunkan oleh Malaysia walaupun Malaysia turut memiliki pesawat *Hawk*. Trend pembelian kelengkapan dari luar negara telah menjadi amalan kepada Malaysia yang menjadi negara pengguna dan bukan negara yang menghasilkan produk. Ia dapat dilihat dengan pembelian kelengkapan pertahanan dari luar dan kekurangan para pelabur tempatan untuk membuat pelaburan dalam industri tempatan menyebabkan industri pertahanan negara lemah. Masalah yang dihadapi oleh industri pertahanan telah melemahkan kesiapsiagaan ATM dan prinsip pertahanan *self-reliance*. Ia telah menunjukkan prinsip pertahanan *self-reliance* ATM adalah lemah akibat daripada kelemahan dalam komponen pertahanan itu sendiri.

6.2.6 Aspek RMA

Peningkatan penggunaan teknologi tinggi dalam ketenteraan seperti kejayaan penggunaan pesawat moden dalam operasi AS dalam Perang Teluk pada tahun 1991 telah mempengaruhi negara lain untuk menggunakan teknologi tinggi dalam ketenteraan. Ia turut membabitkan Malaysia membuat pemodenan ATM sejajar dengan perubahan teknologi ketenteraan antarabangsa. Namun kekangan kewangan menyebabkan proses membangunkan

ATM sejajar dengan perubahan teknologi ketenteraan semasa dunia terbatas. Ini kerana kelengkapan moden dan berteknologi tinggi memerlukan kos yang besar. Keadaan ini menyebabkan proses pemodenan dan meningkatkan keupayaan ATM adalah terhad. Walaupun Malaysia memberikan perhatian dalam peningkatan penggunaan kelengkapan moden kepada ATM namun dari sudut keberkesanan RMA kepada ATM ia masih diragui dan lemah. Kelemahan ini juga dapat dilihat melalui kegagalan Malaysia untuk membuat pembelian AEW&C bagi melengkapkan keberkesanan fungsi pesawat MRCA dengan aplikasi teknologi tinggi yang dirancang semenjak RMK 6 lagi namun ia telah ditunda sehingga ke RMK 10. Peningkatan aplikasi EW dalam ATM juga turut diragui memandangkan kelengkapan pertahanan yang masih ada dalam inventori ATM adalah kelengkapan yang tidak mengaplikasikan EW dan dibeli pada era 1960-an dan awal 1990-an. Kemampuan anggota ATM untuk mengoperasikan EW turut diragui berikutan dengan syarat kemasukan sebagai anggota tentera yang rendah dengan hanya PMR dan SPM. Permasalahan ini turut diakui oleh Menteri Pertahanan pada tahun 2002 yang menegaskan pembangunan pendidikan adalah penting bagi membolehkan anggota tentera dapat mengoperasikan kelengkapan moden dan berteknologi tinggi. Keadaan ini menunjukkan kelemahan aplikasi RMA ATM dan peningkatan dalam RMA antarabangsa masih gagal diaplikasikan oleh Malaysia. Kelemahan RMA ini melemahkan prinsip pertahanan yang diamalkan oleh ATM.


6.3 Pengukuran Keupayaan Prinsip Pertahanan

Berdasarkan kajian yang dibuat pelaksanaan pembangunan prinsip pertahanan *self reliance* dalam DPN telah menghadapi pelbagai masalah yang menimbulkan persoalan apakah kesan permasalahan yang dihadapi dalam komponen ke atas prinsip pertahanan *self-reliance*? Sejauh manakah kemampuan dan keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* ini dapat ukur? Bagi mengukur keupayaan dan kemampuan prinsip pertahanan *self reliance* ini, kajian ini telah menjadikan idea dan kaedah pengukuran Gerard Lyons (2014) dalam *The Consolations Of Economic, Good News In The Wake Of The Financial Crisis* yang menggunakan skala richter mengukur gempa bumi (*richter scale for financial crises*) bagi mengukur kesan krisis kewangan terhadap sesebuah negara “*I have categorized the crises by impact, as one would an earthquake*”. Minor (3.0-3.9) telah mewujudkan situasi panik akibat

krisis, menjejaskan kewangan negara dan tidak menjejaskan sistem kewangan antarabangsa. Light (4.0-4.9) telah mewujudkan panik akibat krisis, menjejaskan kewangan melibatkan jiran terdekat tetapi tidak menjejaskan sistem kewangan antarabangsa. Strong (5.0-5.9) telah mewujudkan panik akibat krisis, menjejaskan negara dan berpotensi menjejaskan negara lain di rantau. Major (7.0-7.9) telah mewujudkan keruntuhan ekonomi dan rantau akibat krisis ekonomi. Great (>8.0) telah mewujudkan kemusnahan ekonomi di peringkat antarabangsa⁷⁰⁴.

6.3.1 Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Kukuh

Gambarajah 6. 13: Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Kukuh




⁷⁰⁴ Gerard Lyons (2014). *The Consolations Of Economic, Good News In The Wake Of The Financial Crisis*. London: Faber&Faber.hlm 93-94

Sumber: Diubahsuai daripada Gerard Lyons (2014). *The Consolations Of Economic, Good News In The Wake Of The Financial Crisis*. London: Faber&Faber. hlm 93-94

Gambarajah 6.13 menunjukkan gambarajah mengenai prinsip pertahanan *self-reliance* yang kukuh. Dalam mengukur keupayaan prinsip pertahanan *self-reliance* maka ia perlu berlandaskan kepada sejauhmana keberkesanan pembangunan kerajaan terhadap komponen prinsip pertahanan *self-reliance* iaitu dasar pertahanan yang kukuh, logistik pertahanan, industri pertahanan, strategi pertahanan, sumber pertahanan dan Revolusi Hal Ehwal Ketenteraan. Prinsip pertahanan dikategorikan sebagai kukuh dan berkesan sekiranya semua komponen yang dibangunkan tidak memberikan masalah dan berjaya dibangunkan. Ia akan memberikan kekuatan pertahanan kepada sesebuah negara mencapai tahap pertahanan berdikari. Ini kerana dengan membentuk DPN yang kukuh, memiliki sumber pertahanan yang kuat untuk disalurkan kepada sektor pertahanan ia akan membolehkan komponen lain dibangunkan dengan berkesan. Selain itu dengan memiliki strategi pertahanan yang berkesan ia akan memperkukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance*. Dengan membangunkan aspek logistik dengan berkesan dan tidak memiliki masalah maka ia memberikan kesan kesiapsiagaan yang kukuh dan mempengaruhi komponen yang lain. Ini kerana setiap komponen dalam prinsip *self-reliance* adalah saling berkait. Selain itu, dengan membangunkan industri pertahanan dan RMA dengan berkesan maka ia menyumbangkan kepada kekuatan logistik, dasar pertahanan dan strategi pertahanan dan secara langsung memperkukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance*. Justeru dengan membangunkan ke enam komponen *self-reliance* dengan berkesan dan tidak memberikan permasalahan maka ia memperkukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance*.

6.3.2 Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Sederhana

Gambarajah 6.14: Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Sederhana




Sumber: Diubahsuai daripada Gerard Lyons (2014). *The Consolations Of Economic, Good News In The Wake Of The Financial Crisis*. London: Faber&Faber. hlm 93-94

Gambarajah 6.14 menunjukkan Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Sederhana. Apabila wujudnya masalah dalam komponen *self-reliance* maka ia memberikan kesan kepada prinsip pertahanan *self-reliance*. Di sini menunjukkan sekiranya pembangunan komponen prinsip pertahanan sesebuah negara yang melibatkan aspek strategi pertahanan, sumber pertahanan dan RMA menghadapi masalah maka ia memberikan kesan kepada keupayaan prinsip pertahanan yang dikategorikan sederhana. Namun sekiranya

pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* menghadapi masalah dalam komponen DPN yang kukuh (*firm defence posture*), logistik pertahanan dan industri pertahanan maka ia melemahkan prinsip pertahanan *self-reliance*.

6.3.3. Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Gagal

Gambarajah 15: Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Gagal



Sumber: Diubahsuai daripada Gerard Lyons (2014). *The Consolations Of Economic, Good News In The Wake Of The Financial Crisis*. London: Faber&Faber. hlm 93-94

Gambarajah 6.15 menunjukkan Prinsip Pertahanan *Self-Reliance* Yang Gagal. Dalam gambarajah ini ia menunjukkan apabila pembangunan enam komponen pertahanan *self-reliance* menghadapi masalah maka ia akan memberikan masalah kepada prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Di sini menunjukkan apabila kesemua komponen prinsip pertahanan iaitu pembangunan DPN yang kukuh (*firm defence posture*), sumber pertahanan, strategi pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA menghadapi masalah maka prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan adalah dikategorikan sebagai gagal dan tidak mampu memastikan Malaysia berdikari dalam aspek pertahanan.

Justeru, kajian ini mendapati pengamalan prinsip pertahanan *self-reliance* DPN Malaysia yang dilaksanakan semenjak tahun 1970 membabitkan pembangunan dalam enam aspek iaitu dasar pertahanan, strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA telah mengalami pelbagai masalah yang melibatkan setiap komponen. Setiap komponen pertahanan *self-reliance* mempunyai hubung kait antara satu komponen dengan komponen yang lain termasuk hubungan antara komponen dengan prinsip pertahanan *self-reliance*. Semakin kukuh pembangunan komponen prinsip *self-reliance* ia akan turut memperkukuhkan prinsip yang diamalkan manakala lemahnya komponen yang dibangunkan ia akan turut melemahkan prinsip pertahanan. Walaupun Malaysia telah membangunkan keenam komponen tersebut namun setiap komponen menghadapi masalah. Ini bermaksud pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* ATM adalah gagal dan tidak mampu berdikari dalam aspek pertahanan. Kelemahan ini mampu mengundang kepada risiko kekalahan dalam peperangan dan tidak berupaya mempertahankan keselamatan dan pertahanan negara. Justeru, bagi memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai kerajaan dan ATM perlu meningkatkan keupayaan setiap komponen pertahanan *self-reliance* secara langsung ia mengukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance*.


6.4 Cadangan

6.4.1 Struktur Prinsip Pertahanan *Self-Reliance*

Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* adalah prinsip yang sememangnya perlu diamalkan oleh negara dalam sistem antarabangsa. Ini kerana aktor negara adalah aktor yang dilihat memiliki sifat-sifat tamak, pentingkan diri, kejam dan sebagainya. Aspek kuasa, keselamatan, ketenteraan, kepentingan nasional dan negara sebagai aktor utama adalah keutamaan kepada sesebuah negara. Malah dalam sistem antarabangsa negara terdedah kepada pergelutan kuasa (*struggle for power*) di kalangan negara. Ini bermaksud negara akan saling bersaing sama ada dalam bentuk diplomasi, konflik dan peperangan bagi menambah atau mengekalkan kuasa. Ia adalah sifat semulajadi sesebuah negara dalam sistem antarabangsa mengikut pandangan realisme. Ini bermaksud keamanan tidak dapat dikekalkan dan peperangan tidak dapat dielakkan yang mana negara akan mencari jalan untuk menambahkan kuasa. Persaingan yang wujud adalah berbentuk *zero sum game* yang mana akan ada negara yang berkuasa atau mendominasi dan negara yang didominasi. Keadaan ini menyebabkan negara menghadapi ancaman keselamatan dan boleh diancam pada bila-bila masa⁷⁰⁵. Dalam keadaan sistem antarabangsa bersifat anarki, realisme melihat sesebuah negara perlu bergantung kepada diri sendiri atau *self-reliance* (*self help*) dan negara tidak boleh bergantung harap kepada peranan aktor bukan negara seperti PBB dalam memastikan keselamatan dan melindungi kepentingan nasional.

⁷⁰⁵ Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan Panglima Angkatan Tentera Di Perbarisan Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia Ke-76. Padang Kawat Kem Sungai Besi Pada 9 November 2009.hlm 8

Gambarajah 6. 16: Cadangan Dasar Pertahanan Negara



Berdasarkan gambarajah 6.16 adalah cadangan Dasar Pertahanan Negara. Keadaan ini bermaksud negara perlu meletakkan konsep *self-reliance* sebagai keutamaan sebagai sebuah negara manakala pendekatan untuk melindungi keselamatannya adalah pilihan kepada negara berkenaan sama ada melalui mengadakan kerjasama serantau dan mengharapkan bantuan luar. Ini kerana dalam realisme membentuk pakatan adalah tidak bertentangan dengan prinsip *self reliance* selagi mana negara dapat melindungi keselamatan dan kepentingan nasionalnya (*the end justified the mean*). Struktur DPN Malaysia yang mengamalkan prinsip pertahanan *self-reliance*, kerjasama serantau dan bantuan luar memerlukan penambahbaikan. Penambahbaikan yang perlu dilakukan adalah Malaysia itu

sendiri perlu *self-reliance* khususnya dalam aspek keselamatan dan pertahanan⁷⁰⁶. Manakala prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar hanyalah pilihan kepada negara. Malaysia pada ketika ini menjadikan prinsip pertahanan *self-reliance* sebagai pilihan sama seperti mana prinsip kerjasama serantau dan bantuan luar sedangkan sesebuah negara itu sendiri sepatutnya bersifat *self-reliance*. Pengamalan beberapa negara yang mengamalkan pertahanan *self-reliance* seperti Australia, Korea Selatan dan Singapura yang mana prinsip pertahanan negara berkenaan itu sendiri adalah *self-reliance* manakala kerjasama serantau dan bantuan atau perjanjian pertahanan dengan negara luar adalah pilihan dan aset pertahanan.

6.4.2 Komponen Dalam Pertahanan *Self-Reliance*

Pembangunan prinsip pertahanan *self-reliance* yang dilaksanakan semenjak tahun 1970 adalah menyentuh beberapa aspek iaitu dasar pertahanan, strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA. Walaupun ianya tidak dinyatakan secara spesifik keenam-enam aspek tersebut, namun perbincangan pembangunan pertahanan *self-reliance* akan menyentuh aspek atau komponen berkenaan. Sehingga tahun 2010 tidak ada komponen atau ciri tetap yang menjelaskan pertahanan *self-reliance*. Berdasarkan kajian ke atas Korea Selatan, Australia dan Singapura yang turut mengamalkan pertahanan *self-reliance* walaupun DPN ketiga-tiga negara berbeza berdasarkan faktor ancaman, geo-politik dan sumber yang berbeza namun proses pembangunan pertahanan *self-reliance* ketiga-tiga negara adalah turut menyentuh aspek yang sama.

Ketiga-tiga negara membangunkan enam aspek utama yang menjadi komponen pembangunan pertahanan *self-reliance* iaitu dasar pertahanan yang kukuh, strategi pertahanan, sumber pertahanan, logistik pertahanan, industri pertahanan dan RMA dengan berkesan dan telah memperkukuhkan prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Komponen-komponen dalam prinsip pertahanan *self-reliance* ini penting kerana ianya

⁷⁰⁶ Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad Timbalan Menteri Pertahanan (2009).Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Yb Datuk Dr Hj Abdul Latiff Bin Ahmad. Sempena Majlis Penyampaian Diploma Kursus MTAT Siri 38/2009. Wisma Pertahanan. 11 Disember 2009.hlm 19

bergantung antara satu sama lain. Semakin kukuh sesebuah negara membangunkan komponen semakin kukuh prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan. Sebarang permasalahan dalam komponen *self-reliance* ia menjejaskan prinsip pertahanan yang diamalkan. Ini bermaksud keupayaan prinsip *self-reliance* adalah bergantung kepada keupayaan dan pembangunan ke atas komponen-komponen tersebut.

Justeru, dalam memastikan prinsip pertahanan *self-reliance* dapat dicapai Malaysia perlu membentuk dasar pertahanan yang kukuh, komprehensif, mengambil kira pelbagai aspek dengan teliti dan memiliki garis panduan pembangunan pertahanan yang dapat dijadikan sebagai *blue print* dalam pembangunan ketenteraan. Dalam komponen strategi pertahanan sesebuah negara perlu membangunkan strategi pertahanan bukan hanya dari segi konsep tetapi juga pembangunan ketenteraan ke arah aplikasi agar dapat memastikan strategi yang diamalkan dapat dilaksanakan. Dari aspek sumber pertahanan adalah penting kepada sesebuah menjadikan pembangunan ketenteraan dan keselamatan sebagai sektor utama yang perlu dibangunkan secara berterusan. Negara perlu mengutamakan peruntukan perbelanjaan yang mencukupi bagi menjamin pembangunan ketenteraan dan meningkatkan keupayaan pertahanan. Dalam aspek logistik adalah penting bagi sesebuah negara membangunkan aspek logistik dari segi pengurusan dan pembangunan bagi memastikan logistik berada dalam keadaan siapsiaga. Ia bukan hanya dari aspek perolehan kelengkapan pertahanan yang mencukupi tetapi juga dari sudut pengurusan. Logistik kelengkapan pertahanan juga memerlukan kelengkapan yang moden dan terkini serta kuantiti yang mencukupi bagi membolehkan operasi kenteraan dapat dijalankan dengan berkesan. Dalam aspek industri pertahanan ia adalah aspek yang akan membolehkan angkatan tentera dapat disediakan kelengkapan dan keperluan kenteraan yang mencukupi. Sesebuah negara perlu membangunkan keupayaan industri pertahanan dengan lebih kukuh agar dapat meningkatkan keupayaan ketenteraan dengan keupayaan sendiri. Dalam aspek RMA sesebuah negara perlu peka dan sentiasa meningkatkan keupayaan ketenteraan seiring dengan perubahan dan kemajuan ketenteraan negara lain. Ia dapat memastikan sesebuah negara bergerak seiring dengan perubahan teknologi, strategi dan taktik yang semakin meningkat. Ini bermaksud pertahanan *self-reliance* perlu memberikan perhatian kepada enam aspek utama ini dalam menentukan kejayaan dapat dicapai. Ini kerana setiap aspek atau komponen adalah saling

berkait rapat dengan prinsip pertahanan yang diamalkan. Semakin kukuh pembangunan ke atas komponen semakin kukuh prinsip pertahanan *self-reliance* yang diamalkan namun semakin lemah pembangunan komponen maka ia akan melemahkan prinsip pertahanan *self-reliance*.

RUJUKAN :

BUKU

Abdul Ghani Yunus (1995). The Malaysian Armed Forces and Vision 2020. Dalam Abdul Razak Abdullah Baginda dan Rohana Mahmood (edt). *Malaysia's Defence and Foreign Policies*. Malaysian Strategic Research Centre. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Abd Rahman Adam (1997). *Keselamatan Dan Kepentingan Nasional*. Bangi:UKM.

Abdul Razak Baginda (1995). *Malaysia's Defence & Foreign Policies*. Kuala Lumpur: Pelandok Publication.

Ahmad Mahdzan Ayob (1997). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Allan Gyngell. (1983). Looking Outwards: ASEAN's External Relations. In Alison Broinowski (Ed.). *Understanding ASEAN*. London: Macmillan Press Ltd.

Alvin and Heidi Taoflier (1995). *War And Anti-War: Survival At The Down Of 21st Century*. New York: Warner Books.

Anthony Andrew Gagel, Varun Vira, Alex Wilner dan Robert Hammond (2011). *The Korean Military Balance, Comparative Korean Forces and The Forces of Key Neighboring States*. Washington D.C: Center for Strategic & International Studies.

Baladas Ghoshal (2005). Strategic And Security Environment In East Asia. *Asian Defence Yearbook 2005*.

Barry Buzan (1987b). *An Introduction To Strategic Studies: Military Technology And International Relations*. London: Macmillan For The International Institute For Strategic Studies.

Barry Buzan (1991). *People, States And Fear: An Agenda For International Security Studies In The Post-Cold War Era*. New York : Harvester Wheatsheaf

Barry Buzan (1994d). New Pattern Of Global Security In The Twenty-First Century. Dalam William Clinton Olson (Edt) *The Theory And Practice Of International Relations*. New Jersey: Prentice Hall.

Barry Buzan (2001c). *Pengenalan Pengajian Strategik: Teknologi Ketenteraan Dan Hubungan Antarabangsa*. Mahmud Embong Dan Kamarulnizam Abdullah (Terj). Bangi: UKM.

- Baylis J. dan Wirtz J.J (2007). Introduction. Dalam John Baylis, James J Wirtz, Colin S. Gray dan Eliot Cohen (Edt). *Strategy In The Contemporary World, An Introduction To Strategic Studies*. Oxford: Oxford University Press.
- Caroline Thomas (1992). Third World Security. Dalam Roger Carey dan Trevor C. Salmon (Edt). *International Security In The Modern World*. New York: St Martin.
- Chamil Wariya (1989). *Pergolakan Antarabangsa: Perkembangan dan Isu Utama Sejak 1945*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd.
- Chandran Jeshurun (1980). *Malaysia Defence Policy: A Study In Parliament Attitudes: 1963-1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Charles W. Kegley dan Eugene R. Wittkopf (1989). *World Politics: Trends And Transformation*. New York: St Martin.
- Clarence L. Barnhart & Robert R. Barnhart (1981). *World Book Dictionary*. Chicago:World Book Childcraft International Inc.
- Clutterbuck. R (1984). *Conflict and Violence In Singapore and Malaysia 1945-1983*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- D.K. Mauzy Dan R.S Milne (2002). *Singapore Politics Under The People's Action Party*. London: Routledge.
- Daniel Moran (2002). Strategic Theory And The History Of War. Dalam John Baylis et.al (Edt). *Strategy In The Contemporary World, An Introduction To Strategic Studies*. Oxford: Oxford University Press.
- Department Of Defence 2000. *Defence 2000—Our Future Defence Force*. Canberra: Defence Publishing Service
- Dibb P. (2007). *Dining With Giants: Australia-United States In Australia As An Asia-Pacific Regional Power*. London: Routledge.
- Donald M. Snow (1998). *National Security: Defence Policy In A Changed International Order*. New York: St Martin's Press.
- Dougherty, James E. & Pfaltzgraff, Robert L. Jr., (1997). *Contending Theories of International Relations, A Comprehensive Survey*. New York: Addison- Wesley.
- Douglas J. Murray & Paul R. Viotti (1994). *The Defence Policies of Nations: A Comparative Study*. Baltimore: The John Hopkins University Press.
- Frank Traeger dan Philip Simonie (1973). *An Introduction To The Study Of National Security*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

- Gerard Lyons (2014). *The Consolations Of Economic, Good News In The Wake Of The Financial Crisis*. London: Faber & Faber.
- Hans Morgenthau (1948). *Politics Among Nations, The Struggles For Power And Peace*. New York: Alfred Knopf.
- Harold D. Lasswell (1986). *Politik, Siapa Mendapat Apa, Bila, Bagaimana*. (Terj). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawkins, D. (1972). *The Defence of Malaysia and Singapore From FPDA to UNZUK*, London: RUSI.
- Hedley Bull (1973). *Society And Anarchy In International Politics: Anarchy, Force, Imperialism*. Dalam Robert J. Art Dan Robert Jervis (Edt). *International Relations*. Boston: Little Brown.
- Henderson, Conway W. (1998). *International Relations: Conflict and Cooperation at the Turn of 21st Century*. New York: McGraw Hill
- Hendrik Wagenmakers (1995). *The UN Register Of Conventional Arms, In Arms And Technology Transfer: Security and Economic Considerations Among Importing and Exporting States*. New York: United Nations.
- Henry Kissinger (1969). *Nuclear Weapons And Foreign Policy*. New York: WW. Norton & Com.
- Howard H. Letner (1997). *International Politics: Theory And Practice*. New York: West Publishing.
- J. Saravanamuttu (1983). *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy 1957-1977*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- J.P Mckay et.al (1987). *A History Of World Societies*. Dallas: Houghton Mifflins Co.
- James Cotton (2004). *East Timor, Australia And Regional Order: Intervention And Its Aftermath In Southeast Asia*. New York: Routledge
- James Mayall (1982). *The Community Of States*. London: George Allen & Unwin.
- Joel Krieger dan Margaret (2001). *The Oxford Companion To Politics Of The World*. Oxford: Oxford University Press.
- Joseph S. Nye, Jr (2000). *Understanding International Conflicts, An Introduction To Theory And History*. New York : Longman.

- Julian Lider (1979). *On The Nature Of War*. United Kingdom: Saxon House Teakfield Ltd.
- K. J. Holsti (1991). Power, Capability And Influence In International Politics. Dalam Charles W. Kegley, Jr & Eugenc R. Wittkof (Edt) *The Global Agenda: Issue And Perspectives*. London: McGraw Hill Inc.
- K.J Holsti (1992). *International Relations: A Framework for Analysis*. London. Prentice Hall.
- K.S Balakrishnan (2009a). Malaysia's Defence Policy, Military Modernisation And National Security. Dalam Abdul Razak Baginda (pnyt). *Malaysia's Defence & Security Since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysia Strategic Research Centre.
- K.S. Nathan (1998). *Malaysia: Reinventing the Nation, in Asian Security Practice: Material and Ideational Influences*. California: Stanford University Press.
- K.W Chin (1983). *The Defence Of Malaysia And Singapore: The Transformation Of A Security System 1957-1971*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Karen Mingist (1979). *Essentials Of International Relations*. New York: W.W. Norton & Company.
- Karl W. Deutsch (1995) *Analisis Perhubungan Antarabangsa*. Murugesu Pathmanathan (Trj Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keith L. Nelson Dan Spencer C. Loin.Jr (1979). *Why War? Ideology, Theory And History*. USA:University Of California Press Ltd.
- Kenneth Waltz (1979). *Theory Of International Politics*. Massachusetts: Adison–Wesley.
- Khaw Guan Hoon (1977). *An Analysis Of China's Attitude Towards ASEAN 1967-1976*. Singapore: ISEAS. Singapore.
- M. Amstutz (1995). *International Conflict And Cooperation: An Introduction To World Politics*. Madison: Brown & Benchmark.
- Martin Griffiths dan Terry O'Callaghan (2003). *International Relations: The Key Concepts*. Routledge: London.
- Martin Wight dan M. Sheehan (1983). *The Arm Race*. Great Britain: Martin Robertson & Company Limited.
- Martin Wright (1978). *War Power Politics*. United Kingdom: Penguin Publication.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Case Study Research Qualitative Research: A Guide To Design And Implementation*. San Franciso: Jossey-Bass.

- Michael D. Slater (2004). *An Analysis Of Australia's National Strategy In The War Against Terror*. Pennsylvania: U.S. Army War College
- Michael Doyle (1986). *Empires*. New York: Cornell University Press.
- Michael Leifer (1986). *The Balance Of Power In East Asia*. London: Macmillan.
- Michael Leifer (2001). *Dictionary Of The Modern Politics Of South-East*. London: Routledge.
- Ministry Of Defence. *Malaysia Defence: Towards Defence Self-Reliance*. Kuala Lumpur: Warisan Advertising Sdn. Bhd. 1995.
- Mohamad Faisol Keling et.al (2006). *Konsep Dan Teori Hubungan Antarabangsa Dan Pengajian Strategi*. Sintok: Penerbit UUM.
- Mohammed Ayoob (1995). *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict And The International System*. Boulder: Lynne Rienner.
- Mohd Najib Abdul Razak (2001). *Defending Malaysia : Facing the 21st Century*. London: ASEAN Academic Press Ltd.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak (1993). *Malaysia's Strategic Perceptions, Challenges of the Post Cold Era*. Kuala Lumpur: Malaysian International Affairs Forum.
- Mohd Najib Tun Razak (1995). *The Shifting of Paradigm, in ASIA-Pacific Strategic Outlook*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Mohd Noor Yazid (2000). *Politik Antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Muthiah Alaggapa (1987). Malaysia: From the Commonwealth Umbrella to Self-Reliance. Dalam Chin Kin Wah (Edt). *Defence Spending In Southeast Asia*. Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies.
- Ole R. Holsti, Terrence P Hoppman dan John D Sullivan (1973). *Unity And Disintergration In International Alliances, Comparative Studies*. New York: John Wiley&Sons Inc
- P.W. Shively (1997). *Power And Choice: An Introduction To Political Science*. New York: McGraw Hill.
- Paul R. Voitti Dan Mark V. Kauppi (1993). *International Relations Theory*. New York: Macmillan.

- Peter Paret dan Daneil Moran (Edt). (1992). *Carl Von Clausewitz: Historical And Political Writings*. Princeton: Prince University Press.
- Philip A. Crowl (1986). Alfred Thayer Mahan, The Naval Historian. Dalam Peter Paret et.al (Edt). *Makers Of Modern Strategy From Machiavelli To The Nuclear Age*. Princeton: Princeton University Press.
- Quincy Wright (1964). A Mohd Najib Tun Razak (1995). *The Shifting of Paradigm, in ASIA-Pacific Strategic Outlook*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- R.W Komer (1972). *The Malayan Emergency in Retrospect: Organisation of A Successful Counterinsurgency Effort*. California: Rand Corperation.
- Robert Seager (1977). *Alfred Thayer Mahan: The Man And His Letters*. Annapolis: U.S Naval Institute.
- Ross R.S (1995). *East Asian In transition: Toward a new regional order*. New York K Institute of Southeast Asian Studies
- Roy Bhaskar (1986). *Scientific Realism and Human Emancipation*. London: Verson.
- Scot Burchill et.al (2001). *Theories Of International Relations*. New York: Palgrave.
- Sharan B. Merriam. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey Bass.
- Sidek Mohd Noah (2003). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sipri Yearbook 2003* Armaments, Disarmament and International Security. Oxford: Oxford University Press.
- Sukhumbhand Paribatra (1987). Thailand: Defence Spending And Threat Perceptions. Dalam Chin Kin Wah (Edt). *Defence Spending In Southeast Asia*. Singapore:Institute Of Southeast Asian Studies.
- Tan Tai Yong (2001). Civil Military Fusion. Dalam Mutiah Alagappa (Edt). *Coercion And Governance: The Declining Political Role Of The Military In Asia*. California: Stanford University Press.
- The Encyclopedia Americana*. USA: Grolier Incorporated.1993
- The Military Balance 2006*. International Institute for Strategic Studies. Routledge. 2006.
- The Military Balance (2013). *The Military Balance*. London: Routledge. Mac

Timothy Garden (1989). *The Technology Trap : Science And The Military*. London: Brassey's Defence Publisher Ltd.

Yaacov Vertzberger (1982). *The Malacca-Singapore Straits: The Suez of Southeast Asia*. London: Institute for the Study of Conflict.

Zulhilmi Paidi (2003). Propaganda Dan Perang Saraf: Meninjau Pengalaman Darurat 1948-1960 di Tanah Melayu. Dalam Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar (Edt). *Hubungan Luar Antarabangsa*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

JURNAL

Abdul Razak Abdullah Baginda (1992). FPDA: Two Decades and Beyond, Strategy. *Journal of Strategic Studies & International Relations*. Vol. 1.Bil. 1. Februari.

Ahmad Zahid Hamidi (2010). Asean Defence Industry Collaboration; Potential, Challenges And Way Forward. *The Journal Of Defence And Security*. Vol.1 Bil .1

Ahmad Zahid Hamidi (2011). Maritime Security In Southeast Asia: Consolidating Current Efforts And Fostering New Ones. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 2 Bil. 2.

Andrew Tan T.H (1999). Singapore's Defence: Capabilities, Trends And Implication. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 21. No.31.

Badrul Hisham Suda (2010). *Australia's National Interest In East Asia: Engaging China*. *The Journal of Defence and Security*. Vol. 1, Bil.1.

Bilveer Singh. (1992). Singapore's Defence Policy in the Post-Cold War Era, Strategy. *Journal of Strategic Studies & International Relations*. Vol. 1 Bil. 2. Julai.

Che Md Noor (1995). The Military Dimensions of National Security. *STRATEGI*. Vol.3. Februari.

Chin, K. W. (1991). The Five Power Defence Arrangement: Twenty Years After. *The Pacific Review*. Vol. 4.Bil. 3

Chris Smith (2001). Security-Sector Reform: Development Breakthrough Or Institutional Engineering? *Conflict, Security & Development*. Vol 1. Bil 1.2001.

Christoper S. Parker (1999). New Weapons For Old Problems: Conventional Proliferation And Military Effectiveness In Developing States. *International Security*. Vol. 23. No 4

Chung-in Moon dan Jin-Young Lee (2008). The Revolution In Military Affairs And The Defence Industry In South Korea. *Security Challenges*. Vol.4.Bil 4.

- Colin S. Gray (1971). The Arms Race Phenomenon. *World Politics*. Vol 14.
- Datuk Sri Najib Tun Razak. *Asian Defence Journal*. Oktober 2003.
- David Caldwell (2003). Reflections on defence Self Reliance and Australian-American Alliance. *Australian Army Journal*. Vol II. Bil 1
- David Jablonsky (1994). US Military Doctrine And The Revolution In Military Affairs. *Parameters*. US Army War College.
- Dr. Mahathir Mohamad (1986). *Keynote Address on First ISIS National Conference on Security*. *ISIS Focus*. Bil. 17. Ogos.
- Dzirhan Mahadzir (2011). Brunei Monarchy, ASEAN and Defence Capabilities. *Asian Military Review*. Vol.19 Bil 5. Julai/Ogos.
- Dzirhan Mahadzir (2013). Malaysian Defence Modernisation. *Asian Military Review*. Vol 21. Bil 2. Mac/April.
- Dzirhan Mahadzir (2015). Closer And Closer: South East Asian Defence Cooperation. *Asian Military Review*. Vol 23. Bil 6. Oktober.
- Farouk Kamal (2000). Defence Minister of Malaysia Najib Tun Abdul Razak Articulating Malaysia's Defence. *Asian Defence and Diplomacy*. Oktober.
- Frederiksen P.C. (1991) Economic Growth And Defense Spending: Eviden On Casualty For Selected Asian Countries. *Journal of Philippine Development*. Vol 18. Bil 1.
- Gen. Mohd Zahidi Zainuddin. *Asian Defence and Diplomacy*. Bil 1. September 1999.
- Glomm, Gerhard & Ravikumar, B. (1997). Productive Government Expenditures And Long-Run Growth. *Journal of Economic Dynamics and Control*. Vol. 21. Bil 1. Januari.
- Grace Lee (2001). The Political Philosophy of Juche. *Stanford Journal of East Asian Affairs*. Vol. 1. Bil 3.
- Graeme Cheeseman (1999). Asia-Pacific Security Discourse in the Wake of the Asian Economic Crisis. *The Pacific Review*. Vol. 12. Bil. 3.
- Grier, K. dan G. Tullock (1989), An Empirical Analysis Of Cross-National Economic. *Journal of Monetary Economics*. No.24.

- Hassan M.K, Waheeduzzaman, M. and Rahman. A (2003) Defense Expenditure And Economic Growth In The SAARC Countries. *The Journal of Political, Social and Economic Studies*. Vol.28. Bil 3.
- Hussin Mutalib (2001). The Socio-Economic Dimension In Singapore's Quest For Security And Stability. *Pacific Affairs*. Vol.75. Bil.1.
- John J. Mearsheimer (1995). The False Promise Of International Institutions. *International Security*. Vol 19. No 3.
- John Van Maanen (1979). Reclaiming Qualitative Methods for Organizations Research: A Preface. *Administrative Science Quarterly* Vol 24. Bil.4.
- K.F Amponin (2003). *Achievability of Self-Reliance Within An Alliance Framework Defence Policy*. *Geddes Papers*.
- K.S Balakrishnan (1999). China And The Philippines' Imbroglio. *Asian Defence And Diplomacy*. Vol.6. Bil 6. June.
- K.S Balakrishnan (2002b). US-Malaysia: Eye to Eye on Regional Security. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol.9 Bil.10. Oktober.
- Kim Beazley (2009). White Paper Then and Now: Returning to Self-Reliance as a Labor Leit-Motif. *Security Challenges* .Vol.5. Bil.4.
- Kogila Balakrishnan (2010). Evaluating The Role Of Offsets In Creating A Sustainable Defence Industrial Base: The Case Of Malaysia. *The Journal of Defence and Security*. Vol. 1. Bil 1.
- Kormendi, R.C. dan Meguire, P.G. (1985). Macroeconomic Determinants of Growth: Cross-Country Evidence. *Journal of Monetary Economics*. Vol.16. Bil.2.
- Lee Jong-sup and Uk Heo (2001). The US.-South Korea Alliance. *Asian Survey*. Vol 41. hlm
- M. Antolik (1994). The ASEAN Regional Forum: The Spirit Of Constructive Engagement. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 16. Bil. 2. September
- Major M. J. Kitchin (2004). Dependent Self-Reliance: Defending Australia Within An Alliance Framework. *Geddes Papers*.
- Markku Heiskanen (2003). The Roh Administration's Peace And Prosperity Policy And International Cooperation: The Eurasian Dimension; Catalyst For The Korean Reunification Process? *International Journal of Korean Unification Studies*. Vol.12. Bil 1
- Michael Leifer dan S. Peou (2002). Realism And Constructivism In Southeast Asian Security Today: Review Essay. *The Pacific Review*. Vol 15. Bil 1.

- Michael Raksa (2011). The Five Waves Of RMA Theory, Processes and Debate. *Journal of The Singapore Armed Forces*. Vol.36.Bil 3.
- Michael T. Klare (1993). The Next Great Arms Race. *Foreign Affairs*. Vol 72.Bil 3.
- Micheal Liefer (1996). The ASEAN Regional Forum. *Adelphi Paper*. Bil. 302.
- Micool Brooke (1999). Rebounding Market: Malaysian Armed Forces Dust of Modernization Plans in Light of Regional Economic Upturn. *Armed Forces Journal International*. Vol. 137. No. 38. November.
- Mohamad Faisol Keling, Md. Shukri Shuib, Mohd Na'eim Ajis (2009). The Impact of Singapore's Military Development on Malaysia's Security. *Journal of Politics and Law*. Vol 2. No2. Jun.
- Mohamad Faisol Keling et.al (2011). *The Malaysia Government's Effort In Managing Military And Defence Development*. International Journal of Business and Social Science. Vol 2. Bil 12. Julai.
- Mohd Yunus Masjuki (2011). Defence Research And Development: National Industrialisation Towards Achieving Self-Reliance. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 2. No. 1.
- Mohd. Rizal Mohd. Yaakop (2007). Dasar Keselamatan Dan Pertahanan Malaysia: Warisan Penjajahan Dan Era Pasca Kemerdekaan. *JEBAT*. Bil 34.
- Muthiah Alagapa (1991). Regional Arrangements and International Security: Going Beyond ZOPFAN. *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 12. Bil. 4. Mac.
- Nasrudin Mohammed (2005). ASEAN Dan Pentadbiran, Ancaman Serantau. *Pemikir*. Bil. 41. Julai- September
- Norliza Hussein, Norazman Mohamad Nor dan Nooh Abu Bakar (2011). Military Forecasting And Planning (F&P): An Overview .*The Journal Of Defence And Security*.Vol. 2. No. 1.
- Peter Donaldson (2013). Eyes In The Skies: Asia Pacific Tactical UAV Market. *Asian Military Review*. Vol 21. Bil 6. Oct 2013.
- Peter Lewis Young (1997). The Five Power Defence Arrangement, A Review. *Asian Defence Journal*. Mei.
- Prasun K. Sengupta (2002). *MAF In the 21st Century*. *Asian Defence Journal*. April.

- R. Sachi Thananthan (1994). The Royal Malaysian Air Force—Towards the Future. *Asian Airlines and Aerospace*. Vol. 2 No. 4.
- R. Sachi Thananthan (1995). Syed Hamid: Malaysia to Upgrade its Defence. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol. 1 No. 6.
- Richard North (2010). Political Realism: Introduction. *European Journal of Political Theory*. Vol 9. Bil 4.
- Robert J. Barro (1991). Economic Growth In A Cross Section Of Countries. *The Quarterly Journal of Economics*. Vol. 106. Bil. 2. Mei
- Robert Sinniah (1994). Republic Of Singapore Air Force To Get F-16C/D. *Asia Pacific Defence Review*. Oktober.
- Rod Nairn, Sam Bateman dan Robert Woodham (2010). Oceanography And Force 2030: Harnessing Australian Marine Science As A Force Multiplier. *Australian Defence Force*. No. 182.
- S. Peou (2002). Realism And Constructivism In Southeast Asian Security Today: Review Essay. *The Pacific Review*. Vol 15. Bil 1
- Sachi Thananthan dan Prasun Sengupta (1997). Malaysia's Defence and Security Posture. *Asian Defence and Diplomacy*. Vol. 3 No. 1. Mac.
- Sam Perlo Freeman dan Carina Solmirano (2014) *Trends in World Military expenditure, 2013. SIPRI Fact Sheet*. Stockholm International Peace Research Institute. April.
- Shankaran Nambiar (2009). Malaysia and the Global Crisis: Impact, Response, and Rebalancing Strategies. *ADB Working Paper*. Bil. 148.
- Sheldon W. Simon (2000). Asian Armed Forces: Internal And External Tasks And Capabilities. *NBR Analysis*. Vol 11. Bil 1. Mei
- Sherman, Jason (2001). *Pentagon May Improve Malaysia's F/A-18D Fleet*. *Defense News*. Vol. 16. No. 22. 10 September 2001.
- Sumathy Permal (2012). Preventive Diplomacy In The South China Sea: Malaysia's Perspective. *The Journal Of Defence And Security*. Vol. 3. Bil. 1.
- Summers, R. dan Heston, A. (1988). A New Set of International Comparisons of Real Product and Price Levels Estimates for 130 Countries, 1950-1985. *Review of Income and Wealth*. Vol.34. No.1.
- Syed Hussain (1991). An Interview With Malaysia's Defence Minister. *Asian Defence Journal*. Bil.1. Julai

- Thomas K. Admas (2002). Future Warfare And The Decline Of Human Decision Making. *Parameters. US Army War College*. Winter.
- Thomas R. Wells (2014). Recovering Adam Smith's Ethical Economics. *Real World Economics Review*. Bil 68. Netherlands: University of Groningen.
- Tim Huxley (1991). Singapore and Malaysia: A Precarious Balance? *The Pacific Review*. Vol. 4. No. 3. 1991.
- Tim Huxley (2001). Singapore In 2000: Continuing Stability And Renewed Prosperity Amid Regional Disarray. *Asian Survey*. Vol.41. Bil. 1.
- Tim Huxley dan Rahman Koya (1996). Malaysia's Armed Forces In The Late 1990s: Aiming For Credible Conventional Capability. *Asian Defence Journal*. April.
- Tim Huxley dan Rahman Koya (1996). Malaysia's Armed Forces In The Late 1990s: Aiming For Credible Conventional Capability. *Asian Defence Journal*. April
- Young P.L. (1990). Malaysia's Defense Links: Keys to Modernization Plans. *Armed Forces Journal International*. Mac.
- Young, P.L. (1997). Cover Feature: The FPDA Review. *Asia Defence Journal*. Mei.
- Zain Amri (1994). MiG Power for Malaysian Air Force. *Asian Defence Journal*. Julai.
- Zakaria Haji Ahmad (1987). Asian-Pacific Security Into The Twenty-First Century: Political, Economy And Social Trends. *Asian Defence Journal*. Ogos.

KERTAS KERJA

- Abdul Razak Abdullah Baginda. (1998). *The FPDA: A Review*. Kertas Kerja 'The FPDA and Southeast Asian Security'. Kuala Lumpur. 13 Jun.
- Azmi Hassan (2005b). Pemindahan Teknologi sains pertahanan: Sumbangan dan peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) & Institusi Penyelidikan Kerajaan. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC): Konferen Kebangsaan: Pertahanan Strategik & Keselamatan Serantau. 24-26 Mei 2005.
- Hari Singh (1996). Malaysia and Singapore: Reflections on a Special Relationship. *Kertas Kerja*. Sixth Malaysia-Singapore Forum. Petaling Jaya: Selangor. 6-8 Disember 1996.
- K.S Nathan (2008). Malaysia And International Security: Role, Commitments, Issues And Challenges. Pembentangan Kertas Kerja. *Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond*. The 6th International Malaysian Studies Conference. Kuching: Crowne Plaza Riverside Hotel. 5-7 August.

Md Zulkifle Md Yusof (2002). The Five Power Defence Arrangements (FPDA) In The Post Cold War Era: Prospects And Problems. *Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Md.Zaki Md Zain (2005). Senario Masa Hadapan Persekitaran Pertahanan: Panduan Halatuju Pembangunan Pertahanan Negara. *Pembentangan Kertas Kerja*. Konferen Kebangsaan Pertahanan Strategik Dan Keselamatan Serantau (Perkasa). Putrajaya: Pusat Konvensyen Antarabangsa. 24-26 Mei.

Panitan Wattanayagorn (1997). Defense Economics And Trends In Military Modernization In Asia. *Pembentangan Kertas Kerja*. The Annual Conference Of The Asia-Pacific Center For Security Studies. Honolulu. November 3-6.

Robert Sinniah (1994). Republic Of Singapore Air Force To Get F-16C/D. *Asia Pacific Defence Review*. Oktober.

Sam Perlo Freeman dan Carina Solmirano (2014) *Trends in World Military expenditure, 2013. SIPRI Fact Sheet*. Stockholm International Peace Research Institute. April.

Thomas R. Wells (2014). Recovering Adam Smith's Ethical Economics. *Real World Economics Review*. Bil 68. Netherlands: University of Groningen.

Tim Huxley dan Rahman Koya (1996). Malaysia's Amed Forces In The Late 1990s: Aiming For Credible Conventional Capability. *Asian Defence Journal*. April.

Wong Siaw Wei (2010). The study relationship of government spending and economic growth in Malaysia: Evidence Based in Development Expenditure. *Tesis*. Universiti Malaysia Sarawak : Faculty of Economics and Business.

TESIS

Ahmad Kamarulzaman (2002). An Evaluation Of Maintenance Management In The Royal Malaysian Navy-A Holistic Approach. *Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahmad Samsul Arifin Jalal (2009) Keperluan Keseimbangan Pembangunan Modal Insan Di Dalam Artileri Pertahanan Udara Sejajar Dengan Pemilikan Peralatan Berteknologi Tinggi. *Tesis*. Universiti Malaya: Fakulti Perniagaan dan Perakuaanan.

Ishak Mas'od (2002). The Importance Of Civil-Military Cooperation In Enhancing Transport Capacity For The Malaysian Armed Forces. *Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia

Ismail Ahmad (2009). Amalan Perolehan Tentera Darat Dan Kesan Kepada Kesiapsiagaan Material, Satu Analisa. Universiti Malaya: Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya.

Jaafar Kasim (2002) Influence Of Bureaucratic Politics On Ministry Of Defence Decision Making Process In Policy Formulation. *Tesis*. Faculty Of Social Science And Humanities : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kim Ji Sun (2008). Self Reliance Program In South Korea: Focused On The Experiences Of The Participants. *Tesis*. University Of New South Wales.

Md Zulkifle Md Yusof (2002). The Five Power Defence Arrangements (FPDA) In The Post Cold War Era: Prospects And Problems. *Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Abu Bakar Bin Nik Yusoff (2002). *Malaysia's Bilateral Defence Cooperation With Asean Countries Armed Forces: Prospects And Challenges*. *Tesis*. Faculty Of Social Sciences And Humanities: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noordin Hj Mohd Yusoff (2002). Alternative Deterrence Strategy Against Information Warfare. *Tesis*. Faculty Of Social Science And Humanity. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noordin Mohd Yusoff (2002). Alternative Deterrence Strategy Against Information Warfare. *Tesis*. Faculty Of Social Science And Humanity Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

Rodzali Daud (2002). Modernization Of The Royal Malaysian Air Force (RMAF): Issues And Challenges. Faculty Of Social Sciences And Humanities. *Tesis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saharuddin Harun (2004). Malaysia's Defence Industry: Meeting The Objective Of Achieving Self Reliance– A Case Study. *Thesis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salim Ahmad Miandad (2002). Self-Reliance In Malaysian Armed Forces Logistics System: An Essential Element To Enhance Defence Policy. *Tesis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shaharuddin Bin Othman (2002). *Malaysian Armed Forces Modernisation: Would It Enhance National Development?* *Tesis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Suhaimi Ashaari (2005). Malaysia Defense Self-Reliance: Theory And Practice. *Tesis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wong Siaw Wei (2010). The study relationship of government spending and economic growth in Malaysia: Evidence Based in Development Expenditure. *Tesis*. Universiti Malaysia Sarawak : Faculty of Economics and Business.

MAJALAH

Malaysia Bermulanya Di Sini. Jabatan Penerangan Malaysia. 2010.

Abd Aziz Ahmad (2006). Latihan Dalam Tentera Darat. *BTDM*. Bil 144. Jan.

Abdul Razak Abdullah Baginda (1995). The Malaysian Armed Forces After the Fall of Communism. *Agenda Magazine*. Vol. 1. No. 1 September.

Aishah Ismail (2002). TD Menentang Insurgensi Komunis. *BTDM*. Bil 144 Jan.

Alan Stephens (1997). At The Crossroads: The Royal Malaysian Air Force. *Asian-Pacific Defence Reporter*. December.

Amnat H.A (1995) Pembangunan ATM. *Perajurit*. Mac

Amrirullah Al Haj (2003). ACV 300 Adnan, Unit Pertama Pemasangan Tempatan Diserah Kepada Tentera Darat. *Perajurit*. Mei.

Aset dan Teknologi Pertahanan Russia untuk ATM. *Perajurit*. Mac 2001.

Asia's Arm Race. *Economist*. 20 Februari 1993.

ASTROS II. *Perajurit*. Januari 2001.

ATM Bakal Miliki G5 dan ASTROS II. *Perajurit*. Januari 2001.

Azman Abdul Razak (2009). *Konsep Pertahanan Menyeluruh Di Malaysia: Cabaran Dan Masa Depan Angkatan Tentera Darat*. *Perajurit*. Jun.

Bersama Laksamana Datuk Abdul Aziz Haji Jaafar Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia. *Perajurit*. Mei. 2008.

Bicara Minda Laksamana Datuk Ilyas Bin Haji Din. *Perajurit*. Jun 2006.

Briged Artileri Raket - Mantapkan Kuasa Tempur TD. *Tempur*. Disember 2009

Dasar Pertahanan Negara. *Perajurit*. Julai 2004.

Glosari *Perajurit*. Februari 2005.

Glosari *Perajurit*. *Perajurit*. April 2005.

Glosari. *Perajurit*. Februari 2005.

Hamzah Dolah (2008a). Mewajarkan Perolehan Aset Pertahanan Dalam Suasana Ekonomi Suram. *Perajurit*. Oktober

Hamzah Dollah (2006b). Salah Laku Anggota ATM-Satu Analisis. *Perajurit*. November.

Hilmi Ismail (2004). Membangun Industri Pertahanan, Tanggungjawab Negara Yang Berterusan. *Perajurit*. Jun.

Infantri Singapura - Membentuk Infantri Generasi Ketiga. *Tempur*. November 2009

Isu MiG & Hawk, Jangan Kompromi Isu Keselamatan Negara. *Perajurit*. September. 2001.

Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Haji Zainal, Panglima Angkatan Pertahanan (2008). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober.

Kelengkapan Tentera Darat 2005-2006. *Perajurit*. Mac 2005.

Kereta Kebal Ringan. *Perajurit*. Disember 2001.

Liw Shan Lee (2006). Dalam Pertahanan Negara-Satu Pandangan Ringkas. *Perajurit*. Mei.

Malaysia Signs Double Deals for OPV Project. *Jane.s Defence Weekly*. 25 Februari 1998.

Malaysia's Defence Policy Perspective. *Sorotan Darat*. Jil 2. Bil 25. Ogos. 1994.

Malaysian Armed Forces Modernization. *Jane.s Defence Weekly*. 26 November 1997.

Md. Zaki Md Zain (2005) *Senario Masa Hadapan Persekitaran Pertahanan: Panduan halatuju Pembangunan Pertahanan Negara*. *Perajurit*. Mei.

Mejar Suleiman Hj Moideen Kutty (2002). ATM Tonggak Pertahanan Negara Lambang Kemegahan Rakyat Malaysia. *Perajurit*. September.

Meriam 155mm G5. *Tempur*. November 2009

MMC Defence Dan Status Program PT 91M. *Tempur*. Julai 2003

Mohd Basri Nordin (1999). Keperluan Industri Pertahanan Dalam Membentuk Perajurit ATM Abad Ke 21. *Perajurit*. Mei.

Mohd Hashim Ahmad (2001). Industri Pertahanan Malaysia. *Sorotan Darat*. Jil. 2 Bil 38.

- Mohd Nooraimy Musa (2009). Dasar Pertahanan Negara: Menganalisis Kemampuan Angkatan Tentera Malaysia Mendukung Dasar Tersebut Pada Era Globalisasi. *Perajurit*. April
- Mohd Rashid Darham (1996). PPUNM Alat Kuasa-Kuasa Besar. *Dewan Masyarakat*. November
- Mohd Zackry Mokhtar (2006). Total Defence: Usaha Kolektif Memperkasa Pertahanan Negara. *Perajurit*. Jun.
- Mohd Zaki Salleh (2000). Sejarah Kekuasaan Maritim, Aspek Penting Dalam Pengaruh Peperangan Sehingga Perang Dunia Kedua. *Perajurit* Disember
- Muhammad Fuad Bin Mat Noor (Februari 2012) Industri Pertahanan Tempatan - Sejauh Mana Kita Mahu Melangkah. *Tempur* Februari
- Muhammad Fuad Mat Noor (2009) ATM & M4. *Tempur*. August
- Muhammad Fuad Mat Noor (2001). Kestabilan rantau Asia Tenggara. *Perajurit*. Januari 2001.
- Muhammad Fuad Mat Noor (2003b). MIFV dipertingkatkan prestasinya. *Tempur*. Julai.
- N.S Shah (2006). Angkatan Tentera Malaysia. Pandangan Ringkas. *Perajurit*. November.
- N.S Shah (2008). Eurocopter EC-725 Cougar Untuk TUDM. *Perajurit*. Oktober.
- Nasibah Harun (1997b). Palapes. *Perajurit*. Julai.
- Nasibah Harun (2002a). Dasar Pertahanan Menyeluruh, Sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia. *Perajurit*. Julai .
- Nasibah Harun (2004c) Kerjaya Sebagai Anggota TUDM. *Perajurit*. Disember.
- Nasibah Harun (2005b). Batalion Standart Infantri. *Perajurit*. November.
- Nasibah Harun (2005e). Angkatan Tempur Gabungan. *Perajurit*. April.
- Nasibah Harun (2005f). Tentera Singapura. *Perajurit*. Mac.
- Nasibah Harun (2006f) TUDM 48 Tahun Menerjah Angkasaraya Di Era MRCA. *Perajurit*. Jun.
- Nasibah Harun (2006h). UAV Taktikal, Penggunaan Dalam Peperangan Moden. *Perajurit*. November. 2006.

Nasibah Harun (2008g). DSA 2008 Pemangkin Perolehan Pertahanan. *Perajurit*. Mei.

P.K Sengupta dan Muhammad Fuad Mat Nor (2002). Cabaran ATM Dan Pemodenan TD. *Perajurit*. September.

Pertahanan kapal perang terhadap peluru berpandu anti kapal, *Perajurit*, Februari 2002.

Perutusan Ulung Panglima Angkatan Tentera, Laksamana Dato' Seri Mohd Anwar bin Mohd Nor, *Perajurit*. Jun. 2005.

Saadullah Johan (2005a). Pameran Pertahanan Republik Korea, Defense Asia 2004. *Perajurit*. Januari.

Saadullah Johan (2005b). Model F/A-18D Hornet TUDM. *Perajurit*. Februari.

Saadullah Johan (2006). MiG-29 Tergugat? *Perajurit*. November 2006

Saiful Anwar Ali (2004f). Kuasa Ketenteraan Dan Keberkesanannya. *Soroton Darat*. Bil 44.

Saiful Anwar Md Ali (2004a). Kuasa Tentera Dan Keberkesanannya. *Perajurit*. Mac.

Saiful Anwar Md Ali (2006b). Peperangan Dan Evolusi Peperangan. *Perajurit*. Mei.

Saiful Anwar Md Ali (2006d). Perikatan. *Perajurit*. Mac.

Sham Huzaimi Nasarudin, Perisai Udara Infantri, Meninjau Sistem MANPADS milik TD. *Tempur*. Julai 2003.

Saiful Anwar Md.Ali (2008c). Peperangan Peloponesia Dan Teori-Teori Strategi Thucydides. *Perajurit*. November.

Sejarah penubuhan Markas Angkatan Bersama. *Purple Force*. Markas Angkatan Bersama. Bil 1 Oktober 2010.

Sempena Ulangtahun Ke-76 ATM - Dimensi Baru ATM Memperkukuhkan Kedaulatan Negara. *Tempur*. Oktober 2009

Sham Huzaimi Nasarudin (2002). Perisikan Isyarat Elemen Utama Dalam Peperangan Elektronik. *Tempur*. Jil 1. September.

Sham Huzaimi Nasarudin (2003). Perisai Udara Infantri, Meninjau Sistem MANPADS milik TD. *Tempur*.

Singapura dan ASEAN Kesenambungan Pembangunan Atau Perlumbaan Senjata? *Perajurit*. Mei.2002.

Teks Rasmi Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera Sempena Jubli Intan ATM. *Perajurit*. Oktober.

Tentera Darat 1933-2001. Aliran Pemodenan dan Tanggungjawab Perjuangan. *Perajurit*. Mac 2001.

Ucapan Panglima Angkatan Tentera Sempena Kunjungan Rasmi Ke Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Lumut Pada 4 Mei 2007. *Perajurit*. Jun 2007.

Wawancara Panglima Tentera Darat Jeneral Dato' Sri Abdul Aziz Haji Zainol. *Perajurit*. April.

YB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia, Pengukuhan ATM Sebagai Organisasi Pertahanan. *Tempur*. Julai. 2002.

Yusni Yussof (2011). Menghadapi Pemikiran Anti Pertahanan & Tidak Patriotik. *Perajurit*. Mei.

Zakaria Haji Ahmad (1995). Issues And Prospect In The Security Of Southeast Asia, *Agenda Magazine*. Vol.1. Bil. 1.September.

Zulkhairi Zainuddin (2003). Pembangunan Sakti 105mm Bukti Kemampuan Industri Pertahanan Negara. *Perajurit*. Mei.

Zulkhairi Zainuddin (2005). NGPV Kemunculannya Dinantikan. *Perajurit*. April.

Zulkhairi Zainuddin (2005b). PERKASA 2005 Ke Arah Memperkasakan Negara. *Tempur*.Julai.

Zulkhairil Zainuddin (2004). ATM: Pertahankan Kedaulatan Bumi Bertuah. *Perajurit*. Disember

Zulkifli Zainudin (2005).TLDM ke 71 Tahun, Ke aras Sebuah Angkatan Kredibel. *Perajurit*. April.

Zuridan Muhammad (2009c) Membangunkan Kemampuan Sistem & Platform - Kenapa Sukar Untuk ATM? *Tempur*. Mei.

Zuridan Muhammad (2009d) ESM-Kebergantungan Yang Keterlaluan Bakal Mengundang Kecelakaan. *Tempur*. Februari

AKHBAR

Aizawati Ahmad (2006). Pesawat Hawk Mendarat Cemas, Dua Selamat. *Utusan Malaysia*. 24 Jun

Asliza Musa (2014). Dua Anggota Tentera Maut, Dua Parah Kereta Perisai Dinaiki Terbabas. *Utusan Malaysia*. 3 Julai

Asliza Musa (2014). Dua Anggota Tentera Maut, Dua Parah Kereta Perisai Dinaiki Terbabas. *Utusan Malaysia*. 3 Julai

Azmi Hasan (2007a). Senjata Strategik Bawah Laut. *Utusan Malaysia*. 29 Mac.

Azmi Hassan (2003b). Doktrin Pertahanan Singapura Halalkan Serang Negara Jiran. *Utusan Malaysia*. 4 Januari.

Bot Tempur Yang Hilang Baru Diselenggara *Utusan Malaysia*. 7 Oktober 2014

Fazli Arman (1993). MiG-29 Kukuhkan Pertahanan. *Berita Harian*. 31 Ogos.

Hazwan Faisal Mohamad (2012). MDSTP Mampu Tarik Pelaburan RM15b. *Berita Harian*. 6 April.

Jamhariah Jaafar (2000). ATM Perlukan Kelengkapan Canggih. *Berita Harian*. 7 Februari.

Jenazah Dua Anggota Tentera Diterbangkan Ke Kuala Lumpur Pagi Ini. *Berita Harian*. 20 Ogos 2014

Juruterbang TUDM Selamat Dikebumi. *Utusan Malaysia*. 25 Jun 2005

Kapal TLDM Terbakar Di Pasir Gudang *Utusan Malaysia*. 13 Januari 2012

Maznah Arshad (2000). Kuan Yew: Sila Serang Singapura. *Utusan Malaysia*. 7 Oktober 2000.

MiG-29 TUDM Terhempas, Juruterbang Dipercayai Selamat. *Utusan Malaysia*. 9 November 2004.

Noraini Abdul Razak (2003). Bersedia Terima Padah - PM -- Negara Asing Diberi Amaran Jangan Berani Cabul Kebebasan Kita. *Utusan Malaysia*. 1 Januari.

Pelatih Ingkar Diserah Polis. *Utusan Malaysia*. 13 Julai 2006.

Pencerobohan Di Lahad Datu Pengajaran Berguna Kepada Malaysia-PM *Utusan Malaysia*. 12 Mac 2013

Projek 17 Kapal Meko 100 Diteruskan. *Utusan Malaysia*. 31 Julai 2011

Ramai Ibu Bapa Rayu Hantar Anak Ke PLKN. *Utusan Malaysia*. 2 Januari 2012

Runtuhan Premis Kediaman Berulang. *Utusan Malaysia*. 1 Januari 2003

Seven Al-Ma'unah Members Plead Guilty To Alternative Charge. *Utusan Malaysia*. 5 Disember 2000.

Singapura Buat Kereta Kebal Serba Canggih. *Berita Harian*. 29 April 2004.

Syed Akbar Ali (2003). Dasar Luar Ala Tentera Pengaruhi Singapura. *Berita Minggu*. 12 Januari.

INTERNET

Army's Future Land Operating Concept. Prepared By Head Modernisation And Strategic Planning - Army Australian Army Headquarters. Canberra. September 2009. hlm 57-65. Maklumat diakses daripada laman http://www.army.gov.au/~media/Army/Our%20future/Publications/Key/ACFLOC_2012%20main.pdf

Asliza Musa (2014). Kapal TLDM Alami Kebocoran. *Utusan Malaysia*. 19 November 2014 <http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/kapal-tldm-alami-kebocoran-1.26603>

Australian Industry Group Defence Council. *Australian Industry Group Annual Report 04/05*.

http://www.aigroup.com.au/portal/binary/com.epicentric.contentmanagement.servlet.ContentDeliveryServlet/LIVE_CONTENT/Policy%2520and%2520Representation/Submissions/General/2012/Ai_Group_Defence_White_Paper_Submission_February_2013_.pdf.

Bruce W. Bennett (2006). A Brief Analysis of the Republic of Korea's Defense Reform Plan. *Occasional Paper*. RAND. National Defense Research Institute. dari laman web http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/occasional_papers/2006/RAND_OP165.pdf

Building Australia's Defence Supply Capabilities. Main Report for the Defence Industry Workforce Strategy. *Skills Australia*. 2012. laman web http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&cad=rja&uact=8&ved=0CBwQFjAA&url=http%3A%2F%2Fwww.awpa.gov.au%2Fpublications%2Fdocuments%2FBuildingAustraliasDefenceSupplyCapabilities_260912.pdf&ei=q-aQVMrOKYKUuQTFkIH4CA&usg=AFQjCNFfPQGzTZneXRDCVFRUqMnuIssh0Q&bv m=bv.82001339,d.c2E

Chris Ritchie (2010). CPA Australia Defence Industry Conference. *Speech Notes For Chairman Vice Admiral*. 7 Disember. hlm 1-15. Maklumat diakses pada 11 Januari 2016 daripada https://www.asc.com.au/Documents/Speeches/CPA_Speech.doc

Chung-In Moon dan Jae-Ok Paek (2010) Defense Innovation And Industrialization In South Korea. *Policy Brief* No. 14. September. hlm 1-6. <http://igcc.ucsd.edu/assets/001/500879.pdf>

Enjin jet F-5E hilang: Dua termasuk sarjan TUDM didakwa hari ini. *Utusan Malaysia*. 6 Januari. 2020. Maklumat diakses pada 11 Disember 2014

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0106&pub=Utusan_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma_01.htm

Hamish Chitts (2008). Dollars from death: The arms industry in Australia. Bil 6. [http://directaction.org.au/issue6/dollars from death the arms industry in australia](http://directaction.org.au/issue6/dollars%20from%20death%20the%20arms%20industry%20in%20australia)

Hamzah H.A (2006). Pembangunan Pertahanan Malaysia–Satu Pendekatan Menyeluruh. *Perajurit*. Disember. Sila rujuk juga dalam laman <http://min-def.blogspot.com/2008/08/pembangunan-pertahanan-malaysia-satu.html>

<http://mdstp.com.my/home> Maklumat diakses pada 26 September 2014

[http://mides.mod.gov.my/phocadownloadpap/PDF/pekeliling/the defence industry blueprint.pdf](http://mides.mod.gov.my/phocadownloadpap/PDF/pekeliling/the_defence_industry_blueprint.pdf)

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=379&Itemid=133.

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=909&Itemid=236

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=910&Itemid=236

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=934&Itemid=239

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=897&Itemid=235

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=811&Itemid=232

http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=1501&Itemid=273

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130312/dn_54/Pencerobohan-di-Lahad-Datu-pengajaran-berguna-kepada-Malaysia---PM

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140703/dn_35/Dua-anggota-tentera-maut-dua-parah-kereta-perisai-dinaiki-terbabas

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140703/dn_35/Dua-anggota-tentera-maut-dua-parah-kereta-perisai-dinaiki-terbabas

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140820/dn_29/Jenazah-dua-anggota-tentera-diterbangkan-ke-Kuala-Lumpur-pagi-ini

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140820/dn_29/Jenazah-dua-anggota-tentera-diterbangkan-ke-Kuala-Lumpur-pagi-ini

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20141007/dn_02/Bot-tempur-yang-hilang-baru-diselenggara

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=1205&pub=utusan_express&sec=front_page&pg=fp_01.htm&arc=hive

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0101&pub=Utusan_Malaysia&sec=Laporan_Khas&pg=lk_02.htm

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=1109&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_02.htm

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0625&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0624&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0731&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_06.htm

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0113&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_21.htm

<http://www.airforce.gov.my/my-berita-induk/my-berita-utama/mesyuarat-majlis-industri-pertahanan-malaysia/> Maklumat diakses pada 26 September 2014

<http://www.airforce.gov.my/my-berita-induk/my-berita-utama/mesyuarat-majlis-industri-pertahanan-malaysia/> Maklumat diakses pada 26 September 2014

<http://www.asc.com.au/en/About-Us/Facilities/South-Australia/> Maklumat di akses pada 11 Disember 2014

http://www.baesystems.com/our-company-rzz/our-businesses/bae-systems-australia;baeSessionId=naVPELAD8yJBcm_hVdj2hnMr8VWLV1W7LTjB2Lczc0-9yqlwsoDC!1317467394?_afrLoop=787299367173000&_afrWindowMode=0&_afrWindowId=null#!%40%40%3F_afrWindowId%3Dnull%26_afrLoop%3D787299367173000%26_afrWindowMode%3D0%26_adf.ctrl-state%3Di9wzv593p_4 Maklumat di akses pada 11 Disember 2014

<http://www.bharian.com.my/articles/MDSTPmamputarikpelaburanRM15b/Article/>

<http://www.ceibs.edu/ase/Documents/china-europeForum/roh.htm>

http://www.defence.gov.au/adc/docs/publications2010/publcnsgeddes2004_300310_dependentselfreliance.pdf

http://www.defence.gov.au/adc/docs/publications2010/publcnsgeddes2003_300310_achievementofselfreliance.pdf

<http://www.defenseindustrydaily.com/australia-revisiting-defence-industrial-policy-02285/>
Maklumat di akses pada 11 Disember 2014

<http://www.globalsecurity.org/military/world/australia/adi.htm> Maklumat di akses pada 11 Disember 2014

<http://www.raytheon.com.au/> Maklumat di akses pada 11 Disember 2014

<http://www.raytheon.com.au/submarines/> Maklumat di akses pada 11 Disember 2014

http://www.stride.gov.my/alpha.2.0/index.php?option=com_content&view=article&id=39&Itemid=32&lang=en

<http://www.tradingeconomics.com/malaysia/military-expenditure-percent-of-central-government-expenditure-wb-data.html> Maklumat diakses pada 18 Disember 2014

<http://www.treasury.gov.my/pekeliling/arkib/pp082009.pdf>

<https://www.thalesgroup.com/en/careers/australia> Maklumat di akses pada 11 Disember 2014
Kuil Purba Milik Kemboja. *Utusan Malaysia*. 12 November 2013
http://www1.utusan.com.my/utusan/Luar_Negara/20131112/lu_06/Kuil-purba-milik-Kemboja

Lee Jong-sup (2005). *The ROK-U.S. Alliance and Self-Reliant Defense in the ROK*. Dalam Alexandre Y. Mansourov (Edt) *A Turning Point: Democratic Consolidation in the ROK and Strategic Readjustment in the US-ROK Alliance*. Honolulu Hawaii: Asia-Pacific Center for Security Studies.
<http://www.apcss.org/Publications/Edited%20Volumes/turningpoint/CH13.pdf>

Participatory Government Defence Policy 2003. The Ministry of National Defence. The Republic of Korea. 11 Julai 2003. hlm 31. <http://www-igcc.ucsd.edu/assets/001/502375.pdf>

Participatory Government Defence Policy 2003. Republic Of Korea: The Ministry Of National Defense mercury.ethz.ch/serviceengine/Files/.../SouthKorea2003main_eng.pdf

Sam Perlo Freeman, Elisabeth Sköns, Carina Solmirano And Helén Wilandh (2013) *Trends In World Military Expenditure, 2012*. SIPRI Fact Sheet. Stockholm International Peace Research Institute. April. Maklumat diakses pada 17 Januari 2016 https://www.scribd.com/fullscreen/135526032?access_key=key-2cjdrtzpd7ea5n4moxxr&allow_share=true&escape=false&view_mode=scroll

South Korea Military Strength- ranked 7 of 126. Diakses pada 17 Januari 2016 daripada laman http://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.asp?country_id=south-korea

Syed Akbar Ali (2003). Dasar Luar Ala Tentera Pengaruhi Singapura. *Berita Minggu*. 12 Januari.

Ucapan Dasar Dr. Tony Tan, Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Pertahanan Singapura Sempena Pelancaran Buku *Defending Singapore In 21st Century* Pada 15 Februari 2000. Untuk keterangan lanjut sila lihat dalam <Http://www.mindef.gov.sg/display.asp?number=81>

Zuridan Muhammad (2009a) Mempekasakan Daya Mobiliti TDM-Penggantian Kenderaan Berperisai. *Tempur*. Mac
http://officialsite.my/tempur/index.php?option=com_content&task=view&id=133&Itemid=103

LAMPIRAN 1

SENARAI RESPONDEN

Menteri Pertahanan

Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein

Panglima Angkatan Tentera (PAT)

Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin

Panglima Tentera Darat Malaysia (PTD)

Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor

Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (PTL)

Laksamana Dato' Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar

Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (PTU)

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali Bin Daud

Panglima Angkatan Bersama (PAB)

Jeneral Leftenan Jeneral Dato' Sri Ackbal Abdul Samad

Jeneral Kanan Tentera (Operasi)

Mejar Jeneral Dato' Hj Ibrahim Bin Hashim TUDM

Penasihat Ketenteraan (*Military Adviser*) Panglima Angkatan Tentera

Kolonel Dzulkarnain Ahmad adalah Penasihat Ketenteraan (*Military Adviser*) Panglima Angkatan Tentera

Pegawai Kanan Bahagian Dasar Pertahanan Kementerian Pertahanan

En. Sahipulhijaiman Sulaiman adalah Pegawai Tadbir Dan Diplomatik di Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan.

LAMPIRAN 2

SENARAI DOKUMEN RASMI KERAJAAN

Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (2009). Teks Rasmi Ucapan Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Dalam Mahsuri International Exhibition Centre, Langkawi Kedah. 2 December 2009.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat Diperolehi Daripada Teks Ucapan Rasmi Ucapan YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia Dalam Perhimpunan Bulanan Bagi Bulan Mei 2010. Di Padang Kawad Kem Kementerian Pertahanan Malaysia Pada 4 Mei 2010.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia (2009).Teks Rasmi Ucapan Y.B Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Menteri Pertahanan Malaysia Sempena Majlis Perasmian Penutupan PLKN Siri 6/2009 Di Kem PLKN Nilam Ehsan, Bidor, Perak . Pada 4 September 2009.

Dato' Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Maklumat Diperolehi Daripada Teks Rasmi Ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus 2009. Kementerian Pertahanan. 2009.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak, Menteri Pertahanan (2007). Maklumat diperolehi daripada Perutusan Rasmi Menteri Pertahanan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak dalam laporan rasmi *Laporan Tahunan 2007* Kementerian Pertahanan Malaysia. 2007.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak (2011). Teks Rasmi Ucapan Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia Reinforcing National Defence & Security: A Revisit. Dalam *MIDAS Conference, Strengthening Nation's Defence Security*. 13 September 2011.

Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad Timbalan Menteri Pertahanan (2009).Teks Rasmi Ucapan Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Datuk Dr. Hj Abdul Latiff Bin Ahmad. Sempena Majlis Penyampaian Diploma Kursus MTAT Siri 38/2009. Wisma Pertahanan pada 11 Disember 2009.

Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan (2009). Maklumat diperolehi dari Teks Rasmi Ucapan Timbalan Menteri Pertahanan Sempena Lawatan Kerja Ke Kem Sri Pantai, Mersing pada 26 Julai 2009.

Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB Timbalan Menteri Pertahanan Sempena Perasmian Sidang Komander Askar Wataniah Siri 19/2009 Bertempat Di Hotel Marriot Ioi Resort, Putrajaya pada 23 Mei 2009.

Dokumen edaran Nota Percakapan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mengenai “Dasar Pertahanan Negara *Executive Talk*” pada 18 Ogos 2014

Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera (2014). Maklumat Perutusan Rasmi Teks Rasmi Perutusan Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin. Di Acara Perbarisan Sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia ke-81. Di Dataran Panglima Tentera Darat. Kem Perdana Sungai Besi pada 17 September 2014.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin , Panglima Angkatan Tentera (2009). Maklumat diperolehi daripada Teks rasmi Perutusan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera (PAT) dalam Laporan rasmi Laporan Tahunan 2009 Kementerian Pertahanan Malaysia.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM (2009). Panglima Angkatan Tentera Ke-17. Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perintah Ulung Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM Panglima Angkatan Tentera Ke-17. 30 September 2009.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM, Panglima Angkatan Tentera (2009). Teks Rasmi Ucapan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM Dalam Majlis Di Perbarisan Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia Ke-76 Di Padang Kawat Kem Sungai Besi. 9 November 2009.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Pertahanan (2011). Teks Rasmi Ucapan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Pertahanan. Reinforcing National Defence And Security: A Revisit Through Blue Ocean Strategy. Dalam *MIDAS Conference, Strengthening Nation's Defence Security* pada 13 September 2011

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera (2011). Perutusan Rasmi Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin dalam laporan rasmi *Laporan Tahunan 2011* Kementerian Pertahanan Malaysia. 2011.

Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor Panglima Tentera Darat (2014) Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Darat (PTD) Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor. Di Acara Perbarisan Sambutan Hari Tentera Darat Malaysia ke-81. Dataran Pusat latihan Asas Tentera Darat, Port Dickson Negeri Sembilan. 1 Mac 2014.

Jeneral Tan Sri Rodzali Daud Panglima Tentera Udara (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Udara (PTU) Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM. Perutusan Hari Ulang Tahun TUDM ke-56 oleh Panglima Tentera Udara. 1 Jun 2014.

Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar, Panglima Tentera Laut (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Laut (PTL) Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar. Perutusan Panglima Tentera Laut Sempena Hari TLDM Ke-80 'TLDM Siaga Perairan Terpelihara'. 24 April 2014.

Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar, Panglima Tentera Laut (2014). Teks Rasmi Perutusan Panglima Tentera Laut (PTL) Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Bin Haji Jaafar. Dalam International Seapower Symposium Ke 21. "Enhancing Coalition Operations: The Challenges Of Global Naval Protocols And Communications" pada 17-19 September 2014.

Laporan Rasmi dalam Laporan Tahunan 2006 Kementerian Pertahanan Malaysia.

Laporan Rasmi Kementerian Pertahanan Bagi Tahun 2006. Kementerian Pertahanan Malaysia.

Laporan Rasmi *Laporan Tahunan 2009* Kementerian Pertahanan Malaysia. 2009.

Perutusan Rasmi Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia Dalam Laporan Rasmi Laporan Tahunan 2009 Kementerian Pertahanan Malaysia. 2009.

Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (2014). Teks Rasmi Ucaptama Y.Bhg PTL Sempena Hari Inovasi TLDM 2014. Kementerian Pertahanan pada 8 Mei 2014.

Y.B Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan (2014). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Perutusan YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Majlis Perutusan Menteri Pertahanan Tahun 2014. Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan pada 25 Februari 2014.

YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan Dalam Majlis Perasmian Defence Services Asia 2010. Kuala Lumpur. 18 April 2010.

YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Pertahanan (2010). Maklumat diperolehi daripada Teks Rasmi Ucapan YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri pertahanan Sempena Majlis Pelancaran Malaysian Institute Of Defence & Security (MiDAS). DI PWTC Kuala Lumpur Pada 21 April 2010.

LAMPIRAN 3

PANGLIMA ANGKATAN PERTAHANAN

JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI MOHD ZIN

Di Pejabat Panglima Angkatan Tentera, Markas Angkatan Tentera,
Kementerian Pertahanan Pada 12 Disember 2014



LAMPIRAN 4

PANGLIMA TENTERA DARAT

JENERAL TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI RAJA MOHAMED NOOR

Di Pejabat Panglima Tentera Darat, Markas Angkatan Tentera Darat, Kementerian
Pertahanan Pada 12 Disember 2014



LAMPIRAN 5

PANGLIMA TENTERA LAUT

LAKSAMANA TAN SRI ABDUL AZIZ JAAFAR

Di Pejabat Panglima Tentera Laut, Markas Angkatan Tentera Darat, Kementerian Pertahanan

Pada 12 Disember 2014



LAMPIRAN 6

PANGLIMA TENTERA UDARA

LEFTENAN JENERAL DATUK CHE AKMAR MOHD NOR

Di Pejabat Timbalan Panglima Tentera Udara, Markas Angkatan Tentera Udara,
Kementerian Pertahanan Pada 12 Disember 2014



LAMPIRAN 7

PANGLIMA ANGKATAN BERSAMA

LEFTENAN JENERAL DATO' SRI ACKBAL ABDUL SAMAD

Pejabat Panglima Angkatan Bersama, Markas Angkatan Bersama,
Kementerian Pertahanan Pada 12 Disember 2014



LAMPIRAN 8

BAHAGIAN DASAR PERTAHANAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK

EN. SAHIPULHIJAIMAN SULAIMAN.

Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Bagi Pihak Menteri Pertahanan. Pada 11 Oktober 2014.



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA)
WISMA PERTAHANAN
JALAN PADANG TENBAK
50034 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telukan : 03-8962 1333
Website : www.mod.gov.my

KP/DASAR/919/01 J12(B7)
5 Sept 2014

 Encik Mohamad Faisal Keling
Pensyarah
Jabatan Pengajian Antarabangsa
Kolej Undang – Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah

Tuan,

**MEMOHON DALAM MENJALANKAN SESI TEMUBUAL BAGI MENDAPATKAN
MAKLUMAT MENGENAI DASAR PERTAHANAN NEGARA BAGI KAJIAN PHD**

Dengan hormatnya saya dirah merujuk kepada surat tuan bertarikh 10 Ogos 2014
berhubung perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan bersedia bertemu
dengan tuan bagi menjalankan sesi temubual tersebut. Sehubungan itu, pohon tuan
mencadangkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan sesi temubual ini.

3. Tuan boleh menghubungi saya di talian 03-2071 8414 / sahipul@mod.gov.my
atau Encik Nazri bin Saidin di talian 03-2071 5667 / nazri.saidin@mod.gov.my bagi
menetapkan tarikh / masa sesi temubual.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

Saya yang menurut perintah,


(SAHIPULHIJAIMAN BIN SULAIMAN)
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan

s.k.:

SUB DPS
TSUB (DHA)

LAMPIRAN 9

MEJAR JENERAL DATO' HJ IBRAHIM HASHIM TUDM

Timbalan AKSPA. Bahagian Perkhidmatan Anggota,
Kementerian Pertahanan Pada 26 September 2014



KOLONEL DZULKARNAIN AHMAD

Penasihat Ketenteraan Bagi Pihak Panglima Angkatan Tentera Jeneral
Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Mohd Zin

